PROGRAM
TRANSFORMASI EKONOMI



JABATAN PERDANA MENTERI



Kandungan

2 **Perutusan daripada Perdana Menteri**

4 **Perutusan daripada Timbalan Perdana Menteri**

6 **Tinjauan ETP Tahun 2013**

15 **Kaedah PEMANDU Dalam Menerajui Transformasi**

18 **Pencapaian ETP**

20 **Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA)**

22 Greater Kuala Lumpur/Klang Valley
44 Minyak, Gas dan Tenaga
62 Perkhidmatan Kewangan
80 Pemborongan dan Peruncitan
98 Minyak Sawit dan Getah
118 Pelancongan
138 Elektrikal dan Elektronik
162 Perkhidmatan Perniagaan
180 Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi
200 Pendidikan
226 Pertanian
250 Penjagaan Kesihatan

276 **Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI)**

278 Persaingan, Standard dan Liberalisasi
292 Pembaharuan Kewangan Awam
300 Penyampaian Perkhidmatan Awam
306 Merapatkan Jurang Ketaksamaan
314 Mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan
318 Pembangunan Modal Insan

336 **Laporan Tatacara Yang Dipersetujui oleh PwC**

337 **Kad Skor ETP**

Lampiran

338 Senarai Projek Permulaan dan Peluang Perniagaan
345 Glosari Istilah

PERUTUSAN DARIPADA PERDANA MENTERI



2013 sesungguhnya merupakan tahun yang amat mencabar tetapi juga penuh bermakna bagi ekonomi Malaysia, memandangkan kita terus berdepan dengan cabaran yang ditampilkan oleh kemelut dan situasi ekonomi global. Berlatarkan perkembangan ini, saya berbesar hati mengambil kesempatan ini untuk berkongsi keberhasilan yang diraih oleh Program Transformasi Ekonomi (ETP) pada tahun 2013 selain kemajuan yang telah dicapai semenjak tahun 2010.

Kemajuan ini merupakan hasil momentum kukuh ETP sepanjang tiga tahun lalu, iaitu momentum yang dipertahankan sekali lagi pada tahun 2013 sekali gus membantu ekonomi Malaysia mencapai pertumbuhan KDNK sebanyak 4.7 peratus pada tahun 2013. Kejayaan ini diraih dalam situasi negara berdepan persekitaran luar yang masih tidak menentu walaupun terdapat tanda-tanda pemulihan ekonomi secara beransur-ansur sejak kemelesetan kewangan dunia pada tahun 2008/2009.

Perlu diingat bahawa ETP dirumuskan bukan sahaja untuk membantu Malaysia mencapai cita-citanya untuk memperoleh status negara maju pada tahun 2020, tetapi juga sebagai tindak balas terhadap peralihan dalam orde ekonomi global. Hal ini menuntut kita memikirkan semula strategi untuk mencapai pertumbuhan demi memastikan kemampanan model ekonomi yang mampu memerkasakan daya saing negara pada peringkat global.

Oleh hal yang demikian, ETP menggabungkan dua komponen. Pertama, 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang akan memfokuskan pertumbuhan ekonomi dan kedua, enam Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) yang merangkumi dasar dan prosedur yang dilaksanakan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang berdaya saing dan dinamik.

Gabungan komponen ini disasarkan untuk melonjakkan PNK per kapita Malaysia kepada US$15,000, mencipta 3.3 juta peluang pekerjaan baharu dan menarik pelaburan berjumlah US$444 bilion menjelang tahun 2020.

Sejak tahun 2010, sebanyak 196 projek-projek telah dilancarkan di bawah NKEA, mencakupi sejumlah RM219.3 bilion pelaburan komited. Ini seterusnya dijangka mampu menjana RM144 bilion dalam PNK dan mencipta 437,816 peluang pekerjaan baharu.

Pada tahun 2013 sahaja, ETP menyumbang RM7.4 bilion kepada PNK, mencipta 29,373 peluang pekerjaan baharu dan memacu pelaburan bernilai RM8 bilion. Kesemua aktiviti ini telah meningkatkan PNK per kapita negara kepada US$10,060 pada tahun 2013.

Akan tetapi, angka-angka ini hanyalah sebahagian daripada kisah perjalanan transformasi negara kita. Apa yang lebih menggembirakan saya tentang ETP ialah keupayaannya untuk mempertingkatkan mutu kehidupan rakyat, sama ada menerusi projek yang memfokuskan penambahbaikan masyarakat setempat atau prakarsa berskala besar seperti pembinaan sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (*Mass Rapid Transit*, MRT) yang dilaksanakan di bawah NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley.

Projek-projek ini dilaksanakan berteraskan potensinya untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi kepada rakyat, menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan merangsang kesan limpahan di seluruh ekonomi negara.

ETP turut mengorak pencapaian besar dalam menyokong pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang merupakan tulang belakang ekonomi negara. Misalnya, NKEA Elektrik dan Elektronik telah melaksanakan pelbagai langkah untuk mempertingkatkan kemampuan dan keupayaan PKS, menggalakkan PKS supaya mengambil bahagian dalam aktiviti bernilai tinggi selain menghasilkan produk berkualiti lebih tinggi yang memenuhi keperluan standard antarabangsa.

> Perlu diingat bahawa ETP dirumuskan bukan sahaja untuk membantu Malaysia mencapai cita-citanya untuk memperoleh status negara maju pada tahun 2020, tetapi juga sebagai tindak balas terhadap peralihan dalam orde ekonomi global.

Transformasi Malaysia untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi turut bergantung pada keupayaan Kerajaan untuk membuktikan daya tahan fiskalnya, seperti yang dilaksanakan untuk pertumbuhan ekonomi.

Dalam konteks ini, SRI Pembaharuan Kewangan Awam telah memainkan peranan penting dalam melaksanakan komponen yang diperlukan oleh Kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskalnya. Langkah ini termasuklah mengurus pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax*, GST) yang merupakan peralihan ke arah struktur hasil bagi sebuah ekonomi maju yang akan membolehkan kutipan cukai yang lebih cekap daripada asas cukai yang lebih meluas.

Menerusi SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi, ETP juga memainkan peranan yang penting dalam menyokong daya saing negara pada peringkat global. Ini dicapai melalui pelaksanaan langkah berterusan bagi memastikan pasaran yang adil dan berdaya saing, mempertingkatkan kualiti dan standard produk dan perkhidmatan Malaysia selain meliberalisasikan subsektor perkhidmatan tertentu untuk menarik pelaburan asing yang berupaya membantu mengukuhkan kepakaran kita dalam industri kebitaraan. Langkah-langkah tersebut nyata sudah membuahkan hasil: dalam Indeks "Mudah Menjalankan Perniagaan 2014" Bank Dunia, Malaysia mengekalkan kedudukannya di tangga sepuluh negara teratas pada tahun 2013 dan 2014, pada kedudukan ke-8 dan ke-6 masing-masing.

Mengimbas kembali pencapaian ini, saya yakin bahawa kita kini berada pada landasan yang kukuh untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, malah beberapa penunjuk memberikan gambaran bahawa sekiranya tidak ada aral melintang, kita mampu mencapai cita-cita ini lebih awal daripada yang dijangkakan. Justeru, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada semua pihak berkepentingan yang telah menyokong matlamat ini, terutamanya penjawat awam yang bekerja tanpa mengenal penat dan lelah untuk membantu merealisasikan impian negara. Saya juga merakamkan penghargaan yang setulusnya kepada sektor swasta yang telah memberikan kerjasama yang padu dalam perjalanan transformasi negara ini.

Namun, saya ingin menegaskan di sini bahawa masih banyak yang perlu kita lakukan lagi pada tahun-tahun yang akan datang. Memandangkan tahun 2020 akan menjelang tidak lama lagi, kita mestilah mengekalkan momentum yang telah kita garap sejauh ini dan memastikan kita terus berada pada landasan ekonomi yang tepat. Dengan kerjasama berterusan oleh semua pihak berkepentingan, sesungguhnya saya amat yakin kita semakin hampir mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh Wawasan 2020: status negara maju.



YANG AMAT BERHORMAT
DATO' SRI MOHD NAJIB TUN HJ. ABDUL RAZAK
Perdana Menteri Malaysia

PERUTUSAN DARIPADA TIMBALAN PERDANA MENTERI



Selaku Pengerusi Pasukan Petugas Penyampaian (DTF) Program Transformasi Kerajaan (GTP), saya berbesar hati untuk menyatakan bahawa Program Transformasi Ekonomi (ETP) terus berada di landasan yang kukuh untuk memenuhi matlamat negara pada tahun 2020.

Di bawah naungan Program Transformasi Negara, ETP dan GTP telah diperkenalkan untuk saling melengkapi antara satu sama lain, dengan satu matlamat untuk membawa Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Transformasi ekonomi memfokuskan secara langsung prakarsa-prakarsa yang dapat meningkatkan pendapatan rakyat menerusi peluang yang lebih banyak, sekali gus mencipta persekitaran yang lebih kondusif untuk perniagaan dan keusahawanan berkembang maju. Fokus transformasi kerajaan pula lebih ke arah mempertingkatkan perkhidmatan penyampaian awam yang lebih berkesan. Oleh hal yang demikian, Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah GTP diperkenalkan untuk memastikan Malaysia mempunyai sumber manusia, perkhidmatan dan infrastruktur yang terbaik dalam peralihan kepada status negara berpendapatan tinggi.

Hubungan bersinergi di antara ETP dengan GTP dapat dilihat menerusi beberapa inisiatif. Misalnya, dalam sektor Pendidikan, antara usaha NKEA Pendidikan termasuklah menambah bilangan pusat penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak swasta melalui galakan pertumbuhan industri, adalah selaras dengan NKRA Pendidikan di bawah GTP untuk meningkatkan kadar enrolmen prasekolah di Malaysia kepada 97 peratus menjelang tahun 2020.

Sebagai Menteri Pendidikan, saya berbesar hati dengan langkah-langkah proaktif yang dilaksanakan oleh NKEA dan NKRA Pendidikan untuk melahirkan insan cemerlang dan berbakat yang mampu memberikan sumbangan secara positif terhadap matlamat pembangunan menjelang tahun 2020 dan seterusnya memastikan kejayaan masa depan negara.

Sambil kita menyaksikan tirai tahun ketiga Program Transformasi Negara dilabuhkan, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk menegaskan bahawa sebagaimana ETP, GTP juga berbaki tujuh tahun sahaja lagi sebelum tarikh akhir tahun 2020 untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Meskipun banyak kemajuan yang telah dicapai, laluan pada masa mendatang akan senantiasa dipenuhi ranjau serta cabaran. Justeru itu, kita perlu terus mengekalkan iltizam kita untuk terus mencetuskan perubahan, dan memastikan perubahan ini mampu dipertahankan untuk generasi yang seterusnya.

> Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada rakyat Malaysia yang merupakan tumpuan utama kami dalam melaksanakan ETP dan GTP, atas sokongan dan penyertaan mereka ketika agenda transformasi ini dijalankan.

Menyedari hakikat ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada sektor perkhidmatan awam yang memacu perubahan ini bukan sahaja di dalam Kerajaan, bahkan juga di seluruh sektor ekonomi secara amnya. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada rakyat Malaysia yang merupakan tumpuan utama kami dalam melaksanakan ETP dan GTP, atas sokongan dan penyertaan mereka ketika agenda transformasi ini dijalankan.

ETP dan GTP secara kolektifnya menyasarkan untuk mencapai perubahan sosioekonomi yang menyeluruh kepada rakyat Malaysia. Besarlah harapan saya agar kita terus berganding bahu demi merealisasikan cita-cita untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sekiranya kita mampu untuk terus melayari bahtera perjuangan ini selain mengekalkan momentum yang telah dicapai sepanjang tiga tahun yang lepas, saya amat yakin bahawa kita akan berjaya menjadikan Wawasan 2020 suatu kenyataan.



YANG AMAT BERHORMAT
TAN SRI DATO' HJ. MUHYIDDIN MOHD YASSIN
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

TINJAUAN ETP TAHUN 2013

Setelah tiga tahun Program Transformasi Ekonomi (ETP) dilancarkan, kami berbesar hati membentangkan laporan kemajuan yang telah berjaya dicapai sehingga tahun 2013.



SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR

Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Unit Perancangan Ekonomi

Ekonomi Malaysia terus berkembang pada tahun 2013 meskipun berdepan ketidaktentuan luaran antaranya disebabkan ketidakstabilan aliran modal, pemulihan ekonomi global yang lemah dan penguncupan ekonomi maju utama. Pada tahun 2013, ekonomi kita mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 4.7 peratus, sekali gus mencapai unjuran pertumbuhan, iaitu antara 4.5-5 peratus[1].

Sebahagian besar daya tahan ekonomi dipacu oleh pelaburan sektor swasta yang mencakupi hampir 60.9 peratus[2] daripada jumlah pelaburan. Menjelang tahun 2020, sektor swasta dijangka terus memainkan peranannya dalam mendorong pertumbuhan ekonomi negara, sejajar dengan objektif utama ETP, iaitu menjadikan sektor swasta sebagai peneraju ekonomi negara.

Pelaburan yang memberangsangkan telah berjaya merangsang penciptaan peluang pekerjaan dengan pengambilan kerja yang meningkat 17.81 peratus sejak ETP dilancarkan (bermula dari Suku Pertama Tahun 2010 sehingga Suku Keempat Tahun 2013 (setakat November 2013)). Ini jelas menunjukkan bahawa usaha yang kita laksanakan berada pada landasan yang betul ke arah mencapai 3.3 juta peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Momentum berterusan dalam pelaburan sektor swasta dan penciptaan peluang pekerjaan diterjemahkan dalam pertumbuhan Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita pada tahun 2013[3], yang telah meningkat kepada US$10,060 daripada US$7,059 pada tahun 2009.

Di sebalik maklumat dan perincian yang dipaparkan ini, ETP telah berusaha keras untuk memperkukuh struktur ekonomi kita berlandaskan model yang lebih berdaya tahan, mampan dan berdaya saing pada peringkat global. Fokus kita sekarang adalah untuk kekal berada pada laluan yang betul ke arah mewujudkan ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Justeru kita perlu maklum bahawa masih banyak usaha yang perlu dilakukan sebelum kita berjaya mencapai matlamat ini.

Program Transformasi Negara: Asas Pertumbuhan

ETP mewakili satu komponen dalam Program Transformasi Negara (NTP) yang direka untuk melonjakkan Malaysia ke arah status negara berpendapatan tinggi. NTP melambangkan pelaksanaan Model Ekonomi Baru Malaysia yang ideanya dicetuskan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak dan dirumuskan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara pada tahun 2010 sebagai respons kepada krisis kewangan 2008/2009 dan implikasinya terhadap daya saing negara pada masa akan datang dalam melalui era globalisasi yang pesat.

Seiring dengan pembaharuan sosioekonomi yang disasarkan oleh ETP, NTP turut mencakupi pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang merangkumi transformasi perkhidmatan awam yang penting dalam mendukung aspirasi negara berpendapatan tinggi.

Meskipun mewakili dua program transformasi yang berbeza, ETP dan GTP saling melengkapi dan sinergis untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dengan cara yang mampan dan menyeluruh. Justeru, NTP direka untuk merangsang pembangunan seimbang di seluruh negara selain memastikan rangkuman dan kelestarian. Program ini berteraskan model pertumbuhan ekonomi mampan yang direka agar mampu bertahan selepas tahun 2020.

Perlu juga diambil maklum bahawa program ini telah menetapkan sasaran dan keberhasilan yang boleh dikenal pasti melalui peruntukan sumber yang jelas. Di samping itu, NTP mengambil kira aspek sosial yang menyokong pencapaian matlamat kita seperti kualiti kehidupan, kos sara hidup, keselamatan orang ramai dan nilai-nilai sosial.



SENATOR DATO' SRI IDRIS JALA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
CEO, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU)

Program Transformasi Ekonomi: Mencapai Status Negara Berpendapatan Tinggi melalui Fokus dan Daya Saing

ETP adalah berteraskan dua tunggak, iaitu fokus dan daya saing, yang terangkum masing-masing dalam 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Area*, NKEA) dan enam Inisiatif Pembaharuan Strategik (*Strategic Reform Initiatives*, SRI). NKEA mewakili industri terpilih; kelompok pertumbuhan terfokus yang dipilih berdasarkan kelebihan daya saing sedia ada dengan kepakaran dan sumber unik Malaysia. Meskipun industri yang tidak diklasifikasikan sebagai NKEA tidak terkecuali daripada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, 12 NKEA ini mewakili bidang keutamaan kita.

Untuk memastikan Malaysia terus mengukuhkan daya saing pada peringkat global, SRI merangkumi langkah-langkah bagi menghasilkan keadaan yang kondusif untuk menjalankan perniagaan. Justeru, sektor swasta merupakan penggerak utama dalam pembaharuan penting yang disasarkan untuk menarik pelaburan swasta dan meningkatkan daya saing syarikat-syarikat Malaysia, di dalam dan di luar negara.

Matlamat ETP adalah untuk meningkatkan PNK per kapita Malaysia kepada US$15,000, mencipta 3.3 juta peluang pekerjaan dan memperoleh US$444 bilion dalam pelaburan menjelang tahun 2020. Sasaran kita bagi PNK adalah berdasarkan ambang PNK per kapita Bank Dunia bagi ekonomi berpendapatan tinggi, iaitu US$12,276[4], di samping mengambil kira angka penanda aras inflasi global lampau Bank Dunia, iaitu 2 peratus sehingga tahun 2020.

Untuk mencapai tahap pelaburan swasta yang ditetapkan, ETP menyasarkan untuk memperhebat penglibatan sektor swasta dalam ekonomi. Ini dapat dicapai menerusi pelaksanaan Projek Permulaan (EPP) di bawah NKEA yang dipacu oleh sektor swasta.

Menerusi langkah-langkah ini, pelaburan swasta disasarkan mencakupi 92 peratus daripada jumlah pelaburan Malaysia, sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi. Perbelanjaan awam, yang mencakupi baki daripada jumlah pelaburan, akan memfokuskan projek pemangkin seperti Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT), Sungai Nadi Kehidupan (RoL) dan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC).


Pendekatan ini, yang meletakkan sektor swasta sebagai pemacu jentera pertumbuhan utama, dengan Kerajaan sebagai pendorong, direka bentuk untuk mewujudkan kesan berganda lebih luas yang bukan hanya akan merangsang 12 NKEA, malah turut mendorong peluang pertumbuhan dalam seluruh ekonomi Malaysia.

[1] *Unjuran pertumbuhan KDNK daripada Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan (MOF) 2013-2014*
[2] *Laporan KDNK Suku Ketiga Tahun 2013 Jabatan Perangkaan (DOS)*
[3] *Sumber: Bank Negara Malaysia*
[4] *Angka ambang pendapatan tinggi Bank Dunia bagi tahun 2009*

Pertumbuhan KDNK Yang Memberangsangkan


% Pertumbuhan KDNK Sebenar (YoY)

Sumber: Bank Negara Malaysia



Berlandasan Tepat Untuk Mencapai Sasaran PNK Bagi Tahun 2020

Sumber: PNK per kapita berjumlah RM30,809 daripada Jabatan Perangkaan (DOS)



Sistem Perakaunan Negara (SNA) 2008 ("rebased" pada 2012)

SNA 1993 perangkaan untuk tahun 2009-2011
SNA 2009 perangkaan untuk tahun 2012-2013

ETP Kini 3 Tahun: 10 Penunjuk Kejayaan

Tahun 2013 merupakan peristiwa penting kerana pada tahun ini genap tiga tahun sejak ETP dilancarkan. Pengukuran dan pengesahan pihak luar untuk pencapaian KPI sebelum dan selepas pengenalan program ini jelas menunjukkan bahawa kita telah berjaya meraih pencapaian besar ke arah mencapai matlamat kita bagi tahun 2020.

Keberhasilan yang kita peroleh sepanjang tiga tahun lalu menunjukkan keberkesanan ETP dalam memacu kelestarian dan daya tahan ekonomi.

1 NKEA dan SRI kekal fokus

Sejak pelancaran ETP pada tahun 2010, kita telah mewujudkan 196 projek-projek di bawah NKEA dengan jumlah pelaburan yang dijanjikan bernilai RM219.3 bilion. Angka ini diunjurkan akan menyumbang RM144 bilion kepada PNK dan mewujudkan 437,816 peluang pekerjaan baharu. Sepanjang tiga tahun lalu, faktor-faktor dalam NKEA telah menghasilkan sejumlah 1.3 juta peluang pekerjaan tambahan[5].

SRI turut memainkan peranan dalam memangkinkan aktiviti perniagaan. Antara pembaharuan penting yang diperkenalkan oleh SRI termasuklah transformasi sektor awam yang telah melakar laluan bagi rasionalisasi 50 peratus lesen perniagaan dan memudahkan proses menjalankan perniagaan di Malaysia.

Pada 1 Januari 2012, kita telah menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 dengan objektif utama untuk memupuk semangat berdaya saing dalam sektor swasta. Kerajaan turut mengumumkan liberalisasi 18 subsektor untuk meningkatkan lagi persaingan dalam ekonomi Malaysia dan memastikan syarikat-syarikat mampu bersaing di persada global.

2 Pertumbuhan berterusan dalam PNK

PNK per kapita semakin meningkat daripada US$7,059 pada tahun 2009 kepada US$10,060[6] pada tahun 2013, iaitu pertumbuhan 42.5[7] peratus dalam tempoh tersebut. Berdasarkan unjuran pertumbuhan ini, dan sekiranya tidak berlaku gangguan di luar jangka, kita dapat melaporkan bahawa Malaysia bukan hanya akan mencapai sasaran status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, malah kita mungkin boleh mencapai matlamat ini lebih awal daripada yang dirancang.

3 KDNK berkembang pada kadar kukuh

Meskipun pasaran membangun masih dilanda ketidaktentuan sekali gus menyebabkan kesan riak di seluruh ekonomi global, pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan. Ini terbukti dengan pengembangan berterusan KDNK negara ini yang meningkat 4.7 peratus pada tahun 2013.


Kita turut menyaksikan struktur ekonomi berubah daripada ekonomi yang dipacu terutamanya oleh sektor awam kepada ekonomi yang dijana aktiviti sektor swasta. Lebih penting lagi, pengembangan ekonomi yang berterusan membuktikan keberkesanan model kemampanan ETP, bukan hanya dari perspektif alam sekitar, malah dalam pengurusan perbelanjaan Kerajaan.

4 Perolehan Kerajaan kian meningkat

Kerajaan telah melaksanakan prakarsa yang besar untuk beralih kepada struktur perolehan yang bersesuaian dengan ekonomi berpendapatan tinggi. Dalam hal ini, kita telah mengambil langkah hebat untuk meningkatkan kecekapan pungutan cukai dan memperluas asas cukai. Langkah-langkah ini penting bagi membolehkan kita mentadbir program sosioekonomi yang disasarkan untuk mempromosikan rangkuman ekonomi. Sejak tahun 2010, perolehan Kerajaan telah meningkat 38.1 peratus kepada RM220.4 bilion[8].

Pengurangan Defisit Fiskal


Sebagai Peratusan KDNK (%)
*Sasaran 2015 Mengikut Pelan Malaysia ke-10



Pelaburan Swasta Dipercepatkan Pasca-ETP

Harga (RM bil)

Sumber: Jabatan Perangkaan (DOS)



5 Defisit fiskal kian berkurangan

Seiring dengan peningkatan perolehan Kerajaan, kita juga telah mencatat prestasi memberangsangkan dalam mengurangkan defisit fiskal. Daripada 6.6 peratus KDNK pada tahun 2009 kepada 4 peratus pada tahun 2013[9], kita berada pada sasaran untuk mengurangkan lagi defisit fiskal kepada 3 peratus pada tahun 2015 dan mencapai bajet seimbang menjelang tahun 2020.

Satu aspek penting dalam mengurangkan defisit fiskal ialah pengurusan perbelanjaan Kerajaan secara lebih berhemat. Sejajar dengan ini, Kerajaan telah melaksanakan rasionalisasi subsidi berfasa untuk memastikan pendekatan yang lebih terfokus dalam memberikan bantuan kewangan. Usaha mengurangkan defisit fiskal amat penting dalam mengekalkan penarafan kredit Malaysia yang sihat. Paras defisit yang tinggi boleh menyebabkan penurunan penarafan kredit negara, sekali gus mengakibatkan hutang kerajaan lebih mahal selain implikasi buruk ke atas ekonomi negara.

Kita telah mengambil iktibar dari negara-negara yang telah menolak pembaharuan fiskal sehingga menyebabkan kelembapan ekonomi mereka berada di tahap bahaya. Sebaliknya, kita mengambil tindakan berdisiplin untuk mengembangkan ekonomi Malaysia seiring dengan pelaksanaan pembaharuan fiskal, dengan mengambil langkah untuk memastikan kita tidak terjerumus ke dalam perangkap yang sama. Pada masa ini, Kerajaan perlu mengekalkan kejelasan dan terus fokus untuk mengurangkan defisit; meluaskan asas perolehan dan mengoptimumkan perbelanjaan. Ini akan memastikan kita dapat terus membantu meringankan beban rakyat dengan cara yang lebih adil dan mampan.

6 Penggunaan awam yang utuh

Kejayaan ETP dalam meningkatkan pendapatan rakyat dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan telah diterjemahkan dalam pertumbuhan berterusan penggunaan swasta dalam negeri yang kini mencakupi 51.2 peratus[10] KDNK. Pada tahun 2013, peningkatan keyakinan pengguna terhadap pembaharuan Kerajaan telah menyumbang kepada kenaikan 7.6 peratus dalam penggunaan swasta[11], berbanding dengan 6.9 peratus pada tahun 2010.

7 Aktiviti pasaran modal yang berdaya maju

FTSE-KLCI mencatat paras tertinggi dalam sejarah sebanyak 66 kali sejak tiga tahun lalu, sekali gus membuktikan kedinamikan aktiviti pasaran modal negara dan keyakinan pelabur yang kukuh dalam pasaran saham Malaysia. Pada tahun 2013, pasaran saham mencapai paras tertinggi pada 1,873 mata[12].

8 Pertumbuhan pelaburan yang kukuh

Lanjutan daripada kedinamikan pasaran modal kita, Malaysia turut menikmati peningkatan pelaburan sepanjang tiga tahun yang lalu. Paling membanggakan kenaikan kukuh pelaburan swasta tiga kali ganda kepada 15.3[13] peratus bagi tempoh antara 2010 dan 2013, berbanding dengan 4.7 peratus antara 2008 dan 2010, lantas memberikan CAGR (Kadar Pertumbuhan Tahunan yang Dikompaunkan) sebanyak tiga kali ganda susulan pelaksanaan ETP. Selain itu, pelaburan swasta pada 2013 mencecah RM161.12[14] bilion, melepasi sasaran awal yang ditetapkan pada RM148.4 bilion setinggi 8.6 peratus

[5] Berdasarkan pengambilan tenaga kerja oleh NKEA daripada DOS. Sehingga Suku Ketiga Tahun 2013, peluang pekerjaan dalam sektor NKEA berjumlah 8.561 juta, pada tahun 2010 sebanyak 7.232 juta, iaitu peningkatan 1.329 juta

[6] PNK per kapita menggunakan SNA 2008

[7] Menggunakan SNA 2008. Pertumbuhan adalah pada kadar 50 peratus jika dihitung menggunakan perangkaan SNA 1993 bagi PNK dari 2009 hingga 2011 (susulan pelancaran ETP). Bermula 2014, PEMANDU menggunakan SNA 2008 sebagai titik rujukan bagi sebarang pengiraan berkaitan PNK

[8] Ramalan berdasarkan laporan ekonomi Kementerian Kewangan (MOF) 2013/2014, setakat 31 Okt 2013

[9] Berdasarkan anggaran Kementerian Kewangan (MOF)

[10] Laporan Jabatan Perangkaan (DOS) bagi KDNK untuk Suku Keempat Tahun 2013

[11] Laporan Jabatan Perangkaan (DOS) bagi KDNK untuk Suku Keempat Tahun 2013

[12] Ditutup tinggi sebagaimana yang dilaporkan oleh Bloomberg pada 30 Dis 2013

[13] Sumber: Jabatan Perangkaan (DOS), "Private Investment in Constant 2005 Prices in RM"

[14] Sumber: Jabatan Perangkaan (DOS), "Private Investment in Current Prices in RM"

Meskipun pelaburan swasta menjadi penggerak utama pelaburan negara pada masa lalu dan sekarang, pelaburan awam kekal menjadi bahagian penting dalam pembangunan ekonomi. Justeru, Kerajaan akan terus menyediakan infrastruktur asas seperti jalan raya dan utiliti untuk membuka laluan kepada pelaburan sektor swasta.

Hal ini jelas dilihat dalam pentadbiran bagi lima Koridor Ekonomi Wilayah di Malaysia, iaitu Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Koridor Tenaga yang Boleh Dibaharui Sarawak dan Koridor Pembangunan Ekonomi Sabah. Dalam kesemua koridor ini, Kerajaan telah membuka zon ekonomi dan menyediakan infrastruktur serta kemudahan yang dapat dimanfaatkan oleh sektor swasta untuk menyuntik pelaburan swasta yang besar.

Berasaskan pelaburan Kerajaan dalam Koridor Ekonomi Wilayah dan projek pemangkin yang lain, pelaburan awam berjumlah RM105.5 juta pada tahun 2013. Ini mencakupi 39.1 peratus daripada jumlah pelaburan pada tahun 2013.

9

Pengiktirafan global

Kemajuan transformasi Malaysia mendapat perhatian pada peringkat global apabila agensi global bebas terus mengiktiraf penambahbaikan yang telah kita laksanakan. Selama dua tahun berturut-turut, kita telah diiktiraf apabila menduduki sepuluh tangga teratas dalam Indeks "Mudah Menjalankan Perniagaan" Bank Dunia[15], yakni di tangga ke-6 pada tahun 2014 dan ke-8 pada tahun 2013. Kejayaan ini bererti kita sudah mendahului negara-negara yang berstatus ekonomi maju, seperti United Kingdom yang menduduki tangga ke-10 pada tahun 2014, dan ke-11 pada tahun 2013. Indeks ini juga menunjukkan bagaimana kita telah menambah baik landskap perniagaan dengan begitu hebat sejak permulaan ETP yang terserlah menerusi kedudukan kita di tangga ke-18 pada tahun 2012, tangga ke-21 pada tahun 2011 dan tangga ke-23 pada tahun 2010.

10

Keberhasilan KPI yang memberangsangkan

Sebagai program yang berorientasikan matlamat, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) ETP merupakan kayu ukur penting bagi pencapaiannya. Pada tahun 2013, keberhasilan KPI keseluruhan bagi NKEA menepati sasaran dengan purata pencapaian 102 peratus sementara SRI mencatat pencapaian KPI 95 peratus. Sejajar dengan penekanan ETP terhadap ketelusan dan akauntabiliti, pencapaian KPI telah disahkan oleh firma audit global PricewaterhouseCoopers (PwC).

[15] *Kedudukan Malaysia pada tahun 2013 telah meningkat dari tempat ke-8 dari tempat ke-12 bagi mencerminkan topik-topik yang digunakan dan pembetulan data bagi keseluruhan indeks 2013*

Mengekalkan Fokus menerusi NKEA

Dua belas NKEA ETP terus mencatat keberhasilan yang memberangsangkan pada tahun 2013, sekali gus membuktikan fokus berterusan dalam meningkatkan keupayaan kita, kelebihan daya saing dan peningkatan rantaian nilai dalam industri-industri ini. Berikut ialah ringkasan aktiviti setiap NKEA bagi tahun 2013. Pelaporan KPI, sasaran dan pencapaian setiap NKEA diperincikan dalam bab NKEA masing-masing dalam laporan ini.

Greater Kuala Lumpur/Klang Valley

NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (GKL/KV) lebih unik berbanding NKEA lain kerana inisiatifnya ditetapkan secara geografi dengan matlamat untuk membangunkan kawasan ini sebagai pusat aktiviti komersial Malaysia. Justeru, NKEA ini akan mentransformasikan ibu negara menjadi sebuah kota bertaraf dunia dan hab ekonomi yang kompetitif pada peringkat global, dengan memfokuskan usaha membangunkan elemen yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan menaikkan taraf daya huni di kawasan ini.

Antara pencapaian penting NKEA pada tahun 2013 termasuklah kejayaan InvestKL menarik 15 syarikat multinasional (MNC) dari Amerika Utara, Eropah dan Asia untuk menempatkan pejabat serantau di Greater KL, iaitu melebihi sasaran sebanyak 10 syarikat multinasional (MNC) bagi tahun 2013. Projek MRT turut melepasi sasaran dengan penyempurnaan tapak laluan pandu bertingkat dan penggalian stesen bawah tanah, sementara projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL) menyaksikan kesemua 13 aktiviti penting yang terangkum di bawah inisiatif pembersihan sungai dilaksanakan mengikut jadual. Pencapaian selanjutnya bagi NKEA 2013 termasuklah penanaman 36,246 pokok di bawah EPP Penghijauan KL yang menyasarkan penambahan ruang hijau di kota raya.

Minyak, Gas dan Tenaga

Memfokuskan pengembangan segmen hiliran, peningkatan pengeluaran tempatan dan penerokaan sumber tenaga boleh baharu, NKEA Minyak, Gas dan Tenaga (OGE) menyaksikan pelbagai aktiviti pada tahun 2013. Ini termasuklah perkongsian bermakna antara firma tempatan dengan syarikat global untuk menggalakkan pemindahan teknologi dan penemuan lebih banyak rizab minyak dan gas.

Salah satu pencapaian paling besar pada tahun 2013 bagi NKEA ini ialah pelancaran operasi di Terminal Pengegasan Semula Gas Asli Cecair (LNG) PETRONAS di Sungai Udang, Melaka. Susulan pelancaran ini, terminal telah menyalurkan kargo import gas asli cecair yang pertama ke talian paip gas Malaysia.

NKEA ini turut menyaksikan penubuhan subsidiari PETRONAS, Vestigo, sebagai sebahagian usaha untuk membina keupayaan khusus dalam membangunkan dan mengekstrak minyak dari medan minyak yang kecil dan tidak penting.

Perkhidmatan Kewangan

NKEA Perkhidmatan Kewangan merupakan tulang belakang ekonomi Malaysia dan memfokuskan pembangunan sistem kewangan negara sejajar dengan keperluan negara berpendapatan tinggi.

Antara pencapaian penting bagi NKEA ini pada tahun 2013 termasuklah penggubalan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Peraturan baharu ini memberikan kuasa pengawasan pengawalan dan penyeliaan kepada Bank Negara Malaysia untuk mengukuhkan lagi sistem kewangan negara. Undang-undang yang baru digubal bertujuan memantapkan kestabilan kewangan, menyokong pertumbuhan terangkum dalam sistem kewangan dan ekonomi selain menyediakan perlindungan pengguna yang lebih utuh.

Pemborongan dan Peruncitan

NKEA Pemborongan dan Peruncitan menyasarkan untuk mentransformasikan Malaysia kepada hab peruncitan serantau selain menyokong penggunaan domestik yang memacu pertumbuhan ekonomi.

Antara pencapaian yang dicatat oleh NKEA pada tahun 2013 termasuklah pelaburan daripada nama-nama besar seperti Sime Darby Brunsfield untuk membangunkan *Big Box Boulevard* (BBB) dan Bazar Makan di Ara Damansara, Selangor. Susulan penyertaan Sime Darby Brunsfield, dua lagi Peneraju EPP BBB yang baharu telah dikenal pasti, sekali gus melepasi sasaran untuk menarik sebuah syarikat pada tahun 2013. Selain itu, peneraju baharu EPP telah berjanji untuk melaburkan RM3.53 bilion sekali gus mewujudkan lebih daripada 9,700 peluang pekerjaan.

Minyak Sawit dan Getah

Industri Minyak Sawit dan Getah merupakan bidang yang menjadi kepakaran Malaysia. Justeru, NKEA ini memfokuskan usaha melonjakkan industri tempatan ini lebih tinggi dalam rantaian nilai di samping meningkatkan produktiviti dengan menekankan penggunaan teknologi baharu.

Hasilnya, industri Minyak Sawit berjaya melalui keadaan pasaran yang tidak menentu pada tahun 2013. Kejayaan ini diperoleh sebahagiannya berikutan peningkatan dalam kawasan penanaman semula kelapa sawit oleh pekebun kecil, penggunaan alat tuai Cantas™ oleh syarikat perladangan besar dan peningkatan kadar hasil menerusi penubuhan koperasi yang melaksanakan amalan terbaik antarabangsa dalam penanaman kelapa sawit. Dalam sektor hiliran, pelaburan berjumlah RM218 juta telah disalurkan oleh syarikat minyak sawit tempatan untuk melonjakkan segmen makanan dan kesihatan dalam industri minyak sawit. Meskipun tiada produk baharu dalam segmen oleokimia bernilai tinggi, pelaburan yang dijanjikan sejak tahun 2011 semakin rancak direalisasikan.

Pencapaian besar yang dicatat oleh NKEA Getah pada tahun 2013 ialah kejayaan pengeluaran getah istimewa secara komersial, iaitu Ekoprena dan Pureprena, oleh FELDA Rubber Industries Sdn Bhd. Pada tahun 2013, syarikat ini telah memulakan operasi penghasilan Ekoprena dan Pureprena di kilang pengeluarannya sendiri di Palong 8, Negeri Sembilan. Secara keseluruhan, prestasi industri mengunjurkan pertumbuhan yang stabil dalam eksport untuk getah asli dan sebatian, selain produk lateks sejak tahun 2012.

Pelancongan

NKEA Pelancongan memfokuskan pelancongan berpendapatan tinggi yang menyasarkan segmen pelancongan persiaran dan perniagaan untuk mempertingkatkan ketibaan pelancong dan perolehan pelancongan.

Kerajaan terus meningkatkan usaha untuk melonjakkan ketibaan pelancong dan perolehan pelancongan terutamanya dalam beli-belah. Mitsui Outlet Park KLIA, iaitu pusat ruang perniagaan kedua di Malaysia selepas Johor Premium Outlets di Kulaijaya, telah dilancarkan di Sepang.

Malaysia turut menjadi destinasi yang sangat menarik untuk mengadakan acara antarabangsa dan pencapaian ini terbukti dengan peningkatan bilangan acara yang dihoskan di Malaysia. Pelancongan Perniagaan turut mencatat pencapaian ketara apabila Biro Konvensyen & Pameran Malaysia (MyCEB) berjaya mendapatkan sejumlah 38 acara pertubuhan yang akan diadakan dari tahun 2013–2020. Aktiviti ini disasarkan memberikan sumbangan ekonomi sebanyak RM400 juta.

Pelancongan persiaran turut meraih pencapaian untuk memanfaatkan lokasi strategik Malaysia. Malah, antara negara Asia, Malaysia menerima pengiktirafan atas usaha hebatnya memudahkan penyelarasan dan pembangunan industri persiaran tempatan di seluruh negara.

Elektrikal dan Elektronik

NKEA ini menyaksikan permulaan E&E 2.0 pada tahun 2013 yang menandakan fasa baharu dalam pelaksanaan NKEA ini. Fasa baharu ini menyaksikan pelancaran beberapa EPP baharu yang telah dihimpunkan ke dalam lima kelompok bersama-sama EPP sedia ada bertujuan mewujudkan peluang perniagaan pada jalur yang lebih luas dalam industri E&E demi mengukuhkan laluan mencapai sasaran tahun 2020 NKEA.

Antara pencapaian penting NKEA pada tahun 2013 termasuk kemajuan mantap dalam penyiapan Makmal Analisis dan Pengujian Kegagalan MIMOS, pembentukan Konsortium LED Malaysia yang terdiri daripada 10 syarikat pencahayaan keadaan pepejal tempatan yang bekerjasama dalam pembangunan dan pemasaran produk, selain pelancaran National Instruments Academy and Innovation Nucleus (NI-AIN). NI-AIN ditubuhkan untuk menyediakan infrastruktur teknologi kongsi kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Perkhidmatan Perniagaan

NKEA Perkhidmatan Perniagaan bertujuan meningkatkan kepakaran dan keupayaan Malaysia dalam sektor terpilih agar kita dapat mencipta kebitaraan sendiri.

Pada tahun 2013, NKEA ini menyaksikan syarikat gergasi dalam bidang aeroangkasa Airbus memilih Malaysia sebagai sebuah daripada lima pusat perkhidmatan pelanggan globalnya, sementara SR Technics, sebuah syarikat penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih komponen penerbangan yang berpangkalan di Switzerland telah melancarkan fasilitinya di negara ini sebagai hab untuk rantau ini. Selain itu, syarikat multinasional Kanada, CAE, komited untuk membuat pelaburan serta membuka Pusat Kecemerlangan (CoE) untuk simulasi dan pemodelan pesawat di negara ini.

Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi

NKEA ini memfokuskan pelaksanaan dasar dan infrastruktur komunikasi yang diperlukan untuk transformasi Malaysia kepada ekonomi berasaskan pengetahuan.

Pada tahun 2013, NKEA ini telah melancarkan insentif *Film In Malaysia* bagi produksi yang bernilai RM2.5 juta setiap projek. Insentif ini telah menarik produksi berjumlah RM149 juta termasuk pembikinan filem antarabangsa seperti *Cyber* karya Michael Mann.

Sejak itu, hampir 90 peratus sekolah dan hampir 3,000 fasiliti kesihatan telah disediakan rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi sementara 70 peratus daripada semua perkhidmatan Kerajaan kini boleh diakses secara dalam talian. Penembusan jalur lebar isi rumah bagi tahun 2013 mencapai 67.2 peratus (akhir Suku Ketiga).

Pendidikan

Bagi mengiktiraf peranan pendidikan dalam membangunkan keperluan modal insan untuk negara berpendapatan tinggi, NKEA Pendidikan mengambil pendekatan pelbagai aspek bagi memastikan ketersediaan pendidikan dan peluang latihan semula bagi semua golongan masyarakat.

Pencapaian ketara yang diperoleh NKEA ini pada tahun 2013 termasuklah peningkatan bilangan pelajar yang menyertai EduCity@Iskandar, dengan pendaftaran di hab pendidikan berjumlah 1,701. Tahun 2013 turut menyaksikan penubuhan Pusat TES Sunway untuk Kecemerlangan Perakaunan yang akan memberikan sumbangan kepada transformasi Malaysia ke arah menjadi hab perakaunan terulung.

Pertanian

NKEA Pertanian berusaha mentransformasikan industri ke arah peniagaan tani, meningkatkan produktiviti pertanian dan melahirkan usahawan tani.

Pada tahun 2013, NKEA ini mencapai kejayaan penting dalam meningkatkan pendapatan petani, dengan 45 peratus petani di Taman Kekal Pengeluaran Makanan melepasi pendapatan sasaran RM3,000 sebulan. Selain itu, inisiatif untuk meningkatkan produktiviti penanaman padi di MADA telah menghasilkan pertumbuhan purata pendapatan 11 peratus bagi musim 1/2013, sementara purata pendapatan dalam kelompok tenusu di Johor telah meningkat sebanyak 35 peratus.

Penjagaan Kesihatan

NKEA Penjagaan Kesihatan komited untuk menyediakan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi dengan harga yang berpatutan kepada rakyat dan membuka peluang pembangunan yang baharu dalam industri.

Pada tahun 2013, empat EPP baharu telah diperkenalkan di bawah NKEA ini. Antara pencapaian penting yang dicatat daripada 17 EPP pada tahun 2013 termasuklah minat yang ditunjukkan oleh MNC dengan pengilang tempatan untuk mengeluarkan dan membangunkan secara usaha sama ubat berpaten dan generik. Kementerian Kesihatan juga telah mula mendraf Akta Penjagaan Kesihatan Warga Tua untuk menyokong dan mengawal selia industri penjagaan warga emas dengan lebih baik.

Daya Saing Global melalui SRI

Enam SRI telah dirumuskan daripada cadangan dasar NEM dan mewakili komponen yang diperlukan oleh Malaysia untuk mencapai daya saing global.

Persaingan, Standard dan Liberalisasi

SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi telah direka untuk membangunkan persekitaran yang cekap dan berdaya saing bagi manfaat perniagaan, pengguna dan ekonomi.

Pada tahun 2013, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Malaysia Competition Commission, MyCC), yang mengawal selia pelaksanaan Akta Persaingan 2010, terus mempromosikan sokongan umum terhadap Akta ini. Kesedaran orang ramai mengenai Akta Persaingan terutamanya dalam kalangan syarikat telah meningkat, dengan pengumuman beberapa kes oleh MyCC yang melibatkan industri logistik, pengangkutan dan keluli.

Dari segi Standard, usaha telah difokuskan untuk meningkatkan penggunaan dan pematuhan standard demi memperbaik kualiti produk dan perkhidmatan Malaysia. Jabatan Standard telah memulakan Program Pematuhan Standard Nasional dengan kerjasama SME Corporation. Sebuah Pusat Sehenti (OSC) telah disediakan untuk mempromosikan kesedaran dan penggunaan standard terutamanya dalam kalangan PKS. Sementara itu, dalam sektor perkhidmatan, Kerajaan akan terus memperbaik ekosistem untuk memastikan pelaksanaan liberalisasi yang berkesan. Sebagai sokongan terhadap usaha ini, Perbadanan Produktiviti Malaysia telah melengkapkan rangka kerja pemboleh perniagaan untuk sektor yang diliberalisasikan secara autonomi sepertimana yang diumumkan oleh Kerajaan. Bagi tujuan ketelusan, ini telah dimuat naik ke laman web MITI.

Pembangunan Modal Insan

Sejajar dengan keperluan negara berpendapatan tinggi, SRI Pembangunan Modal Insan melaksanakan dasar untuk mentransformasikan tempat kerja dan tenaga kerja, mewujudkan persekitaran kerja yang kompetitif, menarik dan mengekalkan bakat dan menaik taraf kemahiran tenaga kerja sedia ada.

SRI ini telah melaksanakan pelbagai aktiviti pada tahun dalam tinjauan, dengan pencapaian besar termasuk pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2012 dan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 pada Januari 2013. SRI ini turut menyaksikan kemajuan ke arah mencapai nisbah 30 peratus bagi wanita dalam jawatan pembuatan keputusan, dengan 83 orang wanita telah dilantik dalam lembaga syarikat tersenarai awam. Selain itu, Program MyProCert untuk meningkatkan kemahiran dan menangani jurang kemahiran dalam tenaga kerja sedia ada berjaya melepasi sasaran penyertaan 3,000 peserta dalam program apabila seramai 4,785 peserta telah mendaftar.

Mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan

Dalam usaha mengukuhkan pelibatan sektor swasta dalam ekonomi, SRI ini bertujuan menetapkan peranan Kerajaan dalam perniagaan dengan jelas, membangunkan pelan pelepasan saham bagi entiti milik Kerajaan yang terpilih selain mengenal pasti garis panduan tadbir urus bagi syarikat milik Kerajaan dan negeri.

Aktiviti pelepasan saham pada tahun 2013 termasuk penjualan seluruh kepentingan Khazanah Nasional Bhd dalam syarikat pengendali telefon mudah alih DiGi.Com Bhd dan pelepasan saham Stadium First Sdn Bhd milik Stadium Malaysia Corporation, sebuah unit di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Pembaharuan Kewangan Awam

SRI Pembaharuan Kewangan Awam merupakan komponen penting dalam matlamat Kerajaan untuk mencapai bajet seimbang menjelang tahun 2020.

Pada tahun 2013, SRI mencatat peningkatan dalam pungutan pendapatan untuk cukai langsung dan tidak langsung selain memperoleh penjimatan daripada pelaksanaan inisiatif e-Pembidaan.

Kemajuan selanjutnya dalam memperluas asas hasil Kerajaan dicatat dengan pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang telah dicadangkan oleh Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2014. GST yang akan menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan yang dikenakan pada masa ini disasarkan pelaksanaannya pada tahun 2015 pada kadar 6 peratus.

Penyampaian Perkhidmatan Awam

Nadi pelaksanaan program dan dasar Kerajaan ialah sektor awam. Justeru, SRI Penyampaian Perkhidmatan Awam memfokuskan peningkatan kecekapan Kerajaan dalam perkhidmatan berkaitan perniagaan dan awam, sekali gus mentransformasikan perkhidmatan awam negara kepada budaya berprestasi tinggi.

SRI ini terus mencatat kemajuan dalam kesemua inisiatifnya pada tahun 2013, misalnya dalam pelaksanaan Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan (BLESS) untuk mengurangkan bilangan lesen yang diperlukan oleh perniagaan dan pelaksanaan sistem Daftar Masuk Tunggal bagi membolehkan laluan identiti akses selamat untuk mengakses semua perkhidmatan dalam talian bagi agensi-agensi Kerajaan.

Merapatkan Jurang Ketaksamaan

Dalam SRI ini, fokus untuk merapatkan jurang ketaksamaan pendapatan dan kekayaan merentas komuniti di negara ini dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh.

Sejajar dengan agenda nasional untuk meningkatkan pembangunan ekonomi Bumiputera, SRI ini menyaksikan pelancaran Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera pada tahun 2013, pengenalan Skim Permulaan Usahawan Baharu Bumiputera dan pengumuman mengenai penubuhan Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera dalam semua Kementerian.

2020: Mencapai Wawasan

Semakin kita hampir ke tahun 2020, banyak yang harus kita syukuri. Asas ekonomi Malaysia kekal kukuh dengan lebihan akaun semasa, rizab antarabangsa yang mencukupi dan kedudukan fiskal yang bertambah baik. Kesemua faktor ini meletakkan kita pada kedudukan yang kukuh untuk berdepan dengan keadaan yang tidak menentu dalam ekonomi luaran. Untuk mengekalkan kelebihan ini, kita harus menyedari peningkatan selanjutnya yang perlu dibuat pada struktur ekonomi kita.

Harus ditekankan bahawa dalam melaksanakan ETP, kita memfokuskan transformasi seluruh ekonomi Malaysia. Dengan pelancaran 196 EPP sejak tahun 2010, kami percaya bahawa kita kini sudah mencapai bilangan projek kritikal yang mencukupi untuk memangkinkan transformasi. Fokus kita seterusnya adalah terhadap pengurusan ekonomi yang lebih meluas lantaran EPP telah berjaya merealisasikan pelaburan besar yang akan menghasilkan kesan pindahan.

Perkara paling penting bagi Malaysia sekarang adalah untuk terus memfokuskan matlamat strategik kita. Seperti atlet yang hanya boleh berjaya dengan menumpukan peningkatan bakat mereka dalam bidang kepakaran, kita harus menyedari bahawa sasaran negara berpendapatan tinggi hanya dapat dicapai dengan memfokuskan sektor khusus demi pertumbuhan ekonomi kita. Cabaran utama bagi mana-mana Kerajaan dalam usaha sedemikian ialah sumber yang terhad, yang sentiasa menjadi persoalan ekonomi. Penyelesaiannya ialah disiplin fiskal yang ketat dan keazaman untuk terus fokus dalam melaksanakan ETP.

Sektor swasta hendaklah memainkan peranan penting dalam memacu ETP. Meskipun Kerajaan akan menyediakan sokongan untuk memangkinkan pelaburan swasta, membantu dalam perbelanjaan struktur bagi merangsang daya maju projek sektor swasta, namun pada amnya kita bergantung pada kerjasama daripada sektor swasta untuk memastikan sasaran kita dapat direalisasikan.

Semangat kerjasama ini amat penting dalam semua inisiatif Kerajaan. Malah, semangat ini jelas dilihat dalam hubungan antara Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan PEMANDU. Kita sering terlepas pandang bahawa, seperti ETP dan GTP, EPU dan PEMANDU juga merupakan entiti yang berasingan namun saling melengkapi dan berganding bahu demi merealisasikan impian ekonomi negara.

Justeru, mandat PEMANDU adalah untuk menyelaraskan, membantu dan memantau pelaksanaan GTP dan ETP, manakala EPU bertanggungjawab mengatur pelan, dasar dan strategi jangka sederhana dan jangka panjang untuk memastikan pertumbuhan sosioekonomi yang mampan. Dalam aspek inilah PEMANDU dan EPU menjalin hubungan yang erat untuk memacu pelaksanaan; menilai kemajuan dan penyampaian program pembangunan negara.


Dari aspek tanggungjawab PEMANDU, masih terdapat empat titik kritikal yang perlu diberikan sokongan sehingga kita mencapai matlamat untuk tahun 2020, iaitu:

1. Membantu perkhidmatan awam menginstitusikan pembaharuan yang telah dilaksanakan pada tahun 2010 agar sektor awam menjadi lebih proaktif dan responsif dalam menghadapi perubahan
2. Membantu syarikat-syarikat Malaysia supaya terus menginovasi produk dan perkhidmatan dalam usaha mencapai daya saing pada peringkat global. Justeru, pelaksanaan standard dan pensijilan memainkan peranan penting dalam usaha ini
3. Meningkatkan kualiti pendidikan nasional. Masa depan generasi akan datang bergantung pada kualiti bakat insan, justeru kita perlu segera menangani kualiti sistem pendidikan kita untuk memastikan kita dapat memenuhi keperluan modal insan dalam negara maju.
4. Meningkatkan lebihan dagangan Malaysia disebabkan ekonomi dalam negeri terlalu kecil untuk menangani perniagaan tempatan dalam jangka masa panjang. Pada masa ini, dagangan bersih kita ialah 7.17 peratus daripada KDNK

Negara-negara lain pantas mengejar kita untuk memperoleh kelebihan daya saing di persada global. Oleh hal yang demikian, amatlah penting bagi kita menerapkan budaya kualiti dan inovasi dalam ekonomi kita demi memastikan kita tidak ketinggalan di belakang negara lain, khususnya pasaran sedang pesat membangun yang begitu hebat persaingannya, yang kini menjadi jentera pertumbuhan baharu bagi ekonomi global.

Walau bagaimanapun, dengan kerja-kerja asas yang penting sudah pun dilaksanakan untuk melonjakkan transformasi kita ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, kita yakin bahawa bersama-sama, kita akan dapat menikmati ganjaran daripada segala usaha kita bukan hanya pada tahun 2020, malah untuk suatu tempoh yang lama pada masa hadapan.

Kemajuan setakat ini



Projek	Pelaburan	Pendapatan Negara Kasar (PNK)	Pekerjaan
196	RM219.3 bil	RM143.5 bil	437,816

*Pelaburan Komited, PNK dan Peluang Pekerjaan sehingga 2020

KAEDAH PEMANDU DALAM MENERAJUI TRANSFORMASI

PEMANDU berperanan sebagai pemangkin transformasi dalam sektor ekonomi dan kerajaan Malaysia melalui kerjasama yang dijalin dengan Kerajaan Malaysia. PEMANDU membantu untuk meningkatkan efisiensi penyampaian perkhidmatan kerajaan dan mencapai sasaran kedua-dua sektor tersebut untuk keberkesanan ekonomi pada masa hadapan.

Dengan menetapkan sasaran bagi Pendapatan Negara Kasar (PNK), Pekerjaan dan Pertumbuhan pelaburan yang berpaksikan "arah tuju sebenar" atau *True North*, dan berlandaskan Petunjuk Prestasi Utama (yang telah disahkan oleh PricewaterhouseCoopers Malaysia), proses transformasi ini akan terus kukuh atas landasannya.

PEMANDU juga menggalas amanah yang sama membabitkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dilaksanakan menerusi kerjasama dengan perkhidmatan awam agar proses penyampaian dapat ditransformasikan. Tindakan yang diambil adalah dengan mempercontohkan kaedah baharu dalam kes-kes tertentu, menyelaras dan menambah baik proses yang sedia ada agar lebih relevan dengan suasana ekonomi kini.

Proses 8 Langkah yang dibentuk oleh PEMANDU untuk memacu transformasi ialah satu pendekatan yang sistematik dan berstruktur yang berasaskan diagnosis, perancangan, pelaksanaan dan maklum balas yang jelas; dilaksanakan secara bertahap bagi memastikan setiap langkah adalah telus dan mempunyai akauntabiliti.

Proses 8 Langkah yang dihuraikan seterusnya telah diterapkan dengan jayanya untuk pelaksanaan ETP, dan ia diaplikasikan bersama-sama dengan Petunjuk Prestasi Utama dalam kalangan Kementerian, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Metodologi Penyelesaian Masalah (yang juga digelar *Putrajaya Inquisition*) bagi merealisasikan transformasi serta menambah baik proses berkaitan tadbir urus dan pelaksanaan keseluruhannya.

PROSES TRANSFORMASI 8 LANGKAH



1 HALA TUJU YANG STRATEGIK

Sewaktu fasa pertama ini, beberapa mesyuarat Kabinet diadakan bagi menetapkan hala tuju ETP dan inisiatif-inisiatif yang akan diusahakan di bawah ETP. Pelibatan penjawat Kerajaan tertinggi pada peringkat kepimpinan bermula dari fasa ini ialah faktor utama yang memastikan projek-projek terbabit dilaksanakan dengan lancar dan efektif dan penyelesaian masalah tidak dilengahkan.

2 MAKMAL

Pendekatan menggunakan makmal ini adalah satu lagi mercu tanda dalam pelaksanaan ETP dan GTP, iaitu satu kaedah terancang yang digunakan semenjak kedua-dua program tersebut dilancarkan pada tahun 2010. Sesi makmal yang berlangsung selama lapan minggu ini menyaksikan pelibatan pihak berkepentingan utama dari sektor Kerajaan dan awam serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mengenal pasti keperluan industri, inisiatif yang perlu diambil dan pengagihan sumber. Sungguhpun pendekatan makmal kini dijalankan pada tahap yang lebih kecil, ia masih merupakan ciri penting dalam ETP dan GTP. Antara lain, bagi golongan dalam sektor yang terkesan akibat masalah yang timbul, kaedah makmal ini memberikan mereka peluang untuk mengusulkan cadangan bagi mendapatkan penyelesaian yang efektif.

3 HARI TERBUKA

Hari Terbuka berperanan sebagai satu forum untuk bertukar-tukar maklumat dengan rakyat serta mendapatkan maklum balas daripada mereka setelah hasil makmal disampaikan kepada mereka, memandangkan rakyat adalah salah satu pihak berkepentingan utama dalam ETP. Program Hari Terbuka bukan sahaja menyediakan ruang untuk menyampaikan maklumat tentang pencapaian ETP kepada rakyat malah membolehkan Kerajaan mendalami masalah sosioekonomi yang membelenggu Rakyat.

4 HALA TUJU PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI (ETP)

Pelaksanaan ETP adalah berpandukan dasar Hala Tuju ETP yang diterbitkan ketika program ETP mula-mula dilancarkan. Hala Tuju tersebut memperincikan hujah di sebalik ETP dan inisiatif yang diambil, termasuklah matlamat tertentu dan pelan tindakan bagi melonjakkan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Hala Tuju ini berperanan sebagai titik rujukan sewaktu ETP dilaksanakan.

5 SASARAN BAGI PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Sasaran KPI ditetapkan setiap tahun oleh pasukan Bidang Keberhasilan Utama yang diterajui oleh para Menteri dalam PEMANDU serta jemaah Menteri yang lain. Peranan KPI bukan setakat menjadi sasaran untuk pencapaian setiap NKEA dan SRI, malah ia juga memastikan agar inisiatif yang digariskan dalam Hala Tuju ETP tetap atas landasannya sehingga tahun 2020. Penilaian secara berkala juga dijalankan ke atas semua KPI untuk memastikan pencapaiannya serta menangani sebarang cabaran yang dihadapi.

6 PELAKSANAAN

Lima langkah yang tersebut di atas menunjukkan betapa ETP dirancang dengan ekstensif sebelum sampai ke tahap pelaksanaan. Dengan mengambil kira 196 Projek Permulaan dan pelbagai inisiatif lain yang sedang dijalankan, pelaksanaan ETP melibatkan usaha sama daripada setiap peringkat Kerajaan serta sektor swasta terbabit di seluruh negara. Ketika proses pelaksanaan inilah peranan PEMANDU dilihat paling penting, iaitu menyelaras dan memantau pelaksanaan ETP dan serentak dengan itu, menguruskan masalah dan usaha pemulihan.



7 TATACARA YANG DIPERSETUJUI (AUP)

Pencapaian KPI serta data-data lain dalam program adalah disahkan oleh pakar luar, iaitu PricewaterhouseCoopers Malaysia (PwC) yang akan menentusahkah keputusan ETP. Sewaktu pengesahan ini dijalankan, PwC mengguna pakai apa yang disebut sebagai "Prosedur yang Dipersetujui (AUP)" untuk menyemak keputusan daripada projek yang mempunyai KPI. Huraian lanjut berkenaan proses ini disediakan dalam Laporan AUP oleh PwC yang dilampirkan di penghujung Laporan Tahunan ini.

8 LAPORAN TAHUNAN

Pada setiap tahun, Laporan Tahunan ETP diterbitkan untuk memberitahu kepada rakyat dan juga pihak berkepentingan berkenaan aktiviti dan juga pencapaian buat tahun tersebut serta cabaran yang didepani dalam usaha untuk melaksanakan program ini.

Metodologi yang Digunakan untuk Penyelesaian Masalah (PSM)

Selaras dengan penggunaan Proses 8 Langkah bagi memastikan penyampaian ETP adalah efektif dan efisien, Metodologi Penyelesaian Masalah (PSM) yang diguna pakai oleh PEMANDU pula berperanan untuk mengenal pasti, merungkai dan menyelesaikan masalah dan cabaran yang timbul sewaktu ETP dilaksanakan.

PSM, yang lazimnya membabitkan proses untuk mengenal pasti penyataan masalah, meramalkan impak atau implikasi daripada masalah dan membuat satu ketetapan untuk mengatasi masalah tersebut, telah terbukti berkesan dalam menyelesaikan beberapa isu yang menghambat pelaksanaan ETP. Antara isu tersebut termasuklah isu tanah di bawah NKEA Pertanian berhubung dengan penyelarasan antara pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang melibatkan peruntukan dan pelulusan tanah untuk kegunaan projek NKEA tersebut.

Masalah yang timbul di sini telah mengakibatkan kelewatan projek yang bernilai RM300 juta dalam bentuk sumbangan PNK. Dengan menggunakan PSM, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berupaya menyelesaikan masalah apabila bersetuju untuk menambah baik Pusat-pusat Sehenti yang sedia ada bagi mengendalikan peruntukan tanah dan penggunaan tanah tersebut.

Selain itu, PSM juga didapati mampu menyelesaikan isu membabitkan pemilikan tanah di bawah tanah bagi pembinaan projek Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) di bawah NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley. Penyataan masalah selepas menggunakan PSM mengenal pasti bahawa kelewatan dalam meneruskan pembinaan adalah disebabkan oleh isu pemilikan tanah yang berkaitan dengan struktur fizikal bawah tanah. Dalam pada itu, undang-undang sedia ada menyebut bahawa had kedalaman minimum untuk pemilikan tanah oleh tuan tanah adalah sehingga 10 meter. Masalahnya, ada beberapa bahagian dalam struktur bawah tanah dalam projek MRT yang kedalamannya kurang daripada 10 meter mengakibatkan kerja-kerja mengorek tanah terjejas apabila struktur bawah tanah MRT hanya 9.5 km. Namun demikian, setelah menerapkan PSM, semua agensi terbabit, termasuklah Pejabat Peguam Negara, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian serta Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan bersetuju untuk mengkaji semula syarat-syarat yang sedia ada agar semua pemilik tanah dan MRT Corp, iaitu entiti yang sedang membangunkan projek MRT ini memutuskan satu penyelesaian sesama mereka.

Manfaat daripada PSM ini juga terserlah dalam NKEA Perkhidmatan Perniagaan ketika berdepan dengan proses tender untuk pembinaan loji rawatan bagi menguruskan sisa pepejal di Kepong, Selangor; Bukit Payung, Johor; dan Sungai Udang, Melaka. Kelewatan proses tender tersebut hampir menjejaskan sasaran Malaysia untuk mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dilupus secara kambus tanah sehingga 40 peratus. Isu ini telah menyaksikan pelaburan untuk tiga buah loji rawatan sisa pepejal terhalang, sedangkan kapasiti tapak pelupusan (kambus tanah) dalam negara sudah digunakan ke tahap maksimum.

Pelibatan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara serta Unit Kerjasama Sektor Awam dan Swasta (PPP) berupaya mengendalikan proses pembukaan tender untuk loji rawatan (pelupusan) sisa pepejal dan akhirnya berjaya mematuhi garis masa yang telah ditetapkan.

PENCAPAIAN ETP

2013



28 DIS

FIESTA PARADE DUNIA BUKIT BINTANG KLCC
Festival Street anjuran bersama Persatuan Pelancongan BBKLCC & Pelancongan Malaysia



12 DIS

PELANCARAN PORTAL MAKLUMAT DAN ANALISIS PASARAN BURUH



1 JUL

UMUR PERSARAAN MINIMUM
Dikuatkuasakan pada 60 tahun bagi pekerja sektor swasta



13 MEI

BENGKEL INDUSTRI PELAYARAN PERSIARAN PERTAMA MALAYSIA
Pembentangan peluang B2B di antara International Cruise Liners dan wakil-wakil Malaysia



19 MAC

LAPORAN TAHUNAN GTP & ETP 2012
Pelancaran oleh Perdana Menteri di Angkasapuri

2012



27 NOV

TAHUN KEDUA ETP
Pelaksanaan penuh




16 NOV

KEMAS KINI KEMAJUAN
20 projek baharu dan projek Koridor diumumkan Pengemaskini 3 SRI



1-15 NOV

MAKMAL PENDIDIKAN KEPERLUAN KHAS



18-19 SEPT

MAKMAL KESEJAHTERAAN WARGA EMAS



13 SEPT

KEMAS KINI KEMAJUAN
21 projek baharu diumumkan Pengemaskini 3 SRI

2011



8 SEP

InvestKL
Pengumuman oleh Perdana Menteri



5 JUL

KEMAS KINI KEMAJUAN
Pelancaran enam Inisiatif Pemulihan Strategik



1 JAN

TALENTCORP
Permulaan sebuah agensi kerajaan yang ditugaskan untuk menarik bakat Modal Insan



12 NOV

PELANCARAN PROGRAM PEMATUHAN STANDARD NEGARA (NSCP)

3 OKT

AIRBUS MENUBUHKAN PUSAT KHIDMAT SERANTAU

28 OGOS

LOGO AMALAN BAIK PERTANIAN MALAYSIA (MYGAP) DILANCARKAN



19 FEB

PELANCARAN INSENTIF FILEM DI MALAYSIA (FIMI) OLEH FINAS


7 FEB

PENILAIAN PRESTASI ANTARABANGSA

1 JAN

PERINTAH GAJI MINIMUM BERKUATKUASA BAGI PEKERJA

RM900 bagi Semenanjung, RM800 bagi Sabah & Sarawak



28 MEI

KEMAS KINI KEMAJUAN

21 projek baharu yang diumumkan Pengemaskini 6 SRI

MEI - JUN

MAKMAL 2.0 ELEKTRIK & ELEKTRONIK

2 APR

LAPORAN TAHUNAN GTP & ETP 2011

Pelancaran oleh Perdana Menteri di Angkasapuri

14 FEB

HARI TERBUKA BANDAR DAN KORIDOR

Diadakan di Kota Kinabalu

7 FEB

PENILAIAN PRESTASI ANTARABANGSA



2010

30 NOV

KEMAS KINI KEMAJUAN

Permulaan kukuh dengan pengumuman 9 projek

25 OKT

PROGRAM HALA TUJU TRANSFORMASI EKONOMI

Pelancaran oleh Perdana Menteri dengan pengumuman 9 projek


BIDANG
EKONOMI
UTAMA
NEGARA




Pendekatan yang Tertumpu kepada Pertumbuhan Ekonomi

Malaysia harus menggunakan kelebihan daya saingnya untuk mengutamakan pelaburan dan memberi sokongan polisi kepada beberapa penggerak pertumbuhan ekonomi. Dengan itu, Program Transformasi Ekonomi bertumpukan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) seperti yang diumumkan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. NKEA-NKEA ini akan menerima sokongan kerajaan dari segi sumber-sumber seperti dana dan bakat yang terbaik.

Kerajaan bagaimanapun beriltizam menyokong pertumbuhan bidang ekonomi selain NKEA secara berterusan. Namun, usaha Kerajaan masih tertumpu kepada NKEA berdasarkan peranan penting yang dimainkan dalam memacu ekonomi melalui sumbangannya kepada PNK.

- GREATER KUALA LUMPUR/KLANG VALLEY
- MINYAK, GAS DAN TENAGA
- PERKHIDMATAN KEWANGAN
- PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN
- MINYAK SAWIT DAN GETAH
- PELANCONGAN
- ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK
- PERKHIDMATAN PERNIAGAAN
- KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI
- PENDIDIKAN
- PERTANIAN
- PENJAGAAN KESIHATAN


GREATER
KUALA
LUMPUR/
KLANG
VALLEY



Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor
Menteri Wilayah Persekutuan

Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley terus mencatat kemajuan yang memberangsangkan pada tahun 2013. Kesemua EPP masih berjalan mengikut sasaran yang dijadualkan dan kesemua pihak berkepentingan terus komited terhadap matlamat untuk menjadikan Kuala Lumpur bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020.

Projek utama di bawah NKEA ini, iaitu Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT), khususnya, telah mencapai kemajuan yang ketara dalam aktiviti pembinaan dan pemerolehan. Fasa pertama projek ini, iaitu laluan Sungai Buloh-Kajang, berjalan lancar seperti yang dijadualkan dan akan mula beroperasi menjelang bulan Disember 2016.

Di bawah projek Sungai Nadi Kehidupan (*River of Life*, RoL), banyak usaha telah dilakukan untuk membersihkan kawasan tadahan Sungai Klang-Gombak, bukan sahaja untuk meningkatkan kualiti air sungai, malah untuk menambah baik kawasan sekitarnya agar berkembang maju.

Kami juga telah melaksanakan pelbagai usaha seperti memperbesarkan rangkaian hijau di persekitaran Greater KL/Klang Valley serta mewujudkan tempat tarikan yang unik, bagi menyumbang kepada pembangunan wilayah sebagai metropolitan yang terkemuka.

NKEA ini juga telah mengorak langkah yang besar dalam menarik pelaburan asing dan modal insan yang diperlukan untuk memacu sektor swasta. InvestKL telah melebihi sasarannya pada tahun 2013 dengan kejayaan menarik 15 syarikat multinasional untuk menubuhkan ibu pejabat serantau di Kuala Lumpur, manakala TalentCorp meneruskan inisiatifnya untuk mendapatkan tenaga mahir di dalam dan luar negeri demi manfaat negara. Berikutan pencapaian yang menggalakkan pada tahun 2013, kedua-dua agensi tersebut telah menetapkan sasaran yang lebih tinggi untuk tahun 2014 demi menyumbangkan terhadap aspirasi Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

Semakin kita menghampiri tahun 2020, sukalah saya menyatakan kembali bahawa sokongan dari rakyat adalah ukuran kejayaan kami. Harus disedari bahawa meskipun inisiatif di bawah NKEA ini dipacu oleh matlamat ETP untuk mengubah Malaysia menjadi negara maju, ia mewujudkan kesan limpahan dalam mempertingkatkan wilayah Greater KL/Klang Valley bagi manfaat penduduk asalnya.

Saya yakin, dengan komitmen dan sokongan yang berterusan daripada semua pihak berkepentingan, NKEA ini akan berjaya merealisasikan visinya untuk menjadikan Greater KL/Klang Valley sebagai tempat tinggal, bekerja dan beriadah yang lebih bersih, cekap dan dinamik.

GREATER KUALA LUMPUR/ KLANG VALLEY

NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (GKL/KV) berusaha untuk merealisasikan potensi penuh wilayah ini sebagai nadi aktiviti komersial Malaysia. Bagi mencapai matlamat tersebut, NKEA ini menyasarkan transformasi ibu kota Malaysia menjadi bandar bertaraf dunia dan hab ekonomi yang berdaya saing pada peringkat global.

Dengan inisiatifnya yang berlandaskan kawasan geografi, NKEA Greater KL/KV adalah unik berbanding dengan NKEA lain. Kesannya, walaupun NKEA Greater KL/KV menyumbang secara tidak langsung kepada PNK negara dan pewujudan peluang pekerjaan, usahanya tidak dipacu secara langsung oleh matlamat ini. Sebaliknya, usaha lebih terfokus pada pembangunan faktor yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya huni GKL/KV.

Faktor ini termasuklah menarik pelaburan daripada syarikat multinasional (MNC) dan menarik modal insan yang mahir. NKEA ini turut mempersiapkan daya huni wilayah ini agar mencapai standard bandar-bandar terbaik lain di dunia dengan menambah baik sistem pengangkutan awam dan persekitaran di samping mempertingkatkan lokasi menarik dan unik di wilayah ini.

Sistem Aliran Transit Berkapasiti Tinggi (MRT) dan Sungai Nadi Kehidupan (*River of Life*, RoL) merupakan projek utama Greater KL/KV yang menjana pelaburan dan pekerjaan yang lebih banyak di kawasan GKL/KV. Kedua-dua projek ini telah pun bermula dan berjalan lancar seperti dijadualkan untuk disiapkan menjelang tahun 2020, sekali gus memenuhi tuntutan ekonomi dan daya saing bagi sebuah bandar bertaraf global.

Petunjuk Prestasi Utama 2013

NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Pengeluaran Surat Tunjuk Minat kepada 10 MNC untuk menempatkan semula ibu pejabat di GKL/KV	10	15	150	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Peluang pekerjaan yang dijana	600	610	102	🟢	100	🟢	1.0	🟢
EPP #2	Bilangan permohonan yang diluluskan di bawah Program *Returning Expert*	1,200	900	75	🟡	75	🟡	0.5	🟡
	Bilangan permohonan yang diluluskan di bawah Program *Resident Pass-Talent*	800	859	107	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Pemegang biasiswa JPA di bawah Program STAR	400	424	106	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Bilangan tempat latihan yang diisi di bawah Program Latihan Berstruktur (SIP)	10,000	10,824	108	🟢	100	🟢	1.0	🟢
EPP #3	Kajian Kebolehlaksanaan Fasa 1B HSR disiapkan menjelang bulan Jun 2013 dengan penemuannya yang merangkumi: (i) Analisis manfaat ekonomi (ii) Rancangan pelaksanaan strategik (iii) Komponen teknikal/kejuruteraan yang diperlukan	100%	100	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
EPP #4	MRT Laluan 2 & Laluan 3 - Penyiapan Rancangan Pelaksanaan Akhir selepas perjanjian dibuat dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk diputuskan oleh EC/Kabinet	100%	100%	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Penyiapan asas laluan pandu bertingkat	72%	78%	108	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Penghantaran Mesin Gerek Terowong (TBM) ke lokasi	10	7	70	🟡	70	🟡	0.5	🟡
	Penggalian tujuh stesen bawah tanah	50%	54%	108	🟢	100	🟢	1.0	🟢

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #5	Pemasangan Loji Rawatan Air Sisa di 3 pasar basah (Pasar Borong Selayang, Jalan Klang Lama & Pasar Air Panas)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Pembinaan Perangkap Bahan Cemar (GPT), benteng balak dan pengaut sampah	69	69	100	●	100	●	1.0	●
	Peratus pengurangan tahap pencemaran minyak dan gris melalui pemasangan 83 perangkap gris awam di pusat penjaja MPS dan MPAJ	92%	99.98%	109	●	100	●	1.0	●
	Pembinaan 14 pakej	90%	91%	108	●	100	●	1.0	●
	Pembinaan Perangkap Bahan Cemar (GPT), benteng balak dan pengaut sampah	358	371	117	●	100	●	1.0	●
	Pemasangan Perangkap Minyak & Gris untuk 14 lokasi (MPS)	50%	82.64%	165	●	100	●	1.0	●
	Peratus penyiapan 4 pakej pembinaan: (i) Pemulihan rangkaian paip pembetung sedia ada di KL (Pakej G06) (ii) Pemulihan rangkaian paip pembetung sedia ada di KL dan Selangor (Pakej G07) (iii) Penaiktarafan 4 Loji Rawatan Kumbahan di Gombak, Selangor (Pakej B21) (iv) Penaiktarafan 2 Loji Rawatan Kumbahan di Gombak, Selangor (Pakej B22)	59%	59.17%	100	●	100	●	1.0	●

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	**KPI**	**Sasaran (FY)**	**Sebenar (YTD)**	**Pencapaian**					
				Kaedah 1		**Kaedah 2**		**Kaedah 3**	
				%		**%**			
EPP #6	Bilangan pokok yang ditanam	30,000	36,246	121	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Penajaan pokok daripada sektor swasta	5,000	11,460	229	🟢	100	🟢	1.0	🟢
EPP #7	Penyempurnaan Jejak Warisan 2 dan 3	100%	86%	75	🟡	75	🟡	0.5	🟡
	Penambahbaikan serta pemuliharaan Masjid Jamek	100%	100%	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Malaysia Truly Asia Centre (MTAC): Penyelesaian isu-isu berkaitan tanah, kelulusan pihak berkuasa dan pengumuman oleh PM	50%	25%	50	🔴	50	🔴	0.5	🟡
	Projek *Countdown Clock* ke tahun 2020	50%	45%	90	🟢	90	🟢	0.5	🟡
EPP #8	Penaiktarafan sistem rangkaian pejalan kaki tidak berbumbung (km)	12	11.87	99	🟢	99	🟢	0.5	🟡
EPP #9	Pembinaan kemudahan pengomposan atau pencernaan anaerob (AD) untuk sisa makanan	Untuk memulakan pengujian dan pentauliahan Fasiliti AD	60%	60	🟡	60	🟡	0.5	🟡
	Pembinaan Fasiliti Pemprosesan Sisa Pembinaan dan Perobohan	Mula beroperasi pada 1 Disember 2013	100%	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
				98%		**88%**		**79%**	

Rajah 1.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1 Menarik 100 Firma Paling Dinamik Dunia dalam Sektor Keutamaan

Kajian Hoover sebelum ini terhadap 2,794 syarikat, tidak termasuk syarikat besar seperti PETRONAS, menunjukkan bahawa 4 peratus organisasi teratas dalam Greater KL/KV menyumbang 79 peratus daripada jumlah pendapatan, manakala 10 peratus organisasi teratas menyediakan 63 peratus daripada jumlah pekerjaan. Oleh itu, EPP ini bertujuan menarik syarikat-syarikat terkemuka dunia agar memindahkan ibu pejabat masing-masing ke Greater KL/KV untuk terus merangsang aktiviti ekonomi di wilayah ini.

Inisiatif tertumpu pada usaha menarik syarikat multinasional (MNC) dalam sektor keutamaan termasuk perkhidmatan kewangan dan perniagaan, pendidikan, pelancongan dan peruncitan yang menyumbang 41 peratus daripada jumlah PNK Greater KL/KV pada tahun 2009. Bagi memenuhi tugas ini, InvestKL ditubuhkan pada tahun 2011 dengan mandat khusus untuk menarik 100 MNC mendirikan ibu pejabat serantau di Greater KL/KV menjelang tahun 2020.



Pencapaian dan Cabaran

InvestKL berjaya mencapai sasarannya pada tahun 2013, iaitu menarik 10 MNC untuk menubuhkan pejabat serantau di Greater KL/KV. MNC tersebut terdiri daripada Bechtel Corporation, Epson Toyocom, Hitachi Systems, Linde, Clariant, Cerner, Rentokil Initial, Naton, Turner dan Colas Rail Asia.

Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan proses itu, InvestKL menerima maklum balas bahawa MNC tersebut menghadapi cabaran untuk menggaji tenaga mahir yang diperlukan bagi mengendalikan ibu pejabat serantau. Oleh yang demikian, InvestKL akan meneruskan kerjasama dengan rakan kongsi EPP 2, iaitu TalentCorp, untuk mewujudkan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran khusus bagi industri perkhidmatan baharu dan industri berasaskan komoditi seperti minyak dan gas.

InvestKL turut menghadapi cabaran dalam menarik syarikat perdagangan ke Greater KL/KV. Hal ini berlaku demikian kerana ekosistem negara kita baru mula berkembang untuk aktiviti baharu dalam industri berasaskan perkhidmatan, dan masih lagi ketinggalan di belakang hab perniagaan yang sudah terkenal seperti Singapura. Bagi menangani perkara ini, pasukan InvestKL akan bekerjasama rapat dengan pelabur untuk mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif bagi perniagaan perdagangan. Usaha pasukan ini merangkumi penganjuran seminar dan makmal antara pelabur, pengawal selia, pihak berkepentingan dan rakan kongsi tempatan.

Langkah Seterusnya

Menjelang tahun keempat operasi InvestKL pada tahun 2014, agensi ini telah menetapkan sasaran yang lebih tinggi untuk menarik 13 MNC pada tahun 2014. Ini dijangka mewujudkan sekurang-kurangnya 600 peluang pekerjaan baharu.

EPP 2 Menarik Tenaga Mahir Tempatan dan Luar Negara

Bilangan penduduk Greater KL/KV perlu bertambah daripada 6 juta kepada 10 juta menjelang tahun 2020 bagi memenuhi keperluan guna tenaga dan pertumbuhan PNK. EPP ini telah mengenal pasti beberapa program yang mesti dilaksanakan untuk menarik bilangan tenaga mahir optimum yang dihasratkan bagi menyokong visi wilayah untuk mencapai asas penduduk ini menjelang tahun 2020.

Ini termasuklah:

- Membina ekosistem tempatan bagi mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak
- Membangunkan program yang komprehensif untuk menarik tenaga mahir
- Menarik warga Malaysia mahir dan berkelayakan yang tinggal di luar negara
- Mengekalkan tenaga mahir asing yang menetap di Malaysia pada masa ini

Pada tahun 2010, TalentCorp ditubuhkan untuk memacu EPP ini. Usaha TalentCorp bertunjangkan teras strategik yang berikut:

- Mengoptimumkan tenaga mahir Malaysia – Dalam hal ini, agensi melaksanakan *Returning Expert Programme* (REP) untuk menarik warga Malaysia yang berkelayakan dan mahir pulang ke tanah air. Program ini menawarkan insentif seperti pelepasan cukai dan penyegeraan permohonan pemastautin tetap untuk ahli keluarga terdekat
- Menarik dan membantu tenaga mahir global – Agensi tersebut telah memperkenalkan *Resident Pass Programme* (RPP), yang mempertingkatkan tawaran manfaat kepada pemegang Pas Pekerjaan sedia ada dengan memberikan insentif seperti visa pekerjaan jangka panjang dan mobiliti pekerjaan
- Membina rangkaian tenaga mahir terbaik – Inisiatif ini memfokuskan pembinaan rangkaian untuk pemimpin masa hadapan, golongan ekspatriat dan diaspora Malaysia

TalentCorp turut memantau Program Latihan Berstruktur (*Structured Internship Programme*, SIP) yang memberikan syarikat potongan cukai dua kali untuk perbelanjaan pengambilan pelatih di bawah program ini. Di samping itu, agensi dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah melancarkan program Peningkatan Tenaga Mahir dalam Perkhidmatan Awam (*Talent Acceleration in Public Service*, TAPS) pada Oktober 2011 untuk menyediakan tempat dalam sektor awam buat sarjana yang pulang, serta program Biasiswa Penarikan dan Pengekalan Tenaga Mahir (*Scholarship Talent Attraction and Retention*, STAR) untuk pelajar tajaan JPA berkhidmat dalam sektor swasta bagi melunaskan kontrak biasiswa mereka.

Program lain yang telah dilancarkan untuk memenuhi matlamat EPP ini termasuklah Skim Pengurusan Kebolehpasaran Siswazah (*Graduates Employability Management Scheme*, GEMS), yang diperkenalkan untuk meningkatkan peluang siswazah mendapat pekerjaan bagi memenuhi keperluan modal insan ekonomi.

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2013, TalentCorp berjaya melepasi sasarannya di bawah RPP untuk tahun ketiga berturut-turut. Walau bagaimanapun, agensi mengalami kesukaran untuk menarik diaspora Malaysia di bawah REP disebabkan semakin berkurangnya kumpulan yang layak dan berminat untuk kembali ke tanah air. Meskipun begitu, usaha agensi ini di bawah REP tetap diteruskan, dengan inisiatif termasuk:

- Meningkatkan promosi dan kesedaran melalui media dalam talian
- Melaksanakan program REP mencari REP (pakar yang pulang), atau *REP-get-REP*
- Menganjurkan sesi jangkauan dan pertemuan bersama-sama dengan syarikat yang berminat untuk mengambil bekerja warga Malaysia yang kini menetap di luar negara. Syarikat-syarikat ini akan mengendalikan temu duga pada masa itu juga dengan tujuan mengambil pekerja baharu
- Bekerjasama dengan syarikat utama untuk menggabungkan insentif REP sebagai sebahagian daripada pakej saraan mereka

Cabaran lain yang dihadapi oleh TalentCorp ialah pelaksanaan program STAR, iaitu dalam memastikan pemegang biasiswa benar-benar komited untuk mencurahkan khidmat bakti dalam sektor swasta apabila kembali ke tanah air, memandangkan pematuhan sepenuhnya terhadap kontrak biasiswa masih belum lagi dilaksanakan dengan berkesan.

Langkah Seterusnya

Bagi tahun 2014, sasaran yang lebih tinggi telah ditetapkan untuk EPP ini dalam usaha membina tenaga kerja mahir bagi memenuhi keperluan guna tenaga dan pertumbuhan PNK. Ini merangkumi peningkatan bilangan tenaga mahir melalui pelbagai program seperti yang berikut:

- 1,200 warga Malaysia di bawah REP
- 1,000 orang di bawah Program *Residence Pass*
- 12,000 tempat latihan diisi di bawah SIP
- 2,000 pemegang biasiswa JPA di bawah Program STAR
- 7,000 tempat di bawah GEMS & Peningkatan Kemahiran

EPP ini akan turut menyaksikan pelaksanaan *Residence Pass - Talent* (RP-T), satu inisiatif untuk menarik dan mengekalkan tenaga mahir asing yang terbaik di negara ini. RP-T ditawarkan kepada ekspatriat berkelayakan tinggi di Malaysia yang ingin terus menetap dan bekerja di negara ini untuk jangka panjang. Antara rancangan masa hadapan di bawah program ini termasuklah:

- Mengenal pasti ekspatriat untuk inisiatif Pelawaan untuk Memohon (ITA) melalui majalah, akhbar dan dewan perniagaan
- Memperluas interaksi dengan golongan ekspatriat (contohnya melalui dewan perniagaan) dan MNC yang wujud dalam pembangunan koridor wilayah negara

SIP menyasarkan untuk mempertingkatkan kualiti program latihan melalui perkongsian dengan badan-badan industri. Program ini menyasarkan tempat latihan dengan majikan terkemuka yang merekrut siswazah, universiti-universiti utama dan pihak berkuasa koridor wilayah.

Selain itu, pihak yang terlibat dalam Program STAR akan bekerjasama erat untuk menambah baik proses pengurusan biasiswa.

Antara rancangan masa hadapan untuk program GEMS termasuklah:

- Program jangkauan dan interaksi dengan warga kampus
- Pesta kerjaya bertumpukan sektor bersama-sama dengan institusi pengajian tinggi awam dan swasta
- Sesi Ceramah Kerjaya (C-Talk)

EPP 3 Pengangkutan Kereta Api Berkelajuan Tinggi ke Singapura

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah ditugaskan untuk memantau sistem landasan kereta api berkelajuan tinggi (HSR) yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Singapura. Inisiatif ini dijangka memperkukuh perdagangan dan perkhidmatan antara dua hab ekonomi terbesar di Asia Tenggara ini.

Penumpang HSR dapat menikmati perjalanan ulang-alik yang lebih pantas dan andal antara kedua-dua bandar ini, kerana perjalanan untuk sambungan dari awal hingga akhir destinasi *(door-to-door)* akan mengambil masa kira-kira 90 minit sahaja. Selain itu, bandar-bandar di sepanjang laluan kereta api ini dijangka meraih manfaat daripada projek ini melalui peluang pembangunan, perniagaan dan pekerjaan.

Pencapaian dan Cabaran

SPAD terus merintis jalan dalam pembinaan HSR, yang bakal menjadi landasan kereta api berkelajuan tinggi yang pertama di Asia Tenggara. Pada Jun 2013, SPAD membentangkan hasil Kajian Kebolehlaksanaan Fasa 1B kepada Majlis Ekonomi yang merangkumi analisis manfaat ekonomi dan rancangan pelaksanaan strategik. Kajian ini turut mengenal pasti komponen teknikal dan kejuruteraan untuk projek tersebut. Majlis Ekonomi memberikan maklum balas positif terhadap kajian tersebut dan memberikan kebenaran kepada SPAD untuk meneruskan Fasa 2A.



Rajah 1.2: Ilustrasi zon pembangunan ekonomi yang berpotensi di sekitar stesen HSR – pandangan dari stesen

Cabaran utama EPP ini ialah menangani persepsi dan jangkaan orang ramai terhadap projek HSR. Oleh yang demikian, SPAD akan terus melibatkan perunding dan pakar bidang ketika meneliti kajian kes serta pengalaman negara lain yang mempunyai rangkaian HSR yang beroperasi. Langkah ini turut menyediakan teknologi terkini kepada pasukan projek SPAD dan mempromosikan manfaat HSR kepada rakyat Malaysia.

Langkah Seterusnya

SPAD merancang untuk menyiapkan Fasa 2A pada tahun 2014 yang merangkumi:

- Perbincangan antara kedua-dua Kerajaan dan perjanjian dengan Singapura
- Kaji selidik teknikal
- Analisis sosioekonomi terhadap kelima-lima stesen HSR tersebut
- Analisis alam sekitar di sepanjang jajaran landasan
- Penubuhan pasukan khas HSR

Sorotan terhadap Kereta Api Berkelajuan Tinggi

Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Malaysia-Singapura disifatkan sebagai penjana perubahan menyeluruh yang akan memangkinkan pertumbuhan ekonomi kedua-dua negara yang dipisahkan Tambak Johor ini. Kemungkinan nilai yang terhasil daripada HSR amatlah besar, daripada penjimatan masa untuk penumpang yang berulang-alik setiap hari hinggalah penarikan syarikat multinasional yang ingin memanfaatkan keterhubungan yang lebih baik antara kedua-dua negara ini.

Dalam kertas kajian yang diterbitkan pada 21 Januari 2013, Bank Dunia menyatakan bahawa pelaburan dalam pengangkutan utama seperti rangkaian kereta api dapat menawarkan manfaat yang melangkaui jangkaan lazim, iaitu memperluas pembangunan ekonomi serantau, meningkatkan akses pasaran kepada barangan dan perkhidmatan, serta mengurangkan pencemaran udara, bunyi bising dan kemalangan jalan raya. Organisasi itu kini mengkaji program HSR China untuk mengenal pasti dan mentaksirkan potensi manfaat tambahan tersebut[1].

Selain manfaat ekonomi HSR, rakyat Malaysia juga dapat mengharapkan kemudahan bertaraf dunia di lima stesen kereta api di Kuala Lumpur, Seremban, Ayer Keroh, Muar, Batu Pahat dan Iskandar (Lihat Rajah 1.2). Meskipun perancangan untuk stesen ini belum lagi selesai, pengembara boleh menjangkakan tawaran penginapan, perniagaan runcit dan hiburan yang menyerupai apa yang dilihat di stesen HSR terkemuka di seluruh dunia.

Ini termasuklah Stesen HSR Kyoto yang berketinggian 15 tingkat dan menempatkan pusat beli-belah bersepadu dengan hotel, pawagam, muzium dan galeri, serta Stesen Sentral Berlin yang mencakupi 160,000 kaki persegi ruang perniagaan runcit dan pejabat.

[1] *Andrew Salzberg, Richard Bullock, Ying Jin, dan Wanli Fang, 'High-Speed Rail, Regional Economics, and Urban Development in China', Januari 2013.*

EPP 4 Membina Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi Bandar yang Bersepadu

Dengan bilangan penduduk Greater KL/KV yang dijangka bertambah menjadi 10 juta menjelang tahun 2020, pembangunan rangkaian pengangkutan awam yang bersepadu adalah perlu untuk meningkatkan keterhubungan di wilayah ini. Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) dicadangkan untuk melegakan kesesakan dan menyediakan kaedah pengangkutan awam yang cekap dan lestari persekitarannya kepada penumpang yang berulang-alik ke pusat bandar.

MRT Corp ditubuhkan oleh kerajaan pada September 2011 untuk membangunkan projek MRT secara khusus. Projek ini melibatkan pembinaan rangkaian pengangkutan awam berasaskan kereta api yang akan menggabungkan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT), KTM Komuter, KLIA Ekspres dan KL Monorail.

Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) terbahagi kepada dua fasa: Fasa Satu, dari Sungai Buloh ke Semantan yang dijangka beroperasi menjelang akhir tahun 2016, manakala Fasa Dua dari Semantan ke Kajang yang bakal beroperasi menjelang bulan Julai 2017.

Pencapaian dan Cabaran

Projek MRT mencapai kemajuan ketara pada tahun 2013, dengan kerja pembinaan diteruskan pada asas laluan pandu bertingkat dan penggalian stesen bawah tanah sistem tersebut setelah 10 buah Mesin Gerek Terowong dihantar ke beberapa tapak pembinaan.



Pintu Gerbang Semantan Februari 2013

Pada bulan Jun 2013, SPAD membentangkan rancangan pelaksanaan akhir untuk Laluan 2 dan Laluan 3 MRT kepada Majlis Ekonomi. Rancangan tersebut kini sedang menunggu kelulusan daripada Kerajaan.

Sebagai projek infrastruktur terbesar Malaysia, pembinaan projek MRT tidak terlepas daripada beberapa cabaran yang perlu diatasi, termasuklah:

1. Reka bentuk dan pembinaan Stesen Bukit Bintang dalam persekitaran bandar yang sesak
2. Skala fizikal Stesen Pasar Rakyat, yang memerlukan penggalian kawasan seluas 300,000 meter persegi, dan memastikan struktur stesen siap tepat pada masanya
3. Bilangan kakitangan terlatih dan berpengalaman yang tidak mencukupi untuk mengurus beberapa mesin gerek terowong secara serentak
4. Terlalu banyak utiliti yang belum dipetakan yang tidak selari dengan asas tembok sambut jejambat

Meskipun begitu, MRT Corp telah melaksanakan kaedah inovatif untuk mengatasi cabaran tersebut, seperti menggunakan peralatan berteknologi tinggi, mempelbagaikan sumber dan melatih tenaga kerja yang terlibat dalam projek ini.

Langkah Seterusnya

Pembinaan MRT hampir mencapai kemuncaknya pada tahun 2014. Sasaran (KPI) MRT Corp untuk tahun tersebut mencakupi:

- 90 peratus penyempurnaan tembok sambut bertingkat
- 80 peratus penyempurnaan laluan pandu bertingkat
- 80 peratus penyempurnaan pembinaan terowong
- 80 peratus penyempurnaan penggalian stesen bawah tanah

Agensi itu turut memperkenalkan KPI baharu berasaskan keselamatan di tapak pembinaan MRT bagi meningkatkan kesedaran. Walaupun penyiapan projek yang tepat pada masanya adalah mustahak, Kerajaan sedar akan peri pentingnya melindungi pekerja projek yang turut sama menyumbang kepada pencapaian status negara berpendapatan tinggi.



Stesen MRT Bukit Bintang sedang dalam pembinaan

EPP 5 Memulihara Sungai Klang untuk Dijadikan Pusat Warisan dan Komersial

Projek Sungai Nadi Kehidupan (*River of Life*, RoL) diperkenalkan untuk mentransformasikan koridor Sungai Klang-Gombak di pusat bandar Kuala Lumpur menjadi *Waterfront* (tepian air) yang ceria, berdaya huni dan tinggi nilai ekonominya.

Hal ini bakal tercapai dengan mempertingkatkan standard air Sungai Klang-Gombak dan anak sungai kepada standard rekreasi (Kelas IIb) dengan memfokuskan tiga aspek utama: pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan tanah.

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS Malaysia) menerajui inisiatif pembersihan sungai dengan sokongan daripada 26 buah agensi merentas empat Kementerian. Agensi tersebut merangkumi tiga pihak berkuasa tempatan yang dalam kawasan pentadbiran masing-masing terdapat aliran Sungai Klang-Gombak. Pihak berkuasa tersebut mencakupi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

Kerja-kerja pengindahan sungai didasarkan pada presint pembangunan Pelan Induk RoL. Perancangan dan pelaksanaan presint ini dipacu oleh Jabatan Perancangan Fizikal (JPF) DBKL.

Pembangunan tanah milik Kerajaan di sepanjang koridor sungai akan mengambil manfaat daripada kerja-kerja pengindahan sungai sepanjang 10.7 km ini. Model pembangunan ini akan diasaskan pada saranan kajian impak ekonomi yang akan dijalankan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Penyelarasan Pembangunan (JPEPP) DBKL.

Pencapaian dan Cabaran

Program pembersihan sungai telah mencatat pelbagai kejayaan sejak kerja-kerja asas untuk perlaksanaan RoL disediakan pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, kebanyakannya tidak dapat dilihat kerana kerja-kerja pembersihan sungai dilakukan di lokasi bukan awam. Pembersihan sungai juga memerlukan masa yang lebih lama untuk menimbulkan hasil yang ketara, sebagaimana dibuktikan oleh pengalaman negara Singapura yang mengambil masa 10 tahun untuk membersihkan sungainya.

Tiga belas inisiatif pembersihan sungai telah dijalankan pada tahun 2013. Antara pencapaian utama inisiatif ini termasuklah penyempurnaan pemasangan 69 perangkap bahan cemar oleh DBKL di bawah bidang kuasanya.

Selain itu, JPS Malaysia berjaya melangkaui sasarannya dengan menyiapkan pembinaan 359 perangkap bahan cemar, benteng balak dan pengaut sampah. Pencapaian lain yang dicatatkan termasuklah pengurangan berterusan tahap pencemaran minyak dan gris melalui pemasangan sejumlah 63 sistem perangkap minyak berpusat dalam kawasan di bawah bidang kuasa MPS dan MPAJ.



Jalan Jelatek, Kuala Lumpur



Sungai Klang, Stesen Pasar Seni, Kuala Lumpur

Sebahagian daripada kempen kesedaran awam untuk Projek Sungai Nadi Kehidupan, Fasa 1 Program Jangkauan Awam (*Public Outreach Programme*, POP) di kawasan tadahan Hulu Sungai Klang telah berjaya menarik pelibatan masyarakat tempatan. POP dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan geografi. Di bawah program ini, Karnival Sungai RoL telah diadakan bersempena dengan Hari Sungai Sedunia pada 29 September 2013. Fasa 2 RoL dimulakan pada suku ketiga tahun 2013, dengan fokus pada tadahan Sungai Bunus yang terletak di dalam kawasan bandar.

Meraih sokongan dan kerjasama orang ramai dalam mendukung matlamat Projek RoL masih lagi merupakan salah satu cabaran utama EPP ini. Aspek penting terhadap kejayaan projek ini ialah rasa tanggungjawab yang kuat dan keprihatinan dalam diri orang ramai terhadap pemeliharaan sungai. Pendudukan dan pekerjaan haram dalam bentuk petempatan penduduk serta aktiviti komersial dan industri dalam kawasan rizab sungai turut menyebabkan kelewatan terhadap projek RoL.

Langkah Seterusnya

Tahun 2014 bakal menyaksikan bermulanya kerja-kerja pembinaan untuk pengindahan sungai di Presint 7. Fasa pertama pemasangan paip pemintas untuk pembersihan sungai di Presint 7 juga akan dilaksanakan pada tahun itu.

Kerja-kerja pembinaan di Presint 7 akan membolehkan orang awam melihat perkembangan dan kemajuan projek Sungai Nadi Kehidupan. Orang ramai akan dapat melihat perlaksanaan kerja-kerja sebenar pengindahan sungai di tengah-tengah pusat bandar.

Penempatan semula setinggan akan dijadikan salah satu fokus di bawah inisiatif pembersihan sungai pada tahun 2014. Berlandaskan persefahaman dan demi manfaat orang ramai, Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan akan bekerjasama erat dalam program penempatan semula.

Kajian impak ekonomi berkaitan dengan program pembangunan tanah akan bermula pada tahun 2014. Matlamat kajian ini adalah untuk meneroka model pembangunan yang paling sesuai bagi meningkatkan nilai tanah milik Kerajaan di sepanjang 10.7 km koridor RoL dan menggantikan perbelanjaan sebanyak RM4 bilion yang digunakan untuk projek RoL.

Berkenaan dengan program kesedaran awam bagi projek ini, POP kajian Fasa 2 untuk tadahan Sungai Bunus akan dilancarkan sepenuhnya sepanjang tahun 2014.

EPP 6 Penghijauan Kuala Lumpur

EPP ini menyasarkan penambahan kawasan hijau KL sejajar dengan usaha untuk menjadikannya antara 20 bandar raya terbaik untuk didiami di dunia. Bandar raya KL kini mempunyai 11 meter persegi kawasan hijau bagi setiap orang, berbanding dengan 22 meter persegi di Vancouver, Kanada, yang telah dinobatkan sebagai bandar yang paling berdaya huni.

DBKL, iaitu peneraju EPP ini, menyasarkan penanaman 100,000 pokok rendang di sekitar KL menjelang tahun 2020. Di samping itu, mereka akan cuba mendapatkan tajaan daripada sektor swasta untuk menanam pokok serta mewujudkan taman-taman poket di Kuala Lumpur. Aktiviti luar juga akan dipromosikan dan digalakkan untuk meningkatkan bilangan aktiviti komersial di sekitar pusat bandar, sekali gus menyumbang secara tidak langsung kepada PNK.

Pencapaian dan Cabaran

Sejumlah 36,178 pokok telah ditanam pada tahun 2013 menerusi program penanaman 30,000 pokok setahun. Daripada sasaran 100,000 pokok, sebanyak 99,523 pokok telah pun ditanam. Di samping itu, 5,000 pokok lagi telah ditaja oleh sektor awam dan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO).

Antara cabaran EPP ini ialah keperluan untuk mengurus jangkaan bakal penaja di bawah *Signature Park Adoption Programme*. Walaupun syarikat meminta taman poket terletak di lokasi utama untuk memanfaatkan peluang keterlihatan dan penjenamaan, namun lokasi ini adalah terhad. Oleh itu, penaja awal akan mempunyai lebih banyak pilihan lokasi taman poket kerana program ini dijalankan secara 'siapa cepat dia dapat', iaitu syarikat yang lebih dahulu menaja taman akan diutamakan.

Ruang yang terhad di dalam bandar KL turut menjadi kekangan bagi mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk menanam pokok. Oleh itu, penyelesaian baharu sedang dipertimbangkan, seperti meningkatkan penggunaan taman atas bumbung.

Langkah Seterusnya

DBKL akan menanam 30,000 pokok lagi pada tahun 2014 dan memelihara pokok yang telah ditanam sepanjang tiga tahun lepas.

Pada masa yang sama, DBKL akan melipatgandakan usaha untuk menggalakkan penyertaan syarikat sektor awam dan swasta dalam program penghijauan KL. Pasukan Hijau KL juga akan terus berusaha mendapatkan penyertaan sektor swasta melalui penajaan pokok, penanaman pokok atau *Signature Park Adoption*.



Menanam pokok buluh pada Hari Buluh Sedunia, Taman Bukit Jalil

EPP 7 Membentuk Tempat dan Tarikan Ikonik

EPP ini menyasarkan pembinaan tempat-tempat menarik yang unik dan ikonik untuk meningkatkan daya tarikan Greater KL/KV kepada pelancong dan juga penduduknya. DBKL, bersama-sama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan, akan menerajui EPP ini dalam mengenal pasti dan memanfaatkan mercu tanda sedia ada bagi menyerlahkan identiti serta warisan KL yang tersendiri.

Inisiatif yang dikenal pasti di bawah EPP ini termasuklah yang berikut:

- Mewujudkan dan Meningkatkan Jejak Warisan (HT): Melalui inisiatif ini, laluan pejalan kaki yang melalui tapak mercu tanda seperti Dataran Merdeka, Medan Pasar dan Pasar Seni telah dibina. Peta laluan, penerangan bertulis dan khidmat pemandu pelancong akan ditambah sebagai kemudahan maklumat. Bangunan bersejarah di sepanjang laluan tersebut akan dipelihara melalui inisiatif ini dan diurus sebagai mercu tanda berkaitan untuk pelawat yang berkunjung ke Kuala Lumpur. Tiga laluan telah dikenal pasti:
  - Jejak Warisan 1: Masjid Negara – Dataran Merdeka
  - Jejak Warisan 2: Masjid Jamek – Pusat Perhutanan Bukit Nanas
  - Jejak Warisan 3: Medan Pasar – Hang Kasturi – Jalan Petaling – Lebuh Pudu – Bangkok Bank
- Menghidupkan Semula Medan Pasar: Kawasan menara jam lama ini telah ditransformasikan menjadi arked pejalan kaki, akan tetapi disebabkan ia kekurangan kafe pinggir jalan, kedai cenderamata dan restoran, beberapa perubahan terhadap operasi peruncitan akan dilakukan
- Penambahbaikan serta pemuliharaan Masjid Jamek: Sebagai masjid tertua di KL, Masjid Jamek merupakan tarikan utama pelancong yang terletak di pertemuan Sungai Klang dan Sungai Gombak. EPP ini telah menyaksikan kerja pembaikpulihan masjid dengan kemudahan yang dipertingkatkan
- Membangunkan *Malaysia Truly Asia Centre* (MTAC): Projek ini sedang dikaji semula berikutan keputusan Kerajaan untuk mengekalkan nilai estetik 65.66 ekar ruang hijau yang terakhir di tengah-tengah bandar

Pencapaian dan Cabaran

Setelah siap kerja pembaikpulihan Masjid Jamek, masjid tersebut dibuka semula kepada khalayak ramai pada bulan Jun 2013. Pasukan projek meneruskan usaha mengindahkan masjid, termasuk menambah baik pencahayaan muka hadapan masjid.

Antara cabaran yang dihadapi oleh EPP ini adalah dalam usaha mendapatkan perunding atau kontraktor selain memantau kemajuan kerja untuk projek Jejak Warisan. Halangan dalam EPP ini termasuklah kesukaran dalam mendapatkan pengusaha tempatan yang berkebolehan dan penyelarasan pelaksanaan oleh agensi yang terlibat dalam EPP ini.



Medan Pasar setelah dijadikan kawasan pejalan kaki sepenuhnya



Masjid Jamek selepas kerja pembaikpulihan

Langkah Seterusnya

Pada tahun akan datang, pasukan-pasukan yang menerajui pelaksanaan di bawah EPP ini akan memfokuskan usaha merealisasikan pelaburan yang telah dibuat sejak tahun 2011. Ini termasuk mengubah hala tuju perniagaan aktiviti komersial di kawasan Medan Pasar untuk meningkatkan sumbangan kepada PNK dan pewujudan peluang pekerjaan. Pada masa yang sama, kawasan tersebut akan diberikan nafas baharu untuk memperkukuh nilainya sebagai tarikan pelancong. Usaha akan diambil untuk menonjolkan dan menyepadukan tempat ikonik dan tapak warisan di KL untuk meningkatkan kesedaran dan menarik pelancong.

Susulan penyempurnaan Jejak Warisan 2 pada tahun 2013 dan Jejak Warisan 3 pada suku pertama tahun 2014, satu proses pemilihan untuk mengenal pasti Jejak Warisan 5, dalam bentuk pertandingan, kini sedang dianjurkan untuk tahun 2014. Jejak Warisan 4, yang akan meliputi laluan ke arah Jalan Petaling, terletak di bawah Presint 7 (projek Sungai Nadi Kehidupan).

Bagi memastikan bangunan warisan dan tempat ikonik lain tidak tercicir dalam perancangan jejak warisan di Kuala Lumpur, satu kajian menyeluruh sedang dijalankan bersama-sama dengan Badan Warisan untuk menghasilkan pelan induk jejak warisan.

EPP 8 Mewujudkan Rangkaian Pejalan Kaki yang Menyeluruh



Jalan Ipoh, Kuala Lumpur

Sasaran EPP ini adalah untuk menambah baik kemudahsampaian buat pejalan kaki dan golongan kurang upaya di Greater KL/KV, dengan mewujudkan rangkaian pejalan kaki bersepadu sepenuhnya dan bebas halangan menjelang tahun 2020.

Kemudahan akan direka mengikut Konsep Bandar Selamat, yang memfokuskan penggunaan reka bentuk mesra alam sekitar dan penempatan peranti keselamatan untuk mengurangkan peluang kemungkinan berlakunya jenayah. Konsep Bandar Selamat merupakan inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Jenayah dalam Program Transformasi Kerajaan.

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2013, kerja-kerja penaiktarafan di kawasan laluan pejalan kaki berikut telah disiapkan:

- Kaki lima sepanjang 5.9 km di Jalan Ipoh, Jalan Pahang, Jalan Raja Muda Abdul Aziz dan Jalan Dr Latiff
- Kaki lima sepanjang 4.0 km di Jalan Binjai, Persiaran KLCC dan Jalan Kia Peng
- Kaki lima sepanjang 3.8 km di Jalan Dang Wangi, Jalan Conlay, Jalan Khoo Teik Ee, Jalan Melati dan Jalan Horley

Mentransformasikan Kuala Lumpur menjadi Kota Mesra Pejalan Kaki

Keterhubungan laluan pejalan kaki dari satu tempat ke tempat lain merupakan elemen penting dalam bandar yang berdaya huni. Bandar raya paling berdaya huni di dunia seperti Vancouver dan Melbourne mempunyai rangkaian pejalan kaki menyeluruh yang menyediakan kesalinghubungan yang lancar ke setiap pelosok bandar.

Berjalan kaki merupakan suatu kelaziman di bandar-bandar ini, dengan rangkaian pejalan kaki diberikan keutamaan yang tinggi dalam usaha pembangunan bandar bagi menawarkan kemudahan dan akses yang selamat ke destinasi berdekatan dalam jarak berjalan kaki.

EPP 8: Mewujudkan Rangkaian Pejalan Kaki yang Menyeluruh, berusaha untuk menambah baik keterhubungan laluan pejalan kaki di Kuala Lumpur agar menyamai sistem di bandar berdaya huni yang lain, dengan meningkatkan akses pejalan kaki di tempat yang kekurangan kemudahan tersebut sebelum ini.

Matlamat akhir EPP ini adalah untuk mentransformasikan Kuala Lumpur menjadi bandaraya mesra pejalan kaki dengan laluan pejalan kaki yang lebih mudah dilihat, diakses dan selamat digunakan.

EPP 8 berusaha untuk menambah baik keterhubungan laluan pejalan kaki agar menyamai sistem di bandar berdaya huni yang lain

Cabaran utama dalam merealisasikan matlamat EPP ini masih lagi berkaitan dengan penunggang motosikal yang terus menggunakan kaki lima sebagai jalan pintas untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas atau sebagai tempat letak motosikal. Oleh sebab penguatkuasaan 24 jam terhadap kesalahan ini tidak dapat dilakukan, kesedaran dan timbang rasa orang ramai memainkan peranan penting dalam mengatasi kelemahan ini.

Langkah Seterusnya

Bagi tahun 2014, EPP ini akan memfokuskan usaha menaik taraf baki 5 km daripada keseluruhan 42 km laluan pejalan kaki yang perlu dipertingkatkan. Pasukan pelaksanaan projek juga akan melawat semula laluan pejalan kaki yang dinaik taraf pada tahun 2011 bagi memeriksa sama ada "pemasangan bumbung" pada laluan pejalan kaki boleh dilakukan bagi menyempurnakan projek laluan pejalan kaki berbumbung paras jalan oleh DBKL.

EPP 9 Membangunkan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal yang Cekap

EPP ini berusaha untuk menambah baik sistem pengurusan sisa pepejal Greater KL/KV bagi meningkatkan daya huni wilayah ini. Empat inisiatif utama telah dikenal pasti untuk mencapai matlamat tersebut:

- Menggalakkan pelaksanaan yang lebih meluas bagi program 3R, iaitu *Reduce* (kurangkan), *Reuse* (guna semula) dan *Recycle* (kitar semula)
- Meningkatkan kapasiti rawatan sisa untuk mengurangkan pergantungan kepada tapak pelupusan
- Meningkatkan tadbir urus pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pembersihan awam
- Menilai penggunaan penyelesaian baharu pengurusan sisa, seperti pengumpulan sisa sampah automatik dan penggunaan tong pengomposan dalam *(deep bins)*

Pencapaian dan Cabaran

Agensi pelaksana EPP ini, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), telah membina loji pemprosesan Sisa Pembinaan dan Perobohan di Sungai Kertas. Walau bagaimanapun, penyiapan loji Pencernaan Anaerob di Sungai Besi tertunda disebabkan oleh isu-isu berkaitan dengan tanah.

Langkah Seterusnya

JPSPN menyasarkan untuk memproses 10,800 metrik tan sisa di loji pelupusan Sisa Pembinaan dan Perobohan Sungai Kertas pada tahun 2014.

Rancangan untuk membina loji Pencernaan Anaerob di Sungai Besi masih diteruskan, dengan JPSPN terus bekerjasama dengan agensi dan Kementerian berkaitan untuk merealisasikan kemudahan ini seperti yang dihasratkan. Sasaran kapasiti permulaan bagi loji ini adalah untuk memproses 30 tan sisa makanan sehari. Apabila beroperasi sepenuhnya, loji ini yang bakal menjadi fasiliti Pencernaan Anaerob berskala besar yang pertama di Malaysia akan berupaya memproses sisa makanan dan enap cemar bandaran menjadi kira-kira 48,729 liter gas asli sebulan dan 162 tan metrik kompos atau baja sebulan.

PELUANG PERNIAGAAN

1

Menyemarakkan Putrajaya

Pusat pentadbiran Kerajaan, Putrajaya, merupakan bandar satelit yang ideal untuk meraih manfaat daripada kesan limpahan pembangunan Greater KL/KV. Akan tetapi, suasana bandar ini kurang ceria dan dinamik meskipun dilengkapi infrastruktur bertaraf dunia. Inisiatif berikut telah dikenal pasti untuk membantu Putrajaya mencapai potensinya:

- Memberikan wajah baharu kepada boulevard utama dengan menempatkan kedai runcit dan vendor jalanan skala atasan di jaluran utama bandar sejauh 4.2 km untuk menggalakkan lebih ramai pejalan kaki di bandar ini
- Memanfaatkan potensi *waterfront* (tepian air) dengan membangunkan kawasan komersial dan rekreasi di sekitar tepian tasik semula jadi
- Meningkatkan keterhubungan dengan mempertingkatkan kebolehsampaian ke bandar-bandar sekitar (seperti Cyberjaya dan Dengkil)
- Merangsang aktiviti ekonomi dengan membangunkan industri sokongan (seperti industri pendidikan) di kawasan tersebut untuk menggiatkan pembangunan
- Meningkatkan sektor pelancongan dan mengoptimumkan penggunaan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya dengan menambah bilangan acara dan pengunjung

Bagi tahun 2013, inisiatif berikut telah dijalankan untuk merangsang aktiviti ekonomi dan pembangunan:

- Jejak Bandar *(City Trail)* – Satu laluan baharu di sepanjang persiaran telah dibina dari Dataran Putra ke Alamanda, dilengkapi dengan papan penerangan, peta dan khidmat trem. Infrastruktur lain, pencahayaan dan CCTV di kawasan itu turut ditambah baik untuk meningkatkan keselamatan pengguna laluan
- Pencahayaan Persiaran 2013 – inisiatif ini melibatkan usaha menerangi persiaran di sepanjang Presint 1, 2, 3, 4, 5 dan 18 sebagai persediaan untuk Festival Cahaya Putrajaya *(Putrajaya Lighting Festival)* yang telah diadakan pada bulan Disember
- Selain pembangunan yang disebutkan, Putrajaya turut menganjurkan acara yang berikut:
  - FLORIA Putrajaya (Jun 2013)
  - Festival Kebudayaan dan Kesenian Islam Antarabangsa Putrajaya (1-10 November 2013)
  - Festival Cahaya Putrajaya (13-15 Disember 2013)
  - Promosi Jejak Bandar Putrajaya

2

Perumahan

Peluang Perniagaan ini tidak lagi dipantau oleh NKEA Greater KL/KV dan telah dipindahkan ke bawah bidang kuasa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

3

Perkhidmatan Asas Pembetungan

Sistem pembetungan yang cekap merupakan kemudahan asas di sesebuah bandar. Memandangkan penduduk Greater KL/KV dijangka bertambah daripada enam juta kepada sepuluh juta menjelang tahun 2020, kemudahan sedia ada perlu dinaik taraf seiring dengan pertambahan tersebut.

Usaha sedang dijalankan untuk merasionalkan loji rawatan kumbahan yang kecil (STP), yang akan digantikan menjadi rangkaian serantau yang lebih besar, cekap dan menggunakan teknologi terkini.

Kira-kira 32 STP serantau dan 1,495 STP berbilang tempat *(multi-point)* tidak memenuhi standard Jabatan Alam Sekitar pada masa ini. Kerajaan akan membiayai penambahbaikan yang diperlukan untuk menaik taraf 91 peratus daripada kesemua STP kepada Standard A Kategori 1 menjelang tahun 2020. Selain itu, 346 km rangkaian paip pembetungan sedia ada akan turut dinaik taraf.

Ringkasan NKEA Greater KL/Klang Valley

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	**RM190 bilion**
Pekerjaan Tambahan	**0.32 juta**

Sasaran kritikal bagi tahun 2014

- Untuk mencapai kedudukan ke-75 pada Indeks Kebolehunian
- Menarik Syarikat Multinasional
  - Surat tunjuk minat disasarkan kepada 13 MNC bagi menubuhkan ibu pejabat serantau atau hab serantau di GKL
  - Sasaran penjanaan sebanyak 600 peluang pekerjaan di bawah Greater KL/KV
- Menarik Tenaga Mahir
  - *Returning Expert Programme* menyasarkan kepulangan 1,200 ekspatriat ke Malaysia
  - *Residence Pass Programme* menyasarkan kelulusan 1,000 pas
  - Program STAR berhasrat untuk mendapatkan 2,000 pemegang biasiswa JPA
  - Program Latihan Berstruktur menyasarkan penempatan bagi 12,000 pelatih
  - Inisiatif GEMS & Peningkatan Kemahiran menyasarkan 7,000 peserta
- Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR)
  - Penyiapan kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) Terperinci, di sepanjang penjajaran HSR yang dicadangkan
  - Penyiapan kajian Penilaian Impak Sosial di sepanjang penjajaran HSR yang dicadangkan
- Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi
  - Penyempurnaan 90% tembok sambut
  - Penyempurnaan 80% asas laluan pandu bertingkat
  - Penyiapan 12,818 meter terowong bawah tanah
  - Penyempurnaan 80% penggalian stesen bawah tanah
- Sungai Nadi kehidupan
  - Penyempurnaan 73% bagi enam pakej untuk membina kemudahan pembetungan
  - Pengurangan 80% sampah yang terkumpul di benteng balak di SMART
  - Pembinaan 14 pakej untuk pembersihan sungai dijangka siap 100%
  - Keputusan analisis daripada stesen pemantauan kualiti air mematuhi Indeks Kualiti Air sungai pada paras 60
  - Penyempurnaan 25% pembinaan sistem pemintas dan empang limpah boleh kuncup di Presint 7
  - Penyempurnaan 25% kerja-kerja pengindahan sungai di Presinct 7
- Tempat Ikonik
  - Menarik 10,000 pelancong tempatan dan antarabangsa melalui Jejak Warisan
- Laluan Pejalan Kaki
  - Menaik taraf sistem rangkaian pejalan kaki tidak berbumbung sepanjang 12 km
- Pengurusan Sisa Pepejal
  - Penyempurnaan 100% pengujian & pentauliahan loji pencernaan anaerob
  - Jumlah tan sisa pembinaan dan perobohan yang diproses di fasiliti Sungai Kertas dijangka 10,800 tan metrik

Pemangkin Perubahan

GREATER KUALA LUMPUR/ KLANG VALLEY

pengalaman bersama perkhidmatan awam



Datuk Seri Adnan Md Ikhsan
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan

NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley adalah unik berbanding NKEA lain kerana inisiatif-inisiatifnya ditumpukan kepada pembangunan rantauan geografi. Diterajui Kementerian Wilayah Persekutuan, NKEA ini juga melibatkan usaha pelaksanaan daripada lebih 40 agensi Kerajaan dan syarikat swasta dalam mentransformasikan kawasan Greater Kuala Lumpur/Klang Valley menjadi hab yang meriah serta bertaraf dunia bagi membolehkan penduduk dan pelawat berupaya untuk hidup, bekerja dan beriadah dalam suasana selesa.

"Kementerian ini seterusnya dilihat sebagai titik tumpuan dan hab bagi inisiatif-inisiatif untuk NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley. Sebagai NKEA yang bersifat berbilang sektor, tugasan yang dihadapi adalah amat mencabar dan kami telah melibatkan, menyelaraskan, mempermudahkan dan menangani isu bersama-sama dengan pelbagai agensi pelaksana dan pihak berkepentingan untuk melaksanakan EPP ini," menurut Datuk Seri Adnan Md Ikhsan, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan.

NKEA ini memerlukan penyelarasan dan kerjasama rapat dengan semua agensi yang terlibat kerana sifatnya yang rumit. "Segala rintangan harus diatasi dan semua pihak digalakkan untuk bersikap terbuka dan keluar dari kepompong zon selesa mereka," kata Datuk Seri Adnan. Walau bagaimanapun, beliau berpendapat NKEA ini berada pada landasan yang betul.

"Saya berasa bangga kerana kami kini giat berusaha memupuk benih transformasi. Berbekalkan usaha-usaha ini, bandaraya Kuala Lumpur berupaya mencapai matlamat utama menjadi bandaraya ekonomi terkemuka dan antara bandaraya yang paling selesa didiami di dunia menjelang tahun 2020.

"Berdasarkan kemajuan yang dicapai setakat ini, kebanyakan daripada EPP ini telah mencatat pencapaian utama pada tahun 2013 dan ini adalah ukuran kejayaan usaha kakitangan sektor awam, termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan. Contohnya, Datuk Bandar Kuala Lumpur telah meneraju Jawatankuasa Pembangunan Bersama bagi projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL), yang merupakan usaha bersama yang melibatkan lebih daripada 26 agensi Kerajaan, sektor swasta dan para perunding," kata beliau.

Namun demikian, pelaksanaan NKEA ini masih menghadapi pelbagai cabaran, terutamanya dalam mendapat penerimaan rakyat. "NKEA merangkumi projek-projek negara yang berskala terbesar dan biaya kewangan tertinggi dan pada masa yang sama, projek-projek ini memberi impak langsung yang paling positif kepada rakyat. Sehubungan dengan ini, antara cabaran terbesar yang kami hadapi adalah dalam memastikan sokongan dan penerimaan rakyat terhadap projek-projek ini, terutamanya projek yang berimpak tinggi seperti MRT dan Sungai Nadi Kehidupan (RoL)."

"Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai langkah untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan yang bakal meningkatkan kualiti hidup penduduk bandaraya Kuala Lumpur. Namun, saya berpendapat bahawa segelintir masyarakat kurang memahami dan kurang menghargai usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan," kata Datuk Seri Adnan.

Untuk mengatasi persepsi ini, Datuk Seri Adnan berkata Kementerian sedang berusaha untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan rakyat. Beliau percaya masih banyak yang boleh dilakukan untuk meningkatkan persepsi awam. Beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan termasuk pembangunan laman web untuk menerangkan matlamat khusus projek-projek ini, di samping menyediakan maklumat kemajuan dan impak projek-projek secara langsung kepada rakyat.

Kementerian juga berhasrat untuk bekerja secara rapat dengan agensi pelaksana dan PEMANDU untuk memastikan pendekatan yang lebih holistik dan bersepadu dalam pelan komunikasinya.

"Berdasarkan perkembangan kemajuan semasa, saya berasa amat yakin bahawa NKEA ini akan mencapai sasarannya menjelang tahun 2020. Contohnya, pada tahun 2013 InvestKL melebihi sasaran tahunannya untuk menarik 10 MNC ke Kuala Lumpur apabila ia berjaya menarik 15 MNC untuk bertapak dan membuka pejabat tempatan di Kuala Lumpur.


"Begitu juga bagi projek MRT di mana kemajuannya jelas dilihat dengan jangkaan siap menjelang tahun 2016. Bagi projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL) pula, tahun-tahun kebelakangan ini ditumpukan kepada pembersihan sungai. Pada tahun 2014, penduduk Kuala Lumpur akan menyaksikan transformasi sungai-sungai ini dari segi estetik apabila komponen projek pengindahan sungai bermula. Pendek kata, saya berasa sangat positif bahawa kita boleh mencapai sasaran pembangunan menjelang tahun 2020," kata Datuk Seri Adnan.

Beliau juga mengingatkan akan peranan penting yang dimainkan oleh perkhidmatan awam dalam memudahcarakan pencapaian-pencapaian ini, kerana sektor awam juga telah menjalani transformasi sejajar dengan perkembangan Malaysia untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

"Sepanjang tempoh perkhidmatan saya, saya telah menyaksikan banyak perubahan dalam perkhidmatan awam. Penjawat-penjawat awam kini lebih dinamik, responsif dan bersifat profesional. Tidak hairan sekiranya mereka ini memainkan peranan utama dalam memacu transformasi dan mewakili teras sistem penyampaian inisiatif NKEA ini. Proses ini sememangnya mencabar tetapi keutamaan kami adalah untuk mempercepatkan pelaksanaan dan menyegerakan pembuatan keputusan. Saya amat mengagumi tahap komitmen yang ditunjukkan oleh pasukan ini walaupun berdepan dengan pelbagai halangan dan masalah," kata beliau.



MINYAK, GAS DAN TENAGA





Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Ongkili
Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

Pasaran tenaga global sedang mengalami perubahan yang besar berikutan beberapa perkembangan penting. Antaranya, kebangkitan semula Amerika Syarikat (A.S.) menjadi pengeluar utama minyak dan gas yang terbesar dunia pada tahun 2013 hasil daripada penerokaan dan pengeluaran minyak syal secara besar-besaran.

Selain itu, pemulihan ekonomi Amerika Syarikat (A.S.) dijangka mendorong kerajaannya mengurangkan program pembelian bon yang mungkin membawa kepada berakhirnya era kadar kecairan yang tinggi dalam pasaran di Asia dan pasaran komoditi *futures*. Perkembangan ini akan menimbulkan impak yang tidak menentu dan sukar untuk dikawal.

Sebagai penjaga sumber tenaga negara, Kerajaan dan PETRONAS gigih berusaha untuk meneroka telaga minyak marginal dan membina rizab untuk mengekstrak lebih banyak sumber minyak dan gas. Kita juga telah membina industri petrokimia yang intensif dengan mewujudkan kompleks petrokimia bersepadu di Johor dan Sabah. Sekiranya dilaksanakan dengan betul, ia akan menambah nilai yang amat besar kepada rantaian bekalan tenaga dan mentransformasikan negara kepada hab minyak dan gas.

Ini juga bermakna Kerajaan harus memikirkan semula cara Malaysia menggunakan tenaga untuk membekalkan kuasa kepada industrinya yang berorientasikan eksport. Ini bermakna Kerajaan perlu menggalakkan kecekapan penggunaan tenaga, merasionalisasikan subsidi dan menggunakan sumber tenaga boleh baharu seperti tenaga solar dan biomass yang secara kolektifnya mempunyai potensi untuk menjana penjimatan kos untuk industri dan juga Kerajaan sambil meluaskan pengetahuan dan meningkatkan inovasi teknologi.

Beberapa kejayaan juga telah dicapai setakat ini. Langkah-langkah proaktif dalam menggalakkan pelaburan dalam telaga marginal luar pantai Malaysia telah memberi peluang kepada firma tempatan untuk membina perkongsian yang bernilai dengan syarikat global, yang seterusnya merangsang pengeluaran domestik di samping memupuk budaya pemindahan teknologi.

Terminal penggasan semula *(regasification)* PETRONAS di Melaka telah menyalurkan kargo import pertama gas asli cecair memasuki saluran paip gas di Semenanjung Malaysia pada tahun ini. Ia merupakan sebahagian daripada langkah jangka panjang dalam menentukan keselamatan bekalan tenaga dan merasionalisasikan subsidi bagi sektor industri.

Walau bagaimanapun, masih terdapat cabaran lain yang harus dipertimbangkan. Penstrukturan semula pasaran tenaga di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak perlu dilakukan secara berperingkat agar tidak membebankan rakyat. Pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang meneliti secara serius kepelbagaian penjanaan tenaga dalam negara ini dalam melaksanakan pembidaan kompetitif bagi loji janakuasa baharu.

Berdasarkan visi yang jelas, Malaysia bersedia untuk memperoleh kecekapan dan nilai yang lebih tinggi daripada sektor tenaga untuk faedah semua pihak berkepentingan terutamanya untuk seluruh rakyat Malaysia, bagi generasi hari ini dan masa hadapan.

Air ialah Kehidupan,Tenaga ialah Kekayaan dan Teknologi Hijau adalah Pengubah Haluan
Water is Life, Energy is Wealth and Green Technology the Game Changer

MINYAK, GAS DAN TENAGA

Sektor Minyak, Gas dan Tenaga (OGE) mewakili lebih kurang 20 peratus daripada ekonomi Malaysia. Untuk menambah nilai, NKEA Minyak, Gas dan Tenaga menumpukan kepada tiga perkara — mengembangkan sektor hiliran, meningkatkan pengeluaran domestik dan bergerak ke arah tenaga boleh baharu.

Tiga belas Projek Permulaan (EPP) akan menyampaikan sasaran NKEA dalam menjana Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM131.4 bilion dan mencipta 52,300 pekerjaan tambahan menjelang tahun 2020. Projek-projek ini termasuk mentransformasikan Malaysia menjadi hab minyak dan gas dan menawarkan insentif cukai untuk meneroka dan membangunkan telaga marginal serta mengangkat status negara sebagai pengeluar minyak kedua terbesar di Asia Tenggara.

NKEA ini menyasarkan untuk mencapai pertumbuhan lima peratus dalam sektor ini setiap tahun sehingga tahun 2020 berlandaskan pembinaan platform tenaga mampan yang merangkumi rasionalisasi subsidi bahan api dan dorongan yang lebih kukuh ke arah penghasilan tenaga boleh baharu. Sebagai syarikat minyak nasional negara, PETRONAS akan menerajui NKEA ini dengan sokongan daripada pemain utama industri seperti Shell, ExxonMobil dan Royal Vopak yang telah membuat pelaburan yang banyak dalam sektor ini. Kementerian dan agensi Kerajaan seperti Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC) dan Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) juga memainkan peranan yang penting dalam membangunkan NKEA ini.

Semakin Malaysia menghampiri tahun 2020, sektor awam dan swasta akan mengorak langkah kerjasama yang lebih rapat dalam menghasilkan lebih banyak nilai untuk industri minyak dan gas. Perkembangan semula jadi mana-mana industri ekstraktif adalah untuk menambah lebih nilai kepada produk dan memperoleh pulangan ekonomi yang mampan. Pada masa yang sama, tenaga harus digunakan dengan lebih cekap untuk menjana industri dan meneruskan kadar pertumbuhan Malaysia yang kukuh.

Pada tahun 2013, tiga EPP telah dinamakan semula untuk mencerminkan perubahan dalam sektor OGE yang sentiasa berubah. EPP 6 telah dinamakan semula kepada "Menggalakkan Pelaburan dalam Industri Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE)" untuk menumpukan kepada membantu syarikat mengkhusus dalam bidang unik yang sangat menguntungkan industri. Sementara itu, EPP 7 telah berkembang daripada hanya mendorong penyatuan industri kepada menggalakkan firma tempatan yang telah mencapai potensi sebenar mereka untuk mengeksport perkhidmatan dan produk mereka dan mengehadkan kebergantungan pada projek tempatan. EPP 8 juga telah dinamakan semula bagi mencerminkan tumpuan yang telah diperbaharui ke arah menarik syarikat multinasional untuk menubuhkan operasi mereka di Malaysia melalui usaha sama dengan firma tempatan.

Petunjuk Prestasi Utama 2013

NKEA Minyak, Gas dan Tenaga		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Sumber Tambahan – Juta Tong Tangki Stok (MMstb)	*Maklumat sulit atas permintaan pihak yang berkaitan							
EPP #2	Pengeluaran dari Kawasan Pinggiran (Minyak) – Ribu Tong Minyak Sehari (kbd)								
	Pengeluaran dari Kawasan Pinggiran [Gas] - Juta Meter Padu Sehari (MMscfd)								
EPP #3	Bilangan telaga minyak yang telah diteroka								
EPP #4	Bilangan syarikat dagangan minyak yang berpangkalan di Malaysia	6	10	167	●	100	●	1.0	●
EPP #5	Implementasi *Third-Party Access* (Persediaan 4 rangka kerja undang-undang penting)	100%	90%	90	●	90	●	0.5	●
EPP #6 & 8	Jumlah pelaburan yang dibuat oleh Syarikat Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) (RM juta)	2,000	1,832	92	●	92	●	0.5	●
EPP #7	Bilangan pembida pertama kali (syarikat) untuk projek antarabangsa di segmen pasaran baharu (termasuk negara baharu atau segmen pasaran dalam negara yang sama)	4	5	125	●	100	●	1.0	●
EPP #9	Penurunan dalam bil elektrik melalui pengurusan tenaga di semua pejabat kerajaan	Mula melaksanakan EPC di bangunan kerajaan	50%	50	●	50	●	0.5	●
	Pasaran untuk peralatan elektrik bertaraf 5 bintang	40%	46%	115	●	100	●	1.0	●

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

NKEA Minyak, Gas dan Tenaga		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #10	Jumlah tambahan kapasiti pemasangan loji tenaga boleh baharu bersambung grid (MW)	150	149.78	100	●	100	●	1.0	●
EPP #13	Penyiapan Pelan Induk Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Penyiapan Pelan Induk Sipitang Oil & Gas Industrial Park (SOGIP)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
				97%		**85%**		**73%**	

Rajah 2.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1 Mencergaskan Semula Telaga Sedia Ada Menerusi Pemerolehan Minyak Tertingkat (EOR)

EPP ini menggalakkan penggunaan teknologi canggih untuk meningkatkan pengeluaran dari telaga minyak matang Malaysia. EOR boleh merangsangkan pemerolehan minyak sebanyak 30-50 peratus, berbanding kebiasaan pemerolehan minyak industri sebanyak 20-35 peratus. Dengan permintaan tenaga yang semakin meningkat di seluruh dunia, pengetahuan teknikal yang diraih daripada membangunkan projek EOR di Malaysia boleh digunakan dalam penerokaan antarabangsa dan projek-projek pengeluaran.

Pencapaian dan Cabaran

Antara pencapaian utama PETRONAS dalam bidang ini ialah kerjasama yang sedang berjalan dengan ExxonMobil untuk melaksanakan teknik EOR di lapangan Tapis. Pada tahun 2013, projek ini yang juga membabitkan PETRONAS Carigali Sdn Bhd yang terletak di luar pantai Semenanjung Malaysia, mencatat peristiwa penting dengan siapnya pembinaan pelantar pemprosesan pusat, iaitu sisi atas Tapis-R. Pelantar ini dibina oleh subsidiari PETRONAS, Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn Bhd (MMHE) dan dijadualkan dipasang pada jaketnya menjelang Suku Pertama Tahun 2014.

Projek ini bertujuan untuk merangsang pengeluaran dari tahun 2014 dan seterusnya untuk mencapai 25,000 hingga 35,000 tong sehari *(bpd)* menjelang tahun 2017 daripada 5,000 tong sehari sekarang ini. Sebagai EOR yang terbesar di luar pantai Asia Tenggara, projek ini bertujuan untuk melanjutkan usia medan minyak itu kepada 30 tahun melalui jumlah pelaburan bernilai RM10 bilion.

Langkah Seterusnya

PETRONAS akan terus meneroka peluang EOR dan melaksanakan teknik EOR di kawasan-kawasan yang sesuai di luar pantai Malaysia. PETRONAS telah mengenal pasti 14 medan minyak yang berpotensi termasuk Tapis, Baram Delta dan Utara Sabah, dengan lima adalah di Sarawak, empat di Sabah manakala selebihnya di luar pantai Semenanjung Malaysia. PETRONAS menjangkakan mengekstrak 750 juta sehingga 1 bilion tong minyak dari 14 medan yang dikenal pasti ini.

Oleh kerana projek medan Tapis kini sudah pun berada di peringkat lanjut, projek-projek lain pula akan dilaksanakan secara berperingkat apabila tiba masanya.

EPP 2 Membangunkan Telaga-telaga Kecil Melalui Penyelesaian Berinovasi

Disebabkan oleh keadaan geologi dan petrofizik yang kompleks, penerokaan dan pengekstrakan minyak dari telaga-telaga kecil ini adalah mencabar dari segi teknikal dan ekonomi. Memandangkan sebahagian besar daripada sumber yang tinggal terletak di medan dengan kurang daripada 30 juta tong minyak boleh diperoleh, EPP ini bertujuan untuk membuka nilai medan ini untuk mengekalkan pengeluaran petroleum sambil menggalakkan syarikat tempatan dan asing untuk membangunkan kemahiran teknikal baharu.

Di bawah EPP ini, PETRONAS telah melaksanakan langkah-langkah berikut untuk menggalakkan pelaburan di telaga-telaga kecil ini:

1. Memperkenalkan terma baharu Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) untuk memastikan insentif yang mencukupi ditawarkan kepada operator telaga-telaga kecil ini
2. Berusaha menarik operator penerokaan dan pengeluaran (E&P) dengan keupayaan khusus dalam membangunkan telaga-telaga kecil
3. Memudahkan kerjasama antara pemain industri untuk memperbaiki skala ekonomi pembangunan telaga-telaga kecil dan menggalakkan perkongsian kemudahan

Pencapaian dan Cabaran

Medan Berantai yang telah memulakan pengeluaran pada tahun 2012, mencapai peningkatan anggaran gas boleh diperoleh sebanyak 15 peratus berbanding tahun 2011. Pengeluaran minyak dari Lapangan Minyak Balai telah pun bermula pada 6 November 2013, menggunakan Kapal Pengeluaran Awal (EPV) sebagai sebahagian daripada program Ujian Telaga Lanjutan (EWT) kawasan Kontrak Perkhidmatan Risiko (RCS) itu. RSC Kluster Balai dianugerahkan pada bulan Ogos 2011 kepada BC Petroleum Sdn Bhd, satu usahasama antara Roc Oil (Malaysia) Sdn Bhd, Dialog D & P Sdn Bhd dan PETRONAS Carigali Sdn Bhd.

Langkah Seterusnya

Petronas telah menubuhkan Vestigo Petroleum Sdn Bhd, subsidiari khusus untuk membangunkan medan minyak marginal dan matang dan mengusahakan pertumbuhan tambahan dalam bidang ini melalui kaedah operasi, teknikal dan kos efektif. Salah satu objektif strategi Vestigo ialah untuk membina keupayaan teknikal dan pelaksanaan dalam membangunkan dan mengekstrak minyak dari telaga kecil dan marginal di Malaysia dan luar negara.

EPP 3 Memperhebatkan Aktiviti Carigali

EPP ini menumpukan kepada menemui rizab baharu dalam dekad ini untuk memelihara pengeluaran minyak dan gas Malaysia. Meneroka medan baharu bagaimanapun memerlukan perbelanjaan modal yang intensif disebabkan mana-mana rizab baharu yang ditemui akan mengambil masa beberapa tahun untuk dibangunkan dan menghasilkan pengeluaran.

Penerokaan ini juga akan memerlukan kajian geologi dan geofizik, kajian seismik, dan penggerudian telaga penerokaan serta ujian kaedah penerokaan baharu. Dengan itu, PETRONAS akan mengkaji semula terma PSC dan memperkenalkan perjanjian kontrak petroleum baharu untuk menarik pelaburan penerokaan yang diperlukan dan mempercepatkan projek penerokaan.

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2013, PETRONAS telah mengumumkan kejayaan penggerudian telaga nilaian *Cendor Graben-2* dalam blok PM304 di luar pantai Semenanjung Malaysia. Penggerudian itu dilaksanakan oleh Petrofac (Malaysia PM304) Ltd, operator bagi Blok PM304, bersama-sama dengan rakan kongsi usaha sama PETRONAS Carigali Sdn Bhd, Kuwait Foreign Petroleum Exploration Company dan PetroVietnam Exploration Production Corporation Ltd.

Usaha-usaha yang telah dijalankan telah berjaya mengubah Cendor daripada sebuah medan yang dianggap kecil kepada medan minyak terbesar di Malaysia, meningkatkan anggaran sumber yang boleh diperoleh kepada lebih 200 MMstb, dibangunkan kepada lebih 16 kali ganda daripada semasa ia mula ditemui. Ia dijangka akan menghasilkan lebih kurang 30,000 tong sehari menjelang akhir tahun 2013.

Pada tahun 2013 juga, PETRONAS mengumumkan penemuan minyak dan gas di telaga *Adong Kecil West-1* di Block SK333, di daratan di Sarawak, iaitu penemuan minyak dan gas di daratan yang pertama di Malaysia dalam tempoh 24 tahun. Telaga *Adong Kecil West-1* ini terletak kira-kira 20 kilometer di timur laut bandar raya Miri, digerudi oleh JX Nippon Oil & Gas Exploration (Onshore Sarawak) Limited, iaitu operator bagi Blok SK333, bersama-sama dengan rakan usaha samanya, PETRONAS Carigali Sdn Bhd.

Ujian gerudi medan telah mencatatkan kadar aliran kira-kira 440 tong minyak mentah sehari dan 11.5 juta meter padu standard gas sehari. JX Nippon Oil & Gas Exploration sedang menjalankan penilaian teknikal untuk menentukan volum sumber medan.

Langkah Seterusnya

Sebagai pemegang amanah sumber-sumber petroleum Malaysia, PETRONAS akan terus mengusahakan pertumbuhan sumber dan penambahan nilai melalui cara inovatif untuk meluaskan potensi sumber hidrokarbon di kawasan penerokaan matang Malaysia.

PETRONAS juga akan terus meneroka cara untuk membangunkan medan yang lebih mencabar dengan menggunakan proses yang lebih mampan dalam membantu meningkatkan pengeluaran minyak dalam berhadapan dengan rizab yang semakin menyusut dan permintaan yang semakin meningkat. Tambahan pula, JX Nippon Oil & Gas Exploration dan PETRONAS Carigali Sdn Bhd akan meneruskan aktiviti penerokaan di daratan bagi membantu PETRONAS merancakkan semula aktiviti penerokaan sumber minyak dan gas di kawasan daratan Malaysia.

Terdapat juga tanda-tanda bahagian dalam pesisir Sarawak yang berpotensi tinggi dalam kandungan hidrokarbon. Bagaimanapun, menerusi tekanan yang tinggi, operasi penggerudian lebih mencabar untuk takungan yang lebih dalam dan dermaga dengan spesifikasi tinggi diperlukan untuk menguji jarak terbabit.

EPP 4 Membina Hab Pusat Penyimpanan dan Perdagangan Minyak Serantau

Pembangunan ekonomi pesat Asia telah mencipta permintaan tinggi untuk tenaga dan bahan mentah, dengan import produk petroleum dijangka akan digandakan kepada 1.8 juta tong sehari menjelang tahun 2020 daripada 730,000 tong sekarang. Akibatnya, penyimpanan minyak yang mencukupi adalah perlu untuk memenuhi keperluan minyak serantau yang semakin meningkat dan untuk mencipta penyimpanan penimbal minyak mentah yang lebih besar dan produk-produknya yang berkaitan.

Dengan itu, usaha-usaha di bawah EPP ini bertujuan untuk membina penyimpanan minyak dan hab dagangan untuk melengkapi keupayaan penyimpanan bebas 10 juta meter padu yang dimiliki oleh Singapura. Malaysia menjangka akan mencapai sasaran ini dengan memanfaatkan pelabuhan strategik sepanjang Selat Melaka, akses kepada kemudahan marin laut dalam dan ketersediaan tanah.



Terminal Air Dalam Bebas Dialog - Jeti 1

EPP ini juga mengenal pasti empat pemacu perniagaan yang boleh menyokong matlamat ini:

1. Memecahkan kargo minyak mentah dan bahan api dari luar Asia menjadi kargo yang lebih kecil untuk diedarkan di rantau Asia
2. Mengurangkan kos dengan mengadun keluaran minyak mentah dari pengeluar serantau sebelum membekalnya sebagai stok suapan kepada penapis serantau
3. Menggabungkan pelbagai output penapisan bagi memenuhi campuran pelbagai produk hiliran
4. Memanfaatkan peluang arbitraj, di mana pasaran niaga hadapan bagi produk minyak boleh dilindung nilai melalui penyimpanan fizikal

Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC) memainkan peranan penting dalam EPP ini melalui kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa Koridor Ekonomi Wilayah untuk menggalakkan pelaburan swasta. Peranannya termasuk merumuskan penyelesaian bagi menangani isu-isu pelabur utama seperti permit dan skim insentif, serta menjejaki perkembangan projek-projek utama.

Antara projek-projek yang telah direalisasikan daripada EPP ini termasuk perkongsian awam-swasta di antara Kerajaan Negeri Johor, syarikat Belanda Royal Vopak dan Dialog Group, untuk membina terminal penyimpanan minyak laut dalam bebas di Pengerang, Johor serta pelancaran Program Insentif Global untuk Perdagangan (GIFT) pada bulan Oktober 2011.

GIFT, yang diterajui oleh Kerajaan, MPRC dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA), berpayung di bawah Labuan International Trading Commodity Company (LITC). Program ini menawarkan pelbagai insentif cukai untuk menarik pemain minyak dan gas untuk dagangan petroleum dan produk-produk berkaitan petroleum.

Pencapaian dan Cabaran

Pencapaian yang cukup memberangsangkan telah diperoleh dengan pelaburan sedia ada dan baharu. ATT Tanjung Bin Sdn Bhd, subsidiari milik penuh VTTI BV, telah melancarkan terminal penyimpanan minyak keupayaan terbesar di Malaysia pada bulan Januari 2013. Fasiliti ini mempunyai jumlah keupayaan 890,000 meter padu dengan nilai pelaburan sebanyak RM1 bilion.

Usaha sama Dialog-Royal Vopak untuk membangunkan terminal penyimpanan minyak bebas dengan keupayaan 1.3 juta meter padu di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang di Johor kini berada di peringkat akhir pembinaan fasa satu. Terminal ini dijadualkan akan menerima penghantaran kargo yang pertama pada hujung Suku Pertama Tahun 2014.

Sebanyak sepuluh syarikat tambahan telah mendaftar di bawah program GIFT pada tahun 2013, membawa jumlahnya kepada 20 buah syarikat sejak inisiatif ini dimulakan pada tahun 2011.

Cabaran utama yang dihadapi oleh sektor ini walau bagaimanapun mewakili peluang yang perlu dikecapi. Ini adalah kerana pasaran untuk penyimpanan dan dagangan minyak meraih peluang dan risiko daripada turun naik harga. Dengan permintaan dunia berkembang pada 1.5 peratus setahun yang dipacu terutamanya oleh negara sedang membangun, Malaysia berada di kedudukan yang baik untuk menguasai bahagian pasaran dan mentransformasikan negara menjadi hab penyimpanan minyak serantau.

Bagaimanapun, pembinaan penyimpanan minyak memerlukan modal yang intensif. Dalam Malaysia membina reputasi sebagai hab dagangan minyak dan gas, cabaran baru telah muncul seperti kos pembinaan yang semakin meningkat. Cabaran ini sedang ditangani secara berperingkat mengikut keperluan projek.

Langkah Seterusnya

Syarikat-syarikat seperti ATB Tg Bin yang merupakan penyewa utama Pusat Perindustrian Petrokimia dan Maritim di Tanjung Bin, Johor, membuat perancangan untuk menambah keupayaan penyimpanan sebanyak 250,000 meter padu. Keupayaan tambahan ini dijadualkan akan beroperasi pada Suku Kedua Tahun 2015. Kemudahan penyimpanan bitumen PUMA Energy di Tanjung Langsat, di mana syarikat ini telah menyempurnakan acara memecah tanahnya pada Suku Kedua Tahun 2013, dijangka akan mencapai keupayaan fasa pertama 64,000 meter padu pada Suku Kedua Tahun 2014.

EPP 5 Membuka Permintaan Gas Premium Terpendam di Semenanjung Malaysia

Sektor industri dan tenaga Semenanjung Malaysia menghadapi pengeluaran gas domestik yang semakin perlahan, membawa kepada permintaan yang baharu untuk tenaga. EPP ini bertujuan untuk memenuhi permintaan industri dengan mengimport gas asli cecair (LNG) pada harga pasaran.

Ia juga akan menangani permintaan gas terpendam lebih daripada 500 juta standard kaki padu sehari (mmscfd) menjelang tahun 2020, daripada mana 270 mmscfd dijangka mewakili permintaan daripada syarikat yang tidak melabur di Malaysia kerana faktor bekalan gas terhad. Sejumlah 230 mmscfd permintaan sementara itu dijangka mewakili permintaan daripada pengguna industri yang menggunakan diesel berharga lebih tinggi dan mencari gas asli yang lebih murah.

Pencapaian dan Cabaran

Penyiapan Terminal Penggasan Semula (RGT) LNG PETRONAS Gas Bhd (PGB) di Sungai Udang, Melaka memenuhi strategi dua serampang untuk memelihara keselamatan jangka panjang bekalan gas domestik dan menyediakan peningkatan bekalan gas masa depan di Malaysia dengan melengkapi bekalan gas domestik dengan LNG import.

Direka bentuk untuk menerima, menyimpan dan menggas semula sehingga 530 mmscfd LNG import iaitu lebih daripada satu perempat bekalan tempatan semasa berjumlah 2,000 mmscfd dari luar pesisir Terengganu, terminal ini menerima kargo pertamanya pada 30 April 2013 dari Bonny Island, Nigeria yang dibawa oleh kapal MISC Seri Bijaksana. Terminal ini mula beroperasi pada 23 Mei 2013.



Terminal Penggasan Semula PETRONAS Melaka mula beroperasi pada 23 Mei 2013

Pembangunan RGT telah menghadapi beberapa cabaran projek berikutan skala dan kerumitan projek ini. Sesetengah daripada cabaran yang dihadapi berpunca daripada penjadualannya yang ketat, memandangkan keadaan bekalan gas kritikal yang dihadapi oleh negara memerlukan projek ini disiapkan dalam tempoh yang ketat, iaitu 18 bulan. Walaupun menghadapi cabaran dengan kerja dan modul sisi atas dan penggasan semula, pasukan projek telah menggembleng sumber-sumber dan menggandakan usahanya bagi memastikan semua elemen utama projek disiapkan agar ia boleh memulakan operasi pada pertengahan tahun 2013, lebih kurang 29 bulan dari masa ia dimulakan.

Suruhanjaya Tenaga telah menyediakan rangka kerja pengawalseliaan yang berkaitan untuk memastikan bekalan gas asli mencukupi di Semenanjung Malaysia dan Sabah dan menggalakkan syarikat petroleum untuk mula membekalkan LNG ke pasaran Malaysia pada harga dunia, melalui sistem *Third-Party Access* (TPA).

Pengguna akhir boleh mendapatkan bekalan gas mereka sendiri dan mengimportnya melalui RGT dengan membayar kepada PGB fi untuk menggunakan fasiliti penggasan semula dan talian paip sedia ada bahan api tersebut. Inovasi dalam reka bentuk telah membantu mempercepatkan pembangunan fasiliti dan ini akan menentukan penyampaian yang selamat dan boleh dipercayai bagi sumber tenaga yang penting lagi bersih untuk negara.

Rangka kerja undang-undang ini terdiri daripada pindaan kepada Akta Bekalan Gas (GSA) 1993, Akta Bekalan Gas 2013 yang baharu secara keseluruhannya dan kod akses pihak ketiga yang perlu diwartakan oleh Jabatan Peguam Negara dan diluluskan di Parlimen. Suruhanjaya Tenaga akan memulakan rancangan pelaksanaan sebaik sahaja Parlimen meluluskan undang-undang ini pada Suku Pertama Tahun 2014. Rancangan pelaksanaan untuk TPA pula akan berjalan secara berperingkat dan melangkaui tahun 2020.

Langkah Seterusnya

Penyiapan RGT membolehkan PGB mempromosi TPA yang menawarkan penghantar gas luaran selain daripada PETRONAS untuk mengakses dan menghantar gas yang diimport melalui infrastruktur talian paip di bawah struktur tarif khusus. Pengenalan Kod rangkaian PGB telah diumumkan pada 23 Disember 2011 melalui Bursa Malaysia. Dengan menggalakkan kepelbagaian dan persaingan bekalan, TPA membantu memastikan bekalan gas boleh harap dan efisien dibawa masuk ke Semenanjung Malaysia.

PETRONAS and PGB akan terus menyokong Suruhanjaya Tenaga dalam membangunkan rangka kerja pengawalseliaan dalam memudahcarakan TPA. Bersama-sama dengan RGT, TPA akan membuka jalan bagi liberalisasi pasaran gas di Semenanjung Malaysia.

Terminal penggasan semula Malaysia yang dibangunkan oleh PGB telah memulakan operasinya pada bulan Mei 2013

Pembangunan Terminal Penggasan Semula LNG (RGT) Sungai Udang, telah diumumkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Malaysia, pada 11 Jun 2010 sebagai EPP di bawah NKEA Minyak, Gas dan Tenaga. Dengan anggaran bajet sebanyak RM3 bilion, kemudahan ini direncanakan sebagai terminal penggasan semula LNG pertama Malaysia.

Projek ini telah dijalankan di bawah kerjasama strategik yang terdiri daripada PETRONAS Gas Bhd (PGB), Muhibbah Engineering (M) Bhd dan Perunding Ranhill Worley Sdn Bhd.

Fasiliti ini yang terletak tiga kilometer di luar pantai Sungai Udang, Melaka, dianggap satu pencapaian kejuruteraan oleh industri. RGT ini telah dibangunkan berasaskan reka bentuk revolusioner, yang terdiri daripada unit penggasan semula di atas jeti pulau (JRU) yang pertama di dunia seumpamanya, dua unit penyimpanan terapung (FSU) dan saluran paip bawah laut sepanjang 3 km. Saluran paip bawah laut ini di sambungkan kepada talian paip luar pesisir 30 kilometer baharu yang dihubungkan dengan rangkaian saluran paip Penggunaan Gas Semenanjung (PGU) milik PGB. Konsep FSU ini telah membolehkan pasukan projek memecutkan pembinaan kemudahan, berbanding dengan masa yang diperlukan untuk membina kemudahan penggasan semula dan penyimpanan atas darat yang konvensional.

Kedua-dua FSU yang sebelum ini ialah kapal tangki LNG kelas Tenaga yang dimiliki oleh MISC Bhd, cabang perkapalan PETRONAS, akan kekal berlabuh di JRU. Pengubahan kapal tangki kepada FSU telah dibuat di limbungan kapal Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Bhd (MHB) di Pasir Gudang, Johor dan Keppel Shipyard, Singapura. FSU ini direka bentuk untuk kekal berlabuh sekurang-kurangnya 20 tahun tanpa perlu mengedok kering.

Pada bulan Oktober 2013, RGT telah menerima 19 Kargo LNG semuanya yang memberikan kepelbagaian dan kekuatan kepada keselamatan bekalan gas di Semenanjung Malaysia.

EPP 6 Menggalakkan Pelaburan dalam Industri Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE)



Pemandangan aerial gerai pameran luar kawasan di Offshore Technology Conference, Houston

Inisiatif di bawah EPP ini menyasarkan untuk mentransformasikan Malaysia menjadi hab Asia Pasifik untuk aktiviti perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas (OGSE) dengan menggalakkan pelaburan langsung domestik dan luar negara. Langkah ini akan membantu mentransformasikan negara menjadi pangkalan kos efisien bagi aktiviti kejuruteraan, pemerolehan, pemasangan dan pentauliahan di rantau Asia Pasifik.

Dengan itu, EPP ini menumpukan kepada menarik firma utama antarabangsa, terutamanya syarikat berasaskan teknologi, untuk menggunakan Malaysia sebagai pangkalan untuk operasi serantau di samping juga menggalakkan pelaburan langsung domestik untuk memperoleh teknologi proprietari dan aset intensif modal.

Pencapaian dan Cabaran

Perbelanjaan modal oleh firma tempatan semakin meningkat, misalnya dengan UMW Oil & Gas Bhd memperoleh pelantar penggerudian *"jack-up"* Naga-4, yang berupaya menggerudi pada kedalaman air 400 kaki dan penggerudian dalam sejauh 30,000 kaki dalamnya, dengan nilai RM691 juta. Perisai Petroleum Teknologi Bhd telah memperoleh pelantar penggerudian *"jack-up"* kedua dengan nilai RM642.72 juta, sementara KKB Engineering Bhd mengembangkan keupayaan pengeluaran fabrikasi untuk memenuhi permintaan sektor minyak dan gas.

Syarikat-syarikat tempatan juga sedang menjalin usaha sama (JV) dengan firma asing. Contohnya, TH Heavy Engineering dan McDermott International Inc telah memformalkan JV mereka melalui perjanjian pertukaran saham antara syarikat milik McDermott Inc. yang diperbadankan di negara ini, iaitu Berlian McDermott Sdn Bhd dan TH Fabricators Sdn Bhd, subsidiari milik penuh TH Heavy Engineering Bhd.

MPRC melalui kerjasama dengan MITI, MIDA dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah mengambil beberapa langkah dalam meningkatkan status Malaysia sebagai pusat aktiviti minyak dan gas. Sejak tahun 2012, ia telah menyertai Offshore Technology Conference (OTC) di Houston untuk menarik pelaburan berpotensi dan mempamerkan firma minyak dan gas tempatan. Malaysia, melalui MPRC, telah memenangi hak eksklusif untuk menjadi tuan rumah OTC Asia yang pertama di Kuala Lumpur pada tahun-tahun 2014 dan 2016.

Meskipun dengan adanya pengembangan pesat dalam industri, masih terdapat cabaran utama yang wujud. Ini termasuk merangsang modal insan berdasarkan keperluan industri dan mewujudkan perkhidmatan berasaskan teknologi yang lebih canggih untuk menyokong pelaburan oleh industri utama — peluang yang memerlukan perhatian intensif oleh agensi kerajaan.

Langkah Seterusnya

EPP ini yang diterajui oleh MPRC dan MITI, akan lebih memberi tumpuan kepada menarik lebih banyak syarikat teknologi khusus dan mewujudkan perkongsian dengan entiti tempatan dengan memanfaatkan perhubungan dengan agensi kerajaan asing seperti UK Trade & Investment, Scottish Development International, Energy Industry Council, Innovation Norway dan Greater Stavanger Economic Development. Pada masa yang sama, MPRC, MIDA, SME Corp, dan agensi berkaitan yang lain akan terus menyokong pelaburan langsung domestik dengan menggalakkan pelaburan strategik dan pemerolehan teknologi.

EPP 7 Membawa Syarikat Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas Tempatan ke Pentas Global

Konsolidasi antara syarikat perkilangan yang menjadi matlamat terdahulu EPP ini, telah mencapai kejayaan selepas dua tahun dengan penubuhan tiga entiti EPCC Malaysia yang besar daripada lapan syarikat perkilangan bersaiz kecil dan sederhana. Syarikat-syarikat ini telah mengukuhkan kemahiran mereka, memperbaiki sumber daya saing dan kewangan, dan memperoleh pengetahuan yang lebih baik melalui pemindahan teknologi. Dengan itu, EPP ini, yang diterajui oleh MPRC, telah berkembang secara semula jadi mengikut masa dan kini akan menumpukan kepada membantu syarikat-syarikat ini dan yang lain dalam industri ini untuk menggalas cabaran di pentas global.

Untuk tujuan ini, EPP 7 ini telah disemak semula untuk memberi tumpuan dan galakan kepada firma tempatan untuk mengeksport perkhidmatan dan produk ke pasaran antarabangsa dalam usaha untuk mengehadkan kebergantungan kepada projek tempatan. Dalam jangka masa panjang, ia berupaya merealisasikan matlamat negara untuk menjadi hab minyak dan gas utama di rantau Asia Pasifik.

Pencapaian dan Cabaran

MPRC dan MATRADE telah mengetuai delegasi yang merangkumi 14 buah syarikat minyak dan gas Malaysia dalam Misi Pemasaran Khusus (SMM) ke Myanmar, di mana mereka telah bertemu dengan pegawai-pegawai kerajaan dan firma Myanmar. SMM ini membantu syarikat-syarikat Malaysia menembusi projek yang dikawal oleh Myanmar Oil & Gas Enterprise (MOGE) dengan Dimension Bid, Mir Valve, ProEight dan Scomi melalui proses pra-kelayakan untuk dimasukkan ke dalam senarai vendor bagi syarikat minyak antarabangsa.

Syarikat-syarikat seperti Wasco Energy Group dan Deleum Group telah mencapai kemajuan dalam arena global. Wasco telah memenangi *Spotlight on New Technology Award* di OTC 2013 untuk *NEPTUNE Advanced Subsea Flow Assurance Insulation System* yang melibatkan penggunaan inovasi kimia yang dibangunkan oleh Dow Chemicals.

Di samping itu, Deleum Group telah dipilih oleh OTC untuk membentangkan kertas kerja teknikal. Ini adalah pencapaian yang mengagumkan kerana semua kertas kerja teknikal diluluskan oleh jawatankuasa program yang dianggotai oleh pakar dalam setiap bidang dalam industri tenaga pesisir pantai.

Bagaimanapun, keadaan masih mencabar bagi penyedia perkhidmatan medan minyak dan gas Malaysia yang lebih kecil untuk meneroka peluang di luar Malaysia. Ini adalah kerana mereka menghadapi masalah dalam memperoleh pensijilan antarabangsa dan persaingan yang dihadapi untuk projek antarabangsa yang berisiko tinggi.

Langkah Seterusnya


MPRC akan terus terlibat dalam industri perkhidmatan minyak dan gas di Malaysia dalam usaha mengenal pasti pasaran baharu yang menarik. Berdasarkan hasil yang sungguh memberangsangkan daripada lawatan bekerja ke Myanmar, MPRC akan mencari penghubungan dari kerajaan ke kerajaan yang akan membantu syarikat Malaysia mencari pasaran baharu. MPRC juga akan terus bekerja dengan MATRADE untuk memupuk penghubungan baik dan mencari rakan kongsi teknologi berpotensi untuk menggalakkan lebih banyak pemindahan inovasi canggih kepada firma Malaysia.

EPP 8 Menarik Minat MNC untuk Menubuhkan Operasi di Malaysia dan Menjalankan Perkongsian dengan Firma Tempatan

EPP ini mempunyai strategi serampang dua mata. Strategi pertama ialah untuk menggalakkan firma multinasional berpindah atau memulakan operasi serantau di Malaysia. Yang kedua ialah menggalakkan syarikat-syarikat bertaraf dunia ini untuk memulakan JV dengan firma perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas (OGSE) tempatan. Ini akan membantu mengukuhkan daya saing dalam tender kerja domestik dan antarabangsa, meningkatkan prospek pertumbuhan dan mentransformasikan Malaysia menjadi hab minyak dan gas serantau.

Pencapaian dan Cabaran

Sekolah Penggerudian Aberdeen *(Aberdeen Drilling School)* telah menubuhkan pusat pembelajaran di Malaysia untuk menyediakan latihan yang disesuaikan dalam teknologi penggerudian, pengurangan kos/mengelakkan kejadian yang tidak dirancangkan, keselamatan, komunikasi dan kepimpinan. Rancangan jangka panjang Aberdeen adalah untuk menggunakan Malaysia sebagai pangkalan untuk peluasan serantaunya.



Delegasi Malaysia di Offshore Technology Conference (OTC) Houston 2013 yang diketuai oleh Malaysia Petroleum Resources Corporation

Beberapa syarikat tempatan telah menandatangani JV dengan pakar asing, memberikan mereka akses kepada teknologi dan meraih pengalaman yang bakal meletakkan mereka dalam kedudukan yang lebih baik untuk kerja-kerja akan datang dan pasaran baharu. Ini termasuk JV Atlas Hall-Oiltools, JV FarleyRiggs-D&P Services, JV di antara Tanjung Langsat Port Sdn Bhd (TLP) milik Johor Corporation dan Dubai Oilfields Supply Centre Ltd, dan JV di antara TH Heavy Engineering dan McDermott International.

Walaupun dengan kemajuan ini, lebih banyak yang boleh dilakukan untuk mempromosi JV sebagai struktur pelaburan. la juga menjadi satu cabaran untuk mencari syarikat yang boleh bekerja secara sinergi mengambil kira keperluan pemilik saham dan struktur tadbir urus korporat yang berlainan.

Langkah Seterusnya

Untuk mengekalkan momentum perkongsian MNC dengan syarikat tempatan, usaha akan dipergiatkan untuk melibatkan pemain industri dan mengenal pasti dasar dan insentif tambahan untuk membangunkan syarikat OGSE. Untuk menarik lebih banyak MNC asing, rancangan sedang dilaksanakan untuk memperkenalkan syarikat-syarikat OGSE Malaysia di persidangan-persidangan antarabangsa seperti OTC, Offshore Europe dan World Gas Conference. Terdapat juga langkah-langkah untuk mengenal pasti subsektor dalam industri perkhidmatan minyak dan gas untuk memberikan lebih banyak peluang kepada industri tempatan.

EPP 9 Meningkatkan Kecekapan Tenaga

Penggunaan tenaga Malaysia telah meningkat sejajar dengan industrialisasi negara. Bagaimanapun, bekalan terhad bahan api fosil beserta dengan kesan negatif bahan api ini kepada alam sekitar telah mencipta keperluan untuk negara memperbaiki penggunaan tenaga yang optimum, terutamanya dari segi penggunaan tenaga dan bahan api.

Inisiatif utama di bawah EPP ini adalah untuk mempromosi penggunaan alternatif kepada sumber tenaga tradisional. Lima inisiatif utama yang diterajui Kerajaan di bawah EPP ini termasuk:

1. Kerajaan memimpin melalui teladan mengenai amalan penggunaan tenaga yang optimum
2. Merangsang jualan peralatan tenaga optimum
3. Bekerja dengan Tenaga Nasional Bhd (TNB) untuk menjadikan penjanaan bersama berdaya maju dari segi ekonomi
4. Mengawal selia untuk memastikan penebatan yang lebih baik untuk bangunan baharu dan yang baru diubah suai
5. Menggalakkan jualan kereta cekap tenaga dengan menawarkan rebat

Pencapaian dan Cabaran

Kecekapan tenaga telah diperbaiki melalui langkah-langkah yang diterajui oleh Kerajaan dalam menawarkan rebat isi rumah 5-7 peratus untuk peralatan cekap tenaga dan untuk mewujudkan standard prestasi tenaga minimum untuk produk. Hari ini, peti sejuk dan alat penyaman udara cekap tenaga mewakili 42.2 peratus daripada keseluruhan pasaran di Malaysia. Selain itu, bilangan jenama yang menawarkan peralatan cekap tenaga *(energy efficient product)* telah berganda menjadi 13 daripada lima, di mana jenama yang menyediakan alat pendingin cekap tenaga sendiri meningkat kepada lima daripada sifar sebelum ini.

Cabaran-cabaran yang dihadapi EPP ini menumpu kepada usaha Kerajaan untuk memperkenalkan kaedah menjimatkan tenaga di dalam bangunan kerajaan di bawah program *Government Leads by Example* (GLBE) dan menggalakkan kaedah kontrak berdasarkan prestasi tenaga yang digunakan untuk pemerolehan. Ini memerlukan pembinaan keupayaan berterusan untuk penghuni, pengurus projek dan pengurus fasiliti. Selain itu, program pengurusan tenaga mempunyai peruntukan kewangan yang terhad.

Langkah Seterusnya

Program Kelestarian Tercapai Melalui Kecekapan Tenaga (SAVE) akan terus memantau pasaran peralatan cekap tenaga di Malaysia dan menjalankan lebih banyak kempen promosi dan kesedaran untuk peralatan dan kaedah menjimatkan tenaga. Lebih banyak peralatan cekap tenaga dijangka akan memasuki pasaran untuk meneruskan momentum yang dicipta oleh program SAVE.

Usaha yang lebih giat diperlukan untuk memantau bangunan kerajaan utama di bawah program GLBE, menyokong program pengurusan tenaga dengan menyediakan latihan dan pembinaan kemahiran dan mengimplementasikan kontrak prestasi tenaga. Dalam jangka panjang ini akan memperlihatkan penerapan budaya kecekapan tenaga dalam sistem pengurusan semasa.

EPP 10 Membangunkan Kapasiti Tenaga Alternatif dan Tenaga Solar



Logi penjanaan solar di Port Dickson, Negeri Sembilan

EPP ini menyokong inisiatif sedia ada seperti di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh yang menyasarkan tenaga boleh baharu untuk mewakili 5 peratus daripada jumlah campuran keupayaan pada tahun 2015. Ini mewakili 985 megawatt daripada kapasiti penjanaan boleh baharu negara dan merupakan peningkatan kurang daripada satu peratus tenaga boleh baharu dalam campuran tenaga negara hari ini.

Sebahagian daripada usaha untuk membina kapasiti tenaga boleh baharu termasuk sasaran di bawah Dasar Tenaga Boleh Baharu Nasional untuk tenaga solar untuk menyumbang sekurang-kurangnya 220 megawatt dalam jumlah campuran kapasiti. Dalam hal ini, pihak berkuasa telah melaksanakan rangka kerja pengawalseliaan untuk mekanisme tarif galakan, yang membenarkan elektrik yang dihasilkan dalam negeri untuk dijual kepada syarikat utiliti pada premium tetap untuk suatu tempoh tertentu. Ini seterusnya akan membolehkan penjanaan tenaga yang boleh baharu berkembang sebagai sebahagian daripada jumlah penjanaan kuasa.

Inisiatif ini juga menggalakkan sektor swasta untuk mengukuhkan model perniagaan mereka dalam sektor tenaga alternatif dengan sokongan daripada sektor kewangan, TNB dan Kerajaan.

Pencapaian dan Cabaran

Jadual yang berikut menunjukkan kapasiti terpasang untuk tenaga boleh baharu pada tahun 2012 dan 2013 (setakat 30 September):

Kapasiti terpasang (MW)	2012	2013 (setakat 30 September 2013)
Sasaran	110	150 MW
Pencapaian	100.47 (91.34%)	120.09 (80.06%)

Rajah 2.2



Loji janakuasa tenaga alternatif Felda Palm Industries Sdn. Bhd. di Jempol, Negeri Sembilan

Pertumbuhan dalam kapasiti terpasang tenaga boleh baharu adalah secara berperingkat disebabkan oleh beberapa cabaran. Ini adalah termasuk masa yang diperlukan bagi TNB untuk menandatangani perjanjian pembelian kuasa tenaga *(power purchase agreement)* boleh baharu, kelulusan yang diperlukan dan *unviable expectations* oleh pemohon yang melambatkan proses permohonan.

Tambahan pula, ia menjadi penting untuk mengenal pasti kadar tarif yang sesuai untuk FiT yang sejajar dengan pembangunan pesat tenaga alternatif, terutamanya solar PV. Seterusnya, pertimbangan untuk peruntukan dana pelaksanaan FiT mesti diambil kira untuk memastikan wujudnya dana yang mencukupi semasa tempoh pelaksanaan. Sehingga hari ini, pelepasan kuota adalah berdasarkan kepada dana sedia ada. Pada masa sekarang, antara jenis sumber tenaga alternatif, solar PV menerima permintaan paling tinggi berbanding yang lain kerana kadar FiT yang lebih baik.

Faktor-faktor lain yang perlu diambil kira semasa melaksanakan FiT termasuk kebergantungan Malaysia yang berterusan kepada subsidi gas, yang membolehkan loji janakuasa konvensional menawarkan tarif yang lebih murah berbanding dengan FiT.

Langkah Seterusnya

Cabaran utama yang dihadapi EPP ini adalah untuk memastikan kemampanan ekonomi jangka panjang tenaga boleh baharu. Ia juga penting untuk merumuskan struktur insentif yang sesuai untuk membolehkan sektor ini berdiri sendiri tanpa membebankan pembayar cukai, di mana penjimatan ekonomi yang dijana dari loji janakuasa tenaga boleh dibaharui ini hanya menjadi nyata sebaik sahaja pasaran diliberalisasikan.

Usaha juga akan diambil untuk mengenal pasti sumber tenaga alternatif untuk mempelbagaikan portfolio tenaga boleh baharu. Dengan mengambil kira potensi teknikal dan ekonomi, pemetaan tenaga angin akan disiapkan pada tahun 2014, sementara kajian potensi tenaga geoterma di Ulu Slim, Perak, akan disiapkan pada tahun 2015.

Di samping itu, pelan sokongan dan komunikasi strategik yang lebih efisien akan dilaksanakan berkenaan caj masa depan untuk tarif elektrik di bawah Dana Boleh Baharu Alternatif sebagai sebahagian daripada usaha untuk mencapai sasaran tenaga alternatif.

Berikutan bengkel yang diadakan pada bulan Jun 2013 untuk menganalisa dasar mekanisme pembidaan alternatif untuk menyokong pembangunan tenaga alternatif, kajian mengenainya akan dilaksanakan.

Membina kecekapan dan kapasiti tenaga alternatif juga akan diteruskan. Ini adalah termasuk latihan dalam dan luar grid untuk pemasang/penjaga jentera/pendawai dan seterusnya memperkenalkan Kursus Reka Bentuk PV Bersambung Grid Malaysia kepada peserta antarabangsa, dan juga latihan untuk biomass/biogas dan hidro kecil.

EPP 11 Menggunakan Tenaga Nuklear untuk Penjanaan Kuasa

Dalam konteks memastikan Malaysia mempunyai tenaga yang mencukupi untuk jangka panjang, tenaga nuklear menjadi penting untuk menyokong pertumbuhan Negara. Kerajaan sedang menetapkan rangka kerja untuk memastikan ia dibuat dengan selamat dan cekap. Malaysia sedang mengikut pelan tindakan sebagaimana yang diwujudkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) untuk memastikan asas pengawalseliaan, teknikal, keselamatan dan alam sekitar adalah tersedia sekiranya mana-mana keputusan masa depan mengenai tenaga nuklear dibuat.

Perbadanan Tenaga Nuklear Malaysia (MNPC) telah ditubuhkan pada tahun 2011 sebagai Organisasi Implementasi Program Tenaga Nuklear (NEPIO) berdasarkan garis panduan IAEA. MNPC akan memberi fokus kepada faktor-faktor kritikal sebagaimana yang dikenal pasti dalam ETP, termasuk penerimaan orang awam terhadap projek dan kesediaan rangka kerja pengawalseliaan yang efektif di Malaysia.

EPP 12 Memanfaatkan Potensi Hidroelektrik

EPP ini meneraju penggunaan hidroelektrik di negara ini untuk membantu mengurangkan pelepasan karbon dioksida dan memastikan bekalan tenaga yang selamat dan mampan. Untuk tujuan ini, agensi-agensi berbeza di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia telah ditugaskan untuk memastikan potensi hidroelektrik telah dimanfaatkan dengan cara yang bertanggungjawab, mampan dan optimum.

Sehingga tahun 2013, kapasiti terpasang untuk hidro kecil ialah 15.70MW, yang menyumbang kepada 59,552MWh tenaga yang dijana. Ini mewakili peningkatan sebanyak 25,630MWh.

Pengembangan kapasiti hidro kecil di Malaysia adalah disokong oleh program FiT bagi tempoh 21 tahun dari tarikh ia bermula.

EPP 13 Meningkatkan Output Petrokimia

EPP ini dipacu oleh Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (RAPID) di Johor dan projek Ammonia Urea Sabah (SAMUR) membabitkan pelaburan melebihi RM65 bilion. RAPID dan SAMUR disasarkan akan meningkatkan volum output petrokimia negara dan memenuhi permintaan rantau Asia Pasifik untuk kimia khusus premium.

RAPID yang dibangunkan pada kos RM60 bilion merupakan pelaburan medan hijau *(green field investment)* yang terbesar di Malaysia. Bertapak di dalam Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) di Johor, kemudahan ini yang akan menempatkan loji penapisan minyak mentah kapasiti 300,000 tong sehari, terletak di lokasi yang strategik untuk membolehkan akses mudah ke pusat-pusat permintaan serantau di China dan India. Kemudahan ini juga meliputi pemecah nafta dengan kapasiti pengeluaran gabungan tiga juta tan etilena, propilena, olefin C4 dan C5. Selain itu, pembangunan tambahan 22 loji hiliran juga akan dilaksanakan.

Projek SAMUR akan dibina dengan anggaran kos sebanyak US$1.5 bilion. Sebaik siap, ia akan menempatkan kilang baja dengan kapasiti pengeluaran urea 1.2 juta tan metrik setahun (mmtpa). Terletak di Sipitang Oil & Gas Industrial Park (SOGIP) di Sabah, loji ini dijangka akan mula beroperasi menjelang tahun 2015 berikutan pembinaannya yang dimulakan pada Suku Kedua Tahun 2012.

Pencapaian dan Cabaran

Pelan Induk SOGIP telah disempurnakan pada bulan Jun 2013 dengan kerjasama agensi Persekutuan dan Negeri Sabah, juga PETRONAS. Pelan Induk SOGIP menggariskasarkan pembangunan yang dirancang dan mengenal pasti syarikat berpotensi yang diperlukan untuk meletakkan SOGIP sebagai taman industri premier yang menumpukan kepada petrokimia dan baja. Cabaran utama adalah untuk memastikan kemajuan pembangunan infrastruktur adalah mengikut perancangan untuk menyokong bermulanya operasi SAMUR menjelang tahun 2015.

- Pembangunan infrastruktur:
  - Loji rawatan air dengan kapasiti 40 juta liter sehari (MLD) akan disiapkan menjelang Suku Pertama Tahun 2014 untuk membekalkan air kepada SOGIP. Loji rawatan air ini termasuk kemudahan rawatan, takungan simpanan dan lebih kurang 11 km saluran paip. Pada bulan Ogos 2013, kerja penyediaan tapak telah disiapkan dan projek loji rawatan air ini berada di fasa pembinaan
  - Kerja-kerja sedang dijalankan untuk membina 4.7 km jalan akses ke SOGIP dari Jalan Sipitang-Sindumin dengan penyiapan dijangka pada Suku Keempat Tahun 2014. Pada bulan Ogos 2013, lebih kurang 1.8 km daripada subtapak jalan ini telah diletakkan

Pada bulan Ogos 2013, projek SAMUR telah siap sebanyak 50 peratus dan tiga penjana turbin gas dan penukar ammonia telah dihantar ke tapak.

Sementara itu, Kerajaan Negeri Johor telah memberikan kelulusan untuk Pelan Induk PIPC pada Suku Pertama Tahun 2013. Pelan Induk ini bertindak sebagai garis panduan untuk membangunkan PIPC menjadi kompleks petroleum bersepadu yang bertaraf dunia.

Cabaran utama adalah untuk memastikan pembangunan yang relevan bagi infrastruktur seperti jalan, sistem saliran dan utiliti sebelum bermulanya operasi RAPID dan projek Terminal Petroleum Air Dalam Bebas Pengerang.

Penyediaan tapak untuk RAPID telah bermula dengan penyiapan dijangka pada Suku Keempat Tahun 2014. Pemindahan kampung, bermula dengan tanah perkuburan Islam, akan bermula pada Suku Ketiga Tahun 2014. Ini adalah untuk mengekalkan keselamatan dan warisan penduduk Pengerang. Kerajaan juga sedang membina kemudahan awam yang terdiri daripada sekolah, klinik dan kawasan komersial untuk memenuhi keperluan asas penduduk-penduduk kampung.

Langkah Seterusnya

EPP ini akan menumpukan kepada mengenal pasti pelabur tambahan dalam PIPC dan SOGIP untuk membangunkan projek bertaraf dunia ini.

Bagi SOGIP, terdapat keperluan untuk menarik pelabur yang memiliki kepakaran dalam pengilangan petrokimia dan produk baja seperti kaprolaktam, diammonium fosfat, ammonium sulfat, urea formaldehid dan ammonium nitrat.

Kunci kepada kejayaan projek PIPC terletak pada penyiapan kerja infrastruktur yang tepat berdasarkan pelan untuk memastikan rancangan pembangunan pelabur dan kesejahteraan penduduk Pengerang tidak terjejas.

PELUANG PERNIAGAAN

1

Penambahbaikan Proses

Penambahbaikan proses dalam mengendalikan kemudahan penapisan dan petrokimia sejajar dengan amalan terbaik global yang mempunyai potensi besar untuk menjana ekonomi. Secara purata, pembaikan boleh membawa kepada keuntungan kecekapan sebanyak 0.5 peratus setahun.

2

Pertumbuhan Ekonomi

Sektor minyak, gas dan tenaga dijangka berkembang seiring dengan anggaran pertumbuhan tiga peratus dalam penggunaan tenaga Malaysia, yang dijana oleh pertumbuhan ekonomi negara yang kukuh. Ini akan mewujudkan permintaan tambahan bagi semua jenis tenaga, dan seterusnya akan memerlukan pelaburan tambahan.

Ringkasan NKEA Minyak, Gas dan Tenaga

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	**RM131.4 bilion**
Pekerjaan Tambahan	**52,300**

Sasaran kritikal bagi tahun 2014

- EPP 4
  - Lanjutan promosi GIFT melalui pelibatan langsung dengan syarikat berpotensi dan penyertaan dalam forum
  - Memantau dengan rapat keupayaan penyimpanan dalam rangkaian
- EPP 5
  - Memastikan pelaksanaan *Thrid Party Access* (pembentangan rang undang-undang baharu GSA 2013 di Parlimen menjelang Suku Pertama Tahun 2014)
  - PETRONAS akan mencapai keputusan pelaburan muktamad bagi RGT Pengerang
  - PETRONAS untuk memuktamadkan GSA RAPID dan RGT Pengerang – pada harga pasaran
- EPP 6, 7 dan 8
  - Pelibatan langsung dengan syarikat berpotensi untuk nasihat dan kemudahan
  - Menguruskan/Menyelaraskan/Menyertai forum berkaitan minyak dan gas di peringkat antarabangsa dan domestik
    - › OTC Asia 2014
    - › OTC Houston 2014
    - › Forum Kewangan 2014
- EPP 9
  - Penerusan pemantauan impak program SAVE kepada pasaran Peralatan 5 Bintang
- EPP 10 and 12
  - Penerusan program FiT
- EPP 11
  - Pembentangan dan kelulusan rang undang-undang nuklear
  - Memudahkan penubuhan suruhanjaya di bawah Pejabat Perdana Menteri
  - Menyiapkan Pelan Pembangunan Infrastruktur Tenaga Nuklear (NPIDP)
- EPP 13
  - Menumpukan kepada penubuhan struktur tadbir urus untuk PIPC
    - › Mewujudkan pejabat pengurusan projek untuk memantau dan menguruskan inisiatif dalam PIPC
    - › Merangka strategi dan memudahkan pembentukan perbadanan pembangunan untuk PIPC
  - Memudahcarakan pelaksanaan projek infrastruktur dalaman dan luaran SOGIP



PERKHIDMATAN KEWANGAN





Dato' Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah
Menteri Kewangan II

Saya amat berbesar hati dengan prestasi agensi-agensi penyeliaan NKEA Perkhidmatan Kewangan: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia dengan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) mereka.

Pencapaian tersebut termasuklah penerbitan rangka kerja pinjaman sosial yang mampan bagi Institusi Kewangan Pembangunan, perangkaian rangka kerja perdagangan bagi firma-firma tidak tersenarai dan nilai penyenaraian baharu di Bursa (termasuk GLC penyenaraian) yang melebihi sasaran.

Kita telah berjaya mencapai objektif di bawah Pelan Induk Perkhidmatan Kewangan yang pertama dan Rangka Tindakan Pasaran Modal bagi tempoh 2000 hingga 2010, oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Kita kini bekerja keras di bawah pelan induk 2011-2020 bagi memastikan kita memenuhi objektif yang jelas untuk mengukuhkan lagi keupayaan dan kapasiti sektor kewangan Malaysia dalam menyokong aspirasi ekonomi negara.

Industri perkhidmatan kewangan memainkan peranan penting dalam memastikan kestabilan dan pembangunan ekonomi. Adalah penting untuk sistem kewangan negara kekal bertahan dalam menghadapi potensi risiko sistemik. Pengurusan perlulah dilakukan dengan tepat pada masanya dan menggunakan mekanisme yang bersesuaian. Oleh itu, adalah penting untuk kita membangunkan sektor kewangan negara dengan teliti dan teratur.

Walaupun dilanda pelbagai tekanan global, pasaran modal Malaysia terus memainkan peranan positif dalam membiayai pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kadar pelaburan negara. Pasaran modal Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh dengan indeks petunjuk pasaran negara antara yang terbaik dalam kalangan pasaran utama ASEAN. Manakala pasaran sekuriti hutang Malaysia kekal pasaran bon terbesar yang ketiga di Asia (melalui peratusan KDNK). Selain itu, Malaysia juga telah mengekalkan kedudukannya sebagai jaguh global dalam pasaran sukuk.

Dalam mengukuhkan sistem kewangan negara, Bank Negara Malaysia telah diberikan lebih pengawalan dan penyeliaan kuasa dengan enakmen Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Perundangan baharu yang diperkenalkan ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan kestabilan kewangan, menyokong pertumbuhan inklusif dalam sistem kewangan dan ekonomi, serta meningkatkan perlindungan untuk para pengguna.

Saya berharap kerjasama baik antara pihak Kerajaan, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia dapat diteruskan dalam memastikan KPI 2014 berjaya dicapai. Saya tidak ragu-ragu bahawa jika kita sekurang-kurangnya mengekalkan tahap kerjasama, komitmen dan dedikasi yang telah ditunjukkan pada tahun 2013, pencapaian KPI pada tahun 2014 akan lebih cemerlang.

Terima kasih.

PERKHIDMATAN KEWANGAN

NKEA Perkhidmatan Kewangan mempunyai fokus untuk membangunkan industri kewangan Malaysia seiring dengan keperluan negara berpendapatan tinggi. Sejajar dengan sumbangannya kepada KDNK negara yang telah berkembang dengan semakin pesat sejak dekad yang lalu, industri kewangan mewakili komponen teras dan menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Industri ini bagaimanapun menghadapi beberapa cabaran dalam mencapai tahap pertumbuhan yang berterusan. Antara cabaran tersebut ialah kelemahan dalam segmen-segmen tertentu dalam industri perbankan tempatan yang menghalang daya saing bank-bank tempatan dengan sesetengah bank di negara jiran serantau. Selain itu, jenis-jenis pelabur, produk dan mata wang yang tersedia di pasaran modal tempatan perlu diperluaskan untuk membolehkan pertumbuhan ekonomi negara yang mampan dan berterusan.

Selain itu juga, tahap kadar pengetahuan kewangan peribadi yang rendah dalam kalangan rakyat Malaysia perlulah diperbaiki. Tambahan pula, industri tempatan terpaksa beroperasi dalam persekitaran serantau yang kompetitif memandangkan pasaran utama yang lain seperti Hong Kong dan Singapura menjadi pilihan sumber alternatif pelabur bagi mendapatkan pembiayaan modal.

Oleh hal yang demikian, NKEA Perkhidmatan Kewangan telah mengenal pasti 10 Projek Permulaan (EPP) yang bertujuan menangani isu-isu dan cabaran pasaran masa kini. EPP tersebut direka berdasarkan empat teras, iaitu mengukuhkan teras industri kewangan; memenuhi keperluan penduduk negara berpendapatan tinggi; membangunkan sektor pertumbuhan baharu; dan menyasarkan secara agresif pasaran baharu serta meningkatkan pengkhususan industri dalam kewangan Islam.

Sasaran inisiatif-inisiatif tersebut adalah untuk meningkatkan sumbangan PNK industri kewangan kepada RM180.2 bilion dan mencipta 275,400 pekerjaan baharu menjelang tahun 2020.

Petunjuk Prestasi Utama 2013

NKEA Perkhidmatan Kewangan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Meningkatkan jumlah produk dan tawaran	5	7	140	●	100	●	1.0	●
	Membina rangka kerja pengawalseliaan yang lengkap bagi tempat perdagangan untuk firma yang tidak tersenarai	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Nilai Purata Harian (ADV) - (RM bilion)	1.7	1.92	113	●	100	●	1.0	●
	Nilai penyenaraian baharu (termasuk penyenaraian GLC) - (RM bilion)	15	36.433 (Okt)	243	●	100	●	1.0	●
EPP #2	Nilai terbitan (RM juta) Bon dan Sukuk Dagangan Bursa (ETBS)	300	300 (Okt)	100	●	100	●	1.0	●
EPP #3	Penerbitan rangka kerja pinjaman sosial yang mampan untuk DFI	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #3	Pengeluaran garis panduan untuk meningkatkan kapasiti sumber dan keupayaan DFI dalam khidmat nasihat Penyelidikan dan Pembangunan	Suku Keempat 2013	85%	85	●	85	●	0.5	●
EPP #4	Semua pembayaran kerajaan akan dibuat melalui pemindahan dana elektronik.	Suku Kedua 2013	99.2%	99	●	99	●	0.5	●
EPP #7	Menyediakan cadangan pembangunan *Mercantile Exchange*	Suku Keempat 2013	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #10	Pengeluaran Parameter Syariah mengenai Mudharabah, Musharakah dan Ijarah	100%	96%	90	●	90	●	0.5	●
				117%		**97%**		**85%**	

Rajah 3.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1 Mencergaskan Semula Pasaran Ekuiti Malaysia



Majlis pelancaran prospektus Felda Global Ventures Holdings Bhd.
Gambar diperoleh daripada BERNAMA Images

EPP ini bertujuan untuk melonjakkan kecergasan dan kecairan pasaran modal Malaysia untuk menarik penyenaraian saham dan pelabur berkualiti, yang akan seterusnya menggerakkan pasaran modal untuk membiayai pertumbuhan perniagaan dan merangsang pelaburan baharu. Secara khususnya, EPP ini menyasarkan untuk meningkatkan permodalan pasaran Bursa Malaysia kepada RM3.9 trilion menjelang tahun 2020 daripada RM1 trilion pada tahun 2010, mewakili kadar kompaun pertumbuhan tahunan (CAGR) sebanyak 15 peratus. Di samping itu, usaha di bawah EPP ini juga bertujuan untuk memperbaiki kecairan, yang diukur dengan halaju dagangan, daripada 31 peratus jumlah permodalan pasaran sehingga 60 peratus selaras dengan purata serantau.

Langkah-langkah lain yang akan diambil melalui EPP ini termasuk memperbaiki kepelbagaian dan tahap kualiti penawaran produk, merangsang liberalisasi industri pembrokeran saham dan mengintegrasikan Bursa Malaysia dengan bursa-bursa utama lain.

Pencapaian dan Cabaran

Bursa Malaysia terus mencapai kemajuan besar dan semakin memantapkan kedudukan sebagai pemacu utama dalam pertumbuhan ekonomi negara. Pada tahun 2013, Bursa telah melaksanakan beberapa inisiatif utama bagi mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi pelaburan yang menarik.

Bursa ini telah mencapai kemajuan ketara sejajar dengan salah satu daripada Niat Strategi untuk mencipta persekitaran perdagangan yang lebih memudahcarakan dengan pelancaran sistem perdagangan baharunya, iaitu *Bursa Trade Securities 2* (BTS2) pada 2 Disember 2013. BTS2, dikuasakan oleh NASDAQ OMX's X-Stream INET, yang merupakan salah satu sistem dagangan terlaju dunia, akan memberikan ruang yang diperlukan bagi pasaran untuk berkembang dari segi jumlah dagangan dan penyertaan di samping meningkatkan pengalaman dagangan.

Bursa Malaysia juga melaksanakan inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan struktur mikro pasaran seperti meningkatkan rangka kerja Jualan Singkat yang Dikawal Selia dan Peminjaman Saham untuk memudahcarakan penemuan harga yang lebih cekap (22 Julai 2013), memperkenalkan Dasar Laluan Hijau *(Green Lane Policy)* untuk mencergaskan kecekapan menjalankan perniagaan bagi broker ekuiti (2 Mei 2013) di samping pengenalan *e-initiatives* seperti perkhidmatan *eRights* (28 Mac 2013) dan *eStatement* (11 Disember 2013) bagi menambah baik kecekapan pasaran.

Sejajar dengan Niat Strategi kedua Bursa Malaysia bagi memudahcarakan lebih banyak alternatif yang boleh diniagakan ke pasaran, Bursa telah mencapai kemajuan ketara dengan pelancaran Bon dan Sukuk yang Diniagakan (ETBS) di Bursa (8 Januari 2013), *Stapled Securities* (9 Mei 2013) dan *Gold Futures Contract* (3 Oktober 2013), di mana tawaran produk Bursa adalah semakin meluas.

Sepanjang tahun 2013, Bursa Malaysia telah meneruskan aktiviti dan program promosi yang disasarkan terhadap membina penyertaan pelabur runcit dan institusi. Bagi pelabur runcit, dengan kemunculan ASEAN Link, Bursa telah mula mempromosikan pasaran Malaysia kepada pelabur runcit di Indonesia, Singapura, Thailand dan Cambodia. Bagi pelabur institusi, Bursa Malaysia telah melaksanakan inisiatif jangkauan untuk menarik dana asing dari A.S., Hong Kong dan U.K.

Bursa Malaysia kekal sebagai pasaran yang aktif dalam pengumpulan dana. Ini dapat dilihat melalui 18 penyenaraian baharu bagi Pasaran Utama dan Pasaran ACE. UMW Oil & Gas Corporation Berhad mencatat jumlah dana IPO tertinggi yang diperoleh (RM2.36 bilion) sementara IPO dengan modal pasaran paling tinggi ialah Westports Holdings Berhad (RM8.53 bilion). Satu lagi penyenaraian penting bagi tahun 2013 ialah *stapled securities* Malaysia yang pertama dengan RM13.09 bilion permodalan pasaran yang terdiri daripada saham KLCC Property Holdings Berhad dan unit-unit daripada KLCC REIT.

Pada bulan Mei 2013, Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah memperkenalkan rangka kerja konsep bagi platform dalam talian untuk sekuriti dan produk pelaburan alternatif tidak tersenarai yang pertama di Malaysia (MyULM). Platform ini bertujuan menangani jurang pembiayaan dan bekalan terhad modal jangka panjang dan memenuhi keperluan segmen yang kurang diberi perhatian untuk mengakses dana dengan cara yang lebih efisien, terurus dan telus.

Platform tersebut dijangka akan menjadi satu saluran sehenti bagi penjanaan modal dan dagangan sekuriti bagi syarikat di peringkat permulaan dan entiti kecil sehingga sederhana. Platform ini juga menggunakan pendekatan modular dan berfasa, membolehkannya merangkumi pelbagai produk pelaburan alternatif apabila rangka kerja perundangan bagi dagangan sudah tersedia. Dengan adanya kemudahan teknologi dan media sosial yang sedia ada, rangka kerja ini akan disokong oleh platform perantara maklumat *(infomediary)* bagi menyediakan hubungan dan perkhidmatan penting bagi pasaran maya bersepadu *(integrated virtual marketplace)*.

Secara kolektifnya, dagangan dalam talian dan platform perantara maklumat ini akan menghubungkan pasaran modal kepada pelbagai alternatif produk pelaburan, termasuk usaha sama inovatif, usaha kreatif dan pelaburan yang bertanggungjawab secara sosial. Platform tersebut akan melengkapi dan menyokong pelbagai usaha pembangunan dan inisiatif yang sedang diterajui oleh kedua-dua pihak kerajaan dan pihak swasta.

Langkah Seterusnya

Susulan daripada penyempurnaan rangka kerja pengawalseliaan MyULM pada tahun 2013, SC akan melancarkan platform *crowdfunding* pada tahun 2014.

Bursa Malaysia kini mula mengembangkan penyertaan pelabur runcit terutamanya dalam kalangan generasi muda. Sehubungan dengan itu, Bursa sedang menumpukan fokus kepada saluran teknologi yang inovatif seperti platform digital untuk memperluaskan jangkauannya. Pelancaran platform *eCommunity* baharu pada separuh pertama tahun 2014 akan membolehkan Bursa Malaysia untuk mencapai jangkauan yang lebih luas dalam mendekati pelabur runcit, dengan cara yang lebih pantas dan cekap.

Bursa akan terus memanfaatkan pertumbuhan di kalangan negara-negara anggota ASEAN bagi menarik lebih banyak pelabur ke Malaysia sebagai sebahagian daripada usahanya untuk menjadi Pasaran Terunggul ASEAN.

EPP 2 Memperkukuh dan Memperluaskan Pasaran Bon

EPP ini akan mengukuhkan pasaran bon Malaysia, yang telah pun diperakui antara pasaran yang paling maju di Asia dan peneraju global dalam penerbitan bon Islam atau sukuk, dengan memperluaskan pangkalan pelabur pasaran dan meningkatkan penyertaan oleh penerbit-penerbit asing.

Ia juga akan merangsang kecairan dalam pasaran dan mendapatkan lebih banyak penyertaan daripada pelabur runcit. Secara keseluruhannya, EPP ini menyasarkan CAGR sebanyak 23 peratus dalam purata nilai tahunan bon dan sukuk yang didagangkan kepada RM618 bilion menjelang tahun 2020[1].

Selain itu, pelbagai langkah akan diambil untuk melebarkan spektrum kredit pasaran bon. Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) akan digalakkan untuk lebih mempelbagaikan portfolio bon mereka bagi memastikan pulangan setimpal dengan profil risiko pelaburan.

Pencapaian dan Cabaran

Pada akhir bulan Oktober 2013, jumlah penerbitan bon adalah sebanyak RM58 bilion, dengan sukuk mewakili 74 peratus daripada jumlah penerbitan. Malaysia terus menjadi peneraju global dalam pasaran sukuk dari segi jumlah dan nilai penerbitan. Malaysia juga merupakan pasaran bon ketiga terbesar dari segi peratusan KDNK di Asia.



Pelancaran sukuk runcit oleh Dana Infra Nasional Bhd, 8 Januari 2013. Gambar diperoleh daripada Star Publications (Malaysia) Bhd

Berikutan dengan terbitan sulung sukuk runcitnya pada bulan Januari 2013, DanaInfra Nasional Berhad telah menawarkan penerbitan sukuk runcit kedua, atau Bon dan Sukuk Yang Diniagakan (ETBS) di Bursa pada bulan November. DanaInfra Nasional telah menerbitkan kertas komersial dengan tempoh matang 15 tahun bernilai sehingga RM100 juta, yang akan digunakan untuk membiayai projek Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT). Bagi penerbitan ini, ia menerima permohonan bernilai RM219.01 juta daripada orang awam pada kadar pulangan 4.58 peratus.

[1] *Menurut unjuran PEMANDU.*

Penerbitan sukuk RM1 bilion oleh Syarikat Prasarana Negara pada bulan Ogos merupakan antara yang paling besar bagi tahun 2013. Sukuk ini dijual untuk membiayai pengembangan rangkaian pengangkutan awam negara.

Pada bulan Oktober, Cagamas Bhd, sebuah syarikat gadai janji nasional telah memperoleh RM3.8 bilion dalam penawaran sukuk komoditi Murabahah yang terbesar bagi tahun 2013.

Antara cabaran bagi tahun 2013 adalah pergerakan turun naik dalam pasaran kerana ketidakpastian yang wujud daripada tindakan Rizab Persekutuan AS memperlahankan program pelonggaran kuantitatifnya.

Langkah Seterusnya

Potensi AS memperlahankan program pelonggaran kuantitatifnya pada tahun 2014 dan kitaran pengembalian modal ke pasaran kewangan maju mungkin memberi tekanan kepada pasaran bon tempatan yang sebelum ini dimanfaatkan oleh peminjam yang mencari instrumen terbaik dan paling sesuai dengan keperluan projek mereka.

Namun begitu, bagi pasaran tempatan, Kerajaan akan berusaha memastikan profil hasil sekuriti Kerajaan mencapai lengkungan hasil hadapan yang stabil.

EPP 3 Mentransformasikan Institusi Kewangan Pembangunan (DFI)

DFI memainkan peranan yang penting dalam membangunkan sektor-sektor khusus seperti perusahaan kecil dan sederhana (PKS), infrastruktur dan pertanian, di samping mempromosi rangkuman kewangan dan mencapai matlamat pembangunan negara.

Langkah-langkah di bawah EPP ini akan menumpukan kepada mengkaji semula mandat dan aktiviti DFI untuk memperbaiki produktiviti dan kemampanan institusi masing-masing.

DFI juga akan digalakkan untuk memperluaskan perkhidmatan mereka kepada bantuan nasihat dan teknikal, serta untuk mengamalkan pendekatan "Mengutamakan Kewangan Islam".

Pencapaian dan Cabaran

Beberapa inisiatif dan garis panduan berhemat telah diperkenalkan untuk mengukuhkan lagi keupayaan dan kemampuan DFI bagi memastikan prestasi yang efektif dalam peranan mereka yang telah dimandatkan, terutamanya dalam menyokong pembangunan sektor strategik ekonomi. Dalam lapan bulan pertama tahun 2013, jumlah pembiayaan tertunggak DFI meningkat 8.5 peratus kepada RM117 bilion (akhir tahun 2012: 10.1 peratus; RM111.1 bilion). Pencapaian tersebut adalah hasil pembiayaan yang lebih tinggi yang diberikan untuk kredit penggunaan, sektor maritim dan industri berorientasikan eksport.

Kredit penggunaan sebahagian besarnya disalurkan oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Bank Simpanan Nasional, yang mencatat pertumbuhan pinjaman 11 peratus kepada RM60.8 bilion pada akhir bulan Ogos 2013 (akhir tahun 2012: 14.5 peratus; RM 57.5 bilion). Sebagai tambahan, pembiayaan sektor perkhidmatan perniagaan berkembang kepada RM3.6 bilion (akhir tahun 2012: RM3.2 bilion) terutamanya kerana pembiayaan yang lebih tinggi yang diberikan kepada koperasi.



Pada tempoh yang sama, pinjaman kepada sektor maritim kembali pulih dan meningkat 11.4 peratus kepada RM2.4 bilion, disalurkan terutamanya untuk pembinaan kapal tentera laut (akhir tahun 2012: -6.8 peratus; RM2 bilion). Pembiayaan kepada industri berorientasikan eksport terus menunjukkan pertumbuhan yang kukuh pada 18.2 peratus, berjumlah RM5.4 bilion pada akhir bulan Ogos 2013 (akhir tahun 2012: 23.6 peratus; RM4.3 bilion). Jumlah ini berjaya dicapai walaupun dalam keadaan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu.

Jumlah pinjaman PKS yang disalurkan oleh DFI tumbuh sebanyak 6.8 peratus kepada RM13.1 bilion pada akhir bulan Ogos 2013 (akhir tahun 2012: -1.1 peratus; RM12 bilion). Sementara itu, jumlah deposit yang diterima dan pinjaman daripada Kerajaan kekal sebagai sumber utama pembiayaan bagi DFI, mewakili 70.5 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Langkah Seterusnya

Dalam melangkah ke hadapan, Bank Negara Malaysia (BNM) akan terus memantau pelaksanaan strategi untuk meningkatkan tadbir urus DFI dan memperbaiki kecekapan dan keberkesanan DFI dalam melaksanakan peranan mereka yang telah dimandatkan.

EPP 4 Mewujudkan Ekosistem Pembayaran Bersepadu

Sebahagian besar daripada masyarakat Malaysia masih menggunakan wang tunai di mana 91 peratus daripada jumlah transaksi yang disempurnakan adalah transaksi tunai. Penggunaan cek, wang elektronik, kad kredit dan perbankan Internet hanya mewakili 1.3 peratus, 4.7 peratus, 1.8 peratus dan 0.6 peratus masing-masing daripada jumlah transaksi.

EPP ini dengan itu berhasrat untuk mencipta ekonomi yang efisien dan mengurangkan kebergantungan kepada transaksi tunai kepada 63 peratus daripada jumlah transaksi menjelang tahun 2020. Ia juga menyasarkan untuk meningkatkan transaksi e-pembayaran kepada 200 per kapita setiap tahun dan 25 terminal *point-of sale* (POS) bagi setiap 1,000 penduduk menjelang tahun 2020.

Matlamat ini akan dipacu oleh usaha sama penggalakan penerimaan sistem pembayaran elektronik oleh pelanggan, perniagaan dan Kerajaan, meningkatkan penerimaan bayaran tanpa tunai dan mengurangkan penggunaan cek. Inisiatif khusus yang dilaksanakan melalui EPP ini, yang dibangunkan oleh BNM dengan kerjasama agensi yang berkaitan dan para peniaga, termasuk:

- pembekalan terminal POS yang lebih murah
- menyediakan kadar diskaun yang kompetitif melalui sistem harga berperingkat
- menarik minat pelanggan untuk bayaran tanpa tunai melalui program setia pelanggan

Usaha lain yang dilaksanakan di bawah EPP ini termasuklah Kementerian Kewangan secara berperingkat meningkatkan duti setem cek dan menghapuskan penggunaan cek bagi pembayaran berkaitan Kerajaan. Inisiatif juga akan dilaksanakan untuk lebih mengintegrasi dan menggalakkan pengantaraan kewangan merentas sempadan dalam pasaran runcit. Ini akan dicapai melalui usaha oleh Malaysian Electronic Payment Systems Sdn Bhd (MEPS) yang memperluaskan kerjasama strategik di luar negara, membolehkan rakyat Malaysia mendapat manfaat daripada transaksi yang lebih murah di negara-negara rakan kongsi seperti Korea Selatan, China dan Vietnam.

Pencapaian dan Cabaran

Pada bulan Mac 2013, BNM telah mengumumkan bahawa bank-bank dalam negara akan mengenakan caj pemprosesan cek sebanyak 50 sen ke atas setiap pengeluar cek berkuatkuasa 1 April 2014. Caj baharu ini adalah tambahan ke atas caj duti setem sedia ada (sebanyak 15 sen bagi setiap helai cek) yang akan diperkenalkan untuk meningkatkan kecekapan transaksi. Langkah ini adalah sejajar dengan hala tuju untuk mencerminkan kos sebenar pengeluaran cek, iaitu sebanyak RM3.

Sepanjang tahun 2013, BNM juga bekerja rapat dengan industri kewangan untuk memperbaiki infrastruktur bayaran dalam memastikan perkhidmatan yang lebih mudah diakses dan terjamin. Misalnya, bank komersial disyaratkan mengkredit dana yang dipindahkan melalui Interbank GIRO (IBG) kepada penerima pada hari yang sama sebagai langkah lanjut dalam menjadikan e-pembayaran lebih pantas dan mudah. Migrasi kepada e-pembayaran juga dipacu melalui penggalakan kepada pengguna untuk menukar daripada kaedah pembayaran kos tinggi kepada alternatif kos rendah. Sehubungan itu, antara langkah-langkah yang berkuatkuasa pada tahun 2013 termasuk mengenakan caj rendah sebanyak 10 sen untuk transaksi IBG dalam talian.

Pembayaran dalam talian menyediakan faedah yang penting kepada individu dan perniagaan melalui kemudahan membuat transaksi pada bila-bila masa dan di mana sahaja, serta mengelakkan barisan di kaunter bank. Para peniaga pula boleh menjimatkan kos menjalankan perniagaan dengan mengurangkan kos untuk mengendalikan wang tunai dan cek.

Langkah Seterusnya

Menjelang tahun 2020, penetapan harga bagi semua perkhidmatan pembayaran akan berasaskan kos sebenar bagi menyediakan perkhidmatan pembayaran tersebut. Dalam jangka masa terdekat ini, pelarasan dalam penetapan harga bagi saluran dan kaedah bayaran lain, termasuk mesin juruwang automatik (ATM) akan diperkenalkan secara berperingkat untuk menggalakkan penggunaan kaedah bayaran elektronik yang lebih kos efektif.

EPP 5 Menginsuranskan Hampir Semua, Jika Tidak Semua, Penduduk Malaysia



EPP ini berhasrat meningkatkan kadar pengambilan insurans hayat dan takaful keluarga di Malaysia terutamanya dalam kalangan penduduk berpendapatan rendah. Ini adalah untuk meningkatkan keselamatan kewangan dan mewujudkan jaringan keselamatan sosial dalam negara sejajar dengan keperluan negara maju.

Menjelang tahun 2020, usaha di bawah EPP ini disasarkan akan meningkatkan kadar penembusan insurans hayat negara kepada 75 peratus daripada penduduk Malaysia.

Pencapaian dan Cabaran

Pada bulan November, BNM telah menerbitkan kertas konsep bertajuk "Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga", yang mengajukan cadangan untuk menyokong pertumbuhan dan pembangunan jangka panjang yang mampan bagi industri insurans hayat dan takaful keluarga, bersama cadangan untuk meningkatkan nilainya bagi kepentingan pelanggan. Tujuan rangka kerja ini adalah untuk mencapai kadar pengambilan insurans yang lebih tinggi, sambil memastikan kepentingan pelanggan juga dipelihara.

Di bawah rangka kerja ini, penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga akan diberikan fleksibiliti operasi yang lebih luas untuk mendorong inovasi produk dan pemasaran serta meningkatkan produktiviti. Penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga akan diminta untuk menyediakan kemudahan untuk pelanggan dengan menawarkan produk mereka melalui pelbagai saluran penyampaian.

Kepentingan pelanggan juga akan terus digalakkan melalui pengendalian pasaran yang diperkukuhkan, termasuk peningkatan profesionalisme pengantara, pemantapan usaha pendidikan pengguna dan meningkatkan tahap kesedaran untuk pelanggan lebih berdikari. Inisiatif-inisiatif lain yang dicadangkan di bawah rangka kerja ini termasuk menawarkan produk insurans hayat dan takaful keluarga bebas komisen melalui saluran terus bagi mengurangkan kos produk-produk ini.

Langkah Seterusnya

Berbekalkan maklum balas dan komen daripada orang ramai, BNM akan melaksanakan rangka kerja ini agar industri insurans hayat dan takaful keluarga beralih ke arah persekitaran yang lebih kondusif bagi mencapai kadar penggunaan insurans yang lebih tinggi.

EPP 6 Mempercepatkan Pertumbuhan Industri Pencen Swasta

EPP ini menerajui industri pencen swasta di Malaysia untuk membolehkan rakyat Malaysia mengekalkan gaya hidup yang selesa selepas memasuki alam persaraan. Sistem pencen negara yang sebelum ini diterajui oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kini disokong dengan penubuhan dana pencen swasta. Ini juga sejajar dengan rangka kerja pencen terbilang tunggak Bank Dunia yang merangkumi simpanan swasta dan skim pencen.

Pembangunan industri pencen swasta negara juga bertujuan untuk menyediakan pilihan bagi mereka yang tidak menyertai sistem KWSP.

Usaha di bawah EPP ini menumpukan kepada menggalakkan pertumbuhan dan kemampanan industri pencen swasta melalui antara lain, pengecualian cukai atas pembayaran pencen swasta dan pelepasan cukai tambahan bagi sumbangan individu dan majikan.



Pelancaran Skim Persaraan Swasta.
Gambar diperoleh daripada BERNAMA Images

Pencapaian dan Cabaran

Nilai aset bersih Skim Persaraan Swasta (PRS) telah mencapai RM177.2 2 juta melibatkan 42,298 ahli setakat akhir bulan Oktober 2013. Sejak pelancaran skim ini oleh Perdana Menteri pada bulan Julai 2012, 11 skim dengan 41 dana persaraan telah ditawarkan.

Bagaimanapun setakat akhir bulan September 2013, hanya 7 peratus daripada ahli PRS berusia di bawah 30 tahun, sementara 26 peratus berada dalam lingkungan umur 30-40 tahun. Untuk terus menggalakkan golongan remaja membuat pelaburan jangka panjang melalui PRS, Kerajaan melalui Bajet 2014 telah mencadangkan insentif sekali sahaja sebanyak RM500 kepada penyumbang PRS yang mempunyai pelaburan terkumpul RM1,000 dalam setahun. Insentif ini yang tersedia untuk individu berumur antara 20 dan 30 tahun dijangka akan menarik 420,000 penyumbang remaja di seluruh negara. Insentif yang melibatkan peruntukan RM210 juta ini akan dilaksanakan dari 1 Januari 2014 bagi tempoh lima tahun.

Sepanjang tahun 2013, industri ini melaksanakan beberapa inisiatif untuk memastikan pembangunan industri PRS ini mencipta kejayaan:

- **Menubuhkan dana pembangunan industri** - Pentadbir Pencen Swasta ("PPA"), pentadbir pusat bagi industri PRS, telah mewujudkan dana pembangunan industri dengan sumbangan daripada semua Pembekal PRS. Seterusnya pada bulan Ogos 2013, PPA melancarkan kempen keterlibatan pendidikan dan orang awam yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun
- **Mengurangkan kadar komisen** - Kadar komisen kepada pelabur dikurangkan untuk PRS
- **Memperkasakan pelabur** - Untuk memperkasakan pelabur dan meningkatkan ketelusan, risalah produk yang mudah difahami telah disyaratkan bagi semua dana PRS. Jadual perbandingan fi yang mesra pengguna bagi semua yuran dan caj yang berkaitan juga disediakan di laman web PPA
- **Perlindungan pelabur** - Dalam rangka usaha untuk menyediakan perlindungan masa hadapan kepada pelabur, skop pampasan bagi Dana Pampasan Pasaran Modal, yang telah ditubuhkan melalui pindaan kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan pada tahun 2012, telah diluaskan untuk merangkumi skim persaraan swasta. Pada masa akan datang, pelabur PRS boleh mendapatkan bantuan untuk pampasan sebaik saja memenuhi kriteria-kriteria utama

Langkah Seterusnya

SC dan PPA akan terus meningkatkan usaha pengiklanan dan pemasaran nasional untuk PRS pada tahun 2014 yang akan digabungkan dengan pelbagai program pendidikan dan peningkatan kesedaran para pelabur.

EPP 7 Memesatkan Pertumbuhan Industri Pengurusan Kekayaan

Industri pengurusan kekayaan Malaysia masih kecil dengan sebahagian besar produk yang ditawarkan disediakan untuk kelompok perbankan mewah dan perancangan kewangan. Kekurangan produk yang berdaya saing dan tempoh lama yang diambil untuk meluluskan produk pelaburan runcit telah mendorong rakyat Malaysia memilih rangkaian produk pengurusan kekayaan di luar negara dan menjadi penghalang kepada daya tarik pasaran tempatan kepada pelabur asing.

Dengan itu, EPP ini menyasarkan untuk meningkatkan aset di bawah pengurusan (AuM) dalam industri pengurusan kekayaan negara kepada RM350 bilion menjelang tahun 2020 dengan menambah rangkaian produk pengurusan kekayaan. Ia juga akan melaksanakan langkah-langkah untuk menarik lebih banyak pengurus harta menyertai pasaran dan memanfaatkan kepakaran negara dalam kewangan Islam untuk mencipta kelebihan daya saing dalam pengurusan kekayaan Islam. Untuk tujuan ini, pengurusan yang berkaitan telah melaksanakan liberalisasi berperingkat bagi produk pengurusan kekayaan untuk merangsang rangkaian produk yang lebih luas, sementara Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah meliberalisasikan industri pengurusan dana Islam dengan sepenuhnya.

Pencapaian dan Cabaran

Berikutan pengumuman Perdana Menteri pada bulan Julai 2012 mengenai hasrat Malaysia untuk menubuhkan *Mercantile Exchange*, SC telah ditugaskan untuk membentangkan cadangan penubuhan *Mercantile Exchange* ini. Susulan daripada ini, satu cadangan telah disediakan oleh SC. Semasa cadangan sedang disediakan, SC juga melaksanakan penilaian landskap bagi pelaburan dan dagangan emas dan lain-lain logam berharga dan bagaimana pelabur, pengguna fizikal dan pengeluar produk boleh diberikan peluang untuk melabur dan melindung nilai bagi pertukaran akan datang. Ini termasuk semakan keperluan dan permintaan pihak berkepentingan tempatan serta model perniagaan dan operasi bursa sepertinya di seluruh dunia.

Langkah Seterusnya

Cadangan ini sedang dalam proses pelaksanaan.

EPP 8 Mempercepat dan Mengekalkan Industri Pengurusan Aset Penting

Seperti juga cabaran yang dihadapi oleh industri pengurusan kekayaan negara, industri pengurusan aset Malaysia juga masih berada di peringkat awal. Pasaran ini juga telah mencatatkan pertumbuhan yang terhad dalam menarik dana antarabangsa, sementara aktivitinya tertumpu kepada lima pemain utama yang mewakili lebih 55 peratus daripada jumlah AuM.

Dengan itu, EPP ini berhasrat untuk mentransformasikan Malaysia menjadi hab pengurusan aset serantau dengan meningkatkan AuM kepada RM1.7 trilion menjelang tahun 2020 melalui CAGR sebanyak 17 peratus.

Ini akan dicapai dengan menarik lebih banyak dana terkemuka untuk beroperasi di Malaysia dengan menawarkan mandat GLIC yang lebih besar kepada pengurus dana luaran. Mandat ini akan ditingkatkan kepada 15 peratus daripada AuM, dengan RM1 bilion-RM2 bilion daripada dana ini diperuntukkan kepada pengurus dana terkemuka. Usaha juga akan dilaksanakan untuk meningkatkan skalanya dan menarik lebih banyak pelabur asing kepada pasaran pengurusan aset Islam negara.

Pencapaian dan Cabaran

Pada bulan April, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menyalurkan RM57.67 bilion kepada pengurus dana luaran, atau lebih kurang 11 peratus daripada aset pelaburan skim KWSP. Peruntukan KWSP kepada pengurus luaran ini adalah sebahagian daripada strategi kepelbagaian dan untuk membangunkan industri pengurusan dana di Malaysia. KWSP mendapati bahawa industri pengurusan dana telah berkembang dari segi saiz dan juga keupayaan, daripada hanya sebilangan kecil pengurus tempatan sebelum ini, kepada pengurus dana hebat yang turut merangkumi pelabur-pelabur asing hari ini.

Langkah Seterusnya

KWSP akan memantau dengan teliti pengurus luarannya untuk memastikan mereka memberi nilai optimum kepada pelaburannya, di mana KWSP akan mengganjarkan pengurus yang berprestasi dan memberhentikan pengurus yang tidak mencatatkan prestasi.

EPP 9 Melahirkan Jaguh Bank Serantau

EPP ini menggalakkan pengembangan serantau dan antarabangsa bank-bank Malaysia yang perlu meneroka pasaran baharu di luar Malaysia untuk berdepan dengan pasaran negara yang terhad dan semakin matang. Walaupun usaha yang sedang dijalankan di bawah EPP ini sebahagian besarnya bergantung kepada pasaran dan keperluan bank serta kelulusan daripada BNM, ia masih menyasarkan bank-bank Malaysia untuk menduduki antara tiga bank teratas di negara-negara ASEAN dari segi permodalan pasaran menjelang tahun 2020.

Untuk tujuan ini, Kerajaan dan BNM akan terus menyokong bank Malaysia yang diuruskan dengan baik dan memiliki modal yang mencukupi untuk berkembang di peringkat antarabangsa. EPP ini juga menggalakkan bank-bank Malaysia untuk berkembang luar dari pasaran ASEAN ke pasaran pertumbuhan tinggi seperti China dan Asia Selatan.

Pencapaian dan Cabaran

Bank-bank Malaysia terus mengukuhkan operasi serantau mereka berikutan pengembangan aktif pada tahun 2012. Pada akhir bulan Oktober 2013, enam daripada lapan kumpulan perbankan domestik mempunyai operasi luar negara di 22 buah negara, dengan sekurang-kurangnya satu bank Malaysia mempunyai operasi di semua negara-negara anggota ASEAN.

Pada bulan Mei 2013, Public Bank Bhd telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Resona Bank dari Jepun untuk mengukuhkan kerjasama perniagaan sedia ada di antara kedua-dua bank tersebut. Perjanjian ini akan membolehkan kedua-dua bank untuk mempromosikan produk masing-masing, terutamanya untuk perkhidmatan perbankan merentas sempadan bagi pelanggan di Malaysia dan Jepun.

Malayan Banking Bhd (Maybank) dan CIMB Group Holdings Bhd (CIMB), bank-bank terbesar negara dari segi aset terus menerajui pengembangan bank Malaysia di luar negara. Pada bulan November, Maybank, yang mempunyai operasi di 10 negara ASEAN, telah menambah empat lagi cawangan di Kemboja yang membawa jumlah rangkaian cawangannya dalam negara itu kepada 16 buah cawangan.

Sementara itu, CIMB telah mengumumkan bahawa ia telah menerima kelulusan daripada Bursa Malaysia untuk menyenaraikan sahamnya di Bursa Saham Thailand. Kumpulan perbankan ini juga telah memohon lesen perbankan baharu di Kemboja dan Vietnam; dan telah melancarkan perniagaan pembrokeran institusi di Taiwan pada bulan Julai.

Dengan pengembangan bank yang semakin bertambah, BNM juga telah melaksanakan pengawasan rapi ke atas bank-bank ini untuk memastikan keselamatan dan keteguhan kumpulan-kumpulan perbankan. Usaha-usaha yang dijalankan termasuklah kerjasama rapat dengan pihak berkuasa pengawalseliaan di negara-negara yang berkaitan untuk menjalankan secara menyeluruh penilaian kumpulan dan penyeliaan merentas sempadan yang lebih berkesan.

Langkah Seterusnya

Dalam usaha memenuhi visi Komuniti Ekonomi ASEAN, usaha sedang dilaksanakan untuk memecutkan integrasi sektor perbankan dalam ASEAN. Sehubungan dengan itu, gabenor-gabenor bank pusat ASEAN sedang memuktamadkan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN, yang bertujuan untuk mempromosi peranan yang lebih luas bagi bank-bank ASEAN dalam memudahkan dagangan dan pelaburan intra-ASEAN menjelang tahun 2020.

EPP 10 Menjadi Hab Kewangan Global Islam yang Unggul

Malaysia telah berkembang menjadi peneraju global dalam industri kewangan Islam dengan meneraju pertumbuhan pasaran sukuk dunia. Walau bagaimanapun, aspek lain dalam industri ini juga harus dipertingkatkan agar negara boleh menjadi hab global kewangan Islam. Dengan itu, EPP ini akan menyokong perkembangan pasaran untuk menjadi pusat intelektual dan modal bagi kewangan Islam.

Sasaran khusus yang telah dikenal pasti di bawah EPP ini termasuk meningkatkan perkongsian kewangan Islam bagi jumlah aset kewangan kepada 40 peratus menjelang tahun 2020.

Langkah-langkah yang diambil untuk mencapai matlamat-matlamat ini meliputi:

- Mengekod dan menyelaraskan garis panduan Syariah dengan mempercepatkan pengeluaran parameter Syariah oleh BNM mengenai pembangunan produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Ini akan memastikan penafsiran konsisten bagi kontrak Syariah di Malaysia, memudahkan penggubalan dasar dan garis panduan, menggalakkan inovasi dan membolehkan lebih cepat "masa-ke-pasaran" bagi produk baharu

- Menjadi pusat kecemerlangan untuk kajian, pembangunan dan pendidikan kewangan Islam dengan mewujudkan institusi pembangunan modal insan di Malaysia termasuk Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF), Akademi Antarabangsa Kajian Syariah Dalam Kewangan Islam (ISRA) dan Institut Kewangan Asia. Bagi tujuan ini, pelaburan akan diteruskan dalam kajian dan pendidikan kewangan Islam, menumpukan dalam bidang pembangunan kajian dan inovasi, undang-undang dan modal insan

Pencapaian dan Cabaran

Malaysia kekal sebagai peneraju global dalam penerbitan sukuk, mewakili 67.8 peratus, atau RM132.1 bilion bon Islam baharu yang diterbitkan secara global dalam setengah tahun pertama 2013 (Sumber: Laporan Sukuk Global, KFH Research Ltd.). Dengan tahap kecairan yang tinggi dalam pasaran sukuk Malaysia pada tahun 2013, penerbit-penerbit asing semakin berminat untuk memanfaatkan sektor domestik ini.

Pada hujung bulan Ogos, Bursa Malaysia meraih kedudukan sebagai bursa teratas dalam penyenaraian sukuk yang berjumlah RM102 bilion. Pada bulan Julai 2013, pasaran sukuk mengalami perkembangan penting hasil daripada penerbitan sulung *Government Investment Issues* (GII) di bawah struktur Murabahah.

GII yang berasaskan kontrak Murabahah ini pada asasnya ialah Sijil Keberhutangan berikutan transaksi jualan tertangguh bagi aset, seperti komoditi (terutamanya minyak sawit mentah), yang mengikut prinsip Syariah.

Malaysia juga menyumbang kepada pertumbuhan kewangan Islam di arena antarabangsa apabila *International Islamic Liquidity Management Corporation* (IILM), sebuah institusi antarabangsa yang ditubuhkan pada 25 Oktober 2010 oleh bank-bank pusat (termasuk BNM), pihak berkuasa kewangan dan pelbagai organisasi untuk membangunkan dan menerbitkan instrumen kewangan yang patuh Syariah jangka pendek, melancarkan sukuk tiga bulan dengan nilai nominal USD490 juta pada bulan Ogos 2013.

Usaha-usaha IILM adalah sebahagian daripada inisiatif berterusan yang sedang dilaksanakan untuk meningkatkan pengurusan kecairan dalam kewangan Islam secara global. Dengan mencipta lebih banyak instrumen kewangan berdasarkan prinsip Syariah bagi institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam, IILM dijangka akan memainkan peranan yang lebih besar dalam memudahkan aliran kecairan serata dunia, meningkatkan perhubungan antarabangsa dan kestabilan kewangan yang lebih berkesan.

Langkah Seterusnya

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) baharu yang dikuatkuasakan pada 30 Jun 2013 akan menyediakan kelengkapan teras bagi tadbir urus dan mengikut prinsip Syariah untuk industri kewangan Islam di Malaysia. Lantaran itu, IFSA akan berperanan sebagai premis undang-undang bagi pembangunan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak yang menggambarkan perincian khusus pelbagai jenis kontrak berprinsip Syariah. Ini akan menyokong penyampaian pelbagai cadangan nilai kewangan Islam dengan memastikan penggunaan berkesan kontrak Islam dalam menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam, merangkumi kaedah-kaedah pemindahan dan perkongsian risiko.

Malaysia juga akan meneruskan laluan pertumbuhan sektor kewangan Islam dengan menumpukan fokus kepada tiga bidang penting: kepakaran, tadbir urus dan amalan Syariah, serta rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan.

Selain itu, Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa dan Akademi Antarabangsa Kajian Syariah Dalam Kewangan Islam akan diperkasakan untuk para graduan dan kajian dalam kewangan Islam bertaraf dunia dalam usaha mengorak langkah seterusnya.

PELUANG PERNIAGAAN

1

Perbankan Pelaburan

Pertumbuhan yang berterusan sektor perbankan pelaburan telah menghasilkan perbagai peluang. Ini termasuk potensi untuk meningkatkan tawaran awam awal, mengintegrasikan pasaran modal serantau dan meningkatkan aktiviti penggabungan dan pemerolehan melalui konsolidasi dalam sektor-sektor utama.

2

Segmen Lain Termasuk DFI

Industri kewangan Malaysia juga merangkumi penyedia perkhidmatan kewangan seperti DFI, ekuiti swasta dan syarikat modal teroka. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, perkara-perkara berikut dikenal pasti akan mengalami pertumbuhan lanjut:

- peluang dalam ekuiti swasta dan modal teroka bagi inovasi dan pembiayaan hijau, terutamanya dalam bidang tenaga boleh diperbaharui seperti *biofuel*
- peningkatan rantaian nilai ekuiti persendirian dan firma-firma modal teroka disebabkan oleh pasaran modal yang cergas
- perubahan daripada perniagaan peminjaman wang dan peremitan wang tidak formal kepada peminjaman wang dan peremitan wang yang rasmi
- anjakan kepada aktiviti yang lebih produktif dan bernilai tambah yang lebih tinggi oleh institusi kewangan hasil daripada pemusatan aktiviti pentadbiran dan pengurusan

3

Perbankan Komersial

Sektor perbankan komersial dijangka akan mengekalkan kadar pertumbuhan tahunan tujuh peratus sepanjang 10 tahun hasil daripada peluang perniagaan yang berikut:

- menginovasikan pelaksanaan perkhidmatan kewangan melalui model perniagaan baharu yang meneroka segmen yang kurang diberi perhatian dan penggunaan format cawangan baharu seperti perbankan tanpa cawangan
- meningkatkan keterangkuman kewangan melalui program literasi kewangan nasional
- menyokong PKS
- perkembangan pesat segmen kewangan individu

4

Insurans dan Takaful

Pasaran insurans dan takaful dijangka akan mendapat manfaat daripada sejumlah peluang perniagaan termasuk:

- pelibatan awam dalam insurans yang lebih tinggi
- penyatuan dan rasionalisasi dalam industri yang akan mengukuhkan penanggung insurans dan penyedia takaful serta platform mereka untuk pertumbuhan
- mengembangkan daya maju insurans mikro

5

Pengurusan Aset dan Pengurusan Kekayaan

Peluang perniagaan yang berikut dijangka akan menyumbang kepada pertumbuhan berterusan industri pengurusan aset dan pengurusan kekayaan:

- penubuhan dana RM500 juta untuk membiayai permulaan inovatif
- pembentukan Dana Inovasi Mudharabah di bawah Rancangan Malaysia Ke-10
- peluang penyumberan luar berikutan pewujudan dana kerjasama awam-swasta bernilai RM20 bilion bagi menyokong Rancangan Malaysia Kesepuluh
- permintaan yang lebih besar untuk perkhidmatan pengurusan aset dan kekayaan berikutan peningkatan kekayaan rakyat Malaysia
- permintaan tinggi untuk unit amanah, dana bersama dan perkhidmatan pengurusan kekayaan daripada pekerja asing dan rakyat Malaysia yang kembali dari luar negara
- peningkatan kesedaran tentang peruncitan berskala besar melalui agregasi peruncit seperti *FundSupermart*, yang membolehkan perundingan yuran unit amanah saham yang lebih rendah

6

Perbankan Islam

Industri perbankan Islam dijangka akan terus menikmati pertumbuhan melalui peluang perniagaan yang berikut:

- pajak gadai Islam *(ar-rahnu)*
- migrasi perniagaan pinjaman wang kepada perbankan konvensional dan Islam susulan daripada cadangan pindaan kepada peraturan pinjaman wang

Ringkasan NKEA Perkhidmatan Kewangan

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	**RM121.5 bilion**
Pekerjaan Tambahan	**275,400**

Sasaran kritikal bagi tahun 2014

- Pelancaran platform *crowdfunding*
- Pembentukan peraturan operasi bagi Skim Pembayaran Bil Nasional (NBPS)
- Mewujudkan rangka kerja untuk penyediaan produk insurans hayat dan takaful keluarga asas secara terus
- Program pendidikan dan kesedaran pelabur tentang Skim Persaraan Swasta (PRS)
- Menyempurnakan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN bagi sokongan di mesyuarat Menteri Kewangan ASEAN

Pemangkin Perubahan

PERKHIDMATAN KEWANGAN

pengalaman bersama perkhidmatan awam

Perutusan dari

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sektor kewangan Malaysia telah melalui transformasi yang penting sejak lima dekad yang lalu dan terus menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Sepanjang fasa pembangunan sektor kewangan, Bank Negara Malaysia (BNM) bersama-sama dengan Kerajaan, pihak berkuasa pengawal selia dan industri kewangan terus memainkan peranan utama dalam membantu membentuk landskap kewangan untuk menghadapi cabaran baharu dan memenuhi keperluan ekonomi yang berubah-ubah.

Dalam usaha untuk meningkatkan daya tahan sektor kewangan selepas berlakunya krisis kewangan Asia 1997-98, beberapa pembaharuan struktur dan kewangan yang komprehensif telah dilaksanakan. Ini termasuk penggabungan institusi kewangan domestik dan pembangunan pasaran kewangan yang mendalam dan teguh. Langkah-langkah baharu juga diperkenalkan untuk memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan institusi kewangan, terutamanya dalam bidang tadbir urus korporat dan standard pengurusan risiko.

Langkah-langkah yang dilaksanakan bukan sahaja telah membantu memulihkan sektor kewangan daripada kesan krisis kewangan bahkan berjaya membentuk asas bagi sektor kewangan yang lebih dinamik untuk masa akan datang bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan demi kepentingan negara.

Dengan kadar globalisasi dan liberalisasi menjadi bertambah pesat pada awal tahun 2000-an, BNM menyedari akan pentingnya integrasi yang lebih kukuh dengan ekonomi global dan keperluan untuk mengurus liberalisasi sektor kewangan Malaysia. Sehubungan dengan itu, Pelan Induk Sektor Kewangan (*Financial Sector Master Plan*, FSMP) diperkenalkan pada tahun 2001 bagi menggariskan strategi pembangunan sektor kewangan untuk tempoh 10 tahun.

Teras kepada FSMP ialah pembangunan sektor kewangan yang stabil, kompetitif dan cekap, yang menyokong dan menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Saranan yang terkandung dalam FSMP telah dilaksanakan dalam tiga fasa untuk memastikan pembangunan sektor kewangan yang teratur dan mampan. Fasa pertama pada dasarnya bertujuan membina keupayaan syarikat tempatan dalam persediaan untuk menghadapi persekitaran operasi yang dinyahkawal selia dalam fasa kedua FSMP. Dengan berlandaskan kesediaan peserta sektor kewangan, fasa akhir FSMP menumpukan pada usaha memacu agenda liberalisasi dan memanfaatkan peningkatan kesalinghubungan serantau dan antarabangsa.

Di bawah liberalisasi sektor perkhidmatan kewangan pada tahun 2009, BNM melaksanakan pengeluaran lesen perbankan dan takaful keluarga baharu, membenarkan had ekuiti asing yang lebih tinggi dalam institusi kewangan dan memberikan lebih banyak fleksibiliti operasi kepada insitusi kewangan milik asing yang diperbadankan di Malaysia.

Dalam tempoh 10 tahun ini, sektor kewangan negara telah memainkan peranan yang lebih besar bukan sahaja untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara malah sektor ini telah menjadi salah satu sektor pertumbuhan apabila sektor kewangan mencatat pertumbuhan tahunan purata 7.3 peratus sejak tahun 2001 untuk mencakupi 11.7 peratus daripada KDNK benar pada tahun 2010 (2001: 9.7 peratus). Di samping itu, keteguhan sistem kewangan negara juga terbukti apabila tidak terjejas oleh krisis kewangan global baru-baru ini.

Berlandaskan kemajuan penting yang dicapai dan asas teguh yang disediakan oleh FSMP, BNM melancarkan pelan strategik sepuluh tahun yang kedua, iaitu Pelan Induk Sektor Kewangan 2011-2020 *(Financial Sector Blueprint)*, yang menentukan wawasan dan hala tuju masa depan sektor kewangan sejajar dengan peralihan Malaysia ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi. Di bawah Pelan Induk ini, peserta industri kewangan memainkan peranan lebih besar dalam merealisasikan wawasan sistem kewangan untuk menjadi lebih berdaya saing, dinamik, inklusif, pelbagai dan bersepadu.

Dalam merumuskan Pelan Induk ini, BNM telah memanfaatkan iktibar penting daripada krisis kewangan global baru-baru ini dan beriltizam untuk terus melaksanakan mandatnya untuk memelihara kestabilan kewangan negara. Bagi memastikan pembangunan sektor kewangan yang teratur dan mampan bagi memenuhi keperluan ekonomi negara dengan sebaik-baiknya dan dengan berteraskan pertumbuhan ekonomi benar, Pelan Induk ini telah dirumuskan untuk menumpukan pada sembilan bidang utama:

- pengantaraan yang berkesan ke arah pembentukan ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi
- membangunkan pasaran kewangan yang mendalam dan dinamik
- perkongsian kemakmuran yang lebih meluas melalui rangkuman kewangan
- mengukuhkan integrasi kewangan serantau dan antarabangsa
- pengantarabangsaan kewangan Islam
- mempertingkat rejim pengawalan dan penyeliaan untuk memelihara kestabilan sistem kewangan
- pembayaran secara elektronik untuk meningkatkan kecekapan ekonomi
- memperkasakan pengguna
- pembangunan tenaga mahir untuk menyokong sektor kewangan

Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan setakat ini telah membuahkan hasil yang positif. Institusi kewangan Malaysia pada hari ini bukan sahaja kompetitif dalam pasaran domestik, tetapi juga muncul sebagai juara serantau, terutamanya dalam anggota ASEAN. Kini, enam daripada lapan kumpulan perbankan domestik beroperasi di 22 buah negara dengan kehadiran di semua negara anggota ASEAN.

Malaysia juga merupakan salah satu pasaran sekuriti hutang yang terbesar di rantau ini dengan pasaran sukuk dan sekuriti hutang swasta yang agak luas. Keupayaan kendalian dan kemampanan kewangan institusi kewangan pembangunan telah diperkukuh dengan ketara bagi memastikan pengantaraan yang berterusan dalam setiap sektor ekonomi strategik yang telah dimandatkan.

Kajian semula terhadap ekosistem pembayaran telah membolehkan orang ramai menikmati kaedah pemindahan dana yang lebih pantas, murah dan mudah serta rangkaian saluran penyampaian yang lebih luas bagi perkhidmatan kewangan.

Kemajuan besar juga dicapai dalam bidang rangkuman kewangan dalam usaha memastikan seluruh rakyat Malaysia berpeluang untuk menyertai dan memanfaatkan pembangunan ekonomi Malaysia. Rangka kerja perbankan ejen yang diperkenalkan telah meluaskan akses kepada perkhidmatan kewangan yang berkualiti dan pada kos yang berpatutan, terutamanya di kawasan pedalaman dan kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Hasil daripada pelbagai inisiatif yang dilaksanakan, kesemua 144 daerah di Malaysia mendapat akses kepada perkhidmatan perbankan sama ada melalui cawangan atau rangkaian perbankan ejen sejak tahun 2011. Malaysia juga berada pada kedudukan yang membanggakan dalam beberapa penarafan rangkuman kewangan antarabangsa seperti laporan Menjalankan Perniagaan oleh Bank Dunia (*World Bank's Doing Business Report*), apabila Malaysia menduduki tempat pertama bagi penarafan "Mendapatkan Kredit" sejak tahun 2008.

Apabila sektor kewangan terus berkembang pada dekad-dekad yang akan datang, peranan BNM akan menjadi lebih penting untuk bertindak balas secara berkesan terhadap sebarang cabaran yang bakal timbul. Sejajar dengan perkembangan ini, Akta Bank Negara Malaysia 2009, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 diperkenalkan bagi memodenkan rangka kerja pengawalseliaan dan memastikan Bank Negara mempunyai kuasa dan instrumen yang diperlukan untuk melaksanakan peranan dan fungsinya secara berkesan.

BNM juga telah melaksanakan pengawasan yang lebih rapi ke atas institusi kewangan dan pasaran kewangan bagi memastikan sistem kewangan berdaya tahan dan berfungsi dengan lancar. Usaha ini termasuk kerjasama yang lebih rapat antara Bank dengan pihak berkuasa pengawalan dan penyeliaan yang berkenaan di dalam dan luar negara untuk memastikan kendalian pengawasan dan penyeliaan merentas sempadan yang lebih berkesan.

Dalam tempoh terdekat, BNM akan memberikan keutamaan pada usaha untuk meneruskan strategi yang menggalakkan akses kepada perkhidmatan kewangan yang inklusif, peningkatan kecekapan dalam transaksi kewangan, kemajuan dalam pembangunan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa dan seterusnya meningkatkan kesalinghubungan serantau dan antarabangsa Malaysia di samping menggalakkan pembangunan tenaga mahir dalam sektor kewangan. Strategi-strategi ini akan dilaksanakan sejajar dengan aspirasi Malaysia untuk beralih ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN







Dato' Sri Hasan Malek
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan

NKEA Pemborongan dan Peruncitan telah memainkan peranan penting dalam memenuhi permintaan domestik membolehkannya memacu pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan. Perkara tersebut jelas tercatat setiap kali laporan suku tahunan dan laporan tahunan tentang ekonomi Malaysia dibentangkan oleh Kementerian Kewangan.

Permintaan domestik Malaysia nampaknya akan kekal di atas trajektori pertumbuhan. NKEA Pemborongan dan Peruncitan telah berjaya memajukan sektor tersebut menerusi inisiatif yang dijangka akan memodenkan lantas mempersiapkan industri ini untuk terus berkembang.

Pada tahun ini, pelibatan oleh satu daripada program utama dalam NKEA ini, iaitu Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) telah menyaksikan lonjakan. Pelibatan dalam kalangan pelbagai kelompok etnik berbanding tahun lepas juga semakin meningkat pada tahun ini. Para peserta program TUKAR juga melaporkan bahawa peningkatan operasi mereka semakin mampan dan dapatan oleh kaji selidik yang dijalankan menunjukkan bahawa hasil yang diraih oleh peserta semakin bertambah kesan daripada program tersebut.



Badan-badan korporat terkemuka juga semakin cenderung menyokong inisiatif di bawah NKEA ini, dan tahun 2013 menyaksikan komitmen sumbangan pelaburan yang tinggi daripada pelbagai pemain utama seperti Sime Darby Brunsfield. Syarikat berkaitan kerajaan itu sedang menyuntik pelaburan bagi mewujudkan sebuah kedai runcit bersepadu berskala besar *(Big Box Boulevards)* dan sebuah Bazar Makan yang merupakan dua buah EPP di bawah NKEA ini.

Perkembangan lain yang menarik termasuklah potensi pelancaran Gedung 1Malaysia di pasaran asing tidak lama lagi. Di samping sumbangan modal pelaburan, semua inisiatif ini serta EPP yang dilaksanakan memainkan peranan kritikal dalam merealisasikan pertumbuhan ekonomi melalui pewujudan peluang pekerjaan.

Pada tahun 2014, NKEA ini akan memberi tumpuan kepada golongan peruncit untuk bersiap sedia memenuhi permintaan pengunjung sewaktu Tahun Melawat Malaysia 2014. NKEA ini juga akan bertindak untuk memperkukuh rekod Malaysia setelah menduduki tempat keempat di carta destinasi beli-belah dunia seperti yang ditunjukkan dalam kaji selidik *Globe Shopper Index*.

Tahun 2014 juga akan menyaksikan usaha Kerajaan untuk meninjau peluang bagi mempergiat jenama barangan premium buatan Malaysia. Selain itu, NKEA ini akan mempersiapkan golongan peruncit agar pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) berjalan lancar pada tahun 2015.

Kejayaan Malaysia menaiki tangga ke-13 di carta *AT Kearney's Global Retail Development Index* 2013. Ini menunjukkan masih terdapat ruang untuk kemajuan di bawah NKEA ini dan Kerajaan berkomited untuk terus mengekalkan usaha untuk melonjakkan sektor ini ke tahap pembangunan yang lebih maju.

PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN

Dengan mengambil kira sumbangan sebanyak lebih 60 peratus kepada KDNK negara yang diperoleh daripada perbelanjaan pengguna domestik, NKEA Pemborongan dan Peruncitan adalah penyumbang keempat terbesar kepada PNK dalam senarai 12 NKEA yang dilancarkan. Jumlah yang disumbangkan daripada NKEA ini juga semakin meningkat dalam tiga tahun belakangan, mencecah RM100.6 bilion pada 2010, RM114.4 bilion pada tahun 2011 dan RM125 bilion pada tahun 2012.

Pertumbuhan pesat yang diperlihatkan ini adalah suatu tanda positif bahawa NKEA ini sedang rancak merealisasikan sasarannya menjelang tahun 2020, iaitu melonjakkan sumbangan sektor pemborongan dan peruncitan kepada PNK sebanyak RM156 bilion dan mewujudkan 454,190 pekerjaan baharu. Tahun ini sahaja menyaksikan peneraju bagi projek-projek EPP sektor ini menjanjikan sumbangan pelaburan sebanyak RM3.53 bilion dan membuka sehingga 9,700 peluang kerja.

Strategi yang disusun untuk menjana pertumbuhan dalam negeri melalui penggunaan domestik juga membantu memastikan agar ekonomi negara terus membangun meskipun dunia berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi.

Sejajar dengan kemajuan Malaysia dalam usahanya mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, pengguna di Malaysia dijangka menjadi lebih sofistikated dan semakin bijak membuat perbandingan. Oleh hal yang demikian, NKEA ini akan memperkenalkan konsep peruncitan baharu untuk menyemarakkan perbelanjaan dari pihak pengguna dan menyokong permintaan domestik. Serentak dengan itu, konsep ini juga akan memperkukuh kedudukan negara sebagai salah sebuah daripada lima destinasi beli-belah terbaik dunia.

Selaras dengan peningkatan pendapatan rakyat secara amnya, inisiatif yang dirancangkan dalam NKEA ini juga akan diperkembang dan diolah sesuai dengan potensi pertumbuhan dalam perbelanjaan runcit pengguna. Hal yang demikian ini akan dicapai dengan pelaksanaan EPP di bawah NKEA ini yang telah dikelompokkan di bawah tiga tema utama, iaitu Modenisasi, Globalisasi dan Revolusi.

EPP di bawah tema Modenisasi menangani aspek proses dan sistem di kedai-kedai runcit tradisional untuk membantu peruncit kecil agar berhijrah kepada format kedai yang lebih moden. Manakala di bawah tema Globalisasi, EPP yang diwujudkan membantu pelbagai pemain dalam sektor runcit tempatan untuk meninjau peluang di luar negara. EPP di bawah tema Revolusi pula bertujuan untuk meneroka konsep dan strategi yang masih belum diterapkan dalam sektor runcit Malaysia.

Antara EPP utama dalam NKEA ini termasuklah usaha untuk membangunkan *Big Box Boulevards* (BBB) dan meningkatkan bilangan kedai format besar. Pembangunan BBB dan kedai format besar ini adalah berteraskan kepada tiga trend yang telah dikenal pasti, iaitu perbelanjaan peruncitan yang semakin bertambah, urbanisasi dan pertumbuhan penduduk.

Petunjuk Prestasi Utama 2013

NKEA Pemborongan dan Peruncitan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Jumlah pasar raya hiper baharu	6	6	100	●	100	●	1.0	●
	Jumlah pasar raya besar baharu	10	11	110	●	100	●	1.0	●
EPP #2	Jumlah kedai runcit yang dimodenkan di bawah Program TUKAR	500	522	104	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Bengkel yang telah dimodenkan di bawah Program ATOM	120	203	169	●	100	●	1.0	●
EPP #5	Tapak Bazar Makan baharu yang telah beroperasi	1	1	100	●	100	●	1.0	●
EPP #6	Mengenal pasti satu pemain baharu dalam EPP ini	1	1	100	●	100	●	1.0	●
EPP #7	Gedung Maya baharu yang telah beroperasi	1	1	100	●	100	●	1.0	●
EPP #9	Peningkatan dalam peratusan nilai Kos, Insurans dan Bayaran Pengangkutan (CIF) bagi 328 barangan import terpilih (RM bilion)	40% RM2.57 bilion	152% RM4.61 bilion setakat Sept 2013	179	●	100	●	1.0	●
EPP #10	Mengenal pasti satu pemain baharu dalam EPP ini	1	1	100	●	100	●	1.0	●
EPP #11	Jumlah subsektor yang terlibat dalam Jualan Bersepadu 1Malaysia	52	55	106	●	100	●	1.0	●
EPP #13	Mengenal pasti dan mengumumkan satu pemain baharu dalam EPP ini	1	2	200	●	100	●	1.0	●
				124%		**100%**		**100%**	

Rajah 4.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1 Meningkatkan Bilangan Kedai Format Besar



Tesco Ara Damansara dibuka kepada orang ramai pada 21 November 2013

Penubuhan kedai format besar seperti pasar raya hiper telah membantu menyemarakkan daya saing dan peningkatan kualiti dalam pasaran runcit ekoran kuasa beli dan amalan peruncitan moden yang lahir bersamanya. Pasaran runcit Malaysia telah menyaksikan pertumbuhan yang signifikan bagi kedai format sedemikian sejak liberalisasi ke atas subsektor peruncitan melibatkan kedai format besar dibuat pada tahun 1995. Kini, sektor kedai format besar telah disertai oleh pemain asing dan tempatan.

EPP ini akan menambah ruang lantai kedai format besar sebanyak 50 peratus lagi daripada ruang dasar berkeluasan 1.4 juta meter persegi yang sedia ada melalui penubuhan 61 buah pasar raya hiper dan 163 buah pasar raya besar sehingga tahun 2020. Setiap pasar raya hiper yang akan ditubuhkan adalah bersaiz 5,000 meter persegi atau lebih, dan pasar raya besar pula bersaiz 3,000 hingga 4,999 meter persegi.

Inisiatif di bawah EPP ini memerlukan pelibatan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, pemain-pemain asing yang terkemuka seperti Tesco, Giant dan Aeon Big, serta syarikat juara tempatan seperti Mydin, Econsave dan TF Value Mart.

Pencapaian dan Cabaran

Sasaran tahun ini telah dicapai dengan enam buah pasar raya hiper dan sebelas buah pasar raya besar yang telah ditubuhkan pada tahun 2013. Yang jelas, EPP ini sedang berjalan lancar dan mampu mencapai sasaran menjelang tahun 2020, iaitu pembinaan 61 buah pasar raya hiper dan 163 buah pasar raya besar.

Selain itu, tahun 2013 menyaksikan pemain tempatan mengorak langkah untuk menerobos segmen pasaran premium yang secara tradisinya didominasi oleh syarikat asing. Sebagai contoh, pengendali pasar raya hiper tempatan, Mydin telah membuka pasar raya besar premium mereka yang pertama, iaitu SAM's Groceria. Hal tersebut menunjukkan bahawa syarikat tempatan bukan saja mampu menawarkan barangan berkualiti tinggi malah mereka mampu menawarkan kepelbagaian serta memenuhi permintaan berbagai-bagai segmen dalam pasaran.

Langkah Seterusnya

EPP ini akan memastikan agar pasar raya hiper yang akan dibangunkan menjangkau ke semua lokasi di seluruh negara, khususnya di Sabah dan Sarawak. Hal yang demikian ini adalah bagi memenuhi permintaan penduduk yang semakin bertambah dan telah berhijrah ke bandar. Bilangan pasar raya hiper dijangka akan terus meningkat selepas ini.

Pasar raya hiper dan pasar raya besar yang dilancarkan pada tahun 2013



EPP 2 Pemodenan melalui Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR)

EPP ini bertujuan membantu kedai runcit kecil-kecilan berkembang bagi mengekalkan minat pembeli dan agar peruncit kecil tidak tercicir tatkala cita rasa pengguna semakin pesat berubah. Usaha ini akan dilaksanakan menerusi Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) yang memberi tumpuan kepada peningkatan kemahiran peruncit kecil-kecilan melalui sokongan peruncit kedai format besar. Peruncit terkemuka seperti Mydin, Tesco dan Carrefour telah bersetuju untuk berkongsi kepakaran peruncitan mereka bersama peruncit kecil yang berminat.

Perkongsian kemahiran yang diusahakan di bawah program TUKAR ini termasuklah perkongsian nasihat tentang kaedah penyusunan semula dan modenisasi ke atas susun atur kedai, penyediaan *planogram* untuk mengoptimumkan penyusunan produk dan pelibatan bersama dalam program kemahiran peruncitan asas yang dianggap perlu. Selain itu, peserta TUKAR boleh memohon mendapatkan pinjaman mudah daripada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd (Bank Rakyat) yang menawarkan syarat bayaran semula pada kadar tiga peratus yang dikira atas baki pinjaman dengan tempoh maksimum 15 tahun.



Sesudah: Pasar Mini Masa Dagang

Pusat pengedaran yang berperanan mengurangkan kos barangan yang dijual dan menambah baik efisiensi peruncit juga akan ditubuhkan untuk menyokong kedai TUKAR. Hal tersebut akan dilaksanakan sejurus selepas penyertaan peruncit sudah mencukupi.





Sebelum (atas) dan sesudah (bawah): Kedai Runcit Masa Dagang, Sungai Rambai, Melaka


Pusat Pengedaran perintis yang pertama bertempat di Lembah Klang telah memulakan operasinya pada bulan Ogos 2013. Pusat pengedaran yang diurus oleh Koperasi Jaringan Sepadu (KOJARIS) ini akan membekalkan barangan untuk kedai TUKAR dan kedai lain yang tidak menyertai program TUKAR. Kini, KOJARIS mempunyai sejumlah 239 Unit Penyimpanan Stok (SKU) yang berbeza dan membekalkan barangan asas seperti gula serta barangan pengguna lain seperti kopi dan biskut.

Taylor Nelson Sofres Malaysia (TNS) juga telah diminta untuk menjalankan sebuah kaji selidik bagi menilai impak program TUKAR setakat ini. Lebih 800 kedai telah dikaji, termasuk 616 kedai yang telah menyertai program TUKAR untuk tempoh lebih setahun. Daripada 616 kedai tersebut, kajian itu mendapati bahawa sekurang-kurangnya 78 peratus kedai mengisytiharkan peningkatan hasil, 10 peratus tidak menampakkan perubahan, manakala 12 peratus pula mengisytiharkan penurunan hasil. Sementara itu, 45 peratus peserta TUKAR mengisytiharkan peningkatan hasil sebanyak 40 peratus atau lebih, malah, hasil yang diraih oleh 18 peratus kedai diisytiharkan mencecah lebih 100 peratus setelah transformasi dilakukan.

Hasil kajian ini akan membolehkan program TUKAR terus diperbaiki dan dipertingkatkan untuk peringkat seterusnya.

Namun begitu, EPP ini mengalami anjakan ke belakang yang kecil apabila Koperasi Peralihan Cina Malaysia disingkirkan daripada senarai koperasi yang menyokong program ini. Hal ini berlaku kerana Koperasi tersebut tidak berhasil memenuhi KPInya, menyebabkan bilangan koperasi terlibat berkurangan kepada lima berbanding enam sebelum itu.


Kedai TUKAR Pada Tahun 2013 Mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik



	Pulau Pinang	Johor	Terengganu	Sabah	Kedah	Selangor	Sarawak	Perak	Pahang	Melaka	Kelantan	Negeri Sembilan	Kuala Lumpur	Perlis
Lain-lain	0	0	0	32	0	0	20	0	2	0	1	0	0	0
Melayu	69	47	63	13	42	34	17	24	27	23	23	12	9	3
India	9	2	1	1	1	5	0	5	0	0	0	1	0	0
Cina	1	15	0	0	1	2	0	5	2	3	1	2	4	0

Rajah 4.2: Gambaran peserta program TUKAR di Malaysia

Peratusan Penyertaan Kaum dalam Program TUKAR Pada Tahun 2013



Pencapaian dan Cabaran

Setakat 31 Disember 2013, sejumlah 522 kedai runcit di seluruh negara telah menamatkan proses transformasi, melebihi sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2013, iaitu 500 buah kedai.

Ini membawa jumlah bilangan kedai yang telah ditransformasi kepada 1,609 sejak program TUKAR ini dilancarkan pada tahun 2011.

Satu perkembangan yang memberangsangkan adalah penyertaan daripada golongan pelbagai kaum yang dilihat semakin meningkat tahun ini berbanding pada awal pelancaran program.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2014, program ini akan dikaji semula bagi memastikan bahawa syarat keperluan yang sedia ada akan terus memberi impak sambil memastikan sasaran kemasukan tahunan ke dalam program sebanyak 500 kedai terus dicapai. Selain itu, program TUKAR juga akan ditambah baik berdasarkan hasil Kajian Impak TNS. Di samping itu, kedai TUKAR juga akan dipersiapkan agar bersedia untuk melaksanakan GST pada tahun 2015 melalui program latihan dan bimbingan.

EPP 3 Membangunkan Pasar Komuniti

EPP ini telah dipindahkan ke ruang lingkup NKEA Pertanian kerana sebahagian besar daripada pihak berkepentingan dalam EPP ini terlibat dalam industri asas tani.

EPP 4 Transformasi Bengkel Automotif



Logo ATOM dipaparkan dengan jelas di sebuah bengkel yang siap ditransformasi

Kini, terdapat kira-kira 18,000 buah bengkel automotif di Malaysia yang mempunyai mutu yang berbeza (sumber: Hala Tuju Program Transformasi Ekonomi). Oleh hal yang demikian, projek Pemodenan Bengkel Automotif (ATOM) yang dilancarkan di bawah EPP ini bertujuan memodenkan dan meningkatkan mutu perkhidmatan bengkel kereta yang lazim kita lihat. Hal ini demikian kerana sektor ini adalah sebuah sektor yang tidak formal dan tidak tertakluk kepada sebarang kawal selia atau penandaan aras yang terperinci.

EPP ini juga bertujuan menangani persepsi meluas yang menganggap bahawa tiada ketelusan yang wujud dalam cara kebanyakan bengkel mengenakan bayaran untuk perkhidmatan mereka. Hal ini penting kerana perbelanjaan penyelenggaraan ke atas lebih 13 juta kenderaan berdaftar di Malaysia dianggarkan mencecah RM10 bilion.


Selain itu, belum ada sebarang struktur yang terbentuk untuk mengurus tadbir tahap kemahiran mekanik-mekanik bengkel. Rentetan itu, mereka tidak berupaya mengguna pakai kaedah teknologi terbaharu.

Bengkel ATOM juga diberi sokongan kewangan daripada Bank Rakyat berdasarkan syarat mudah untuk permohonan pinjaman. Sokongan tersebut menawarkan pinjaman maksimum sehingga RM100,000 untuk bengkel kereta dan RM100,000 bagi bengkel motosikal, dan bayaran semula boleh dibuat dalam tempoh maksimum 15 tahun.

Pencapaian dan Cabaran


Menjelang akhir tahun 2013, sejumlah 203 bengkel automotif sudah pun ditransformasi di seluruh Malaysia, melepasi sasaran sebanyak 120 bengkel untuk sepanjang tahun lantaran ledakan permintaan daripada pemain-pemain industri. Ini bererti jumlah kedai yang telah selesai ditransformasi di bawah program ATOM mencecah 368 sejak program tersebut dilancarkan pada tahun 2011.





Wajah bengkel sebelum (atas) dan sesudah (bawah) ditransformasi oleh KOJADI


Bengkel ATOM Pada 2013 Mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik



	Selangor	Pulau Pinang	Kedah	Kelantan	Sarawak	Terengganu	Johor	Pahang	Sabah	Perak	Negeri Sembilan	Melaka	Kuala Lumpur	Perlis
Lain-lain	0	0	0	0	3	0	0	0	3	1	0	0	0	1
Melayu	20	11	16	13	4	13	8	7	8	6	7	7	4	0
India	4	3	0	0	0	1	2	3	0	3	4	1	0	0
Cina	5	11	0	2	8	1	4	4	3	3	2	4	3	0

Rajah 4.3: Gambaran peserta program ATOM di Malaysia

Peratusan Penyertaan Kaum dalam program ATOM pada tahun 2013



TNS turut diminta untuk mengkaji dan menyelidik impak daripada program ATOM. Daripada sejumlah 150 bengkel yang dikaji, 131 bengkel telah menyertai program ATOM lebih daripada setahun. Kajian itu mendapati bahawa 81 peratus bengkel mengisytiharkan peningkatan hasil, 12 peratus tidak menampakkan perubahan, manakala tujuh peratus pula mengisytiharkan penurunan hasil. Secara keseluruhannya, 45 peratus daripada peserta ATOM di 131 bengkel ini mengisytiharkan peningkatan hasil sebanyak 40 peratus atau lebih, malah, hasil yang diraih oleh 15 peratus bengkel diisytiharkan mencecah lebih 100 peratus setelah transformasi dilakukan.

Hasil kajian oleh TNS ini akan membolehkan program ATOM terus diperbaiki dan dipertingkatkan ke peringkat seterusnya.

Dari segi sokongan pembiayaan daripada Bank Rakyat, pinjaman yang ditawarkan kepada bengkel motosikal telah ditingkatkan menjadi RM100,000 pada tahun ini berbanding jumlah awal sebanyak RM50,000 setelah mengambil kira maklum balas yang diperoleh daripada peserta dan pihak industri.

Program ATOM juga menyaksikan penyertaan sebuah koperasi lagi, iaitu Koperasi Belia 1Malaysia, menjadikan jumlah keseluruhan koperasi yang turut bekerjasama dalam program tersebut sebanyak enam buah. Akan tetapi, Koperasi Peralihan Cina Malaysia pula telah disingkirkan daripada senarai ini lantaran gagal menepati syarat KPI yang ditetapkan.

Langkah Seterusnya

EPP ini akan meneliti hasil kajian oleh TNS untuk menambah baik program ATOM. Di samping itu, bengkel ATOM juga akan dipersiapkan agar bersedia melaksanakan GST pada tahun 2015 melalui program latihan dan bimbingan.

Untuk tahun 2014, EPP ini menyasarkan penyertaan 175 bengkel dalam programnya.

EPP 5 Membangunkan Bazar Makan



Pandangan udara bagi *Oasis Square Makan Bazaar*

Meskipun Malaysia begitu terkenal dengan pelbagai makanan yang serba enak, amalan profesionalisme dan kebersihan di kedai makan ada kalanya tidak menepati standard minimum. EPP Bazar Makan bertujuan untuk mewujudkan pusat makanan sehenti yang menyediakan pelbagai masakan ala Malaysia dan antarabangsa yang terbaik dan kualitinya terjamin, persekitarannya bersih serta berciri profesional.

Konsep yang dicadangkan ini meletakkan tanda aras yang tinggi dalam hal berkaitan pengurusan makanan di kedai makan. Matlamat jangka panjang adalah untuk memupuk dan menambah baik standard perkhidmatan oleh penyedia perkhidmatan makanan di negara ini.

Pencapaian dan Cabaran

Dalam tahun 2013, Sime Darby Brunsfield mengumumkan pelan untuk membangunkan sebuah pusat makanan sehenti di Ara Damansara, Selangor yang menyediakan pengunjung dengan hidangan Malaysia dan antarabangsa yang terbaik. Projek ini melibatkan pelaburan berjumlah RM117.3 juta menjelang tahun 2020 dengan sumbangan kepada PNK sebanyak RM52.3 juta dan membuka sejumlah 450 peluang pekerjaan.

Bazar ini telah pun memulakan operasinya dengan 15 buah restoran berasingan yang berkonsepkan *waterfront* menawarkan pelbagai hidangan Malaysia, Jerman, China, Jepun, Korea, India dan Timur Tengah. Premis *waterfront* itu sahaja berkeluasan sehingga 205,000 kaki persegi.

Bazar Makan di Ara Damansara adalah yang kedua sepertinya di negara ini, selepas pembukaan Bazar Makan yang pertama di Mall of Medini, Johor yang dibuka pada tahun 2012.

Langkah Seterusnya

EPP ini akan memastikan agar ruang runcit di Bazar Makan, Ara Damansara digunakan sepenuhnya. Pada tahun 2014, sebuah medan selera (*food court*) akan ditambah kepada bazar tersebut, malah, sudah terdapat perancangan untuk mengembangkan ruang runcit di situ agar dapat menampung permintaan pengunjung Bazar. Bazar ini dijangka mampu menempatkan lebih 3,500 pengunjung.

Tapak lain akan dikenal pasti untuk dijadikan Bazar Makan sejajar dengan matlamat untuk merealisasikan sasaran sebanyak 10 Bazaar Makan menjelang tahun 2020.



Pintu depan *Oasis Square Makan Bazaar*



Suasana waktu malam di *Oasis Square Makan Bazaar*

EPP 6 Membangunkan Gedung 1Malaysia

Gedung beli-belah di Malaysia adalah antara yang terbaik dan terbesar di dunia. Hal ini mewujudkan satu kelompok kemahiran dalam kalangan pengendali gedung yang boleh dimanfaatkan untuk penubuhan gedung milik pengendali Malaysia di luar negara. Lantaran itu, gedung 1Malaysia disasarkan untuk memanfaatkan kemahiran pengendali gedung beli-belah dan peruncit Malaysia di samping menyediakan peluang untuk jenama barangan buatan Malaysia menerobos pasaran antrarabangsa.

EPP ini juga akan menambah tarikan Malaysia supaya jenama barangan buatan asing lebih berminat untuk mewujudkan ibu pejabat serantau mereka di sini. Usaha ini bertujuan untuk memanfaatkan potensi Malaysia untuk berkembang ke pasaran serantau melalui Gedung 1Malaysia.

Bagi menyokong EPP ini, PEMANDU dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan akan meneruskan perbincangan bersama pihak yang berpotensi menjadi rakan kongsi untuk menubuhkan Gedung 1Malaysia. Tumpuan akan diberikan kepada pasaran yang sedang membangun dengan jumlah penduduk yang besar tetapi masih kurang pendedahan kepada sistem peruncitan bersepadu yang ditawarkan oleh pusat beli-belah.

Pencapaian dan Cabaran

Berjaya Corporation Bhd. telah bersetuju untuk meninjau dengan lebih lanjut potensi untuk menjadikan projek Berjaya Great Mall Development di China sebagai sebahagian daripada EPP Gedung 1Malaysia. Bertempat di Bandaraya Sanhe, Wilayah Hebei, projek ini adalah sebuah pembangunan bercampur yang akan memasukkan komponen runcit, hiburan, taman bertema dan taman air.

Beberapa syarikat Malaysia telah mengamati kemungkinan untuk memulakan operasi di Vietnam tetapi mendapati bahawa dari segi ekonomi, usaha tersebut tidak berdaya maju. Oleh hal yang demikian, EPP ini berdepan dengan cabaran untuk mencari pasaran asing yang kukuh sebelum penubuhan gedung 1Malaysia diteruskan. Kini, usaha sedang dilakukan untuk menjalinkan kerjasama dengan pemaju dan peruncit Malaysia yang berada di China untuk memulakan Gedung 1Malaysia di sana.

Langkah Seterusnya

EPP ini akan berusaha untuk meneroka pasaran alternatif bagi mengusahakan gedung 1Malaysia serta meninjau kemungkinan untuk bekerjasama dengan pemaju Malaysia yang telah bertapak di pasaran luar negara, contohnya SP Setia. Tambahan pula, EPP ini berkemungkinan akan dikaji semula untuk mempertimbangkan pendekatan lain bagi memudahkan dan menyediakan insentif kepada Juara-juara EPP ini.

EPP 7 Menubuhkan Gedung Maya

Aktiviti membeli-belah dalam talian semakin meningkat di Malaysia. Perkembangan ini berpunca daripada popularity telefon pintar yang semakin meluas, pelaksanaan projek jalur lebar berkelajuan tinggi dan penduduk yang semakin selesa membeli-belah dalam talian. Semua faktor tersebut menyumbang kepada satu cetusan revolusi dalam aspek peruncitan dalam talian.

Pasaran membeli-belah dalam talian dijangka meningkat kepada RM5 bilion pada tahun 2014, dengan majoriti pembelian dibuat di laman web tempatan. Sekiranya jumlah jualan runcit yang dibuat dalam talian mencapai tahap seperti di negara maju, sebagai contoh, United Kingdom, jualan produk melalui Internet di negara ini boleh mencecah RM12 bilion menjelang tahun 2020.

Justeru, EPP ini bertujuan untuk meraih sepenuhnya peluang yang ada dalam pasaran ini melalui cadangan pembinaan gedung maya yang menggunakan replika pasar raya hiper sebenar. Yang lebih penting, inisiatif ini akan membantu memajukan peruncit bersaiz kecil dan sederhana untuk menjalankan perniagaan mereka dalam talian. Serentak dengan itu, peruncit berskala besar juga akan diajak turut serta dalam sektor gedung maya ini.

Pencapaian dan Cabaran

Rantaian pasar raya hiper terkemuka, Tesco, telah mula menawarkan perkhidmatan membeli-belah dalam talian untuk rangkaian produk mereka yang merangkumi barangan dapur hinggalah pelbagai jenis pakaian.

Cabaran yang didepani oleh EPP ini adalah kesukaran untuk mewujudkan sebuah gedung *end-to-end* yang menjual semua jenis produk. Sungguhpun sudah ada laman web membeli-belah yang berjaya, laman web seperti ini terhad kepada penjualan satu kategori produk sahaja. Lagipun, laman seumpama ini dikategorikan sebagai kedai istmewa dalam talian, bukannya gedung beli-belah maya.

Langkah Seterusnya

EPP ini akan berusaha untuk menggalakkan aktiviti membeli-belah tempatan dilakukan dalam talian menerusi platform gedung maya. EPP ini juga akan menyediakan sokongan tambahan kepada pengusaha yang sedia ada.

EPP 8 Memudah Cara Peniaga Tempatan untuk Memperoleh Pegangan dalam Perniagaan Runcit Asing

Pertumbuhan pengusaha runcit tempatan boleh dipercepatkan melalui aktiviti penyatuan dan pengambilalihan melibatkan peruncit asing. Aktiviti tersebut juga membolehkan peruncit tempatan meraih sebahagian keuntungan yang diperoleh peruncit asing.

Model yang disebutkan ini menyerupai projek usaha sama yang dilakukan oleh Sime Darby dengan syarikat Tesco dari United Kingdom yang telah memulakan rantaian pasar raya hiper Tesco Stores di Malaysia.

Pencapaian dan Cabaran

EPP ini masih dalam proses mengenal pasti sasaran pengambilalihan yang sesuai untuk pengusaha runcit di Malaysia.

Cabaran yang perlu didepani oleh EPP ini adalah mencari pemadanan serta sasaran pengambilalihan yang sesuai bagi peniaga Malaysia yang berminat kerana aktiviti pengambilalihan amat bergantung pada permintaan pasaran.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2014, EPP ini akan mempergiat usaha untuk membuka lebih banyak peluang pemadanan dan meninjau opsyen yang membolehkan Kerajaan membantu pengusaha tempatan untuk mengambil alih jenama asing. la juga akan meninjau cara-cara lain untuk meningkatkan EPP ini dengan memperkukuh jenama premium tempatan sebagai sebahagian daripada proses pembinaan jenama bagi memacu pertumbuhan ekonomi ke tahap yang lebih tinggi.

EPP 9 Menjadikan Malaysia Negara Bebas Cukai

Malaysia adalah satu daripada destinasi pelancongan yang paling popular di dunia. Malah, perbelanjaan untuk membeli-belah merupakan perbelanjaan kedua terbesar oleh pelancong yang tiba di Malaysia selepas perbelanjaan untuk penginapan.

Walaupun pemansuhan duti import ke atas beberapa barangan import sejak bulan Januari 2011 telah berhasil meningkatkan popularity Malaysia sebagai destinasi pelancongan, terdapat potensi untuk meningkatkan perbelanjaan pelancong jika lebih banyak barangan diisytiharkan sebagai barangan bebas cukai.

Pencapaian dan Cabaran


Setakat bulan November 2013, nilai Kos, Insurans dan Bayaran Pengangkutan (CIF) telah mencecah RM5.78 bilion, melepasi sasaran yang dijangka untuk tahun 2013.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2014, peningkatan ketibaan pelancong berikutan acara Tahun Melawat Malaysia 2014 dijangka mewujudkan kesan pengganda dan menghasilkan jumlah nilai CIF yang lebih tinggi.

Nilai CIF bagi 328 barangan bebas cukai didapati meningkat berasaskan tahun ke tahun sejak perubahan dasar diperkenalkan pada tahun 2010

RM Bilion



** Nilai CIF untuk tahun 2013 adalah setakat bulan November 2013 kerana data dikeluarkan tiga bulan lewat dari bulan sebenar*

Rajah 4.4: CIF 2010 - November 2013
Sumber: Jabatan Kastam Diraja Malaysia

EPP 10 Membangunkan Pusat Peranginan Kesihatan



Satu perspektif Senja Aman Wellness Resort dari Laut Andaman

EPP ini bertujuan untuk memanfaatkan kedudukan Malaysia yang teguh dan menerobos pasaran pertukaran wang asing yang penting dalam industri ini melalui penubuhan pusat peranginan di lokasi yang strategik.

Lokasi strategik tersebut termasuklah Pulau Pinang, Selangor dan Pahang. Pusat peranginan yang menggunakan konsep bersepadu ini akan memberikan tumpuan kepada rawatan antipenuaan, estetik dan regeneratif malah dilengkapkan lagi dengan outlet membeli-belah.

Pencapaian dan Cabaran

Senja Aman Intergrated Wellness Resort, sebuah pusat peranginan kesihatan mewah baharu di Teluk Bahang, Pulau Pinang telah dikenal pasti sebagai Juara EPP bagi inisiatif ini. Pusat ini terdiri daripada kawasan pusat kesihatan seluas 90,000 kaki persegi, sebuah hotel dan apartmen mewah. Pada bulan Mac, Senja Aman telah berjaya menarik kumpulan Banyan Tree untuk memulakan operasi hotel mereka di kawasan tersebut. Menjelang tahun 2020, projek ini akan melibatkan pelaburan yang dianggarkan berjumlah RM293 juta dan menyumbang sehingga RM157 juta kepada PNK.

Mines Wellness City yang terletak berhampiran dengan Kuala Lumpur juga sedang berkembang maju. Pembangunan tersebut akan dilancarkan secara rasmi pada tahun 2014.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2014, EPP ini akan berusaha untuk menarik minat para peserta industri dan mengembangkan industri pusat peranginan kesihatan ini.



Pandangan udara bagi The Chateau Spa dan Organic Wellness Resort

EPP 11 Menganjurkan Jualan Bersepadu 1Malaysia

Malaysia menganjurkan jualan di seluruh negara beberapa kali setahun dan hal tersebut memberi keuntungan kepada sektor runcit. EPP ini berusaha untuk melibatkan lebih banyak sektor ekonomi – perniagaan runcit, makanan dan minuman, perhotelan dan agensi pelancongan dan sebagainya, untuk turut serta dalam Jualan Bersepadu 1Malaysia yang diadakan setiap tahun.

Pencapaian dan Cabaran

EPP ini telah berjaya menarik lebih banyak penyertaan subsektor pada tahun 2013, menambahkan bilangannya kepada 55 berbanding 52 sebelum itu. Jualan Bersepadu 1Malaysia juga telah dianjurkan bersempena dengan acara Jualan Mega untuk melonjakkan jumlah jualan. Jualan berkenaan telah diadakan bermula 29 Jun 2013 sehingga 1 September 2013 dan menyaksikan penyertaan kira-kira 940 syarikat dan 10,707 outlet.

Perbelanjaan menggunakan transaksi kad kredit dan kad debit ketika tempoh jualan dianjurkan telah dilaporkan berjumlah RM17 bilion dan RM2 bilion masing-masing. Angka ini dikeluarkan dalam Laporan Pembayaran Secara Elektronik Bank Negara Malaysia. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 7 peratus dan 33 peratus masing-masing, berbanding dengan tempoh jualan yang sama pada tahun 2012.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2014, EPP ini akan memberi tumpuan untuk menambah kepelbagaian produk dan perkhidmatan ketika jualan dibuat. Selain itu, EPP ini juga akan menggalakkan pelibatan lebih banyak syarikat dan subsektor ketika acara Jualan Bersepadu 1Malaysia berlangsung. Ia juga akan meninjau kemungkinan untuk meneruskan dan mengembangkan kerjasama dengan Tourism Malaysia.

EPP 12 Mentransformasikan KLIA menjadi Hab Peruncitan

Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ialah pintu masuk paling penting bagi pelancong asing. KLIA menghubungkan lebih 100 destinasi antarabangsa dan pada tahun 2012, KLIA telah menguruskan hampir 40 juta penumpang.

Menyedari bahawa para pelancong gemar meluangkan masa membeli-belah ketika transit, terdapat potensi yang besar untuk menjadikan KLIA sebagai sebuah pusat membeli-belah antarabangsa. Bagi memperoleh manfaat sepenuhnya daripada peluang tersebut, Gateway Mall, sebuah hab membeli-belah akan diwujudkan di sisi terminal KLIA2 yang baharu dan dijangka akan dibuka pada tahun 2014.

Komponen utama bagi hab peruncitan ini akan berpandukan pelan induk projek Aeropolis yang diterajui Malaysia Airport Holdings Bhd (MAHB).

Pencapaian dan Cabaran

KLIA mencatatkan kejayaan yang memberangsangkan pada awal tahun 2013 apabila Mitsui Fudosan Co Ltd, sebuah syarikat Jepun, memberikan komitmen untuk membina sebuah outlet beli-belah mewah yang bercirikan taman di lapangan terbang tersebut. *'Factory outlet park'* yang akan dibangunkan ini akan dikenali sebagai Mitsui Outlet Park KLIA, yang pertama dibangunkan oleh Mitsui di Asia Tenggara dan akan dibina di atas tanah berkeluasan 50 ekar dalam kawasan pembangunan KLIA. Projek ini telah dilaraskan di bawah NKEA Pelancongan sebagai EPP 3: Mewujudkan Ruang Perniagaan Premium di Malaysia.



Gambaran Gateway Mall oleh artis

Pembangunan Gateway Mall di KLIA2 sedang berjalan mengikut perancangan asal dan operasi akan dimulakan sebaik sahaja lapangan terbang yang baharu ini siap.

Langkah Seterusnya

EPP ini akan berusaha untuk membanyakkan penggunaan ruang runcit yang tersedia di *Gateway Mall* di KLIA2. EPP ini juga akan meninjau kemungkinan untuk menambah komponen runcit yang lain kepada pelan induk KLIA.

EPP 13 Membangunkan *Big Box Boulevards* (BBB)

Trend yang menempatkan peruncit berskala besar dan *factory outlet* di satu lokasi yang padat penduduknya seperti yang kerap dilihat di Eropah dan Amerika Syarikat belum mendapat sambutan di Malaysia. Namun, menyedari permintaan yang semakin meluas untuk peruncitan berskala besar, EPP ini akan giat mengusahakan pembangunan outlet runcit yang amat besar dan bersepadu untuk berbagai-bagai kategori peruncit seperti medan selera, kedai butik dan pasar raya hiper.

Outlet yang dimaksudkan ini akan disatukan di sebuah lokasi dan dinamakan *Big Box Boulevards* (BBB).

Satu contoh BBB ialah The Nilai 3 Wholesale City (Nilai 3) yang telah dibangunkan oleh Kumpulan Hatia sebagai sebuah pusat sehenti untuk membeli-belah yang dianggap sebagai syurga oleh para pengunjungnya.

Saiz keseluruhan projek tersebut adalah kira-kira 427 ekar. Nilai pelaburan membabitkan projek ini dijangka mencecah RM1.37 bilion menjelang tahun 2020 dan akan memberi impak PNK sebanyak RM2.92 bilion. Projek ini juga akan mewujudkan sejumlah 6,505 pekerjaan.

Pencapaian dan Cabaran

Projek NICE di Nilai akan dibangunkan oleh KLLC Park Sdn Bhd yang melingkungi lima BBB, tujuh gedung, sebuah medan beli-belah, hotel, menara pejabat, kondominium, sebuah sekolah antarabangsa dan hospital.

Tapak ini dibangunkan untuk mengumpulkan peruncit berskala besar di satu lokasi bagi kemudahan pelanggan. Projek ini melibatkan pelaburan bernilai RM1.1 bilion dan akan memberi impak kepada PNK sebanyak RM489.1 juta dan mewujudkan sejumlah 3,154 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.



Hasil lukisan realistik untuk Oasis Mall

Kumpulan Sime Darby Brunsfield pula akan membangunkan sebuah BBB di kompleks runcit berskala besar yang bercirikan pelbagai tema di Ara Damansara. Kompleks pelbagai aspek ini akan menempatkan outlet automobil, medan beli-belah bertemakan cara hidup, pasar raya hiper dan kedai makanan dan minuman. Outlet automobil terkemuka yang terlibat sama dalam pembangunan ini termasuklah Mercedes-Benz, BMW, Porsche, Land Rover, Ford, Peugeot, Alfa Romeo dan Hyundai.

Projek ini melibatkan pelaburan sebanyak RM1.52 bilion dan akan memberi impak sebanyak RM308 juta kepada PNK menjelang tahun 2020 dan membuka sejumlah 2,409 peluang pekerjaan.

Langkah Seterusnya

EPP ini akan meneroka potensi pembangunan BBB yang lain di Nusajaya, Johor untuk memanfaatkan peluang pertumbuhan di Iskandar Malaysia.



Hasil lukisan realistik untuk Oasis Corporate Park

PELUANG PERNIAGAAN

Pertumbuhan dalam sektor pemborongan dan peruncitan diunjurkan akan terus dirancakkan oleh tiga pemacu utama ekonomi; yang pertama ialah perbelanjaan runcit per kapita yang lebih tinggi lantaran peningkatan PNK setiap isi rumah.

Pemacu kedua ialah urbanisasi. Penghijrahan dari luar bandar ke bandar menyumbang kepada permintaan barangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi termasuklah permintaan untuk produk bernilai tambah.

Pemacu yang ketiga ialah pertambahan jumlah penduduk yang membawa kepada peningkatan permintaan untuk barangan dan perkhidmatan.

Ringkasan NKEA Pemborongan dan Peruncitan

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	**RM55.4 bilion**
Pekerjaan Tambahan	**454,190**

Sasaran kritikal bagi tahun 2014

- 500 kedai TUKAR
- 175 bengkel ATOM
- Enam pasar raya hiper dan lima pasar raya besar
- 70 peratus penggunaan ruang runcit di KLIA2
- 70 peratus penggunaan ruang runcit di Gateway @ KLIA2

Pemangkin Perubahan

PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN

pengalaman bersama perkhidmatan awam



Encik Mohd Fariszan Ahmad

Ketua Pejabat Pengurusan Penyampaian (DMO) di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Seiring dengan permintaan domestik yang semakin menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dan juga kesan daripada usaha Program Transformasi Ekonomi untuk meningkatkan pendapatan rakyat, corak penggunaan didapati telah berubah sejajar dengan pembangunan ekonomi. Selaras dengan perkembangan ini, NKEA Pemborongan dan Peruncitan berperanan penting bukan sahaja dalam memastikan penawaran yang pelbagai dan bernilai tinggi kepada pembeli-belah tempatan dan luar negara, malah juga untuk memastikan pemborong dan peruncit menyediakan barangan dan perkhidmatan yang kompetitif.

"Dahulu, pembeli-belah terpaksa pergi ke lokasi yang berlainan untuk mendapatkan barangan yang berbeza-beza. Namun, kita dapati bahawa pembeli-belah semakin gemar mengunjungi pusat sehenti, seperti gedung beli-belah, kerana ini lebih mudah dan menjimatkan masa.

Menyedari perubahan inilah, maka *Big Box Boulevards* (BBB) dibangunkan di bawah NKEA ini. Sebagai contoh, BBB di Ara Damansara, yang dibangunkan oleh Kumpulan Sime Darby Brunsfield mempunyai sebuah *auto-city*, pasar raya hiper, pusat beli-belah serta kedai makanan dan minuman," demikian menurut Mohd Fariszan Ahmad, Ketua Pejabat Pengurusan Penyampaian (DMO) di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Tugas DMO adalah untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan program transformasi Kerajaan dan ekonomi (GTP & ETP). Dalam usaha memantapkan daya saing peruncit Malaysia, DMO juga berperanan untuk menyokong dan memudahkan kerjasama yang perlu bagi melaksanakan Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) dan projek Pemodenan Bengkel Automotif (ATOM). Projek tersebut telah menolong menambahkan hasil pendapatan peruncit kecil dan pemilik bengkel sambil meningkatkan kemahiran para peserta dalam bidang masing-masing. "Ada dalam kalangan peruncit kecil yang hampir bergulung tikar, tetapi selepas mereka mengikuti program ini, jualan mereka meningkat sehingga 30 peratus. Nasib mereka kini berubah," kata beliau.

Menurut Mohd Fariszan, sebahagian besar daripada usaha yang digarap oleh DMO berjaya direalisasikan oleh kerana perkhidmatan awam. Standard perkhidmatan awam meningkat setelah budaya KPI diterapkan selaras dengan Program Transformasi Nasional. Sehubungan dengan itu, masalah birokrasi dalam perkhidmatan Kerajaan dapat dikurangkan lantas mempercepatkan keputusan dan pelaksanaan projek berimpak besar.

NKEA Pemborongan dan Peruncitan telah berjaya membuahkan hasil semenjak permulaan ETP sehinggakan kesemua KPI yang ditetapkan dalam tempoh tiga tahun yang lepas dapat dicapai. Kejayaan ini tidak akan diperoleh tanpa kerjasama beberapa Kementerian dan agensi Kerajaan yang sama-sama ingin memastikan agar Malaysia menjadi hab peruncitan di rantau ini.

Selain itu, DMO juga berperanan sebagai pemudah cara bagi penyertaan sektor swasta dalam Projek Permulaan termasuk pelaburan asing.

“Melalui peranan kami untuk memudahkan penyertaan sektor asing, kami membantu mempercepatkan kelulusan, dan sekiranya syarat ekuiti Bumiputera diperlukan, kamilah yang akan menghubungkan pelabur swasta dengan agensi berkaitan, seperti TERAJU (Unit Peneraju Agenda Bumiputera) atau Ekuinas (Ekuiti Nasional Bhd) agar pelaburan dipercepatkan,” jelas Mohd Fariszan.

Mohd Fariszan turut menambah bahawa kejayaan NKEA ini adalah natijah daripada kerjasama yang erat antara sektor swasta dan Kerajaan. “Kedua-dua pihak telah menunjukkan komitmen dan iltizam untuk menjayakan ETP,” tegas beliau.

Namun, beliau mengakui bahawa masih ada cabaran yang harus ditangani untuk melaksanakan NKEA ini. Sebagai contoh, ada kalanya sektor swasta tidak memberikan tumpuan ketika melaksanakan projek mereka. “Ada waktunya, kami terpaksa mengingatkan mereka agar kekal fokus terhadap rancangan mereka dan usah terlalu bergantung pada dana Kerajaan,” ujar beliau lagi.

Terdapat juga cabaran dalam mengekalkan momentum perubahan yang sudah tercetus dalam kalangan sektor awam. Ini kerana ganjaran yang diterima oleh penjawat awam sangat terhad. Pegawai penjawat awam seperti En. Mohd Fariszan hanya mampu bergantung pada kepuasan melihat tugas dilaksanakan dengan cemerlang sebagai sumber motivasi. “Walaupun ganjaran yang diterima ialah sumber motivasi yang penting, bagi saya, hal tersebut bukanlah perkara utama. Saya puas hati apabila dapat membantu rakyat,” kata Mohd Fariszan.

Namun demikian, perkhidmatan awam telah mengalami pembaharuan yang amat penting sejak pelancaran ETP. “Cara kami bekerja sudah berubah. Kami harus berganding bahu dengan sektor swasta bagi memastikan mereka menyempurnakan komitmen pelaburan mereka. Kami juga harus sentiasa memberikan perhatian kepada sektor swasta agar bantuan dapat dihulurkan apabila perlu.

Kami juga mesti mengambil langkah untuk ‘turun padang’ agar dapat memantau perkembangan projek. Selain itu, kami sedar bahawa ekonomi bersifat dinamik, lantaran itu, penjawat awam mestilah bersikap lebih responsif dan kreatif dalam menangani cabaran untuk mendapatkan hasil. Yang paling penting, kami perlu mengingatkan diri kami bahawa kami hadir untuk memudahkan, bukan untuk menggagalkan,” jelas Mohd Fariszan mengakhiri wawancara.



MINYAK SAWIT DAN GETAH





Dato' Sri Douglas Uggah Embas
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Industri minyak sawit telah mencapai banyak kemajuan di Malaysia. Di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada hampir satu juta orang, industri ini menerajui kajian dan pembangunan dalam sektor konsumer dan kesihatan, menjana inovasi terkini dalam penuaian buah tandan segar (BTS) dan memenuhi peranan penting membekalkan kargo ke dua buah negara pengimport makanan yang terpenting dan terbesar di dunia, iaitu India dan China.

NKEA ini telah mengumpulkan tenaga penggerak yang berbakat untuk merangka strategi dalam memasarkan hasil minyak sawit yang mesra alam ke seluruh dunia, membangunkan fitonutrien bernilai tinggi yang terkini, dan memperbaiki produktiviti segmen huluan.

Walaupun NKEA ini berhadapan dengan keadaan pasaran yang turun naik sejak setahun yang lepas, ia masih berjaya mencatat kemajuan yang signifikan pada tahun 2013. Antaranya, lebih banyak pekebun kecil didapati mengambil langkah berani untuk menanam semula di kawasan sedia ada dengan klon pokok kelapa sawit yang lebih baik untuk menambah hasil dan seterusnya meraih pulangan yang lebih baik. Syarikat perladangan utama pula mula menggunakan alat Cantas™ dalam usaha untuk memperbaiki produktiviti pekerja setelah berhadapan dengan pasaran buruh yang mencabar di samping melabur dalam kilang pengeluaran oleokimia untuk meningkatkan nilai dan kualiti eksport mereka.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga memainkan peranannya sebagai pemangkin, daripada menugaskan kakitangannya untuk turun ke padang bagi memastikan proses pengeluaran di kilang berjalan lancar sehinggalah kepada mencipta sistem pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia yang akan membantu negara meyakinkan pengguna mengenai komitmen kita dalam melindungi hutan dan hidupan liar.

Kerajaan juga secara proaktif telah membantu sektor hiliran mengatasi tahun yang amat mencabar selepas salah satu pengeluar minyak sawit utama di dunia bertindak menyemak semula cukai eksportnya untuk menjadikan produk mereka lebih kompetitif. Contohnya, Kerajaan telah menghentikan kuota bebas cukai minyak sawit mentah dan mengurangkan cukai eksport minyak sawit mentah bermula 1 Januari 2013 untuk membolehkan sektor ini bersaing atas padang yang sama rata dengan negara pesaing.

Bagi industri getah pula, Kerajaan merancang untuk mengembalikan era kedayasaingan tinggi industri ini. Ini akan dicapai dengan merangsang pengeluaran dan meningkatkan aktiviti huluan yang akan menjamin bekalan domestik bagi sarung tangan getah dan industri getah mesra alam yang kini dikuasai oleh Malaysia.

NKEA Minyak Sawit dan Getah ini membuktikan Malaysia beriltizam untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat bagi komoditi utama ini yang didorong oleh pertumbuhan pesat penduduk dunia. Sehubungan dengan perkembangan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pelbagai agensi Kerajaan, syarikat perladangan dan pekebun kecil kerana setia berganding bahu dalam memastikan NKEA ini berjaya.

MINYAK SAWIT

Industri minyak sawit Malaysia banyak membantu meningkatkan prestasi ekonomi sejak zaman kolonial dan sehingga kini terus menyumbang lebih daripada lima peratus daripada jumlah eksport tahunan negara. Bagaimanapun, masih banyak yang perlu dilakukan untuk merangsang pengeluaran dan menjana produk bernilai tinggi dalam usaha mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai pemain utama sektor minyak sawit hiliran.

Cabaran utama yang dihadapi oleh industri tempatan ialah kawasan tanah yang terhad. Sungguhpun demikian, ladang-ladang kelapa sawit masih mampu diperluaskan sehingga melebihi 5.23 juta hektar. Sementara itu, insentif-insentif Kerajaan untuk merangsang produktiviti berjaya dimanfaatkan oleh para saintis yang telah menghasilkan pemetaan genom kelapa sawit dan juga pekebun-pekebun kecil. Usaha telah dilaksanakan untuk memanfaatkan peluang yang terdapat di dalam segmen hiliran industri kelapa sawit seperti di dalam segmen makanan dan segmen berasaskan kesihatan yang telah memperlihatkan potensi pertumbuhan yang kukuh.

Lonjakan ke arah segmen industri yang bernilai tinggi menjadi inisiatif utama di bawah NKEA ini. Bagaimanapun, negara masih perlu terus menerokai peluang dalam segmen hiliran. Pada tahun 2013, hanya 18.6 peratus eksport minyak sawit Malaysia terdiri daripada produk hiliran, berbanding dengan 81.4 peratus eksport yang terdiri daripada produk huluan. Dengan itu, syarikat-syarikat Malaysia mesti melabur lebih banyak sumber dalam segmen hiliran atau dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk memastikan kemampanan jangka panjang industri ini.

Langkah-langkah di bawah NKEA Minyak Sawit ini disasarkan akan menjana RM178 bilion dalam PNK menjelang tahun 2020. Untuk mencapai sasaran ini, NKEA ini akan terus menumpukan kepada peningkatan produktiviti huluan dan penambahan nilai dalam aktiviti hiliran.

Petunjuk Prestasi Utama 2013

NKEA Minyak Sawit dan Getah		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Kawasan penanaman semula dan baharu oleh pekebun kecil persendirian (hektar) – penyediaan tanah diselesaikan	30,000	15,005.44	50	🔴	50	🔴	0	🔴
EPP #2	Jumlah koperasi pekebun kecil baharu (dilancarkan)	7	7	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Kawasan baharu syarikat perladangan/pekebun kecil yang patuh COP/NSGAP/RSPO/amalan baik - (hektar)	200,000	210,457.39	105	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Peningkatan hasil purata nasional (tan/hektar/tahun)	5.0%	0.7%	14	🔴	14	🔴	0	🔴
EPP #3	Jumlah Cantas™ diguna oleh syarikat perladangan dan pekebun kecil	1,500	1,247	83	🟡	83	🟡	0.5	🟡
EPP #4	Jumlah kilang minyak sawit baharu disahkan oleh MPOB untuk Kod Amalan Baik dan pensijilan antarabangsa yang lain	25	28	112	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Kadar pengekstrakan minyak	21.05%	20.25%	96	🟢	96	🟢	0.5	🟡
EPP #5	Jumlah kilang baharu yang dibina dengan kemudahan biogas	8	5	63	🟡	63	🟡	0.5	🟡
	Jumlah kilang baharu disambungkan ke grid nasional	2	1	50	🔴	50	🔴	0	🔴
EPP #6	Kadar pemanfaatan dana untuk derivatif oleo dan bahan kimia berasaskan bio	100%	0%	0	🔴	0	🔴	0	🔴
EPP #8	Kadar pengambilan dana untuk produk-produk makanan dan kesihatan (RM Juta)	100%	100%	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

NKEA Minyak Sawit dan Getah		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	**KPI**	**Sasaran (FY)**	**Sebenar (YTD)**	**Pencapaian**					
				Kaedah 1		**Kaedah 2**		**Kaedah 3**	
				%		**%**			
EPP #9.1	Penubuhan Pusat Ranting Tunas Hijau *(Malaysian Rubber Budwood Centres)*	2	2	100	●	100	●	1.0	●
EPP #9.2	Kawasan penanaman semula dan baharu oleh pekebun kecil (hektar)	47,000	47,119.12	100	●	100	●	1.0	●
	Pendapatan eksport Malaysia daripada getah asli dan getah kompaun (juta tan)	1.20	1.35	113	●	100	●	1.0	●
EPP #9.3	Pendapatan eksport Malaysia daripada produk lateks (RM bil)	12.85	12.13	94	●	94	●	0.5	●
EPP #9.4	Pengeluaran ekoprena dan pureprena (tan)	1,000	714.37	71	●	71	●	0.5	●
				78%		**76%**		**59%**	

Rajah 5.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1 Mempercepatkan Penanaman Semula dan Penanaman Baharu Kelapa Sawit

Harga minyak sawit yang tinggi tidak memberi galakan kepada industri untuk melaksanakan skim penanaman semula secara agresif, yang seterusnya menyebabkan terbiarnya pokok sawit tua yang berusia melebihi 25 tahun dengan hasil menurun daripada 15 tan setiap hektar dalam setahun. Pekebun kecil dan syarikat perladangan sering melambat-lambatkan skim penanaman semula untuk meraih keuntungan daripada harga yang lebih tinggi, walaupun dalam jangka panjang, perbuatan ini akan menjejaskan produktiviti.

EPP ini bertujuan menanam semula hektar pokok sawit tua berhasil rendah dengan anak benih baharu yang berhasil tinggi. Pada mulanya dicadangkan untuk dilaksanakan selama tiga tahun sehingga tahun 2013. Ini telah dilanjutkan sehingga tahun 2014 kerana peruntukan ini tidak boleh digunakan sepenuhnya disebabkan isu pemilikan dan kesesuaian tanah di Sarawak di bawah program penanaman baharu di samping kadar pengambilan yang rendah bagi insentif penanaman semula di seluruh negara.



Seorang saintis sedang meneliti pucuk kelapa sawit di dalam bilik suhu terkawal

Inisiatif ini melengkapi sasaran yang telah ditetapkan di bawah EPP 2, iaitu meningkatkan hasil Buah Tandan Segar negara kepada 26.2 tan metrik setiap hektar menjelang tahun 2020.

Pencapaian dan Cabaran

Sehingga kini, kawasan terbiar yang dibuka oleh syarikat perladangan dan pekebun kecil berkesatuan mencapai 251,024 hektar — memenuhi jumlah sasaran KPI tiga tahun yang ditetapkan oleh Makmal pada tahun 2010. Di samping itu, kawasan penanaman semula dan penanaman baharu oleh pekebun kecil persendirian telah direkodkan pada 57,679.27 hektar dari bulan Januari 2011 sehingga sekarang. Usaha untuk menggalakkan pekebun kecil persendirian untuk melaksanakan penanaman semula dan penanaman baharu semakin mencabar terutamanya pada tahun 2013. Pada tahun ini, kerajaan telah menyasarkan kawasan seluas 30,000 hektar untuk penanaman semula dan penanaman baharu kelapa sawit oleh pekebun kecil persendirian. Daripada jumlah ini, hanya 15,005.44 hektar atau 50 peratus daripada sasaran tahun 2013 untuk penanaman semula dan penanaman baharu dilengkapkan dalam tahun ini.

Cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan untuk mencapai sasaran KPI tahun ini adalah termasuk ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit, kekurangan minat pekebun kecil persendirian serta isu-isu yang berkaitan dengan pemilikan tanah dan kesesuaian tanah di Sarawak.


Permohonan untuk insentif kewangan sehingga RM9,000 setiap hektar kepada pekebun kecil persendirian untuk aktiviti penanaman semula dan penanaman baharu adalah paling tinggi dari Sarawak. Bagi menjaga kepentingan Negeri dan pekebun-pekebun kecil di Sarawak berkaitan tanah, Kerajaan Negeri telah menetapkan pemilikan tanah dan pengesahan kesesuaian yang lebih ketat. Ini merupakan proses yang penting bagi memastikan bantuan tertumpu diberikan kepada pekebun kecil di kawasan yang sesuai untuk penanaman pokok sawit yang akan memberi hasil dalam persekitaran yang paling optimum. Ini telah menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan projek-projek pada tahun 2013. Kerajaan bersama-sama pekebun kecil persendirian komited untuk melaksanakan projek-projek yang tertunggak pada tahun 2014.

Langkah Seterusnya

EPP ini akan terus menghulurkan bantuan kewangan kepada pekebun kecil persendirian untuk melaksanakan penanaman semula dan penanaman baharu. Ini akan menyumbang kepada bekalan buah tandan segar dengan pengurangan yang berkadaran bagi pokok kelapa sawit matang. Bagi langkah seterusnya, Kerajaan komited untuk melaksanakan penanaman semula dan penanaman baharu bagi pekebun kecil bersendirian yang telah terlewat pada tahun 2013 dan Kerajaan telah menambahkan peruntukan sebanyak RM28 juta untuk membolehkan permohonan pekebun kecil persendirian yang baharu untuk melaksanakan sasaran KPI 35,000 hektar bagi keseluruhan tahun 2014.

EPP 2 Meningkatkan Hasil Buah Tandan Segar (BTS)

Pekebun-pekebun kecil, yang mewakili 40 peratus daripada perladangan minyak sawit Malaysia, diberi bantuan kerajaan untuk merangsang hasil keseluruhan mereka. Ini merupakan sebahagian daripada usaha bagi mencapai sasaran tahun 2020 untuk meningkatkan hasil tahunan kepada 26.2 tan metrik setiap hektar purata nasional merentasi kesemua pemilikan, pekebun kecil dan ladang.



Benih kelapa sawit dipilih dan dibungkus dengan baik untuk tapak semaian dan kemudiannya dijual kepada kebun-kebun lain yang memerlukan benih-benih yang berkualiti tinggi untuk kebun-kebun mereka

Salah satu cara untuk mencapai sasaran ini adalah dengan menggalakkan pekebun kecil persendirian untuk mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan menubuhkan koperasi penanam minyak sawit di seluruh negara untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran tentang teknologi baharu. Hasilnya telah terbukti dengan 210,457.39 hektar tanah mencapai pematuhan kepada pelbagai amalan terbaik pada tahun 2013, mengatasi sasaran 200,000 hektar.

Pencapaian dan Cabaran

Setakat ini, EPP ini telah berjaya menubuhkan sejumlah 30 koperasi. Di bawah koperasi, pekebun-pekebun kecil boleh menikmati diskaun pukal bagi pembelian input pertanian dan harga yang lebih tinggi bagi hasil jualan mereka kepada pengilang minyak sawit. Sebuah inisiatif perintis di Saratok melihat bagaimana koperasi pekebun kecil menawarkan harga sebanyak 20 peratus lebih tinggi kepada pekebun kecil berbanding harga yang ditawarkan oleh peraih.

Seluas 210,457.39 hektar tanah yang dimiliki oleh pekebun kecil telah mencapai pematuhan dengan amalan industri terbaik seperti Peraturan Tatakelakuan MPOB dan Meja Bulat Mengenai Minyak Sawit Lestari *(Roundtable on Sustainable Palm Oil,* RSPO). Dengan hasil keluaran yang bertambah baik, hasil purata nasional tahunan juga turut meningkat kepada 19.02 tan metrik buah tandan segar bagi setiap hektar pada tahun 2013 berbanding dengan 18.89 tan metrik dalam tahun sebelumnya.

Langkah Seterusnya

MPOB akan memastikan kemampanan 30 koperasi yang ditubuhkan dan membantu meningkatkan prestasi perniagaan mereka. Sebagai permulaan, MPOB kini ditugaskan dengan memastikan 10 koperasi menjual minimum 400 tan buah tandan segar secara purata setiap bulan untuk mengekalkan operasi yang mampan.

Di samping itu, dorongan yang lebih juga akan diberikan untuk kunjungan khidmat nasihat ke perladangan berhasil rendah di samping memastikan sektor perladangan Malaysia memohon dan mematuhi Kod Amalan MPOB dan skim pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO), yang telah dirumuskan oleh MPOB bersama-sama industri.

EPP 3 Meningkatkan Produktiviti Pekerja



Seorang pekerja ladang sedang menuai buah tandan segar

Industri minyak sawit dikenal pasti sebagai sektor intensif buruh di mana tenaga pekerja diperlukan untuk melaksanakan kerja-kerja ladang seperti penuaian, pengeluaran buah tandan segar (BTS), penyelenggaraan dan tugas-tugas lain yang memerlukan tenaga kerja asing.

Dengan itu, EPP ini menyasarkan untuk memperkenalkan teknik baharu kepada pekebun kecil dan syarikat perladangan yang boleh membantu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos buruh. Untuk tujuan ini, MPOB akan menerajui inisiatif yang menggalakkan penggunaan sabit bermotor yang dipanggil Cantas™.

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2013, sejumlah 1,247 unit Cantas™ telah dijual kepada syarikat perladangan dan pekebun kecil.

Dalam usaha untuk membiasakan industri dengan alat ini dan meyakinkan pihak berkepentingan utama perbaikan yang telah dibuat kepada alat ini, MPOB telah mengikat kerjasama percubaan lapangan dengan syarikat perladangan besar. Tahun ini sahaja, percubaan lapangan yang meliputi 21 estet menunjukkan Cantas™ boleh menuai 6.75 tan metrik BTS sehari, dua kali ganda 3.4 tan metrik yang dikumpul menggunakan sabit dan tiang tradisional.

Langkah Seterusnya

Cantas™ V2014, yang merupakan model terkini alat ini, akan diperkenalkan kepada industri pada tahun 2014. Model baharu ini akan membolehkan penuai mencapai ketinggian 21-23 kaki. Model terdahulu, Cantas™ 5, hanya boleh mencapai 17 kaki. MPOB juga bercadang untuk menganjurkan pertandingan penjenteraan minyak sawit pada tahun 2014 dengan butirannya bakal dihebahkan pada suku pertama tahun itu. Tujuan utamanya adalah untuk menjana idea baharu dalam kalangan pemain industri untuk merangsang produktiviti pekerja.

EPP 4 Meningkatkan Kadar Pengekstrakan Minyak (OER)



Jentera berat digunakan untuk mengangkut buah sawit ke kilang melalui sistem kereta api

Petunjuk prestasi utama bagi industri minyak sawit ialah Kadar Pengekstrakan Minyak (OER). Tahun lepas ia berada pada kadar yang kurang memberangsangkan di bawah 20.5 peratus. EPP ini bertujuan untuk meningkatkan OER kepada 23 peratus menjelang tahun 2020, dengan memastikan lebih banyak kilang diiktiraf dengan Kod Amalan MPOB. MPOB juga akan menghantar lebih 200 pegawainya di kilang yang terpilih di seluruh negara untuk menyediakan perkhidmatan nasihat dan penguatkuasaan dalam kualiti tanaman. Ini akan memastikan buah tandan segar digred dengan betul sebelum ia dikilangkan, mengurangkan jumlah buah berkualiti rendah yang diproses.

Pencapaian dan Cabaran

Tahun 2013 merupakan tahun yang mencabar seperti digambarkan oleh statistik OER nasional yang menunjukkan penurunan sebanyak 0.10 peratus kepada 20.25 peratus pada tahun 2013 daripada 20.35 peratus pada tahun 2012. Empat daripada 12 buah negeri yang menempatkan kilang minyak sawit menampakkan pembaikan dalam OER – Kedah (+0.05 peratus), Melaka (+0.40 peratus), Selangor (+0.04 peratus) dan Sabah (+0.03 peratus) sementara OER lain di negeri-negeri lain menyusut di antara 0.06 peratus hingga 0.31 peratus.

MPOB terus memperkukuhkan asas kepada peningkatan OER dan kualiti minyak sawit yang mentah melalui penggunaan piawaian. Ini sedang dilaksanakan melalui kempen kesedaran di pihak kilang minyak sawit untuk mematuhi dan mendapatkan pensijilan di bawah MPOB COP dan pensijilan antarabangsa lain seperti RSPO. Pada tahun 2013, sejumlah 28 kilang telah diperakui di bawah kod amalan baik MPOB dan pensijilan antarabangsa lain, melebihi sasaran 25 kilang.

Langkah Seterusnya

MPOB bercadang untuk menambah 53 pegawai penguatkuasa, membawa jumlahnya kepada 294 pegawai. Pegawai-pegawai penguatkuasa akan ditugaskan di kilang-kilang tersasar dan mereka akan dipantau berdasarkan prestasi OER dan pengambilan tanaman yang belum cukup masak ke dalam kilang-kilang yang ditugaskan. Inisiatif-inisiatif khusus ini dijangka akan menyumbang kepada peningkatan OER di kilang-kilang yang dipertugaskan dengan 0.1-1 titik peratusan.

EPP 5 Membangunkan Kemudahan Biogas di Kilang Minyak Sawit

Proses pengilangan menghasilkan hasil buangan sisa sawit (POME) yang perlu dirawat melalui sistem penggenangan. Ini pula akan menjana sejumlah besar gas metana — gas rumah hijau dengan potensi tenaga boleh baharu.

EPP ini menggalakkan pengilang minyak sawit melaksanakan langkah-langkah memerangkap gas metana melalui pembinaan kemudahan biogas yang akan menukar gas menjadi sumber elektrik yang seterusnya akan membekalkan kuasa kepada kilang minyak sawit atau disalurkan kepada grid kuasa elektrik nasional.

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2013, dua kilang telah berjaya dihubungkan dengan grid kuasa elektrik dan akan menyalurkan kuasa elektrik di bawah program Tarif Galakan (FiT). Namun begitu, masih terdapat cabaran dari segi kos sekiranya kilang-kilang tidak terletak dekat dengan grid. MPOB sedang bekerjasama dengan Tenaga Nasional Bhd, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lesatri (SEDA) dan Tenaga Nasional Berhad untuk menentukan kilang-kilang yang paling sesuai dihubungkan dengan grid kuasa elektrik nasional.

Langkah Seterusnya

Pada penghujung tahun 2013, setelah mengambil kira maklum balas mengenai rendahnya tahap penggunaan biogas, Jawatankuasa Pemandu NKEA Minyak Sawit dan Getah meluluskan peruntukan RM8.5 juta untuk melabur dalam projek perintis bagi menghasilkan gas asli bio termampat (bio-CNG) dengan kerjasama rakan kongsi industri. MPOB telah mengenal pasti rakan usaha sama berpotensi, iaitu sebuah kilang minyak sawit di Selangor, dimiliki sebuah syarikat perladangan besar yang juga menjadi pembekal teknologi. Perundingan terperinci akan dimuktamadkan pada awal tahun 2014 sebelum pembinaan projek perintis boleh bermula. Sebaik siap dibina, bio-CNG akan dijual sebagai bahan api tambahan kepada pelanggan industri berdekatan yang terletak dalam lingkungan 80-140 km kilang minyak sawit di Selangor.

Untuk merangsang imej industri minyak sawit yang lebih hijau dan mampan, Kerajaan sedang mempertimbangkan cadangan untuk mengenakan syarat wajib bagi semua kilang, termasuk permohonan baru, agar mempunyai standard minimum memerangkap gas metana. Mulai 1 Januari 2014, kilang baharu dan semua kilang yang menambah kapasiti diwajibkan untuk memasang kelengkapan memerangkap gas metana atau kelengkapan penuh untuk memerangkap gas bio. Terdapat juga cadangan untuk mengkaji semula insentif untuk biogas dalam usaha bagi menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam sektor ini dan menyalurkan lebih banyak tenaga ke dalam grid kuasa elektrik nasional.

EPP 6 Membangunkan Derivatif Oleo dan Bahan Kimia Berasaskan Bio Bernilai Tinggi

Sektor minyak sawit hiliran Malaysia berada dalam keadaan sentiasa berubah-ubah. Dari satu segi, pengeluar utama Indonesia menyusun balik rejim cukai eksport untuk membangunkan sektor pembuatan hilirannya, menjadikan produk minyak sawit bertapis lebih murah dan bersaing sengit dengan bahagian pasaran Malaysia yang dominan. Pada masa yang sama, pengguna semakin mempunyai kesedaran mengenai alam sekitar, menganjak permintaan daripada petrokimia kepada oleokimia mesra alam.

Kedua-dua faktor ini bersama-sama menyediakan peluang bagi sektor hiliran Malaysia untuk bergerak ke arah pengeluaran oleokimia bernilai tinggi. Digunakan dalam pelbagai produk makanan sehinggalah penggunaan industri, pembinaan kapasiti dalam sektor ini akan melindungi perladangan daripada kejutan harga komoditi yang turun naik, sambil mengurangkan pergantungan berlebihan sektor minyak sawit terhadap segmen perladangan huluan.

Pencapaian dan Cabaran

Semenjak bermulanya EPP ini, tujuh buah syarikat termasuk Kuala Lumpur Kepong Bhd dan Emery Oleochemicals telah membuat komitmen pelaburan berjumlah RM1.35 bilion untuk membangunkan kilang yang mengeluarkan bahan terbitan oleo bernilai tinggi seperti *surfactants*, loji dan bahan utama dalam pengeluaran produk rumah dan penjagaan diri.

Setelah syarikat-syarikat ini membuat komitmen jumlah pelaburan yang signifikan pada tahun-tahun 2011 dan 2012, tahun 2013 pula memperlihatkan cabaran yang lebih sukar dalam menarik minat pemain utama lain. Walau bagaimanapun, perbincangan sedang berjalan untuk dua buah syarikat baharu di Semenanjung Malaysia dan beberapa buah lagi di Sarawak untuk membuka kilang pemprosesan.

Langkah Seterusnya

Dalam usaha untuk menggalakkan pelibatan lebih ramai pemain dalam segmen derivatif oleo, Kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan RM56 juta sebagai geran pembangunan pada tahun 2014.

EPP 7 Pengkomersialan Biobahan Api Generasi Kedua

EPP ini bertujuan untuk mempercepatkan pengkomersialan teknologi biojisim kepada cecair agar minyak sawit boleh digunakan untuk menjana elektrik, pemanasan dandang dan untuk memarakkan enjin diesel. Ini dilaksanakan selari dengan trend global untuk membangunkan biobahan api daripada biojisim bukan makanan, yang secara umumnya, dikenali sebagai biobahan api generasi kedua, yang kurang memberi impak kepada harga makanan. Industri minyak sawit memiliki potensi besar untuk tujuan ini dalam bentuk biojisim minyak sawit, yang terdiri daripada tandan kosong kelapa sawit (TKKS), batang dan pelepah kelapa sawit.

Dalam menyokong inisiatif ini, edisi pertama *Strategi Biomass Negara* (NBS 2020) telah diterbitkan pada bulan November 2011 oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM) selepas kerjasama meluas antara Kerajaan Malaysia, syarikat sektor swasta dan institut penyelidikan. Edisi yang seterusnya (NBS 2020 v2.0) telah dilancarkan pada bulan Jun 2013 untuk menggambarkan semua aktiviti baharu daripada biojisim minyak sawit sehingga kepada perhutanan dan tanaman khusus.

Pencapaian dan Cabaran

Pada bulan Jun 2013, industri tempatan mencapai kejayaan cemerlang untuk NBS dengan pembentukan kelompok usahasama biojisim Lahad Datu di Sabah oleh pemilik kilang tempatan, AIM, Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah dan POIC Sabah. Kelompok ini terdiri daripada kumpulan awal lapan syarikat perladangan termasuk Teck Guan Group, Bell Group, Genting Plantations Bhd, Kelas Wira Sdn Bhd dan Golden Elate Sdn Bhd, dengan kumpulan ini dijangkakan akan berkembang melalui penyertaan lebih banyak pemilik kilang semasa usaha sama ini sedang berjalan.

Secara kolektif, lapan syarikat ini memiliki lebih daripada 20 kilang di Lahad Datu dan mempunyai keupayaan pengeluaran lebih daripada 400,000 tan metrik biojisim. Sebahagian daripada ini boleh digerakkan untuk menghasilkan stok makanan ternakan untuk aktiviti hiliran seperti biobahan api dan biokimia mampat dan cecair generasi kedua di kawasan Kelompok Industri Minyak Sawit (POIC).

Kumpulan Teck Guan di Sabah telah membuka kilang perintis "biojisim kepada gas" etanol Malaysia yang pertama dengan kerjasama Mitsui dan Inbicon.

Satu lagi inisiatif NBS 2020 ialah penubuhan Persatuan Pelet Malaysia (PAM) bagi membantu pengeluar pelet Malaysia bersepakat untuk menguasai perkongsian yang lebih besar dalam permintaan pelet biojisim yang semakin meningkat di Asia, yang dijangkakan mencapai 10 juta tan metrik pelet menjelang tahun 2020. Malaysia berpotensi untuk menghasilkan lebih kurang 5-7 juta tan metrik pelet setiap tahun menjelang tahun 2018. PAM kini mempunyai 10 ahli, lima daripada ahli ini telah memulakan pengeluaran pelet biojisim.

Impak langsung daripada penubuhan PAM untuk industri pelet, pengeluar pelet biojisim Malaysia telah menandatangani perjanjian pada bulan Oktober 2013 dengan syarikat-syarikat dari China dan Korea Selatan untuk membekalkan pelet biojisim bagi membantu memenuhi sasaran tenaga boleh baharu negara mereka. Syarikat-syarikat ini adalah Detik Aturan Sdn Bhd dengan BC21 Co Ltd dari Korea Selatan dan Global Green Synergy Sdn Bhd dengan Chinalight (GuangZhou) Import & Export Corp dari China.

Untuk memastikan syarikat Malaysia turut serta secara aktif dalam industri hiliran baharu yang dinamik ini, AIM bekerja rapat dengan agensi-agensi lain dan Kementerian Kerajaan bagi menyediakan insentif untuk syarikat yang hendak menukar biojisim menjadi bahan api atau kimia. Tambahan pula, Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 menyediakan Tarif Galakan (FiT) untuk tenaga boleh baharu daripada biojisim.

Satu cabaran dalam penggunaan biojisim adalah sebahagian besar daripada biojisim minyak sawit yang dihasilkan hari ini, yang dikembalikan untuk penambahan tanah dan pembebasan nutrien, hanya menyumbang peratusan kecil kepada jumlah keperluan baja. Dengan itu, faktor kejayaan kritikal terletak pada pengerahan biojisim, dari segi logistik dan kos logistik, untuk memastikan kos yang berdaya saing di peringkat antarabangsa. Ia juga menjadi kritikal untuk mencipta struktur bersama-sama amalan terbaik bagi membolehkan kilang yang lebih kecil dan pekebun kecil untuk turut serta.



Kilang biojism tenaga boleh baharu

Langkah Seterusnya

Ia menjadi kritikal bagi pemilik biojisim untuk mengambil pendekatan jangka panjang dalam mengekstrak biobahan api bernilai tinggi (pelet, bioetanol, butanol) dan kimia berasaskan bio generasi kedua daripada biojisim yang tersedia.

Penciptaan kluster usaha sama (JV) di seluruh negara mulai sekarang sehinggalah tahun 2020 akan membantu mengurangkan risiko kegagalan pasaran menegak di antara pemilik biojisim dan pengguna hiliran dan untuk membolehkan pengerahan sejumlah besar biojisim dalam satu lokasi. Secara idealnya, kluster usaha sama akan diberikan pegangan dalam pemilikan industri hiliran, dan dengan yang demikian itu, pemilik biojisim juga akan berpeluang memperoleh kepentingan dalam industri yang memberikan nilai tambahan tersebut. Kerajaan akan memudahkan penubuhan usaha sama sepertinya dan menyediakan keupayaan, kemahiran dan nasihat di mana ia diperlukan oleh pemilik biojisim.

Ia dijangkakan bahawa dari tahun 2014 hingga 2017, kluster JV ini akan menfokuskan kepada pengeluaran biotenaga dan biobahan api (mampat dan cecair). Dari tahun 2017 hingga 2020, apabila "biojisim kepada kimia" dikomersialkan, kluster JV akan meningkatkan pengeluaran kimia berasaskan bio.

Sorotan Mengenai Strategi Biomass Negara 2020

Penggunaan biojisim untuk produk bernilai tinggi seperti bahan api dan kimia adalah sesuatu yang baharu di peringkat antarabangsa, dan ini adalah peluang unik bagi Malaysia untuk menerajui industri ini. Pengumuman terbaru mengenai pengeluaran biobahan api generasi kedua berskala komersial telah mempercepatkan ramalan tentang pencapaian kematangan teknologi dengan pengeluaran global dijangkakan bermula pada tahun 2015. Strategi Biomass Negara (NBS) 2020 memainkan peranan penting dalam membolehkan Malaysia menguasai peluang dalam sektor ini.

NBS 2020 bertujuan untuk menilai dan memaklumkan pihak berkepentingan bagaimana Malaysia boleh membangunkan industri biojisim pertanian untuk produk bernilai tinggi. Ini akan membantu melonjakkan Malaysia ke arah menerajui pembangunan industri baharu berasaskan biojisim, seterusnya menyumbang kepada PNK Malaysia dan penciptaan pekerjaan bernilai tinggi.

Strategi ini juga bertujuan untuk mengambil peluang yang tersedia daripada jumlah besar biojisim yang dijana setiap tahun daripada sektor pertanian Malaysia, di samping biojisim yang disumberkan dari perhutanan, tanaman biojisim khusus dan sisa bandaran. Tambahan pula, sektor minyak sawit menjana jumlah terbesar biojisim, yang dianggarkan sebanyak 83 juta tan kering pada tahun 2012. Ini dijangka akan meningkat kepada 100 juta tan kering menjelang tahun 2020.

Menggerakkan sebahagian daripada biojisim minyak sawit boleh memberikan tambahan yang banyak kepada pendapatan ekonomi negara. 25 juta tan biojisim yang digerakkan daripada sektor minyak sawit menjelang tahun 2020 dalam portfolio pelet tenaga, produk kayu, elektrik, biobahan api dan biokimia, boleh menyumbang kepada tambahan RM30 bilion kepada ekonomi dan mencipta 65,000 peluang pekerjaan baharu, kebanyakannya bernilai tinggi.

Penggunaan berbeza biojisim mempunyai profil pulangan risiko yang berlainan bergantung kepada kematangan teknologi, potensi permintaan global dan dinamik berdaya saing. Peluang bernilai tinggi – biobahan api dan kimia berasaskan bio – juga membawa ketidaktentuan teknologi yang paling tinggi dan risiko daya saing. Untuk itu, pendekatan portfolio menjadi kritikal untuk negara dalam memastikan terdapatnya pelaburan jangka pendek hingga jangka medium dalam peluang segera dan pelaburan jangka panjang dalam peluang tambah nilai yang lebih tinggi.

Selain daripada sumbangan kepada pendapatan negara, NBS 2020 menawarkan Malaysia cara untuk mencapai sasaran tenaga boleh baharu dan mengurangkan emisi. Tambahan pula, strategi ini menawarkan peluang kepada Malaysia untuk membina beberapa kluster hiliran biobahan api (pelet dan etanol) dan kimia berasaskan bio untuk memastikan negara dan rakyatnya menerima faedah daripada penciptaan potensi nilai.

Dalam usaha untuk memastikan NBS 2020 ini direalisasikan, PM telah melancarkan unit penyampaian Strategi Biomass 1Malaysia (1MBAS) yang diterajui oleh AIM. 1MBAS akan memudahkan dan menyediakan sokongan kepada semua syarikat tempatan dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan untuk turut serta dan mencipta industri biojisim mampan di Malaysia.



EPP 8 Mempercepatkan Pertumbuhan Produk Makanan dan Kesihatan dalam Segmen Hiliran

Dalam memainkan peranan pelengkap kepada EPP 6, EPP ini menumpukan kepada memacu pengembangan segmen makanan dan hiliran berasaskan kesihatan dalam industri minyak sawit. Hal ini bertujuan untuk mengambil peluang yang tersedia dalam segmen ini, yang menghasilkan pelbagai produk kesihatan dan kecantikan yang inovatif. Potensinya hampir sama dengan pembangunan minyak ikan dan asid lemak Omega-3 anti-kanser, yang telah berkembang menjadi industri global bernilai berbilion dolar.

Setakat ini, banyak usaha ditumpukan kepada mempromosi pengeluaran Tokotrienol, fitonutrien berasaskan minyak sawit yang juga merupakan sebahagian daripada keluarga Vitamin E. Tokotrienol boleh digunakan dalam pelbagai penggunaan farmaseutikal dan penjagaan kesihatan kerana kajian awal telah menunjukkan bahawa nutrien ini boleh membantu membanteras penyakit hati berlemak, mengurangkan penyakit kardiovaskular, mencegah strok dan melawan pelbagai jenis kanser.

MPOB telah mengambil inisisatif untuk menganugerahkan geran penyelidikan kepada institusi penyelidikan antarabangsa bagi menjalankan ujian klinikal berkaitan dengan fitonutrien berasaskan minyak sawit seperti karotena, tokotrienol dan fenolik minyak sawit. Penerima-penerima geran ini adalah termasuk Ohio State Medical University di Amerika Syarikat, Cape Peninsula University of Technology di Afrika Selatan dan Commonwealth Scientific and Industrial Research Organisation di Australia.

Kajian mengenai tokotrienol juga sedang dijalankan dengan meluas di Malaysia, yang kini merupakan pembekal dan pengeksport produk yang terbesar di dunia. Contohnya, ujian yang dijalankan tentang penggunaan tokotrienol untuk perlindungan neuro bagi pesakit diabetes Jenis 1 dan Jenis 2 sedang dijalankan di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Davos Life Science, subsidiari syarikat Kuala Lumpur Kepong Bhd, juga telah berpindah dari Singapura ke Malaysia, membuka kompleks pengeluaran tokotrienol yang terbesar di dunia di Klang. Carotino Sdn Bhd, satu lagi syarikat yang berpangkalan di Pasir Gudang, Johor, juga telah melabur dalam membuka kilang fitonutrien.

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2013, MPOB telah mengenal pasti tiga pelaburan bernilai tinggi baharu yang berjumlah RM218 juta. Ia merangkumi sebuah projek di Pasir Gudang, Johor yang mengeluarkan lemak khusus manakala dua kilang yang lain di Kuantan, Pahang, dan juga di Bintulu, Sarawak akan mengeluarkan tokotrienol. Pembangunan ketiga-tiga buah kilang ini akan bermula pada awal tahun 2014 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2015.

Tambahan pula, perjanjian untuk tiga projek kajian dan penyelidikan telah ditandatangani pada tahun 2013, berikutan kelulusan daripada jawatankuasa pemandu NKEA pada tahun 2012. Majlis menandatangani perjanjian-perjanjian ini telah ditunda pada tahun 2012 atas sebab terma perjanjian yang belum dimuktamadkan.

Langkah Seterusnya

Untuk terus menggalakkan lebih banyak R&D dalam sektor berpotensi tinggi ini, Kerajaan telah memperuntukkan RM50 juta dalam Bajet 2014.

Tahukah anda?

- Minyak sawit mentah mengandungi lebih kurang 1 peratus komponen istimewa (fitonutrien) yang berfaedah kepada kesihatan. Fitonutrien ini termasuk tokoferol, tokotrienol, karotenoid, fisterol, skualena, lesitin, ko-enzim Q10 dan polifenol.

- Minyak sawit tidak bertapis dan minyak sawit mentah merupakan sumber semula jadi karotenoid yang terkaya berbanding dengan minyak sayuran lain – **15 kali lebih kaya daripada lobak dan 30 kali lebih kaya daripada tomato.**

- Faedah kesihatan lain karotenoid termasuk anti-kanser, anti-oksidan, merangsang sistem imun, perlindungan kardio, mengelak daripada rabun malam dan katarak.

GETAH

Sebagai salah satu daripada komoditi pertanian yang pertama dihasilkan secara komersial, industri getah merupakan industri yang mengikut sejarahnya memberikan negara kelebihan daya saing. Bagaimanapun, produktiviti getah asli negara mula jatuh sejak pengenalan penanaman minyak sawit pada tahun-tahun 1980-an.

Dengan mengambil kira faktor ini, inisiatif di bawah NKEA ini bertujuan untuk merangsang pengeluaran dan meningkatkan aktiviti huluan dalam industri. Sasaran utama untuk industri getah termasuk menyediakan ketersediaan bekalan domestik untuk membangunkan produk getah bernilai tinggi. Usaha juga akan menumpukan kepada memperkukuhkan pengkhususan Malaysia dalam bidang seperti sarung tangan getah dan pengeluaran getah mesra alam.

Menjelang tahun 2020, usaha ini akan disasarkan kepada meningkatkan sumbangan industri kepada PNK sebanyak RM52.9 bilion.

EPP 9.1 Meningkatkan Purata Produktiviti Nasional Getah Asli

Industri getah membekalkan pengeluar sarung tangan sehinggalah pembuat automobil dan merupakan industri kedua terbesar selepas besi dan keluli. Bagaimanapun, industri ini belum merealisasi potensinya kerana penanam masih bergelut untuk meningkatkan bekalan dan memenuhi permintaan. Hal ini berlaku terutamanya kerana kekurangan penoreh getah yang berkemahiran, keadaan cuaca yang tidak menentu dan ketersediaan tanah yang terhad untuk mengembangkan penanaman getah.

Untuk mencapai sasaran produktiviti tahunan 2,000 kg setiap hektar menjelang tahun 2020, EPP ini telah mengambil langkah untuk melaksanakan beberapa inisiatif:

Kawasan Pengeluaran Benih (SPA)
Malaysia perlu menanam pokok penanti untuk menghasilkan bahan tanaman berhasil tinggi. SPA telah ditubuhkan oleh Lembaga Getah Malaysia (MRB) untuk membekalkan benih getah tambahan untuk penyediaan pokok penanti oleh tapak semaian, sekiranya perlu.

Malaysian Rubber Budwood Centre (MRBC)
MRBC membekalkan kuantiti mata tunas yang mencukupi dan berkualiti tinggi kepada tapak semaian untuk menghasilkan bahan tanaman daripada klon berhasil tinggi. Pada masa sekarang, terdapat empat MRBC di seluruh negara, setiap satu meliputi kawasan 15-30 hektar.

i-KLON dan RITeS
Pengimbas digital i-KLON, telah diperkenalkan untuk menambah nilai kepada proses semasa pemeriksaan klon getah yang selalunya dibuat secara manual dan untuk mempercepatkan proses pensijilan untuk tapak semaian. Untuk tujuan yang sama, satu mekanisme penjejakan klon yang dikenali sebagai *Rubber Information and Traceability System* (RITeS), telah dibangunkan untuk memantau dan menjejak sumber bahan tanaman.

ARTS dan Sistem-sistem Lain untuk Menyokong Penjenteraan
Sistem Menoreh Getah Automatik (ARTS) sedang melalui ujian pra-komersial di lapangan MRB dan perladangan Sime Darby. Beberapa teknologi lain untuk menjenterakan operasi lapangan juga telah dilancarkan, termasuk Mesin Pengisi Tanah (SoFiL), Mesin Penanaman (PMac) and Kenderaan Pungutan Lateks (LCV).



Pokok-pokok getah yang ditanam semula ditoreh untuk susu getahnya

Amalan Pertanian Baik (GAP)
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) telah menerajui latihan untuk pekebun kecil di seluruh Malaysia untuk memastikan pokok getah muda tumbuh untuk mencapai potensi tertingginya.

Pencapaian dan Cabaran

Lembaga Getah Malaysia telah memenuhi sasaran tahun 2013 dengan menubuhkan dua Pusat Budwood Getah tahun ini. Terletak di Kota Tinggi, Johor dan Sungai Sari, Kedah, pusat ini bakal memenuhi keperluan industri untuk bahan tanaman berkualiti tinggi.

Langkah Seterusnya

KPI ini tidak akan dipantau bermula dari tahun 2014 kerana tiada lagi pusat budwood diperlukan berikut penubuhan pusat Kota Tinggi dan Sungai Sari tahun ini yang menyediakan bekalan budwood yang mencukupi.

EPP 9.2 Memastikan Kemampanan Industri Huluan Getah

Tanah penanaman getah secara beransur-ansur telah ditukar kepada penanaman kontan, mengurangkan keluasan kawasan sebanyak 27.3 peratus kepada 1.04 juta hektar pada tahun 2012/2013 daripada 1.43 juta hektar pada tahun 2000. EPP ini akan memastikan kawasan getah dikembangkan dan dikekalkan pada 1.2 juta hektar, di mana 1 juta hektar dituai. Dengan hasil dijangkakan mencapai 2,000 kg setiap hektar setiap tahun menjelang tahun 2020, Malaysia dijangkakan akan menghasilkan 2 juta tan metrik getah yang akan memenuhi keperluan permintaan dengan selesa bagi sektor hiliran.

Kerajaan, melalui agensi pelaksana seperti RISDA, LIGS, Jabatan Pertanian Sarawak (JPS), FELDA dan FELCRA, juga menyokong penanaman semula dan aktiviti penanaman baharu dalam kalangan pekebun kecil dengan memberikan geran antara RM9,000 hingga RM14,000 setiap hektar. Secara umumnya, kebanyakan penanaman semula dijalankan di Semenanjung Malaysia manakala penanaman baharu dilaksanakan di Sabah dan Sarawak.

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2013, lebih kurang 47,119.12 hektar penanaman semula dan penanaman baharu getah telah dilaksanakan di seluruh negara. Penanaman semula dan penanaman baharu getah dijalankan oleh tiga agensi pelaksana utama di seluruh Malaysia terutamanya RISDA, LIGS dan JPS. RISDA, yang menumpukan terutamanya kepada penanaman semula getah di seluruh negara, telah menanam sebanyak 39,721.38 hektar sepanjang tahun. LIGS telah melaksanakan penanaman bernilai 4,610.21 hektar di Sabah manakala JPS melaksanakan 2,787.53 hektar penanaman baharu di Sarawak.

Langkah Seterusnya

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM244 juta dana pembangunan bagi tahun 2014 untuk usaha berterusan dalam mempromosi penanaman semula dan penanaman baharu getah di Malaysia.

EPP 9.3 Meningkatkan Ekuiti dalam Pasaran Sarung Tangan Getah Dunia kepada 65 peratus Menjelang Tahun 2020

Industri sarung getah Malaysia merupakan yang terkehadapan di dunia di samping menyediakan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan dalam negara. Bagaimanapun, pembuat sarung tangan getah ini menghadapi kekurangan tenaga kerja dan bekalan getah. Untuk tujuan yang sama, industri telah memulakan automasi untuk mengurangkan kebergantungan kepada buruh manual sambil melabur dalam memastikan bekalan berterusan bahan mentah.

EPP ini bertujuan untuk merangsang ekuiti pasaran global sarung tangan getah Malaysia mencapai 65 peratus menjelang tahun 2020 dengan kadar tahunan 13 peratus.

Pencapaian dan Cabaran

Jumlah pendapatan eksport produk getah Malaysia, yang mana sarung tangan getah menjadi penyumbang besar, telah dicatatkan pada RM12.13 bilion pada tahun 2013, yang mewakili lebih kurang 94.4 peratus daripada pendapatan bersasar RM12.85 bilion untuk tahun tersebut.

Langkah Seterusnya

Jumlah pendapatan eksport produk getah Malaysia pada tahun 2014 disasarkan pada RM13.5 bilion.

EPP 9.4 Mengkomersialkan Ekoprena dan Pureprena (Getah Hijau)

MRB telah memacu industri getah asli domestik untuk berada setapak di hadapan persaingan serantau dengan mengambil peluang daripada kesedaran alam sekitar yang semakin meningkat yang telah mencipta minat pelanggan terhadap bahan asli dan bahan boleh diperbaharui berbanding produk sintetik.

Malaysia kini mempelopori pengeluaran getah khusus seperti getah asli *epoxidised* (Ekoprena) dan getah asli *deproteinised* (Pureprena) yang boleh digunakan untuk tayar mesra alam dan produk kejuruteraan berprestasi tinggi. Dalam hal ini, FELDA Rubber Industries Sdn Bhd (FRISB), subsidiari FELDA Holdings Bhd, telah terlibat dalam pengeluaran produk getah khusus mesra alam ini.

Semenjak tahun 2012, Felda Rubber Industries Sdn Bhd (FRISB) telah mengeluarkan Ekoprena dan Pureprena menggunakan kemudahan MRB di Selangor.

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2013, FRISB mula mengeluarkan Ekoprena dan Pureprena di kilang pengeluarannya sendiri di Palong 8, Negeri Sembilan. Sehingga kini, 714.37 tan metrik Ekoprena dan Pureprena telah dihasilkan, mewakili lebih kurang 71.4 peratus daripada pengeluaran yang disasarkan pada 1,000 tan metrik bagi tahun itu. Produk-produk ini telah diperkenalkan ke pasaran melalui sampel promosi kepada pelanggan berpotensi, lawatan teknikal ke syarikat tayar utama seperti Pirelli di Itali dan Hankook di Korea di samping juga, persidangan dan mesyuarat industri global.

Langkah Seterusnya

Jumlah pengeluaran yang disasarkan bagi Ekoprena dan Pureprena bagi tahun 2014 ialah 2,000 tan metrik.

PELUANG PERNIAGAAN

Keuntungan minyak sawit berpunca daripada hasil dan sifat serba bolehnya. Sesudah ditanam, pokok ini boleh menghasilkan minyak buah sawit selama lebih daripada 25 tahun, menghasilkan lebih banyak minyak sayur setiap hektar berbanding dengan minyak sayur yang lain. Minyak sawit ditemui dalam produk antaranya gincu dan sabun kepada biobahan api, memberikan ia potensi pertumbuhan yang besar dalam tahun-tahun yang akan datang dan menyediakan pendapatan dan pekerjaan kepada komuniti luar bandar.

1

Perkembangan Bank Tanah Perladangan

Oleh sebab kawasan tanah semakin berkurangan di Malaysia dan lebih mahal untuk dibangunkan di Indonesia, syarikat perladangan yang disenaraikan di Malaysia, Indonesia dan Singapura telah menukar arah ke kawasan hijau di Myanmar, Filipina juga negara-negara Afrika Barat.

2

Pembangunan Aktiviti Hiliran Sedia Ada

Malaysia kini bergantung pada peningkatan kesedaran terhadap manfaat tokotrienol berasaskan minyak sawit untuk merangsang peningkatan pertumbuhan industri. Ia sudah pun menjadi pengeksport tokotrienol komersial yang terbesar dunia, dengan keluaran eksport produk suplemen ini berjumlah RM50 juta ke pasaran utama seperti A.S., Eropah, Jepun dan Korea Selatan.

3

Pembangunan Aktiviti Biodiesel Negara

Ringkasan

Pembangunanan aktiviti biodiesel nasional bergerak selaras dengan Dasar Biobahan Api Nasional yang telah dilancarkan pada tahun 2006. Dasar Biobahan Api Nasional ini merancang untuk:

- Penggunaan sumber tenaga yang mesra alam, mampan dan berdaya maju untuk mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil yang semakin mengurang
- Meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan pihak berkepentingan dalam industri pertanian dan berasaskan komoditi melalui harga yang stabil dan menguntungkan

Dasar ini merangkumi lima teras strategik, iaitu:

- Teras 1: Biobahan api untuk Pengangkutan
- Teras 2: Biobahan api untuk Industri
- Teras 3: Pembangunan untuk Teknologi Biobahan Api Tempatan
- Teras 4: Biobahan api untuk Eksport
- Teras 5: Biobahan api untuk Alam Sekitar Lebih Bersih

Pembangunan Aktiviti Biodiesel Nasional melalui campuran biodiesel sawit dalam bekalan diesel nasional menjadi bahagian penting dalam dasar ini. Ini akan membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau, meningkatkan penggunaan minyak sawit, mengurangkan stok minyak sawit dan merangsang harga minyak sawit.

Pencapaian dan Cabaran

Pelaksanaan penggunaan biodiesel dalam negara memerlukan pembinaan kemudahan mengadun di 36 buah terminal petroleum di seluruh negara. Pada bulan Oktober 2013, 13 buah terminal mengadun telah disiapkan, dengan yang lain disasarkan siap secara berperingkat menjelang bulan Julai 2014.

Pelaksanaan program B5 (adunan 5 peratus biodiesel sawit dengan 95 peratus diesel petroleum) dalam sektor pengangkutan yang disubsidikan dimulakan di stesen minyak di Wilayah Tengah Semenanjung Malaysia dan ia bermula dengan Putrajaya pada bulan Jun 2011 serta diperluaskan ke Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan Selangor menjelang hujung tahun 2011. Pada bulan Februari 2012, ia diperluaskan kepada *fleetcard* tangki skid dan sektor perikanan di Wilayah Tengah.

Program B5 dilancarkan di Wilayah Selatan Johor pada bulan Julai 2013 setelah tiga kemudahan mengadun di selatan Johor siap dibina. Pelaksanaan B5 di semua stesen minyak dan sektor bersubsidi yang lain di Wilayah Tengah dan Selatan Semenanjung Malaysia akan memperlihatkan penggunaan lebih kurang 150,000 tan metrik biodiesel setahun (yang memerlukan 150,000 tan metrik minyak sawit sebagai stok suapan).

Salah satu cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan program B5 ialah kesukaran untuk mendapatkan kelulusan dalam masa singkat daripada sesetengah pihak berkuasa tempatan dan telah menyebabkan program B5 ini tertunda di Wilayah Utara.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2014, pembinaan semua terminal mengadun akan disiapkan. Program B5 untuk sektor bersubsidi di Wilayah Timur dan Utara dirancang akan dilaksanakan menjelang bulan Februari dan Mac 2014 dan bagi Sabah dan Sarawak menjelang bulan Julai 2014.

Pelaksanaan program B5 dalam sektor industri akan bermula pada bulan Julai 2014 serentak dengan pelaksanaan di seluruh negara, di mana pelaksanaan ini akan menggunakan 500,000 tan metrik minyak sawit dalam setahun. Sementara itu, perundingan sedang dijalankan dengan semua pihak berkepentingan seperti pembuat kenderaan, syarikat petroleum, pengeluar biodiesel, dan pelbagai industri dalam meningkatkan adunan kepada B7 dan seterusnya kepada B10.

Bagaimanapun, isu waranti enjin mesti diselesaikan untuk adunan lebih tinggi daripada B5, terutamanya yang lebih tinggi daripada B7. Dengan itu, MPOB sedang dalam proses menjalankan ujian lapangan dan ujian enjin bagi B10 sebelum apa-apa keputusan dibuat tentang pelaksanaan mandatori B10. Penggunaan yang lebih tinggi daripada adunan 10 peratus digalakkan secara sukarela bagi enjin dan kilang yang boleh menggunakan nisbah adunan yang lebih tinggi.

Adalah dijangkakan menjelang tahun 2014, industri biodiesel sawit akan dicergaskan semula dengan sekurang-kurangnya 10 kilang beroperasi, membekalkan keperluan program biodiesel tempatan dan untuk tujuan eksport. Cabarannya adalah untuk mengatasi isu teknikal bagi program tempatan dan meningkatkan nisbah adunan kepada 10 peratus pada tarikh yang paling awal.

Ringkasan NKEA Minyak Sawit dan Getah

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	**RM230.9 bilion**
Pekerjaan Tambahan	**41,600**

Sasaran kritikal bagi tahun 2014

Minyak Sawit

- Kawasan penanaman semula dan penanaman baharu oleh pekebun-pekebun kecil persendirian kepada 35,000 hektar
- Memastikan 10 koperasi berupaya menjual minimum 400 tan metrik buah tandan segar secara purata setiap bulan bagi mengekalkan kemampanan operasi
- Memperbaiki pengekstrakan minyak nasional kepada 21.05 peratus
- Menggalakkan kilang biogas menyertai program Tarif Galakan

Getah

- Kawasan penanaman semula dan penanaman baharu oleh pekebun-pekebun kecil persendirian kepada 47,000 hektar
- Memperbaiki eksport getah asli dan getah kompaun kepada 1.2 juta tan metrik
- Mewujudkan pasaran bagi Ekoprena dan Pureprena di samping memastikan pengeluaran ditingkatkan kepada 2,000 tan metrik

Pemangkin Perubahan

MINYAK SAWIT DAN GETAH

pengalaman bersama perkhidmatan awam



Datuk Dr. Choo Yuen May
Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport kedua terbesar minyak sawit dan produk berasaskan minyak sawit, pengeluar dan pengeksport utama dunia sarung tangan getah dan pengeksport ketiga terbesar getah semula jadi, telah lama menikmati kelebihan kerana kedudukannya sebagai sebuah ekonomi yang dipacu oleh komoditi. NKEA Minyak Sawit dan Getah bukan sahaja mewakili satu industri yang telah membantu memacu ekonomi Malaysia – industri ini juga menyediakan peluang perniagaan yang penting bagi Malaysia untuk mendaki rantaian nilai, di samping meningkatkan pendapatan usahawan berasaskan komoditi.

"Saya telah berusaha membentuk ekosistem yang kondusif bagi memupuk inovasi, kerana inovasi amat penting untuk kejayaan industri ini," kata Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Datuk Dr. Choo Yuen May, yang bertanggungjawab menentukan hala tuju strategik dalam penyelidikan dan pembangunan industri minyak sawit.

Datuk Dr. Choo dan pasukannya telah diberi penghargaan atas usaha mereka dalam melaksanakan beberapa inovasi terkemuka yang kini telah meraih kejayaan komersial, termasuk dalam biodiesel minyak sawit dan fitonutrien, khususnya karoten dan tokotrienol. Usaha berterusan daripada Datuk Dr. Choo dan MPOB turut memastikan inovasi ini tercapai walaupun berdepan dengan cabaran yang mungkin boleh menghalang kemajuan Malaysia dalam bidang ini.

"Sebagai seorang saintis, saya sangat memahami kekangan yang dihadapi oleh para penyelidik dan telah berikhtiar untuk menambah baik keadaan bekerja di samping menetapkan sistem ganjaran yang sewajarnya untuk mengiktiraf sumbangan pegawai-pegawai MPOB. Saya merumuskan teras strategik kajian dan bukan kajian untuk menangani isu dan cabaran penting yang dihadapi oleh industri minyak sawit dan juga untuk meningkatkan MPOB sebagai sebuah organisasi yang bertaraf dunia," kata Datuk Dr. Choo.

Inisiatif-inisiatif ini terbukti mendatangkan hasil apabila MPOB berjaya menerbitkan dua kertas kerja mengenai pemetaan genom kelapa sawit dalam jurnal saintifik yang terkenal di peringkat antarabangsa, *Nature*. Usaha MPOB dalam melaksanakan kajian juga mencerminkan keteguhan komitmen Lembaga dalam meningkatkan produktiviti dan kemampanan melalui inovasi yang juga sejajar dengan sasaran NKEA Minyak Sawit untuk meningkatkan nilai industri ini.

Usaha-usaha di bawah NKEA Getah ini juga menumpukan kepada inovasi dan kemampanan dalam industri sebagaimana yang ditadbiruruskan oleh Strategi Industri Getah Malaysia dan Strategi Lembaga Getah Malaysia 2010-2020.

"Strategi Industri Getah Malaysia bertujuan untuk mengekalkan sumbangan industri getah dalam mencapai ekonomi berpendapatan tinggi sementara Strategi Lembaga Getah Malaysia pula mencartakan pelan induk bagi membolehkan transisi Lembaga Getah Malaysia (MRB) sebagai sebuah pusat kecemerlangan global untuk getah. Strategi-strategi ini menggariskan prioriti, pelaksanaan dan hasil yang dipertanggungjawabkan kepada MRB dalam memastikan kemampanan berterusan bagi industri getah yang bersepadu sepenuhnya," kata Datuk Dr. Salmiah Ahmad, Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia (MRB).

Mekanisasi dan automasi merupakan satu lagi teras utama dalam memastikan kemampanan industri getah dan matlamat utamanya adalah untuk menarik lebih banyak penyertaan pekerja tempatan di dalam industri ini. "Memandangkan pekerja tempatan kurang berminat untuk bekerja di ladang dan kesukaran untuk mendapatkan pekerja asing pada masa hadapan, langkah seterusnya untuk memajukan industri ini adalah dengan menggiatkan usaha mekanisasi dan automasi," kata Datuk Dr. Salmiah.

MRB turut memainkan peranan yang penting dalam mempromosi pembangunan 450,000 pekebun-pekebun kecil dalam industri ini berpandukan dasar yang dirumuskan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan ini akan terus menjamin kemampanan industri getah.

Datuk Dr. Salmiah turut menjelaskan: "Di Malaysia, pekebun-pekebun kecil sektor getah dan minyak sawit membentuk sebahagian yang penting dalam ETP. Begitu juga kepada keseluruhan rantaian nilai industri getah huluan dan hiliran. Tanggungjawab saya, mahupun bagi getah atau komoditi lain adalah untuk membantu pekebun-pekebun kecil ini menangani kemiskinan luar bandar di samping meningkatkan tahap sosio-ekonomi mereka."



Datuk Dr. Salmiah Ahmad
Ketua Pengarah
Lembaga Getah Malaysia
(MRB)



PELANCONGAN



Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz
Menteri Pelancongan dan Kebudayaan

Pelancongan terus memainkan peranan penting dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) untuk memacu Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Sektor pelancongan memberikan sumbangan besar kepada ekonomi, mencakupi 12.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan 16.4 peratus daripada jumlah guna tenaga kerja pada tahun 2012. Dari segi angka, sektor pelancongan menyediakan 2.1 juta peluang pekerjaan dan menjana pendapatan sebanyak RM103.3 bilion daripada pelancongan antarabangsa dan domestik. Di samping itu, sektor pelancongan juga merupakan sumber pertukaran asing kedua terbesar dengan perolehan daripada pelancong berjumlah RM60.6 bilion pada tahun 2012, sekali gus mencatat lebihan Imbangan Pembayaran dalam akaun perkhidmatan pelancongan dan perjalanan.

Pada peringkat dunia, Malaysia berada pada tangga ke-10 negara yang paling kerap dilawati menurut *Tourism Highlights* Edisi 2013 terbitan Organisasi Pelancongan Dunia (World Tourism Organization, UNWTO) dengan 25 juta ketibaan pelancong pada tahun 2012. Kuala Lumpur turut dinobatkan sebagai bandar beli-belah ke-4 terbaik di dunia oleh CNN Travel bagi dua tahun berturut-turut sejak tahun 2012. Selain itu, *Best in Travel 2014* Lonely Planet telah menyenaraikan Malaysia sebagai antara 10 negara yang mesti dilawati. Pengiktirafan bertaraf dunia ini merupakan bukti daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelancong.

Antara faktor penyumbang prestasi kukuh sektor pelancongan ialah komitmen Kerajaan dan hubungan awam-swasta yang lebih erat. Faktor ini turut menyumbang kepada pencapaian Petunjuk Prestasi Utama di bawah NKEA Pelancongan pada tahun 2013. Selain itu, penggabungan portfolio pelancongan dan kebudayaan di bawah satu Kementerian pada Mei 2013 mewujudkan sinergi mantap ke arah pembangunan pelancongan, sekali gus memberikan dorongan tambahan untuk mempercepatkan pertumbuhan industri pelancongan.

Langkah seterusnya, Malaysia akan meraikan TAHUN MELAWAT MALAYSIA (VMY) pada tahun 2014 dengan tema ***"Celebrating 1Malaysia Truly Asia"***. VMY 2104 merupakan misi negara yang menggerakkan agensi Kerajaan, firma sektor swasta, organisasi bukan Kerajaan dan rakyat untuk menawarkan layanan dan budaya Malaysia kepada pelancong asing dan dalam negeri. Di samping itu, seluruh rantaian nilai industri pelancongan akan dipertingkatkan untuk merealisasikan perkhidmatan pelancongan dan penawaran produk pada peringkat yang lebih tinggi termasuk acara mega, konsert dan temasya.

Malaysia juga sedang bersiap sedia untuk menyambut kedatangan Malaysia Year of Festivals 2015. Hasil usaha bersepadu yang dijalankan semasa VMY 2014 dan Malaysia Year of Festivals 2015, industri pelancongan dijangka berkembang pada trajektori yang lebih tinggi dan akan menjadi landasan yang kukuh untuk mencapai sasaran 36 juta pelancong dan menjana RM168 bilion dalam perolehan pertukaran asing menjelang tahun 2020.

HAYATILAH 1MALAYSIAKU
WE ARE THE HOST



PELANCONGAN

Sebagai penyumbang utama kepada KDNK Malaysia, industri pelancongan telah berjaya mengekalkan purata kadar pertumbuhan 12 peratus setahun sejak tahun 2004. Sektor ini terus menunjukkan prestasi cemerlang, apabila Malaysia menjadi satu-satunya negara Asia yang meraih tempat ke-10 dalam senarai *"Best in Travel 2014 – Top 10 countries"* dalam tinjauan oleh Lonely Planet. Malaysia turut menerima penarafan Crescent Rating Singapura sebagai destinasi pelancongan Muslim terbaik di dunia pada tahun 2013.

NKEA Pelancongan akan terus memberi tumpuan kepada sektor pelancongan yang membawa pulangan tinggi, sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi dan pekerjaan untuk negara. Menyasarkan pelancongan libur dan perniagaan, NKEA Pelancongan akan turut memberi tumpuan kepada ketibaan dan perolehan pelancong yang semakin meningkat untuk merangsang sumbangan industri ini kepada ekonomi negara.

Sasaran yang ditetapkan di bawah NKEA Pelancongan akan dapat dicapai menerusi pelaksanaan 12 EPP yang dikelompokkan di bawah lima tema: pelancongan mewah mampu milik, kembara alam semula jadi, keseronokan untuk seisi keluarga, acara, hiburan dan perniagaan. Selain itu, tiga Peluang Perniagaan telah dikenal pasti dalam NKEA ini yang berkisar pada ruang perniagaan makanan dan minuman, pengangkutan setempat dan pengendali lawatan. Pembangunan NKEA ini yang diterajui oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan turut menerima sokongan dan kerjasama kementerian lain, agensi kerajaan serta sektor swasta.

Petunjuk Prestasi Utama 2013

NKEA Pelancongan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Perbelanjaan beli-belah bagi setiap pelancong (RM)	840	769	92	●	92	●	0.5	●
EPP #2	Pendapatan runcit setiap kaki persegi (RM/kp)	1,500	1,574	105	●	100	●	1.0	●
EPP #3	Mewujudkan pusat ruang perniagaan kedua	20%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Menyiapkan penaiktarafan lokasi yang mempunyai potensi Hab Biodiversiti Mega	2 lokasi	97%	97	●	97	●	0.5	●
	Mewujudkan *Rainforest Discovery Centre*	Pengesahan lokasi	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #6	Bilangan ketibaan pelayaran persiaran antarabangsa di 6 terminal (Pelabuhan Klang, Pulau Pinang, Langkawi, Melaka, Kota Kinabalu, Kuching)	380	359	94	●	94	●	0.5	●
EPP #7	Bilangan penonton antarabangsa di Acara Antarabangsa yang disokong oleh MyCEB	56,800	97,211	171	●	100	●	1.0	●
EPP #8	Mewujudkan zon hiburan	1	2	200	●	100	●	1.0	●
EPP #9a	Bilangan pakar terapi spa terlatih/ menjalani latihan	165	150	91	●	91	●	0.5	●
EPP #9b	Pendapatan yang dijana daripada pelancongan golf (RM juta)	300	304	101	●	100	●	1.0	●
EPP #10	Bilangan hari perwakilan untuk acara yang dianjurkan (perwakilan antarabangsa sahaja)	195,000	289,867	149	●	100	●	1.0	●

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

NKEA Pelancongan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #11	Penambahan kapasiti tempat duduk mingguan ke negara keutamaan (China, Jepun, India, Taiwan, Australia, Korea)	17,921	17,921	100	●	100	●	1.0	●
	Penambahan kapasiti tempat duduk mingguan ke pasaran baharu (Perancis) yang bakal dikenal pasti oleh MOT dan MOTAC	1,484	1,484	100	●	100	●	1.0	●
EPP #12	Ketersediaan bilik hotel bertaraf 4 & 5 bintang yang baharu	4,000	4,173	104	●	100	●	1.0	●
				115%		**98%**		**86%**	

Rajah 6.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1 Menempatkan Malaysia sebagai Destinasi Beli-belah Bebas Cukai

EPP ini bertujuan mewujudkan persekitaran yang membolehkan penawaran produk runcit pada harga yang berdaya saing bagi menarik pelancong dan meningkatkan jualan untuk menempatkan Malaysia sebagai destinasi bebas cukai yang menjadi pilihan di rantau ini menjelang tahun 2020.

Justeru, usaha di bawah EPP ini memberi fokus kepada penghapusan duti import, khususnya bagi barangan yang menjana perbelanjaan pelancong yang tinggi. Ini merupakan susulan pengumuman penghapusan duti import terhadap 328 barangan di bawah lapan kategori dalam Bajet 2011.

Selain itu, Tourism Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna telah mula memantau harga barangan untuk mengukur daya saing produk dan harga di Malaysia berbanding dengan negara jiran serantau.

Pencapaian dan Cabaran

Usaha strategik yang dilaksanakan oleh Tourism Malaysia untuk mempromosikan pengalaman beli-belah di Malaysia telah meningkatkan jumlah perbelanjaan beli-belah bagi setiap pelancong daripada RM743 pada tahun 2012 kepada RM769 pada tahun 2013.

Sepanjang tahun 2012, pelbagai inisiatif promosi yang meningkatkan kesedaran beli-belah bebas cukai kepada pasaran dalam negeri dan serantau, yang merangkumi Kuala Lumpur Fashion Weekend, Pameran Bebas Cukai ke Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru & Kota Kinabalu, dan Pembentangan Seminar kepada Pemilik dan Prinsipal Jenama British *(British Brand Owners and Principals)* untuk menggalakkan kehadiran mereka di Malaysia.

Langkah Seterusnya

Tourism Malaysia akan terus menerajui kempen promosi dan kesedaran mengenai beli-belah di Malaysia. Usaha pelibatan dengan jenama terkemuka dan pasar beli-belah utama untuk mempromosikan penawaran Malaysia akan turut diperhebat.

EPP 2 Menjadikan Kawasan Bukit Bintang-Kuala Lumpur City Centre sebagai Presint Beli-belah yang Meriah

Meskipun Kuala Lumpur merupakan kawasan perniagaan yang meriah dan menjadi tarikan utama pelancong, keupayaannya untuk menarik pembeli-belah sedikit terjejas disebabkan kesalinghubungan yang terhad dan kedudukan yang agak terpencil di antara kawasan beli-belah utamanya. Ini menyekat pertumbuhan kawasan beli-belah sekali gus mewujudkan aliran trafik yang lemah, tidak mudah didatangi oleh pejalan kaki, landskap jalan yang tidak menarik dan perolehan yang lebih rendah secara keseluruhan bagi aset berkaitan dengan pelancongan seperti kadar hotel dan sewa ruang perniagaan.

EPP ini menangani isu-isu ini untuk meningkatkan kedinamikan Kuala Lumpur sebagai destinasi beli-belah dengan menghubungkan pusat beli-belah utamanya, iaitu Bukit Bintang dan Kuala Lumpur City Centre (BB-KLCC) menjadi satu presint.

Kesalinghubungan presint ini telah dipertingkatkan dengan pembinaan laluan pejalan kaki dan penambahbaikan pengangkutan awam. EPP ini turut menyaksikan penubuhan Persatuan Pelancongan BB-KLCC yang terdiri daripada pemilik tanah, pemilik pusat beli-belah dan peruncit untuk mengurus, mempromosikan dan membangunkan presint ini menjadi daya tarikan pelancong yang unggul.

Pencapaian dan Cabaran

Persatuan Pelancongan BB-KLCC masih meneruskan usaha penjenamaan dan promosi ke arah menjadikan BB-KLCC sebuah syurga beli-belah antarabangsa. Sepanjang tahun 2013, pintu gerbang di bawah projek Hiasan Lampu Jalan *(Street Illumination)* di Bukit Bintang dan KLCC, di samping air pancur, candelier dan lampu meteor di sepanjang jalan dihias semula mengikut perayaan di Malaysia. Ini menyusuli pelancaran fasa pertama projek *Street Illumination* pada tahun 2012.



BB-KLCC World Fiesta

Ahli-ahli Persatuan, dengan kerjasama Tourism Malaysia, turut menganjurkan World Fiesta pada penghujung tahun yang merupakan acara penting di bawah EPP ini. Fiesta yang dipromosikan kepada pelawat dan pelancong ini telah memeriahkan kawasan ini dengan perarakan kenderaan berhias dan persembahan daripada tujuh benua.

Persatuan bekerjasama rapat dengan pihak polis untuk mempertingkatkan keselamatan pelancong dan pelawat ke lokasi ini bagi memastikan kawasan ini selamat untuk dikunjungi.

Satu inisiatif ketara yang diadakan pada tahun 2013 ialah operasi kerjasama yang diterajui oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membantu kerja pembersihan kawasan BB-KL menjelang Tahun Melawat Malaysia 2014. Agensi dan Kementerian yang terlibat termasuklah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kebajikan Masyarakat (AADK), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan, Kementerian Pelancongan & Kebudayaan serta Tourism Malaysia.

Langkah Seterusnya

Persatuan Pelancongan BB-KLCC akan terus mempergiat usaha untuk menyediakan lebih banyak acara dan inisiatif promosi untuk memperhebat pengalaman beli-belah di kawasan ini. Selain itu, Persatuan akan terus bekerjasama dengan pengendali pusat beli-belah dan kedai di kawasan ini untuk menganjurkan lebih banyak acara yang menarik bagi pelawat.

Sorotan terhadap Sektor Swasta: Persatuan Pelancongan Bukit Bintang-Kuala Lumpur City Centre (BB-KLCC)

Diasaskan pada September 2011, Persatuan Pelancongan BB-KLCC menyokong Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dengan mempertingkatkan kesalinghubungan dan menambah baik landskap jalan *(streetscaping)* di ibu kota di samping menambah jenis perniagaan untuk meningkatkan perbelanjaan beli-belah di kawasan ini.

Antara tanggungjawab yang dilaksanakan termasuklah menganjurkan acara bertaraf dunia di presint ini untuk menarik pelancong dari seluruh dunia.

Ahli Persatuan ini merangkumi Bukit Bintang Plaza, Berjaya Times Square, Fahrenheit88, Federal Hotel KL, Lot 10, Piccolo Mondo, Plaza Low Yat, Pavilion Kuala Lumpur, Sungei Wang Plaza, Suria KLCC dan Starhill Gallery.

EPP 3 Mewujudkan Ruang Perniagaan Premium di Malaysia



Lakaran pelukis mengenai pemandangan Mitsui Outlet Park KLIA dari udara

Pembinaan ruang perniagaan premium yang menawarkan barangan mewah pada harga diskaun di Malaysia bertujuan menyokong matlamat negara untuk menjadi destinasi beli-belah terkemuka di rantau ini, sekali gus melengkapi penawaran runcit yang sedia ada. Usaha ini akan menarik lebih ramai pelancong selain meningkatkan perbelanjaan pelancong dengan menyediakan penawaran barangan runcit yang lebih baik.

EPP ini telah menyaksikan kejayaan pelancaran Johor Premium Outlets pada tahun 2011 serta pengembangannya yang pesat. Sebagai destinasi beli-belah yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara, Johor Premium Outlets serta tarikan lain di Iskandar Malaysia seperti taman tema Legoland, Lat's Place dan Hello Kitty telah meningkatkan kunjungan pelancong ke Johor dan wilayah selatan Malaysia.

Pencapaian dan Cabaran

Johor Premium Outlets telah melancarkan fasa kedua dengan pembukaan 40 ruang perniagaan baharu pada 15 November 2013. Kini pusat beli-belah ini menempatkan sebanyak 120 ruang perniagaan bagi menyediakan pengalaman beli-belah yang lebih hebat dan mengujakan kepada orang ramai dan pelancong.

Malaysia Airports Holdings Bhd dan Mitsui Fudosan akan turut melaksanakan pembangunan pusat ruang perniagaan kedua di Malaysia yang juga merupakan pusat ruang perniagaan terbesar di Asia Tenggara setakat ini, iaitu Mitsui Outlet Park KLIA. Kedua-dua pihak telah menandatangani perjanjian usaha sama pada 22 Ogos 2013 dan pembangunan akan dijalankan di tanah seluas 44 ekar di Sepang yang bakal menjana PNK bernilai RM220 juta dan mencipta 2,577 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Langkah Seterusnya

Usaha akan dijalankan untuk terus mempromosikan pusat-pusat ruang perniagaan ini. Kerajaan akan terus memudahkan proses bagi memastikan pelaksanaan pembinaan Mitsui Outlet Park KLIA berjalan dengan lancar serta mengikut jadual.



Johor Premium Outlets, Kulaijaya

EPP 4 Memartabatkan Malaysia sebagai Hab Biodiversiti Global

Malaysia kaya dengan biodiversiti tetapi masih belum memanfaatkan potensi ekopelancongan dengan sepenuhnya. Untuk menjadi destinasi ekopelancongan yang unggul, satu sistem yang menyeluruh diperlukan bagi memantau dan memulihara penampilan khazanah alam semula jadi negara kita.

Untuk memperkukuh matlamat ini, Lembaga Interim Malaysia Mega Biodiversiti Hub (MMBH) yang terdiri daripada sektor swasta dan awam serta wakil-wakil NGO, telah ditubuhkan pada bulan Disember 2010 untuk menyediakan hala tuju dan keputusan dasar untuk meningkatkan standard kecemerlangan dalam pengurusan dan pemeliharaan tapak ekopelancongan utama. Lembaga ini turut mengenal pasti dan memantau lokasi eko untuk memastikan pembangunan ekopelancongan yang mampan.

Pencapaian dan Cabaran

Sebagai sebahagian usaha berterusan sejak tahun 2012, Pusat Perlindungan Gajah Kuala Gandah dan Taman Kinabalu telah dikenal pasti untuk dinaik taraf. Kerja-kerja di Taman Kinabalu telah siap pada bulan Jun 2013, lebih awal daripada yang dijadualkan, dengan papan tanda utama *(frontage)* yang dipertingkatkan dan pelbagai kemudahan baharu yang mesra pelawat.

Walau bagaimanapun, kerja naik taraf di Kuala Gandah telah ditangguhkan sehingga Februari 2014. Hal ini berlaku meskipun projek menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan sehingga pertengahan tahun 2013. Usaha akan diteruskan bagi memastikan projek dapat disiapkan pada awal tahun 2014.

Susulan penyempurnaan Kriteria & Penunjuk MMBH (C&I) pada tahun 2012, ujian rintis telah disiapkan bagi Taman Negara Pahang, Pulau Tioman serta Taman Negeri Royal Belum pada tahun 2013. MMBH C&I merupakan sistem pemantauan untuk menilai produk ekopelancongan Malaysia. Sistem ini juga membolehkan saranan dan penambahbaikan yang mungkin diperlukan bagi setiap lokasi yang dinilai.

Hasil penemuan daripada ujian rintis ini mendedahkan kekuatan dan kelemahan setiap lokasi, dan telah diserahkan kepada pihak pengurusan taman yang berkenaan bagi membantu penambahbaikan pada masa akan datang.

Sementara itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengenal pasti lokasi bagi Pusat Penerokaan Hutan Hujan (Rainforest Discovery Centre, RDC). RDC akan menjadi pusat kepada usaha mempromosikan biodiversiti Malaysia. Pengenalpastian lokasi disusuli oleh tempoh rundingan yang panjang dengan pihak berkepentingan berpotensi untuk menentukan kesesuaiannya dan juga penyempurnaan penganjuran bengkel yang menetapkan garis panduan bagi RDC pada awal tahun ini.



Papan tanda di pintu masuk Taman Kinabalu

Usaha Aquaria untuk memperkukuh Pusat Penerokaan Marin (Marine Discovery Centre) turut menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan, dengan pelan untuk melancarkan penawaran interpretif baharu pada bulan Januari 2014. Antara usaha yang dijalankan termasuklah promosi habitat semula jadi di seluruh Malaysia bagi pelbagai spesies yang dipamerkan di Aquaria.

Langkah Seterusnya

MMBH C&I akan diperkemas lagi dengan rancangan untuk membangunkan pelan pelaksanaan terperinci bagi lokasi semula jadi utama Malaysia yang lain, yang akan dibentangkan kepada Lembaga Interim MMBH.

Sementara itu, semua lokasi yang telah dinaik taraf sepanjang tiga tahun lalu akan terus dipantau untuk menilai kesan pelancongan terhadap lokasi tersebut. Ini akan turut membantu menentukan sama ada lebih banyak promosi diperlukan untuk memperkenalkan lokasi pelancongan ini lagi.

Usaha terhadap RDC akan difokuskan pada memperkemas rangka kerja pembangunan bagi lokasi yang telah dikenal pasti selain pemudahan bagi pelabur sektor swasta yang berpotensi. Tugas mencabar dalam menentukan reka bentuk dan model operasi yang paling sesuai bagi memastikan pemuliharaan dan pengurusan tapak yang lestari merupakan teras utama bagi tahun 2014.



Platform terapung (pontun) yang telah siap dibina sebelum ini di Royal Belum semasa penilaian C&I

EPP 5 Membangunkan Resort Ekosemula Jadi Bersepadu (Eco-Nature Integrated Resort)

EPP ini menyasarkan pembangunan pusat peranginan ekosemula jadi bersepadu di Karambunai, Sabah yang diterajui oleh sektor swasta.

Pembangunan pusat peranginan ini diterajui oleh Karambunai Corp Berhad (KCB), yang memulakan pelan pembangunan pada tahun 2011. KCB terus bekerjasama dengan Kerajaan untuk memudahkan kelulusan yang diperlukan bagi pelan akhir projek ini.

Pencapaian dan Cabaran

KCB sedang memuktamadkan pelan pembangunan sebelum dikemukakan untuk diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Langkah Seterusnya

Kerajaan akan menunggu penyerahan pelan pembangunan yang dikemas kini oleh KCB untuk memudahkan kemajuan inisiatif ini yang selanjutnya.

EPP 6 Pelancongan Pelayaran Persiaran: Mewujudkan Straits Riviera

Dalam usaha memanfaatkan pasaran penumpang pelayaran persiaran antarabangsa yang telah berkembang pada kadar purata 14 peratus setahun sejak 10 tahun lalu, EPP ini merangkumi pembangunan Straits Riviera yang terdiri daripada pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Klang, Kota Kinabalu, Langkawi, Melaka, Kuching dan pelabuhan-pelabuhan sekunder yang lain. Enam pelabuhan utama telah dikenal pasti dalam Rangka Tindakan Infrastruktur Pelabuhan Laut bagi Pelayaran Persiaran dan Feri oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada tahun 2011.

Usaha untuk mengembangkan segmen ini turut membawa kepada penubuhan Majlis Pelayaran Persiaran Malaysia (MCC), iaitu sebuah jawatankuasa penasihatan dasar yang terdiri daripada perwakilan sektor awam dan swasta. Dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta Kementerian Pengangkutan, MCC menyediakan hala tuju bagi pembangunan, dasar dan rangka kerja industri ini. Di bawah MCC, enam pasukan subpetugas telah dibentuk bagi enam pelabuhan utama untuk menangani isu berkaitan dengan pelabuhan dengan lebih cekap dan memberikan saranan berfokus.

Pencapaian dan Cabaran

Bengkel Industri Pelayaran Persiaran Malaysia yang pertama telah berjaya diadakan di Pulau Pinang pada bulan Mei 2013, dengan kerjasama Persatuan Pelayaran Persiaran Asia (kini diberi nama Persatuan Antarabangsa Kapal Persiaran Mewah (Cruise Liners International Association, CLIA) Asia). Bengkel ini menandakan pencapaian penting kerana inilah kali pertama pembuat keputusan penting daripada industri pelayaran persiaran antarabangsa dan peserta industri tempatan bekerjasama secara langsung.



Lawatan familiarisasi wakil kapal persiaran sebelum Cruise Shipping Asia Pasific 2013 berlangsung

Bengkel telah dihadiri oleh wakil-wakil penting daripada lima syarikat kapal persiaran antarabangsa untuk berbincang dengan perwakilan daripada enam pasukan subpetugas bagi memberikan maklum balas mengenai infrastruktur, operasi dan pelan masa hadapan setiap pelabuhan. Perbincangan ini memberikan hasil positif dan tindakan pemulihan telah diambil oleh setiap pasukan subpetugas untuk menangani isu yang ditimbulkan dengan sebaik mungkin.

Semasa Cruise Shipping Asia Pacific 2013, konvensyen pelayaran persiaran terbesar di Asia Pasifik yang diadakan di Singapura pada bulan Oktober 2013, Malaysia telah diberi pujian besar berbanding negara lain di Asia oleh wakil industri pelayaran persiaran antarabangsa utama, atas usaha Malaysia yang berterusan dalam menyelaraskan initiatif yang berkaitan dengan industri ini.

Pembangunan Malaysia sebagai destinasi pelayaran persiaran turut diiktiraf dengan pemilihan Kota Kinabalu sebagai pelabuhan utama bagi kapal persiaran buat pertama kalinya. Bermula dari bulan November 2013, pelabuhan Kota Kinabalu menjadi pangkalan bagi kapal persiaran *Superstar Aquarius* milik Star Cruises. Kapal Persiaran antarabangsa daripada *Royal Caribbean* dan *Princess Cruises* juga akan menyaksikan persinggahan baharu di Malaysia yang dirancang mulai tahun 2014.

Jumlah bilangan persinggahan kapal persiaran pada tahun 2013 di enam pelabuhan utama ialah kira-kira 359 persinggahan. Kapal yang lebih besar kini mula singgah di Malaysia, termasuk *Mariner of the Seas* milik Royal Caribbean, iaitu kapal penumpang berkapasiti 3,800 orang yang membuat persinggahan di Asia Tenggara pada tahun 2013. Harus diambil perhatian juga bahawa keberhasilan positif daripada inisiatif kapal persiaran hanya dijangka dapat dilihat pada tahun-tahun akan datang memandangkan kapal pelayaran persiaran merancang jadual perjalanan seawal dua tahun sebelum persinggahan sebenar.

Langkah Seterusnya

Tourism Malaysia akan memanfaatkan hubungan yang dijalin semasa Cruise Shipping Asia Pacific 2013 dan Bengkel Industri Pelayaran Persiaran untuk memberikan kemas kini secara berkala mengenai pelabuhan Malaysia kepada pembuat keputusan utama dalam industri pelayaran persiaran.



Ketibaan Star Cruises buat julung-julung kalinya di pelabuhan utama di Kota Kinabalu

Sementara itu, dengan persinggahan kapal yang lebih besar ke rantau ini, usaha untuk memudahkan persinggahan akan diteruskan di enam pelabuhan utama. Seiring dengan ini, usaha akan diambil untuk memperhebat penawaran pelancongan di kawasan sekitar pelabuhan.

Pelabuhan sekunder seperti Kuantan dan Bintulu yang telah menyaksikan peningkatan minat oleh kapal persiaran dalam merancang jadual pelayaran baharu akan turut dipermudah hal ehwal operasinya.

Kerajaan akan turut memudahkan mana-mana rancangan sektor swasta untuk membangunkan pelabuhan baharu bagi memenuhi permintaan sektor yang semakin berkembang ini.

EPP 7 Menyasarkan Lebih Banyak Acara Antarabangsa

EPP ini menangani keperluan untuk mempertingkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi bagi acara antarabangsa.

Untuk menyokong inisiatif ini, Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (MyCEB) telah menubuhkan Unit Acara Mega Malaysia (MME - dahulu dikenali sebagai Unit Acara Antarabangsa, IEU) khusus untuk mengenal pasti dan membida acara antarabangsa agar dapat dihoskan di negara ini. MME turut bekerjasama dengan peserta tempatan untuk membangunkan dan mengembangkan acara tempatan dan mengelompokkan acara yang lebih kecil di sekitar acara besar untuk melonjakkan bilangan pelawat dan perbelanjaan pelancong.

Pencapaian dan Cabaran

Malaysia menyaksikan peningkatan bilangan konsert dan acara antarabangsa yang diadakan pada tahun 2013. Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) meluluskan 317 pertunjukan pada tahun 2013 berbanding 310 pada tahun 2012. Ini memberikan petanda yang baik bagi pertumbuhan industri ini di Malaysia.

Usaha harus diteruskan untuk memperkemas dan memperkukuh proses kelulusan bagi acara-acara ini untuk menggalakkan lebih banyak pengendali untuk mengambil bahagian. Industri perlu diperlengkap untuk membolehkan pembidaan secara kompetitif acara-acara yang bakal diadakan di Malaysia.

Bagi tahun 2013, MME menyokong 32 acara yang merangkumi seni/gaya hidup, hiburan dan sukan yang dianggarkan menyumbang perbelanjaan pelancong berjumlah RM477 juta bagi tahun itu. Berbanding dengan tahun 2012, usaha yang dijalankan oleh MME telah berjaya meningkatkan bilangan acara yang disokong olehnya daripada 19 acara pada tahun 2012 kepada 32 acara pada tahun 2013, dan penonton antarabangsa turut meningkat daripada 60,000 pada tahun 2012 kepada 97,211 pada tahun 2013.

Selain menyokong perkembangan acara antarabangsa di Malaysia, MME turut memainkan peranan penting dalam membida dan memperoleh acara yang bakal dihoskan di Malaysia, termasuk Kejohanan Ironman Dunia yang dijadualkan penganjurannya di Putrajaya dan Langkawi, masing-masing pada bulan April dan bulan September 2014.



XTERRA Malaysia 2013

Susulan pempakejan semula Formula 1 (F1) dan MotoGP untuk menampilkan acara kelompok yang menarik yang disasarkan untuk melonjakkan bilangan penonton lagi daripada pasaran domestik dan antarabangsa, kedua-dua acara telah menunjukkan peningkatan jumlah penonton berbanding dengan tahun 2012. Bagi F1, lima pasaran antarabangsa teratas bagi penonton adalah dari Australia, India, Monaco, United Kingdom dan Indonesia manakala bagi MotoGP, lima pasaran antarabangsa teratas ialah Indonesia, Australia, Singapura, Sepanyol dan Thailand.

Litar Antarabangsa Sepang (SIC), yang mengurus trek lumba Sepang meraih dua pencapaian penting pada tahun 2013. SIC berjaya memperoleh lanjutan untuk mengehoskan Kejohanan Dunia MotoGP selama tiga tahun lagi sehingga tahun 2016. SIC turut dipilih sebagai ibu pejabat Shell Advance Asia Talent Cup, siri pengantara perlumbaan motosikal antarabangsa dunia yang menampilkan bakat-bakat pelumba motosikal Asia. Kejohanan ini dijadualkan merangkumi enam pusingan bermula dengan pusingan pembukaan musim MotoGP 2014 pada bulan Mac yang akan diadakan di Qatar. Sejumlah 108 pelumba motosikal daripada sembilan negara telah menghadiri pemilihan untuk Piala Bakat Asia pada bulan Oktober 2013.

Langkah Seterusnya

MME akan terus berganding bahu dengan sektor swasta untuk membida acara antarabangsa untuk dihoskan di Malaysia. Dalam konteks ini, usaha akan turut dipergiat untuk mempertingkatkan kesedaran dan keupayaan penganjur tempatan.



SIC F1 2013

Fokus terhadap Impression Melaka

Impression Melaka telah disahkan sebagai Projek Permulaan (EPP) oleh Kementerian Pelancongan & Kebudayaan. Produk pelancongan yang unik ini akan menampilkan persembahan besar di lokasi terbuka yang diarahkan oleh Zhang Yimou, Wang Chaoge & Fanyue - pengarah Majlis Pembukaan & Penutupan Olimpik Beijing 2008.

Inilah kali pertama dan satu-satunya Siri Impresi Terbuka Mega diadakan di luar negara China, khusus untuk rantau Asia Tenggara. Projek ini akan menambah tarikan penting ke Malaysia dan menyumbang ke arah menjadikan Malaysia destinasi pilihan. “Impressions Melaka” menyasarkan untuk mengehoskan dua atau tiga pertunjukan setiap malam, dengan setiap pertunjukan berlangsung selama 70-90 minit. Acara ini juga akan mempunyai tempat duduk yang boleh menampung sehingga 2,000 pelawat bagi setiap persembahan.

Projek ini dijadualkan akan dilancarkan pada Suku Keempat Tahun 2014 dan bakal menjadi salah satu acara ikonik bagi Tahun Melawat Malaysia 2014.

EPP 8 Zon Hiburan Khas (DEZ)

Pembangunan Zon Hiburan Khas (DEZ) telah dikenal pasti sebagai pemacu utama dalam menyediakan hiburan yang lebih meriah dan menarik di negara ini. Dalam konteks ini, Zouk KL dan empat premis hiburan di Genting Highlands telah dikenal pasti sebagai Zon DEZ.

EPP ini telah disemak semula pada tahun 2013 untuk merangkumi pelbagai penawaran hiburan pada waktu malam di seluruh Malaysia.

Pemilihan lokasi diputuskan melalui perbincangan antara pemilik premis hiburan, pihak berkuasa tempatan dan agensi Kerajaan untuk mengkaji kemampanan premis tersebut sebagai daya tarikan pelancong. Premis hiburan yang dikenal pasti akan dinilai untuk memastikan premis tersebut mematuhi garis panduan DEZ yang merangkumi keperluan kalis bunyi, lokasi yang jauh dari kawasan kediaman atau rumah ibadat, dilengkapi kemudahan keselamatan yang mencukupi, boleh diakses oleh pengangkutan awam serta mudah untuk dikunjungi pelancong, untuk layak menjadi sebuah DEZ.

Pencapaian dan Cabaran

Dua buah premis di Sabah telah dikenal pasti untuk dipilih sebagai DEZ. Keputusan ini dibuat meskipun EPP ini berdepan dengan cabaran berikutan kebimbangan orang ramai mengenai permintaan pengendali untuk melanjutkan tempoh perniagaan premis mereka. Walau bagaimanapun, selepas beberapa perbincangan positif diadakan dengan pihak berkuasa tempatan di Kota Kinabalu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta KePKAS (Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah) telah memberikan sokongan terhadap dua permohonan berasingan untuk mendapatkan status DEZ.

Zouk KL dan Genting turut melaporkan peningkatan bilangan pengunjung, khususnya pelancong.

Langkah Seterusnya

Susulan semakan semula EPP ini, usaha akan dipertingkatkan untuk mengenal pasti lokasi baharu prospektif yang mungkin belum dikategorikan sebelum ini. Pemantauan lokasi yang ditetapkan akan diteruskan dan promosi Tourism Malaysia bagi premis yang diluluskan akan ditempatkan di bawah kategori Gaya Hidup dan Hiburan Malam.

EPP 9a Membangunkan Kepakaran Tempatan dan Pengawalseliaan Industri Spa yang Lebih Baik

Sejak beberapa tahun kebelakangan, banyak hotel telah mula menawarkan perkhidmatan spa sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan pesat industri ini. Namun, sebagai industri yang sedang berkembang, pertumbuhan berterusannya dihambat oleh isu-isu seperti kekurangan juruterapi spa yang berkemahiran serta pusat spa yang berkualiti tinggi.

Melalui EPP ini, Majlis Spa Kebangsaan (National Spa Council) telah ditubuhkan pada tahun 2011 bagi mengawal selia industri dan menangani isu ini serta masalah berkaitan yang lain. Majlis terdiri daripada golongan profesional industri daripada sektor awam dan swasta. Majlis telah membangunkan penarafan kriteria rasmi untuk spa yang kini digunakan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk memberikan penarafan kepada semua pusat spa di Malaysia.

Pewujudan Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence, COE) untuk melatih dan merekrut warga tempatan dengan kemahiran untuk menjadi juruterapi spa juga menjadi penunjuk penting dalam membangunkan sektor ini. COE, bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta Kementerian Sumber Manusia telah menganjurkan jerayawara *(roadshows)* di seluruh negara untuk menyedarkan orang ramai mengenai peluang pekerjaan dalam industri ini sekali gus menarik calon-calon yang berminat untuk menjadi juruterapi spa.

Pencapaian dan Cabaran

Lima COE telah diwujudkan untuk merekrut dan melatih warga tempatan dengan kemahiran untuk menjadi juruterapi spa. COE ini terdiri daripada Energy Academy, Stella In Beauty, Langkawi International Spa Academy, Jari Jari Academy dan Beaubelle Academy. Terletak di lokasi strategik di Petaling Jaya, Langkawi, Kota Kinabalu, Johor Bahru dan Pulau Pinang, pusat-pusat ini telah menarik seramai 150 pelatih untuk menghadiri Kursus Juruterapi Spa. Setelah menamatkan kursus, juruterapi ini akan diambil bekerja di Spa yang bertaraf 3-5 bintang di seluruh negara.



Juruterapi spa bersama-sama dengan wakil utama Kementerian di acara berkaitan ETP

Dalam usaha untuk mengawal selia Industri Spa dengan lebih baik, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memberikan penarafan kepada 196 spa di seluruh negara. Spa yang memenuhi kriteria penarafan layak untuk menyertai usaha promosi yang dijalankan oleh Kementerian dan layak untuk mengambil bekerja juruterapi tempatan yang dilatih oleh COE.

Pelaksanaan yang lancar dan pemantauan EPP ini telah dicapai hasil kerjasama rapat antara beberapa kementerian, iaitu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Dalam Negeri, bersama-sama dengan pengendali spa dan persatuan pengendali spa.

Pembabitan Kerajaan membolehkan industri menangani tanggapan negatif orang ramai terhadap bentuk perkhidmatan yang disediakan oleh juruterapi spa. Kursus Juruterapi Spa menawarkan silibus kursus Tahap III Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan membiayai yuran bagi calon-calon yang berkelayakan. Selain itu, ramai peserta daripada isi rumah berpendapatan rendah telah menerima manfaat daripada kursus ini melalui program e-Kasih.

Langkah Seterusnya

COE akan mempertingkatkan usaha untuk merekrut dan melatih juruterapi spa tempatan bagi memenuhi permintaan industri. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan terus memberikan sokongan kepada COE di samping mempromosikan industri.

EPP 9b Pelancongan Golf

Industri golf telah membangun dengan pesat sebagai acara sukan utama di Malaysia pada tahun-tahun kebelakangan ini, dan lapangan golf negara kita telah dipilih sebagai lokasi untuk Kejohanan Antarabangsa yang dipersetujui oleh pelbagai pihak pengendali World Tour. EPP ini bertujuan memanfaatkan peluang dalam pelancongan golf dengan meningkatkan dan mempakejkan semula produk untuk menarik pelawat yang membawa pulangan tinggi, termasuk pelawat yang datang atas tujuan perniagaan atau menghadiri pelbagai Konvensyen yang diadakan di sini.

Terdapat lebih 200 lapangan golf di Malaysia. Sebahagian daripadanya terletak di lokasi yang sangat indah serta di dalam bandar atau dalam hutan hujan di Malaysia Timur. Malaysia juga menjadi hos kepada empat kejohanan golf utama setiap tahun – Maybank Malaysia Open, CIMB Classic, Sime Darby LPGA Open dan Iskandar Johor Open. Acara ini dan infrastruktur sedia ada akan dimanfaatkan bagi meningkatkan bilangan pelancong golf ke negara ini.

Untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi golf pilihan, Persatuan Pelancongan Golf Malaysia (Malaysian Golf Tourism Association, MGTA) telah ditubuhkan untuk menyelaraskan usaha pengendali jelajah golf, kelab golf, lapangan golf, hotel dan media untuk menarik lebih ramai pelancong golf. Persatuan telah melancarkan laman webnya (www.golftourismmalaysia.com), yang menyediakan kandungan yang dinamik, yang dikemas kini secara berkala dan dinobatkan sebagai laman web terbaik seumpamanya di dunia.

Antara tanggungjawab MGTA termasuklah mengaudit kelab dan padang golf ahli untuk menentukan sama ada kelab-kelab ini sedia 'dieksport' atau dianggap mempunyai kemudahan dan akses yang mencukupi bagi pelancong golf antarabangsa. Audit dilaksanakan berdasarkan garis panduan Persatuan Pengendali Jelajah Golf Antarabangsa (International Association of Golf Tour Operators, IAGTO). Lawatan Persatuan turut bekerjasama erat dengan Tourism Malaysia untuk memudahkan lagi dan mengatur pakej jelajah golf yang dikendalikan oleh pengendali jelajah sekali gus memanfaatkan acara golf utama di Malaysia dengan lebih baik.



Kejohanan CIMB Classic 2013

Pencapaian dan Cabaran

Malaysia terus menyerlah dalam dunia golf apabila kejohanan utama anjurannya mencapai tahap baharu. Paling signifikan ialah CIMB Classic yang merupakan acara mata Piala Fedex, iaitu Kejohanan PGA paling berprestij yang pernah diadakan di Malaysia pada tahun 2013.

Tourism Malaysia dan MGTA telah memanfaatkan sepenuhnya kejohanan ini dengan menganjurkan lawatan untuk memperkenalkan acara-acara ini kepada media dan menyediakan hospitaliti kepada orang hubungan utama media antarabangsa sepanjang kejohanan. MGTA turut berjaya mengadakan temu bual dengan pemain golf lelaki dan wanita terkemuka yang mengambil bahagian dalam acara ini. Mereka memberikan maklum balas positif mengenai Malaysia. Temu bual ini telah diterbitkan di laman sesawang MGTA untuk melonjakkan lagi status Malaysia sebagai destinasi golf.

Usaha MGTA pada tahun 2013 termasuklah penghasilan kit media golf khusus yang memperkenalkan kelab golf di seluruh Malaysia kepada pelancong golf. Kit ini mengandungi Peta Golf Malaysia yang terperinci dan Risalah Pelancongan Golf khusus yang kini boleh didapati di semua pejabat Tourism Malaysia di seluruh dunia. Penerbitan ini merupakan sebahagian kolateral MGTA yang digunakan oleh MGTA di kesemua konvensyen dan kejohanan golf utama.

Persatuan turut mengekalkan momentum sejak tahun 2012 dengan mencatat kehadiran penting oleh ahli-ahlinya di konvensyen antarabangsa yang utama seperti Pasaran Lawatan & Pelancongan Luar China (China Outbound Travel & Tourism Market, COTTM), Pameran Golf di Orlanda, Florida, Konvensyen Pelancongan Golf Asia (Asian Golf Tourism Convention, AGTC) di Pattaya, Thailand dan Pasaran Pelancongan Golf Antarabangsa 2013 di Catalonia, Sepanyol. Platform ini memberikan kesan yang ketara ke arah menempatkan Malaysia di peta dunia pelancongan golf.

Satu cabaran yang sedang dihadapi oleh industri golf ialah kekurangan kedi. Masalah ini berlaku meskipun Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan berusaha memberikan keutamaan kepada kedi asing di kelab bertaraf IAGTO. Untuk menyelesaikan masalah ini, satu sesi dialog telah diadakan pada Disember 2013 untuk membolehkan kelab golf MGTA memahami dengan lebih jelas garis panduan sedia ada dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu menangani kekurangan kedi ini.

Langkah Seterusnya

Usaha MGTA untuk mempromosikan Malaysia akan terus menekankan pasaran penting di Australasia, Jepun, China, Korea, India, UK, Sweden dan Jerman menerusi pemasaran kebitaraan dan digital melalui IAGTO. Satu pelan pemasaran komprehensif telah dibangunkan dengan kerjasama IAGTO yang menyasarkan pasaran yang dinyatakan di atas.

Berhubung dengan acara golf utama, Malaysia terpilih sebagai hos bagi kejohanan golf antarabangsa yang baharu pada Mac 2014, iaitu Piala Eurasia anjuran DRB-HICOM. Sebagai kejohanan permainan berpasukan diiktiraf Jelajah yang julung-julung kali diadakan, acara yang berformat sama dengan Piala Ryder ini akan diadakan dua kali setahun dan menyaksikan pertarungan pemain terbaik Jelajah Asia menentang pemain terbaik Jelajah Eropah. MGTA dan Tourism Malaysia akan memanfaatkan kejohanan ini dan acara golf utama sedia ada yang lain untuk terus mempromosikan Malaysia sebagai destinasi golf dengan pelan yang sudah dirancang.

EPP 10 Memartabatkan Malaysia Sebagai Destinasi Pelancongan Perniagaan yang Utama

Pelancongan perniagaan merupakan salah satu segmen yang menjana pulangan tinggi dan mempunyai potensi untuk dibangunkan bagi menyumbang ke arah kemajuan Malaysia. Biro Konvensyen & Pameran Malaysia (Malaysia Convention & Exhibition Bureau, MyCEB) telah ditubuhkan untuk mengembangkan segmen ini dan menempatkan Malaysia sebagai destinasi yang terkemuka bagi acara perniagaan (mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran) dan telah turut diberi mandat untuk meningkatkan standard dan kemahiran golongan profesional dalam industri acara perniagaan.

MyCEB bertindak sebagai hab bagi membantu perancang mesyuarat dan acara untuk membida dan mendapatkan acara perniagaan antarabangsa dan serantau untuk Malaysia, dan bertindak sebagai saluran bagi pembangunan produk nasional. Perkhidmatan lain MyCEB termasuklah perhubungan kerajaan, pemasaran acara, penggalakan perwakilan, penyediaan sokongan acara di tapak dan bimbingan mengenai produk dan perkhidmatan tempatan.



Perdana Menteri dan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan merasmikan Mesyuarat Tahunan International Dragon Award (IDA) 2013

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2013, MyCEB berjaya membida dan memperoleh 42 perjumpaan persatuan yang akan diadakan dari tahun-tahun 2013-2020. Acara-acara ini dijangka menarik kehadiran kira-kira 39,110 perwakilan dan menyumbangkan impak ekonomi bernilai kira-kira RM449 juta. Antara bida utama yang dimenangi termasuklah Persidangan Persatuan Nutrisi Klinikal Asia Pasifik ke-9 (APCCN) 2015, Spine Week 2016 dan Persidangan Junior Chamber Antarabangsa Asia Pasifik (APJCI) 2015. Tiga acara ini dijangka menarik seramai lebih 10,000 perwakilan.

Selain membida acara perniagaan, MyCEB memainkan peranan penting dalam melonjakkan pertumbuhan industri acara perniagaan di Malaysia. Antara inisiatif yang menyokong industri ini ialah Program Kesatria Malaysia, yang menglibatkan pemimpin industri utama untuk membantu mengenal pasti dan menggalakkan penganjur berpotensi lain bagi membida dan menganjurkan persidangan antarabangsa di Malaysia. Sejak pelancaran program ini pada tahun 2012, 26 Kesatria di Malaysia dilantik dan mereka telah menjana 40 perniagaan yang menarik anggaran 67,000 perwakilan dan impak ekonomi bernilai RM833 juta.

MyCEB turut menganjurkan seminar dan bengkel menerusi Program Rakan Kongsi Industri bagi memberikan pendidikan berterusan dan menyediakan perkembangan terkini kepada industri. Ini telah menghasilkan penambahbaikan kepada industri seperti yang dilihat pada anugerah yang disampaikan semasa Anugerah "Recognizing Award Winning Results" (rAWr) 2013 yang mengiktiraf kecemerlangan, kepemimpinan, standard profesional, inovasi dan amalan terbaik dalam industri yang dianjurkan bersama oleh MyCEB dan Persatuan Penganjur dan Pembekal Konvensyen dan Pameran Malaysia (Malaysian Association of Convention and Exhibition Organizers and Suppliers, MACEOS).

Langkah Seterusnya

MyCEB akan terus meneraju pembangunan industri acara perniagaan dan memberi tumpuan kepada usaha untuk menarik lebih banyak acara perniagaan antarabangsa ke Malaysia.



MyCEB dengan kerjasama MACEOS mengiktiraf kecemerlangan industri melalui majlis penganugerahan "rAWr Awards" 2013 yang julung-julung kali dianjurkan

EPP 11 Meningkatkan Kesalinghubungan dengan Pasaran Utama Jarak Sederhana

Segmen jarak sederhana yang mewakili penerbangan empat hingga enam jam mempunyai potensi besar untuk menarik pelancong yang membawa pulangan tinggi. EPP ini memberi tumpuan kepada pengukuhan kesalinghubungan Malaysia bagi penerbangan jarak sederhana dengan China, Jepun, Australia, India, Korea dan Taiwan.

Usaha-usaha di bawah EPP Ini turut memberi tumpuan kepada perbincangan Tourism Malaysia dengan pengendali penerbangan carter bagi menyediakan perkhidmatan pada musim puncak untuk menampung penerbangan berjadual yang biasa. Ini telah menghasilkan peningkatan penerbangan carter termasuk laluan baharu dari Australia dan Rusia.



Penerbangan sulung AirAsia X ke Busan

Pencapaian dan Cabaran

Bilangan tempat duduk bagi syarikat penerbangan negara ke enam negara jarak sederhana sasaran iaitu Australia, China, India, Taiwan, Korea dan Jepun mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2013. Peningkatan terbesar dilihat berlaku dalam penerbangan ke China, yang meningkat lebih daripada 7,500 tempat duduk seminggu kepada 34,033 tempat duduk, iaitu peningkatan 28 peratus berbanding dengan tahun 2012. India dan Taiwan turut mencatat pertumbuhan dua angka (masing-masing 21 peratus kepada 21,175 tempat duduk dan 31 peratus kepada 9,418 tempat duduk). Secara keseluruhan, penerbangan ke enam buah negara ini mencatat pertambahan 17,921 tempat duduk seminggu, iaitu peningkatan 20 peratus daripada 91,151 pada tahun 2012.

Berikutan itu, 109,072 tempat duduk setiap minggu kini tersedia oleh syarikat penerbangan Malaysia ke negara-negara jarak sederhana sasaran. Ini merupakan petanda yang baik bagi Tahun Melawat Malaysia 2014 dengan lebih banyak peningkatan dijangkakan pada tahun yang akan datang. Trajektori pertumbuhan ini juga melepasi unjuran oleh makmal ETP awal yang menyasarkan peningkatan sebanyak 31,319 tempat duduk setiap minggu ke enam negara jarak sederhana menjelang tahun 2020.



MAS menerima penghantaran pesawat A380nya yang ke-6 di KLIA

Sepanjang tiga tahun lalu, kadar pertumbuhan berada pada 33,568 tempat duduk seminggu dan angka ini dijangka terus bertambah. Pertumbuhan ini dihasilkan oleh usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan bagi memudahkan kelulusan yang diperlukan selain rundingan antara Kerajaan yang berterusan untuk memperoleh lebih banyak hak laluan udara yang diperlukan oleh syarikat penerbangan.

Usaha-usaha Tourism Malaysia berkaitan dengan pemasaran bersasaran melalui Promosi bersama di China, Jepun dan India telah memberikan impak ketara pada tahun lalu, dengan penerbangan carter ke China, Korea, Hong Kong, Jepun dan Taiwan menghasilkan peningkatan 37 peratus berbanding dengan tahun 2012 kepada 42,535 tempat duduk. Tourism Malaysia turut melancarkan laman sesawang yang dipertingkatkan dan menjalankan pelbagai kempen pemasaran digital termasuk kerjasama dengan Google dan pembangunan aplikasi Perancang Perjalanan baharu yang boleh dimuat turun secara percuma pada semua peranti Android dan iOS (http://www.tourism.gov.my/en/my/Web-Page/Footer/Resources-2/Mobile-Apps).

Langkah Seterusnya

Pertumbuhan selanjutnya dijangka dapat disaksikan pada tahun 2014 sejajar dengan kempen agresif yang dijalankan oleh Tourism Malaysia bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2014. Tourism Malaysia juga dijangka mempertingkatkan platform digitalnya lagi bagi memastikan Malaysia terus menyerlah dalam arena pelancongan global.

Usaha berterusan Kementerian Pengangkutan dan syarikat penerbangan Malaysia untuk mempromosikan penerbangan jarak sederhana ke Malaysia dijangka menyokong trajektori pertumbuhan kesalinghubungan laluan udara yang sedia ada. Usaha akan turut difokuskan pada kerjasama dengan MAHB bagi menentukan inisiatif yang akan dilaksanakan untuk memudahkan pendaratan pesawat negara lain ke Malaysia.

Sementara itu, Kementerian Pengangkutan akan meneruskan rundingan dua hala dengan Kerajaan negara-negara sasaran untuk meningkatkan kekerapan penerbangan, memperluas laluan, membantu operasi penerbangan carter pada musim puncak dan membangunkan laluan baharu. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan pula akan terus bekerjasama dengan peserta industri pelancongan tempatan untuk memastikan pasaran jarak sederhana mampu menampung peningkatan ketibaan pelancong setiap tahun.

EPP 12 Menambah Baik Kadar, Jenis dan Kualiti Hotel

EPP ini menyokong matlamat NKEA Pelancongan untuk menarik pelancong yang membawa pulangan tinggi dengan memastikan jenis dan kualiti hotel terbaik yang menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi. Memandangkan Malaysia menyasarkan untuk menarik 36 juta pelancong menjelang tahun 2020, sebanyak 91,000 bilik hotel baharu telah dirancang di bawah Pelan Hala Tuju ETP untuk menampung pelancong ini. Sejajar dengan ini, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa insentif cukai bagi menggalakkan pelaburan hotel bertaraf 4 dan 5 bintang untuk menyokong pertumbuhan industri hotel.

Pencapaian dan Cabaran

Sebanyak 4,173 bilik hotel tambahan yang bertaraf 4 dan 5 bintang telah siap pada tahun ini di seluruh negara iaitu di Kuala Lumpur, Ipoh, Kuala Terengganu, Kuching, Johor Bahru, Alor Setar, Kota Bahru dan Langkawi. Antara hotel yang baru siap ini ialah Aloft KL Sentral, Renaissance Johor Bahru, Hotel Traders Putri Harbour, WOLO Bukit Bintang dan Hotel Pullman Bangsar, sebagai tambahan kepada 7,104 bilik hotel baharu bertaraf 4 dan 5 bintang yang siap dibina dari tahun 2011 hingga tahun 2012.

Kerajaan telah mengumumkan lanjutan Elaun Cukai Pelaburan sehingga tahun 2016 untuk terus melonjakkan pembinaan hotel bertaraf 4 dan 5 bintang di Malaysia.

Kerajaan turut menawarkan Status Perintis bagi hotel-hotel baharu yang mempunyai penarafan empat dan lima bintang. Hotel milik penuh warga asing juga layak untuk mendapatkan insentif ini. Selain itu, syarat ekuiti bagi kelayakan insentif percukaian telah disemak semula untuk membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia melabur dalam hotel bertaraf 1 dan 2 bintang sementara syarat ekuiti asing akan diliberalisasikan secara beransur-ansur bagi hotel yang mempunyai penarafan 3 bintang.

Langkah Seterusnya

Usaha akan terus difokuskan bagi menggalakkan pembangunan lebih banyak hotel di Malaysia.

PELUANG PERNIAGAAN

1

Ruang Perniagaan Makanan dan Minuman

Peluang perniagaan dalam pasaran makanan dan minuman tersedia dalam kebanyakan EPP Pelancongan. Sumbangan kepada PNK juga dijangka akan bertambah seiring dengan peningkatan ketibaan pelancong dan peralihan kepada pelancong yang membawa pulangan tinggi.

2

Pengangkutan Tempatan

Program Duta Teksi Pelancongan telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk menambah baik imej pemandu teksi Malaysia. Dilancarkan pada Mac 2012, program ini melibatkan 3,000 pemandu teksi bajet, 500 pemandu teksi eksekutif dan 500 pemandu teksi limousin. Pada masa ini, terdapat 79,571 pemandu teksi berdaftar, 33,000 daripadanya berpangkalan di Lembah Klang.

Mulai 15 Mei 2013, semua teksi bandar dibenarkan membawa penumpang ke dan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Penumpang mempunyai pilihan untuk menaiki teksi lapangan terbang yang menggunakan sistem kupon (tambang mengikut zon) atau teksi bandar yang menggunakan sistem meter yang dikenakan surcaj RM2.

3

Segmen Pengendali Lawatan

Pada tahun 2013, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mencatatkan peningkatan enam peratus dalam bilangan pemandu pelancong (Pemandu Pelancong Bandar dan Pemandu Pelancong Alam Semula Jadi) kepada 10,941. Bilangan Pemandu Pelancong Bandar meningkat daripada 7,984 kepada 8,448 sementara Pemandu Pelancong Alam Semula Jadi meningkat daripada 2,342 kepada 2,493.

Bilangan pengendali lawatan dalam negara turut meningkat. Berdasarkan lesen perniagaan yang diluluskan untuk Perniagaan Pengendali Lawatan dan Agensi Pelancongan, sebanyak 8,928 lesen telah dikeluarkan pada tahun 2013 berbanding dengan 8,426 lesen pada tahun 2012.

Pengendali lawatan perlu menghadiri dan menamatkan Kursus Pengurusan Pelancongan & Lawatan (Travel & Tours Management Course, TTMC) dan Kursus Penambahbaikan Pelancongan & Lawatan (Travel & Tours Enhancement Course, TTEC) sebelum membaharui lesen operasi mereka. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan mencadangkan agar kursus ini diadakan lebih kerap lagi untuk memudahkan pengendali lawatan yang kian bertambah.

Dalam usaha menggalakkan pengendali lawatan, insentif percukaian telah diberikan kepada pengendali lawatan. Pengendali lawatan yang membawa masuk sekurang-kurangnya 750 pelancong asing atau tidak kurang daripada 1,500 pelancong tempatan setahun, layak mendapat 100 peratus pengecualian cukai dan dengan mengambil kira Tahun Melawat Malaysia 2014, insentif ini akan dilanjutkan sehingga tahun 2015.

Ringkasan NKEA Pelancongan

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	**RM66.7 bilion**
Pekerjaan Tambahan	**497,000**

Sasaran kritikal bagi tahun 2014

- Penyiapan Fasa Kedua Johor Premium Outlets
- Pembangunan pusat ruang perniagaan di Sepang
- Pembangunan bersepadu Industri Pelayaran Persiaran
- Peningkatan bilangan pelancong ke Acara Antarabangsa
- Pewujudan Pusat Kecemerlangan tambahan untuk melatih juruterapi spa
- Peningkatan bilangan bidaan yang dimenangi dan bilangan perwakilan untuk MICE
- Penambahan laluan dan penerokaan laluan baharu dengan Penerbangan Carter
- Pembangunan lebih banyak hotel bertaraf 4 dan 5 bintang

Pemangkin Perubahan

PELANCONGAN

pengalaman bersama perkhidmatan awam



Datuk Dr. Ong Hong Peng
Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan

Kerjasama yang dibina antara sektor awam dan swasta memainkan peranan penting dalam mencapai pertumbuhan sektor pelancongan yang maksimum dengan Kerajaan telah menyasarkan untuk menarik 36 juta ketibaan pelancong antarabangsa dan menjana RM168 bilion dalam perolehan pelancongan menjelang tahun 2020.

Datuk Dr. Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, percaya bahawa sasaran ini boleh dicapai melalui perkongsian strategik yang holistik bagi mewujudkan sinergi dan komitmen untuk bekerjasama secara bersepadu dalam merealisasikan sasaran yang dimuafakati bersama untuk industri pelancongan.

"Secara asasnya perkongsian ini membabitkan pelibatan dan penyertaan aktif sektor awam dan swasta, organisasi bukan kerajaan dan rakyat demi mencapai matlamat dan tujuan yang jelas," kata Datuk Dr. Ong.

Beliau menerangkan dengan lebih lanjut bahawa NKEA Pelancongan dipersiapkan untuk menggerakkan sumber-sumber negara bagi melaksanakan 12 EPP secara optimum. "Justeru, proses perancangan, pelaksanaan dan penilaian NKEA Pelancongan merupakan contoh klasik amalan perkongsian strategik yang holistik. Perkongsian strategik ini berteraskan kesungguhan politik dan komitmen pada peringkat paling tinggi dan melata ke semua pihak berkaitan dan pihak berkepentingan," kata beliau.


Beliau menambah bahawa perkhidmatan awam memikul tanggungjawab sebagai pemangkin untuk memupuk perkongsian holistik, menyediakan persekitaran yang kondusif dan memudahkan pelaksanaan dan pemantauan EPP yang lancar di bawah NKEA Pelancongan. Kejayaan yang tercapai oleh perkhidmatan awam dalam bidang ini dicerminkan dalam pencapaian NKEA pada tahun 2013, di mana semua KPI telah tercapai bagi tahun tersebut.

Di samping itu, Datuk Dr. Ong berkata bahawa perkongsian holistik ini turut membolehkan Malaysia meraih tempat ke-10 dalam senarai negara yang paling kerap dilawati di seluruh dunia.

"Berdasarkan prestasi kukuh ini, NKEA Pelancongan berada pada landasannya untuk mencapai keseluruhan sasaran pelancongan yang ditetapkan bagi tahun 2020." Tambah beliau lagi, "Negara sudah bersedia untuk menyambut ketibaan Tahun Melawat Malaysia 2014 (VMY 2014).

"Bertepatan dengan tema '*Celebrating 1Malaysia Truly Asia*', tahun 2014 bakal menampilkan pelbagai acara, temasya dan penawaran istimewa yang disediakan bagi pelancong agar mereka dapat menikmati pengalaman yang menyeronokkan dan membawa pulang kenangan yang indah daripada kunjungan mereka ke Malaysia.

"VMY 2014 merupakan satu misi nasional. Marilah kita bersama-sama memanfaatkan perkongsian holistik ini untuk melonjakkan seluruh rantaian nilai industri pelancongan ke tahap yang lebih tinggi demi mencipta kekayaan dan membangunkan negara. Marilah kita berganding bahu mentransformasikan Malaysia menjadi destinasi pelancongan yang paling unggul," kata beliau.





ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK









Dato' Sri Mustapa Mohamed
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri



Datuk Dr Ewon Ebin
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Tahun ini merupakan tahun ketiga pelaksanaan NKEA Elektrikal dan Elektronik (E&E) dan tahun ini juga mencatatkan bermulanya E&E 2.0 yang telah dilancarkan pada bulan Mac 2013.

Perumusan E&E 2.0 ini adalah berdasarkan keperluan industri untuk bergerak sepantas perkembangan teknologi global. Kami percaya ini boleh dicapai dengan pemfokusan semula usaha ke arah menggalakkan pelaburan dalam negeri serta menarik lebih banyak pelaburan asing masuk ke Malaysia, iaitu pelaburan bernilai tinggi yang boleh mencipta lebih banyak pekerjaan berpendapatan tinggi, dan yang mampu meningkatkan PNK. Sehubungan dengan itu, usaha-usaha ini memerlukan kerjasama yang lebih erat antara industri, ahli-ahli akademik dan agensi kerajaan.

Walaupun industri E&E Malaysia terus maju dari segi teknologi dan komersial, kita perlu mengukuhkan ekosistem E&E. Ini sesuatu yang perlu dilakukan dalam menghadapi persaingan yang kian meningkat akibat globalisasi dan perundingan perdagangan bebas seperti Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) serta anjakan dalam permintaan yang disebabkan oleh kemajuan teknologi dan syarat-syarat pematuhan alam sekitar. Terdapat keperluan mendesak untuk memecut pembinaan keupayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam usaha untuk menggalakkan syarikat-syarikat ini bersaing di arena dunia.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta agensi-agensi di bawahnya akan meneruskan perumusan dasar dan strategi dalam sektor ini bagi memudahcarakan penglibatan syarikat-syarikat tempatan dalam aktiviti bernilai tinggi agar memiliki daya saing di arena dunia.



Apabila kita mengimbau semula kemajuan NKEA ini pada tahun 2013, salah satu faktor kritikal kejayaan kita adalah kebolehan kita dalam menumpu kepada permintaan dan keperluan pasaran global.

Selain daripada kekuatan kita dalam inovasi, kita juga telah menunjukkan kemampuan kita dalam menepati standard global.

Ini telah direalisasikan sebahagiannya melalui usaha-usaha di bawah Inisiatif Pembaharuan Strategik Persaingan, Standard dan Liberalisasi yang antara lainnya telah memacu pembangunan dan galakan standard dalam barangan dan perkhidmatan tempatan untuk meningkatkan daya saing global bagi produk keluaran tempatan dan syarikat-syarikat Malaysia.


Sehubungan dengan itu, kami juga mengiktiraf kepentingan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam meningkatkan produk dan keupayaan kita terutamanya dalam sektor E&E. Untuk tujuan ini, kami telah membangunkan, antara lainnya, kemudahan/makmal reka bentuk dan pengujian untuk membantu industri melanjutkan operasi bernilai tinggi mereka di sini. Selain itu, Kementerian akan terus menyokong pengkomersialan produk E&E buatan tempatan bagi melengkapkan rantaian nilai mereka iaitu dari idea inovatif ke R&D dan akhirnya ke pasaran.

Bagaimanapun, usaha kita mesti dilengkapi dengan usaha proaktif daripada peserta- peserta industri itu sendiri. Walaupun Malaysia secara tradisional merupakan peserta utama dalam pembuatan E&E, industri ini tidak boleh leka ketika pasaran ini mula bergerak ke arah teknologi baharu dan lebih tinggi.

Di samping memantau kemajuan industri E&E dari segi produk yang dibangunkan dan kemahiran yang diperolehi, kami akan meneruskan resolusi kami untuk membantu industri ini mencapai potensi sebenar dan memanfaatkan peluang perniagaan yang dicipta untuk menyumbang kepada aspirasi Malaysia sebagai sebuah negara yang berpendapatan tinggi.

ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK

Industri Elektrikal dan Elektronik (E&E) kekal sebagai salah satu pemacu utama pembangunan industri Malaysia. Produk E&E negara dari segi sejarah mewakili item dagangan terbesar, membolehkan industri meraih keupayaan dan kapasiti yang bernilai dalam pembuatan barangan elektronik pengguna dan komponen E&E.



Rajah 7.1: Mengelompokkan semula EPP dan EPP baharu

Tahun 2013 menyaksikan anjakan penting dalam pelaksanaan NKEA dengan bermulanya E&E 2.0. Fasa baharu ini menyaksikan pelancaran beberapa EPP baharu yang bersama-sama dengan EPP sedia ada, telah dikumpulkan menjadi lima kelompok. Pengelompokan EPP ini adalah susulan sesi makmal yang dianjurkan pada tahun 2012 untuk mengenal pasti penyelesaian kepada EPP asal dan mengenal pasti penyelesaian untuk memanfaatkan peluang baharu yang muncul sejak tahun 2010. Matlamat keseluruhan E&E 2.0 adalah untuk mencergaskan semula industri bagi memecutkan hasil yang lebih tinggi dan menyediakannya agar berupaya bertindak balas terhadap kejutan luaran seperti penurunan permintaan global.

Lima kelompok ini terdiri daripada perkhidmatan/reka bentuk pembuatan, pemasangan moden, elektronik industri/bersepadu, bahan-bahan maju dan teknologi wafer. Kelompok ini dibangunkan dengan matlamat untuk mengalihkan industri dari aktiviti pembuatan ke arah aktiviti bernilai tinggi seperti reka bentuk, pemasangan, pembungkusan dan pembekalan penyelesaian secara keseluruhan.

Menjelang tahun 2020, inisiatif baharu ini dijangka akan menyumbang impak PNK sebanyak RM9.7 bilion dan mencipta 56,800 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

Secara keseluruhannya, NKEA ini diunjurkan akan mencipta impak PNK tambahan yang berjumlah RM53.4 bilion dan mewujudkan 157,000 peluang pekerjaan baharu menjelang tahun 2020.

Memangkin Pertumbuhan berbanding Mempromosi Pelaburan

Perkara Asas dalam Transformasi E&E

Ia bukan suatu rahsia bahawa hampir semua alat dalam senjata promosi pelaburan Malaysia dibangunkan sejajar dengan pertumbuhan industri E&E yang telah mencatatkan kemajuan penting sejak tahun-tahun 1970-an. Regim insentif fiskal dan bukan fiskal oleh agensi penggalak pelaburan Kerajaan Persekutuan dan Negeri membuka jalan bagi kemasukan besar terutamanya modal asing untuk pembuatan komponen yang kemudiannya dipakej semula dan dijual oleh pemilik jenama di seluruh dunia.

Amalan teruji ini kini perlu disesuaikan untuk mendorong budaya penggalakan pelaburan yang tertanam di Malaysia ke peringkat yang seterusnya. Contohnya, MIDA kini melengkapi tumpuan yang diamalkan sebelum ini, iaitu "menarik FDI" dengan program "mencipta peluang pelaburan" untuk syarikat domestik melalui dana Pelaburan Langsung Domestik (DDI) yang strategik.

Agensi sekutu seperti Institut Automatif Malaysia (MAI), Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dan NanoMalaysia Bhd membuka pintu kepada pelaburan dalam bidang menegak hiliran berbanding teras pembuatan komponen tradisional Malaysia. Agensi-agensi ini memainkan peranan utama dalam mencipta peluang hiliran untuk terus melancarkan pelaburan E&E.

Agensi-agensi lain seperti Agensi Inovasi Malaysia, MIMOS Bhd, SIRIM Bhd dan CREST *(Collaborative Research in Engineering, Science & Technology)* telah meneraju untuk memacu ekosistem heliks ganda tiga yang menerima banyak pujian dalam menjalani kerjasama Kerajaan-Akademik untuk memastikan R&D, pengkomersialan IP dan ekosistem pembangunan modal insan menyediakan sokongan yang diperlukan untuk pelabur-pelabur baharu.

Lebih banyak rakan kongsi termasuk SME Corp dan MATRADE sedang melaksanakan dan mengukuhkan usaha untuk membuka peluang perniagaan baharu dengan memacu aktiviti pergi-ke-pasaran. Usaha mereka dalam menyatukan kekuatan individu Malaysia menjadi kumpulan yang padu untuk bersaing secara cekap di pentas global akan terbukti penting kepada keupayaan Malaysia dalam meyakinkan peserta-peserta industri untuk meneroka pasaran baharu.

Agensi-agensi tersebut juga telah mendapat manfaat daripada pelaburan asas yang dibuat oleh Kerajaan dalam tiga tahun pertama ETP melalui kemudahan pemboleh industri milik agensi-agensi ini. Tiga tahun yang seterusnya akan menyaksikan penyatuan kesemuanya untuk memanfaatkan peluang pelaburan yang baharu dan khusus dalam platform menegak yang dikenalpasti untuk membawa transformasi industri E&E ke peringkat yang seterusnya.

Petunjuk Prestasi Utama 2013

NKEA Elektrikal & Elektronik	KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian				
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Penggunaan Makmal Analisis Kegagalan Tahap 2: Jumlah syarikat yang menanda-tangani perjanjian perkhidmatan/ penyelidikan bersama/MOU	20	28	140	●	100	●	1.0	●
	Menubuhkan Makmal Pengujian Wafer	1	1.0	100	●	100	●	1.0	●
	Menubuhkan Fasiliti Pemprosesan Pengolahan Sampah	50%	50%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #2	Jumlah projek berimpak tinggi yang diluluskan untuk "Advanced Packaging"	3	2.75	92	●	92	●	0.5	●
EPP #3	Bilangan projek berimpak tinggi yang diluluskan kepada firma Reka Bentuk Litar Bersepadu (IC)	2	2	100	●	100	●	1.0	●
	Reka Bentuk Litar Bersepadu (IC)/ Pengawal Gerakan Hijau: Perjanjian komersial untuk memasarkan prototaip (Pengawal Gerakan Hijau)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Projek berimpak tinggi yang diluluskan untuk pengilangan substrat	1	1	100	●	100	●	1.0	●
EPP #1-4	Menubuhkan Pusat Reka Bentuk Eko-Perindustrian	1	1	100	●	100	●	1.0	●
	Jumlah persatuan yang menanda-tangani MOU untuk mengguna Pusat Reka Bentuk Eko-Perindustrian	5	5	100	●	100	●	1.0	●
EPP #10	Jumlah projek berimpak tinggi yang diluluskan untuk Pencahayaan Keadaan Pepejal	2	2	100	●	100	●	1.0	●
	Syarikat yang diluluskan sebagai Juara Pencahayaan Keadaan Pepejal	2	2	100	●	100	●	1.0	●
EPP #11	Jumlah projek berimpak tinggi yang diluluskan untuk Pengujian dan Pengukuran	1	1	100	●	100	●	1.0	●
	Menubuhkan Fasiliti Perkhidmatan Berkongsi Mesin dan Peralatan	1	1	100	●	100	●	1.0	●
	Menubuhkan Akademi National Instruments & Nukleus Inovasi (NI-AIN)	1	1	100	●	100	●	1.0	●

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

NKEA Elektrikal & Elektronik		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	**KPI**	**Sasaran (FY)**	**Sebenar (YTD)**	**Pencapaian**					
				Kaedah 1		**Kaedah 2**		**Kaedah 3**	
				%		**%**			
EPP #13	Jumlah projek berimpak tinggi yang diluluskan untuk pembuatan Peralatan Automasi	2	1.9	95	●	95	●	0.5	●
EPP #16	Jumlah projek berimpak tinggi yang diluluskan untuk "Balance of Systems" bagi Industri Solar	1	1	100	●	100	●	1.0	●
EPP #17	Jumlah projek berimpak tinggi yang diluluskan untuk Syarikat Peranti Mudah Alih	2	2	100	●	100	●	1.0	●
	Jumlah projek berimpak tinggi yang diluluskan untuk Pengeluaran Peranti Storan Data	1	0.9	90	●	90	●	0.5	●
EPP #18	Jumlah syarikat yang diluluskan untuk mengeluarkan bateri bagi kenderaan elektrik	1	0.9	90	●	90	●	0.5	●
	Jumlah pelaburan bagi NKEA Elektrikal dan Elektronik (RM bil)	4.6	8.3	180	●	100	●	1.0	●
				105%		**98%**		**90%**	

Rajah 7.2

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1 Pelaksanaan Strategi Pengguna Bestari untuk Fabrikasi Teknologi Matang



Pelancaran Program Pembangunan Bakat SFAM oleh Datuk Ir. Hj. Hamim Samuri, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

EPP ini menumpukan kepada membina kapasiti fabrikasi wafer semikonduktor berskala besar dan mengukuhkan modal insan sektor ini untuk memacu keseluruhan rantaian nilai semikonduktor yang merangkumi reka bentuk, fabrikasi, pengeluaran, pemasangan, ujian, jualan dan pengedaran.

Setakat ini, tujuh kilang fabrikasi di Malaysia, iaitu MIMOS Bhd, X-Fab, Silterra, ON Semiconductor, Osram, Fuji Electric dan Infineon, telah bergabung membentuk Persatuan Fabrikasi Semikonduktor Malaysia (SFAM); dengan matlamat untuk mengukuhkan ekosistem E&E di Malaysia melalui tumpuan kepada pembangunan modal insan, pengoptimuman rantaian bekalan dan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan.

SFAM telah melancarkan Program Pembangunan Bakat pada 24 Oktober 2013 untuk mengatasi kekurangan jurutera semikonduktor tempatan yang berkemahiran. Inisiatif ini yang telah dilaksanakan secara bersama dengan MIMOS dan TalentCorp yang memperlihatkan kerjasama sektor awam dan swasta dalam menyediakan sumber latihan tergabung di dalam satu pusat bagi melaksanakan peningkatan kemahiran dan latihan jurutera-jurutera baharu.

Pencapaian syarikat-syarikat EPP1 termasuk pelaksanaan kerjasama Silterra dengan Spatial Photonics yang berpangkalan di Amerika Syarikat, di mana Silterra telah pun memulakan pengeluaran komersial produknya. Silterra juga telah mengumumkan bahawa ia akan memulakan keluaran teknologi flash tertanam 0.18-mikron.

Untuk memangkinkan lagi pertumbuhan industri ini, kemudahan perkhidmatan berkongsi telah disediakan di MIMOS. Ini termasuk menaik taraf kemudahan ujian analisis kegagalan dari aras 1 yang membenarkan pengesanan kecacatan fizikal ke aras 2 yang membolehkan analisis elektrikal yang lebih terperinci. 28 buah syarikat telah menandatangani perjanjian perkhidmatan untuk menjalankan penyelidikan bersama. MIMOS juga telah mewujudkan perkhidmatan berkongsi bagi ujian wafer untuk menyokong industri semikonduktor dalam ujian wafer dan pembangunan ujian. Untuk tujuan ini, MIMOS telah menandatangani memorandum persefahaman bagi perkhidmatan berkongsi bagi ujian wafer dengan Persatuan Reka Bentuk IC Malaysia (MICDA), Institusi Pembangunan Bakat di Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor (SHRDC) dan universiti. Ini akan mendorong pembangunan bakat tempatan dalam peralatan pengujian wafer maju.

Langkah Seterusnya

Makmal perkhidmatan berkongsi analisis kegagalan aras 3 akan dibina untuk membolehkan analisis tahap bahan dan melengkapkan suite bagi kemudahan analisis kegagalan. Ini akan menyediakan infrastruktur komprehensif bagi analisis kegagalan di Malaysia dan bertindak sebagai pemudah bagi menyokong industri semikonduktor (EPP1-EPP4), industri solar (EEP5-EPP7) dan industri LED (EPP8-EPP10). EPP ini juga akan memastikan industri E&E di Malaysia kekal berdaya saing di pentas global dengan merangsangkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan, reka bentuk dan pembangunan serta pembangunan teknologi.



Sistem Dual Beam, salah satu peralatan yang disediakan di fasiliti berkongsi analisis kegagalan MIMOS

EPP 2 Membangunkan Pemasangan dan Pengujian Menggunakan Teknologi Pembungkusan Moden

Walaupun terdapat sejumlah besar operasi pemasangan dan pengujian semikonduktor di Malaysia, namun hanya beberapa firma yang menawarkan perkhidmatan pembungkusan moden seperti lantunan atau pembungkusan wafer berperingkat. Malaysia secara semula jadi boleh meluaskan titik permulaan yang kukuh sebagai hab pasang dan uji kepada perkhidmatan pembungkusan semikonduktor yang lebih maju. Permintaan dalam negeri bagi perkhidmatan sepertinya telah pun wujud. Tambahan pula, kejayaan strategi fab akan juga memacu permintaan domestik bagi perkhidmatan pembungkusan moden, dengan itu menyokong keseluruhan rantaian nilai semikonduktor.

Matlamat EPP ini adalah untuk menarik syarikat asing untuk mewujudkan perkhidmatan pembungkusan semikonduktor moden, seperti lantunan dan pembungkusan wafer berperingkat di Malaysia. EPP ini akan menyediakan tambahan PNK sebanyak RM1.3 bilion dan mencipta 1,300 peluang pekerjaan.

Inari Technology Sdn Bhd telah berjaya membangunkan teknologi pemasangan cip flip anggul halus. Usahanya dalam membangunkan teknologi dan teknik pemasangan melalui projek ini telah membolehkan ia membangunkan produk IC telekomunikasi terkemuka untuk syarikat semikonduktor Avago Technologies yang berpangkalan di Amerika Syarikat. Ini akan meningkatkan produktiviti Inari Technology sehingga 33 peratus dari segi masa pemasangan setiap unit dan membolehkan mereka mengeluarkan tambahan 27 juta unit IC bernilai tinggi setiap bulan, setara dengan peningkatan 338 peratus dalam kapasiti pengeluaran.

Satu lagi syarikat, iaitu On Semiconductor Malaysia Sdn Bhd, telah mengambil alih syarikat Jepun, SANYO Semiconductor Co Ltd yang bakal menyaksikan pemindahan kemudahan fabrikasi wafer SANYO di Gifu dan Gunma di Jepun ke Malaysia. Pemindahan ini akan meningkatkan kapasiti pengeluaran On Semiconductor daripada 19,500 wafer kepada 25,500 wafer seminggu.

Pengambilalihan ini juga akan menyaksikan penubuhan pusat R&D untuk pembungkusan moden di Seremban, Negeri Sembilan; dan pemindahan pengetahuan dari Makmal Pencirian Penilaian Teknologi SANYO di Phoenix, Amerika Syarikat ke Malaysia. Pemindahan pengetahuan akan meliputi bidang seperti teknologi struktur acuan tekan lanjut, teknologi antara sambung moden dan reka bentuk substrat moden, pemodelan dan pengukuran.

Langkah Seterusnya

Untuk terus membangunkan sektor industri semikonduktor di Malaysia, MITI dan agensi-agensinya akan terus terlibat dengan syarikat-syarikat untuk meningkatkan dan membangunkan sektor pembungkusan moden. Beberapa buah syarikat telah menunjukkan minat untuk bertapak di Malaysia dan telah memulakan perbincangan awal dengan MIDA.

EPP 3 Membangunkan Firma Reka Bentuk Litar Bersepadu

EPP ini menumpukan kepada peningkatan bidang sokongan litar bersepadu (IC) seperti bakat, perlindungan dan perolehan IP, Automasi Reka Bentuk Elektronik (EDA) dan Kit Reka Bentuk Projek (perpustakaan reka bentuk) dengan tujuan untuk menambahkan bilangan firma reka bentuk IC kepada sekurang-kurangnya 50 firma tempatan dan multinasional menjelang tahun 2020.

Pada tahun 2013, penubuhan dua firma reka bentuk IC, iaitu Intel Microelectronics (M) Sdn Bhd dan Symmid Corporation Sdn Bhd telah diluluskan. Intel Microelectronics akan mereka bentuk dan mengeluarkan litar bersepadu maju seperti pengawal mikro, mikropemproses tertanam, chipset dan litar bersepadu komunikasi dan jaringan. Ia juga akan menubuhkan Pusat Perkhidmatan Global bertaraf dunia untuk R&D semikonduktor dan aktiviti sampingan yang lain.

Symmid bekerjasama dengan Silterra untuk mereka bentuk dan membangunkan produk pengurusan kuasa digital yang kemudiannya akan dipasarkan secara global. Kerjasama ini dijangka akan menjana lebih 75 pekerjaan kejuruteraan baharu.

Cip Pengawal Gerakan Hijau/Green Motion Controller (GMC) telah direka bentuk dan dibangunkan di MIMOS dengan kerjasama dua rakan kongsi dari sektor swasta. Cip ini mempunyai aplikasi pelbagai seperti dalam kenderaan elektrik hibrid, peralatan elektrik rumah, pemain media digital seperti pemain Blu-ray dan DVD, mesin jahit industri, pencetak, sistem pemanasan, pengalihudaraan dan penghawa dingin dan kamera digital SLR.

Automasi Reka Bentuk Elektronik (EDA) telah disediakan sebagai alat perkongsian sebagai sebahagian daripada pusat perkhidmatan perkongsian yang disediakan oleh SHRDC untuk PKS. PKS boleh menggunakan EDA berdasarkan "bayaran setiap penggunaan" di pusat perkhidmatan berkongsi SHRDC.

Langkah Seterusnya

Projek ini dalam fasa seterusnya akan menumpukan kepada pengkomersialan, iaitu sampel kejuruteraan kepada pengguna akhir, pemasaran teknikal, pengedaran papan penilaian/papan induk sampel (evaluation board/ reference board) dan jualan cip GMC. Penerima teknologi ini kemudiannya boleh menanam cip GMC ke dalam produk mereka.

EPP 4 Menyokong Pertumbuhan Pengilang Substrat dan Industri Berkaitan

Di bawah EPP ini, pembangunan pembuat substrat dan industri sokongan yang berkaitan akan dirangsangkan dengan menarik masuk sekurang-kurangnya dua lagi pembuat wafer substrat ke Malaysia dan meningkatkan bilangan pemain dalam industri.

Antara syarikat yang menerima faedah daripada EPP ini termasuk Rubicon Sapphire Technology (Malaysia) Sdn Bhd, yang telah diiktiraf sebagai satu-satunya pengeluar substrat nilam di Asia Tenggara. Substrat nilam digunakan sebagai penebat substrat dalam litar bersepadu kuasa voltan tinggi dan frekuensi tinggi.

Kemudahan syarikatnya di Malaysia juga merupakan satu-satunya kemudahan pemprosesan nilam pertumbuhan pasca kristal milik kumpulan Rubicon, di mana syarikat ini menggunakan teknologi pertumbuhan kristal proprietari untuk menghasilkan produk substrat nilamnya.

Langkah Seterusnya

Dengan pembuatan substrat menjadi tiang teras industri semikonduktor, MITI dan agensi-agensinya akan terus memainkan peranan untuk terus terlibat dengan syarikat-syarikat ini. Beberapa syarikat telah pun menunjukkan minat untuk melabur di Malaysia dan telah memulakan perbincangan awal dengan MIDA.

EPP 5 Meningkatkan Jumlah Pengeluar Silikon



Sel silikon polikristalin dan ketulan silikon

EPP ini menyasarkan untuk menubuhkan satu syarikat multinasional (MNC) dan membangunkan dua pemain silikon domestik setiap tahun sehingga tahun 2020 untuk meningkatkan pengeluaran silikon Malaysia daripada 6,000 tan kepada 170,000 tan menjelang tahun tersebut.

Antara syarikat yang telah dibangunkan melalui EPP ini termasuk Elpion Silicon Sdn Bhd, yang menghasilkan polisilikon yang merupakan komponen utama dalam pembinaan panel solar. Syarikat ini kini membekalkan produknya kepada industri solar dan semikonduktor di Malaysia.

Langkah Seterusnya

Tokuyama Corp yang berpangkalan di Jepun bakal melabur sebanyak RM2.98 bilion untuk membina kilang silikon polihabluran luar negaranya di Sarawak dan akan menambah pelaburan sebanyak RM3.72 bilion untuk membina kilang kedua di negeri ini. Kilang Tokuyama kedua yang terletak di Taman Perindustrian Samalaju di Bintulu akan mempunyai kapasiti pengeluaran tahunan berjumlah 13,800 tan metrik dan dijangka akan beroperasi menjelang bulan Januari 2015.

EPP 6 Membangunkan Pengeluar Wafer dan Sel

EPP ini berhasrat untuk meningkatkan pengeluaran daripada pengeluar wafer dan sel di Malaysia dengan memanfaatkan ekosistem E&E domestik dengan menarik syarikat solar multinasional ke negara ini.

Malaysia perlu merangsang kapasiti pengeluaran 10 kali ganda daripada 2.3 gigawatt sekarang kepada 23 gigawatt menjelang tahun 2020 untuk mencapai matlamat menjadi pengeluar kedua terbesar sel solar di peringkat antarabangsa. Sehubungan dengan ini, MIDA perlu membawa masuk satu atau lebih syarikat terpilih dengan kapasiti terkumpul 2 gigawatt untuk wafer dan/atau sel pada setiap tahun.

Langkah Seterusnya

TS Solartech yang memulakan operasinya pada tahun 2013 akan melabur sebanyak RM596 juta untuk lima tahun yang akan datang, dijangka akan mempunyai lapan lagi barisan pengeluaran untuk sel fotovolta solar.

EPP 7 Menambah Pengeluar Modul Solar

Dalam usaha untuk meningkatkan bilangan pengeluar modul solar dalam negara dan mencipta skala besar untuk pasaran Malaysia, EPP 7 bertujuan untuk menarik lebih banyak pengeluar modul multinasional dan memudahkan penubuhan lima usaha sama. EPP ini akan menyediakan tambahan PNK sebanyak RM3.2 bilion dan mencipta 14,000 peluang pekerjaan.

Langkah Seterusnya

Bagi terus melengkapi kekuatan pembuatan dengan aktiviti berasaskan pengetahuan bernilai tinggi, aktiviti berorientasikan perkhidmatan, fasa seterusnya bagi perkembangan industri solar di Malaysia akan menumpukan kepada penyelenggaraan hiliran, aktiviti pembaikan dan baik pulih (MRO) dan perniagaan *"balance of systems"* (BOS).



Kaca diperlukan untuk menghasilkan modul solar filem yang nipis

Panasonic Energy Malaysia – Kajian kes penyepaduan EPP

Proses pembuatan bersepadu Panasonic Energy Malaysia Sdn Bhd mengubah wafer kepada sel dan modul solar menggunakan heterosimpang yang berpaten dengan teknologi lapisan nipis intrinsik (HIT). Proses pembuatan solar bersepadu hujung ke hujung menjangkau melalui dua EPP:

1. EPP 6 : Membangunkan Pengeluar Wafer dan Sel
2. EPP 7: Menambah Pengeluar Modul Solar

Sebagai teknologi yang menyediakan kecekapan pengubahan tahap tertinggi, HIT menawarkan pelbagai faedah untuk pengubahan wafer kepada sel solar dan modul. Ini termasuk membolehkan prestasi tinggi pada suhu tinggi, dan mengeluarkan sel solar nipis dan sel solar dwimuka. Sel solar HIT juga menjana elektrik di kedua-dua sisi sel solar.

Pembuatan bersepadu sel solar kepada wafer dan modul boleh dibahagikan kepada dua komponen:

1. EPP 6: Proses pembuatan wafer dan sel solar membabitkan persediaan silikon sel fotopeka
2. EPP 7: Proses pengeluaran modul solar membabitkan pembungkusan sel solar menjadi modul siap

Sejak operasi bermula pada bulan Ogos 2013, kilang Malaysia di Kulim Hi-Tech Park membolehkan Panasonic mengukuhkan daya saing kos melalui pengurangan kos pengangkutan dan penggunaan bahan tempatan. Pada masa yang sama, sebagai pangkalan strategik untuk pengeluaran modul solar untuk pasaran global, kilang ini juga membolehkan syarikat menangani dengan cara fleksibel perubahan permintaan di seluruh dunia.

Pasaran solar global dijangka akan terus berkembang dengan kesedaran mengenai alam sekitar yang semakin meningkat dan pengenalan langkah stimulus seperti tarif galakan dan subsidi di beberapa buah negara, termasuk Jepun. Dengan kilang ini kini beroperasi sepenuhnya, Panasonic akan memecutkan usahanya untuk memenuhi permintaan global yang mantap terutamanya di Jepun, sambil terus meningkatkan daya saing kos.

Rujukan:

ETP ROADMAP & Panasonic - http://panasonic.co.jp/corp/news/official.data/data.dir/2013/08/en130830-2/en130830-2.html

HIT menawarkan pelbagai manfaat bagi penukaran wafer kepada sel solar dan modul

EPP 8 Membangunkan Operasi Bahagian Hadapan LED

Sebagai mengiktiraf potensi sektor LED Malaysia, MOSTI dan institusi kajian lain bermatlamat untuk memanfaatkan ketersediaan bahan maju keluaran tempatan dan kos efisien untuk membantu pasaran berkembang memasuki kelas baharu produk perantaraan, seperti OLED, bagi memantapkan Malaysia sebagai pemain serantau dan global dalam pasaran ini.

Osram Opto Semiconductors (Malaysia) Sdn Bhd, syarikat yang berpayung di bawah EPP ini telah memulakan pengeluaran besar-besaran yang pertama di dunia fabrikasi wafer enam inci untuk Ultra-Brightness LED. Projek ini membolehkan kuasa lebih tinggi dan kecekapan pengeluaran, meningkatkannya kepada 104 lumen per watt bagi wafer empat inci kepada 140 lumen per watt untuk wafer enam inci.

Wafer ini kemudian digunakan untuk menghasilkan LED keadaan pepejal, yang membentuk komponen teras pencahayaan dan digunakan untuk aplikasi mudah alih, papan tanda/paparan dan produk elektronik pengguna, antara lain.

Langkah Seterusnya

MIDA, yang berada di bawah bidang kuasa MITI, akan terus mengukuhkan segmen ini dengan melibatkan syarikat untuk meningkatkan dan membangunkan operasi bahagian hadapan. Untuk fasa seterusnya program ini, kami akan meluaskan penumpuan EPP LED, melampaui aplikasi lampu dan pencahayaan untuk menggilap potensi penjanaan pendapatan pemain LED dalam aplikasi penghantaran data berasaskan cahaya yang baru muncul.

EPP 9 Mengembangkan Pembungkusan dan Peralatan LED



Lampu LED

EPP ini bukan sahaja berhasrat untuk membangunkan pembuat tempatan tetapi juga menarik multinasional untuk melabur dan memulakan operasi di Malaysia dalam usaha merangsang pertumbuhan organik dalam segmen pembungkusan dan penggunaan reka bentuk.

Phillips Lumileds Lighting Company Sdn Bhd menjalankan aktiviti R&D di Malaysia untuk membangunkan portfolio pencahayaan dengan resipi fosfor baharu; rangkaian baharu portfolio flash; chipset berbilang-die; AC LED; dan pelaminaan fosfor. R&D juga merangkumi semua bidang pembangunan matriks dan kanta, pembungkusan skala cip dan untuk meningkatkan saiz die.

Langkah Seterusnya

Untuk terus membangunkan segmen ini, agensi-agensi MITI sedang berusaha ke arah membina ketersediaan komponen teras utama yang akan meningkatkan keupayaan tempatan dan menyediakan komponen yang harganya menjimatkan.

EPP 10 Mewujudkan Juara Pencahayaan Keadaan Pepejal

Melalui EPP ini, syarikat tempatan akan dipandu agar menjadi berdaya saing di peringkat antarabangsa, pada masa yang sama kelompok pencahayaan keadaan pepejal (SSL) Malaysia juga akan dibangunkan dengan lebih lanjut.

Pada tahun ini, Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp Malaysia) sebagai agensi utama bagi EPP ini, telah memudahcarakan pembangunan dua syarikat LED, iaitu P-Plus Lighting Sdn Bhd dan Han JDQ L (M) Sdn Bhd di bawah program LED Hijau. Program LED Hijau beraspirasi untuk memecutkan penciptaan syarikat Malaysia kelas dunia melalui pengukuhan pembinaan kapasiti kemahiran insani dan teknikal. Ini disasarkan untuk mempercepatkan aktiviti pengkomersialan dan pengantarabangsaan syarikat.

Han JDQL telah mewujudkan aktiviti reka bentuk dan pembuatan dalaman, membangunkan kemahiran dalam mereka bentuk metodologi pemasangan LED bagi pengurusan termal yang lebih baik dan memastikan suhu simpangan yang lebih rendah dan menghasilkan output cahaya yang lebih tinggi.

Seterusnya, fasiliti ujian QAV bagi LED telah dibina di Subang Jaya, Selangor. Fasiliti ini, yang membolehkan ujian LED, juga menyediakan pensijilan American National Standards Institute (ANSI) dan TUV. Ini seterusnya mengurangkan kos pengujian dan meningkatkan kebolehan syarikat tempatan ini dalam mematuhi standard global, dengan itu meningkatkan daya saing global mereka.

Tahun ini juga menyaksikan penubuhan Konsortium Diod Pemancar Cahaya (LED) Malaysia (MLC), dianggotai oleh 10 syarikat yang dibangunkan di bawah program LED Hijau Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia.

Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia seterusnya menyokong EPP ini dengan melibatkan ISIS Innovation Limited (ISIS), cabang pemasaran di bawah University of Oxford untuk merangsang penciptaan syarikat Malaysia LED/SSL bertaraf dunia di bawah program tiga fasa.

Tiga fasa tersebut adalah:

1. meningkatkan pembinaan kapasiti syarikat dalam kemahiran insani dan teknikal

2. membina asas yang diperlukan bagi syarikat ini untuk mempercepatkan komersialisasi

3. aktiviti pengantarabangsaan untuk menganjak syarikat ke arah menjadi syarikat bertaraf antarabangsa

Fasa pertama program ini yang bermula pada tahun 2013 akan melibatkan 10 syarikat dan akan menumpukan kepada membangunkan strategi perniagaan syarikat dalam mengukuhkan keupayaan dan meluaskan capaian pasaran mereka.

Langkah Seterusnya

Fasa dua kepada program ISIS ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2014. Fasa kedua juga akan menyaksikan perekrutan lebih banyak syarikat untuk menyertai program ini.

EPP 11 Membina Hab Ujian dan Pengukuran



National Instruments Academy & Innovation Nucleus yang terletak di Technology Park Malaysia, Kuala Lumpur

EPP ini memanfaatkan landskap ujian dan pengukuran Malaysia yang dipupuk oleh Agilent and National Instruments, syarikat yang berpangkalan di Amerika Syarikat untuk memantapkan kedudukan negara sebagai hab ujian dan pengukuran yang menawarkan fasiliti reka bentuk dan pembangunan serta pensijilan.

Nukleus Inovasi dan Akademi National Instruments (NI-AIN) telah dilancarkan pada bulan Julai 2013 di Taman Teknologi Malaysia. Fasiliti ini yang ditumpukan terutamanya kepada PKS, menyediakan infrastruktur berkongsi dalam bidang pembangunan modal insan (latihan, pensijilan dan pembangunan bakat), inkubasi PKS (reka bentuk, penyepaduan sistem, penyesuaian sistem dan perkhidmatan kejuruteraan), dan penciptaan dan pengkomersialan hak harta intelektual PKS. Antara PKS yang buat masa ini menggunakan fasiliti ini ialah Virtual Instrument & System Innovation Sdn Bhd, P&P Tech Sdn Bhd dan iRadar Sdn Bhd.

PKS juga boleh memanfaatkan hab ini untuk melaksanakan aktiviti R&D yang sebelum ini tidak mampu dilakukan sendiri.

Sebuah fasiliti perkhidmatan berkongsi mesin dan peralatan telah ditubuhkan di Agilent Technologies Products (M) Sdn Bhd untuk mencipta ekosistem ujian dan pengukuran yang bertenaga di Malaysia. Tiga buah syarikat tempatan, CEEDTec Sdn Bhd, Human Architecture Technologies Sdn Bhd (HAT) dan Dream Catcher Consulting Sdn Bhd, telah berjaya untuk menyempurnakan program pembangunan vendor di Agilent.

CEEDTec mewakili rakan kongsi ekosistem EPP ini untuk pengurusan tenaga dan telah diminta membangunkan kumpulan pertama 26 produk peralatan sumber kuasa untuk Agilent. Ia juga akan membangunkan sistem sumber kuasa LXI boleh, yang mana ia akan memiliki hak IP berikutan perkongsian IP dengan Agilent. Agilent kemudiannya akan membantu CEEDTec untuk memperoleh pemilikan penuh IP sebaik sahaja ia berjaya membangunkan sistem sumber kuasa.

Sementara itu, HAT telah dikenal pasti sebagai rakan kongsi ekosistem untuk sains hayat dan akan membangunkan protokol untuk ujian produk halal. Syarikat ini telah melantik pasukan saintifik lengkap dan melaksanakan aktiviti R&D dalam semua bidang termasuk ujian bahan mentah (kit sampel dan porsin), ujian pengesahan dan ulasan akhir. Ia juga telah menetapkan kepekaan kit ujian dalam adunan makmal.

Dream Catcher Consulting merupakan rakan kongsi ekosistem bagi pendidikan dan akan menyediakan latihan kepada pengguna peralatan pengukuran Agilent. Sehubungan itu, syarikat akan melaksanakan kerjasama R&D dan teknikal dengan Agilent untuk menghasilkan bahan latihan untuk peralatan analisis biologi dan kimia dan peralatan elektronik dan pengukuran. Tanggungjawabnya termasuk membangunkan 20 subjek kursus universiti mengenai tenaga boleh baharu dan sistem penyampaian e-pembelajaran dan 100 modul e-pembelajaran dalam kejuruteraan elektronik dan komunikasi. Ia juga akan membangunkan 100 kursus baharu dalam SSL, bioteknologi, minyak dan gas, tenaga boleh baharu dan teknologi baharu yang lain.

Lima lagi Rakan Kongsi Ekosistem Tahap 2, iaitu Stride, Bi Technologies, Prodelcon, Tekun Asas dan Inari Amertron juga sedang dibangunkan di kemudahan tersebut.

Pemangkin PKS

Unsur utama NKEA E&E adalah untuk meningkatkan daya saing global PKS Malaysia dengan menyediakan inisiatif kapasiti dan pembinaan kapasiti. Inisiatif-inisiatif ini termasuk yang telah dilaksanakan melalui Konsortium LED Malaysia, yang kini terdiri daripada 10 syarikat LED/SSL (pencahayaan keadaan pepejal) berpotensi tinggi.

Di bawah konsortium ini, syarikat yang mengambil bahagian ditawarkan geran sepadan bagi pemerolehan mesin dan pensijilan antarabangsa. Ini akan membantu merangsang kapasiti dan produktiviti syarikat dan untuk memenuhi permintaan dalam negeri dan antarabangsa, sambil pada masa yang sama memecutkan akses pasaran antarabangsa dengan memastikan produk memenuhi standard global bagi kualiti.

Konsortium ini juga memudahcarakan pembiayaan bank bagi syarikat dan menguruskan misi perdagangan ke sasaran pasaran antarabangsa. Ia juga melaksanakan program Laluan Pantas untuk menyokong ahli konsortium dalam mengantarabangsakan dan mengkomersialkan produk mereka. Dalam menyokong usaha-usaha ini, konsultan dilantik untuk meningkatkan proses pembangunan produk.

Secara kolektif, usaha-usaha ini telah mengukuhkan kejayaan komersial ahli-ahli konsortium. Pada bulan September 2013, konsortium ini menandatangani memorandum persefahaman dengan Syarikat Kewangan Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDF), Malaysia Resources Corporation Bhd (MRCB), Mydin Mohamed Holdings Bhd dan Perbadanan Johor (Johor Corporation) untuk bersama membangunkan dan melaksanakan program untuk menggalakkan penggunaan lampu LED di Malaysia.

Penubuhan Akademi National Instruments & Nukleus Inovasi (NI-AIN) memainkan peranan lanjut dalam memperkasakan keupayaan PKS E&E. Sehingga hari ini, tiga PKS telah menggunakan kemudahan NI-AIN, iaitu Virtual Instrument & System Innovation Sdn Bhd, P&P Tech Sdn Bhd dan iRadar Sdn Bhd.

Syarikat-syarikat ini telah menggunakan fasiliti ini untuk membangunkan sistem/prototaip untuk produk mereka, yang termasuk pengelogan data dalam kenderaan dan sistem pemantauan kapal, sistem pemeriksaan kerangka plumbum semikonduktor dan pemantauan tanah runtuh masa nyata dan sistem amaran awal. Produk-produk ini disasarkan untuk digunakan oleh pelanggan syarikat yang terbabit dalam industri termasuk sektor automotif/pengangkutan dan semikonduktor.

Antara faedah yang diperoleh PKS setelah menggunakan kemudahan NI-AIN adalah termasuk penjimatan kos untuk pelaburan awal dan akses kepada alat teknologi. Fasiliti ini juga bertindak sebagai hab rangkaian dan perniagaan platform membolehkan PKS bertemu dengan pelanggan berpotensi, rakan kongsi kerjasama dan agensi-agensi Kerajaan.

Makmal perkhidmatan berkongsi yang ditubuhkan di MIMOS Bhd merupakan satu lagi inisiatif yang disasarkan untuk meningkatkan nilai PKS E&E Malaysia.

Langkah Seterusnya

NI-AIN akan diperluaskan ke Iskandar Malaysia dan Sarawak dalam tempoh terdekat ini. Dalam jangka masa pendek hingga sederhana, NI-AIN akan menumpukan kepada meningkatkan kesedaran mengenai fasiliti ini, bekerja bersama-sama dengan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp Malaysia) dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) untuk memastikan PKS menggunakan kemudahan yang disediakan. Kejayaan NI-AIN akan diukur berdasarkan bilangan bukti konsep, reka bentuk prototaip yang dibangunkan di kemudahan, bilangan SME yang mengambil bahagian dalam seminar dan kursus latihan, juga bilangan jurutera yang dilatih dan pertingkatkan kemahiran.

Di negeri-negeri lain pula, dua rakan kongsi reka bentuk Ujian dan Pengukuran tempatan baharu dijangka menyertai program pembangunan Pembuat Reka Bentuk Tulen (ODM) yang diterajui oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). NCIA juga akan menyelia Program Sains Hayat, yang akan menyokong pembangunan satu rakan kongsi reka bentuk tempatan.

Makmal ini menyediakan perkhidmatan dan kemudahan nilai tambah yang tinggi kepada ekosistem E&E dengan menawarkan rangkaian peralatan analisis canggih dalam satu lokasi pusat. Makmal-makmal ini yang terdiri daripada makmal analisis kegagalan dan ujian wafer, juga mewakili pemboleh berjalin bagi menyokong industri semikonduktor, solar dan LED, yang membentuk sebahagian daripada ekosistem E&E.

Dengan itu, kemudahan ini bukan sahaja membantu pertumbuhan PKS E&E Malaysia, tetapi juga membolehkan jurutera E&E menjalani latihan menggunakan alat analisis moden. Ini seterusnya akan meningkatkan keupayaan mereka dalam R&D, reka bentuk dan pembangunan teknologi dan seterusnya mengukuhkan daya saing global mereka.

Fasiliti MIMOS ini memberikan PKS kelebihan utama dengan memudahkan mereka memasuki pasaran dengan kos rendah dan dengan masa yang lebih pendek kerana fasiliti ini membolehkan syarikat tempatan mengurangkan kebergantungan kepada makmal dan kemudahan asing. Makmal MIMOS ini juga melindungi harta intelektual jurutera dan penyelidik Malaysia. Sehingga ini, 28 buah syarikat telah memanfaatkan perkhidmatan yang tersedia di makmal-makmal ini.

EPP 12 Mengembangkan Komunikasi Wayarles dan Pengecaman Frekuensi Radio (RFID)

Program Rangkaian Sensor Wayarles (WSN) bermula sebagai inisiatif untuk memperbaiki sektor pertanian dengan memperkenalkan Program Pertanian Rumah Hijau dengan menggunakan Teknologi Sensor MIMOS dan Sistem Komunikasi Wayarles dari KONTRON, syarikat multinasional berpangkalan di Jerman yang mereka bentuk dan membuat modul, papan dan sistem komputer tertanam. Program perdana dijuarai oleh NEST dari Universiti Putra Malaysia, di mana tiga tapak konsep WSN di Tuaran, Sabah; Bumbong Lima, Kepala Batas, Pulau Pinang; dan Setiu, Terengganu telah pun diwujudkan.

Kerjasama WSN untuk projek pertanian Rumah Hijau telah disempurnakan pada hujung tahun 2011. KONTRON dikenal pasti untuk menerajui usaha pengkomersialan di bawah E&E 2.0. Inisiatif global baharu di bawah PEMANDU telah diwujudkan dengan tujuan untuk memanfaatkan perjanjian dua hala G2G untuk membolehkan penyelesaian ini diterima pakai di Tanzania dan Kemboja. Buat masa sekarang setiap negara dikehendaki mengenal pasti rakan kongsi tempatan masing-masing untuk menerima penyelesaian teknologi ini.

Pada tahun 2012, tiga syarikat tempatan terlibat dalam program Pemindahan Teknologi MIMOS (MTR) untuk menerima Penyelesaian MIMOS menyeluruh yang digunakan di FELDA Tekam, Pahang bagi Pendebungaan Pintar. Mereka telah menyempurnakan dua pelaksanaan komersial dan lebih banyak tapak akan diwujudkan pada fasa akan datang. Dua tapak komersial tambahan di Malaysia telah dicadangkan oleh program MTR dan ia sedang menanti pemberian kontrak daripada operator yang terletak di Kundasang, Sabah dan Ara Kuda, Kepala Batas, Penang.

Pada tahun 2012 juga, usaha untuk memodenkan sektor pertanian dipergiatkan lagi dengan pengenalan WSN Teknologi Tinggi yang dibangunkan untuk menyokong infrastruktur kritikal dan pemantauan serta kawalan kejituan tinggi untuk Industri Akuakultur. MIMOS juga membangunkan penyelesaian hujung ke hujung dengan menggunakan teknologi Wireless Enterprise Sensor untuk menyokong pemantauan persekitaran. Penyelesaian ini menjurus ke arah Internet of Things (IoT) yang terdiri daripada Mi-WARIS (MIMOS – Wireless Atmosphere for Integrated Solution) menggunakan Mesh Technology dan Mi-SUTRA (MIMOS – Sensor Unified Technology for Agriculture and Aquaculture) menggunakan sensor berasaskan Fotonik Lanjut. Penyelesaian ini menggunakan Paten dan Hak Cipta MIMOS sepenuhnya, yang akan membolehkan industri tempatan kita bersaing di pasaran global.

Setakat ini, penyelesaian Mi-SUTRA telah dilaksanakan di beberapa lokasi melalui perkongsian tertutup dengan pemain industri berasaskan Akua antaranya Blue Archipelago Bhd di fasiliti iSHARP di Setiu, Terengganu; Aquagrow Corporation untuk kemudahan berkontraknya di Jabatan Perikanan di Glami Lemi, Ulu Jelebu, Negeri Sembilan dan Algaetech International untuk kemudahannya yang baru dilancarkan di Taman Teknologi Malaysia (TPM), Kuala Lumpur.

Penyelesaian Mi-SUTRA ini telah diendors oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas (MoA) pada bulan September 2013. Endorsmen ini telah menjalani ujian bersebelahan ketat yang dijalankan secara langsung oleh Jabatan Pertanian ke atas sistem MIMOS berbanding dengan penyelesaian asing semasa di pusat R&D Akuakultur mereka yang terletak di Glami Lemi, Ulu Jelebu, Negeri Sembilan.

Langkah Seterusnya

Pada bulan November 2013, Kerajaan Negeri Pahang mengendors dan mengumumkan bahawa kerajaan negeri akan mengguna pakai penyelesaian Mi-WARIS dan Mi-ALAM yang akan diintegrasikan ke dalam Pahang Technology One Network dan digunakan sebagai sebahagian daripada sistem pemantauan lembangan sungai bagi tujuan tebatan banjir. Sementara itu, pasukan MIMOS sedang mengadakan perundingan dengan beberapa rakan kongsi industri untuk ujian Bukti Konsep di Lembah Klang yang diselaraskan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran. Seiring dengan aspirasi Digital Malaysia, tahun 2014 dijangka menyaksikan inisiatif E&E disepadukan ke dalam strategi NKEA Pertanian bagi membolehkan usahawan agro tempatan meneroka kaedah merealisasikan pendapatan daripada tambahan penggunaan teknologi.

EPP 13 Membangunkan Pembuatan Peralatan Automasi

EPP ini akan memanfaatkan kehadiran ABB, pembuat peralatan automasi di Malaysia untuk membina keupayaan tempatan dalam sektor ini sambil pada masa yang sama berusaha untuk menarik dua lagi pembuat peralatan automasi multinasional memasuki Malaysia menjelang tahun 2015.

Aemulus Corporation, sebuah syarikat berpangkalan di Pulau Pinang yang merupakan pembuat peralatan ujian automasi dan mesin peralatan ujian untuk industri semikonduktor telah membangunkan penguji semikonduktor frekuensi radio baharu yang disifatkan sebagai yang terpantas di dunia susulan daripada aktiviti R&D teras oleh syarikat.

Projek ini akan meletakkan syarikat tempatan setanding dengan syarikat besar asing seperti Advantest, LTX dan Teradyne. Aemulus juga satu-satunya syarikat di Asia Tenggara yang mampu menghasilkan penguji semikonduktor sendiri. Aemulus telah dinamakan oleh Deloitte Technology Fast 500 Asia Pacific sebagai salah satu daripada 500 syarikat teknologi yang paling pantas berkembang di rantau ini.

Langkah Seterusnya

Bagi tahun 2014, inisiatif utama EPP ini adalah untuk meneruskan pelibatan dengan syarikat yang telah dikenal pasti dan untuk terus membangunkan EPP ini dengan satu syarikat yang sedang mengadakan perundingan awal dengan MIDA. Untuk memperoleh manfaat seterusnya daripada skala besar kepakaran mesin, peralatan dan automasi yang telah dibangunkan melalui industri E&E, inisiatif baharu seharusnya dilancarkan pada tahun 2014 untuk mencipta projek kerjasama dengan program perkhidmatan kejuruteraan dipacu oleh NKEA lain seperti Minyak, Gas dan Tenaga, Perkhidmatan Perniagaan dan Penjagaan Kesihatan.

EPP 14 Membangunkan Syarikat Transmisi dan Pengedaran

EPP 14 ini bertujuan untuk menguasai pasaran untuk transmisi voltan tinggi yang kompleks dan peralatan pengedaran dengan menarik MNC untuk menubuhkan operasi pembuatan transmisi dan pengedaran di Malaysia.

Usaha di bawah EPP ini telah berjaya menarik Toshiba Transmission and Distribution Systems Asia Sdn Bhd untuk menubuhkan hab serantaunya di Malaysia. Aktiviti syarikat disokong oleh subsidiari-subsidiarinya, Ampston Electric Corporation Sdn Bhd dan Ampston Control dan Automation Sdn Bhd, yang mereka bentuk, membuat prototaip, membikin, memasang, menguji dan membungkus peralatan suis, transmisi dan peralatan pengedaran; dan mereka bentuk serta membuat sistem dan produk kawalan/automasi industri dan kuasa Supervisory Control and Data Acquisition System (SCADA), masing-masing.

Langkah Seterusnya

Seiring dengan hab transmisi dan pengedaran serantau yang akan ditubuhkan, makmal ujian berkuasa tinggi juga akan diwujudkan di Malaysia untuk menyokong syarikat-syarikat serantau. Taman Teknologi Malaysia (TPM) sedang mengadakan perundingan dengan sebuah syarikat multinasional besar untuk membina "T&D City" bersepadu Kuala Lumpur. Ini akan memantapkan kedudukan Malaysia sebagai pusat serantau utama bagi industri transmisi dan pengendaran.

EPP 15 Membangunkan Pusat Pengeluaran Peralatan Elektrik Rumah dan Rangkaian Pengedaran Antarabangsa

EPP ini memanfaatkan kapasiti antarabangsa pengilang tempatan dan menggalakkan penyatuan firma peralatan elektrik rumah untuk meneraju penubuhan hab pembuatan rantai bekalan peralatan elektrik rumah dan untuk menggalakkan peserta tempatan untuk berkembang ke luar negara.

Untuk memudahkan pertumbuhan dan pelaburan dalam sektor E&E yang berubah dengan pesat, Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) MIDA dan Kementerian Kewangan membuat keputusan yang belum pernah dibuat sebelum ini dalam meluluskan insentif untuk kaedah pembiayaan bukan tradisional. Susulan daripada ini, peneraju EPP ini, iaitu Pensonic Holdings Bhd, menjadi syarikat pertama memperoleh faedah daripada perkiraan ini dan berpeluang menjana dana melalui penerbitan Stok Pinjaman Boleh Tebus Boleh Tukar untuk membiayai aktiviti penggabungan dan pengambilalihan (M&A). Ini adalah sejajar dengan rancangan menubuhkan hab pembuatan peralatan elektrik rumah dan rangkaian pengedaran antarabangsa.

Tambahan pula, pembinaan bangunan R&D baharu Pensonic di Pulau Pinang telah mencapai penyiapan 45 peratus. Fasiliti ini akan bertindak sebagai ibu pejabat operasi baharu yang menempatkan jabatan R&D dan jabatan operasi lain seperti perkhidmatan, gudang, pentadbiran, jualan, pembelian dan kewangan.

Langkah Seterusnya

Bangunan R&D ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mac 2014 dan bersedia untuk memulakan operasi pada bulan Jun 2014.



Bangunan R&D Pensonic yang baharu di Pulau Pinang kini dibina dan dijangka akan mula beroperasi pada bulan Jun 2014

EPP 16 Pembangunan "Balance of Systems" untuk Solar Fotovolta (PV)

EPP ini bertujuan untuk meneroka peluang dalam "Balance of Systems" (BOS) bagi fotovolta solar (PV) untuk mengambil kesempatan daripada perkembangan dalam pasaran di peringkat global. BOS membabitkan semua komponen sistem PV selain panel PV. Ini termasuk pendawaian, suis, sokong rak, penyongsang, dan bateri dalam kes sistem luar grid. Dalam kes sistem berdiri bebas, tanah tapak lokasi kadang-kadang dimasukkan sebagai sebahagian daripada BOS.

Sebagaimana yang dibuktikan oleh pengalaman semikonduktor/IC Malaysia, tumpuan pembuatan tahap komponen semasa bermula mesti dilengkapi, sebelum ia terlambat, dengan tumpuan yang sama penting untuk mendapat nilai tambahan daripada komponen buatan tempatan melalui aktiviti penyepaduan dan hiliran. Fasa seterusnya pembangunan solar fotovolta Malaysia akan ditumpukan kepada aplikasi, produk dan perkhidmatan runcit/pelanggan. Aktiviti hiliran ini akan menyediakan rangsangan untuk pertumbuhan bagi peluang lain, contohnya perniagaan MRO dan Balance of Systems (BOS).

Di bawah EPP ini, Technocom Systems Sdn Bhd telah membangunkan sistem tenaga rendah baharu untuk penggunaan 2 kilowatt hingga 4.4 kilowatt. Penyongsang rentetan solar terasing mereka sesuai untuk semua teknologi sel PV dan boleh menyediakan kuasa boleh dipercayai dan tetap untuk tempoh yang lebih lama.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2014, EPP ini akan meneruskan pelibatan dengan syarikat yang dikenal pasti dan terus membangunkan segmen pertengahan dan hiliran industri solar, di mana satu syarikat sedang mengadakan perundingan awal dengan MIDA. Agensi berkenaan seperti Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia), Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC), MIDA dan SME Corp akan juga bekerjasama untuk mengenal pasti peluang tambahan untuk memanfaatkan kecekapan tenaga dan program akses tenaga untuk ekosistem hiliran dengan tumpuan kepada penyelesaian luar grid antara lain sebagai sebahagian daripada infrastruktur asas luar bandar.

EPP 17 Membangunkan Industri Sistem Tertanam

Alat-alat moden perlu semakin "pintar" dalam memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat. Kepintaran alat-alat ini terletak pada apa yang dipanggil sistem tertanam, yang terdiri daripada penyelesaian pintar dengan perkakasan dan perisian bersepadu erat yang direka bentuk untuk melaksanakan fungsi berdedikasi. Sistem tertanam sekarang digunakan dalam pelbagai aplikasi. EPP ini bertujuan untuk membangunkan industri sistem tertanam sebagai sumber pertumbuhan baharu bersama-sama dengan pasaran sistem tertanam global yang sedang berkembang. Ini akan dicapai dengan memanfaatkan ekosistem elektronik Malaysia yang mantap dan perusahaan sistem tertanam tempatan yang berkemahiran.

Inisiatif-inisiatif yang dikenal pasti di bawah EPP ini termasuk:

1. Untuk membangunkan projek sistem tertanam yang menghasilkan produk sistem tertanam tempatan untuk bersaing dalam pasaran dunia atau memenuhi pasaran khusus
2. Untuk mengembangkan ekosistem industri dan membangunkan keupayaan industri tempatan melalui kerjasama industri dengan peneraju teknologi sistem tertanam dan pihak ekosistem berkaitan sistem tertanam yang lain

Sejumlah 11 projek sistem tertanam telah diluluskan setakat ini, termasuk tiga projek dari tahun 2012.

Bil.	Segmen Tumpuan Tertanam	Projek
1	Automotif Tertanam	Penyelesaian infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik
2		Sistem kawalan bas elektrik pintar
3	Pemeriksaan Penglihatan	Sistem pemeriksaan X-ray moden untuk industri automotif, telekomunikasi & perubatan
4	Rangkaian Sensor Wayarles	Sensor wayarles tertanam bagi pemantauan sentiasa untuk peruncitan
5	Penjagaan Kesihatan Tertanam	Sistem kawalan tertanam untuk sistem dialisis
6	Sistem Infrastruktur Tertanam	Sistem Tertanam untuk Pemantauan Jauh Struktur Buatan Manusia dan Persekitaran Dunia
7	Digital Set Top Box	Set Top Box TV interaktif untuk hospitaliti & rumah
8	Papan Tanda Digital	Kios papan tanda digital untuk kedai runcit, hiburan, riadah, acara dalaman & luaran, pengangkutan & lain-lain
9	Pengurusan Fleet	Sistem pengesan kejadian trafik visual analitik pintar untuk sistem pengangkutan pintar
10	Pengawasan Keselamatan Digital	Sistem kediaman pintar digital dan sistem keselamatan untuk kediaman & masyarakat
11	Sistem Pembayaran	Penghala pembayaran untuk peruncit

Rajah 7.3 Senarai projek sistem tertanam yang diluluskan pada 2013

EPP ini dipacu secara persendirian beserta sektor awam, dan diterajui oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dengan sokongan daripada rakan kongsi teknologi, iaitu Intel, National Instruments dan Altera, bersama-sama dengan pihak ekosistem utama termasuk MIDA, MATRADE, NCIA, MIMOS, Penang Skills Development Centre, SIRIM, SME Corp, CREST dan TalentCorp.

Peluang bagi perusahaan sistem tertanam untuk dimanfaatkan daripada EPP ini termasuk akses teknologi dan sokongan, latihan, pendanaan untuk pembangunan produk sistem tertanam, bantuan pergi ke pasaran dan peluang untuk bekerja dengan peneraju teknologi. Ini adalah unsur-unsur utama bagi membangunkan keupayaan tempatan daripada perusahaan sistem tertanam tempatan.

Terdapat keperluan untuk mencipta projek berimpak nasional dengan mengguna pakai teknologi sistem tertanam dalam industri dengan potensi pasaran global besar seperti penjagaan kesihatan, pertanian dan tenaga hijau. Oleh itu, sokongan dan dasar Kerajaan diperlukan untuk mengguna pakai sistem tertanam dalam sektor menegak. Ini akan digunakan sebagai projek perintis dan bertindak sebagai rujukan dalam menyasarkan pasaran eksport.

Pada tahun 2013, aktiviti dalam EPP ini termasuk usaha R&D oleh DMD Mobile Sdn Bhd, yang menumpukan kepada modul teras membangunkan komponen dan perisian utama untuk peranti mudah alih, dan juga pembangunan model sentuh dan taip untuk skrin multisentuh dan pad kekunci penuh. Syarikat juga melaksanakan R&D untuk penyambung tablet, yang meluaskan kebolehan tablet agar berfungsi sebagai PC tablet; dan dalam bidang peranti aplikasi Komunikasi Medan Dekat untuk rantaian pengeluaran alat pengesanan. Sebuah lagi syarikat EPP 17, Top ATC Industries Sdn Bhd menumpukan usahanya kepada membangunkan komputer mikro dengan keupayaan telefoni bersepadu menggunakan konsep *True Convergent Device* (TCD). TCD mewakili segmen pasaran baharu yang membolehkan pengeluaran telefon pintar yang lebih kecil.

Melalui usaha ini, Top ATC Industries telah membangunkan tiga model, termasuk MAGIC W3, yang dibangunkan dengan teknologi paten belum lulus menggunakan sistem operasi penuh dalam peranti kecil berbekalkan ciri-ciri tanpa kompromi; MAGIC ZT1 menggunakan sistem operasi Windows 8 penuh dengan keserasian ke belakang dengan perisian Windows 7. Ini menyediakan pengguna dengan keserasian yang lebih meluas berbanding dengan peranti yang menggunakan sistem operasi lain. Syarikat juga membangunkan MAGIC W Quad yang menggunakan sistem operasi penuh Windows 8 RT yang mempunyai keupayaan untuk melaksanakan penugasan berbilang serentak dan mod *desktop*.

Di samping itu, syarikat telah melaksanakan aktiviti R&D dalaman untuk mereka bentuk produk komputer saiz poket 4.8 inci dengan ciri telefoni suara yang menggunakan sistem operasi Windows 7 sepenuhnya; dan komputer meja 10 inci yang menggunakan sistem operasi Windows 8 sepenuhnya, menawarkan alat telinga Bluetooth pautan khas dan bersepadu untuk pengawalan suara.

Aktiviti-aktiviti syarikat ini termasuk mereka bentuk telefon pintar nipis 4.7 inci slim yang menyokong perisian Windows 8 dan aplikasi perisian dan komputer meja; serta membangunkan penggunaan aplikasi perisian yang menjadi antara muka dengan perkakasan produk dan menyediakan akses kepada ciri telefoni dan suara peranti MAGIC.

Langkah Seterusnya

EPP ini berhasrat menguasai bahagian yang lebih besar daripada pasaran tertanam global dengan membangunkan keupayaan tempatan dan mendapatkan projek di dalam dan luar negara untuk merangsang pertumbuhan industri sistem tertanam. Untuk tujuan ini, usaha akan diteruskan untuk memangkin pembangunan sistem tertanam bagi mencipta pasaran baharu, memperkenalkan kategori produk/penyelesaian tertanam dan menginovasi model perniagaan digital yang menyumbang kepada penciptaan kekayaan, perolehan produktiviti dan taraf hidup yang diperbaiki bagi rakyat Malaysia.

Pada masa yang sama, tumpuan akan diberikan kepada kerjasama industri yang berterusan dengan rakan kongsi ekosistem yang baharu dan sedia ada dalam membangunkan keupayaan perusahaan sistem tertanam tempatan dengan menyediakan akses dan sokongan teknologi, latihan, pendanaan dan bantuan akses pasaran. Kajian juga sedang dijalankan untuk mengenal pasti jurang dalam daya saing dan untuk mengembangkan industri sistem tertanam Malaysia ke arah menjadi peneraju dalam pasaran global.

EPP 18 Memangkin Pembuatan Komponen Kenderaan Elektrik

Tumpuan EPP ini adalah untuk memecut pelaksanaan dasar dan undang-undang Kenderaan Elektrik (EV) bagi pengangkutan awam dan persendirian dengan menyasar untuk mewujudkan 2,000 bas elektrik dan 100,000 kereta elektrik di atas jalan menjelang tahun 2020. Inisiatif ini diterajui oleh agensi pelaksana MGTC dan Institut Automotif Malaysia (MAI).

MGTC telah membangunkan Pelan Induk Infrastruktur EV dengan membolehcarakan ujian perintis EV dan pengecasan pembangunan infrastruktur. Hari ini, lebih 50 EV sedang menjalani ujian perintis merangkumi jarak terkumpul lebih 200,000 km, di samping 20 stesen mengecas EV telah dipasang dan beroperasi di Lembah Klang.

Melaka juga telah mula menerima EV dengan memperkenalkan stesen mengecasnya yang pertama di Hatten Square. Tambahan pula, MGTC telah berjaya melancarkan bas EV pertama Malaysia dengan menyelaraskan ujian lapangan enam bulan.

Sebilangan pembuat kereta sudah pun merancang untuk melancarkan model EV mereka pada tahun 2014. Pada masa ini, Mitsubishi i-Miev, Nissan Leaf dan Renault Fluence telah berada di pasaran tempatan. MGTC juga sedang berkerja dengan First Energy Networks (FEN), Panasonic Malaysia dan DFRAN Research Technologies dalam menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan rangkaian stesen mengecas EV di seluruh negara.



Bas elektrik yang pertama dilancarkan di Malaysia untuk ujian prestasi penggunaannya

MAI juga telah membentuk kerjasama dengan CRC Auto dan dua universiti dari Australia untuk melaksanakan R&D mengenai teknologi bateri li-ion. MAI juga memudahcarakan pelabur dan rakan kongsi berpotensi untuk mengilangkan bateri li-ion untuk EV di Malaysia.

Langkah Seterusnya

Kedua-dua MGTC dan MAI bersama MIDA akan memudahcarakan dan membantu untuk menarik peserta EV global agar melabur di Malaysia, termasuk dalam bidang pembuatan komponen EV. Pada tahun 2014, satu kilang bateri li-ion EV dijangka akan dibina dan satu pembuat bas EV akan menerima kelulusan untuk lesen pembuatan. Ini akan memastikan Malaysia bukan sahaja menumpukan kepada pembuatan kereta EV tetapi juga merentasi rantaian pembekalan untuk menjadi hab pembuatan komponen EV utama di Asia Tenggara.

EPP 19 Menyokong Perkhidmatan MRO Rel Serantau Melalui Pembuatan Komponen Elektrikal dan Elektronik

Berbekalkan pertumbuhan kukuh dalam pasaran rel ASEAN terutamanya daripada pusingan stok dalam alat dan sistem E&E serta seiring dengan permintaan tempatan untuk kereta api elektrik, bagi langkah yang seterusnya (pengembangan LRT, pembangunan MRT dan pencergasan semula kereta api elektrik komuter), Malaysia perlu meletakkan dirinya sebagai penyedia perkhidmatan penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO). EPP ini akan menyaksikan penubuhan penyedia perkhidmatan MRO Rel E&E bagi rantau ASEAN menjelang tahun 2017. Pada tahun 2013, pasukan petugas telah ditubuhkan untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan perniagaan MRO Rel Nasional yang diterajui oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Kajian kebolehlaksanaan perniagaan MRO Rel Nasional akan dijalankan pada tahun 2014 untuk menentukan daya maju dan pembangunan perkara-perkara berikut:

- makroekonomi industri rel dan and penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih
- analisis penandaan aras dan amalan terbaik
- analisis kewangan dan impak ekonomi
- strategi perniagaan
- rancangan pelaksanaan dan garis masa

Ini akan meletakkan asas bagi pertumbuhan industri komponen E&E untuk MRO rel, membenarkan kemasukan vendor dan penyepadu sistem dalam menyediakan perkhidmatan membaiki dan pembangunan bagi sistem dan komponen elektrikal dan elektronik yang berkaitan. Ini akan menggalakkan vendor dan penyepadu sistem agar membangunkan reka bentuk, penyepaduan sistem dan penyesuaian E&E mereka sendiri, dan penciptaan hak intelektual di pusat perkongsian MRO.

Projek ini juga telah membolehkan penciptaan peluang yang besar dalam pembangunan modal insan di mana jurutera tempatan akan dipinjamkan kepada multinasional rel di bawah program pemindahan yang diselaraskan oleh Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT).


EPP 20 Memangkin Industri melalui Nanoteknologi

EPP ini akan menyumbang PNK berjumlah RM3.6 bilion; mencipta 24,000 peluang pekerjaan (langsung dan tidak langsung) dengan pelaburan berpotensi RM117 juta. Dengan kemajuan dalam teknologi dan industri yang membawa kepada penggunaan nanoteknologi, pembabitan Malaysia adalah tepat pada masanya.

Bagi tahun 2014, tiga projek telah dikenal pasti berdasarkan industri strategik, teknologi tersedia, pacuan permintaan dan penjajaran dengan pelan induk nanoteknologi nasional. Rantaian nilai daripada nanobahan kepada nanointermediate dan kepada produk nano diambil kira dalam memastikan penerajuan Malaysia dalam industri nanoteknologi.

Melalui pemprosesan nanoteknologi, potensi untuk memberi impak kepada industri berbilang melalui penggunaan bahan, alat, komponen, perkhidmatan dan produk akhir merentasi beberapa industri, EPP ini menumpukan kepada projek nanoteknologi yang boleh dilaksanakan di bawah Pelan Induk Nanoteknologi.

Nano Malaysia Bhd, yang telah diperbadankan pada bulan Ogos 2011 dan dipertanggungjawabkan dengan aktiviti pengkomersialan nanoteknologi sudahpun menyiapkan Pelan Induk Nanoteknologi Malaysia.



Graphene lapisan tunggal

Nano Malaysia telah mengenal pasti sektor LED sebagai pintu masuk pertama untuk teknologi penenggelam haba tiub nano karbon-tembaga (CNT) di mana Malaysia mempunyai keupayaan untuk menghasilkan bahan mentah dan tiub nano karbon untuk bekalan tempatan. Teknologi penenggelam haba ini direka bentuk terutamanya untuk aplikasi elektronik dalam menguruskan haba yang besar yang dijana oleh peranti dan litar elektronik. Peluang sudah pun tersedia untuk syarikat LED mengguna pakai teknologi ini.


Di samping itu, Nano Malaysia telah membentuk perkongsian dengan syarikat tempatan untuk menubuhkan platform pembuatan bagi teknologi sel dye solar yang berupaya menjana elektrik dalam keadaan cahaya rendah. Sel dye solar menjana elektrik atas platform berasaskan nanoteknologi; dan nanowayar perak boleh digunakan dalam OLED dan skrin leper dan fleksibel dengan paparan sentuh. Pelabur berpotensi telah menunjukkan minat dalam membina loji pembuatan wayar perak di Malaysia di mana Nano Malaysia akan memainkan peranan sebagai pemudah dengan kerjasama MIDA dan NCIA.

Platinum Nano-Chemicals telah memulakan pengeluaran skala kecil bagi satu tan graphene setiap tahun, menyediakan bekalan untuk R&D dalam industri E&E dan minyak dan gas. Bagi EPP ini, laluan daripada kajian makmal kepada pengkomersialan yang berjaya masih merupakan suatu cabaran kerana faktor halangan seperti pendanaan, kesediaan pasaran dan hak harta intelektual.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2014, Agensi Inovasi Malaysia (AIM) akan melaksanakan kajian mengenai *graphene* termasuk penggunaannya dalam industri E&E.

Dari tahun 2014 dan seterusnya, EPP ini akan menyaksikan pelaksanaan projek nanoteknologi dalam bidang seperti teknologi penenggelaman hab tembaga-CNT, sel dye solar dan nanowayar perak. Kerjasama berkesan antara institut kajian, institut pengajian tinggi, kerajaan dan industri akan dipergiatkan lagi untuk menangani jurang dan pembangunan pengkomersialan yang berjaya. Ini akan dilaksanakan melalui rangka kerja usaha sama baharu Nano Malaysia, iaitu Platform iNanovation.



Rajah 7.4: Beberapa contoh bagi penggunaan graphene

Ringkasan NKEA Elektrikal dan Elektronik

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	**RM53.4 bilion**
Pekerjaan Tambahan	**157,000**

Sasaran kritikal bagi tahun 2014

- RM 5.1 bilion pelaburan yang diluluskan untuk NKEA E&E
- 60% penghasilan pelaburan yang diluluskan sejak tahun 2011
- 18 projek berkualiti akan diluluskan
- Mewujudkan makmal analisis kegagalan tahap 3
- 60% penggunaan makmal ujian wafer
- Konsortium syarikat LED tempatan yang mencapai RM80 juta jualan tahunan
- Pembangunan dan pelancaran penggunaan nanoteknologi dalam teknologi pengurusan terma untuk penggunaan LED
- Membangunkan kilang bateri Li-ion untuk kenderaan elektrik dan meluluskan 1 pembuat bas EV baharu
- Eco-Industrial Design Centre (EIDC) menyediakan 100 perkhidmatan prototaip pantas, projek reka bentuk eko-industri dan mewujudkan program kerjasama dengan universiti

Pemangkin Perubahan

ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK

pengalaman bersama perkhidmatan awam



Puan Fadilah Baharin
Ketua Pengarah
Standards Malaysia

Industri LED merupakan komponen yang penting bagi sebuah ekonomi cekap tenaga dan Standards Malaysia juga memainkan peranan dalam memastikan pengeluar LED Malaysia terus mantap serta berupaya menghadapi persaingan yang semakin meningkat, terutamanya dari China.

Fadilah Baharin, Ketua Pengarah Standards Malaysia berkata bahawa keutamaan di pihak beliau dalam beberapa tahun yang lepas adalah untuk mencetuskan anjakan dalam kalangan PKS di Malaysia agar mereka memberi penumpuan kepada memenuhi standard kualiti.

Beliau berkata, usaha ke arah memastikan pengeluar-pengeluar mematuhi standard LED yang ketat telah membuahkan hasil dan ini terbukti dengan penurunan kadar penolakan produk.

"Saya menyatakan kepada mereka bahawa mereka perlu melabur," kata Fadilah. "Keuntungan akan datang kemudian. Saya gembira kerana mesej ini diterima dan diingati. Inilah budaya yang mereka perlu semai, iaitu mementingkan pengeluaran berkualiti. Jadi mereka mula nampak bahawa mereka perlu melabur di samping memiliki budaya mementingkan kualiti ini agar produk mereka tidak lagi ditolak. Dan sememangnya, sehingga kini, saya tidak lagi mendengar cerita mengenai penolakan produk."

Beliau menyatakan bahawa proses memastikan pengeluar mematuhi standard antarabangsa yang mencabar ini melibatkan perumusan senarai 12 standard Malaysia baharu untuk LED.

Jangka masa pendek yang diambil untuk menghasilkan senarai ini sebahagiannya adalah untuk memenuhi aspirasi ETP yang bermatlamat menjadikan dunia sebagai pasaran produk LED buatan Malaysia.

Proses perumusan bagi 12 standard LED ini yang merangkumi keselamatan, ujian dan prestasi bersifat menyeluruh dan membabitkan input daripada pelbagai pihak yang berkepentingan termasuk pengeluar, masyarakat awam, penyelidik dan pihak Kerajaan sendiri.

Seterusnya satu jerayawara telah dianjurkan pada tahun 2012 bagi meyakinkan pengeluar tempatan LED agar menjalani proses pensijilan.

Standards Malaysia juga memberi perakuan akreditasi kepada tiga makmal tempatan yang membolehkan pengeluar-pengeluar tempatan menguji produk mereka dalam negara dan menjimatkan pertukaran asing berbanding jika ujian tersebut dibuat di luar negara.

Fadilah berkata bahawa di bawah pemantauan Standard Malaysia, laporan ujian makmal ini boleh dipercayai dan diterima di negara-negara maju seperti Australia, China, Jepun dan Amerika Syarikat.

"Ini membantu dari segi masa dan kos kerana akreditasi membantu syarikat LED tempatan mendapatkan pelanggan bukan sahaja dari Malaysia tetapi juga negara-negara Asia, Amerika Syarikat dan Eropah," kata beliau.

Beliau menambah, berbekalkan kehadiran tiga makmal yang diakreditasikan ini, ujian LED berpotensi menjana pendapatan negara jika makmal ini berjaya menarik pelanggan antarabangsa untuk menguji produk mereka di Malaysia.

Standards Malaysia juga telah melancarkan Program Pematuhan Standard Nasional (NSCP) bagi menetapkan nilai ekonomi kepada standard. NSCP berfungsi sebagai hab untuk menggabungkan maklumat mengenai pematuhan standard, termasuk gambaran keseluruhan mengenai keperluan standard, senarai Badan Pensijilan (CB) yang diakreditasi bagi tujuan industri untuk memperoleh pensijilan dan senarai agensi pelaksana yang menyediakan bantuan teknikal atau pendanaan untuk pensijilan, seperti SME Corporation Malaysia dan Malaysian Investment Development Authority (MIDA).

NSCP juga akan menumpu kepada menyediakan bina upaya bagi industri berhubung dengan pensijilan standard popular seperti MS ISO 9001 (Quality Management Systems), MS ISO 14001 (Environment Management Systems) dan MS ISO/IEC 27001 (Information Security Management Systems) untuk memberikan industri tapak permulaan yang mereka perlukan. Aktiviti bina upaya ini juga disertakan dengan sesi pemadanan perniagaan oleh agensi-agensi pelaksana dan Badan Pensijilan yang diiktiraf oleh Standards Malaysia bagi menyediakan bantuan yang dipakejkan dan bantuan menyeluruh kepada industri. NSCP diharapkan akan meningkatkan daya saing global Malaysia melalui penggunaan standard yang akan meningkatkan kredibiliti dan akses pasaran bagi produk dan perkhidmatan Malaysia.

"Melalui program ini, kami berharap industri LED ini akan mengiktiraf keperluan pematuhan kepada standard yang mungkin membawa kepada akses yang lebih baik kepada pasaran tempatan dan luar negara," kata Fadilah.


Beliau juga berkata bahawa Standards Malaysia telah menggunakan pendekatan serampang dua mata kepada kualiti dengan mendekati pelanggan.

"Untuk pelanggan, kami telah menganjurkan beberapa program jangkauan yang menarik dan interaktif dengan kerjasama hipermarket (Program Kesedaran Standard) dan sekolah-sekolah (Program SPEAK-UP) untuk mendidik mereka mengenai 'kesedaran kualiti melalui standard', agar mereka memilih produk yang mempunyai standard dan pensijilan."

Memandang ke hadapan, Fadilah berharap syarikat-syarikat tempatan LED akan bekerjasama dalam memanfaatkan perkembangan industri. Beliau juga mengharapkan penghasilan positif terhadap penggalakan pensijilan dalam industri LED.

"Kami telah pun menanam asas budaya kualiti dan saya memandang ke tahun 2015 di mana saya berharap untuk menerima berita kejayaan pengeluar-pengeluar LED mengeksport ke pasaran baharu."





PERKHIDMATAN PERNIAGAAN







Dato' Sri Richard Riot anak Jaem
Menteri Sumber Manusia

Tahun ini mencatatkan detik-detik penting bagi NKEA Perkhidmatan Perniagaan yang menyaksikan perkembangan penting dalam perancangan sektor ini untuk menjadi hab perkhidmatan global.

Syarikat gergasi aeroangkasa Airbus bukan sahaja memilih Malaysia untuk menempatkan salah satu daripada lima pusat perkhidmatan pelanggan globalnya, malahan sektor ini juga semakin berkembang menerobos bidang baharu yang mendapat permintaan tinggi seperti perkhidmatan pemodelan dan simulasi serta penyenggaraan komponen pesawat.

Pada tahun ini, salah satu pembekal komponen perkhidmatan MRO (Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih) terbesar di dunia yang berpangkalan di Switzerland, iaitu SR Technics telah memilih untuk membuka kemudahan pembaikan komponennya di Malaysia. Kemasukan syarikat MRO ini mencatatkan kehadiran nama besar dalam sektor perkhidmatan MRO negara ini buat pertama kalinya. Sementara itu, syarikat multinasional Kanada, CAE, merintis laluan bagi Malaysia untuk memainkan peranan serantau dalam perkhidmatan pemodelan dan simulasi melalui komitmennya untuk melabur sejumlah RM700 juta bagi Pusat Kecemerlangan (CoE) serantau di negara ini.

Pelaburan baharu oleh CAE ini menunjukkan keyakinannya yang berterusan terhadap kebolehan rakyat Malaysia, berdasarkan pengalaman beroperasi di Malaysia selama lebih kurang 20 tahun. CoE ini bakal membantu Malaysia menjadi pemimpin serantau dalam simulasi dan pemodelan, suatu teknologi merentas industri yang mengujakan dan kini digunakan dalam pelbagai bidang seperti pembedahan, pembinaan dan juga pemodelan landasan MRT.

Bidang-bidang lain yang terangkum di bawah NKEA seperti Pusat Data dan Perkhidmatan Kejuruteraan juga terus menunjukkan prestasi yang baik pada tahun ini.

NKEA ini secara berterusan menjana peluang pekerjaan berasaskan pengetahuan yang menjadi kunci kepada matlamat Malaysia untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Contohnya, Pusat Perkhidmatan Pelanggan Airbus bakal mencipta peluang kerjaya bagi 140 orang jurutera, SR Technics bakal mencipta 200 peluang pekerjaan di kemudahan baharunya sementara Pusat Kecemerlangan baharu milik CAE dijangka mencipta 218 pekerjaan. Tambahan pula, syarikat yang menjalankan perkongsian perkhidmatan dan penyumberan luar seperti AIG, Chartis, IBM dan AIA telah mencipta lebih 10,000 peluang pekerjaan baharu berasaskan pengetahuan dalam bidang Teknologi Maklumat (IT), Pengurusan Sumber Manusia serta bidang Kewangan dan Perakaunan.

Pencapaian yang menggalakkan ini akan menjadi asas bagi merangka kemajuan yang lebih mampan sambil negara kita melangkah maju memasuki tahun 2014. Ia juga akan membantu Malaysia memperkukuhkan kedudukannya sebagai hab yang berdaya saing bagi perkhidmatan perniagaan dan mendekatkannya dengan matlamat mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

NKEA Perkhidmatan Peniagaan meneroka peluang daripada pertumbuhan dalam sektor-sektor khusus, bernilai tinggi untuk memacu transformasi negara ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Walaupun sektor ini membentuk bahagian kecil daripada ekonomi Malaysia pada hanya 3.9 peratus daripada PNK pada tahun 2012, sektor ini merupakan sektor kedua paling pesat berkembang dalam dekad yang lalu, mencatat pengembangan pada kadar tahunan purata sebanyak 7.9 peratus.

Sumbangan PNK bagi sektor ini berjumlah RM36.4 bilion pada tahun 2012 dan dijangka akan meningkat menjadi RM78.7 bilion menjelang tahun 2020 melalui pelaksanaan enam Projek Permulaan (EPP) di bawah NKEA ini. EPP ini merangkumi perkhidmatan penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO), perkongsian perkhidmatan dan penyumberan luar, pusat data, teknologi hijau, perkhidmatan kejuruteraan pengkhususan tinggi, dan pembinaan dan pembaikan kapal.

Malaysia telah pun memantapkan kedudukannya dalam sesetengah bidang ini, seperti perkongsian perkhidmatan dan penyumberan luar IT. Negara juga diiktiraf sebagai salah satu daripada tiga hab utama bagi perkhidmatan MRO pesawat di rantau Asia Pasifik. Kedudukan ini diperkukuhkan lagi melalui penubuhan Pusat Perkhidmatan Pelanggan bagi perkhidmatan kejuruteraan aeroangkasa Airbus yang terletak berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada Suku Ketiga Tahun 2013.

Pusat-pusat data tempatan juga semakin mendapat pengiktirafan antarabangsa, merangsang perancangan negara untuk menjadi hab pusat data. Malaysia buat masa sekarang berada di kedudukan ke-16, naik tiga kedudukan berbanding tahun 2012 sebagaimana yang tercatat dalam laporan Indeks Risiko Pusat Data yang dihasilkan oleh Cushman & Wakefield. Tempoh dua belas bulan yang seterusnya bakal menyaksikan pertumbuhan yang mengujakan dalam landskap pusat data di Malaysia apabila pemain-pemain global terulung mula melaksanakan perancangan meluaskan penawaran pengkomputeran awan di rantau ini.

NKEA Perkhidmatan Peniagaan akan menggunakan asas kejayaan terdahulu untuk menguasai bahagian pasaran yang lebih besar dalam bidang-bidang bernilai tinggi dan berasaskan pengetahuan ini, yang seterusnya akan meningkatkan permintaan untuk tenaga kerja mahir.

Sejajar dengan matlamat utama ETP untuk merangsang pelaburan swasta, NKEA ini akan terus dipacu oleh sektor swasta. NKEA ini juga disokong oleh usaha yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengukuhkan asas modal insan melalui Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) Pembangunan Modal Insan.

Petunjuk Prestasi Utama 2013

NKEA Perkhidmatan Perniagaan	KPI (Kuantitatif))								
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Pendapatan daripada perniagaan Airframe (Fleet Technical Management, MRO Airframe, Pusat Latihan) - RM Juta	2,418	1,361.28	56	🟡	56	🟡	0.5	🟡
	Pendapatan daripada MRO Komponen - RM Juta	1,763	1,601	91	🟢	91	🟢	0.5	🟡
EPP #2	Pendapatan jualan luar negara - RM Juta	1,380	1,592.5	115	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Pendapatan domestik - RM Juta	1,631	1,766.93	108	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Bilangan pekerjaan yang diwujudkan	10,500	12,034	115	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Bilangan syarikat KPO baharu	4	4	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Komunikasi Bersepadu Kerajaan (1GovUC) - bilangan pengguna	100,000	123,669	124	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Pusat Data Sektor Awam - bilangan agensi	28	38	136	🟢	100	🟢	1.0	🟢
EPP #3	Pensijilan Organisasi Pusat Data	7	7	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Jumlah pendapatan perkhidmatan Pusat Data - RM Juta	562	518	92	🟢	92	🟢	0.5	🟡
EPP #4	Pendapatan yang dijana daripada segmen utama contohnya RE/EE/SWM/GTFS - RM Juta	2,000	2,634	132	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Pelaburan baharu yang direalisasi - RM Juta	2,000	2,027	101	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Bilangan projek hijau yang diluluskan oleh bank	45	43	96	🟢	96	🟢	0.5	🟡
	Bilangan sijil hijau yang dikeluarkan untuk pemohon baharu di bawah GTFS	100	71	71	🟡	71	🟡	0.5	🟡
	Nilai pinjaman yang diluluskan institusi kewangan di bawah GTFS - RM Juta	350	512.2	146	🟢	100	🟢	1.0	🟢

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

NKEA Perkhidmatan Perniagaan		KPI (Kuantitatif))							
Bil.	**KPI**	**Sasaran (FY)**	**Sebenar (YTD)**	**Pencapaian**					
				Kaedah 1		**Kaedah 2**		**Kaedah 3**	
				%		**%**			
EPP #5	Bilangan Jurutera Perunding Pakar bagi kejuruteraan pengkhususan tinggi	140	88	63	🟡	63	🟡	0.5	🟡
	Pendapatan untuk perkhidmatan kejuruteraan pengkhususan tinggi - RM Juta	54	40.7	75	🟡	75	🟡	0.5	🟡
EPP #6	Bilangan pekerjaan yang diwujudkan	160	187	117	🟢	100	🟢	1.0	🟢
				102%		**91%**		**81%**	

Rajah 8.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1 Mengembangkan Perkhidmatan Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (MRO) Pesawat dalam Industri Penerbangan

Matlamat EPP ini adalah untuk membangunkan pasaran Malaysia menjadi sebuah hab perkhidmatan serantau dalam bidang Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (MRO) Pesawat dan memanfaatkan pasaran global yang dijangka mencatat Kadar Pertumbuhan Tahunan yang Dikompaunkan (CAGR) sebanyak 3.9 peratus untuk mencapai RM213 bilion menjelang tahun 2020. Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk menjadi hab serantau MRO yang berdaya saing ekoran peningkatan bilangan pesawat baharu oleh syarikat penerbangan tempatan, serta peningkatan bilangan syarikat MRO baharu dan pengembangan keupayaan pembekal Tahap 2 dan Tahap 3. Keupayaan MRO bagi kerangka pesawat udara tempatan yang mantap, asas kos yang lebih rendah dan keupayaan teknikal yang kukuh memberikan petanda baik bagi pertumbuhan berterusan EPP ini.

Negara juga menyaksikan pembangunan dalam infrastruktur lapangan terbang dengan peningkatan trafik pesawat udara, ketersediaan ruang hartanah dan penciptaan persekitaran operasi yang lebih kondusif menerusi penambahbaikan perundangan penerbangan awam dan percukaian. Semua usaha ini seterusnya akan menjadikan Malaysia sebuah destinasi MRO industri aeroangkasa pilihan di rantau ini.

Pencapaian dan Cabaran

Tahun ini menyaksikan perkembangan ketara dalam ekosistem MRO tempatan serta peluasan liputan geografi dalam sektor ini.

Pembukaan Pusat Perkhidmatan Pelanggan baharu Airbus di Malaysia pada tahun 2013 bukan sahaja menandakan detik penting bagi industri MRO tetapi juga Malaysia secara keseluruhannya. Ini merupakan pusat perkhidmatan yang kelima bagi syarikat tersebut selain Toulouse, Hamburg, Wichita dan Beijing. Pusat perkhidmatan pelanggan baharu Airbus yang dilancarkan pada 2 Oktober 2013, memperlihatkan peluasan rangkaian pejabat global bagi syarikat tersebut dan menyediakan perkhidmatan baik pulih pesawat dan kejuruteraan khusus yang utama di rantau ini.

Pejabat baharu Airbus bertempat di Sepang Aircraft Engineering (SAE), KLIA, Sepang. SAE merupakan sebahagian daripada anak syarikat Kumpulan Airbus mengkhusus dalam penyenggaraan dan baik pulih pesawat lorong laluan tunggal seperti kumpulan pesawat A320. SAE juga merupakan salah sebuah pusat bagi program Airbus Flying Hour Support (FHS) yang menyediakan sokongan logistik dan pentadbiran bagi pengurusan komponen pesawat A320, A330 dan A380 bagi pelanggan Airbus di rantau ini.

Peranan utama Pusat Perkhidmatan Pelanggan Airbus adalah untuk membantu pelanggan mereka menjalankan operasi fleet pesawat dengan selamat dan secara lebih efisien. Pasukan yang terdiri daripada 140 orang jurutera akan melengkapi tenaga kerja sedia ada berjumlah 4,000 untuk memberikan sokongan dari segi kejuruteraan dan penyenggaraan (pembaikan pesawat, data teknikal, naik taraf fleet), bahan-bahan dan logistik (barang ganti dan peralatan), latihan kakitangan pesawat dan operasi penerbangan.

Malaysia merupakan rakan kongsi industri yang penting kepada Airbus dengan pelbagai program pesawat yang diusahakan pembekal dan jumlah pelanggannya yang kukuh. Kehadiran pusat perkhidmatan pelanggan ini mengukuhkan lagi perhubungan industri Malaysia dengan Airbus.

Sebelum ini, Malaysia kekurangan jenama yang kukuh dalam perkhidmatan komponen MRO dan akibatnya sebahagian besar perkhidmatan MRO untuk komponen pesawat diusahakan dari luar negara. Pada tahun 2013, kemasukan SR Technics, pemain MRO yang berpangkalan di Switzerland bakal menambahbaik ekosistem di Malaysia.

SR Technics menyediakan penyelesaian teknikal bagi syarikat penerbangan di seluruh dunia, menyokong kedua-dua pesawat keluaran Airbus dan Boeing. Syarikat ini juga merupakan salah satu pembekal pihak ketiga terbesar di dunia bagi perkhidmatan ini. Model perniagaannya melibatkan penambahan nilai kepada pelanggan dengan mewujudkan penyelesaian sokongan lengkap inovatif yang direka khas untuk memberi sokongan teknikal bagi pesawat, enjin dan komponen.

Kehadiran syarikat ini di Malaysia bakal memanfaatkan secara langsung eksosistem MRO dan memastikan landskap yang kukuh dan berdaya saing dalam segmen pasaran komponen pasaran di Malaysia. SR Technics dijangka melabur dengan signifikan di dalam negara dan mencipta lebih 200 peluang pekerjaan. Pelaburan dalam Pusat Kecemerlangan ini bakal melengkapi keupayaan pusat pembaikan sedia ada mereka di seluruh dunia. Ia juga sekali gus membantu mengurangkan penyumberan luar perkhidmatan MRO bagi komponen pesawat ke luar negara.

Satu lagi aspek penting pelaburan SR Technics adalah penciptaan peluang pekerjaan teknikal tahap tinggi dan membaiki komponen khusus dalam arena MRO yang akan memudahkan pemindahan teknologi penting ke pasaran domestik. Di samping itu, kesan limpahan semula jadi yang akan dicipta melalui kehadiran SR Technics di Malaysia bakal memanfaatkan pekerjaan peringkat sokongan dan pelaburan lain yang akan membantu membentuk rantaian nilai yang efisien dan berkesan untuk komponen MRO dalam negara.

Kehadiran Aerokwai, syarikat MRO di Malaysia juga bakal menambah nilai dalam pasaran MRO tempatan. Ditubuhkan oleh Sunaero yang berpangkalan di Perancis, syarikat ini menyediakan teknologi pembaikan pantas pesawat. Aerokwai merupakan pakar MRO teknologi tinggi yang dijangka dapat memberi sumbangan yang ketara kepada landskap MRO di Malaysia. Syarikat ini menawarkan perkhidmatan MRO di lokasi untuk kebocoran bahan api dan oksigen serta pempolimeran dan pembaikan komposit teknologi tinggi. Aerokwai memulakan operasi pada bulan Ogos 2013, selepas pengubahsuaian fasilitinya seluas 1,200 meter persegi yang terletak berhampiran Lapangan Terbang Senai, Johor.

Langkah Seterusnya

Tahun 2013 merupakan tahun yang dinamik bagi sektor MRO dan trend ini dijangka akan berterusan sepanjang tahun 2014, di mana Malaysia kini dilihat sebagai hab MRO aeroangkasa yang serius bagi rantau Asia-Pasifik. Setakat ini, perbincangan sedang berjalan untuk meyakinkan pengeluar peralatan asal (OEM) yang terkenal untuk bertapak di Malaysia dalam segmen MRO.

Di samping itu, langkah-langkah terbaharu oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCAM) untuk mengkaji semula peraturan-peraturan dan undang-undang menegaskan komitmen Kerajaan dalam menempatkan negara sebagai hab MRO yang menawarkan standard tinggi, diperakui dan mengikut tanda aras standard global.



EPP 2 Membina Pihak Pembekal Perkhidmatan Perkongsian dan Penyumberan Luar yang Berdaya Saing di Peringkat Antarabangsa

Syarikat pembekal perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar yang menempatkan operasi di Malaysia perlu berhadapan dengan persaingan yang kuat daripada ekonomi pendapatan tinggi yang mempunyai pekerja pengetahuan kemahiran tinggi dan juga negara pendapatan rendah yang boleh menawarkan perkhidmatan perniagaan pada kadar yang lebih berdaya saing.

Faktor-faktor ini boleh menjejaskan usaha negara untuk menguasai bahagian pasaran yang lebih besar bagi sektor penyumberan luar Asia Pasifik selain Jepun, yang berkembang pada kadar 12 peratus setahun yang kini bahagian pasaran Malaysia adalah sebanyak 3.9 peratus.

Dengan itu, EPP ini berhasrat untuk mewujudkan pelbagai syarikat penyumberan luar yang berdaya saing di peringkat global sambil menggalakkan industri perkhidmatan perkongsian yang dinamik dan mewujudkan persekitaran yang akan memupuk perkembangan syarikat-syarikat tempatan yang lebih kecil. Ini akan dicapai melalui tumpuan kepada penyumberan luar proses perniagaan (BPO), penyumberan luar proses IT (ITO) dan penyumberan luar proses pengetahuan (KPO), dengan tujuan mewujudkan industri perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar yang berdaya saing di peringkat global dan membentuk Malaysia sebagai hab penyumberan luar pesisir dan penyumberan luar.

Ia juga bakal membangunkan kelebihan daya saing sedia ada negara dalam beberapa bidang yang berkaitan, terutamanya perkhidmatan kewangan, minyak dan gas, dan logistik.

Ia juga akan memanfaatkan sokongan daripada agensi-agensi dan organisasi industri perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar seperti Multimedia Development Corporation (MDeC) dan Outsourcing Malaysia (OM). Organisasi tersebut akan membantu syarikat multinasional asing dan syarikat Malaysia yang mempunyai cita-cita serantau dan global dalam memastikan Malaysia terus memiliki daya tarikan sebagai hab penyumberan luar pesisir dan penyumberan luar global.

EPP ini juga telah memanfaatkan usaha SRI Pembangunan Modal Insan untuk membina program peningkatan kemahiran seperti program MyProCert yang akan memastikan kecekapan berkaitan industri dipenuhi oleh modal insan yang berkemahiran.

Pada masa yang sama, sektor awam juga membantu industri melalui usaha penyepaduan infrastruktur IT dan penyumber luaran proses IT bukan teras Kerajaan. Sistem Komunikasi Bersepadu Kerajaan (1GovUC) yang dianugerahkan pada tahun lepas, semakin berjalan lancar dengan mencatatkan perpindahan lebih 100,000 pengguna agensi Kerajaan termasuk dari Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan pada akhir tahun 2013. Usaha untuk mengurangkan bilangan bilik server melalui penyepaduan infrastruktur pengkomputeran telah berjaya merangkum sebanyak 38 agensi tambahan ke dalam Pusat Data Kerajaan (GDC) yang disumber luar.

Pencapaian dan Cabaran

Inisiatif di bawah EPP ini telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan pada tahun 2013, hasil daripada penganjuran pelbagai program melibatkan pemain industri yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran syarikat penyumberan luar agar berdaya saing di arena global di samping mengembangkan industri perkhidmatan perkongsian di Malaysia.

Program SCORE+ Acceleration, siri enam bengkel yang dianjurkan sepanjang tahun untuk syarikat penyumberan luar telah menarik minat ramai peserta. Program ini bertujuan untuk memacu aktiviti yang memupuk pengetahuan dalam bidang pemasaran, pembangunan perniagaan, akses pasaran dan pertumbuhan syarikat penyumberan luar.

Program InnoSource, suatu inisiatif yang berkaitan dengan penggabungan dan pengambilalihan (M&A), telah membantu menghubungkan syarikat dengan pembiaya yang berpotensi. Sembilan syarikat telah dibawa untuk menemui badan-badan pendanaan dan pembiayaan termasuk pemodal teroka (VC), *angel funds*, dana ekuiti swasta (PE) dan institusi perbankan. Inisiatif ini telah menghasilkan dua kejayaan besar apabila dua syarikat penyumberan luar, iaitu Cuscapi menerima tawaran pembiayaan yang signifikan daripada Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) dan juga kejayaan Brandt International Sdn Bhd mendapatkan pembiayaan untuk berkembang.

Program Penandaan Aras bertujuan untuk menyediakan penandaan aras pihak ketiga syarikat mengikut standard global International Association of Outsourcing Professionals (IAOP). Ia berfungsi untuk menilai keteguhan syarikat dan menarafkan syarikat untuk disalurkan ke program lain yang berkaitan dan bersesuaian. Dua puluh tiga buah syarikat telah menyertai program ini dan sistem ini digunakan secara aktif untuk penyaluran syarikat ke program InnoSource, Co-Op Marketing Fund, usaha Pembangunan Perniagaan dan penarafan dan pemeringkatan dalaman.

Satu lagi cabaran yang mendepani EPP ini ialah keupayaan pemasaran syarikat di mana bahan pemasaran syarikat didapati kurang bertumpu kepada keperluan pelanggan. Oleh yang demikian, sesetengah syarikat perlu dilatih mengenai nilai bahan pemasaran dengan menitikberatkan testimonial pelanggan dan kes kajian yang kuat untuk menggambarkan penciptaan nilai syarikat tersebut melampaui kaedah mempamerkan keupayaan syarikat.

Dalam ruang perkhidmatan perkongsian, usaha telah dilaksanakan untuk menggalakkan pertumbuhan dan pengekalan bakat dalam menghadapi cabaran modal insan dalam industri. Pihak-pihak terbabit dalam industri perkhidmatan perkongsian telah mengadakan satu sesi pada bulan Jun 2013 untuk menubuhkan satu kumpulan kerja bagi berkongsi amalan terbaik industri, yang seterusnya akan menghasilkan struktur formal dalam PIKOM untuk menerajui industri ini.

Langkah Seterusnya

Usaha khusus industri untuk mewujudkan peneraju global dalam penyumberan luar akan diperhebatkan dalam tahun-tahun seterusnya. Usaha melalui program InnoSource untuk membantu syarikat mendapatkan pembiayaan yang sewajarnya bagi pertumbuhan akan diperluaskan, selepas mengambil kira maklum balas dari industri bahawa pilihan dan panel pembiayaan adalah terhad.

Dalam usaha menghampiri aspirasi mencapai status negara berpendapatan tinggi, tumpuan EPP dalam gelombang seterusnya adalah untuk mengembangkan dan menarik perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar bernilai tinggi dalam bidang proses pengetahuan. Pencapaian empat buah syarikat Penyumberan Luar Proses Pengetahuan (KPO) baharu tahun ini akan merangsangkan lebih banyak pencapaian dalam bidang ini dan selaras dengan usaha membangunkan modal insan dan mewujudkan persekitaran yang memupuk pertumbuhan perkhidmatan bernilai tinggi.

EPP 3 Menempatkan Malaysia sebagai Hab Pusat Data Bertaraf Dunia



Menteri Komunikasi dan Multimedia YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek semasa pelancaran Malaysian Data Centre Alliance (MDCA)

EPP ini bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab Pusat Data (DC) bertaraf dunia dalam usaha untuk menguasai bahagian yang lebih besar dalam pasaran global DC, yang dijangka akan berkembang mencapai jumlah pasaran sebanyak AS$3.4 bilion pada tahun 2014. Sehubungan dengan ini, inisiatif di bawah EPP ini menyasarkan untuk membina keupayaan ruang DC yang diperakui di peringkat antarabangsa dan mencipta 9,000 profesional berkaitan Pusat Data yang dipersijilkan menjelang tahun 2020.

Usaha di bawah EPP ini akan memanfaatkan peluang yang diperoleh daripada peningkatan kepakaran sedia ada dalam negara berikutan perkembangan industri ITO, BPO dan industri kandungan multimedia kreatif tempatan. Menjelang tahun 2013, sepuluh syarikat pengendali pusat data utama di Malaysia telah membina ruang DC dengan keluasan ruang terbina melebihi 1 juta kaki persegi. Malaysia dijangka akan menggandakan keluasan pusat data ini dalam tempoh dua hingga tiga tahun yang seterusnya seiring dengan peningkatan penawaran pengkomputeran awan oleh syarikat tekonologi global.

Pencapaian dan Cabaran

Industri DC ini dijangka akan merekod pertumbuhan sebanyak 20 peratus pada tahun 2013. Ini berikutan selesainya pembinaan lebih daripada 150,000 kaki persegi keupayaan DC baharu pada tahun 2012 yang turut mewakili pertumbuhan sebanyak 20 peratus.

Beberapa buah DC juga telah diperakui oleh organisasi pensijilan pusat data antarabangsa pada tahun 2013. Dua DC komersial di Malaysia telah diperakui oleh Uptime Institute, sebuah konsortium syarikat yang terlibat dalam pendidikan, penerbitan, perkhidmatan perunding, pensijilan, persidangan dan seminar untuk industri DC.

Malaysian Data Centre Alliance (MDCA), yang merangkumi 21 Pembekal DC di Malaysia, telah dilancarkan pada 28 Oktober 2013. Penubuhannya menandakan bermulanya kerjasama industri ke arah membina operasi tempatan yang kukuh dan mewujudkan kehadiran serantau berbekalkan pensijilan yang diperakui di peringkat antarabangsa.

Pelancaran MDCA akan memastikan kapasiti, keupayaan dan kredibiliti penyedia perkhidmatan DC tempatan terus dipertingkatkan melalui program pembangunan berstruktur. Ia juga akan membantu menarik perusahaan tempatan dan pelanggan multinasional untuk menempatkan dan mengehoskan perkhidmatan DC mereka di Malaysia.

Usaha Malaysia dalam sektor ini juga telah diiktiraf oleh Cushman & Wakefield, yang menarafkan negara di kedudukan ke-16, naik tiga kedudukan berbanding tahun 2012 dalam laporan Indeks Risiko Pusat Data yang diterbitkannya. Penarafan cemerlang diberikan untuk kategori "Kos Tenaga dan Keselamatan" serta "Kemudahan Menjalankan Perniagaan", sementara keperluan dan potensi penambahbaikan bagi penarafan "Jalur Lebar Antarabangsa".

Bagi menarik minat pelabur asing utama untuk membuka kemudahan DC di Malaysia, sebuah Jawatankuasa Kerja Pusat Data yang merangkumi MDeC, MIDA dan PEMANDU telah ditubuhkan. Jawatankuasa kerja ini akan menumpu kepada menarik pelaburan dan mereka bentuk pakej yang konsisten bagi ditawarkan kepada pelabur dalam sektor ini. Langkah ini turut melibatkan pemudahcaraan bersama pelbagai pihak termasuk pihak berkuasa koridor wilayah ekonomi serta kerajaan negeri (untuk mencari lokasi sesuai dan pemilik tanah), pembekal perkhidmatan telekomunikasi, pengawal selia utiliti dan pemain DC tempatan dan asing.

Permintaan untuk perkhidmatan DC Malaysia dijangka akan terus meningkat melalui usaha bersepadu Malaysian Data Center Alliance dan MDeC untuk mempromosi Malaysia sebagai hab serantau pilihan untuk perkhidmatan DC.

Langkah Seterusnya

Infrastruktur sedia ada di Malaysia menjadikan negara ini sesuai untuk memenuhi pelbagai keperluan industri DC. Dalam inisiatif seterusnya, EPP ini akan memberi tumpuan dalam mempromosi perkhidmatan DC bernilai tinggi, menjana permintaan yang lebih besar dalam pasaran domestik serta menjadi pemudah cara pelaburan langsung asing.

Bagi mengembangkan kapasiti berpotensi industri, tapak kawasan berasaskan teknologi bagi DC di seluruh negara telah dikenal pasti termasuk:

- Cyberjaya, hab bagi pusat data Malaysia pada masa kini
- Sarawak, kerana ketersediaan sumber tenaga boleh diperbaharui yang memenuhi kehendak utama pensijilan DC moden
- Pantai Timur Semenanjung Malaysia, kerana akses secara langsung kepada stesen pendaratan kabel dasar laut untuk tujuan komunikasi global
- Iskandar Malaysia, yang dapat melengkapi pemain DC serantau sedia ada yang berpusat di Singapura

MyTelehaus – pertumbuhan agresif dalam ruang borong Pusat Data

MyTelehaus Sdn Bhd, pemaju dan pemborong ruang pusat data (DC) diasaskan oleh pasukan yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang khusus Pusat Data. Reka bentuk binaan pusat data mereka ini diterajui oleh Ow Yong dari C2 Consult, yang mempunyai lebih dari 30 tahun pengalaman dalam industri pusat data dan berpengalaman dalam mereka bentuk lebih 200 buah pusat data.

MyTelehaus telah berjaya menyiapkan pembinaan pusat data utama mereka di Cyberjaya pada tahun 2012. Pusat data komersial MyTelehaus kedua yang bergelar nama PJ3 Centre, sudah sedia beroperasi pada penghujung tahun 2013. Ia merupakan pusat data berkualiti tinggi yang terbesar di Petaling Jaya, Selangor.



PJ3 Centre yang terletak di Jaya33 Cybercentre ini merupakan sebuah kemudahan pusat data moden yang dibina khas di dalam bangunan berbilang tingkat. Pusat data ini telah direka bentuk dari awal dengan kerjasama Jaya33 sejak tahun 2011 untuk memenuhi keperluan infrastruktur pusat data Tahap 3. Pusat ini dilengkapi dua sistem elektrik yang tak bersandar dan infrastruktur pusat data khusus untuk menyokong persekitaran misi kritikal.

PJ3 Centre ini memenuhi ruang empat tingkat dengan saiz white space berjumlah 45,000 kaki persegi.

MyTelehaus sedang merancang untuk membina lebih banyak pusat data komersial di beberapa lokasi yang strategik termasuk di Kampus IR2 di Kawasan Pembangunan Iskandar dan Cyberjaya.

EPP 4 Melonjakkan Industri Teknologi Hijau yang Dinamik



Pelancaran program "GTFS outreach programme" bersempena dengan program bersama Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) dan Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) di Le Meridien, Kota Kinabalu

Kemunculan industri teknologi hijau global memberikan Malaysia peluang untuk menerajui industri yang bukan sahaja mengalami perkembangan yang pesat, tetapi juga bertanggungjawab dari segi sosial.

EPP ini bertujuan untuk melonjakkan sektor teknologi hijau di Malaysia dengan memupuk industri teknologi hijau yang dinamik. Pertumbuhan dalam sektor ini dijangka bakal dipacu oleh peluang dalam tenaga boleh diperbaharui sementara Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) akan menerajui usaha untuk merangsang industri teknologi hijau tempatan. Ini akan seterusnya membantu syarikat-syarikat Malaysia mencapai kemampanan di samping mengurangkan jejak karbon negara.

Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) telah dilancarkan secara rasmi pada 26 Januari 2010 dalam usaha untuk memperbaiki penawaran dan penggunaan teknologi hijau oleh sektor industri terutama dalam kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Di bawah skim ini, Kerajaan memberi 2 peratus subsidi daripada jumlah kadar faedah/kadar keuntungan atau jaminan 30 peratus daripada jumlah pembiayaan.

Dari segi pencapaiannya ke arah memenuhi pelbagai hasrat dan aspirasi rakyat, GTFS telah mencipta dimensi baharu perniagaan dan pelaburan bagi industri dalam bidang teknologi hijau, sekali gus menyumbang kepada pendapatan negara di samping mencipta peluang pekerjaan dalam bidang Teknologi Hijau.

Pencapaian dan Cabaran

Sejak GTFS diperkenalkan, ia telah berjaya menyokong 120 projek dan menarik penyertaan 22 buah institusi kewangan. Sehingga akhir bulan Disember 2013, GTFS telah berjaya memperoleh pinjaman berjumlah RM1.58 bilion. Selain itu, projek-projek ini juga telah membantu mencipta lebih 1700 peluang pekerjaan hijau dan mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 1.74 juta tan metrik.

Salah satu cabaran utama syarikat-syarikat yang beroperasi dalam sektor ini ialah kekurangan pembiayaan. Untuk tujuan ini, Perjanjian Persefahaman (MoU) antara agensi Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) dan Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MiGHT) akan membantu menyediakan akses kepada pembiayaan melalui program ofset yang diselaraskan oleh MiGHT.

Malaysian Green Technology Corporation juga sedang bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM), institusi pembiayaan dan institusi perbankan untuk meningkatkan pemahaman dan penilaian risiko berkaitan dengan pembiayaan dan pertumbuhan syarikat-syarikat dalam usaha niaga teknologi hijau. Pemain industri, terutamanya PKS, digalakkan memohon bantuan ini untuk membiayai usaha niaga teknologi hijau mereka, sama ada sebagai pengeluar atau sebagai pengguna. Ini akan membantu meningkatkan pemindahan pengetahuan dan teknologi dalam teknologi hijau yang akan membina dan menambah keupayaan syarikat tempatan.

Ketiadaan pendedahan dalam kalangan pemohon disebabkan kekurangan rujukan pasaran, data dan tahap untuk menilai teknologi hijau juga menyumbang kepada penyerahan dan kelulusan yang rendah dari institusi perbankan. Cadangan projek yang tidak mempunyai rekod prestasi dan teknologi yang terbukti membuatkan institusi kewangan enggan bersetuju untuk mengambil alih risiko projek.

Seterusnya, jumlah pembiayaan yang terhad, jaminan komponen hijau dan Had Pendedahan Pihak Tunggal di atas pembiayaan yang mengehadkan syarikat-syarikat dengan pemegang saham bersama untuk memohon lebih daripada had maksimum, juga telah menyebabkan sambutan yang kurang memberangsangkan terhadap skim ini.

Langkah Seterusnya

Usaha dan langkah yang akan diambil untuk memperbaiki pengambilan GTFS termasuk:



Pasukan audit Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) melaksanakan Sukatan & Pengesahan *(Measure & Verification)* di kilang di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS)

- menganjurkan bengkel dan program latihan bagi institusi kewangan untuk meningkatkan pemahaman mengenai teknologi yang berkaitan
- membantu dan memudahcarakan pemaju projek menyediakan cadangan teknikal dan kewangan mereka
- menganjurkan forum dengan pendorong dan prospek perniagaan teknologi hijau dengan kerjasama persatuan perniagaan dan perdagangan
- menganjurkan lebih banyak program kesedaran, pengiklanan dan promosi berkenaan teknologi hijau



Pertukaran Memorandum Persefahaman di antara Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) dan Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) bersempena dengan 2013 International Green Tech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM)

EPP 5 Membangunkan Perkhidmatan Kejuruteraan Pengkhususan Tinggi



Zero Emmision Transport (ZET) menjadi cadangan penyelesaian DreamEDGE bagi pengangkutan awam yang cekap dan hijau untuk bandar-bandar kita yang sedang berkembang pesat

Pada tahun 2013, EPP ini mula menumpukan kepada dua anjakan strategik: untuk meningkatkan keupayaan dan memperbaiki kehadiran pasaran dan pada masa yang sama meningkatkan keupayaan serba boleh dalam bidang kejuruteraan pelbagai bidang. Ini adalah kerana pengeluar dan OEM meningkatkan aktiviti penyumberan luar bagi aktiviti kejuruteraan bagi menurunkan kos di samping menumpukan kepada keupayaan teras mereka.

Dua daripada pemain utama industri, Strand Aerospace Malaysia (SAM) dan DreamEdge Sdn Bhd (DESB) telah menunjukkan perkembangan yang menggalakkan. Kedua-dua syarikat ini memulakan operasi dengan kurang daripada 10 jurutera dan pada penghujung tahun 2013, setiap satunya mempunyai hampir 200 jurutera. Kedua-dua syarikat ini telah mencapai taraf syarikat Tahap 2 bagi kejuruteraan reka bentuk dengan masing-masing mempunyai kehadiran pasaran yang berjaya di Eropah dan Jepun.

Pencapaian dan Cabaran

Berikutan prestasi yang menggalakkan pada tahun 2012, SAM meneruskan usaha mendapatkan kontrak peringkat tinggi dengan syarikat-syarikat seperti Airbus dan syarikat kejuruteraan ternama Perancis bagi melonjakkan kedudukan ke Tahap 2 dalam rantaian nilai.

SAM kini mula menjalinkan kerjasama penting bersama MARA untuk menubuhkan kluster kejuruteraan reka bentuk di Subang yang akan dipanggil Subang Aerospace City. Projek ini merupakan detik penting bagi industri ini, kerana bandar aeroangkasa ini dijangka akan mencipta lebih 3,000 peluang pekerjaan dalam lima tahun yang akan datang bagi pelajar-pelajar dari fakulti kejuruteraan MARA.

Projek ini juga akan mempunyai pangkalan MRO yang dilengkapi hangar untuk juruteknik dan jurutera pesawat. Ini akan membantu merangsang pembangunan kluster aeroangkasa yang telah disasarkan untuk perkhidmatan kejuruteraan pengkhususan tinggi di bawah EPP ini. Projek yang sedang dibangunkan ini dijangka menjana PNK berjumlah lebih RM1 bilion menjelang tahun 2020.

Altran Malaysia akan membuka Pejabat Serantau dan Pusat Inovasi yang akan berkhidmat sebagai pusat perunding dan inovasi teknologi tinggi di Kuala Lumpur untuk menyokong pasaran Asia Tenggara. Pusat ini akan disokong oleh anak syarikatnya, Cambridge Consultants, yang akan menyediakan pembangunan produk inovatif untuk memacu pertumbuhan syarikat cip biru dan syarikat usahawan baharu di Malaysia. Usaha ini disokong padu oleh Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan; dan dijangka menarik modal insan yang terbaik dalam pasaran.

Projek ini bakal menyumbang impak PNK berjumlah RM37.25 juta menjelang tahun 2020, melibatkan pelaburan sebanyak RM24.58 juta dan mencipta 206 peluang pekerjaan teknikal tahap tinggi.

DESB pula telah menunjukkan prestasi tinggi secara konsisten dan mencatat pendapatan berjumlah lebih RM24 juta dalam tempoh dua tahun. Sebagai pengiktirafan terhadap prestasinya ini, syarikat NISSAN Japan telah memperkukuhkan perkongsian strategik dengan syarikat ini dengan meneruskan kontrak penyelidikan dan pembangunan yang sedia ada. NISSAN Techno di Vietnam juga bersetuju untuk menyumber luar lebih banyak aktiviti kejuruteraan reka bentuk kepada DESB.

Dalam satu acara khas, DESB telah mempamerkan dua unit kereta Formula 4 dan dua unit Kenderaan Zero Emission Transporter (ZET) – sebuah kenderaan hijau yang beroperasi sepenuhnya. Kenderaan ZET ini membuktikan keupayaaan DESB sebagai penyedia penyelesaian yang inovatif pada skala besar yang sedang bergerak maju ke arah projek-projek reka bentuk dan pembangunan melalui penghasilan prototaip ZET yang pertama. Selain itu, DESB juga menunjukkan tahap inovasi yang tinggi dengan penghasilan Kereta Elektriknya (EV) sendiri.

Pada masa ini, DESB sedang meneroka peluang untuk mengedar kenderaan Green Lord Motors Japan (GLM) di Malaysia. DESB berpeluang mengambil alih kerja-kerja reka bentuk badan kereta untuk GLM. Badan kereta ini diperbuat daripada bahan-bahan komposit dan DESB berpeluang untuk mengilangkan badan kereta ini di Malaysia dan mengeksportnya ke Jepun, memandangkan kapasiti pengeluaran GLM adalah terhad.

DESB perlu memastikan model perniagaan penyumberan luarnya mampan, terutamanya kerana kerja-kerja reka bentuk masa kini akan lebih menumpukan kepada kenderaan cekap tenaga yang mempunyai dinamik dan komponen yang berbeza.

Kemungkinan kemasukan peserta baharu dalam bidang kejuruteraan reka bentuk automotif mungkin menganjak fokus DESB kepada bidang lain. Peralihan ini memerlukan pengurusan yang berkesan kerana peralihan yang sedang berlaku bergerak pantas diiringi dengan persaingan yang amat sengit daripada syarikat-syarikat Tahap 2 yang lain.

Langkah Seterusnya

Walaupun SAM dan DESB sedang melalui perkembangan yang memberangsangkan, kedua-dua syarikat ini juga perlu menampung aktiviti penyumberan permintaan puncak oleh pengeluar pesawat dan pada masa yang sama memastikan strategi penetapan harga keseluruhan yang berdaya saing. SAM perlu lebih proaktif dalam memastikan kestabilan pasaran melalui pembeza nilai seperti keupayaan dan perkhidmatan premium. Memandangkan kerja-kerja penyumberan luar datang terutamanya dari pasaran Eropah, SAM perlu memastikan model perniagaannya adalah dinamik dan cukup fleksibel dalam menghadapi sentimen negatif dan kejutan kepada perolehan jangka pendek.

Sejak 30 tahun yang lepas, Altran telah menyediakan perkhidmatan kepada pemain utama dalam sektor aeroangkasa, automotif, tenaga, kereta api, kewangan, penjagaan kesihatan dan telekomunikasi. Meliputi setiap peringkat perkembangan projek dari perancangan strategik sehingga pembuatan, perkhidmatan yang ditawarkan oleh Altran mengambil kesempatan daripada pengetahuan teknologi Kumpulan tentang empat bidang utama: Pengurusan Kitaran Hayat Produk, Kejuruteraan Mekanikal, Sistem Pintar dan Sistem Maklumat.

ALTRAN

EPP 6 Membangunkan Malaysia sebagai Hab Pembinaan dan Pembaikan Kapal



Kerja-kerja fabrikasi sedang dijalankan dalam pembinaan kapal baharu

EPP ini telah diperkenalkan pada tahun 2012 untuk memanfaatkan pertumbuhan pesat industri pembinaan dan pembaikan kapal Malaysia. Industri ini telah menjana perolehan kira-kira RM7.34 bilion dan menarik pelaburan bernilai RM0.42 bilion pada tahun yang sama. Dari segi modal insan, kini industri ini menyediakan lebih kurang 33,000 pekerjaan di mana 80 peratus adalah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pengeluaran dan kejuruteraan.

EPP ini bertujuan untuk meningkatkan 1.1 peratus bahagian pasaran pembinaan kapal baharu Malaysia di peringkat global kepada 2 peratus dengan memupuk penentuan harga yang berdaya saing, kemudahan yang dipertingkatkan dan menambah keupayaan untuk pasaran pembinaan dan pembaikan kapal.

Untuk tujuan ini, Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) yang membangunkan Pelan Strategik Pembinaan/Pembaikan Kapal Malaysia 2020 (SBSR 2020) bersama dengan Persatuan Industri Marin Malaysia (AMIM) telah menggariskasarkan tujuh strategi utama untuk merangsang industri pembinaan dan pembaikan kapal. Ia termasuk:

- mewujudkan dasar mesra perniagaan yang menyokong pertumbuhan industri
- mengukuhkan rangka kerja institusi
- mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan

- menarik dan menyediakan tenaga kerja yang mencukupi dan berkeupayaan
- menggunakan reka bentuk tempatan dan mengamalkan teknologi pembinaan/pembaikan kapal yang baharu
- memperbaiki pakej kewangan dan insentif dan meningkatkan pelaburan dalaman
- meningkatkan kecekapan dan tahap kecanggihan industri

Di bawah Pelan SBSR 2020, industri ini disasarkan untuk menjana RM6.35 bilion PNK dan menyediakan 55,500 peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia menjelang tahun 2020 melalui pertumbuhan industri yang mampan dan terangkum.

Salah satu projek yang dimulakan di bawah EPP ini ialah pembangunan keupayaan reka bentuk dalam negeri untuk Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV) yang diterajui oleh Boustead Heavy Industries Corporation Bhd (BHIC).

Pencapaian dan Cabaran

BHIC telah mengatasi sasaran asal untuk menghasilkan 160 tenaga pekerja pada tahun ini dengan melatih 187 kakitangan teknikal. Kejayaan ini mendekatkan mereka dengan matlamat menghasilkan tenaga kerja yang berkeupayaan dan berkemahiran untuk industri tersebut.

Langkah Seterusnya

MiGHT akan meneruskan usahanya untuk meningkatkan kesedaran terhadap Pelan SBSR 2020 kepada pihak berkepentingan dan menghasilkan cadangan strategik untuk menyelaraskan pembangunan industri dengan apirasi nasional.

Antara cadangan-cadangannya termasuk menyediakan pakej insentif bagi industri pembinaan/pembaikan kapal dan mewujudkan Majlis Maritim Malaysia (MMC) untuk menyelia semua bidang dalam rangkaian bekalan industri maritim secara menyeluruh.



Dok kapal tentera laut di Grade One Marine

MiGHT bersama-sama dengan pemain industri juga sedang memulakan usaha ke arah keperluan pensijilan bagi industri ini dengan mencadangkan Sijil Perakuan Pengiktirafan (CoR). Ini akan diperkenalkan kepada semua pembina kapal, pembaik kapal dan pengeluar peralatan marin. Cadangan ini bertujuan untuk meningkatkan kecanggihan limbungan dan pengeluar marin memenuhi standard antarabangsa dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran produk mereka dan untuk membolehkan mereka menembusi pasaran asing.

Industri kini dalam usaha untuk meningkatkan interaksi di antara pemain industri dan Kerajaan. Di samping itu, lebih banyak projek yang boleh menyumbang kepada PNK dan menyediakan peluang pekerjaan akan disertakan melalui EPP ini untuk membolehkannya merangsangkan pembangunan industri.



Jurutera marin menjalani latihan di Boustead Naval Shipyard

PELUANG PERNIAGAAN

1

Syarikat Pembinaan Pelbagai Disiplin

HSS Engineering, sebuah syarikat Pembinaan MDP terkenal kini terlibat dalam projek MRT sebagai jurutera perunding bebas dan sudah pun merealisasikan peluang perniagaan ini.

2

Sektor Perakaunan

Peluang perniagaan ini kini berada di bawah bidang kuasa SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi bagi memastikan pelaksanaan yang lebih lancar.

Ringkasan NKEA Perkhidmatan Peniagaan

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	**RM78.7 bilion**
Pekerjaan Tambahan	**245,000**

Sasaran kritikal bagi tahun 2014

- Pertumbuhan pendapatan sebanyak 15% untuk Perkhidmatan Perkongsian & Penyumberan Luar
- Pertumbuhan pendapatan sebanyak 25% untuk Perkhidmatan Pusat Data
- Pelaburan RM2 bilion dicapai untuk inisiatif Teknologi Hijau
- RM400 juta nilai pinjaman yang diluluskan di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS)
- 224 jurutera perunding pakar baharu dalam Perkhidmatan Kejuruteraan Pengkhususan Tinggi

Pemangkin Perubahan

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

pengalaman bersama perkhidmatan awam



Dato' Dr. Nor Aliah Mohd Zahri
Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU

Sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menerajui inisiatif ICT di bawah NKEA Perkhidmatan Perniagaan (EPP 2: Membina Pihak Pembekal Perkhidmatan Perkongsian dan Penyumberan Luar yang Berdaya Saing di Peringkat Antarabangsa), MAMPU telah melaksanakan pelbagai langkah bagi memudahcarakan transformasi digital sektor awam.

"Pelaksanaan inisiatif ICT di bawah EPP ini akan membantu perkhidmatan awam menyampaikan perkhidmatan yang konsisten, berkesan, cekap, telus dan memberikan nilai faedah kepada rakyat dan negara secara keseluruhannya," kata Dato' Dr. Nor Aliah Mohd Zahri, Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU.

Peranan dan tanggungjawab MAMPU yang lain dalam EPP 2 termasuklah menjalankan projek perintis untuk menggabungkan pusat data Kerajaan menjadi Pusat Data Kerajaan (GDC) dan menyepadukan perkhidmatan mesej Kerajaan, termasuk emel dan mel suara, merentas Kementerian-kementerian dan agensi-agensi utama di bawah platform 1GovUC. Agensi ini juga menugaskan kajian menyeluruh dalam mengenal pasti duplikasi merentas proses perniagaan bukan teras, dengan tujuan membina pusat perkhidmatan perkongsian Kerajaan.

Sepanjang tahun 2013, pencapaian utama MAMPU dalam mengendalikan peranannya termasuk penyertaan 37 agensi Kerajaan dalam inisiatif GDC. "Ini merupakan petanda yang baik kerana KPI yang disasarkan bawah inisiatif ini pada tahun 2013 adalah sebanyak 28 agensi," menurut Dato' Dr. Nor Aliah Mohd Zahri, kerana GDC-1 kini memberi khidmat kepada 45 agensi Kerajaan, meliputi 250 permohonan dan 224 perkhidmatan fizikal. Perkhidmatan GDC ini yang mematuhi standard Tahap 3, telah bergerak ke luar infrastruktur fizikal dengan menyediakan perkhidmatan pengkomputeran awan melalui 1GovCloud.

"Satu lagi pencapaian utama inisiatif GDC kami ialah penjimatan Kerajaan. 20 agensi pertama yang menyertai GDC-1 kami pada tahun 2012 telah mengurangkan kos pembelian/penyumberan sebanyak RM4 juta, penggunaan elektrik sebanyak RM275,852 dan mencapai penjimatan kos penyenggaraan sebanyak RM2.26 juta setahun," menurut Dato' Dr. Nor Aliah Mohd Zahri. MAMPU juga berjaya mengurangkan tempoh pemerolehan proses ICT dari enam bulan kepada hanya 30 minit melalui 1GovCloud.

Di samping itu, sehingga bulan Disember 2013, GDC-2 luar premis telah menyediakan perkhidmatan pusat data dan pusat sumber data kepada 37 agensi, sementara pelaksanaan kemudahan pengkomputeran pemayaan dan awan pula telah mengurangkan penggunaan ruang pusat data.

Perkhidmatan 1GovUC telah mencatat 122,654 pengguna daripada 45 agensi sehingga bulan Disember 2013 apabila sistem emel yang sedia ada di agensi-agensi ini berjaya dipindahkan ke 1GovUC. Dato' Dr. Nor Aliah Mohd Zahri menekankan, "Dengan pemindahan sistem sedia ada ke 1GovUC dan bermulanya penggunaan perkhidmatan ini, kos operasi sistem emel termasuk perlesenan dan penyenggaraan di peringkat agensi tidak lagi diperlukan." Platform 1GovUC telah memberi manfaat kepada pengguna dengan menyediakan perkhidmatan yang disediakan sepanjang masa dan pemulihan bencana.

Bagaimanapun, Dato' Dr. Nor Aliah Mohd Zahri menarik perhatian kepada cabaran yang dihadapi oleh MAMPU dalam menjalankan tugasnya termasuk perhubungan antara agensi bagi inisiatif GDC dan 1GovUC, kesediaan agensi dan kekurangan pakar dalam komunikasi bersepadu (UC) dan pengkomputeran awan yang dihadapi oleh penyedia perkhidmatan iaitu GDC dan 1GovUC.

Bagi menangani cabaran-cabaran ini, MAMPU mula melaksanakan usaha ke arah kerjasama rapat dengan penyedia rangkaian Kerajaan iaitu Government Integrated Telecommunication Network (GITN) untuk mengesan masalah dengan rangkaian seperti kelajuan sambungan yang perlahan. MAMPU juga telah memulakan Program *Reskill*, *Redeploy* and *Replace* (3R) untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja pakar teknikal.

"Program 3R ini menyediakan pensijilan dan latihan yang sesuai bagi peserta yang terpilih agar mereka boleh meningkatkan pengetahuan, kecekapan dan kemahiran dalam bidang masing-masing. Program ini terdiri daripada pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk meningkatkan kecekapan kakitangan sambil memastikan kita mengetahui maklumat terkini mengenai trend dan kemajuan teknologi yang sentiasa berubah. 22 kursus akan ditawarkan di bawah program 3R ini, yang setakat ini telah menarik seramai 194 peserta," kata Dato' Dr. Nor Aliah Mohd Zahri.


Dalam tempoh terdekat ini, antara inisiatif yang bakal dilaksanakan oleh MAMPU di bawah EPP 2 termasuk menaiktarafkan kemudahan GDC-1 bagi mematuhi standard antarabangsa yang berkaitan, menyediakan penawaran baharu melalui GDC-1 dan melanjutkan perkhidmatan GDC kepada lebih banyak agensi, sambil menggalakkan kerjasama yang lebih erat.

Di samping itu, MAMPU akan memberi tumpuan untuk menilai penyelesaian, perkhidmatan dan penawaran UC yang lain sambil menumpu kepada penjimatan kos dan nilai faedah bagi Kerajaan. Fasa 2 1GovUC dijangka akan disempurnakan dengan penyertaan 200,000 pengguna.

Perancangan MAMPU yang lain dalam usaha untuk maju ke hadapan termasuk melaksanakan projek perintis untuk menstandardkan perkhidmatan ICT melalui persekitaran operasi berpusat dan standard bagi perkakasan ICT dan peranti titik akhir bagi sektor awam. Agensi ini juga sedang bergerak ke arah mengguna dan menjajarkan rangka kerja Perkongsian Perkhidmatan Kerajaan dengan pelan induk perkongsian awam-swasta bagi perkhidmatan perkongsian Kerajaan. Tambahan pula, MAMPU akan memulakan Program 3R bagi kakitangan perkhidmatan perkongsian Kerajaan dan meneruskan pelan komunikasi yang sedang berjalan bagi menggalakkan kecemerlangan prestasi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik.

Berbekalkan perancangan yang telah pun dilaksanakan dan pencapaian pantas matlamatnya, Dato' Dr. Nor Aliah Mohd Zahri percaya MAMPU berada di landasan yang betul untuk mencapai sasarannya di bawah NKEA Perkhidmatan Perniagaan.

"Kami percaya inisiatif ini akan benar-benar memberi manfaat kepada agensi-agensi dan memainkan peranan yang penting dalam agenda transformasi sektor awam. Berbekalkan komitmen kukuh dan kerjasama daripada semua pihak, MAMPU yakin ia boleh mencapai sasaran NKEA untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan bagi proses IT dan perniagaan bukan teras sehingga 20 peratus menjelang tahun 2020," tegas beliau.





KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI





Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek
Menteri Komunikasi dan Multimedia

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan rasa gembira kerana NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi (CCI) telah mencapai prestasi yang begitu baik semenjak ia dilancarkan tiga tahun yang lalu.

Sehingga Suku Ketiga Tahun 2013, penembusan jalur lebar isi rumah telah mencecah 67 peratus dan penembusan telefoni selular pula mencapai 146.1 peratus. Jalur lebar berkelajuan tinggi kini tersedia di 1.4 juta premis dan capaian 3G sudah meliputi 84 peratus daripada kawasan penduduk. Hal ini bererti bahawa capaian Internet begitu meluas di rumah, tempat kerja, malah di mana-mana sahaja.

Semakin hari, semakin banyak perkhidmatan Kerajaan dipindahkan ke dalam talian. Antaranya termasuklah urusan cukai pendapatan, pembaharuan cukai jalan, pengesahan keputusan peperiksaan, permohonan pendaftaran syarikat, malah golongan istimewa juga boleh mendaftar dalam talian. Pada tahun 2013, lebih 90 peratus daripada sekolah rendah dan menengah Kerajaan sudah dihubungkan dengan jalur lebar melalui program 1BestariNet. Serentak dengan itu, inisiatif 1Gov*Net yang membekalkan akses Internet berkelajuan tinggi juga berjaya menghubungkan semua hospital, klinik dan institusi kesihatan utama.

Untuk pembangunan kandungan pula, sukacita saya laporkan bahawa industri kreatif Malaysia, setakat ini, telah berjaya mengaut lebih RM430 juta (diunjurkan mencecah hampir RM600 juta untuk tahun 2013), melalui filem-filem seperti *War of the Worlds: Goliath*, *Vikingdom* dan *Life of Pi* yang mendapat sambutan hebat di luar negara. Tahun 2013 juga menyaksikan penubuhan Insentif Perfileman di Malaysia bagi menjadikan Malaysia sebuah destinasi menarik untuk industri perfileman dan berupaya mewujudkan pelaburan dan peluang pekerjaan.

Sungguhpun berbangga dengan pencapaian ini, saya menyambut kedatangan tahun 2014 dan tahun-tahun berikutnya dengan penuh harapan kerana industri ini akan terus melangkah jauh bagi menggalas harapan rakyat. Sebuah kajian oleh ASEAN meramalkan yang Malaysia akan memerlukan akses Internet dengan purata kelajuan kira-kira 50 Mbps menjelang tahun 2018. Kami akan memacu industri ini agar infrastruktur bagi sektor telekomunikasi semakin baik dan liputan fiber semakin berkembang sejajar dengan permintaan rakyat.

Sebagai langkah pertama, kira-kira 130,000 rumah dalam kawasan Lembah Klang akan dibekalkan dengan kapasiti jalur lebar berkelajuan 100 Mbps pada tahun 2014. Rangkaian HSBB akan diperluas ke kawasan bandar dalam tempoh tiga tahun untuk membolehkan lebih ramai rakyat menikmati kelajuan jalur lebar menjangkaui 10 Mbps. Kawasan persekitaran perbandaran juga akan mendapat akses Internet yang lebih laju berbanding dahulu. Projek 1BestariNet akan lebih dipertingkat kerana kami yakin bahawa kapasiti jalur lebar yang lebih pantas akan menghasilkan suatu persekitaran pembelajaran yang lebih cemerlang.

Usaha penaikan taraf kelajuan jalur lebar ini amat penting kerana kepantasan capaian menjadi paksi pengukuhan untuk EPP lain berkembang. Jalur lebar berkelajuan tinggi berperanan sebagai pemangkin kepada penciptaan dan pengedaran kandungan kreatif, mempercepatkan penerapan program e-Kerajaan serta menggalakkan penggunaan e-Pembelajaran.

Menyisir semua tuntutan ini, saya berpendapat bahawa kemudahan jalur lebar dan teknologi maklumat (ICT) ialah pemangkin UTAMA untuk melonjakkan pelan transformasi, bukan sahaja bagi sektor dan bidang di bawah Program Transformasi Ekonomi, malah turut memberi kesan terhadap Program Transformasi Kerajaan. Kami akan berganding bahu dengan setiap Kementerian terlibat untuk meninjau cara ICT berupaya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan efisiensi sektor swasta dalam menuju aspirasi negara menjelang 2020.

KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI

NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi (CCI) amat penting dalam usaha pembangunan Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi, bukan sahaja kerana industri ini sedang berkembang tetapi NKEA ini ialah pemangkin bagi memesatkan pertumbuhan ekonomi negara.

NKEA ini juga mencerminkan infrastruktur utama dalam abad ke-21 apabila banyak kajian di serata dunia menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang jelas antara penembusan perkhidmatan komunikasi di sesebuah negara dan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara tersebut.

Industri ini merupakan platform asas yang menggerakkan e-dagang, e-pembelajaran dan penyumberan luar untuk aktiviti runcit, pendidikan mahupun perniagaan. Akan tetapi, industri tempatan kini perlu berubah daripada hanya berusaha menyediakan infrastruktur kepada menyediakan aplikasi dan kandungan sejajar dengan perkembangan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Mujurlah pelbagai pengusaha kandungan di Malaysia sudah bersedia untuk memanfaatkan sepenuhnya usaha tersebut, lantaran pelaburan awal yang sudah pun dilakukan untuk mempromosi aplikasi dan kandungan digital di negara ini, contohnya pewujudan MSC Malaysia. NKEA ini akan meneruskan usaha memacu pertumbuhan negara, dan menetapkan sasaran Pendapatan Negara Kasar (PNK) setinggi RM57.7 bilion serta menyediakan 43,162 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Sasaran ini akan tercapai dengan pelaksanaan 10 EPP yang akan membuka peluang bagi mencipta kandungan dan perkhidmatan terbaik dan baharu untuk merangsang permintaan dan memangkinkan sektor lain. Inisiatif ini akan disokong oleh pelaburan dalam pembangunan aplikasi dan kandungan, serta penambahbaikan dalam infrastrukur yang menekankan peningkatan kualiti dan kelajuan.

Antara sasaran khusus yang telah ditetapkan di bawah NKEA ini termasuklah peningkatan kadar penembusan jalur lebar kepada 95 peratus bagi seluruh rakyat pada harga berpatutan dan bermutu tinggi menjelang tahun 2020. Sasaran bagi kawasan bandar pula ialah akses jalur lebar pada kelajuan minimum 100 Mbps.

Petunjuk Prestasi Utama Tahun 2013

NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Jumlah kandungan digital dalam jam (jam)	28,000	26,154	93	🟢	93	🟢	0.5	🟡
	Hasil eksport kandungan kreatif (RM juta)	600	433.967 Jumlah keseluruhan 2013 tidak lengkap pada masa cetakan	72	🟡	72	🟡	0.5	🟡
	Bilangan tajuk yang dimuat naik untuk akses pasaran (Unit)	10,000	10,066	101	🟢	100	🟢	1.0	🟢
EPP #3	*Get Malaysian Business Online* (GMBO): Jumlah perniagaan baharu dalam talian (Unit)	50,000	34,040	68	🟡	68	🟡	0.5	🟡
EPP #4	Peratusan sekolah dengan sambungan berkelajuan sehingga 10Mbps (julat 4-10Mbps) (%)	90%	87.69%	97	🟢	97	🟢	0.5	🟡
	Peratusan sekolah dengan sambungan berkelajuan sehingga 4Mbps (julat 2-4Mbps) (%)	100%	100%	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
EPP #5	Fasiliti kesihatan dengan sambungan jalur lebar - Kumulatif (minimum 2 Mbps)(Unit)	3,000	2,850	95	🟢	95	🟢	0.5	🟡
	Fasiliti kesihatan yang menggunakan sistem ICT – Kumulatif (Unit)	2,500	2,547	102	🟢	100	🟢	1.0	🟢
EPP #6	Perkhidmatan dalam talian (%)	70	70.34	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Agensi yang mengamalkan Sistem Pengurusan Dokumen secara Digital (DDMS) (Unit)	1	1	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	**KPI**	**Sasaran (FY)**	**Sebenar (YTD)**	**Pencapaian**					
				Kaedah 1		**Kaedah 2**		**Kaedah 3**	
				%		**%**			
EPP #7	Akses jalur lebar di kawasan padat penduduk (Greater KL) dengan kelajuan minimum 2Mbps - bekalan (%)	90	88	98	●	98	●	0.5	●
	Akses jalur lebar di kawasan padat penduduk di semua ibu negeri dengan kelajuan minimum 2Mbps - bekalan (%)	50	57	114	●	100	●	1.0	●
EPP #8	Jumlah tapak program baharu yang telah dikomisyenkan (Unit)	1,187	1,250	105	●	100	●	1.0	●
EPP #10	Peratusan penurunan harga lebar jalur yang dibeli secara borong (%)	20	33	165	●	100	●	1.0	●
				101%		**95%**		**79%**	

Rajah 9.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1 Memupuk Kandungan Kreatif Malaysia

Kandungan kreatif adalah satu bentuk harta intelek dan Malaysia sudah mempunyai kesediaan untuk mengeluarkan dan memanfaatkannya. EPP ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan dalam industri kreatif Malaysia bagi menghasilkan kandungan bertaraf dunia dan akhirnya menjadi hab serantau bagi kandungan digital.

Dalam pada itu, dilihat bahawa industri ini terlalu bersandar pada dana dan subsidi sehingga model perniagaan yang terbit adalah tidak mampan. Bagi menangani masalah ini, beberapa langkah telah diperkenalkan untuk memantapkan kemampuan perniagaan dalam industri ini menerusi model pengeluaran geran baharu seperti geran pemadan dan pengesanan berpandukan prestasi. Syarat bagi kemudahan pinjaman juga telah diperketatkan mengikut keteguhan model perniagaan.

EPP ini pada awalnya terhad kepada filem, dokumentari, rancangan bersiri dan animasi semata-mata. Namun, pada tahun 2012, ruang lingkupnya diperluas untuk merangkumi seni pentas, seni visual, muzik dan kraftangan agar selaras dengan dasar industri kreatif negara.

Rentetan penstrukturan semula yang dilaksanakan ke atas kementerian-kementerian Kerajaan berikutan pilihanraya ke-13, fokus EPP1 kini terbatas semula kepada filem, dokumentari, rancangan bersiri, animasi dan muzik, dan diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Aktiviti seni pentas, seni visual dan kraf tangan kini dipindahkan semula ke bawah tadbir urus Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Pencapaian dan Cabaran

Bagi menarik minat yang lebih tinggi dalam kalangan penggiat produksi ke Malaysia (tempatan dan asing) dan sekali gus menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan, Insentif Perfileman di Malaysia (FIMI) telah mula dilaksanakan pada 19 Febuari 2013. Dasar baharu ini akan memperkukuh inisiatif awal seperti *MSC Malaysia Creative Multimedia Content Initiative* dan menambahkan hasil mereka dan serentak dengan itu, memberi tumpuan untuk meningkatkan eksport kandungan kreatif. Dalam hal ini, Persatuan Kandungan Kreatif Malaysia (CCAM) yang ditubuhkan pada tahun 2012 memainkan peranan penting dalam menerobos pasaran baharu bagi eksport kandungan dari Malaysia.

Kini, di bawah FIMI, sepuluh produksi telah terhasil yang berpotensi mewujudkan pelaburan pengeluaran asing dan tempatan bernilai sehingga RM148.40 juta.

Setakat Suku Ketiga Tahun 2013, jumlah eksport kandungan kreatif adalah setinggi RM331 juta, satu pencapaian yang hampir setanding dengan jumlah yang dicapai pada Suku Ketiga Tahun 2012. Akan tetapi, industri ini telah mendepani cabaran besar pada tahun 2013 untuk memperoleh hasil eksport yang sama atau lebih tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya. Eksport bagi kandungan kreatif terkesan akibat beberapa faktor, antara lain, sifat kitaran kandungan animasi yang memerlukan tempoh gestasi sehingga dua tahun.



Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek dan Menteri Perhubungan dan Penerangan Singapura Dr. Yaacob Ibrahim di Pavilion Malaysia sewaktu pameran MIPCOM Cannes 2013



Perkongsian strategik dimeterai antara Malaysia dan syarikat asing sewaktu Resepsi Rangkaian Kreatif Malaysia yang dirasmikan oleh Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek

2011	2012	2013
333	547	434*

**Maklumat penuh bagi tahun 2013 belum terbit setakat tarikh Laporan ini*

Rajah 9.2: Hasil yang dijana oleh kandungan kreatif (RM juta)

Kejayaan yang diraih dalam pengeksportan siri animasi seperti *Upin dan Ipin* dan *BoboiBoy* ialah bukti bahawa Malaysia mampu melahirkan kandungan kreatif bermutu tinggi. Di samping penghasilan produk sendiri, Malaysia sekali lagi menyerlahkan bakatnya apabila berjaya menyediakan fasiliti untuk produksi animasi bertaraf dunia. Hal ini jelas daripada kejayaan filem blokbuster, *Life of Pi*.

Dana *Computer-Generated Imagery (CGI)* yang diperuntukkan lewat tahun 2011 bertujuan untuk mengukuhkan kandungan CGI dan membangunkan industri CGI di Malaysia. Pada tahun 2013, beberapa penerima dana CGI seperti *Vikingdom* and *War of the Worlds: Goliath* telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

Hasil yang diraih oleh sektor kreatif pada tahun 2012 dan tahun 2013 meningkat setinggi 16 peratus kepada RM15 bilion pada 2013, berbanding dengan RM12.7 bilion pada tahun 2012.

Sorotan Sektor Swasta: Persatuan Kandungan Kreatif Malaysia

Persatuan Kandungan Kreatif Malaysia (CCAM) adalah sebuah persatuan tajaan Kerajaan yang diterajui oleh pihak industri dan terdiri daripada pengusaha kandungan kreatif di Malaysia. Persatuan yang ditubuhkan pada tahun 2012 ini bertujuan mempromosi dan mengeksport kandungan kreatif bagi pasaran luar negara dan penyiar antarabangsa melalui penggunaan kreativiti dan teknologi digital terbaharu dan memanfaatkan budaya Malaysia yang unik.

CCAM juga berperanan penting dalam usaha Kerajaan memasarkan kandungan kreatif Malaysia ke persada antarabangsa. Persatuan ini menganjurkan perbincangan dan menyebarluaskan maklumat tentang potensi peluang di pasaran serta berita terkini berkaitan industri kandungan kreatif. CCAM adalah platform yang mewakili pandangan pengamal industri, membantu penguatkuasaan prosedur dan melaksanakan cadangan dasar - semuanya akan diambil kira oleh Kerajaan untuk membantu penerbit memasarkan kandungan kreatif tempatan ke luar negara. Di samping itu, CCAM juga menyusun strategi jangka pendek dan panjang untuk meningkatkan kualiti kandungan yang diterbitkan oleh ahli persatuan dan memasarkannya di rantau ini dan di arena antarabangsa.

CCAM telah menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi pembangunan, seperti FINAS, MDeC, SKMM dan Matrade dalam hal-hal berkaitan:

- Penyelidikan dan penembusan pasaran kandungan kreatif di peringkat antarabangsa
- Meningkatkan kemahiran dan kemampuan rakyat untuk menerbitkan kandungan kreatif tempatan
- Mengoptimumkan pengkomersialan dan pengurusan hak harta intelektual bagi melindungi industri kandungan kreatif tempatan
- Pelibatan dalam aktiviti kandungan di pasaran luar negara; dan
- Bekerjasama dalam menganjurkan acara tahunan bagi industri kandungan kreatif untuk mempromosikan Malaysia sebagai hab pembangunan kandungan

Sejak tahun 2012, CCAM telah melaksanakan kerjasama bersama-sama FINAS, MDeC dan agensi lain yang turut serta dalam inisiatif jualan seperti MIPCOM and DISCOP. Pelibatan CCAM dalam usaha tersebut berjaya meraih hasil eksport bagi kandungan kreatif tempatan bernilai RM180 juta dan RM171.3 juta pada tahun-tahun 2012 dan 2013 masing-masing.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang CCAM, sila layari http://creativecontent.my/

Hasil eksport bernilai RM180 juta dan RM171.3 juta pada tahun-tahun 2012 dan 2103

	Sektor	2013 Jumlah (RM juta)
1	Filem	256
2	Televisyen	53
3	Radio	384
4	Animasi, permainan& aplikasi mudah alih	628
5	Muzik	334
6	Seni Pentas	11
7	Kraf tangan	409
8	Seni Visual	40
9	Pengiklanan	9,607
10	Percetakan	3,314
	Jumlah	**14,836**

Rajah 9.3: Data disusun oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia, dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Maklumat berkenaan Animasi, permainan& aplikasi mudah alih setakat Suku Ketiga Tahun 2013



Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek bersama Paul Zik, Ketua Pegawai Eksekutif Reed Midem, penganjur rasmi pameran MIPCOM Cannes

Sebuah lagi genre dalam segmen animasi di bawah industri kreatif ialah bidang khusus untuk pembangunan permainan. *Integrated Content Development Programme (ICON)* yang mula dilancarkan pada tahun 2010 dan diurus tadbir oleh *Multimedia Development Corporation (MDEC)* telah mengeluarkan dana kepada 448 pemohon yang layak (setakat November 2013). Dalam kalangan penerima dana ini, sebuah kejayaan besar telah diraih oleh sebuah aplikasi permainan mudah alih yang bertajuk *Chinese Zombie War*. Aplikasi ini menduduki carta 20 teratas sebagai aplikasi yang paling banyak dimuat turun di China.

Projek lain yang sedang dilaksanakan di bawah EPP ini termasuklah *Digital Live Transit TV* oleh Asia Media dan *Hospitality IPTV* oleh Select-TV.

Cabaran yang dihadapi oleh EPP ini timbul disebabkan sikap pengamal industri ini sendiri yang belum dapat mengubah pendekatan mereka agar lebih tertumpu kepada perniagaan. Terdapat keperluan yang mendesak bagi mewujudkan satu direktori yang menyenaraikan pengamal serta pakar-pakar yang diperakui dalam bidang industri kreatif. Direktori ini amat perlu bagi menjayakan usaha FIMI.

Langkah Seterusnya

FIMI dijangka akan meneruskan kecemerlangan dalam usaha menarik minat pengeluar filem antarabangsa untuk menjadikan Malaysia lokasi penggambaran filem mereka dan meningkatkan jumlah perbelanjaan penggambaran sehingga RM200 juta pada tahun 2014.

Usaha yang dipergiatkan sejak tahun 2012 akan dikembangkan dengan menggabungkan kandungan baharu yang telah didigitalkan bersama-sama dengan kandungan digital yang sedia ada lalu dimuat naik ke sebuah portal dalam talian yang dinamakan *MyCC4dWorld*. *MyCC4dWorld* memudahkan pengewangan *(monetisation)* bagi kandungan kreatif dan membantu agensi yang telah menyumbang kandungan ke portal tersebut meraih hasil mereka.

EPP ini akan terus membantu pengusaha industri kandungan kreatif tempatan untuk menganjakkan pemikiran mereka supaya lebih berorientasikan perniagaan dan membantu pembangun aplikasi untuk menerobos pasaran antarabangsa.

EPP 3 Menghubungkan 1Malaysia



Mempromosi *Get Malaysian Business Online* kepada para usahawan di Melaka

EPP ini bertujuan membantu golongan peniaga, pengguna dan Kerajaan memanfaatkan trend dunia yang kini sangat menjurus kepada kesalinghubungan sesama sendiri. Inisiatif ini akan mempercepatkan penggunaan perkhidmatan komunikasi bernilai tambah yang baharu untuk perniagaan, isi rumah dan Kerajaan, dengan cara meningkatkan bilangan syarikat Malaysia dalam talian serta meningkatkan infrastruktur telekomunikasi.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan melalui EPP ini termasuklah usaha *Get Malaysian Business Online* (GMBO). Dalam Bajet 2013, GMBO diperuntukkan dengan geran insentif sebanyak RM1,000 bagi setiap calon yang layak. Usaha ini bertujuan membantu minoriti (15 peratus) daripada 700,000 perusahaan bersaiz kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia yang aktif tetapi tidak mempunyai perniagaan dalam talian. Usaha yang diterajui oleh SKMM ini dilakukan menerusi kerjasama dengan agensi lain seperti Amanah Ikthiar Malaysia (AIM), *my Domain Registry* (MYNIC) dan *Commerce Access*.

Pencapaian dan Cabaran

EPP ini berhadapan dengan masalah tahap penerimaan dalam kalangan usahawan PKS yang enggan menyertai inisiatif ini. Alasan mereka ialah mereka lebih selesa mengekalkan anonimiti dalam talian, lebih gemar mengguna pakai platform asing contohnya Facebook dan URL asing (.com berbanding .com.my) serta kurang kemahiran untuk memuat naik keterangan berkaitan perniagaan dan produk mereka.

Langkah Seterusnya

Pelbagai strategi seperti perkongsian dengan sektor swasta akan disusun bagi memastikan inisiatif di bawah EPP Menghubungkan 1Malaysia menjangkau lebih luas kepada bakal pengguna. Interaksi yang berterusan dengan industri ini diharapkan akan membuahkan hasil melalui penjanaan projek-projek baharu dalam EPP ini.

EPP 4 Mewujudkan e-Pembelajaran untuk Pelajar dan Pekerja

EPP ini memainkan peranan penting dalam menggalakkan rakyat untuk menerima pakai teknologi e-pembelajaran. Usaha ini dilaksanakan dengan mewujudkan satu platform pengetahuan umum untuk golongan pelajar dan profesional bagi mempertingkat kaedah pengajaran dan membantu penduduk agar turut terlibat dalam ekonomi berasaskan pengetahuan.

EPP ini telah mensasarkan kesemua enam juta pelajar di 9,889 buah sekolah rendah dan menengah Kerajaan untuk mempunyai akses Internet berkelajuan tinggi melalui program 1BestariNet. Program ini menyediakan sekolah-sekolah terbabit dengan capaian 4G serta akses kepada Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) Frog.

Dengan menggunakan kaedah VLE, golongan guru, pelajar dan ibu bapa dapat membina rangkaian sesama mereka, lantas memperluas ruang lingkup bilik darjah kepada suatu arena digital yang boleh diakses menerusi komputer riba dan pelbagai peranti yang mempunyai capaian Internet.

Bagi memanfaatkan akses internet berkelajuan tinggi yang disediakan menerusi program 1BestariNet, sekolah-sekolah terlibat juga sedang dilengkapkan dengan peranti yang bersesuaian. Dengan mengambil kira pembinaan makmal komputer yang sering kali lebih mahal belanjanya, Kementerian Pendidikan memutuskan bahawa adalah lebih baik menggunakan konsep makmal komputer mudah alih.

Semua usaha tersebut kini telah tercatat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013.

Pencapaian dan Cabaran

Bersandarkan program 1BestariNet ini, 90 peratus daripada jumlah sekolah yang disasarkan sudah pun disambungkan dengan jalur lebar berkelajuan tinggi. Bilangan sekolah yang selebihnya akan diberi kemudahan tersebut pada awal tahun 2014, disebabkan masalah teknikal di kawasan pedalaman. Setakat ini, sejumlah 6,347 buah sekolah telah diberi akses Internet pada kelajuan 4 hingga 10 Mbps dan 2,651 buah sekolah pula menerima akses pada kelajuan 2 hingga 4 Mbps.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan telah mengedarkan lebih 100,000 komputer riba (bersamaan lebih 2,400 makmal komputer mudah alih) ke sekolah-sekolah bagi memastikan semua sekolah itu dilengkapkan dengan peranti ICT yang diperlukan. Setiap pelajar, guru dan ibu bapa akan diberi akses log masuk ke VLE. Komputer riba yang diberikan pula adalah yang pertama di dunia hasil ciptaan gandingan Google dan Samsung, iaitu *Google Chromebook* yang dilengkapi akses 4G.

Sungguhpun pelaksanaan capaian internet dan VLE ini telah berjaya, cabaran yang timbul adalah dalam memastikan bahawa capaian Internet ini bermutu tinggi dan kemudahan VLE dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar, guru dan ibu bapa secara umumnya. Selain itu, terdapat kekurangan dalam kandungan pendidikan yang dibangunkan sendiri oleh guru-guru dan pelajar sekolah.

Langkah Seterusnya

Dengan terlaksananya capaian Internet berkelajuan tinggi itu, fokus EPP ini pada tahun 2014 adalah memastikan kualiti Internet yang sampai ke sekolah-sekolah tersebut adalah tinggi dan meningkatkan kandungan pelajaran ke dalam VLE. Usaha ini akan digabungkan dengan latihan maya bagi semua guru di sekolah-sekolah ini.

EPP 5 Melancarkan e-Penjagaan Kesihatan

EPP e-Penjagaan Kesihatan bertujuan menyediakan satu platform tunggal bagi perkongsian maklumat dalam kalangan penyedia penjagaan kesihatan, para pesakit dan syarikat-syarikat insurans dengan matlamat untuk menambah baik kualiti penjagaan kesihatan di negara ini. Di bawah EPP ini, capaian Internet di lebih 4,000 fasiliti kesihatan akan dinaik taraf sebagai suatu usaha projek dinamakan 1Gov*Net yang diurus oleh MAMPU dan Rangkaian Telekomunikasi ICT Bersepadu Kerajaan (GiTN).

Platform 1Gov*Net untuk penjagaan kesihatan ini membolehkan penyedia penjagaan kesihatan mengakses aplikasi bagi meningkatkan produktiviti mereka, dan di samping itu langkah ini berupaya menurunkan kos dan mengurangkan kesilapan. 1Gov*Net juga memberikan akses dalam talian kepada pesakit tentang perkhidmatan penjagaan dan keterangan lain.

MedikTV, yakni saluran rasmi Kementerian Kesihatan yang dilancarkan pada tahun 2011 berperanan menyampaikan isu-isu penjagaan kesihatan utama dan ditayangkan di institusi perubatan di seluruh negara. Siaran ini juga ditayangkan melalui IPTV dan saluran dalam talian.

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2013, EPP ini meneruskan usaha menyediakan perkhidmatan Internet ke semua fasiliti kesihatan di seluruh negara dengan sasaran untuk mencapai 3,000 fasiliti kesihatan. Walau bagaimanapun, disebabkan kebanyakan fasiliti kesihatan utama telah pun disambungkan sebelum ini, fasiliti-fasiliti selebihnya merangkumi fasiliti yang baharu atau klinik desa di kawasan pendalaman tidak dilengkapi peralatan ICT. Maka, bagi mengelakkan pembaziran, keutamaan telah diberikan kepada fasiliti-fasiliti yang akan mengguna pakai kemudahan penyambungan Internet tersebut. Langkah ini telah menyebabkan cuma 2,850 fasiliti dikenal pasti layak dan kesemuanya telah berjaya disambungkan.

Akan tetapi, terdapat beberapa situasi di mana capaian Internet di beberapa lokasi fasiliti kesihatan masih tidak mencapai kelajuan yang disediakan. Hal ini disebabkan oleh infrastruktur sedia ada, iaitu Rangkaian Kawasan Setempat (LAN) di lokasi terbabit tidak mampu untuk menampung kepadatan lebar jalur yang telah bertambah hasil peningkatan akses tersebut.

Cabaran lain yang perlu ditangani ialah usaha bagi mempertingkat aplikasi sedia ada seperti *Tele-Primary Care*, *Oral Care Health Information System* dan *Hospital Information System* yang disasarkan kepada fasiliti kesihatan awam menunjukkan kemajuan yang amat kecil. Masalah ini adalah disebabkan oleh kekangan kewangan yang dihadapi.

Langkah Seterusnya

EPP ini akan memastikan capaian luar yang masuk ke setiap fasiliti berkenaan adalah berkualiti serta memastikan terdapat usaha untuk menaik taraf rangkaian LAN di beberapa fasiliti yang disasarkan supaya dapat menyokong keperluan lebar jalur yang tinggi. Dengan ini, pengguna di fasiliti-fasiliti kesihatan tersebut pasti akan mendapat pengalaman pengunaan Internet yang berkualiti.

Sehubungan dengan pelan transformasi Kementerian Kesihatan, model-model baharu menggunakan teknologi yang berupaya mengurangkan kos operasi akan diteroka.

EPP 6 Memperdalamkan e-Kerajaan

Inisiatif e-Kerajaan bertujuan menambah baik penyampaian perkhidmatan awam dan menawarkan potensi kepada sektor awam untuk mendapat pulangan dari segi peningkatan efisiensi dan akauntabiliti mereka. EPP ini akan memindahkan semua perkhidmatan Kerajaan yang memerlukan orang awam hadir di pejabat Kerajaan kepada perkhidmatan dalam talian dengan sasaran mencapai "sifar bersemuka" menjelang tahun 2020.

Usaha ini akan menjimatkan banyak masa orang awam, kerana 90 peratus perkhidmatan kaunter bagi urusan Kerajaan disasarkan akan disediakan dalam talian. Baki 10 peratus pula dilengkapkan melalui pengunaan e-borang menjelang tahun 2020. EPP ini adalah lanjutan daripada dasar kukuh yang telah dimulakan beberapa tahun dahulu apabila Kerajaan melancarkan sebuah portal tunggal bagi penyediaan perkhidmatan Kerajaan yang dinamakan *myGovernment*. e-Kerajaan akan meneguhkan akauntabiliti perkhidmatan awam kerana sebarang tender dan bidaan yang diperoleh akan dipaparkan untuk tatapan semua di laman web *myProcurement*.

EPP ini bukan hanya melihat kepada perkhidmatan yang diberikan kepada orang awam, malah menyasarkan pewujudan sebuah Kerajaan tanpa kertas dengan cara menggantikan keperluan menyimpan rekod dan arkib dalam bentuk kertas kepada bentuk digital.

Pencapaian dan Cabaran

EPP ini telah berjaya memindahkan perkhidmatan Kerajaan kepada bentuk perkhidmatan dalam talian sebanyak 70.3 peratus. Kemajuan yang dicapai pada tahun 2013 termasuklah pengembangan sistem e-Halal, ia bukan sekadar menyediakan direktori pengeluar barangan yang disahkan Halal, malah kini, sistem tersebut membolehkan pengguna serata dunia membuat permohonan untuk pensijilan Halal Malaysia secara dalam talian. Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) pula berjaya mengurangkan jangka waktu pemprosesan kepada satu hari bekerja berbanding dengan tujuh hari bekerja sebelumnya.



Pameran bergerak 'Jejak Online Mudahnya' yang diadakan di Melaka

Bagi menjadikan Putrajaya sebuah model rujukan yang memperlihatkan pengaplikasian WiFi yang dipancarkan merata, projek *Putra Wifi* telah dilaksanakan. Setiap penjawat awam kini diberi satu pengenalan laluan unik yang boleh digunakan di tiga belas premis dalam kawasan Putrajaya.

Kementerian lain yang telah menyusul dalam pengaplikasian Sistem Pengurusan Dokumen secara Digital (DDMS) pada tahun 2013 ialah Kementerian Sumber Manusia. Hal ini menjadikan jumlah agensi Kerajaan yang mengaplikasikan DDMS kepada tiga buah.

Walaupun EPP ini telah berjaya mempertingkatkan sistem hadapan *(front-end)*, proses-proses di bahagian belakang *(back-end)* masih belum selesai diperkemas. Cabaran lain yang dihadapi membabitkan penggunaan sistem DDMS kerana proses pengklasifikasian semula mesti dilaksanakan terlebih dahulu. Bagi menangani cabaran ini, Jabatan Arkib Negara perlu mengkaji semula syarat-syarat pengarkiban maklumat yang telah ia tetapkan.

Kesedaran rakyat tentang perkhidmatan dalam talian masih di tahap rendah. Lantaran itu, usaha berterusan diperlukan untuk memberi pendedahan kepada mereka. Pengguna akan lebih tertarik menggunakan perkhidmatan dalam talian jika pembaikan dibuat ke atas proses-proses bahagian belakang *(back-end)*.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2014, EPP ini akan terus berusaha menyasarkan agar 80 peratus perkhidmatan Kerajaan disediakan dalam talian. Serentak dengan itu, EPP ini juga akan menggalakkan penggunaan perkhidmatan dalam talian sedia ada seperti portal *myGovernment* (http://www.malaysia.gov.my/).

Bagi menangani proses di bahagian belakang *(back-end)* pula, EPP ini akan bekerjasama secara rapat dengan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) Penyampaian Perkhidmatan Awam (PSD).

Sebuah lagi Kementerian, iaitu Kementerian Belia dan Sukan, akan menerapkan pengaplikasian DDMS, membawa jumlah agensi Kerajaan yang telah berhijrah kepada penggunaan sistem ini kepada empat buah.

Dalam usaha untuk memperkukuh asas pengaplikasian sistem digital, EPP ini akan mendepani isu dan trend baharu melibatkan Pengkomputeran Awan *(Cloud Computing)*, Analisis *Big Data* dan keselamatan digital. Semua inisiatif ini akan merealisasikan hasrat Malaysia untuk menerapkan penggunaan e-Kerajaan.

EPP 7 Memastikan Jalur Lebar untuk Semua



EPP ini bertujuan memperluas pengaksesan jalur lebar dengan menjadikan perkhidmatan jalur lebar sebagai satu utiliti asas untuk semua pengguna, seperti air dan elektrik. Model negara contoh di sini ialah Finland yang telah memandatkan perkhidmatan jalur lebar universal sebagai akses wajib bagi semua rakyat.

Antara inisiatif utama di bawah EPP ini termasuklah usaha mewartakan pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984. Akta ini mewajibkan pemaju untuk menyediakan infrastruktur komunikasi, contohnya penyaluran dalaman dan luaran untuk pembangunan perumahan/ komersial baharu.

EPP ini juga memberi tumpuan kepada pewartaan tapak tanah serta atas bumbung untuk infrastruktur jalur lebar tanpa wayar semasa peringkat perancangan bagi memastikan perancangan yang lebih kemas dibuat oleh penyedia perkhidmatan.

Pencapaian dan Cabaran

Pada Suku Ketiga Tahun 2013, penembusan jalur lebar isi rumah berada pada tahap 67.2 peratus.

Untuk meningkatkan kelancaran akses kepada Internet, pada tahun 2013, EPP ini juga meneruskan program *Connected@City* yang bertujuan menjadikan WiFi mudah didapati di kawasan-kawasan seperti outlet makanan dan minuman, kawasan menunggu dan lobi, serta tempat-tempat lain yang orang ramai berkumpul. Program ini menggalakkan pemilik premis perniagaan menyediakan perkhidmatan WiFi sama ada secara percuma atau berbayar.

Setakat Suku Kedua Tahun 2013, semua negeri juga telah melaksanakan program *Connected@Cities* berdasarkan versi masing-masing yang melibatkan capaian sebanyak 34,372. Jumlah ini merujuk kepada peningkatan lokasi penting dengan akses WiFi yang telah meningkat kepada 104 peratus sejak program *Connected@Cities* dilancarkan pada Suku Kedua Tahun 2011.

Pada tahun 2013 juga, EPP ini meneruskan usaha bagi memantapkan pematuhan di bawah proses Pusat Sehenti (OSC) yang diperkenalkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Proses ini akan mengurus tadbir pembekal perkhidmatan telekomunikasi dan juga pemaju yang ingin membina infrastruktur telekomunikasi.

Setakat ini, tujuh negeri telah mewartakan pindaan UBBL. Hal ini bermaksud bahawa di negeri-negeri berkenaan, sebarang pembangunan baharu oleh pemaju wajib menyediakan infrastruktur untuk jalur lebar. Namun begitu, lima negeri (Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan) belum siap dengan pewartaan ini sepenuhnya walaupun Jawatankuasa Eksekutif di negeri-negeri tersebut sudah pun meluluskan pewartaan pindaan UBBL ini.

Pewartaan ini masih menunggu isyarat pelaksanaan daripada jabatan undang-undang di setiap lima negeri terbabit. Kelewatan pewartaan ini telah membantutkan usaha pelaksanaan, maka oleh itu, rundingan perlu diteruskan sehingga masalah ini selesai. Negeri-negeri yang belum mengambil tindakan pewartaan masih memerlukan rundingan. Namun, ramai pemaju sudah pun menerima pakai syarat UBBL yang dipinda ini.

Usaha lanjut untuk pewartaan UBBL perlu dipergiatkan di Sabah dan Sarawak kerana undang-undang kecil bangunan di kedua-dua negeri ini berbeza.



Projek BBGP merangkumi pembinaan menara pemancar telekomunikasi untuk memastikan akses Internet berkelajuan tinggi disediakan di seluruh negara

Bagi memudahkan proses pelulusan untuk pembinaan infrastruktur Internet, semua negeri telah pun memberi persetujuan sama ada untuk melaksanakan sepenuhnya proses OSC atau mengekalkan proses Agensi Sehenti (OSA) yang sedia ada.

Selain itu, SKMM juga telah membangunkan sebuah pangkalan data untuk semua rangkaian di seluruh negara dengan mencatatkan lokasi pautan fiber dalam sebuah repositori tunggal. Hal ini membantu perkongsian maklumat infrastrukur dalam kalangan pengendali.

Langkah Seterusnya

Bagi memastikan pengguna memperoleh perkhidmatan jalur lebar yang bermutu dan lancar, EPP ini akan terus memantau kapasiti minimum jalur lebar yang ditawarkan, bermula dengan pengendali di bandar-bandar utama. Sasaran bagi kapasiti jalur lebar minimum adalah 4 Mbps berbanding dengan 2 Mbps sekarang. Perancangan sedang dibuat agar penduduk di kawasan bandar dapat menikmati kapasiti jalur lebar sehingga 100 Mbps.

Sebagai usaha untuk menyempurnakan matlamat ini, dua projek tambahan akan dilaksanakan, iaitu projek Jalur Lebar untuk Orang Awam (BBGP) dan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi fasa kedua (HSBB 2) seperti yang diumumkan dalam Bajet 2014.

Bagi perkhidmatan wayarles pula, pelaksanaan Evolusi Jangka Pangjang (LTE) akan dipantau agar menyumbang kepada peningkatan kapasiti jalur lebar di bandar-bandar utama.

EPP 8 Memperluas Jangkauan

EPP ini bertujuan untuk merapatkan jurang digital antara kawasan luar bandar dan bandar menerusi kerjasama antara industri dan sektor awam-swasta. Sasaran EPP ini adalah untuk menambah langganan jalur lebar di kawasan luar bandar sehingga mencapai kadar 90 peratus isi rumah menjelang tahun 2020.



Kanak-kanak menikmati kemudahan di PI1M

EPP ini juga berhasrat menangani masalah yang timbul dalam usaha menyediakan akses jalur lebar ke kawasan persekitaran perbandaran dan luar bandar. Hal ini disebabkan kos pelaburan yang tinggi berbanding dengan pendapatan yang dijangka dapat diraih daripada pelaburan tersebut. Inisiatif yang telah diambil adalah menggunakan dana *Universal Service Provision* (USP) di bawah penyeliaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Dana ini akan disalurkan kepada sektor swasta bagi membina infrastruktur untuk pengangkutan hala balik *(backhaul)* dan pengemasan tahap akhir bagi pemasangan jalur lebar ke kawasan yang tidak terjangkau. Fokus utama bagi pelan jangka masa pendek dan sederhana adalah menggunakan kaedah wayarles. Projek yang telah memanfaatkan dana tersebut termasuklah projek Kampung Tanpa Wayar yang menyediakan akses wayarles ke kampung-kampung terpilih di seluruh negara pada harga berpatutan, dan penubuhan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M), yang memberikan perkhidmatan jalur lebar pada kelajuan 4 Mbps. Setiap pusat dilengkapkan dengan komputer meja, pencetak dan pengimbas serta menawarkan program latihan komputer.

Pencapaian dan Cabaran

Sehingga kini, sejumlah 835 buah Kampung Tanpa Wayar, 137 PI1M dan 278 unit menara telekomunikasi *Time3* sudah pun dibina. Buat masa ini, perkhidmatan Kampung Tanpa Wayar diberikan secara percuma kepada semua penduduk di kawasan terbabit. Usaha ini telah melahirkan respons yang positif terhadap perkhidmatan yang disediakan (lebar jalur ditambah daripada 2 Mbps kepada 4 Mbps) dan oleh hal yang demikian, kapasiti bagi *backhaul* juga perlu dipertingkat.

Cabaran yang dihadapi dalam usaha ini adalah kemampanan model yang dipakai kerana permintaan pengguna yang semakin bertambah mengakibatkan tekanan kepada infrastruktur sedia ada. Kos pemakaian yang semakin tinggi ini perlu diatasi.

Langkah Seterusnya

Sejajar dengan matlamat Bajet 2014, EPP ini akan terus memastikan penambahan capaian Internet di kawasan luar bandar dengan menyasarkan pembinaan 1,000 menara telekomunikasi lagi menjelang tahun 2016. Serentak dengan itu, SKMM akan terus memperbanyak bilangan Kampung Tanpa Wayar dan PI1M di seluruh negara.



Kemudahan PI1M dimanfaatkan oleh semua rakyat

Dalam usaha untuk menangani kos struktur yang diguna pakai di Kampung Tanpa Wayar, SKMM sedang meninjau sebuah model yang memberikan perkhidmatan percuma hanya buat masa yang terhad, disusuli dengan bayaran untuk penggunaan seterusnya. Sebelum ini, fokus lebih terarah kepada golongan luar bandar sedangkan masyarakat miskin bandar terketepi. Menyisir keperluan ini, beberapa kawasan bandar juga akan dikenal pasti untuk menerima akses Internet pada harga berpatutan.

EPP 9 Menawarkan Rangkaian Pintar

Kualiti perkhidmatan serta keberpatutan harga jalur lebar di Malaysia jauh terbelakang berbanding dengan negara serantau sebanding dengannya, seperti Korea Selatan dan Jepun. Bertitik tolak daripada masalah ini, inisiatif Rangkaian Pintar *(Smart Network)* diwujudkan untuk mencipta pelan harga jalur lebar secara bertahap berdasarkan prioriti dan had penggunaan perkhidmatan.

EPP ini menggalakkan pengendali perkhidmatan untuk menghasilkan pakej yang berbeza bagi memenuhi permintaan pelbagai pengguna, daripada segmen mewah yang sanggup membayar untuk kelajuan tinggi kepada pengguna yang lebih mempertimbangkan isu kos dan memerlukan kemudahan minimum semata-mata. Inisiatif ini dijangka mampu menawarkan pengendali perkhidmatan dan juga pengguna dengan sebuah pelan harga berpatutan berdasarkan corak penggunaan.

EPP Rangkaian Pintar juga telah diperluaskan untuk merangkumi inisiatif penggunaan Aplikasi Pintar, maka, bukan sahaja penyedia perkhidmatan digalakkan untuk bekerjasama dan menyediakan aplikasi yang berguna kepada orang awam malah aplikasi tersebut mestilah mampu menarik pelaburan.

Pencapaian dan Cabaran

EPP ini telah berjaya menggalakkan pembekal dalam industri menawarkan pakej pintar kepada pengguna. Pakej sebegini menawarkan keperluan khusus pengguna. Kini tawaran pakej yang terdapat di pasaran tersenarai penuh dalam talian agar pengguna boleh membuat perbandingan perkhidmatan sebelum mereka membeli.

Projek Sistem Pengangkutan Awam Malaysia (MYPUTRAS) adalah sebuah portal pintar dan aplikasi mudah alih yang direka untuk membantu pengguna pengangkutan awam dengan menyediakan maklumat mengenai laluan bas, lokasi perhentian bas, tambang, jadual transit dan lain-lain maklumat perjalanan. Projek ini telah dilancarkan pada tahun 2012. Namun demikian, projek ini tertangguh buat sementara waktu kerana keengganan pelabur untuk meneruskannya.

Langkah Seterusnya

SKMM akan meninjau peluang dalam industri ini melalui rundingan berterusan dengan pihak industri. Terkini, SKMM sedang dalam perbincangan bersama SPAD bagi membangunkan eko-sistem myJourney untuk mempromosikan gaya hidup digital diantara pengguna pengangkutan awam di Lembah Kelang.

EPP 10 Memperluas Rangkaian Serantau



Pandangan dari atas kapal yang digunakan khas untuk memasang kabel dasar laut

EPP ini berhasrat untuk menangani isu kesesakan dan kualiti lebar jalur di Malaysia, dengan menyasarkan pembangunan kapasiti lebar jalurnya di peringkat antarabangsa supaya dapat menampung permintaan pengguna. Kelemahan ini berpunca daripada kos transit IP yang lebih tinggi di Malaysia berbanding dengan pasaran lain yang telah membangunkan kapasiti mereka dengan lebih agresif. Kualiti lebar jalur juga menurun akibat kesesakan dalam rangkaian antarabangsa, dibebankan lagi dengan kelambatan Internet dari Malaysia bila dibandingkan dengan banyak negara lain.

Bagi mempeluas rangkaian serantau, EPP ini berperanan meningkatkan kapasiti lebar jalur antarabangsa milik negara kepada 7 Tbps (terabit sesaat) menjelang tahun 2020, berbanding dengan 200 Gbps sekarang. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah pembinaan Sistem Kabel Batam-Dumai-Melaka, sebuah sistem kabel dasar laut bergentian optik dengan kapasiti lebar jalur tinggi yang menghubungkan Malaysia dan Indonesia. Projek ini ialah usaha sama antara Telekom Malaysia Bhd (TM), unitnya di Indonesia dan syarikat telekomunikasi Indonesia, PT Mora Telematika.

TM juga telah membina Cahaya Malaysia, sebuah sistem yang membekalkan pautan kabel dasar laut dengan kapasiti 5 Tbps yang menghubungkan Malaysia, Jepun dan Hong Kong. Sebuah lagi pemegang lesen, iaitu TIME dotCom (TdC) telah membina pautan kabel yang menghubungkan Malaysia dan Jepun, dan seterusnya merentas ke Amerika Syarikat.

Konsortium Rangkaian Serantau Sdn Bhd — sebuah konsortium yang terdiri daripada 24 syarikat telekomunikasi — telah dibentuk untuk menangani isu berkaitan kos dan kapasiti lebar jalur. Konsortium ini akan bekerjasama untuk mengurangkan kos pembelian lebar jalur secara pukal dan membina sebuah rangkaian kabel dasar laut.

Pencapaian dan Cabaran

Konsortium Rangkaian Serantau telah berjaya mengurangkan kos lebar jalur sebanyak 33 peratus menggunakan strategi pembelian secara pukal. Namun, rundingan antara ahli-ahli konsortium dalam isu pembinaan kabel dasar laut masih belum mencapai satu kata putus. Cabaran utama yang dihadapi adalah mendapatkan kata sepakat dalam kalangan ahli konsortium yang merupakan pemegang saham semenjak tahun 2011.

Bagaimanapun, respons yang diperlihatkan oleh industri ini begitu menggalakkan. TM dan Tdc, bersama-sama dengan rakan-rakan kongsi mereka yang lain telah membina kabel dasar laut yang menghubungkan Malaysia ke lokasi strategik seperti Hong Kong, Jepun dan Amerika Syarikat.

Cabaran masa depan masih ketara kerana permintaan ke atas lebar jalur akan melonjak dengan pantas. Sekiranya Malaysia mahu menduduki carta teratas dalam *Connectivity Index*, kapasitinya di peringkat antarabangsa mesti ditingkatkan.

Langkah Seterusnya

Langkah selanjutnya pada tahun 2014 ialah pembinaan beberapa kabel dasar laut, antara lain, kabel *Asia Pacific Gateway* (APG) oleh TdC dan kabel *Asia Submarine Cable Express* (ASE) oleh TM. Sehubungan dengan itu, KRS, sebuah organisasi yang mewakili industri telekomunikasi akan meningkatkan usaha untuk mengurangkan kos lebar jalur dengan meneruskan pembeliannya secara borong. Jika KRS memutuskan bahawa mereka mahu mengusahakan pembinaan kabel dasar laut, mereka harus menggunakan sumber kewangan mereka sendiri.

Satu kajian ke atas pelan kapasiti lebar jalur antarabangsa akan dijalankan oleh badan pengawal selia, iaitu SKMM, dan kajian ini juga akan melihat kepada model kewangan baharu yang mampu menyokong industri.

Selanjutnya, bagi kawasan dalam sempadan Malaysia, EPP ini akan meningkatkan capaian Internet di Sabah dan Sarawak melalui pemasangan kabel dasar laut seperti yang diumumkan dalam Bajet 2014.

EPP 11 Jejak dan Kesan

EPP ini memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi Pengenalpastian Frekuensi Radio (RFID) untuk menjejak lokasi sesuatu barang ketika masa nyata *(real time)*.

Terdapat dua projek utama dalam EPP ini. Projek yang pertama adalah dengan menggunakan RFID dalam bidang keselamatan dan perdagangan bagi memudahkan proses penjelasan yang lebih berkesan dan selamat di pelabuhan-pelabuhan domestik terpilih dan di laluan berkapasiti tinggi. Projek ini diterajui oleh Smartag Solutions Sdn Bhd (Smartag) dengan kerjasama Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan SKMM.



Sarang burung yang dimaterai dalam kotak khas membolehkan pengesanan dengan RFID

Projek kedua ialah Sistem Jejak dan Kesan Sarang Burung Walit yang diterajui bersama-sama oleh SKMM dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Di bawah projek ini, teknologi RFID digunakan untuk mengesan dan menjejaki Sarang Burung Walit yang Boleh Dimakan (EBN) berkualiti tinggi dan dihasilkan secara mampan dari Malaysia untuk dieksport ke pasaran bernilai tinggi di China, Jepun dan Taiwan.

Pencapaian dan Cabaran

Projek bagi Sistem Menjejak dan Mengesan Sarang Burung Walit yang Boleh Dimakan (EBN) ini masih berjalan, namun, disebabkan larangan import oleh Republik Rakyat China ke atas EBN dari Malaysia, jumlah eksport EBN menerusi penggunaan sistem ini agak terhad. Walaupun larangan ini sudah ditarik balik, penggunaan RFID tidak diwajibkan dalam industri ini. Oleh hal yang demikian, EPP Jejak dan Kesan tidak lagi meneruskan inisiatif menjejak EBN.

Penerapan teknologi RFID dalam bidang keselamatan dan perdagangan telah mula beroperasi bagi memastikan proses penjelasan *(clearing)* di pelabuhan tempatan dan laluan berkepadatan tinggi lebih efektif dan selamat. Sehingga 31 Disember 2013, 18,058 kontena telah dimateri dengan RFID untuk mengangkut barang. Pada peringkat awal, pihak industri kurang berminat untuk melabur dalam projek ini. Walau bagaimanapun, setelah dilakukan rundingan dan mencapai kesepakatan, pihak industri sudah mula sedar bahawa pelaksanaan sistem ini akan menjanakan keuntungan walaupun kos awalnya tinggi.

Langkah Seterusnya

Projek-projek yang dilaksanakan di bawah EPP ini terutamanya dalam bidang keselamatan dan perdagangan untuk proses penjelasan yang efektif dan selamat sudah beroperasi sepenuhnya dan tidak memerlukan fasilitasi oleh EPP ini lagi.

PELUANG PERNIAGAAN

1

Perkhidmatan Talian Tetap

Seiring dengan unjuran peningkatan dalam aplikasi dan kandungan Internet yang canggih dan sarat maklumat, permintaan bagi jalur lebar berkelajuan tinggi yang kebanyakannya disediakan melalui perkhidmatan talian tetap juga akan bertambah dengan ketara.

Unjuran dalam peningkatan langganan untuk perkhidmatan jalur lebar bertalian tetap adalah pada kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (CAGR) setinggi 10.5 peratus dan peningkatannya dipacu oleh perkhidmatan IPTV, permainan dan muzik dalam talian. Talian data tetap diunjurkan mencapai CAGR sebanyak 2.6 peratus kerana lebih banyak syarikat akan memerlukan rangkaian dalaman mereka sendiri.

Walaupun TM diberikan keutamaan sebagai penggerak pertama untuk melaksanakan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSSB), pembekal perkhidmatan yang lain juga telah tampil ke hadapan, termasuklah ABNXcess dan Time, dan kehadiran mereka meningkatkan daya saing yang akan memanfaatkan pengguna.

TM juga telah menawarkan rangkaian HSBB yang dilancarkan kepada pembekal perkhidmatan yang lain atas kaedah borong agar mereka boleh memanfaatkan infrastruktur kepunyaan TM tanpa perlu menduplikasi. Antara pembekal yang telah memeterai perjanjian dengan TM ialah Maxis, YTL, P1 dan Celcom. Maxis dan DiGi juga telah membuat pelaburan dalam infrastruktur gentian.

Ketersediaan infrastruktur gentian ini juga menjadi penyebab lebih ramai pembekal lain tampil menyediakan perkhidmatan pada Suku Ketiga Tahun 2013, sebagai contoh, Astro B.Yond IPTV.

Dengan pengumuman pelancaran HSSB 2 dalam Bajet 2014 baru-baru ini, rangkaian fiber akan terus berkembang ke seluruh negara dan dikongsikan antara pembekal perkhidmatan agar pengguna dapat memanfaatkan rangkaian ini sebaik mungkin.

2

Perkhidmatan Mudah Alih

Serentak dengan ledakan popularititi telefon pintar dan peningkatan penggunaannya sebagai alat utama bagi pengaksesan Internet, perkhidmatan mudah alih dijangka akan melonjak sehingga langganan untuk jalur lebar mudah alih diunjurkan mencecah 10.5 peratus CAGR.

Pelanggan baharu untuk talian suara juga dijangka meningkat, walaupun pada kadar yang lebih perlahan, iaitu sebanyak 2.7 peratus CAGR.

Peluang paling besar untuk pembekal perkhidmatan adalah dalam hal pengeluaran lesen spektrum bagi Evolusi Jangka Panjang (LTE) kerana LTE membolehkan mereka membuat tawaran yang menghasilkan peningkatan pendapatan purata setiap pengguna (ARPU). Trend yang lahir akan memberi kesan limpahan lantas membuka peluang pekerjaan berkaitan dengan menara telekomunikasi, penyepaduan perkhidmatan dan pembangunan aplikasi.

Trend baharu yang menyaksikan pembekal perkhidmatan mudah alih menyepadukan operasi menara mereka juga memberikan peluang baharu untuk pelbagai pengusaha dalam rangkaian perkhidmatan ini. Peluang ini akan dikecapi melalui skala ekonomi hasil daripada operasi penyepaduan tersebut.

Lantaran pengguna yang semakin canggih, kadar penembusan telefon pintar juga akan terus berkembang. Perkembangan ini membuka ruang untuk penciptaan lebih banyak aplikasi mudah alih dalam sebuah dunia yang serba berkait dengan digital. Setakat Suku Ketiga Tahun 2013, langganan perkhidmatan 3G adalah sebanyak 17.4 juta daripada 43.6 juta pelanggan perkhidmatan mudah alih, menunjukkan kadar penembusan setinggi 58.5 peratus.

3

Kurier, Pos dan Penyiaran

Kebolehterimaan umum yang semakin berkembang terhadap sistem e-perdagangan dijangka akan mempertingkatkan pertumbuhan sektor pos dan kurier. Hal ini demikian kerana sektor tersebut membekalkan sokongan logistik kepada peniaga dalam talian yang semakin ramai. Sektor ini juga menawarkan perkhidmatan lain termasuk memenuhi transaksi komersial, pergudangan, pengurusan inventori, perancangan permintaan bagi pengilang dan perkhidmatan pemasangan.

Kepopularan perkhidmatan IPTV atau televisyen berbanding dengan Internet juga semakin meluas sehingga ramai pembekal IPTV yang berebut untuk menceburi lapangan ini, termasuklah pembekal baharu. Bidang penyiaran pula akan menyaksikan suatu teknologi baharu mula disediakan oleh pembekal dan penyiar apabila terlaksananya sistem Penyiaran Televisyen Terestrial Digital (DTTB) nanti.

Hal yang demikian ini akan memperhebat persaingan dalam industri lantaran pembaikan kemudahan penyiaran yang dilakukan oleh pembekal sedia ada. Pelbagai siaran merangkumi siaran analog, siaran digital serta saluran Definisi Tinggi (HD) akan ditawarkan.

Gabungan sumbangan dari sektor kurier, pos dan penyiaran dijangka tumbuh pada kadar 5.2 peratus setahun untuk tempoh 10 tahun akan datang.

4

Operasi Serantau

Malaysia terletak dalam rantau yang paling pesat berkembang di dunia. Lantaran itu, syarikat telekomunikasi Malaysia senantiasa mencari peluang untuk mengembangkan perniagaan mereka di pasaran serantau.

Dengan terlaksananya liberalisasi terhadap sektor telekomunikasi di Malaysia, sudah tiada lagi penghalang bagi perkembangan serantau. Syarikat yang berminat kini boleh berunding berdasarkan syarat yang sama dengan syarikat lain yang sebanding mereka di negara sasaran.

Kejayaan yang diraih oleh syarikat seperti Axiata telah membuka ruang untuk industri ini menerobos pasaran serantau. Sebagai contoh, aplikasi mudah alih boleh dibekalkan merentas rangkaian Axiata untuk memenuhi keperluan pengguna di pelbagai negara.

PEMANGKIN

Sebagai industri yang berlandaskan pengetahuan dan kemahiran tinggi, modal insan menjadi pemangkin utama bagi NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi, dan memerlukan sebanyak 43,162 tenaga kerja menjelang tahun 2020.

Daripada jumlah ini, 25,899 pekerja akan diperlukan untuk menyokong kesemua EPP ini manakala peluang-peluang perniagaan yang sedia ada memerlukan tambahan seramai 17,263 pekerja. Kebanyakan pekerjaan baharu akan tergolong sebagai pekerjaan berpendapatan tinggi kerana 67 peratus daripadanya bergaji lebih RM4,000 sebulan dan memerlukan kelayakan tinggi.

Oleh hal yang demikian, beberapa inisiatif telah diambil bagi memastikan kemampanan aliran modal insan dan pertumbuhan industri. Dalam sektor telekomunikasi, pendekatan bersepadu antara PEMANDU, TalentCorp dan Kementerian Pendidikan telah dimulakan untuk memastikan bahawa bilangan graduan yang diperlukan dalam bidang telekomunikasi dan kejuruteraan akan dipenuhi menjelang tahun 2020.

Dalam sektor kandungan kreatif dan multimedia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah melaksanakan program *Creative Industry Lifelong Learning* (CILL) dengan kerjasama beberapa pihak berkepentingan utama seperti Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Rentetan perubahan portfolio dalam kementerian Kerajaan baru-baru ini, MDeC kini adalah sebahagian daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Program ini membantu pelajar yang terpilih untuk mengikuti program pengajian tinggi dalam kandungan kreatif di universiti atau pusat pendidikan tempatan atau luar negara. Program ini juga menyediakan bantuan kewangan untuk golongan profesional dalam sektor kandungan kreatif untuk mengikuti kelas lanjutan yang diterajui pengusaha terbaik dalam industri ini.

Seperkara lagi, Gabungan Industri Kandungan Kreatif (CCIG) akan memperkenalkan sistem akreditasi untuk bakat kreatif bagi meningkatkan taraf profesionalisme dalam industri. Usaha tersebut bertujuan menganjakkan industri ini kepada kategori pendapatan yang lebih tinggi, sekali gus menarik lebih ramai rakyat Malaysia untuk meneroka kerjaya dalam sektor kandungan kreatif.

Ringkasan NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	**RM35.7 bilion**
Pekerjaan Tambahan	**43,163**

Sasaran kritikal bagi tahun 2014

- Untuk mencatat hasil setinggi RM600 juta melalui eksport kandungan kreatif
- Untuk menarik RM200 juta melalui keseluruhan perbelanjaan produksi di bawah FIMI
- Untuk memastikan peratusan sekolah dengan perkhidmatan Internet yang memperoleh kelajuan minimum 4Mbps dan mematuhi perjanjian perkhidmatan mencapai 100%
- Untuk memastikan sebuah lagi agensi menerima pakai Sistem Pengurusan Dokumen secara Digital (DDMS)
- Untuk memastikan penggunaan portal *My Government* mencapai 150,000 log masuk
- Untuk menyediakan akses jalur lebar di kawasan padat penduduk (*Greater KL* dan bandar utama) dengan kelajuan maksimum 100 Mbps dengan pelancaran 130,000 stesen pangkalan HSBB baharu
- Untuk memastikan liputan perkhidmatan jalur lebar wayarles LTE bagi penduduk mencapai 20%
- Untuk mengkomisyen 1,250 tapak program yang baharu, iaitu Kampung Tanpa Wayar, Pusat Internet 1Malaysia dan *Time3 Tower*
- Untuk mengurangkan harga pembelian borong lebar jalur sebanyak 20%
- Untuk memastikan pelaksanaan projek pembinaan kabel dasar laut mencapai 25 peratus (menghubungkan Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia)
- Untuk memuktamadkan suatu pelan utama bagi pelaksanaan kabel antarabangsa

Pemangkin Perubahan

KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI

pengalaman bersama perkhidmatan awam



Dato' Mohamed Sharil Mohamed Tarmizi
Pengerusi SKMM dan Ketua Pejabat Pengurusan Penyampaian NKEA CCI

Sektor Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi (CCI) merupakan salah satu sektor yang paling dinamik berdasarkan perubahan teknologi dan trend yang begitu pesat dan menyebabkan sektor ini senantiasa melalui perubahan landskap yang berterusan. Kepesatan inilah yang sering kali memberikan cabaran serta mewujudkan peluang baharu kepada Kerajaan, maka, peranan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) adalah diperlukan untuk membantu Kerajaan mendepani cabaran tersebut.

Menurut Pengerusi MCMC yang juga merangkap Penaja Operasi bagi NKEA CCI, Dato' Mohamed Sharil Mohamed Tarmizi, peranan MCMC dalam melaksanakan NKEA CCI adalah mewujudkan suatu mekanisme tadbir urus untuk memastikan sasaran dicapai menurut garis masa yang telah ditetapkan.

"Sektor swasta adalah pemacu utama dan peranan kami adalah sebagai penasihat atau pengemudi," jelas beliau. "Kamilah yang akan meneliti butir-butir asas, mempermudahkan pelaksanaan, melerai sebarang permasalahan dan menyelaras peranan peneraju projek serta pihak berkepentingan. Kami juga mengenal pasti projek dan peluang baharu untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemandu NKEA CCI."

Dato' Mohamed Sharil juga menyentuh beberapa pencapaian MCMC termasuk meletakkan Malaysia di persada antarabangsa dalam arena Kandungan Kreatif, adalah salah satu EPP dalam NKEA ini. Ujar beliau lagi, penyampaian perkhidmatan Kerajaan menerusi Internet dan platform mudah alih telah diperluaskan dengan jayanya di bawah EPP Memperdalamkan e-Kerajaan.

"Usaha ini menjadikan penyampaian Kerajaan bertambah cekap dan membolehkan perhubungan secara langsung dengan pihak berkepentingan dan rakyat jelata, seterusnya membolehkan lebih banyak bantuan dapat disalurkan secara khusus," tegas Dato' Mohamed Sharil.

Beliau juga menekankan bahawa masyarakat luar bandar tidak pernah dipinggirkan dalam pembangunan ini, dengan peruntukan hampir RM6 bilion untuk membentuk perkongsian pintar bagi mempertingkatkan perkhidmatan jalur lebar di kawasan luar bandar melalui EPP Memperluas Jangkauan.

Pengerusi MCMC ini turut menyatakan bahawa kini, sudah wujud kerjasama dan persaingan yang sihat dalam industri CCI berbanding dengan sebelum NKEA CCI ini dilaksanakan. Beliau mengambil contoh kit permulaan bagi perkhidmatan prabayar yang suatu ketika dahulu mencecah sehingga RM198, namun kini boleh didapati pada harga serendah RM5. Begitu juga dengan perkhidmatan jalur lebar, pada satu ketika dahulu, harga langganan untuk 1Mbps adalah setinggi RM188 jika dibandingkan dengan pakej 10Mbps yang boleh dilanggan pada harga RM150 pada masa kini.

"Sektor CCI adalah satu-satunya sektor yang berkembang pesat, dengan sumbangan kepada KDNK yang telah meningkat, walaupun harga perkhidmatan semakin menurun dan hal ini sudah tentu dapat membantu merapatkan jurang digital," demikian menurut Dato' Mohamed Sharil.

Walau bagaimanapun, kemajuan yang telah dikecapi dalam industri ini tidaklah datang bergolek. Pelbagai cabaran terpaksa ditempuhi dalam mempelopori bidang baru yang langsung tidak mempunyai sebarang sumber rujukan. "Ada beberapa perkara yang kami lakukan, jika dihalusi, ia benar-benar merupakan suatu transformasi sehinggakan tiada sesiapa pun yang pernah menulis apa-apa buku atau tatacara tentangnya," Dato' Mohamed Sharil mengimbas kembali. Bagi mengatasi cabaran tersebut, Kerajaan membentuk suatu rangkaian maklum balas untuk menilai aspek yang boleh digunakan atau dipertingkatkan. "Dalam dunia hari ini, kita melakukan kerja untuk belajar dan bukan sekadar belajar untuk melakukan kerja," tegas beliau.

Matlamat yang ingin direalisasikan Kerajaan pada masa hadapan adalah menambah baik kualiti infrastruktur komunikasi agar mampu menjana keuntungan kepada ekonomi. Dato' Mohamed Sharil memetik kejayaan yang diraih oleh Puan Kabilah Hassan, petani rumpai laut dari Sabah yang menerima Anugerah Ikon Digital daripada Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa pada tahun 2013. Ini adalah di atas kejayaan beliau memajukan perniagaannya melalui penggunaan jalur lebar, yang membolehkannya meningkatkan hasil perniagaannya lebih lima puluh kali ganda.

"Kesan berganda seumpama inilah yang sentiasa kami cari menerusi jalur lebar," ujar beliau. "Saya begitu teruja dan sentiasa memikirkan apa lagi peluang yang boleh dimanfaatkan dengan penggunaan jalur lebar," tambah beliau lagi.

Dalam bidang industri kreatif pula, Dato' Mohamed Sharil menyebut bahawa Kerajaan akan menambah baik akses kepada modal menerusi beberapa inisiatif. Langkah ini mampu menyemarakkan minat lebih ramai belia untuk menceburi bidang kandungan kreatif sebagai kerjaya mereka.

"Mungkin waktunya sudah tiba untuk para ibu bapa meniup semangat anak-anak mereka untuk menggantikan Steven Spielberg satu hari nanti," kata Dato' Mohamed Sharil mengakhiri wawancara.





PENDIDIKAN



Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri merangkap
Menteri Pendidikan

NKEA Pendidikan terus membangun dan menempa kejayaan pada tahun 2013. Sepanjang tempoh 12 bulan yang lalu, kita menyaksikan pencapaian yang ketara dalam bidang-bidang seperti pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan teknikal dan vokasional, EduCity@Iskandar dan pembangunan permainan video.

Lantaran itu, adalah penting bagi kita meneruskan usaha tersebut agar Malaysia menjadi sebuah hab pendidikan terkemuka di Asia Tenggara.

Salah satu fokus utama dalam melangkah ke hadapan adalah pemantapan warga pendidik negara. Malaysia menumpukan lebih banyak sumber bagi pembangunan guru, guru pelatih dan pensyarah yang tepat dalam ekosistem pendidikan. Tanpa guru, sukar untuk melahirkan generasi masa depan yang mampu menjadi pemimpin industri-industri utama.

Dalam hal ini, Kerajaan sedia berganding bahu dengan sektor swasta untuk mencetus impak besar pada tahun 2014 melalui NKEA ini. Tatkala kita membuka tirai tahun keempat ETP, NKEA ini dijangka akan meraih beberapa kejayaan penting. Pada masa yang sama, beberapa Projek Permulaan (EPP) akan dikaji semula untuk menangani isu-isu yang timbul dan bagi mencerminkan realiti semasa. Kerajaan kekal komited dalam memastikan Malaysia melaksanakan yang terbaik demi membangunkan sumber negara yang paling besar dan dinamik, iaitu rakyatnya.



Dato' Seri Idris Jusoh
Menteri Pendidikan II

Saya berasa bangga melaporkan pencapaian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam NKEA Pendidikan dan seterusnya, ia menyumbang dalam menjayakan inisiatif-inisiatif di bawah ETP.

Pada tahun 2013, NKEA ini mencatatkan suatu kejayaan penting dengan pelancaran "EPP 17: Mentransformasikan Malaysia sebagai Hab Perakaunan Terulung" dengan enrolmen 90 pelajar setakat ini dan dengan hasrat untuk menghasilkan seramai 5,500 akauntan profesional menjelang tahun 2020. EPP ini diwujudkan ketika Asia Tenggara berkembang lebih pantas berbanding dengan rantau-rantau lain dan pelbagai syarikat bersedia untuk menerima pakai standard perakaunan yang bertaraf global.

Pelbagai kemajuan yang membanggakan telah dicapai oleh EPP yang sedia ada, antaranya, sembilan universiti terkemuka dari United Kingdom dan Australia telah membuka cawangan kampus mereka di sini, hasil daripada usaha agensi-agensi Kerajaan yang giat memasarkan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pendidikan. Insya Allah, perkembangan ini akan menjamin pembangunan negara sebagai sebuah hab pendidikan.

Bagi meningkatkan standard institusi pendidikan tempatan, peneraju NKEA ini telah memperhebatkan usaha bagi meningkatkan kemahiran guru sedia ada dan baharu, memperuntukkan dana untuk pusat vokasional berprestasi tinggi dan menubuhkan Persatuan Pendidik Kewangan Islam Antarabangsa. Langkah tersebut adalah bagi menjamin pertumbuhan sektor pendidikan secara mampan dan berfokus.

Saya berharap lebih banyak penambahbaikan dapat dilaksanakan bagi segmen pendidikan tinggi yang merupakan tunjang pelatihan seseorang individu dan merupakan salah satu teras yang membina hasrat Malaysia untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

PENDIDIKAN

NKEA Pendidikan ialah komponen penting bagi membangunkan sumber kekuatan Malaysia pada masa hadapan, iaitu rakyatnya. Oleh hal yang demikian, industri ini menyasarkan pembangunan ekosistem pendidikan yang menyeluruh termasuklah penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE), pendidikan asas sekolah rendah dan menengah, pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT) serta pendidikan tertiari bagi penuntut tempatan dan antarabangsa.

Inisiatif di bawah NKEA ini bukan hanya membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi malah bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebuah hab pendidikan global. Hal ini bererti Malaysia akan berusaha menarik pelajar antarabangsa bukan sahaja di peringkat pendidikan asas dan tertiari tetapi juga anak-anak ekspatriat yang menjadi golongan sasaran negara, sekali gus meningkatkan pelaburan asing.

Selain itu, NKEA ini menawarkan pelbagai peluang, contohnya dalam bidang TEVT, dengan matlamat mempertingkatkan keupayaan dan kemahiran warga Malaysia dalam pelbagai sektor dan industri. Inisiatif tersebut akan memperkukuh pembangunan tenaga kerja tempatan dengan kemahiran khusus dan bernilai tinggi yang penting dalam mentransformasikan Malaysia kepada negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Pada tahun 2013, sebuah EPP baharu (EPP 17) telah diperkenalkan kepada NKEA ini. EPP 17: Mentransformasikan Malaysia sebagai Hab Perakaunan Terulung berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam segmen ini dan kini diterajui oleh Sunway TES.

Antara pencapaian yang dilihat tahun ini termasuklah perkembangan kluster pembangunan permainan video yang memberi kesan signifikan dalam usaha memupuk kesedaran dalam kalangan pelajar dan ibu bapa tentang peluang pendidikan dan kerjaya dalam industri ini, yang dinilaikan berbilion-bilion dolar di peringkat global. Di samping itu, EduCity@Iskandar telah menyaksikan peningkatan enrolmen pelajar lebih empat kali ganda susulan pertambahan bilangan kampus universiti baharu di EduCity.

Namun begitu, perkembangan dalam beberapa bidang lain tidak begitu memberangsangkan. Sasaran bagi membangunkan guru berkualiti tinggi masih belum mencapai sasaran kerana kumpulan pertama yang terdiri daripada 200 guru pelatih masih berusaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka dan melepasi ujian profisiensi yang bertaraf antarabangsa.

Dalam bidang pembelajaran dalam talian dan jarak jauh (EPP 6), KPM sedang melaksanakan satu inisiatif yang melibatkan perluasan pembelajaran jarak jauh secara global oleh universiti. Sebuah keputusan diambil untuk menggabungkan EPP ini dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, yang akan dterajui oleh Pejabat Pengurusan Program di KPM. Usaha ini dilaksanakan bagi mengelakkan duplikasi sumber dan memperhebat keberkesanan EPP ini.

Pembangunan kluster disiplin sains kesihatan juga tergendala memandangkan Universiti USCI yang menerajui EPP ini telah memperlahankan pembinaan hospital pengajar di Bandar Springhill, Negeri Sembilan. Pada masa yang sama, beberapa permohonan daripada universiti luar negara untuk menubuhkan kampus mereka di Malaysia telah ditangguhkan agar kapasiti berlebihan yang wujud pada masa ini dipenuhkan terlebih dahulu. Perkara ini timbul ekoran daripada minat yang bercambah terhadap negara kita selaku sebuah hab pendidikan.

Laporan NKEA Pendidikan yang mempunyai pelbagai tahap pencapaian dan cabaran ini bukanlah luar biasa kerana lakaran yang sama dapat dilihat dalam NKEA yang lain. Perkara ini juga biasa dalam proses transformasi. Kajian semula prestasi EPP ini dijalankan secara berterusan bagi membolehkan pihak berkepentingan menangani isu-isu yang timbul dan dengan yang demikian itu, objektif NKEA ini akan lebih mudah direalisasikan.

Petunjuk Prestasi Utama 2013

NKEA Pendidikan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Enrolmen pelajar di prasekolah swasta (termasuk NGO) (umur 4+ dan 5+ sahaja)	400,000	386,936	97	●	97	●	0.5	●
	Enrolmen kanak-kanak di pusat penjagaan swasta (0 -3+)	112,550	128,599	114	●	100	●	1.0	●
EPP #2	Bilangan guru prasekolah yang menerima baucar untuk pengajian diploma	1,000	333	33	●	33	●	0	●
EPP #5	Jumlah pelajar persendirian yang berkelayakan SKM (termasuk yang berjaya mendapat pembiayaan PTPK)	31,700	42,482	134	●	100	●	1.0	●
	Peratusan program kemahiran yang diperakui berasaskan Kod Amalan Akreditasi Program Kemahiran (COPSPA)	100%	162%	162	●	100	●	1.0	●
	Jumlah pelajar antarabangsa TVET yang sedang belajar di Malaysia	300	378	126	●	100	●	1.0	●
EPP #7	Jumlah enrolmen pelajar dalam program Kewangan dan Perniagaan Islam di IPT	8,200	10,527	128	●	100	●	1.0	●
	Status pekerjaan graduan ketika konvokesyen	80%	64.5%	81	●	81	●	0.5	●
EPP #9	Jumlah projek yang dikaji lalu dipilih oleh Agensi Inovasi Malaysia dan *Cradle Fund* untuk penilaian pihak panel di bawah program pengkomersialan *Lab2Market*	30	11	37	●	37	●	0	●
EPP #10	Jumlah enrolmen pelajar dalam program hospitaliti dan pelancongan di IPTS	16,600	12,063	73	●	73	●	0.5	●

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

NKEA Pendidikan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #11	Jumlah enrolmen pelajar di EduCity Iskandar Malaysia	1,300	1,701	131	●	100	●	1.0	●
EPP #12	Jumlah enrolmen pelajar antarabangsa	110,000	102,735	93	●	93	●	0.5	●
EPP #13	Jumlah enrolmen pelajar di bawah inisiatif *buying places* di sekolah/ institusi terpilih	225	452	201	●	100	●	1.0	●
EPP #14	Jumlah enrolmen pelajar di IPTS dengan perhubungan kluster	80	96	120	●	100	●	1.0	●
EPP #15	Penubuhan kampus cawangan universiti luar negara	1	0	0	●	0	●	0	●
				102%		**81%**		**67%**	

Rajah 10.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1 Perluasan Pusat Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE) Swasta

Pendidikan awal ialah langkah pertama yang menjadi kunci pembelajaran sepanjang hayat. EPP ini bertujuan meningkatkan penyertaan ke prasekolah dan penjagaan awal kanak-kanak agar setanding dengan negara maju serta menarik lebih banyak penyertaan dan pelaburan daripada sektor swasta.

Usaha yang digerakkan oleh EPP ini, yang turut menyokong inisiatif di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP), telah menyaksikan kerjasama antara KPM dan sektor swasta bagi meningkatkan kadar enrolmen prasekolah (umur 4+ dan 5+) kepada 97 peratus menjelang tahun 2020.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) juga bekerjasama dengan sektor swasta untuk meningkatkan kadar enrolmen kanak- kanak (0-4 tahun) ke pusat penjagaan sehingga mencapai tahap 25 peratus pada tahun 2020.

Pencapaian dan Cabaran

Bagi meningkatkan penyertaan ke prasekolah, 5,825 prasekolah baharu telah ditubuhkan sepanjang tempoh empat tahun lalu sehingga akhir tahun 2013 di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pendidikan yang menyaksikan kira-kira 41 peratus daripada penubuhan prasekolah tersebut diusahakan oleh sektor swasta. Dalam tempoh yang sama, sejumlah 2,525 pusat penjagaan kanak-kanak baharu ditubuhkan dan didaftarkan dengan KPWKM di bawah NKRA Pendidikan.

Pada tahun 2013, seramai 34,552 pelajar prasekolah daripada keluarga berpendapatan rendah telah menerima bantuan yuran daripada Kerajaan, berjumlah RM29.33 juta. Selain itu, 296 pengusaha prasekolah swasta menerima geran bernilai RM4.99 juta untuk memulakan operasi termasuklah 38 prasekolah untuk kanak-kanak pendidikan khas yang menerima geran permulaan sejumlah RM0.76 juta.

Skim geran permulaan dan bantuan yuran tersebut telah diperluas kepada pusat penjagaan kanak-kanak sebagai usaha mempertingkatkan bilangan pusat penjagaan berdaftar dan membantu kanak-kanak berumur 0-4 tahun daripada keluarga berpendapatan rendah dan sederhana untuk mendapat khidmat penjagaan kanak-kanak berkualiti. Pada tahun 2013, seramai 1,909 kanak-kanak daripada golongan berpendapatan rendah telah diberi bantuan yuran daripada Kerajaan, berjumlah RM4.37 juta. Pada tahun yang sama, 948 pengusaha pusat penjagaan menerima geran permulaan berjumlah RM12.43 juta bagi memulakan operasi mereka. Kerajaan juga memberi insentif cukai kepada pengusaha swasta yang menubuhkan pusat penjagaan di tempat kerja.

Dalam Bajet 2013, Kerajaan telah memanjangkan insentif cukai kepada majikan dan pengusaha ECCE bagi meningkatkan enrolmen kanak-kanak. Bagi menggalakkan perluasan prasekolah dan pusat jagaan kanak-kanak, Majlis ECCE serta pihak Kerajaan telah menganjurkan seminar serta bengkel di Lembah Klang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching untuk menerangkan pengecualian cukai dan elaun bangunan industri bagi pengusaha prasekolah dan pusat jagaan kanak-kanak swasta yang berdaftar.

Sebuah sistem penilaian kendiri dalam talian, dikenali sebagai Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) kini membolehkan pengusaha prasekolah Kerajaan dan juga swasta menilai tahap kualiti mereka dan seterusnya mengambil langkah pembaikan. Sehingga kini, 99.2 peratus prasekolah awam dan 44.31 peratus prasekolah swasta (3,003 daripada 6,773) telah melengkapkan penilaian tersebut. Sementara itu, penilaian oleh 500 prasekolah awam dan 75 prasekolah swasta telah disahkan oleh KPM.

Sebagai usaha untuk menyuntik kesedaran tentang profesionalisme dan peluang kerjaya yang wujud dalam ECCE, sebuah Forum Minggu ECCE bertemakan *Stop, Think & Change! Moving Towards Professionalism in ECCE*, telah dijalankan pada bulan Oktober 2013. Forum tersebut dirasmikan oleh Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri merangkap Penaung program PERMATA Negara, yang menyampaikan ucapan utama.

Salah satu cabaran utama yang dihadapi dalam EPP ini ialah kewujudan pengusaha ECCE swasta yang menggunakan model "integrasi", yakni mereka menyediakan khidmat asuhan kanak-kanak dan pendidikan prasekolah di premis yang sama, sedangkan mereka tidak berdaftar dengan Kerajaan.



Datin Paduka Seri Rosmah Mansor menyampaikan ucapan utama di Forum Minggu ECCE

Sehubungan dengan itu, pengusaha swasta dan pihak berkuasa tempatan telah bersama-sama menghadiri sebuah bengkel pada bulan Oktober 2013 bertujuan mengenal pasti isu yang timbul berkaitan dengan model "integrasi" ini. Pada tahun 2014, Kerajaan akan mewujudkan garis panduan yang jelas untuk dipatuhi oleh pihak pengusaha sebelum lesen beroperasi dikeluarkan.

Sementara itu, kerjasama dan penyelarasan usaha KPM dan KPWKM perlu dipertingkatkan untuk memastikan kelancaran pelaksanaan EPP ini, memandangkan segmen prasekolah dan segmen penjagaan kanak-kanak dipantau oleh agensi yang berbeza.

Langkah Seterusnya

Peruntukan bantuan yuran bagi kanak-kanak di pusat penjagaan dan prasekolah berdaftar yang dikendalikan oleh pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan akan diteruskan di bawah GTP 2.0. Geran permulaan juga akan diberikan untuk pengusaha ECCE. Daripada jumlah bantuan yuran yang diberikan, sejumlah akan diperuntukkan untuk kanak-kanak yang memerlukan pendidikan khas.

Selanjutnya, Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK) akan diperluas untuk mencakupi pusat asuhan kanak-kanak awam dan swasta agar lebih banyak data dapat diperoleh. KPM turut menyasarkan peningkatan mutu maklumat yang dimuat naik ke dalam sistem penilaian kendiri SKPK dengan mewujudkan sebuah tutorial dalam talian. KPM menyasarkan untuk mengesahkan penilaian 500 prasekolah awam dan 500 prasekolah swasta.

EPP 2 Penambahbaikan Latihan Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE)

Standard pengajaran dalam bidang ECCE bergantung kepada kualiti warga pendidiknya. Pada masa ini, setiap sembilan daripada sepuluh guru swasta dalam segmen ini tidak pernah menjalani latihan formal. Sebaliknya, semua guru prasekolah awam adalah pemegang ijazah dan kebanyakan guru prasekolah yang dikendalikan oleh agensi Kerajaan pula memiliki diploma.

Situasi ini telah mewujudkan peluang bagi sektor swasta menawarkan program diploma untuk mempertingkat kemahiran pendidik sedia ada serta menyediakan latihan praperkhidmatan. Sehubungan dengan itu, sebuah konsortium yang terdiri daripada SEGi University, Kolej Perkembangan Awal Kanak-Kanak, DiKa College, CECE Institute, Alfa International College, Kirkby International College dan Taj International College sedang bekerjasama dengan KPM untuk membangunkan sebuah program diploma yang boleh ditawarkan secara sambilan dan di atas talian bagi menyediakan fleksibiliti untuk guru prasekolah.

Kerajaan juga memberi subsidi elaun sara hidup kepada guru ECCE swasta yang ingin mengikuti program diploma, sebagai usaha untuk meningkatkan tahap profesionalisme industri ini. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah memperuntukkan RM1 juta di bawah GTP 2.0, sebagai elaun sara hidup kepada guru-guru yang ingin mengikuti program diploma.

Pencapaian dan Cabaran

KPM telah memperuntukkan pemberian subsidi elaun sara hidup sebanyak RM1,000 setahun kepada sejumlah 1,000 guru yang disasarkan. Akan tetapi, hanya 485 permohonan subsidi diterima dan daripada jumlah tersebut, hanya 333 yang layak.

Skim subsidi ini kurang mendapat sambutan, antara lain, kerana tidak ramai guru yang maklum akan kewujudan skim tersebut. EPP ini akan berusaha untuk menekankan kepentingan kelayakan ECCE kepada pihak guru terutamanya kerana mereka terpaksa menanggung yuran tuisyen sendiri. Tambahan pula, guru ECCE dari sektor swasta tidak memerlukan sebarang kelayakan formal untuk mengajar, berbeza dengan guru di sektor awam.

SEGi University telah melancarkan sebuah platform pembelajaran jarak jauh yang menawarkan lebih banyak akses dan peluang untuk para guru yang sedang mengajar atau yang berhasrat untuk mengajar dalam bidang ECCE bagi membolehkan mereka mengikuti pengajian dan seterusnya memperoleh kelayakan dalam ECCE. Platform tersebut juga boleh dimanfaatkan oleh institusi lain yang menawarkan program diploma yang diiktiraf oleh KPM bagi memperluas akses dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Selain itu, SEGi University Group telah memperuntukkan sebanyak RM398 juta untuk membina sebuah hab ECCE bersepadu di bawah suatu inisiatif Kerjasama Awam Swasta Public-Private Partnership atau PPP. Sehubungan dengan itu, SEGi University Group telah menerima kelulusan daripada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk membina sebuah bangunan sekolah di Kota Kemuning, Selangor dan juga di Pejabat Pendidikan Daerah di Kota Damansara, Selangor. SEGi sedang menunggu Surat Hasrat *(Letter of Intent)* daripada pihak UKAS.

Sementara itu, SEGi telah melabur bagi memperluas kemudahan yang sedia ada untuk menawarkan program latihan pendidikan awal kanak-kanak dan secara langsung menyokong agenda EPP2. Sebuah program Diploma dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak ditawarkan oleh semua kampus SEGi di Subang Jaya, Kota Damansara, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Sarawak. Pusat Kecemerlangan ECCE yang dilancarkan oleh kampus SEGi di Subang Jaya pada 1 Oktober 2013 kini dilengkapi pelbagai sumber dan makmal ECCE.

Sebuah kaji selidik yang telah dikendalikan oleh beberapa penyelidik dari SEGi University bertujuan memahami persekitaran tenaga kerja dalam bidang ECCE berhubung dengan kelayakan, keadaan kerja dan kesediaan mereka untuk memajukan diri secara profesional. Sebuah sampel melibatkan 4,500 guru atau kira-kira 20 peratus daripada tenaga kerja sektor swasta telah diperoleh menggunakan prosedur pensampelan berlapis bagi mendapatkan jawapan untuk soalan yang diajukan dalam kaji selidik tersebut.

Sejumlah 3,087 peserta, iaitu 13.7 peratus daripada seluruh tenaga kerja ECCE dari sektor swasta di Malaysia telah memberi maklum balas kepada kaji selidik tersebut. Kajian tersebut telah memperlihatkan cabaran utama yang dihadapi dan ia akan membantu meningkatkan profesionalisme tenaga kerja ECCE.

Langkah Seterusnya

KPM akan mempergiatkan kerjasama dengan Konsortium di bawah EPP 2 untuk mempertingkatkan kemahiran guru prasekolah swasta dalam perkhidmatan menggunakan pendekatan di bawah:

- mewujudkan standard kelayakan minimum bagi semua guru prasekolah dengan sokongan Bahagian Pendidikan Guru di bawah KPM
- meneruskan pembiayaan subsidi untuk elaun sara hidup kepada guru dalam perkhidmatan yang meneruskan pengajian sekurang-kurangnya ke peringkat diploma ECCE, dan menyasarkan sejumlah 1,000 guru pada tahun 2014
- menganjurkan pameran yang disasarkan kepada prasekolah swasta di seluruh negara untuk memberi penerangan tentang pembiayaan Kerajaan, kursus dan kaedah pembelajaran yang disediakan untuk guru dalam perkhidmatan; memantapkan pemahaman tentang kepentingan kelayakan formal dan menerangkan tentang peluang kerjaya dalam industri ECCE
- memperluas akses kepada pendidikan ECCE dan melibatkan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk mengkaji kualiti program diploma blended yang diselitkan dengan modul pembelajaran jarak jauh

EPP 3 Perluasan Sekolah Antarabangsa

Bilangan ekspatriat yang bermastautin di kawasan Greater Kuala Lumpur dan koridor pembangunan seperti di Iskandar, Johor semakin bertambah hasil daripada perlaksanaan projek-projek ETP. Oleh hal yang demikian, permintaan untuk penubuhan sekolah-sekolah antarabangsa juga semakin meningkat.

Hasrat EPP ini bukan hanya untuk menampung permintaan ekspatriat, malahan bagi anak-anak warga Malaysia yang kembali dari luar negara di bawah Program *Returning Expert* yang dilancarkan oleh Talent Corporation. EPP ini juga berperanan untuk memenuhi keperluan warga Malaysia yang berhasrat untuk menghantar anak-anak mereka ke luar negara untuk melanjutkan pendidikan.

Dianggarkan bahawa setiap pelajar sekolah antarabangsa menjana sehingga 20 hingga 30 kali ganda jumlah pendapatan pertukaran asing berbanding dengan setiap pelancong asing.

Pencapaian dan Cabaran

Pada masa ini, sejumlah 97 sekolah antarabangsa sedang beroperasi di Malaysia. Jumlah ini sudah pun melepasi sasaran 87 sekolah antarabangsa menjelang tahun 2020 dan memperlihatkan pertumbuhan hampir 19 peratus sejak lima tahun yang lalu. Sementara itu, sebanyak 25 sekolah sedang menunggu kelulusan dan KPM juga menerima empat permohonan baharu.

Jumlah keseluruhan pelajar sekolah antarabangsa adalah 38,971 yang terdiri daripada 19,869 pelajar tempatan dan 19,102 pelajar antarabangsa. Buat pertama kalinya, enrolmen pelajar Malaysia telah mengatasi enrolmen pelajar antarabangsa.

Oleh sebab jumlah pelajar antarabangsa didapati paling ramai berasal dari Korea, India dan UK, Persatuan Kebangsaan Institusi-institusi Pendidikan Swasta (NAPEI), bersama-sama dengan Bahagian Pendidikan Swasta, KPM dan PEMANDU telah melancarkan inisiatif pemasaran di luar negara bagi menarik pelajar dari negara-negara lain. Lawatan tersebut meliputi China, Vietnam, Korea Selatan dan Indonesia.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2014, pihak Kerajaan, PEMANDU dan NAPEI akan meneruskan kerjasama dalam usaha pemasaran dan promosi sekolah antarabangsa ke pasaran utama Malaysia. Namun demikian, inisiatif pemasaran akan dipergiat agar lebih komprehensif dan bertepatan dengan sasaran bagi menjadikan Malaysia sebuah hab pendidikan asas. Serentak dengan itu, Kerajaan akan memperketatkan kelulusan lesen bagi sekolah antarabangsa dengan mengutamakan kualiti pendidikan dan mengelak lebihan kapasiti di sekolah yang sedia ada. Langkah ini termasuklah meluluskan permohonan hanya untuk pelabur yang berhasrat menubuhkan kampus sepenuhya dan menghentikan permit untuk kampus sementara.

EPP 4 Perluasan Latihan Guru Swasta

Kekurangan guru berkualiti tinggi akan menjejaskan usaha pembangunan mana-mana negara pun, termasuklah Malaysia. EPP 4 bertujuan menangani masalah tersebut dengan menggalakkan pembangunan guru berkualiti tinggi dalam subjek-subjek kritikal seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains di Malaysia.

Usaha untuk mencapai matlamat tersebut termasuklah pelaksanaan "Sistem Terbuka" seperti yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia ke-10, yang mempelawa institusi swasta untuk menawarkan latihan praperkhidmatan kepada guru Kerajaan dan swasta menggunakan Internet dan bilik darjah.

Pencapaian dan Cabaran

KPM telah mempergiatkan usaha untuk melatih guru baharu dan meningkatkan kemahiran guru yang sedia ada, khususnya dalam subjek Bahasa Inggeris disebabkan kekurangan dari segi kualiti dan kuantiti. Kini, sejumlah 200 guru pelatih subjek Bahasa Inggeris sedang dilatih di empat institusi pengajian tinggi swasta.

Pada tahun 2012, sejumlah 200 guru pelatih tersebut telah menduduki *Cambridge Placement Test* (CPT), iaitu sebuah ujian penguasaan bahasa Inggeris dalam talian, tetapi hanya 30 peratus daripada mereka menepati standard kelayakan minimum, iaitu C1 pada skala *Common European Framework of Reference for Language* (CEFR). KPM telah menetapkan C1 sebagai syarat profisiensi minimum bagi guru bahasa Inggeris. Rentetan itu, guru-guru terbabit telah diberikan latihan intensif untuk menambah baik penguasaan bahasa mereka pada tahun 2013.

Menjelang akhir tahun 2013, pencapaian semua guru terlibat dinilai melalui *International English Language Testing System* (IELTS). Keputusan mereka akan diketahui pada awal tahun 2014 dan akan dijadikan asas untuk menilai pencapaian mereka sepanjang kursus program. Kesemua 200 guru pelatih tersebut harus mencapai skor minimum sebanyak 6.5 menurut IELTS, yang bersamaan gred C1 pada skala CEFR sebelum mereka menamatkan kursus.

Langkah Seterusnya

Fokus utama EPP ini adalah memantau pencapaian 200 guru pelatih yang sedang menjalani latihan. Pihak berkepentingan dalam EPP ini juga sedang meninjau beberapa kemungkinan untuk melatih guru bagi memenuhi keperluan di sekolah antarabangsa dan swasta yang semakin meningkat. Ekoran inisiatif pihak sekolah antarabangsa dan swasta yang semakin giat menarik pasaran daripada golongan berpendapatan sederhana, permintaan bagi guru tempatan yang berkeupayaan mengajar kurikulum sekolah antarabangsa juga telah bertambah. Perkara ini mewujudkan peluang bagi institut latihan swasta untuk mengembangkan operasi mereka.

EPP 5 Perluasan Peruntukan Latihan Kemahiran Swasta

EPP ini bertujuan mengurangkan peratusan pekerja berkemahiran rendah dan separa mahir dalam tenaga kerja kepada 50 peratus pada tahun 2020 dengan menawarkan peluang kepada pelajar berkelulusan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) atau lepasan sekolah untuk mengikuti pendidikan vokasional.

Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan telah memperuntukkan lebih RM632 juta kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dari tahun 2011 hingga tahun 2013. Dana itu disalurkan kepada pusat swasta yang diiktiraf yang telah mencapai tahap penarafan tiga bintang dan ke atas di Semenanjung Malaysia, dan dua bintang dan ke atas di Sabah dan Sarawak, bagi melaksanakan program tersebut. Penilaian bagi penarafan bintang ini dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2013, EPP ini telah memfokuskan usaha untuk mempromosikan SkillsMalaysia dan SkillsMalaysia INVITE.

SkillsMalaysia yang dikawal selia oleh JPK berperanan untuk mewujudkan kesedaran tentang peluang latihan kemahiran dan pekerjaan berkaitan TEVT. SkillsMalaysia INVITE pula bertujuan membawa masuk pelajar antarabangsa untuk mengikuti latihan TEVT di Malaysia.

Sepanjang tahun ini, SkillsMalaysia dan SkillsMalaysia INVITE telah melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berikut:

SkillsMalaysia

Dalam bulan Julai 2013, Malaysia telah menyertai Pertandingan Kemahiran Dunia (WSC) 2013 yang berlangsung di Jerman dan berjaya meraih sembilan Pingat Kecemerlangan *(Medallions for Excellence)* daripada 14 bidang kemahiran yang disertai.

Bil	Segmen Kemahiran	Pencapaian
1	Masakan	Pingat Kecemerlangan dan Pemenang Terbaik Malaysia
2	Teknologi Fesyen	Pingat Kecemerlangan
3	Perkhidmatan Restoran	Pingat Kecemerlangan
4	Pemasangan Elektrik	Pingat Kecemerlangan
5	Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara	Pingat Kecemerlangan
6	Sistem Pentadbiran Rangkaian IT	Pingat Kecemerlangan
7	Dandanan Rambut	Pingat Kecemerlangan
8	Pemanasan dan Pemaipan	Pingat Kecemerlangan
9	Kimpalan	Pingat Kecemerlangan
10	Kejuruteraan Mekanikal Reka bentuk-CAD	Sijil Penyertaan
11	Teknologi Automobil	Sijil Penyertaan
12	Elektronik	Sijil Penyertaan
13	Penjubinan Dinding dan Lantai	Sijil Penyertaan
14	Pembuatan Kabinet	Sijil Penyertaan

Rajah 10.2: Pencapaian Malaysia di Pertandingan Kemahiran Dunia 2013

Pada bulan Mac 2013, sebuah portal TEVT bersepadu, iaitu www.iwant2b.my telah dilancarkan oleh pihak berkepentingan untuk membolehkan pelajar lepasan sekolah meneroka peluang latihan vokasional yang ditawarkan.

SkillsMalaysia INVITE

Sepanjang tahun ini, JPK melancarkan program SkillsMalaysia INVITE dan telah berjaya menjelajah ke Sri Lanka, Myanmar, India dan Indonesia. Sejak bulan Januari 2013, 378 pelajar antarabangsa telah mendaftar di bawah SkillsMalaysia INVITE. Namun, peningkatan enrolmen pelajar mungkin mengambil masa kerana program ini masih dalam peringkat permulaan.

Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) 2013

Pada bulan September 2013, KSM bersama tujuh kementerian yang lain telah bekerjasama untuk menganjurkan Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan yang berlangsung selama tiga hari dan berjaya menarik lebih 100,000 pengunjung. Antara aktiviti yang menjadi tarikan di KEKK 2013 ialah Pertandingan Kemahiran Malaysia dan pertandingan lain yang diadakan untuk para pelatih. KEKK juga meliputi pameran dan seminar.

Penarafan Bintang

JPK telah menugaskan seramai 100 pegawai untuk melaksanakan pemeriksaan Penarafan Bintang 2013 ke atas 810 pusat yang diiktiraf. Tahun ini, JPK telah mengubah pemberatan komponen utama penilaian mereka — output dan input kini dinilai masing-masing pada 30 peratus, dan proses sebanyak 40 peratus.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2014, EPP ini akan memberi lebih banyak tumpuan kepada usaha untuk membangunkan latihan yang berkualiti untuk golongan pendidik TEVT dan juga *National Occupational Skills Standards* bagi memenuhi keperluan guna tenaga bagi pelbagai industri di Malaysia.



Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem ketika majlis perasmian Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK)

EPP 6 Perluasan Pembelajaran Jarak Jauh Antarabangsa

Bertitik tolak daripada pertumbuhan pesat yang dijangka daripada sektor pembelajaran jarak jauh dan atas talian, Kerajaan telah melancarkan beberapa projek di bawah Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) agar universiti-universiti di Malaysia turut terlibat dalam segmen ini.

Namun begitu, pertindanan inisiatif antara KPM dan EPP ini telah membawa kepada keputusan untuk menyatukan kedua-dua inisiatif tersebut di bawah PSPTN bagi mengelakkan duplikasi sumber. Lantaran itu, KPI bagi usaha ini akan dipantau secara langsung oleh Menteri Pendidikan dan tidak lagi dimuatkan dalam NKEA Pendidikan.

EPP 7 Membangunkan Kluster Disiplin Pendidikan Kewangan dan Perniagaan Islam



Wakil daripada kluster disiplin Pendidikan Kewangan dan Perniagaan Islam ketika melawat Universiti Prince of Songkla

Malaysia telah mengorak langkah yang jauh dalam pendidikan kewangan dan perniagaan Islam. Langkah ini mendapat sokongan Jawatankuasa EPP 7 yang diterajui oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Bank Negara Malaysia menerusi penubuhan sebuah konsortium yang terdiri daripada institusi-institusi pendidikan tinggi dan wakil-wakil industri, bertujuan menetapkan penanda aras dan standard dalam pendidikan perbankan dan kewangan Islam. Konsortium tersebut juga telah melancarkan sebuah kurikulum dan unit latihan untuk membantu institusi pengajian tinggi di Malaysia merangka program-program dalam pendidikan kewangan dan perniagaan Islam, sebagai langkah pertama untuk mendapatkan akses ke pasaran global.

Sejajar dengan inisiatif untuk mentransformasikan Malaysia menjadi hab pendidikan kewangan dan perniagaan Islam, EPP ini akan berusaha untuk meningkatkan bilangan kemasukan pelajar di institusi pendidikan kewangan Islam kepada 54,000 pelajar menjelang tahun 2020 berbanding dengan 6,000 pelajar sekarang. EPP ini juga bertujuan memastikan bahawa 80 peratus daripada graduan di bawah program ini bertaraf *employable* menjelang tahun 2015.

Pencapaian dan Cabaran

Draf pertama bagi kurikulum pendidikan kewangan Islam telah siap pada bulan Disember 2013. Selaras dengan perkembangan ini, Jawatankuasa EPP 7 telah melancarkan sebuah pangkalan data yang menghimpunkan senarai bakat dalam industri ini.

EPP ini juga bekerjasama dengan beberapa bank Islam seperti Maybank Islamic dan HSBC Amanah yang turut serta bersama BNM untuk menyemak kurikulum yang dibangunkan. Di samping itu, pihak-pihak berkepentingan sedang berusaha untuk mencapai suatu profil antarabangsa bagi EPP ini dengan menyertai *World Islamic Economic Forum* (WIEF) yang diadakan di London pada bulan Oktober 2013.

Cabaran utama yang dihadapi oleh EPP ini ialah kekurangan bajet untuk melaksanakan inisiatif yang ditetapkan sehingga merencatkan momentum pada separuh pertama tahun 2013. Namun, dana yang diperoleh daripada PEMANDU telah berhasil merangsang semula EPP ini.

Selain itu, EPP ini berbeza daripada EPP lain yang diterajui sektor swasta kerana EPP ini dikawal selia oleh wakil sektor awam seperti BNM dan institusi pengajian tinggi awam. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa EPP 7 telah menubuhkan *International Council of Islamic Finance Educators* (ICIFE) agar pelaksanaan EPP 7 tetap mampan dan tahap profesionalisme dalam kalangan pendidik kewangan Islam dapat dipertingkatkan.

Langkah Seterusnya

ICIFE akan dipacu oleh kluster Pendidikan Kewangan dan Perbankan Islam yang akan menerajui usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah hab pendidikan kewangan dan perniagaan Islam bertaraf global. Kluster ini juga akan memastikan kualiti, kesesuaian industri dan pengiktirafan di peringkat global bagi sektor pendidikan kewangan Islam serta perkara-perkara berkaitan.

Sementara itu, ICIFE akan ditugaskan untuk:

1. melaksanakan akreditasi untuk kurikulum Kewangan Islam
2. menerbitkan buku panduan latihan untuk membangunkan bakat
3. membina pangkalan data untuk menghimpun bakat dalam pendidikan Kewangan Islam
4. mempromosikan pendidikan Kewangan Islam di peringkat global
5. menjamin hak milik intelektual bagi EPP7
6. menyiarkan ulasan berkala dan mengemaskini kurikulum
7. menerbitkan jurnal kesarjanaan dan majalah profesional
8. menganjurkan persidangan dan seminar di peringkat antarabangsa
9. menjana pendapatan bagi memastikan kemampanan



Sidang tertutup antara Kementerian Pendidikan dan wakil universiti serta tokoh pendidikan dari UK, dipengerusikan oleh KSU II Kementerian Pendidikan, Professor Dato' Seri IR. Dr. Zaini Bin Ujang

Fokus utama adalah untuk mengembangkan ICIFE dengan menyasarkan kemasukan 100 ahli yang berkelayakan dan berdaftar pada akhir tahun 2014. Selain itu, kurikulum yang dibangunkan oleh EPP 7 akan diperdebat di persidangan meja bulat yang akan dihadiri oleh tokoh-tokoh dari universiti terkemuka dunia, wakil Islamic Research and Training Institute (IRTI) dan International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) serta pemain industri di bawah ICIFE.

Dalam pada itu, ICIFE dan kluster ini akan memasarkan Malaysia sebagai pusat pendidikan kewangan Islam melalui perkhidmatan Education Malaysia dan menyertai persidangan pendidikan atau kewangan Islam di peringkat antarabangsa.

EPP 8 Membangunkan Kluster Disiplin Sains Kesihatan

EPP ini bertujuan menggalakkan institusi swasta menyediakan tempat mengajar di hospital-hospital mereka sendiri sebagai usaha meringankan masalah kesesakan di hospital awam dan secara langsung dapat meningkatkan pengajaran dan pengalaman praktikal oleh pelajar perubatan.

Selari dengan tuntutan ini, Kluster Kesihatan Premium UCSI di Bandar Springhill akan membangunkan sebuah hospital pengajar untuk menyediakan praktikum bagi pelajar sains kesihatan sebagai salah satu inisiatifnya.

Hasilnya, kluster ini akan melalui empat fasa pembangunan: Hospital pengajar, sekolah antarabangsa, fakulti perubatan dan pusat konvensyen. Pada tahun 2012, sekolah antarabangsanya telah memulakan operasi dan menawarkan program *International Baccalaureate*.

Pencapaian dan Cabaran

Fasa 1 dalam Kluster Kesihatan Premium UCSI telah menyaksikan Sekolah Antarabangsa UCSI berjalan lancar dengan kemasukan 21 pelajar baharu dan pewujudan 19 pekerjaan setakat awal bulan Disember 2013.

Namun, pembinaan hospital pengajar yang dijangka siap pada tahun 2015 telah ditangguhkan dahulu bagi memberi laluan kepada semakan oleh pihak UCSI berkaitan pelan pembangunan kluster kesihatan premium bersepadu.

EPP 9 Membangunkan Kluster Disiplin Kejuruteraan Termaju, Sains dan Inovasi

Sepanjang dua tahun lepas, jawatankuasa EPP ini yang terdiri daripada The Indus Entrepreneurs (TIE) Malaysia, *Cradle Fund*, Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dan Technology Park Malaysia telah melaksanakan program Pengkomersialan *Lab2Market* (L2M) yang membuka peluang bagi warga penyelidik menampilkan projek mereka kepada pihak industri dan pelabur.

Daripada sejumlah 11 projek yang dinilai oleh panel yang terdiri daripada wakil-wakil sektor awam dan swasta, tiga projek telah terpilih pada peringkat akhir untuk menerima geran awal bagi menggalakkan pengkomersialan ciptaan penyelidik terbabit pada tahun 2013 dan tahun 2014. Tiga projek tersebut ialah *High Flux Rejection Membranes (HFHR Membranes), Retrofit Fuel Injection Kit* dan *Diagnostics for Typhoid*. Namun begitu, jawatankuasa EPP mendapati bahawa ramai penyelidik hanya berminat untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan mereka jika dijanjikan dana. Para penyelidik sering menganggap bahawa unsur-unsur latihan dan penyertaan pelabur kurang penting berbanding dengan pengkomersialan ciptaan mereka.

Hal tersebut memang merisaukan namun boleh dianggap sebagai suatu peluang, kerana EPP ini dilancarkan untuk membimbing penyelidik untuk menampilkan ciptaan terbaik mereka kepada pelabur yang berpotensi dan berminat untuk membawa produk mereka ke pasaran.

Pencapaian dan Cabaran

Sejak permulaan EPP ini, beberapa projek penyelidikan yang berjaya memperlihatkan potensi pengkomersialan telah diberi sokongan lanjut. Projek-projek ini termasuklah:

1. **Program Biodiesel daripada Sisa Minyak Masak**
   Program daripada hasil kerjasama antara Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Uni10Energy Sdn Bhd ini bertujuan untuk mengkaji kelestarian pembangunan dan pengkomersialan produk biodiesel sebagai salah satu usaha negara untuk mengembangkan ekonomi pelepasan karbon rendah. Menjelang tahun 2013, loji untuk menghasilkan biodiesel daripada sisa minyak masak siap dibina oleh pasukan terbabit. Sebagai langkah percubaan, Uni10 Energy telah memperoleh bekalan sisa minyak masak dari IKEA. Hal ini adalah suatu langkah positif untuk pengkomersialan projek ini pada masa hadapan.

2. **Sistem Perekodan Kehadiran menggunakan Biometrik Muka (FaceBARS™)**
   Sewaktu pusingan pertama program L2M pada tahun 2012, USM menerima geran untuk mencipta FaceBARS™, iaitu sebuah alat yang merekodkan kehadiran atau akses masuk menggunakan teknologi pengecaman muka. Alat ini membantu menangani isu yang timbul apabila berlaku kegagalan sistem pengecaman cap jari atau apabila sistem tersebut tidak tersedia. Selain itu, ciptaan tersebut dapat menggantikan penggunaan kad pengenalan sebagai suatu langkah keselamatan.



Tapak loji pemprosesan biodiesel daripada sisa minyak masak di UNITEN

Sehubungan dengan itu, projek ini menetapkan sasaran untuk mencipta dan menguji sebanyak 100 unit FaceBARS™ bagi tujuan pengkomersialan dalam bulan Disember 2013 dan akan diikuti dengan pelancaran produk tersebut dalam bulan yang sama. Setakat ini, lebih 10 syarikat telah menunjukkan minat sama ada untuk menggunakan atau mengedarkan produk ini. Sementara itu, sebuah syarikat berminat menjalinkan usaha sama untuk mengkomersialkan FaceBARS™.

3. **Alat Penentu Antioksidan dengan Daya Pemprosesan Tinggi (OxiCount)**
   Universiti Kebangsaan Malaysia telah menerima geran awal di bawah pusingan kedua L2M pada tahun 2013 untuk mencipta sejumlah 1,500 unit prototaip atau produk akhir OxiCount. OxiCount membolehkan pelabelan yang betul bagi kandungan antioksidan dan UKM berhasrat menjadi entiti pertama di dunia yang melancarkan satu siri kit ujian antioksidan dalam pasaran global sebagai satu usaha penyelesaian menggunakan ujian antioksidan ke atas sampel dalam bidang kesihatan, farmaseutikal dan industri makanan.


Unit pemprosesan biodiesel di UNITEN

Tempoh masa yang dipersetujui adalah antara bulan Jun 2013 dan bulan Mei 2014 dan tiga peringkat penting ditetapkan. Peringkat pertama selesai pada bulan Ogos 2013 apabila UKM memperoleh semua peralatan dan mesin yang diperlukan untuk pengeluaran produk. Pada masa ini, terdapat sejumlah 300 agensi dan universiti di Malaysia yang sedang menganalisis aktiviti OxiCount secara rutin dan usaha ini sahaja berpotensi menyediakan pasaran untuk 360,000 kit ujian setiap tahun. Walaupun projek ini masih dalam peringkat awal, dua syarikat farmaseutikal telah menunjukkan minat untuk terlibat bersama pasukan pengkomersialan atau menjadi pengedar.

4. **Robot Rehabilitasi untuk Pesakit Strok**
   Universiti Teknologi Mara telah mendapat geran awal di bawah pusingan kedua L2M untuk membangunkan sebuah robot rehabilitasi untuk kegunaan pesakit strok. Tempoh masa yang dipersetujui adalah antara bulan Mei 2013 dan bulan April 2014.

   Kaedah rehabilitasi konvesional untuk pesakit strok yang ada pada masa kini amat meletihkan, bersifat subjektif, mahal dan tidak konsisten. Projek ini bertujuan membangunkan robot rehabilitasi buatan tempatan pada harga berpatutan yang dapat menyediakan terapi adaptif agar pesakit strok boleh mendapat pelbagai jenis latihan sesuai dengan keadaan mereka.

   Pakar terapi dan pesakit strok dari Persatuan Strok Kebangsaan Malaysia (NASAM) serta hospital Kerajaan telah menampakkan minat dalam produk ini sebagai usaha untuk menambah baik latihan rehabilitasi semasa. Sebuah kajian yang dijalankan ke atas satu daripada elemen robot rehabilitasi, iaitu pergerakan anggota atas telah diterbitkan dalam jurnal *Medical Imaging and Health Informatics* pada tahun 2013.

Langkah Seterusnya

Inisiatif yang digiatkan selama dua tahun oleh EPP ini, iaitu menyediakan peluang pengkomersialan dan menarik pelabur, akan diteruskan bersama langkah lain yang akan memperkukuh kerjasama antara pihak penyelidik, industri dan pelabur.

Bagi merealisasikan hasrat ini, AIM, iaitu agensi yang ditubuhkan pada tahun 2010 untuk merangsang suatu ekosistem inovasi di Malaysia akan menjuarai EPP ini mulai tahun 2014 bagi mengelakkan duplikasi usaha-usaha oleh AIM dan EPP 9, memandangkan objektif dan matlamat yang serupa antara kedua-duanya.

EPP 10 Membangunkan Kluster Disiplin Hospitaliti dan Pelancongan

Malaysia perlu menggandakan bilangan tenaga kerja sektor hospitaliti kepada 50,000 orang menjelang tahun 2020 bagi memenuhi permintaan hasil daripada pembangunan sektor pelancongan. Selaras dengan perkembangan itu, jumlah graduan diploma dan ijazah perlu ditingkatkan kepada 50 peratus daripada 13 peratus dalam tempoh yang sama.

Malaysia Centre for Tourism and Hospitality Education (MyCenTHE) ialah peneraju EPP ini dan ia telah menyusun strategi yang agresif untuk mengembangkan program Pembelajaran Berasaskan Kerja (*Work Based Learning* - "WBL") yang dibangunkannya. Sehingga kini, MyCenTHE telah menubuhkan empat kluster di Sarawak, Pulau Pinang, Sabah and Negeri Sembilan menerusi kerjasama dengan USCI University, KDU University, Inti University College, dan East West International College.

Pada masa ini, kluster-kluster tersebut menawarkan diploma dalam bidang pengurusan hotel dan seni kulinari. MyCenTHE juga merancang untuk meluaskan program WBL dengan menawarkan kurikulum tambahan dalam bidang pelancongan, peruncitan dan pengurusan acara melalui kerjasama dengan institusi pendidikan vokasional dan komuniti.


Pencapaian dan Cabaran

Perjanjian bersama-sama East West International College, iaitu ahli kluster keempat yang akan menerajui aktiviti EPP ini di Negeri Sembilan, telah dimeterai pada tahun ini. Pelancaran kluster terbaharu ini disaksikan oleh Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Idris Jusoh pada 10 September 2013.

Ahli-ahli MyCenTHE telah menganjurkan program berkaitan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di Felda Palong 2, Negeri Sembilan pada 21 Ogos 2013. Program ini telah memanfaatkan kira-kira 300 pelajar dari sekolah-sekolah berdekatan dan bertujuan mencetuskan kesedaran tentang peluang pekerjaan yang wujud dalam industri hospitaliti dan pelancongan. Keempat-empat kluster terbabit telah menyertai program CSR ini sambil mengadakan acara demonstrasi memasak dan sesi bimbingan kerjaya bersama-sama pelajar yang hadir.

Walaupun enrolmen pelajar bagi program hospitaliti dan pelancongan yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi swasta di seluruh negara pada tahun 2013 berjumlah 12,063 orang, MyCenTHE dan ahli-ahlinya berdepan dengan cabaran dalam melaksanakan program ini, dengan jumlah kemasukan pelajar bagi program-programnya kira-kira 500 orang.

Sebagai contoh, banyak pihak dalam industri ini enggan menerima perubahan dalam struktur latihan amali (internship) untuk melaksanakan model praksis WBL yang memuatkan tugasan kerja yang memerlukan tempoh lebih panjang dan penempatan kerja yang pelbagai. Dalam hal tersebut, ahli MyCenTHE berhadapan dengan cabaran dalam menyakinkan pengusaha hotel dalam menjalinkan perkongsian.



Rajah 10.3: Anjakan daripada proses konvensional menggunakan output graduan kepada model praksis WBL

Oleh hal yang demikian, MyCenTHE akan bekerjasama dengan PEMANDU dan KPM untuk melantik pemimpin kluster di setiap negeri bagi menangani cabaran yang timbul dalam usaha melaksanakan program WBL ini. Isu yang dihadapi, antara lain, termasuklah:

1. Gaji rendah atau tiada bayaran elaun. Banyak pihak hotel enggan membayar elaun minimum sebanyak RM500 sebulan seperti yang disarankan oleh MyCenTHE
2. Pihak hotel menganggap bahawa pengambilan pelatih hanyalah untuk menjimatkan kos, malah pelatih sering disalahgunakan sebagai 'buruh murahan'
3. Maklum balas yang tidak menggalakkan daripada pengurus hotel yang berasa adalah lebih berbaloi untuk membelanjakan dana pembangunan sumber mereka ke atas program latihan dalaman mereka. Sebenarnya, program WBL membolehkan kakitangan sedia ada di hotel untuk menyertai kursus tersebut dan sekali gus meningkatkan kemahiran mereka
4. Kekurangan kesedaran awam tentang prospek kerjaya dalam bidang hospitaliti dan pelancongan

MyCenTHE turut menjalankan sebuah kaji selidik ringkas dalam kalangan ahlinya pada Oktober 2013 bagi mendapatkan maklumat tentang elaun yang dibayar kepada pekerja. Kajian ini mengumpulkan data yang diperoleh daripada 65 hotel dan syarikat pengurusan acara (di seluruh negara kecuali negeri Pantai Timur).

Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 53 daripada 65 syarikat tersebut ialah syarikat tempatan, dan hanya 18 peratus daripada jumlah 53 ini yang membayar kadar elaun minimum sebanyak RM500 seperti yang disarankan oleh MyCenTHE.

Langkah Seterusnya

Dengan mengambil kira cabaran yang dihadapi dan dapatan kaji selidik tersebut, MyCenTHE akan meneruskan usaha menarik peserta dari wilayah lain dan fokus akan diberikan kepada kawasan Langkawi dan Pantai Timur. Usaha tersebut mampu merealisasikan sasaran EPP ini untuk memperoleh 10 pemimpin kluster menjelang tahun 2015.

Di samping itu, MyCenTHE akan memberi tumpuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar dan ibu bapa di seluruh Malaysia mengenai pendidikan serta prospek kerjaya dalam bidang hospitaliti dan pelancongan. Pada masa yang sama, MyCenTHE juga akan mempergiat usaha untuk menubuhkan jawatankuasa kerja melibatkan KSM untuk membangunkan Piawaian Kemahiran Guna Tenaga Kebangsaan (NOSS) yang meliputi subdisiplin hospitaliti dan pelancongan, termasuklah pengurusan acara, peruncitan, taman tema dan hidupan liar.



Pelancaran program Peneraju Kluster MyCenTHE bagi Negeri Sembilan pada 10 September 2013

EPP 11 Melancarkan EduCity@Iskandar

EduCity@Iskandar merupakan suatu pelaburan signifikan yang diterajui oleh Khazanah Nasional Bhd bertujuan mentransformasikan Iskandar Malaysia menjadi sebuah hab pendidikan global. Sasaran utama inisiatif ini adalah menyediakan akses kepada pendidikan bertaraf antarabangsa untuk rakyat Malaysia dan Asia dengan jarak hanya enam jam menggunakan kapal terbang dari Johor. Inisiatif ini juga membantu mencapai agenda Kerajaan yang menyasarkan seramai 200,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2020.

Tidak jauh dari Medini Iskandar, iaitu kawasan pusat perniagaan di daerah Nusajaya, EduCity telah berjaya menarik beberapa institusi terkemuka yang menawarkan pendidikan sekolah rendah, menengah dan tertiari. Institusi ini termasuklah Newcastle University Medicine Malaysia (NUMed), University of Southampton Malaysia Campus (USMC), University of Reading Malaysia (URM), Marlborough College Malaysia (MCM) dan Raffles American School.

EduCity menawarkan pengalaman pendidikan berkualiti dan dilengkapi dengan infrastruktur yang ulung, termasuklah:

1. *International Students' Village*, terletak di kawasan seluas lima ekar yang menyediakan tempat tinggal pelajar
2. Stadium dan Kompleks Sukan, sebuah kompleks sukan bertaraf dunia dilengkapi dengan padang bola, gelanggang tertutup, pusat akuatik, trek larian 400 meter dan stadium dengan kapasiti sebanyak 12,000 tempat duduk
3. Kompleks *Multi-Varsity Enterprise* yang menempatkan beberapa institusi pengajian tinggi yang sedang beroperasi serta sebuah sekolah multimedia kreatif dan institusi pembelajaran hospitaliti pada masa hadapan

Pencapaian dan Cabaran

EduCity terus mencatatkan kejayaan apabila pengambilan pelajar meningkat lebih empat kali ganda, kepada 1,701 pelajar pada tahun 2013 berbanding 370 pada tahun 2012. Perkembangan ketara juga dilihat apabila institusi terkemuka seperti MCM yang memulakan kampusnya di EduCity pada tahun 2013 dan juga NMIT masing-masing berjaya menarik seramai 602 dan 562 pelajar.

Institusi lain, contohnya URM telah melancarkan upacara pecah tanah tahun ini, justeru memantapkan lagi potensi pertumbuhan bagi EduCity. USMC juga telah beroperasi secara rasmi pada tahun 2013.

Namun begitu, penubuhan EduCity ini juga terpaksa menempuhi beberapa cabaran yang telah dijangka akan timbul dalam apa-apa usaha pun yang melibatkan penubuhan pusat pendidikan baharu. Yang pertama, isu pemasaran dan promosi EduCity pembelajaran kepada pelajar antarabangsa serta jaminan terhadap kualiti pengalaman pelajar telah terjejas disebabkan infrastrukur dan gaya hidup yang terhad di kawasan yang serba baharu. PEMANDU telah menjalankan sebuah makmal pada bulan Mac 2013 untuk menangani cabaran tersebut dan isu-isu lain yang berbangkit, dan usaha tersebut telah membuahkan inisiatif-inisiatif baharu untuk mengatasi cabaran itu.

Yang kedua, oleh sebab setiap universiti di EduCity beroperasi di kampus yang dikongsi bersama, EPP ini menghadapi cabaran untuk mendapatkan komitmen dan *buy-in* daripada pihak-pihak berkepentingan bagi membangunkan infrastruktur atas dasar perkongsian. Namun begitu, pihak pengurusan EduCity sedang mengambil langkah untuk mewujudkan satu ekosistem yang lebih sihat dan dilengkapi dengan persekitaran yang lebih baik untuk pelajar.

Langkah Seterusnya

Dalam usaha untuk menjamin pertumbuhan dan menyokong hasrat Johor dan Malaysia untuk menjadi hab pendidikan di Asia, projek EduCity mesti diteruskan. Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) akan bekerjasama dengan Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia (EMGS) serta KPM untuk memperkukuh kedudukan Iskandar Malaysia dan memasarkannya di dalam negara dan juga di rantau Asia.

Dalam pada itu, usaha-usaha untuk meningkatkan kerjasama antara institusi-institusi pendidikan yang berpusat di Malaysia dan rakan institusi di peringkat antarabangsa akan terus dimantapkan.

EPP 12 Meneraju Pendidikan Malaysia sebagai Jenama Antarabangsa

Menerusi pelancaran Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia (EMGS) pada tahun lepas, Malaysia telah menubuhkan sebuah pusat sehenti untuk memasarkan sektor pendidikan ke seluruh dunia dan menguruskan perkhidmatan penting bagi pelajar seperti pemprosesan visa, penyaringan kesihatan dan hal-ehwal kebajikan pelajar. Langkah ini sejajar dengan matlamat EPP ini untuk mentransformasikan pengalaman pelajar antarabangsa di Malaysia agar setanding dengan pengalaman pelajar di Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Usaha yang digiatkan di bawah EPP ini juga bertujuan menjadikan Malaysia sebuah hab pendidikan serantau memandangkan mobiliti pelajar di seluruh dunia dijangka meningkat tiga kali ganda, kepada hampir enam juta menjelang tahun 2020 daripada 2.1 juta pada tahun 2003. EPP ini juga menetapkan sasaran untuk menggandakan enrolmen pelajar antarabangsa kepada sekurang-kurangnya 200,000 orang menjelang tahun 2020 dan peningkatan dalam yuran sekolah antarabangsa sebanyak 50 peratus seiring dengan permintaan yang lebih tinggi untuk pendidikan di Malaysia.

Pencapaian dan Cabaran

EMGS telah melancarkan Sistem Permohonan dan Pendaftaran Pelajar (STARS), iaitu sistem baharunya secara rasmi pada bulan Februari 2013 bagi mempertingkatkan pengurusan dalam proses penilaian visa pelajar antarabangsa yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian mereka di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di Malaysia.

Pada tahun 2013, EMGS telah menerima sejumlah 32,679 permohonan visa pelajar antarabangsa dari 256 IPTS dan melibatkan pelajar dari 144 buah negara. Pada tahun-tahun 2011 dan 2012, jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 39,548 dan 43,410 masing-masing. Tahap kualiti permohonan yang diterima juga didapati meningkat pada tahun 2013 setelah kadar permohonan yang ditolak selepas saringan hanyalah 3 peratus berbanding dengan 31 peratus pada tahun 2011 dan 38 peratus pada tahun 2012.

Namun demikian, EMGS tidak dapat melaksanakan objektifnya sebagai pusat sehenti dengan memuaskan sejak penubuhannya, sehingga ia mencetuskan kegelisahan dalam kalangan pelajar antarabangsa, IPTS and kedutaan asing.

Isu utama adalah berkaitan pemprosesan visa pelajar baharu dan pembaharuan visa yang diwajibkan untuk menggunakan khidmat EMGS, sehingga menyumbangkan kepada penurunan dalam pengambilan pelajar antarabangsa di peringkat tertiari di IPTS. Selain itu, EMGS tidak dapat melaksanakan satu lagi peranan utama mereka pada tahun 2013, iaitu aktiviti pemasaran untuk mempromosi Malaysia sebagai sebuah hab pendidikan. Hal ini berikutan keperluan EMGS mengutamakan penambahbaikan proses permohonan visa pelajar antarabangsa terlebih dahulu. Dalam tahun 2013, EMGS banyak bergantung kepada KPM dan pegawai-pegawainya untuk menggalas tugas promosi dan pemasaran kepada pelajar antarabangsa. Walau bagaimanapun, EMGS yakin bahawa ia dapat meneruskan kelangsungan tugas promosi dan pemasaran ini pada tahun 2014 apabila proses permohonan visa pelajar antarabangsa semakin lancar dan rungutan yang tercetus semakin reda.

Langkah Seterusnya

Sungguhpun tempoh pemprosesan visa dapat dikurangkan, Kerajaan masih agak khuatir tentang isu membabitkan EMGS. Lantaran itu, Kerajaan telah mula menyemak kaedah yang digunakan oleh EMGS dalam mengendalikan permohonan visa pelajar. Pada tahun 2014, KPM, EMGS, Kementerian Dalam Negeri serta Jabatan Imigresen akan bekerjasama untuk melaksanakan beberapa penambahbaikan ke atas proses yang sedia ada berkaitan permohonan visa pelajar antarabangsa, termasuklah pengenalan "lorong pintas" yang dapat mempercepatkan permohonan menggunakan suatu mekanisme berlandaskan profil risiko pemohon, menambah bilangan klinik yang diiktiraf untuk pemeriksaan kesihatan dan menambah pilihan insurans kesihatan bagi pemohon visa.

Penyelarasan yang dibuat ke atas proses permohonan visa pelajar antarabangsa ini akan dipantau rapi bagi memastikan bahawa matlamat asal untuk meningkatkan pelajar antarabangsa yang benar-benar mahu melanjutkan pengajian mereka di Malaysia akan tercapai.

EPP 13 Memperkenalkan Perkongsian Awam-Swasta bagi Pendidikan Asas

Pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT) ialah segmen dalam sistem pendidikan Malaysia yang masih belum dimanfaatkan sepenuhnya, walhal sektor ini mampu melengkapkan pelajar lepasan sekolah menengah dengan kemahiran yang dapat meraih pekerjaan yang memerlukan kepakaran teknikal yang khusus.

Sehubungan dengan itu, KPM telah menggiatkan usaha termasuk membeli tempat di institusi teknikal dan vokasional swasta bagi program dalam bidang penyelenggaraan penerbangan, mekatronik, animasi dan marin serta bekerjasama dengan entiti yang diterajui industri untuk membantu memperkukuh kurikulum di sekolah-sekolah milik Kerajaan.

Pencapaian dan Cabaran

Melalui perjanjian yang ditandatangani antara Malaysian Aviation Training Academy (MATA) dan KPM, seramai 100 pelajar telah dipilih pada tahun 2013 untuk menjalani kursus diploma penyelenggaraan pesawat, yang merupakan tambahan kepada 100 pelajar yang telah mula dilatih dalam kursus yang sama pada tahun 2012. Di samping itu, seramai 102 pelajar tambahan dihantar untuk mempelajari kursus mekatronik di Malaysian Institute of Technology Academy (MITA), menjadikan jumlah keseluruhan seramai 174 orang.

Selain perkembangan ini, pada tahun ini juga, KPM memeterai perjanjian dengan dua institusi lain yang menyaksikan seramai 150 pelajar mengikuti kursus berkaitan bidang marin di RANACO Education & Training Institute dan sejumlah 100 lagi menjalani kursus animasi 2D dan kesan visual di KRU Academy.

Dalam tahun ini, perkongsian awam-swasta (PPP) memberi tumpuan kepada penawaran program melalui inisiatif *buying places* di institusi vokasional untuk para pelajar berkeperluan khas (SEN). Inisiatif ini bertujuan membolehkan pelajar SEN memperoleh pekerjaan dan hidup berdikari dalam komuniti yang bersifat inklusif, mendapatkan kemahiran dan kepakaran serta pensijilan yang diiktiraf oleh industri.

Institusi vokasional terbabit dipilih berdasarkan kemudahan infrastruktur yang disediakan untuk pelajar SEN dan kesediaan pihak institusi ini menawarkan penempatan dalam industri dan latihan amali kepada graduan SEN.

Pada bulan Julai 2013, seramai 16 pelajar mengikuti ke dalam kursus bersijil untuk bidang makanan dan minuman (F&B) di Berjaya University College of Hospitality, sementara 20 pelajar pula mengambil kursus teknologi maklumat dan komunikasi di Sunway International Business & Management.

Selari dengan perkembangan itu, KPM telah mendapatkan sebanyak 220 tempat tambahan di lima negeri yang menawarkan pelbagai kursus vokasional, seperti seni kulinari dan sistem komputer. Pengambilan pertama bermula pada November 2013, dan institusi terpilih termasuklah Suria College of Hospitality di Johor dan International College of Yayasan Melaka.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2014, Kerajaan telah membuat peruntukan untuk menambah penawaran program melalui *buying places* di institusi TEVT swasta. Penawaran program untuk pelajar SEN juga akan diteruskan pada tahun 2014 yang akan menyaksikan lebih banyak kursus ditawarkan dan fokus akan diperluas kepada pelajar di luar Lembah Klang.

Sebagai suatu usaha untuk meneruskan inisiatif PPP pada 2014, sebanyak 71 tempat tambahan sudah pun dibeli di Berjaya College of Hospitality yang menawarkan Diploma dalam Patisserie dan Sijil dalam kursus F&B, yang merangkumi 53 tempat di Lembah Klang dan 18 di Pulau Pinang. Program ini juga sudah diperluaskan ke Sabah dan Sarawak melibatkan 42 pelajar SEN yang bakal mengikuti pengajian Diploma dalam Pembuatan Pastri di Kolej ATI Sabah.

EPP 14 Membangunkan Kluster Pembangunan Permainan Video



Kaunselor peringkat Sekolah Menengah ketika di Codemasters Studios

Industri permainan video adalah salah satu industri yang paling pesat membangun di dunia. Pada bulan September 2013, jualan permainan *Take-Two Interactive Grand Theft Auto 5* melepasi US$1 bilion hanya dalam tempoh tiga hari, menjadikannya produk jualan yang paling hangat merentasi seluruh sektor hiburan. Sebaliknya, jualan rekod dalam industri muzik global tidak sampai US$1.4 bilion setiap bulan. Oleh hal yang demikian, Malaysia melihat potensi untuk memperluas prestasinya dalam pasaran permainan video yang bernilai US$72 bilion ini.



Contoh permainan video, hasil kerja pelajar di Kolej Universiti KDU

Dalam hal tersebut, usaha untuk memupuk bakat yang mampu membangunkan industri permainan video amat penting bagi memastikan pemindahan ilmu dan pembentukan sebuah ekosistem yang bersesuaian. Sekiranya usaha ini tidak dilaksanakan, sukar untuk kita mendapatkan sokongan, mengekalkan bakat dan menarik minat di persada antarabangsa.

Rentetan itu, inisiatif MyGameDev2020, yang merupakan suatu kerjasama strategik antara institusi pendidikan, pemain industri dan pengawal selia dan diterajui oleh KDU University College telah diwujudkan bagi mengumpulkan bakat negara dalam sektor ini dan mengubah Malaysia menjadi pusat pembangunan permainan video yang terkemuka di Asia Tenggara.

Inisiatif lain yang digerakkan melalui EPP ini termasuklah kempen yang dianjurkan di sekolah-sekolah kerajaan bagi mendidik para pelajar dan ibu bapa berkenaan peluang pekerjaan dalam sektor ini serta Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai dengan pihak terbabit untuk mencipta kurikulum pembangunan permainan yang diiktiraf oleh industri.

EPP ini juga melaksanakan program latihan untuk golongan pensyarah di institusi pengajian awam dan swasta dan memulakan program "pemecut" untuk membimbing bakat yang sudah bersedia menyertai industri pembangunan permainan ini.

Pencapaian dan Cabaran

Bagi mengekalkan aliran bakat yang mapan dalam industri pembangunan permainan video, usaha dari segenap sudut mesti digerakkan untuk meneroka bakat yang terhimpun menjangkau pelajar di peringkat tertiari, malah, bakat pelajar di sekolah menengah awam juga harus ditinjau.

Sehubungan dengan itu, Program Kesedaran Kaunselor tentang Industri Pembangunan Permainan Video telah dianjurkan pada tahun 2013 bertujuan untuk mendidik dan mencetuskan kesedaran kepada 106 kaunselor di sekolah menengah di kawasan Greater Kuala Lumpur. Program tersebut merangkumi lawatan ke Codemasters Studios KL yang merupakan salah sebuah pengusaha permainan video Inggeris paling lama berkecimpung, dinobatkan syarikat permainan bebas terbesar Eropah dan mempunyai hampir 700 pekerja di serata dunia.

Sementara itu, pertandingan *Tabletop2013* yang berlangsung selama dua hari telah diadakan bagi memperkenalkan konsep pembangunan permainan menggunakan reka bentuk mainan berpapan (board game) kepada pelajar sekolah menengah berusia antara 15 hingga 18 tahun. Peserta diberi satu tema berdasarkan makanan Malaysia untuk dicipta menjadi mainan berpapan mereka. Peserta kemudiannya memperlihatkan ciptaan mereka kepada panel hakim yang menguji setiap mainan tersebut bagi menilai ciri *re-playability*, keseronokan yang dicetuskan kepada pemain dan senang atau tidak mempelajari mainan tersebut.

Langkah Seterusnya

Kluster MyGameDev2020 akan meneruskan usaha untuk meningkatkan tahap kesedaran rakyat Malaysia tentang peluang kerjaya abad ke-21 ini. Antara lain, Ekspo Industri-Akademia yang akan memberi peluang kepada pengusaha permainan video di Malaysia untuk memperlihatkan produk dan bakat mereka kepada audiens yang lebih luas dan membangkitkan inspirasi audiens untuk mempertimbangkan industri ini sebagai kerjaya mereka.

Kluster pembangunan permainan video ini sedang berganding rapat dengan agensi Kerajaan berkaitan untuk membawa pengusaha permainan video terkemuka dunia untuk datang ke Malaysia untuk:

1. Membangunkan industri pembangunan permainan video ini
2. Menjalin pertalian dan sinergi yang rapat sesama syarikat tempatan dan global

Aktiviti lain yang dirancangkan pada tahun 2014 termasuklah:

1. Pertandingan khusus seperti pertandingan mencipta mainan 'table top' dan permainan berkaitan kesedaran dalam kalangan industri untuk warga kaunselor sekolah di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Kedah
2. Menganjurkan Maraton Permainan 48-jam di bawah program MyGameDev2020 yang difokuskan untuk mendidik warga Malaysia tentang pembangunan permainan video
3. Menganjurkan Pesta Antarabangsa Animasi Dan Permainan Komputer ANIMEX yang mengetengahkan pakar professional terkemuka untuk memberikan pandangan mereka tentang projek yang sedang dilaksanakan
4. Melaksanakan program *Train-the-Trainers* untuk golongan pensyarah di universiti, politeknik dan kolej komuniti untuk meningkatkan keupayaan insitusi awam serta menambah baik bahan kursus yang sedia ada menurut kehendak industri. Program *Train-the-Trainers* ialah kursus intensif yang berlangsung selama tiga minggu menggabungkan pakar dari *Unity* dan *i-Train* yang melatih menggunakan perisian diiktiraf oleh industri; program tersebut juga akan menyampaikan dua sijil yang diiktiraf industri kepada para peserta

EPP 15 Penubuhan Kampus Cawangan Universiti Luar Negara

Malaysia semakin maju ke hadapan dalam usaha transformasi untuk menjadi salah satu hab pendidikan terbilang di Asia. Semakin banyak universiti luar negara yang menunjukkan minat untuk menubuhkan kampus cawangan mereka di negara ini. Hasil usaha daripada agensi sektor awam yang memasarkan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pendidikan yang mudah diakses oleh pasaran Asia Tenggara, sejumlah sembilan universiti terkemuka dari United Kingdom dan Australia telah membuka kampus cawangannya di Malaysia.

Pencapaian dan Cabaran

Pada bulan September 2013, Heriot Watt University telah memulakan operasi di kampus sementaranya di Putrajaya dengan menawarkan program *Edinburgh Business School MBA*. Kampus tersebut merupakan kampus antarabangsanya yang kedua.

Pada tahun depan, Heriot Watt University akan menawarkan program tambahan, termasuklah program Sarjana Sains dalam bidang psikologi perniagaan, pengurusan projek pembinaan dan tenaga. Kesemua program tersebut ditawarkan di kampus yang dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun 2014.

Reading University Malaysia juga telah memulakan operasi di kampus sementara pada tahun ini dengan menawarkan program Asas Perniagaan. Universiti tersebut akan menawarkan lebih banyak program apabila kampus mereka siap sepenuhnya kelak.

Selain itu, Kerajaan telah meluluskan permohonan untuk penubuhan sebuah kampus cawangan Universiti Al Azhar Kaherah di sini. Namun, sebelum diiktiraf sebagai salah satu projek di bawah EPP ini, Gerbang Al-Azhar perlu menjalani Prosedur yang Dipersetujui (AUP), disahkan oleh PricewaterhouseCoopers (PWC), yang akan dilaksanakan pada tahun 2014. Akan tetapi, permohonan yang diterima daripada institusi lain, termasuklah institusi dari United Kingdom dan Timur Tengah telah ditangguhkan untuk sementara waktu, bermula bulan Februari 2013, sejurus selepas Menteri mengenakan moratorium selama dua tahun ke atas lesen yang dipohon oleh institusi pengajian tinggi swasta dan kampus-kampus cawangan. Moratorium itu bertujuan agar kapasiti berlebihan di institusi sedia ada dipenuhi terlebih dahulu.

Langkah Seterusnya

Rentetan daripada moratorium bertempoh dua tahun ini, permohonan untuk lesen baharu yang dihantar kepada Kerajaan sebelum tarikh pengumuman moratorium tidak akan diluluskan. Namun begitu, pihak Kementerian akan terus menimbangkan permohonan daripada universiti yang telah diiktiraf sebagai 100 universiti terbaik dunia dalam carta *Times Higher Global University Rankings* atau *QS World University Rankings*. Hal ini demikian kerana moratorium tersebut tidak menjejaskan institusi yang tersenarai dalam carta QS dan *Times Higher Global.*

EPP 16 Penubuhan Institusi Pendidikan *Not-for-Profit*

Malaysia menyaksikan permintaan yang begitu tinggi untuk penubuhan institusi *not-for-profit* di negara ini. Berhubung dengan hal ini, cadangan yang paling menonjol ialah pelan penubuhan sebuah institusi seni liberal yang menawarkan biasiswa kepada wanita berbakat dari negara Asia dan Timur Tengah yang dilanda konflik. Cadangan ini akan direalisasikan melalui jalinan usaha sama dengan Smith College, satu daripada tujuh kolej seni liberal untuk wanita di Amerika Syarikat, yang dinamakan "Seven Sisters".

Pencapaian dan Cabaran

Sewaktu menilai pelan untuk projek untuk Asian Women Leadership University (AWLU) ini, Kerajaan meminta agar pihak yang menyokong pelan ini menunjukkan butir-butir di bawah:

1. Sumber dana untuk universiti memandangkan universiti ini akan bergantung pada derma dan sumbangan daripada orang awam untuk membiayai penubuhan kampus dan operasinya
2. Menampilkan sebuah model pengoperasian yang mampan memandangkan universiti ini terpaksa bergantung pada derma/sumbangan pada tempoh awal penubuhannya
3. Mencadangkan tapak alternatif untuk pembinaan kampus dengan memanfaatkan infrastruktur yang sudah dibangunkan

Dalam bulan November 2013, AWLU telah mengemukakan sebuah permohonan menyeluruh untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh KPM termasuklah keterangan berkaitan jumlah dana yang telah diperoleh serta tapak kampus baharu di Batu Kawan, Pulau Pinango. Syarat modal berbayar yang ditetapkan sebanyak RM20 juta sudah dipenuhi oleh AWLU apabila ia berhasil memperoleh komitmen dana berjumlah RM21.6 juta. Setakat 31 Disember 2013, permohonan AWLU untuk mendapatkan status universiti masih dalam proses pernilaian oleh ahli panel KPM.

EPP 17 Mentransformasikan Malaysia sebagai Hab Perakaunan Terulung

EPP 17 bertujuan mentransfomasikan Malaysia menjadi sebuah hab perakaunan dan akan diterajui oleh Sunway TES Sdn Bhd. Langkah pertama di bawah EPP ini ialah penubuhan Pusat Kecemerlangan untuk Latihan Perakaunan Sunway TES yang dilancarkan pada 14 November 2013.

Dengan kekuatan sedia ada dari segi pengalaman dan staf, khususnya dalam bidang akademik dan juga pentadbiran, Sunway-TES berhasrat untuk meningkatkan bilangan modal insan yang berkemahiran dalam sektor perakaunan melalui kerjasama dengan 15 buah institusi pengajian tinggi swasta serta awam di Malaysia.



Perasmian bagi Pusat Kecemerlangan untuk Latihan Perakaunan Sunway TES (CAE)

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2013, Sunway TES mendaftar seramai 90 pelajar dan berharap dapat menghasilkan sejumlah 5,500 akauntan profesional dan bertauliah menjelang tahun 2020. Hasrat ini akan direalisasikan dengan memuatkan kursus perakaunan profesional ke dalam program ijazah perakaunan yang sedang ditawarkan oleh beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Namun, kerjasama yang diusahakan ini bukan setakat memuatkan program perakaunan profesional ke dalam program ijazah, malah akan menawarkan sokongan industri dengan menghubungkan pelajar dengan lima firma perakaunan terkemuka atau *the Big 5*, firma perkhidmatan perakaunan peringkat pertengahan *(mid-tier)* dan badan korporat terkenal (cth. Sunway Group, Felda, PETRONAS dan CIMB) melalui latihan amali, jaminan penempatan kerja selepas pengijazahan dan tajaan pengajian untuk program profesional daripada majikan.

Setakat ini, Sunway TES telah pun menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk menjalinkan kerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Langkah Seterusnya

Matlamat Sunway TES adalah untuk meningkatkan pengambilan pelajar kepada 261 orang menjelang tahun 2014 menerusi kerjasama dengan institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Kerjasama tersebut akan membantu untuk mewujudkan hab perakaunan di seluruh negara bagi menyokong Pusat Kecemerlangan untuk Latihan Perakaunan yang ditubuhkannya.

Pusat Kecemerlangan Perakaunan Sunway TES

Dengan pelaburan berjumlah RM28 juta, Pusat Kecemerlangan Perakaunan Sunway TES dijangka akan memberikan impak kepada Pendapatan Negara Kasar sebanyak RM14 juta dan mewujudkan sejumlah 234 pekerjaan menjelang tahun 2020.

Pusat ini menawarkan program perakaunan tahap profesional yang diiktiraf antarabangsa seperti Association of Chartered Certified Accountants (ACCA); Certified Accounting Technician (CAT); Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW); Certificate in Finance, Accounting and Business (CFAB); Malaysia Institute of Certified Public Accountants (MICPA)/ Institute of Chartered Accountants Australia (ICAA), Certified Internal Auditors (CIA) dan Chartered Financial Analyst (CFA).

Pada masa ini, Sunway TES merupakan sebuah Pusat Kecemerlangan Perakaunan Serantau bagi pihak Institute of Chartered Accountants in England & Wales (ICAEW) yang disahkan oleh TalentCorp di rantau ASEAN dan China. Sunway TES juga telah dinobatkan dengan Anugerah Platinum ACCA yang begitu berprestij selama 10 tahun berturut-turut.

Dijangka akan memberi impak PNK sebanyak RM14 juta dan mencipta 234 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020

PELUANG PERNIAGAAN

1

Kluster Disiplin untuk Menyokong NKEA

NKEA Pendidikan dipacu oleh pelbagai kluster disiplin yang menyumbang kepada ETP berlandaskan kehendak industri global dan trend semasa. Disiplin ini termasuklah kewangan Islam, sains kesihatan, kejuruteraan termaju, hospitaliti dan pelancongan, teknologi permainan video dan juga perakaunan. Terdapat juga peluang untuk menawarkan perkhidmatan pendidikan dalam bidang lain seperti minyak dan gas serta keusahawanan bagi menyokong permintaan industri dalam sektor-sektor utama ini.

2

Pusat Kecemerlangan dalam Pembelajaran Bahasa

Sekian lama, NKEA Pendidikan banyak memberi tumpuan kepada pembangunan peluang baharu dalam EPP yang sedia ada. Namun, sebenarnya, wujud jurang dalam pembangunan yang berkualiti bagi pusat-pusat bahasa yang mengkhusus dalam bahasa Inggeris, sedangkan terdapat potensi yang besar dalam bidang ini, memandangkan Malaysia adalah sebuah negara pelbagai budaya dan bahasa di Asia Tenggara dan lokasinya pula berhampiran dengan dua ekonomi yang sedang pesat berkembang, iaitu China dan India.

PEMANGKIN

Meningkatkan Kualiti melalui Pembaharuan Pengawalseliaan

Pemangkin ini bertujuan meminda rangka kerja dasar untuk menggalakkan kolej dan institusi dari sektor swasta untuk mempertingkatkan program mereka. Salah satu inisiatif utama ialah pelaksanaan *Malaysia Quality Evaluation System* (MyQuest) untuk menilai pencapaian semasa bagi kolej-kolej swasta di Malaysia. Penilaian ini bertujuan untuk merangsang penambahbaikan bagi mencapai pendidikan berkualiti menerusi pendekatan perkembangan, penarafan dan penilaian kendiri. Selain itu, ia juga dirujuk sewaktu mempertimbangkan permohonan daripada mana-mana institusi yang mahu menaikkan taraf mereka kepada status kolej universiti.

Penilaian terkini pada tahun 2013 melibatkan proses audit ke atas 211 kolej swasta berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh KPM. Hasil proses tersebut, 23.7 peratus daripada kolej yang dinilai menerima penarafan Cemerlang, iaitu penarafan lima bintang dan ke atas, berbanding dengan 10.9 peratus pada tahun 2011.

Hasil penilaian terkini oleh MyQuest yang diterbitkan pada 10 Disember 2013 merupakan maklumat penting untuk mempertingkatkan kualiti kolej-kolej terbabit. MyQuest berperanan untuk membantu kolej-kolej tersebut mengenal pasti bidang-bidang yang memerlukan pembaikan dengan memberikan petunjuk dan tanda aras yang jelas, justeru, mereka diberi peluang untuk melaksanakan penilaian kendiri dan pembaikan secara berterusan. Kolej yang diberi taraf tiga bintang dan ke bawah akan disarankan untuk melaksanakan program pembinaan keupayaan dengan bantuan Kementerian.

KPM juga menggunakan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) untuk menilai universiti dan kolej universiti. Dengan menggunakan SETARA, kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi institusi pengajian tinggi dinilai menurut Kerangka Kelayakan Malaysia. Kaji selidik kali ketiga yang dilaksanakan oleh SETARA dan diterbitkan pada tahun 2011 menunjukkan bahawa 67.3 peratus daripada universiti swasta meraih penarafan Cemerlang, berbanding dengan 38.2 peratus dalam kaji selidik SETARA yang kedua.

Anjakan ke arah Pembiayaan Sudut Permintaan dan Pembiayaan Berasaskan Prestasi

Pemangkin ini bertujuan untuk menggalakkan pembiayaan institusi pendidikan berasaskan permintaan dan prestasi termasuklah skim bantuan yuran untuk prasekolah dan pusat jagaan kanak-kanak serta dana tambahan untuk institusi TEVT berasaskan kaedah Penarafan Bintang.

Menyingkirkan Rintangan Kemasukan Pelajar Antarabangsa

Pemangkin ini memudahkan peningkatan bilangan pelajar antarabangsa dalam sektor pendidikan tinggi swasta di Malaysia. Pemangkin ini juga berperanan mengenal pasti pelajar lepasan ijazah antarabangsa yang berprestasi tinggi untuk ditawarkan bekerja di industri-industri strategik tertentu dalam negara serta memperkemas pas visa bagi pelajar asing termasuklah pelajar yang mengikuti kursus TEVT. Isu yang melanda EMGS harus ditangani dan diselesaikan sekiranya Malaysia mahu memastikan kemasukan pelajar antarabangsa ke dalam negara berjalan lancar.

Mempermudahkan Urusan Perniagaan

Tumpuan pemangkin ini adalah untuk meliberalisasikan proses penubuhan perniagaan oleh institusi pendidikan swasta di Malaysia. Entiti asing kini dibenarkan mengendalikan perniagaan tanpa sebarang keperluan untuk mempunyai peratusan pemilikan tertentu di Malaysia.

Ringkasan NKEA Pendidikan

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	**RM33.6 bilion**
Pekerjaan Tambahan	**535,000**


Sasaran kritikal bagi tahun 2014

- Fokus yang berterusan untuk meningkatkan peratusan enrolmen kanak-kanak di pusat asuhan dan prasekolah menerusi bantuan yuran
- Mempertingkatkan kualiti guru sekolah swasta dan antarabangsa serta tenaga pengajar dalam bidang TEVT
- Membantu untuk mempertingkatkan pengalaman pelajar antarabangsa menerusi kerjasama dengan EMGS, Imigresen dan agensi-agensi lain yang berkaitan
- Meneruskan gandingan bersama-sama institusi swasta dan bekerjasama dengan agensi Kerajaan yang berkaitan bagi memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab pendidikan global
- Usaha berterusan bagi mempromosi TEVT sebagai bidang alternatif yang boleh diceburi pelajar dan pelajar lepasan sekolah
- Mempertingkatkan kerjasama dan perkongsian antara industri dan pusat latihan kemahiran dan institusi dari sektor swasta

Pemangkin Perubahan

PENDIDIKAN

pengalaman bersama perkhidmatan awam



Dr. Aliah Ahmad Shah
Pengarah Bersekutu
PADU

Pelaksanaan NKEA Pendidikan bukanlah perkara mudah. Tuntutan transformasi ekonomi Malaysia turut memerlukan pembaharuan dalam sektor pendidikan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana pembangunan modal insan yang kukuh sangat penting sebagai usaha untuk meletakkan Malaysia dalam kelompok negara berpendapatan tinggi.

Salah satu entiti yang terlibat untuk menyelaras dan menyelia program pembaharuan ini ialah PADU (Unit Perlaksanaan dan Prestasi Pendidikan) yang ditubuhkan pada Mac 2013. Peranan utama PADU adalah untuk memantau pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 yang dilancarkan pada bulan September 2013, termasuklah beberapa inisiatif yang merupakan kesinambungan daripada ETP dan GTP.

"Kami di Kementerian Pendidikan (KPM), khususnya PADU berperanan sebagai pemudah cara dalam menyelesaikan masalah dan penasihat kepada pihak-pihak berkepentingan di bawah NKEA Pendidikan, sama ada daripada sektor awam mahupun swasta, dengan hasrat untuk menyatupadukan matlamat semua pihak dan mengambil langkah sewajarnya bersama," ujar Dr. Aliah Ahmad Shah, Pengarah Bersekutu PADU.

EPP 1: Perluasan Pusat Penjagaan Awal Kanak-kanak dan Pusat Pendidikan Awal (ECCE), yang bertujuan meningkatkan kadar enrolmen di prasekolah swasta kepada 97 peratus menjelang tahun 2020 adalah satu daripada inisiatif yang diselia PADU di bawah NKEA Pendidikan.

"Cabaran yang timbul adalah bagi menggalakkan kesungguhan sektor swasta agar serius dalam melaksanakan inisiatif ini," jelas Dr. Aliah. Beliau bahkan memetik sikap sesetengah pemilik prasekolah swasta yang enggan bekerjasama iaitu mendaftar dengan pihak Kementerian atau mengemaskinikan data enrolmen mereka di Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan yang merupakan cabaran kepada PADU. Keengganan tersebut hanya merugikan pihak sekolah kerana mereka tidak layak untuk mendapat bantuan Kerajaan termasuk bantuan yuran untuk pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah atau geran permulaan untuk prasekolah yang baru dibuka.

"Pada tahun 2013, kami memberikan bantuan yuran kepada 34,552 pelajar berjumlah RM29.33 juta. Sementara itu, geran permulaan sebanyak RM4.23 juta telah disalurkan kepada prasekolah baharu serta RM760,000 kepada pusat pendididikan khas. Peruntukan tersebut, walaupun tidaklah begitu banyak, masih mampu meringankan pihak sekolah," tegas Dr. Aliah.

Dr. Norhayati Mohamed
Professor Madya dan Pengarah di
Pejabat Pengurusan Projek (PMO)



"Sebaliknya bagi sekolah yang tidak berdaftar pula, kami hanya mempunyai data mentah yang dikutip oleh pegawai Jabatan Pendidikan di setiap daerah. Masalahnya, kami tidak cukup kakitangan untuk memantau sekolah di daerah-daerah yang lebih besar kerana pegawai yang ada pun tak menang tangan disebabkan tugas yang dipikul," tambah beliau lagi.

Walaupun berhadapan dengan kesukaran, terdapat pencapaian yang memberangsangkan dalam NKEA ini seperti EPP 13: Memperkenalkan Perkongsian Awam-Swasta bagi Pendidikan Asas, yang menyaksikan kerjasama antara KPM dengan empat buah akademi swasta untuk menyediakan pendidikan teknikal dan kursus latihan vokasional dalam bidang penyelenggaraan penerbangan, marin, mekatronik dan animasi. Pada tahun 2012, seramai 172 pelajar telah didaftarkan di dua buah akademi swasta, sementara pada tahun 2013 pula, bilangan pelajar yang mengikuti kursus-kursus tersebut meningkat kepada 452 orang. Pada penghujung tahun 2013, jumlah enrolmen pelajar adalah seramai 624 orang. Sasaran pada 2014 adalah untuk mendapatkan enrolmen 1,000 pelajar dalam pelbagai kursus vokasional.

"Harapan kami adalah untuk membangunkan lebih ramai pekerja mahir dan separa mahir dalam bidang-bidang tersebut dalam empat tahun lagi," kata Dr. Aliah, yang menyebut bahawa pelajar lepasan Tingkatan 3 atau PMR boleh terus menyertai kursus-kursus tersebut. Langkah ini membuka ruang yang lebih luas untuk pelajar diambil bekerja dalam masa yang lebih singkat.

Inisiatif yang diusahakan di bawah NKEA Pendidikan merangkumi segenap tahap pendidikan, termasuklah sektor pendidikan tinggi sebagai pemangkin bagi mempertingkatkan sumbangan sektor swasta dalam ekosistem pendidikan tinggi. Pemantauan akan dilaksanakan oleh Pejabat Pengurusan Projek (PMO) di bawah KPM yang berperanan untuk memudah cara usaha antara pihak Kementerian dan sektor swasta.

"Selaku pengantara, sikap sabar, kebolehan untuk berbincang serta budi bicara yang tinggi amat perlu untuk membawa kedua-dua belah pihak ke meja runding. Pada saya, nilai-nilai ini tidak boleh dipandang ringan," begitu pendapat Profesor Madya Dr. Norhayati Mohamed, Pengarah PMO.

Kebolehan tersebut amat penting apatah lagi untuk menentukan pelaksanaan EPP dan memastikan pemain dalam sektor swasta melunaskan komitmen mereka.

Namun, apabila diimbas kemajuan EPP sepanjang tahun lepas, Dr. Norhayati mengakui bahawa ETP telah menampakkan pencapaian yang positif semenjak pelancarannya tiga tahun lepas. "Kita ambil sebagai contoh, EPP 7: Membangunkan Kluster Disiplin Pendidikan Kewangan dan Perniagaan Islam. Membincangkan kewangan Islam bererti kita sudah ada kursus yang menawarkan kelayakan profesional. Tetapi kita perlukan golongan yang berkelayakan, yang berlatarbelakangkan akademik ataupun bukan akademik untuk menjadi tenaga pengajar di universiti kita, barulah universiti kita mampu menjadi medan mengasah pakar kewangan Islam yang mencukupi untuk negara. Saya sedar betapa pentingnya EPP ini dalam menangani cabaran tersebut, dan saya berasa amat bertuah kerana diberi peluang ini, iaitu memantau bagaimana bakat ini dapat disemai," jelas beliau.

Begitu pun, masih banyak yang perlu dilakukan untuk melonjakkan Malaysia agar mencapai matlamatnya sebagai negara berpendapatan tinggi. Yang jelas, sokongan dan komitmen daripada kedua-dua sektor awam dan swasta adalah tunjang bagi pelaksanaan semua EPP ini. "Mungkin kita perlu menyerlahkan EPP yang ada agar tampak lebih jelas. Kita tidak mahu usaha pihak terbabit tersadai separuh jalan," ujar Dr. Norhayati mengakhiri wawancara.





PERTANIAN



Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani


NKEA Pertanian terus mencatatkan momentum positif dalam merealisasikan wawasan bagi mewujudkan industri perniagaan asas tani yang mampu berdaya saing di pentas antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, NKEA ini juga berjaya menyumbang kepada peningkatan kemahiran dalam kalangan syarikat pertanian sekali gus menggalakkan pelibatan mereka dalam seluruh rantaian nilai industri tersebut.

Pada tahun 2013, NKEA ini mendapat sumbangan sebanyak RM367 juta dalam bentuk pelaburan modal dan pencapaian KPI pula mencapai 98 peratus. Yang lebih penting ialah NKEA ini berjaya mendukung pembangunan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dengan meningkatkan pendapatan petani. Hal tersebut direalisasikan melalui inisiatif termasuk membangunkan kelompok tenusu bagi menambah pengeluaran susu dan mempertingkatkan pengeluaran padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Namun begitu, pencapaian yang dicatat oleh NKEA ini juga berdepan dengan pelbagai cabaran, antara lain, tidak ramai yang memperlihatkan minat dalam pekerjaan melibatkan industri pertanian walhal aliran modal insan yang mapan diperlukan dalam industri ini. Bagi menangani isu ini, Kementerian Pertanian (MoA) telah melancarkan sebuah Unit Agropreneur Muda yang akan membantu penyertaan usahawan pertanian muda ke dalam industri.

Bertitik tolak daripada perkembangan ini, saya yakin bahawa inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah NKEA Pertanian akan terus memberi pulangan kepada rakyat, menyumbang kepada pertumbuhan negara dan membawa pembaikan kepada kualiti hidup rakyat khususnya dalam aspek pendapatan dan bekalan makanan yang berkualiti.



PERTANIAN

NKEA Pertanian bertujuan mentransformasikan industri pertanian, yang dahulunya berasaskan pengeluaran dan dilaksanakan pada skala kecil, kepada suatu industri perniagaan asas tani berskala besar bagi menjana pertumbuhan ekonomi mampan.

Konsep transformasi ini didasarkan pada suatu model yang bersepadu dan berlandaskan permintaan pasaran serta berfokuskan ekonomi skala dan integrasi rantaian nilai. Strategi bagi transformasi tersebut dibahagikan kepada empat tema utama merangkumi pemanfaatan ke atas kelebihan kompetitif; penembusan pasaran premium; penyelarasan objektif keselamatan makanan sejajar dengan peningkatan PNK; dan penyertaan dalam rantaian nilai industri pertanian serantau.

Strategi tersebut diterjemahkan melalui pelaksanaan 16 Projek Permulaan (EPP) yang bertujuan menjana RM28.9 bilion dalam PNK tambahan dan membuka sejumlah 109,335 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Tumpuan untuk usaha jangka panjang adalah memastikan semua syarikat di bawah NKEA ini dapat memperluas pasaran sedia ada dan menembusi pasaran baharu. Penggunaan teknologi baharu juga akan dipergiat bagi menaikkan kedudukan industri ini dalam rantaian nilai. Seperkara lagi, usaha mewujudkan pekerjaan baharu dalam NKEA Pertanian ini juga bermatlamat menarik peserta baharu ke industri ini bagi memastikan permintaan aliran modal insan yang mapan.

Petunjuk Prestasi Utama 2013

NKEA Pertanian		**KPI (Kuantitatif)**							
Bil.	**KPI**	**Sasaran (FY)**	**Sebenar (YTD)**	**Pencapaian**					
				Kaedah 1		**Kaedah 2**		**Kaedah 3**	
				%		**%**			
EPP #1	Jumlah ujian praklinikal baharu yang dijalankan (ubat-ubatan nutraseutikal/*cosmeceutical*/ botanikal)	5	5	100	●	100	●	1.0	●
	Jumlah hasil penjualan herba yang dijana dari 7 kluster herba di Pulau Pinang, Perak, Selangor, N. Sembilan, Melaka dan Johor yang ditubuhkan pada tahun 2011 (RM)	2,000,000	2,311,210.4	116	●	100	●	1.0	●

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

NKEA Pertanian		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
	Jumlah prototaip yang siap untuk pengkomersialan	3	10	333	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Jumlah monograf yang diterbitkan	10	9	90	🟢	90	🟢	0.5	🟡
EPP #2	Jumlah pengeluaran Sarang Burung Walit Boleh Dimakan (EBN) (MT)	150	237.5	158	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Jumlah premis berdaftar baharu	3,000	1,763	59	🟡	59	🟡	0.5	🟡
	Jumlah premis EBN yang baharu diiktiraf (SALT)	2,500	1,542	62	🟡	62	🟡	0.5	🟡
EPP #3	Jumlah pengeluaran rumpai laut kering (MT)	26,000	22,837.47 (Nov)	88	🟡	88	🟡	0.5	🟡
	Jumlah tanah yang diwartakan untuk penanaman rumpai laut	3,000	817	27	🔴	27	🔴	0	🔴
	Jumlah pengkomersialan produk rumpai laut daripada aktiviti R&D	8	12	150	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Jumlah penghasilan ATC dan SRC (MT)	8,640	5	0	🔴	0	🔴	0	🔴
EPP #4	Jumlah pengeluaran ikan ternak (MT)	37,000	34,290.15 (Nov)	93	🟢	93	🟢	0.5	🟡
EPP #5	Jumlah lembu yang disenyawakan	5,400	253	5	🔴	5	🔴	0	🔴
	Jumlah konsepsi keseluruhan (AI) & kadar kehamilan (NM)	70%	52%	74	🟡	74	🟡	0.5	🟡
	Jumlah lembu yang diternak di ladang kelapa sawit	17,300	15,198	88	🟡	88	🟡	0.5	🟡
	Jumlah pengeluaran bahan makanan yang lengkap (MT)	35,500	6,972	20	🔴	20	🔴	0	🔴
EPP #6	Jumlah pengeluaran dari syarikat peneraju (MT)	23,000	23,528.55	102	🟢	100	🟢	1.0	🟢

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

NKEA Pertanian		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #7	Jumlah nilai eksport buah-buahan premium dan sayuran (RM juta)	400	469.29 (Nov)	117	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Penubuhan kawasan baharu untuk penanaman buah-buahan premium (ha)	1,000	980.8	98	🟢	98	🟢	0.5	🟡
	Jumlah pelaburan oleh syarikat swasta (RM juta)	50	51.53	103	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Jumlah pengeluaran dari TKPM dan syarikat peneraju (RM juta)	40	70.8	177	🟢	100	🟢	1.0	🟢
EPP #8	Jumlah pelaburan oleh syarikat peneraju (RM juta)	70	68.7	98	🟢	98	🟢	0.5	🟡
	Jumlah pendapatan yang dijana oleh syarikat peneraju (RM juta)	70	76.4	109	🟢	100	🟢	1.0	🟢
EPP #9	Jumlah tan beras wangi yang dikeluarkan (MT)	2,500	1,230	49	🔴	49	🔴	0	🔴
	Jumlah kawasan penanaman (hektar)	750	788	105	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Aktiviti R&D yang dijalankan untuk pengeluaran pelbagai jenis beras Jasmine dan Basmati, serta pakej agronomik untuk kedua-dua jenis pada tahun 2013	60%	60%	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
EPP #10	Jumlah kawasan tanah baharu selepas digabungkan (hektar)	5,000	5,080	102	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Peratusan peningkatan pendapatan bagi petani di bawah projek penggabungan MADA	5	11	220	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Penyiapan kerja-kerja tender bagi pembinaan infrastruktur saliran	5	2	40	🔴	40	🔴	0	🔴

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

NKEA Pertanian		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #11	Jumlah kawasan tanah selepas digabungkan (ha)	5,400	4,879.73	90	🟢	90	🟢	0.5	🟡
	R&D yang dijalankan untuk memperbaik pelbagai jenis benih tempatan yang akan ditanam di Batang Lupar	40%	30%	75	🟡	75	🟡	0.5	🟡
EPP #12	Jumlah lembu fidlot di ladang satelit	20,000	7,241	36	🔴	36	🔴	0	🔴
EPP #13	Jumlah susu segar yang dihasilkan daripada kluster (juta liter)	15	17.23	115	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Purata pengeluaran susu oleh setiap ekor lembu bagi setiap laktasi daripada kluster NKEA (liter per hari)	15	12.24	82	🟡	82	🟡	0.5	🟡
EPP #14	Penggubalan Akta Benih	40%	39%	98	🟢	98	🟢	0.5	🟡
	Membangunkan penanda bagi CMDV	40%	38%	95	🟢	95	🟢	0.5	🟡
EPP #16	Jumlah penjanaan hasil projek (RM juta)	60	79.6	133	🟢	100	🟢	1.0	🟢
EPP #17	Jumlah tapak Pasar Komuniti (PAKAR) baharu yang beroperasi	7	7	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Jumlah penjanaan hasil PAKAR yang sudah beroperasi (RM juta)	59	64.55	109	🟢	100	🟢	1.0	🟢
				98%		**81%**		**64%**	

Rajah 11.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1 Produk Herba Bernilai Tinggi

EPP ini bertujuan menghidupkan potensi Malaysia untuk menjadi pembekal produk nutraseutikal berkualiti tinggi dan bertaraf global dengan memanfaatkan sepenuhnya biodiversiti semula jadi negara. Oleh hal yang demikian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) dipertanggungjawabkan untuk menetapkan hala tuju strategik, dasar-dasar serta peraturan-peraturan yang sesuai bagi memacu pertumbuhan industri ini.

Sehubungan dengan itu, penekanan akan diberikan kepada peningkatan kualiti produk dan usaha pemasaran, terutamanya bagi produk penokok diet dan herba serta ubatan berasaskan botani. Langkah juga akan diambil bagi menambah baik rantaian bekalan dengan memastikan bahawa terdapat bekalan bahan mentah yang mencukupi untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan ujian klinikal. Tujuan ini direalisasikan melalui penubuhan Taman Penanaman Herba serta pelaksanaan perladangan kontrak serta pewujudan ladang contoh.

Pada peringkat permulaan EPP ini, lima jenis herba utama iaitu *Tongkat Ali, Misai Kucing, Hempedu Bumi, Dukung Anak* dan *Kacip Fatimah* telah dikenal pasti. Setelah itu, lima jenis herba lain juga telah disenaraikan dalam EPP ini, iaitu *Pegaga, Mengkudu, Halia, Belalai Gajah* dan *Mas Cotek*.

Pendekatan lain juga telah dilakukan bagi memperkukuh EPP ini, antaranya ialah pembentukan lima kluster khas dalam bidang R&D bagi mempertingkat koordinasi antara institusi dan universiti penyelidikan. Kluster ini memfokus pada penemuan, pengeluaran tanaman dan agronomi, standardisasi dan pembangunan produk, kajian toksikologi/praklinikal dan klinikal, serta teknologi pemprosesan.

Dalam pada itu, syarikat-syarikat peneraju terus dilantik untuk meneraju pemasaran dan penjenamaan produk neutraseutikal yang disahkan oleh data saintifik serta ubatan botani.



Produk herba bernilai tinggi dikenali sebagai Hepar-P

Jawatankuasa Monograf

Jawatankuasa Monograf diterajui oleh agensi di bawah Kementerian Kesihatan dan terdiri daripada wakil yang dilantik dari MoA, universiti dan institusi penyelidikan. Monograf yang dihasilkan ke atas herba terpilih mencatatkan ciri saintifik dan kegunaan herba tersebut bagi membolehkan pengenalpastian saintifik dibuat oleh pengguna dan meyakinkan pengguna herba akan aspek keselamatan dan bukti yang diperoleh secara saintifik.

Pencapaian dan Cabaran

Sehingga akhir tahun 2013, lima ujian praklinikal telah pun dijalankan dan hal yang demikian ini telah membuka ruang bagi ujian klinikal pada tahun-tahun akan datang. Bagi memastikan kecukupan prototaip agar lebih banyak ujian praklinikal dapat dijalankan, tujuh projek penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan NKEA sudah pun siap lalu membolehkan pengkomersialan untuk sepuluh prototaip terbabit.

Jawatankuasa Monograf telah menerbitkan Monograf Jilid III dan dengan itu, berjaya melengkapkan monograf bagi sepuluh herba utama termasuk satu monograf yang telah disiapkan pada tahun 2012. Hal yang demikian ini adalah suatu usaha dalam Penyelidikan dan Pembangunan melibatkan herba. Berhubung dengan Taman Penanaman Herba pula, kluster penanaman herba telah dikembangkan ke kawasan lain di Pahang dan Perlis bagi mengimbangi kelewatan mengoperasikan taman-taman di Pasir Raja, Terengganu dan Chegar Perah, Pahang.

Sementara itu, Pejabat Pembangunan Herba telah meluluskan satu kajian dijalankan ke atas Ilmu Tradisional tentang Perubatan Melayu yang akan diterajui oleh Institut Penyelidikan Perhutananan Malaysia (FRIM). Kajian ini bertujuan mengumpul dan mendokumentasi semua amalan serta kegunaan herba tradisi lalu menjamin penggunaan herba secara saintifik.

Langkah Seterusnya

Bersandarkan ujian praklinikal yang telah siap pada tahun 2013, langkah seterusnya adalah menjalankan enam ujian klinikal pada tahun 2014. Bagi memperkemas inisiatif tersebut, EPP ini akan berusaha menggalakkan kerjasama penyelidikan antara industri dan pihak Kerajaan lantas memperoleh data saintifik bagi membuktikan keselamatan dan efikasi produk herba sedia ada.

Dalam pada itu, Taman Penanaman Herba di Pasir Raja dan Chegar Perah akan memulakan operasi pada awal tahun 2014 bagi memastikan bekalan herba yang cukup untuk memenuhi permintaan.

EPP 2 Mengembangkan Pengeluaran Sarang Burung Walit

Sungguhpun Malaysia kini diiktiraf sebagai pengeluar dan pengeksport terkemuka sarang burung walit boleh makan (EBN), industri tempatan telah terkekang dalam melebarkan sayapnya di peringkat global akibat kurang pengawalseliaan, populasi hidupan liar yang semakin pupus dan belum cukup jumlah penyelidikan untuk meningkatkan produktiviti.

Lantaran itu, EPP ini disasarkan untuk menambah pengeluaran EBN di peringkat huluan melalui pembinaan 2,000 premis baharu dan enam pusat pungutan setiap tahun. EPP yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ini juga memfokus pada pemantapan industri di peringkat hiliran bagi menghasilkan produk yang bernilai tambah.

EPP ini juga dipertanggungjawabkan untuk menambah baik pengawalseliaan industri serta pengesanan produk dengan mendaftarkan premis EBN dan menerima pakai standard seperti Amalan Penternakan Haiwan Baik (GAHP) serta Amalan Pengilangan Baik (GMP).

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2013, China telah membatalkan pengharaman terhadap import EBN dari Malaysia hasil daripada rundingan berterusan. Namun, keputusan China ialah keputusan bersyarat, iaitu mereka mewajibkan premis pemprosesan EBN diperiksa terlebih dahulu oleh Badan Pentadbiran Akreditasi dan Pensijilan Republik Rakyat China (CNCA). CNCA juga mewajibkan bahawa hanya sarang burung yang diperoleh dari premis yang sudah didaftarkan dengan DVS boleh digunakan dalam pemprosesan.

Rentetan pembatalan pengharaman tersebut, premis pemprosesan EBN telah diperiksa oleh CNCA bagi memastikan pematuhan standard, akan tetapi hanya lapan premis sahaja diluluskan. Pelulusan ini membolehkan premis tersebut mengeksport produk EBN mereka ke China.

Sejumlah 15 syarikat kini sedang diperiksa premis mereka dan dijangka siap pada Suku Pertama Tahun 2014.

Suatu cabaran besar bagi EPP ini adalah kerana kebanyakan premis burung belum lagi didaftarkan dengan DVS. Dianggarkan lebih 60,000 premis burung kini beroperasi dalam negara, namun begitu, jumlah premis yang mendaftarkan premis mereka secara sukarela tidak sampai 20 peratus. Hanya 1,763 premis mendaftarkan premis mereka tahun ini berbanding dengan sasaran awal sebanyak 3,000 dan hal ini berlaku kerana kelesuan pasaran disebabkan pengharaman yang dikenakan oleh China. Seiring dengan isu ini, hanya 1,542 premis memperoleh pensijilan daripada DVS di bawah Skim Amalan Ladangan Ternakan (SALT) walhal sasaran awal adalah sebanyak 2,500 premis.

Langkah Seterusnya

Meskipun berdepan dengan isu pendaftaran premis pada tahun 2013, DVS tetap yakin bahawa pendaftaran premis burung akan bercambah semula pada tahun 2014 ekoran eksport EBN yang sudah dibolehkan. DVS akan mempergiat program pendaftaran bagi 3,000 premis lagi sebagai satu penegasan tentang pentingnya pendaftaran premis serta membantu mempertingkatkan bekalan ke premis pemprosesan. Usaha ini membuka peluang untuk lebih banyak premis burung mengeksport produk mereka lantas mencapai sasaran eksport EBN sejumlah 170 tan metrik untuk tahun 2014.

EPP 3 Estet Pertanian Mini untuk Rumpai Laut



Penternakan rumpai laut di Kluster Silingun, Sabah

EPP yang diterajui oleh Jabatan Perikanan (DoF) ini dilancarkan untuk melipatgandakan hasil serta pengkomersialan industri pertanian rumpai laut Malaysia.

Matlamat ini akan tercapai dengan mengelompokkan ladang tani menjadi estet mini dan dengan itu, hasil dan jumlah pengeluaran rumpai laut dapat dipertingkat kepada 150,000 tan metrik menjelang tahun 2020. Penekanan juga diberikan untuk memantapkan infrastruktur di peringkat hiliran dan memperkukuh R&D melibatkan pemprosesan rumpai laut kering untuk dijadikan produk bernilai tinggi seperti *carageenan* dan *alkaline-treated chips*, sambil meninjau kegunaan lain bagi rumpai laut.



Mengikat benih rumpai laut menggunakan Meja Pengikat Bibit hasil ciptaan UMS

Pencapaian dan Cabaran

Sepanjang tahun ini, aktiviti yang dijalankan oleh R&D telah meraih kejayaan besar kerana berhasil dikomersialkan, sehingga sasaran awal sebanyak lapan produk telah berjaya diperbanyakkan menjadi 12. Akan tetapi, pembekalan rumpai laut kemudiannya terjejas akibat serangan mendadak Sulu pada Suku Pertama tahun 2013.

Serangan tersebut berlaku di Semporna, Sabah, lokasi bagi kebanyakan kawasan penanaman rumpai laut dan estet mini negara. Akibat daripada itu, pengeluaran rumpai laut telah jatuh merosot lebih 50 peratus, menyebabkan pengeluaran merudum kepada 22,837.47 tan metrik (setakat Nov 2013) berbanding sasaran awal sebanyak 50,000 tan metrik. Pengeluaran kembali kukuh hanya sesudah berakhirnya serangan terbabit pada Suku Kedua Tahun 2013.

Langkah Seterusnya

Kerajaan akan mengukuhkan kawalan di Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZone) yang diwujudkan pada tahun 2013 berikutan pencerobohan Sulu dengan menempatkan pasukan tentera dan polis membabitkan 10 daerah di Sabah termasuklah Semporna. Strategi keselamatan ini akan meningkatkan kawalan keselamatan bagi kegiatan ekonomi di daerah zon tersebut dan memastikan pengeluaran rumpai laut di Semporna tidak terjejas.

Estet mini akan dibuka semula dan dijangka siap pada tahun 2014, lantas memastikan penambahan pengeluaran setinggi 30 peratus.

EPP 4 Penternakan Akuakultur Melalui Sistem Sangkar yang Bersepadu

Inisiatif penternakan menggunakan sistem sangkar bersepadu ini diwujudkan bagi memperbanyakkan pengeluaran spesies ikan bernilai tinggi seperti siakap, kerapu, tilapia serta udang karang untuk mencapai 28 peratus daripada jumlah pengeluaran ternakan akuakultur menjelang tahun 2020.

EPP yang diterajui oleh DoF ini merangkumi usaha di pihak syarikat peneraju untuk menguruskan operasi penternakan sambil menyediakan khidmat sokongan seperti latihan dan penetapan prosedur operasi standard untuk penternak kontrak mereka. Langkah ini membentuk suatu pendekatan bersepadu melibatkan pengeluaran berskala besar bagi keseluruhan proses pengeluaran, bermula daripada penternakan sehinggalah pemprosesan hasil ternakan.

Pada tahun 2012, Lobster Aqua Technologies Sdn Bhd (sebuah syarikat peneraju) telah dilantik untuk membangunkan projek Taman Akuakultur Udang Karang (iLAP). Projek tersebut merupakan sebahagian daripada pelaburan Darden Inc. dalam industri penternakan melalui sistem sangkar bersepadu di Sabah. Selain itu, Darden Inc. juga telah membuat pelaburan bagi penubuhan sebuah pusat perolehan bertaraf antarabangsa, restoran francais serta akuakultur udang karang.



Pekerja di bahagian pengeluaran di kilang Trapia

Pencapaian dan Cabaran

Projek iLAP di Semporna telah berjaya menghasilkan 500 kg udang karang sehingga kini, yakni suatu kejayaan dalam usaha menganjakkan projek tersebut ke arah pengeluaran berskala lebih besar.

Dari segi output akuakultur, lima buah syarikat peneraju yang dilantik pada tahun 2011 dan tahun 2012 sudah pun berjaya menghasilkan produk sebanyak 34,290.15 tan metrik (setakat Nov 2013), dijangkakan akan melebihi sasaran 37,000 tan metrik bagi tahun 2013.

Di samping itu, suatu pendekatan baharu untuk pengumpulan data menggunakan kaedah SMS telah dimulakan. Kaedah ini memastikan bahawa sela waktu antara tarikh pengumpulan data dan tarikh sebenar data dapat dikurangkan dari dua bulan ke tujuh hari.

Langkah Seterusnya

Usaha akan dipergiatkan pada tahun 2014 untuk membangun serta memperluas projek syarikat peneraju bagi mencapai pengeluaran sebanyak 6,500 tan metrik ikan ternak. Selain daripada Lobster Aqua Technologies, syarikat peneraju lain ialah Y.S. Inno Fisheries Sdn Bhd, Trapia Malaysia Sdn Bhd, Plentiful Harvest Sdn Bhd, Prima Bumisetia Sdn Bhd, Darvel Bay Hybrid Aquaculture Sdn Bhd dan Organic Aquaculture Sdn Bhd.



Ikan Tilapia dari Tasik Temenggor dipindahkan ke kilang milik Trapia di Parit Buntar



Kaedah baharu yang memastikan bahawa semua ikan yang diternak dalam sangkar diberikan makanan secukupnya

EPP 5 Penternakan Lembu di Ladang Kelapa Sawit

EPP ini tertumpu pada penternakan secara integrasi bagi sejumlah 300,000 ekor lembu di ladang-ladang kelapa sawit yang besar menjelang tahun 2020 menerusi pelbagai inisiatif yang diterajui oleh DVS. Langkah ini akan diambil dengan menggalakkan para pemilik ladang estet untuk menjalankan program pembiakan dan pusingan ragutan rumput untuk lembu mereka berlandaskan Amalan Penternakan Yang Baik (GAHP).

Di samping itu, dua program tambahan juga dilancarkan bagi membantu integrasi penternakan lembu tersebut. Yang pertama ialah program bagi meningkatkan bekalan makanan lembu menggunakan sumber tempatan untuk mengurangkan kos pengeluaran yang semakin meningkat. Program kedua ialah program permanian beradas bagi menghasilkan baka lembu bermutu tinggi. Program permanian tersebut kini dilaksanakan di 25 tapak perintis.

EPP ini juga kini meliputi pengeluaran di peringkat huluan, termasuk penternakan lembu, dan segmen hiliran yang merangkumi pengeluaran produk daging lembu. Langkah ini telah berjaya membentuk sebuah model yang menawarkan insentif kepada syarikat pengeluaran hiliran agar membabitkan diri dengan pengeluaran huluan dan begitu juga sebaliknya. Mereka digalakkan membina kerjasama dengan pengamal industri dalam EPP 12 dan EPP 16. Pembentukan model ini telah membawa kepada pewujudan EPP Ternakan: Rantaian Nilai Penuh.

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2013, tiga syarikat peneraju di bawah EPP ini– FELCRA, Espek Livestock Sdn Bhd dan Ihsan Permata Sdn Bhd telah memulakan projek penternakan lembu di bawah program Rantaian Nilai Penuh bagi Ternakan. Setakat ini, 15,198 ekor lembu sudah pun diperoleh dan hasilnya dijangka dapat dilihat pada tahun 2014.

Akan tetapi, perkembangan EPP ini terbatas lantaran minat yang hambar dari pihak peladang berskala besar. Hal ini berlaku kerana mereka keberatan mengintegrasi penternakan lembu dalam perniagaan teras mereka. Aktiviti tambahan lain juga berdepan dengan masalah seperti pelaksanaan program penswastaan permanian beradas dan juga pembekalan bahan mentah untuk menghasilkan makanan lembu. Hanya 253 lembu yang menjalani program permanian beradas daripada sasaran 5,400 kerana pelbagai pengusaha dalam industri kurang berminat untuk turut serta.

Langkah Seterusnya

EPP ini akan diberikan pemfokusan semula bagi melaksanakan Rantaian Nilai Penuh sepenuhnya pada tahun 2014. Syarikat sedia ada akan dipantau bagi memastikan mereka berjaya dan serentak dengan itu, lebih banyak syarikat yang dikira layak akan diajak turut serta. Selain itu, 25 tapak perintis tadi akan diawasi bagi mencapai kadar pertumbuhan lembu yang beranak setinggi 15.8 peratus supaya populasi lembu negara dapat dipertingkatkan. Apabila perlu, DVS akan menyediakan perkhidmatan tambahan meliputi permanian beradas dan khidmat nasihat berkaitan makanan ternakan agar kadar pembiakan mampu mencecah sasaran setinggi 15.8 peratus.

EPP 6 Mereplikasi Model Penternakan Akuakultur yang Bersepadu untuk Menembusi Pasaran Udang Premium

EPP ini diusahakan bagi memperbaik kualiti udang Malaysia yang dieksport melalui sebuah Model Penternakan Akuakultur yang Bersepadu (IZAQ). Model ini akan memperkemas pengeluaran udang bermutu tinggi dan diiktiraf sepenuhnya untuk pasaran premium, dengan pewujudan 10,000 hektar IZAQ menjelang tahun 2020.

Zon ini terdiri daripada jalinan zon berskala industri dan zon akuakultur berasaskan tanah. Setiap IZAQ yang diketuai oleh sebuah syarikat peneraju ini akan dibina dengan pusat penetasan, kawasan pembesaran, kilang pemprosesan dan kilang makanan untuk udang ternakan. Inisiatif tersebut dapat mendorong penyertaan pekebun kecil dan PKS menerusi penternakan secara kontrak atau perjanjian perkongsian keuntungan bersama syarikat peneraju.



Seorang pekerja di kolam ternakan udang milik Blue Archipelago

Pencapaian dan Cabaran

Pengeluaran udang di Semenanjung Malaysia sepanjang tahun ini telah terjejas akibat penyakit *Early Mortality Syndrome* (EMS) yang menyerang udang kita. Namun demikian, syarikat peneraju dapat menyekat penularan wabak ini dan mengawal keadaan sehingga berjaya mengeluarkan sejumlah 23,528.55 tan metrik udang, melepasi sasaran 23,000 tan metrik yang disasarkan.



Produk oleh Hannan — Udang rebus tanpa kepala

Langkah Seterusnya

DOF menerusi sayapnya, Institut Penyelidikan Perikanan, telah memulakan penyelidikan yang dilakukan bersama firma penyelidikan swasta bagi mengenal pasti punca serangan penyakit EMS dan memformulasikan suatu program mitigasi untuk mencegah serta mengawal penyakit tersebut jika ia menyerang semula.

Sasaran pengeluaran pada tahun 2014 dijangka mencapai 29,000 tan metrik hasil daripada pelbagai usaha yang telah pun dilancarkan oleh DOF dan syarikat peneraju.

EPP 7 Buah-buahan dan Sayur-sayuran untuk Pasaran Premium



Pusat pengumpulan di TKPM Besut

EPP ini diwujudkan bagi menggandakan jualan buah-buahan dan sayur-sayuran premium Malaysia ke Timur Tengah dan Eropah, kedua-duanya pengimport lebih 50 peratus hasil buah-buahan tropika dunia. Matlamat ini dapat dicapai dengan meningkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan bermutu tinggi yang mematuhi standard keselamatan makanan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Lantaran itu, lebih 3,000 petani akan dikenal pasti untuk dilibatkan bersama-sama syarikat peneraju yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus rantaian bekalan secara bersepadu dan menyelaras pengeksportan. *Rock melon*, belimbing, betik, pisang, nanas, nangka, salad, tomato dan lada benggala ialah buah-buahan dan sayur-sayuran yang sudah ditetapkan di bawah EPP ini.

Inisiatif di bawah EPP ini juga akan memanfaatkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan — TKPM yang sedia ada untuk mempertingkat pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran tersebut.

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun ini, DoA telah berjaya memperoleh pelaburan sebanyak RM51.53 juta daripada syarikat swasta dan mendapatkan 980.9 hektar tanah baharu untuk TKPM. Inisiatif yang sedang dilaksanakan ini sudah pun meraih pengeluaran dari TKPM berjumlah RM 70.8 juta dan dijangka akan menambah jumlah eksport buah-buahan dan sayur-sayuran negara kepada RM 469.29 juta, melebihi sasaran yang telah ditetapkan, iaitu RM400 juta.

Pembukaan TKPM baharu semakin sukar kerana tanah yang sesuai semakin sedikit di Semenanjung Malaysia. Oleh itu, program tersebut kini dikembangkan ke Sabah dan Sarawak.

Langkah Seterusnya

Tahun 2014 akan menyaksikan aktiviti pengeluaran oleh syarikat peneraju di kawasan yang baru disiapkan termasuklah penyiapan Pusat Pemprosesan dan Pembungkusan Lengkap, yang membolehkan lebih banyak buah-buahan bermutu diproses termasuklah produk dengan nilai tambahan. DOA juga sedang meninjau peluang untuk memperluas pasaran bagi syarikat-syarikat Malaysia melibatkan lebih banyak kategori buah-buahan (cth: segar/dingin/beku). Inisiatif ini dapat merangsang pengeluaran dari TKPM agar jumlah pengeluaran dari kedua-dua TKPM dan juga syarikat peneraju dapat dinaikkan kepada 40,000 tan metrik berbanding dengan 36,000 tan metrik sekarang.

TKPM membuka peluang untuk petani meningkatkan pendapatan

Projek TKPM telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan pendapatan usahawan tani sehingga berjaya menarik seramai 453 peserta yang kini menanam buah-buahan dan sayur-sayuran untuk pasaran domestik serta eksport.

Setakat ini, seramai 171 peserta telah pun berhasil mempertingkatkan pendapatan mereka melebihi RM3,000 sebulan (40 peserta meraih antara RM3,500 – RM4,500, 71 memperoleh antara RM4,500 – RM9,900, 60 peserta berjaya mendapat lebih RM10,000).

Sehingga bulan Oktober 2013, tanah seluas 6,105.89 hektar bagi tujuan TKPM sudah siap dibangunkan, yang merangkumi 39 projek TKPM. Antara bulan-bulan Januari dan Oktober 2013, pengeluaran hasil pertanian dari TKPM telah mencecah 27,951 tan metrik dengan nilai RM37.6 juta.

171
peserta mempertingkatkan pendapatan mereka melebihi RM3,000 sebulan

60
peserta memperoleh RM10,000 sebulan

EPP 8 Taman Pengeluaran Makanan

Melihatkan permintaan yang semakin tinggi untuk hidangan sedia dimakan dan makanan berbungkus, EPP ini ditugaskan untuk memperkemas industri makanan tempatan yang diproses dengan melancarkan beberapa buah taman pengeluaran makanan bersepadu. Kemudahan taman ini dapat digunakan untuk pengeluaran hidangan sedia dimakan oleh PKS dan akan dipasarkan serta diagihkan oleh syarikat-syarikat peneraju.

Syarikat peneraju pula perlu mendapatkan pensijilan produk, pembungkusan, penjenamaan, pemasaran produk serta bertanggungjawab menguruskan pembekal. Langkah ini melahirkan suatu jalinan pengusaha pelbagai jenis makanan yang menyediakan bahan mentah, bahan asas dan produk akhir di dalam taman pengeluaran itu sendiri. Syarikat peneraju juga ditugaskan untuk memantapkan gabungan kerjasama dalam industri dan memberikan latihan awal kepada pengusaha kecil.

Pencapaian dan Cabaran

MoA telah menjalinkan kerjasama dengan Agrobank untuk melancarkan suatu skim pinjaman mudah yang menawarkan pakej menarik kepada PKS dalam industri pemprosesan makanan yang berhasrat mengembangkan perniagaan mereka. EPP ini telah memilih beberapa syarikat peneraju, malah berjaya memperoleh RM68.7 juta pelaburan baharu dan menjana hasil sebanyak RM76.4 juta daripada syarikat yang ada sekarang. Syarikat peneraju ini kemudiannya harus menggilap kemampuan PKS yang sedia ada dan mendorong mereka menjadi syarikat peneraju baharu bagi mengukuhkan bakat perniagaan mereka.

Langkah Seterusnya

MoA akan menggunakan Bahagian Industri Asas Tani mereka untuk memberikan sokongan kepada syarikat peneraju yang sedang bekerjasama dengan sekurang-kurangnya 25 PKS, dan menyasarkan peningkatan pendapatan kesemua PKS tersebut sebanyak 10 peratus (berbanding dengan pendapatan 2013).

Bagi memperkukuh lagi usaha ini, MoA sedang berganding bahu dengan bank-bank pembangunan bagi mewujudkan akses kemudahan kewangan untuk kesemua PKS ini, contohnya, kemudahan mikrokredit.

Sejajar dengan usaha menarik penyertaan yang lebih tinggi daripada syarikat peneraju, Agrobank kini menawarkan skim pinjaman mudah untuk mereka. Penambahan syarikat peneraju baharu juga pada masa yang sama akan memastikan lebih banyak PKS dipupuk.



Penyediaan produk sate oleh PPNJ

EPP 9 Penanaman Beras Wangi di Kawasan Bukan Jelapang Padi

Walaupun Malaysia sudah meraih kepakaran dalam bidang pengeluaran beras, namun negara masih perlu mengurangkan kebergantungan pada beras import serta berusaha menerobos pasaran beras organik premium.

Lantaran itu, syarikat peneraju di bawah EPP ini akan dilantik untuk menjalankan aktiviti penanaman dan pengkomersialan varieti beras wangi yang telah dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Setakat ini, MARDI telah berhasil mencipta varieti beras *MRQ76* dan *MRQ74*, dan akan meneruskan usaha untuk mencipta dan mengeluarkan pelbagai varieti beras baharu. EPP ini juga akan memberi tumpuan kepada penanaman beras wangi jenis *Jasmine* dan *Basmati* di kawasan yang bergantung pada taburan air hujan dengan matlamat menggandakan hasil purata beras yang dikeluarkan oleh negara.

Pencapaian dan Cabaran

Sehingga akhir tahun 2013, sebuah lagi syarikat peneraju, Shahrez Amani Sdn Bhd, telah dilantik di bawah EPP. Secara keseluruhannya, syarikat-syarikat peneraju di bawah EPP ini sudah pun berjaya menanam di kawasan seluas lebih 788 hektar dan menghasilkan 1,230 tan metrik beras wangi.

Cabaran yang dihadapi di sini adalah banyak aktiviti penanaman terpaksa ditangguhkan disebabkan beberapa faktor, antaranya, sukar mendapatkan tanah terbiar yang berdampingan untuk tujuan penanaman dan juga, permintaan untuk varieti beras wangi tidak menentu. Pada masa yang sama, syarikat terlibat masih tercari-cari kaedah terbaik untuk penanaman beras berskala besar. Di samping itu, syarikat baharu tidak menunjukkan minat yang tinggi untuk menanam di beberapa kawasan yang telah dikenal pasti di bawah EPP ini kerana infrastruktur di persekitaran kawasan tersebut terlalu terhad.

Langkah Seterusnya

Sejumlah 1,000 hektar keluasan tanah telah disasarkan untuk penanaman pada tahun 2014 yang dijangka menghasilkan sebanyak 2,500 tan metrik beras wangi. Selain itu, dua kilang yang direka khas untuk mengisar beras wangi akan siap pada bulan Jun 2014. Serentak dengan itu, pemilik kedua-dua kilang ini akan membina jalinan pemasaran dan infrastruktur mereka dalam usaha menembus pasaran beras wangi. EPP ini juga akan dikaji semula memandangkan dinamik ekonomi pada masa ini.

EPP 10 Memperkukuh dan Menambah Baik Produktiviti Penanaman Padi di Kawasan MADA



Padi yang siap untuk proses pindah tanam

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dipertanggungjawabkan di bawah EPP ini untuk menjamin bekalan makanan jangka masa panjang di Malaysia dan meningkatkan pendapatan penanam padi. MADA perlu mempertingkatkan pertumbuhan sosial dan ekonomi di Muda, Kedah dan pada masa yang sama membangunkan industri pertanian di Kedah dan Perlis.

Bagi memastikan sasaran ini tercapai, MADA akan menggalakkan pendekatan penanaman padi secara estet di bawah pengurusan tunggal yang berpusat di Muda. Langkah ini melibatkan penyatuan tanah seluas 50,000 hektar sawah padi menjelang tahun 2020, yang merupakan 51 peratus daripada jumlah 96,558 hektar sawah padi di negara. Skim penyatuan tanah ini menawarkan insentif kepada pesawah tradisional untuk meninggalkan kaedah persawahan individu mereka.

EPP ini juga akan mempergiat penerapan teknologi di seluruh rantaian pengeluaran padi dan beras serta penggunaan baja nano. Di samping itu, EPP ini akan menggalakkan penggunaan mekanisasi ladang pada skala yang lebih besar dan menaik taraf sistem pengairan. Usaha ini bertujuan meningkatkan hasil padi kepada 8 tan metrik per hektar menjelang tahun 2020.



Anak benih padi diproses bagi tujuan pindah tanam

Inisiatif seterusnya membabitkan MADA dan Padiberas Nasional Bhd (BERNAS), iaitu pengawal selia dan pengedar beras bagi industri negara, yang bercadang untuk bersama-sama menubuhkan sebuah badan fungsi khas bagi mengurus keseluruhan rantaian nilai untuk industri ini, daripada pengeluaran benih padi sehinggalah jualan beras.

Pencapaian dan Cabaran

MADA telah berhasil mendapatkan sejumlah 5,080 hektar tanah tambahan untuk EPP ini. Menerusi kegiatan kerjasama dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), MADA juga telah menambah baik keseragaman aktiviti melalui pengenalan prosedur operasi standard (SOP) yang merangkum kaedah pertanian yang baik dan teknologi baharu.



Infrastruktur pengairan sedang dibina untuk penanaman padi

Peningkatan hasil ini membolehkan beberapa PPK merundingkan harga jualan padi yang lebih tinggi dan memperoleh kos input yang lebih rendah menerusi pembelian secara pukal, lalu membawa kepada peningkatan dalam pendapatan mereka yang terlibat sebanyak 11 peratus.

Walau bagaimanapun, tidak semua PPK berpeluang menikmati peningkatan pendapatan ini kerana ada yang tidak menerapkan SOP. Lagi pula, pembinaan infrastruktur pengairan telah tertunda akibat kesukaran medapatkan tanah. Di samping itu, penubuhan badan fungsi khas tersebut ditangguhkan buat sementara waktu kerana kesediaan dari segi operasi belum cukup mantap. Oleh kerana penangguhan ini boleh menjadi penghalang kepada kerjasama antara kedua-dua pihak, pengurusan pusat akan diteruskan hanya oleh MADA buat ketika ini.

Langkah Seterusnya

Antara inisiatif yang akan dilaksanakan menerusi EPP ini pada tahun 2014 termasuklah memantapkan pematuhan tatacara operasi standard (SOP) bagi menambah baik pengurusan pusat bagi kesemua 27 PPK dan memperluas inisiatif tersebut untuk meningkatkan pendapatan menerusi rundingan dengan pemilik kilang pengisar dan pembekal input. Pendekatan ini sahaja dijangka menambah pendapatan para peserta sebanyak 5 peratus lagi. Selain itu, pembinaan infrastruktur pengairan akan diteruskan untuk tujuh blok pengairan yang lain. Dalam pada itu, usaha juga sedang dilaksanakan di bawah kluster Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) yang berkaitan bagi mencari jalan penyelesaian membabitkan isu tanah.

EPP 11 Memperkukuh dan Menambah Baik Produktiviti Penanaman Padi di Kawasan Pengairan yang Lain

EPP ini akan mengaplikasikan pendekatan pertanian estet yang dilaksanakan di daerah Muda di tujuh jelapang padi lain di seluruh negara. Langkah ini adalah untuk meningkatkan produktiviti pesawah padi negara sambil memastikan pendapatan yang stabil bagi para pesawah yang semakin berumur dan berhajat untuk meninggalkan industri ini.

Aktiviti lain di bawah projek ini termasuk pelaksanaan kaedah tebatan banjir dan sistem pengurusan air sehingga tahap tertier. Skim ini juga akan dilaksanakan di kawasan seluas 5,100 hektar di Batang Lupar, Sarawak dan 5,000 hektar di Kota Belud, Sabah.

Bagi membantu sasaran dalam EPP ini, sebuah program R&D akan dilancarkan bagi mengkaji toleransi kemarau dan resistans terhadap haiwan perosak/penyakit tanaman padi agar dapat mempertingkat penghasilan varieti padi tradisional dari Sarawak.

Peneraju untuk EPP ini ialah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan gabungan enam buah Lembaga Kemajuan Pertanian (IADA) yang merangkumi IADA Barat Laut, IADA Seberang Perak, IADA Kemasin-Semarak, IADA Kerian Sg Manik, IADA Pulau Pinang dan IADA KETARA.



Benih padi sedang dipindahkan untuk ditanam di bendang sawah di Bario

Pencapaian dan Cabaran

Pada tahun 2013, ketujuh-tujuh lembaga kemajuan pertanian di atas telah menetapkan tanah seluas 4879.73 hektar yang akan disatukan di bawah EPP ini seperti yang diperincikan di bawah:

Bil.	Lembaga Kemajuan Pertanian	Pelaksana Projek	Sasaran (ha)	Pencapaian (ha)
1	IADA KETARA	KOPETA PPK Gerai PPK Kerandang Syarikat 10 Tan Teamwork (M) Sdn Bhd	300	808.6
2	IADA Seberang Perak	PPK Seberang Perak PPK Sg Manik/Labu Kubong FELCRA Berhad	1,600	1,869.1
3	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Sabah	PPK Kota Belud	800	432.57
4	IADA Kemasin Semarak	PPK 3 Daerah	200	174.65
5	IADA Kerian Sg Manik	PPK Gunung Semanggol/Selinsing PPK Tanjong Piandang PPK Bagan Tiang/Parit Buntar PPK Bagan Serai PPK Kuala Kurau	600	548.9
6	IADA Pulau Pinang	Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Bhd PPK Pokok Sena	300	296.47

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

Bil.	Lembaga Kemajuan Pertanian	Pelaksana Projek	Sasaran (ha)	Pencapaian (ha)
7	IADA Barat Laut Selangor	PPK Pasir Panjang Koperasi Wawasan Tani Simpang 5 Bhd Koperasi Pengurusan Berpusat Padi Parit 5 Sg Besar Bhd PPK Tanjung Karang	500	435.23
8	Kementerian Pemodenan Pertanian (MOMA) Sarawak	BERNAS	800	145
9	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu	PPK Bunga Raya PPK Sri Gunong PPK Cherang Rotan	300	169.21
			5,400	**4,879.73**

Rajah 11.2

Di Sarawak, kejayaan Bario Ceria Sdn Bhd menanam sejumlah 140 hektar tanah di Bario merupakan satu pencapaian bagi tahun 2013. Namun begitu, MOMA Sarawak telah berdepan dengan isu yang menghambat pelaksanaan inisiatif ini di Batang Lupar kerana projek tebatan banjir telah lewat disiapkan, sedangkan projek ini adalah prasyarat bagi pembinaan infrastruktur pengairan di tapak tersebut. Rentetan itu, kelewatan yang melibatkan penyediaan tanah dan operasi ini telah menghalang penyertaan petani dalam projek tersebut. Pada waktu ini, kedua-dua Kementerian Pertanian dan MOMA sedang mengkoordinasi aktiviti pembinaan projek agar kegiatan pertanian berjalan lancar.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2014, Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras di bawah MoA menyasarkan peningkatan produktiviti pertanian padi dengan menyatukan sejumlah 6,200 hektar tanah tambahan. Usaha ini akan menaikkan hasil pada kepada 32,000 tan metrik. Sekiranya sesuai, MADA juga akan menerapkan SOP mereka dalam kalangan PPK yang terpilih dalam IADA.

EPP 12 Sistem Fidlot Lembu

Usaha yang digerakkan di bawah EPP ini adalah untuk menambah baik tahap sara diri dalam kalangan pengusaha daging lembu di peringkat nasional dan dilakukan dengan menubuhkan 300 ladang satelit bagi menyokong syarikat peneraju yang terlibat dalam operasi fidlot ini. EPP ini juga telah diselaraskan bersama EPP 5 dan EPP 16 untuk mewujudkan satu EPP berkaitan haiwan ternakan serta suatu rantaian nilai ternakan bersepadu sepenuhnya. (EPP Ternakan: Rantaian Nilai Penuh).

Syarikat peneraju yang ikut serta dalam EPP ini akan ditugaskan untuk menyelia operasi rantaian nilai fidlot sambil mengurus integrasi serta penyatuan semua proses hiliran. Selain itu, EPP ini juga akan memastikan penambahbaikan dalam segmen hiliran menerusi pensijilan rumah penyembelihan, penghantaran bagi rantaian sejuk daging beku, mempromosi kesedaran tentang daging kerbau import berbanding daging lembu tempatan serta membangunkan keluaran sampingan yang berasaskan daging lembu.

Pencapaian dan Cabaran

Jumlah lembu terkumpul dalam sistem fidlot telah meningkat kepada 7,241 pada tahun 2013, mencapai sasaran sebanyak 36.2 peratus untuk tahun tersebut. EPP ini telah mendepani beberapa cabaran dalam pengusahaannya, termasuklah pelaksanaan Sistem Jaminan bagi Rantaian Pembekal Eksport (ESCAS) oleh Australia ke atas Malaysia. Pada awalnya, tiada satu pun rumah penyembelihan di bawah DVS menepati syarat minimum di bawah sistem tersebut. Syarat minimum ialah penyediaan persekitaran yang kondusif untuk penyembelihan lembu. Akibatnya, import daging dari Australia turun mendadak. Walau bagaimanapun, pembaikan telah dilaksanakan di 10 rumah penyembelihan di seluruh negara untuk menepati syarat ESCAS.

Langkah Seterusnya

Langkah seterusnya adalah menggabungkan EPP ini bersama EPP 5 bagi memudahkan pendekatan Rantaian Nilai Penuh pada tahun 2014.

EPP 13 Membangunkan Kluster Tenusu

Jumlah susu segar yang diimport oleh Malaysia mencecah sekitar 32 peratus daripada jumlah susu segar di pasaran. Oleh hal yang demikian, kebergantungan kepada susu segar import haruslah dikurangkan, dan jumlah ini dijangka akan berkembang pada kadar kompaun pertumbuhan tahunan (CAGR) 13 peratus sehingga tahun 2020.

Bagi mencapai matlamat tersebut, EPP ini akan memastikan penubuhan kluster tenusu untuk menghasilkan susu segar pada skala besar. Kluster tenusu ini akan diuruskan oleh syarikat peneraju yang akan menyelia semua aspek operasi kluster tenusu bermula daripada pengeluaran sehinggalah kepada pemasaran.

Pengusaha ladang-ladang lembu individu juga dijemput sama dalam insiatif ini untuk menjual susu segar mereka pada harga yang telah dirunding terlebih awal. Langkah-langkah lain juga akan diambil bagi menaik taraf kemudahan logistik rantaian sejuk sedia ada untuk memastikan bahawa kualiti susu dijamin semasa penghantaran dari ladang ke pasaran.



Produk tenusu keluaran Farm Fresh tersedia di kedai runcit utama

Pencapaian dan Cabaran

EPP ini telah mencapai jumlah pengeluaran susu sebanyak 17.23 juta liter dengan purata 12.24 liter setiap laktasi dalam sehari untuk seekor lembu pada tahun ini.

Para penternak terbabit telah menerima sokongan di bawah EPP ini menerusi lembu tenusu yang lebih baik bakanya dan juga sistem pengumpulan susu yang lebih efisien. Sebuah lagi syarikat peneraju, Golden Difference, telah memulakan operasi pada Suku Keempat tahun 2013 dengan jumlah penternak seramai 110 orang di seluruh Semenanjung Malaysia.

Namun, tahap kapasiti bagi infrastruktur pengumpulan susu yang sedia ada masih perlu dikembangkan bagi menampung output yang lebih tinggi.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2014, EPP ini akan memperkembangkan kapasiti syarikat peneraju yang sedia ada. Syarikat terbabit akan memperluas jalinan penternak mereka dan dengan yang demikian itu, sasaran bekalan susu negara dapat ditingkatkan kepada 17 juta liter. Seperkara lagi, DVS akan berusaha menambahkan lori tangki susu bagi menampung jumlah susu yang dijangka akan meningkat.

Memerah Untung Lembu

Pada tahun 2011, MoA telah melantik Allied Dairy Sdn Bhd yang berpusat di Kota Tinggi, Johor sebagai syarikat peneraju untuk mengeluarkan susu segar/produk tenusu. Allied Dairy memperniagakan produk mereka menggunakan jenama Farm Fresh.

35 penternak tenusu kini beroperasi dalam kluster Allied Dairy dan menerima sokongan dalam bentuk perkhidmatan pengembangan dan jaminan beli balik daripada Allied Dairy.

Syarikat ini juga telah menyokong penternak tenusu terbabit melalui pembinaan sebuah kilang untuk mengeluarkan produk hiliran dalam rantaian tenusu, contohnya yogurt. Pewujudan kilang ini menjamin susu segar yang dikeluarkan oleh para penternak dengan memanjangkan tempoh simpan susu tersebut.

Kini, 35 penternak tersebut meraih pendapatan yang lebih tinggi kerana mereka menjual susu segar kepada Allied Dairy pada harga RM2.45/liter berbanding dengan RM1.80/liter yang ditawarkan oleh Pusat Pengumpulan Susu di bawah DVS.

Program ini juga telah menarik minat penternak selain daripada kluster penternak terbabit untuk menjual susu mereka kepada Allied Dairy, malah seorang jurutera teknikal dari sebuah syarikat multinasional terkemuka telah beralih profesion untuk menjadi penternak sepenuh masa. Penternak tenusu dalam kluster Allied Dairy kini menghasilkan peningkatan pengeluaran susu kepada 180-300 liter sehari berbanding 80-100 liter dahulu, hasil daripada sokongan yang dihulurkan oleh Allied Dairy; termasuklah teknologi yang lebih canggih, pelaburan untuk peralatan yang lebih baik dan jaminan beli balik.

Pengeluaran susu meningkat kepada 180-300 liter sehari berbanding 80-100 liter dahulu, hasil teknologi daripada Allied Dairy

EPP 14 Membangunkan Industri Pembenihan



Pembiakan lada benggala daripada benih terpilih

Industri pembenihan tempatan yang masih lemah menyebabkan industri pertanian tempatan terus bergantung pada biji benih yang diimport. Oleh hal yang demikian, Bahagian Sokongan Industri MoA akan menerajui usaha untuk menghasilkan benih berkualiti dan bahan genetik. Penghasilan benih di bawah inisiatif ini akan memfokus kepada penggunaan teknologi *Marker-Assisted Selection* (MAS).

Teknologi MAS yang diperkenalkan di *Centre for Market Discovery* and *Validation* pada tahun 2011 ini membantu pemilihan benih yang mempunyai ciri-ciri diingini. Teknologi ini jelas dapat mengurangkan bilangan tahun pembiakan dan mengelakkan ketidaktentuan dalam penghasilan baka bermutu tinggi.

EPP ini disokong dengan penubuhan Majlis Benih Negara yang akan bertindak menyelia pembangunan industri benih tempatan bagi mengurangkan penggantungan Malaysia pada benih dan bahan pembiakan yang diimport. Usaha tambahan termasuklah memilih syarikat peneraju untuk meningkatkan pengeluaran benih untuk memenuhi pasaran tempatan dan seterusnya menembusi pasaran eksport.

Pencapaian dan Cabaran

DoA sudah selesai menjalankan perundingan bersama-sama dengan pihak berkepentingan termasuk wakil syarikat swasta, jabatan negeri dan agensi Kerajaan bagi mempersiapkan Akta Benih yang akan bertindak mengawal atur industri benih tempatan. Draf Akta tersebut sedang dimuktamadkan sebelum dikemukakan kepada MoA dan Jabatan Peguam Negara.

Dari segi R&D pula, CMDV sedang meneruskan kerjasama dalam penyelidikan bersama entiti yang terlibat dalam penghasilan benih bagi memperoleh penanda untuk penentuan bahan pembiakan benih bermutu tinggi.

Antara cabaran yang dihadapi di sini adalah kepayahan yang dialami oleh syarikat swasta kerana pelibatan dalam industri ini memerlukan teknologi yang canggih dan kepakaran teknikal yang tinggi. Lagi pula, industri pembenihan tempatan baru bercambah.

Langkah Seterusnya

Tahun 2014 akan menyaksikan usaha di pihak MoA untuk memperluas jalinan *"outgrowers"* dengan menyasarkan tambahan sejumlah 50 peserta baharu yang boleh membantu memantapkan industri benih tempatan. CMDV juga akan memacu pengeluaran bahan pembiakan baka yang lebih berkualiti melalui perundingan dan kerjasama dengan para pembiak baka, dengan menyasarkan lima buah projek tambahan untuk memperoleh bahan pembiakan baka bermutu tinggi.



Pembiakan jagung daripada pelbagai jenis induk untuk mendapatkan baka yang terbaik

EPP 15 Menarik Penyertaan Syarikat Multinasional (MNC)

EPP ini telah dipindahkan ke Program Transformasi Bioekonomi yang diterajui oleh Malaysian Biotechnology Corporation (Biotechcorp) (http://www.biotechcorp.com.my/bioeconomy/) di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

EPP 16 Usaha Sama Penternakan Lembu

EPP ini diselaraskan dengan EPP 5 dan EPP 12 agar kesemua ternakan disepadukan dengan matlamat mempertingkat kemampanan industri daging lembu tempatan. Dalam hal ini, EPP 16 menekankan jaminan bekalan yang konsisten dan harga yang berpatutan untuk haiwan hidup yang diperlukan dalam aktiviti pembiakan, fidlot dan operasi tenusu sehingga tahun 2020.

Skop EPP ini juga telah dikembangkan untuk meninjau sektor-sektor yang berpotensi dalam bidang pertanian yang boleh meningkatkan pendapatan negara.

Di bawah EPP ini, syarikat peneraju akan diberi hak pilihan pertama dalam membekalkan haiwan hidup untuk keperluan semua EPP yang membabitkan haiwan ternakan. Sebagai contoh, sebarang permintaan untuk lembu yang diperlukan oleh syarikat di bawah EPP 5 haruslah dipanjangkan kepada syarikat di bawah EPP 16 ini terlebih dahulu.

Pencapaian dan Cabaran

Jumlah hasil yang dijana oleh syarikat-syarikat di bawah EPP ini secara keseluruhannya telah berjaya mencecah RM79.6 juta dan melebihi sasaran awal iaitu RM60 juta. Namun, mereka berdepan dengan masalah operasi apabila dibebani oleh dasar *Exporter Supply Chain Assurance System* (ESCAS) yang dikenakan Australia ke atas haiwan yang disembelih, yang menetapkan syarat ketat untuk penyembelihan lembu sebelum pengeksportan daging dibenarkan. Banyak syarikat terbabit mempunyai operasi di Australia dan mereka merasakan sukar untuk mematuhi sistem ESCAS kerana standard yang ditetapkan memerlukan kos penambahbaikan yang tinggi.

Langkah Seterusnya

Langkah seterusnya adalah penyelarasan EPP ini bersama EPP 5 untuk mewujudkan pendekatan rantaian nilai sepenuhnya pada tahun 2014.

EPP 17 Pasar Komuniti – PAKAR

Inisiatif di bawah EPP ini bertujuan membawa suatu transformasi dan pemodenan ke atas pelbagai jenis pasar di Malaysia di samping menyepadukan pasar-pasar tempatan seperti Pasar Tani, Pasar Malam, Pasar Minggu dan Pasar Tamu, menjadi sebuah pasar yang lebih besar dikenali sebagai Pasar Komuniti (PAKAR).

PAKAR akan dilengkapi dengan kemudahan yang dapat memastikan kebersihan tapak premis sambil membantu peniaga meningkatkan pendapatan mereka. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan menerajui inisiatif ini dengan kerjasama agensi Kerajaan yang berkaitan untuk memantau dan memilih beberapa lokasi yang sesuai untuk pasar tersebut. FAMA juga akan melibatkan peniaga di pasar tempatan dalam inisiatif tersebut.

Pencapaian dan Cabaran

Walaupun perancangan awal untuk pembinaan sembilan tapak PAKAR telah ditangguhkan bagi memperkukuh impak PAKAR terlebih dahulu, sejumlah enam tapak PAKAR yang operasinya tertangguh telah pun memulakan operasi mereka pada tahun 2013. Tapak PAKAR kini terdapat di Jengka, Mersing, Kota Belud, Bera, Kuching, Paroi dan Pekan. Secara keseluruhannya, tapak PAKAR baharu ini termasuk PAKAR Manjung telah berjaya mencatatkan hasil mencecah RM64.55 juta setakat ini. Menurut kajian yang dijalankan oleh FAMA, jumlah ini adalah suatu peningkatan sebanyak 15 peratus bagi para peniaga yang terlibat.

EPP ini telah mendepani pelbagai cabaran sepanjang tahun ini, antaranya, mendapatkan kelulusan daripada pihak penguasa tempatan sebelum dapat memulakan operasi PAKAR. Masalah ini akhirnya diselesaikan menerusi koordinasi projek yang lebih mantap. Masalah lain seperti pemindahan semula peniaga ke tapak baharu masih menjadi cabaran kepada pihak jabatan negeri dan Kerajaan. Kesukaran ini dapat diatasi sedikit sebanyak dengan menawarkan tapak tersebut kepada peniaga baharu.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2014, EPP ini akan berusaha meningkatkan operasi tapak yang sedia ada kepada tujuh hari seminggu dan tiga sesi sehari. Lebih banyak PAKAR akan dipertimbangkan berdasarkan model ekonomi yang baik.

PELUANG PERNIAGAAN

NKEA ini menyelia Peluang Perniagaan yang tercatat seperti berikut (berikutan pemindahan tiga Peluang Perniagaan yang sudah dilaksanakan menjadi EPP):

3

Penternakan Ikan Hiasan
Memperkukuh penjenamaan dan saluran pasaran untuk eksport ikan hiasan Malaysia bagi mengurangkan kebergantungan pada negara lain

4

Pengilangan Makanan untuk Akuakultur
Penubuhan kilang untuk penghasilan makanan akuakultur

5

Pusat Eksport Akuakultur
Membangunkan pusat untuk pengeksportan akuakultur

6

Industri Snek
Menambahkan pengeluaran snek daripada buah-buahan segar dan buah-buahan kering keluaran tempatan

7

Ternakan Ayam Kampung
Menembusi pasaran ayam kampung bernilai tinggi

8

Pertanian Cendawan Butang
Mengembangkan pengeluaran cendawan butang bagi memenuhi pasaran tempatan dan eksport

10

Pelaburan Langsung Asing dalam Produk Herba
Menarik syarikat asing menjalankan kajian ke atas herba Malaysia dan menubuhkan fasiliti pembuatan di Malaysia

11

Industri Makanan Snek/ Fasiliti Makanan Negara
Memindahkan fasiliti pemprosesan makanan beku dan hidangan sedia dimakan dari Singapura ke Malaysia

PEMANGKIN

Berikut adalah faktor-faktor pemangkin utama yang telah dikenal pasti akan menyokong pelaksanaan EPP dan Peluang Perniagaan di bawah EPP ini:

- Menyediakan insentif untuk syarikat peneraju melalui pelaksanaan prosedur NKEA Pertanian yang diperkenalkan pada tahun 2011
- Mengukuhkan penerimaan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Amalan Pengilangan Baik (GMP) untuk meningkatkan akses pasaran — semua syarikat peneraju digalakkan untuk berbuat demikian melalui perjanjian yang mereka meterai dan telah dikuatkuasakan pada tahun 2012
- Menambah baik peraturan dan dasar, sebagai contoh, pembangunan Akta Benih di bawah EPP 14
- Mengukuhkan infrastruktur logistik. Usaha ini akan diperkukuhkan lagi dalam fasa seterusnya
- Memastikan aliran modal insan yang mencukupi. Pemangkin ini sudah mula dilaksanakan melalui program yang membantu meningkatkan kesedaran tentang peluang dalam perniagaan asas tani dan melalui penubuhan Unit Usahawan Muda dalam MoA

Ringkasan NKEA Pertanian

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	**RM28.9 bilion**
Pekerjaan Tambahan	**109,335**

Sasaran kritikal bagi tahun 2014

- EPP 1 (Produk Herba Bernilai Tinggi)
  - Enam ujian praklinikal dijalankan untuk produk herba (ubat-ubatan nutraseutikal/*cosmeceutical*/botanikal)
- EPP 2 (Pengeluaran Burung Walit EBN)
  - Jumlah eksport produk Sarang Burung Yang Boleh Dimakan (EBN) – 170 tan metrik
- EPP 3 (Estet Pertanian Mini untuk Rumpai Laut)
  - Kenaikan peratusan produktiviti per hektar per tahun – 30%
- EPP 4 (Penternakan Melalui Sistem Sangkar yang Bersepadu)
  - Jumlah pengeluaran ikan yang diternak oleh syarikat peneraju (tan metrik) – 6,500
- EPP 6 (Mereplikasi Model IZAQ)
  - Jumlah pengeluaran udang (tan metrik) – 29,000
- EPP 7 (Buah-buahan dan Sayur-sayuran untuk Pasaran Premium)
  - Jumlah pengeluaran oleh TKPM dan syarikat peneraju (tan metrik) – 40,000
- EPP 8 (Taman Pengeluaran Makanan)
  - Kenaikan peratusan pendapatan untuk PKS di bawah seliaan syarikat peneraju – 10%
- EPP 10 (Penanaman Padi di MADA)
  - Peningkatan peratusan pendapatan untuk peserta di bawah projek – 5%
- EPP 11 (Penanaman Padi di Kawasan Pengairan Lain)
  - Jumlah pengeluaran beras yang dihasilkan (tan metrik) – 32,000
- EPP 13 (Kelompok Tenusu)
  - Jumlah susu segar yang dihasilkan dari kelompok di bawah NKEA (juta liter) – 17

Pemangkin Perubahan

PERTANIAN

pengalaman bersama perkhidmatan awam

Perutusan dari

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

Meskipun Malaysia sudah berjaya membangunkan kepakaran sebagai negara jelapang padi, NKEA Pertanian berhasrat untuk mencipta satu transformasi terhadap industri pengeluaran beras negara agar produktiviti serta pendapatan para pesawah dapat dipertingkatkan. Di bawah EPP 10: Memperkukuh dan Menambah Baik Produktiviti Penanaman Padi di kawasan Muda, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berperanan menyelia usaha bagi meningkatkan penanaman padi di kawasan tersebut, yang menyumbang sehingga 35 peratus daripada beras negara.

Akan tetapi, jelapang Muda yang begitu penting kepada industri pengeluaran beras di Malaysia ini sedang berdepan dengan beberapa cabaran sehingga menjejaskan produktivitinya. Antara lain, masalah tanah yang kurang subur membabitkan 40 peratus tanah sawah di kawasan Muda, kepadatan infrastruktur pengairan yang rendah, pemilikan tanah bendang yang terbatas dari segi saiz dan warga pesawah yang sudah lanjut usia.

Sebagai peneraju EPP 10, MADA telah ditugaskan untuk menangani masalah-masalah tersebut. Langkah yang diambil termasuklah meningkatkan kepadatan infrastruktur pengairan di kawasan terbabit menerusi peruntukan Kerajaan sebanyak RM2.2 bilion yang disalurkan kepada MADA untuk membangunkan infrastruktur pengairan tertier sehingga tahun 2020.

MADA juga bertanggungjawab mewujudkan estet padi seluas 50,000 hektar menjelang tahun 2020 yang akan diuruskan secara berpusat. Inisiatif tersebut akan direalisasikan menerusi peruntukan Kerajaan sebanyak RM480 juta kepada warga tani dalam bentuk bayaran insentif. MADA juga membantu penglibatan pesawah dalam keseluruhan rantaian nilai industri padi melibatkan segmen huluan dan hiliran, dan meningkatkan purata hasil bersih pengeluaran padi menggunakan teknologi terkini.

Bagi menjayakan projek ini, MADA melaksanakan perancangan dan penyelarasan tugas antara jabatan dan agensi yang terlibat di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. MADA juga bekerjasama dengan Kementerian dan agensi lain seperti PEMANDU, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Tanah dan Galian Daerah, pejabat-pejabat Daerah dan Tanah serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Satu kaedah utama yang diguna pakai oleh MADA adalah menugaskan pegawai pertanian dan pengairannya untuk meninjau sendiri keadaan sebenar atau "turun padang" dan bertindak sebagai baris depan EPP 10. Pegawai bertugas bukan sekadar menyampaikan dasar Kerajaan yang hendak dilaksanakan, malah mereka berusaha mendapatkan keyakinan pesawah agar turut serta dan komited dalam projek Muda ini.

Usaha tersebut dimantapkan lagi dengan kerjasama erat yang dijalin dengan warga pesawah bagi mencapai matlamat Kerajaan agar mereka mampu memperkasakan diri sebagai pemilik dalam seluruh aktiviti pengeluaran beras, seterusnya menjadi "Tuan Padi, Tuan Beras".

Pertalian erat ini adalah salah satu aspek yang paling penting dalam pelaksanaan tugas MADA. Sebagai pihak yang diamanahkan ke atas jelapang di Muda, MADA bukan sahaja bertanggungjawab untuk memastikan kepentingan para pesawah terus terjamin malah berperanan sebagai "pengantara" antara pihak Kerajaan dan golongan pesawah agar pelaksanaan dasar negara dapat dilangsungkan di setiap peringkat.

Inisiatif di atas telah membuahkan hasil dalam pelaksanaan EPP 10 setelah tiga tender untuk membina infrastruktur pengairan di tiga buah blok tanah diluluskan kepada beberapa kontraktor. MADA juga berjaya mewujudkan estet padi seluas 15,034 hektar yang diuruskan di bawah satu sistem berpusat. Hasilnya, seramai 8,810 pesawah yang menyertai program estet padi ini telah meraih manfaat daripada projek tersebut, dan bayaran insentif berjumlah lebih RM90 juta telah diagihkan kepada mereka.

Hasil daripada projek tersebut, pendapatan pesawah telah meningkat sebanyak 11 peratus – yakni suatu kemajuan yang memberangsangkan. Sebelum program ini dimulakan, pendapatan pesawah adalah RM2,660 sehektar. Pada musim menuai 2/2012, pendapatan pesawah telah bertambah kepada RM2,400 sehektar.

Dalam pada itu, MADA berdepan dengan dua cabaran utama dalam melaksanakan program ini. Yang pertama, memastikan pembinaan infrastruktur tertier adalah mengikut perancangan dan kedua, mengajak pihak berkepentingan agar bersama-sama mentransformasi sistem persawahan secara individu yang sedia ada kepada sistem persawahan secara berpusat.

Isu ini telah ditangani menerusi kaedah penjajaran semula tanah sawah bagi tujuan pembinaan infrastruktur tertier serta memastikan penyelarasan antara jabatan dan agensi yang terlibat dalam proses pengambilan tanah. Sebagai usaha untuk memperoleh persetujuan daripada pihak berkepentingan dan memulakan sistem pertanian berskala besar yang diuruskan secara berpusat, pegawai MADA gigih memperjelas tujuan projek tersebut kepada pesawah bagi mendapatkan keyakinan dan penyertaan mereka dalam projek ini. MADA juga mempergiatkan usaha untuk mencapai suatu kata putus yang memuaskan hati semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam EPP 10 termasuk menarik lebih ramai pelibatan generasi muda dalam projek ini, khususnya tenaga kerja yang terlatih dari MADA *Rice Training Centre*.

Rangka asas untuk mempertingkatkan produktiviti di jelapang Muda kini terbina utuh dan sudah pun menampakkan peningkatan hasil petani. Peluang untuk EPP 10 mencapai sasarannya menjelang 2020 kini terbuka luas. Natijahnya, EPP 10 akan berjaya merealisasikan suatu anjakan paradigma dalam bidang persawahan padi di Malaysia.

PENJAGAAN KESIHATAN









Dato' Seri Dr. S. Subramaniam
Menteri Kesihatan

Dengan sukacitanya, saya melaporkan bahawa NKEA Penjagaan Kesihatan telah menunjukkan pencapaian yang begitu menggalakkan dan telah menyaksikan impak positif daripada beberapa inisiatif yang diusahakan. Kami tetap komited untuk mencapai matlamat NKEA ini untuk memberikan jagaan kesihatan terbaik dengan cara yang mampan.

Sehubungan dengan matlamat ini, beberapa Projek Permulaan (EPP) telah dikaji semula dan beberapa EPP baharu juga diperkenalkan untuk memenuhi keperluan industri. Berbanding dengan 13 EPP tahun lepas, kini terdapat 17 EPP di bawah NKEA ini.

EPP baharu yang memberi tumpuan kepada Produk Rawatan Buah Pinggang telah dimuatkan ke dalam segmen Peranti Perubatan, menjadikan jumlah EPP dalam segmen ini sebanyak lapan buah berbanding tujuh pada awalnya. EPP ini diperkenalkan setelah kami mengenal pasti jurang yang wujud dalam memberikan rawatan kepada pesakit yang menderita akibat Penyakit Renal Peringkat Akhir (*End-Stage Renal Disease*, ESRD). Oleh hal yang demikian, EPP ini berhasrat untuk menyediakan perkhidmatan dan produk yang bersesuaian.

Selain itu, Kesejahteraan Warga Emas, yang dahulunya dikelompokkan sebagai Peluang Perniagaan, kini telah dikembangkan kepada tiga EPP yang berasingan. Oleh itu, segmen tersebut diberi lebih perhatian supaya dapat memenuhi keperluan pasaran ini yang semakin penting dan berkembang.

NKEA Penjagaan Kesihatan juga telah giat berusaha untuk menarik lebih banyak syarikat — tempatan dan antarabangsa — untuk turut serta sebagai organisasi peneraju dalam beberapa EPP. Sukalah saya laporkan di sini bahawa sejumlah lima belas projek penjagaan kesihatan telah diberikan status EPP dalam tahun ini. Setiap organisasi telah memberikan komitmen untuk melabur dalam sektor penjagaan kesihatan di Malaysia, sama ada melalui pembangunan produk atau perkhidmatan.

Secara keseluruhannya, kesemua 37 EPP yang telah diumumkan di bawah NKEA ini diunjurkan akan membuka peluang kepada 26,628 pekerjaan baharu dan menjana pendapatan sebanyak RM6.66 bilion termasuklah pelaburan baharu bernilai RM4.86 bilion. Pencapaian pada tahun ini sangat menggalakkan dan saya benar-benar yakin bahawa kita mampu mencapai sasaran yang telah kita tetapkan dalam hala tuju Malaysia menjelang tahun 2020.

Namun demikian, kita tidak boleh leka dengan pencapaian ini. Hanya melalui jalinan kerjasama, dapat kita bersama-sama menyampaikan sebuah sistem penjagaan kesihatan yang berkesan dan responsif untuk manfaat semua warga Malaysia. Sesungguhnya, saya yakin bahawa kita mempunyai daya untuk menjadi sebuah "negara yang bekerjasama agar kita semua lebih sihat"!

PENJAGAAN KESIHATAN

Industri penjagaan kesihatan di Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang pesat sepanjang dekad yang lalu, lebih-lebih lagi kerana pertumbuhan ini dipacu oleh penggunaan produk dan perkhidmatan kesihatan dalam kalangan masyarakat tempatan.

NKEA yang diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tertumpu kepada pelaburan swasta yang semakin berkembang dalam bidang seperti pembuatan produk farmaseutikal dan peranti perubatan, aktiviti penyelidikan klinikal dan perkhidmatan bagi jagaan warga emas. NKEA ini bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan industri penjagaan kesihatan negara serta menggalakkan kerjasama antara penyedia jagaan kesihatan dalam sektor awam dan juga swasta.

Kerajaan akan terus menyediakan subsidi untuk penjagaan kesihatan kepada semua warga Malaysia di hospital dan klinik awam. Pada masa yang sama, sektor swasta telah ditugaskan untuk menambah baik akses kepada penjagaan kesihatan bagi mereka yang mampu membayar kos rawatan agar beban Kerajaan dapat dikurangkan. Melalui kerjasama ini, sektor awam dan swasta akan dapat menawarkan pelbagai perkhidmatan dan produk kesihatan yang komprehensif kepada semua masyarakat di Malaysia.

Sejumlah 17 Projek Permulaan (EPP) telah dikenal pasti bagi menyempurnakan matlamat di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan. Setakat ini, seramai 37 pemilik projek dijangka akan mewujudkan sebanyak 26,628 pekerjaan dan menjana pendapatan bernilai RM6.66 bilion termasuklah pelaburan baharu bernilai RM4.86 bilion. Daripada jumlah projek sebanyak 37 ini, 12 sudah pun siap dan yang lain masih dalam fasa pelaksanaan yang berlainan. Sehubungan dengan itu, dari aspek pekerjaan, pencapaian adalah pada tahap 14.7 peratus daripada sejumlah 181,000 pekerjaan yang disasarkan, dari aspek Pendapatan Negara Kasar (PNK) pencapaian adalah 18.9 peratus daripada sasaran sebanyak RM35.3 bilion, dan bagi nilai pelaburan, peratus pencapaian adalah 28.2 peratus daripada sasaran sebanyak RM17.2 bilion seperti yang digagaskan dalam hala tuju menjelang tahun 2020.

Terdapat beberapa EPP sedia ada yang telah dikaji semula untuk memastikan keperluan industri dipenuhi. Sebagai contoh, makmal mini yang ditaja bersama antara KKM, Organisasi bagi Industri Farmaseutikal Malaysia (MOPI) dan Pertubuhan Farmaseutikal Malaysia (PhAMA) telah diadakan untuk menyemak matlamat dan skop EPP 3 yang memberikan tumpuan kepada sektor farmaseutikal di Malaysia. Selepas bermesyuarat selama tiga hari, skop EPP 3 telah dibahagikan kepada tiga kategori: Generik, Biofarma (Biologi dan Vaksin) dan ubat yang dijual atas kaunter (*Over-the-Counter* - OTC). Sementara itu, satu kertas kajian dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan November 2013 yang menyarankan agar beberapa pindaan dibuat kepada Akta Paten melibatkan industri farmaseutikal. Saranan ini dibuat berdasarkan hasil kajian oleh *International Centre of Law and Legal Studies* (I-CeLLs) berkaitan rejim dan undang-undang paten di Malaysia. Kerajaan telah bersetuju untuk menyemak saranan yang dibuat dalam kajian tersebut dan membuat pindaan sewajarnya menjelang bulan Ogos 2014.

Di samping itu, pada tahun 2013 juga, sejumlah 15 projek baharu diberikan status EPP oleh Jawatankuasa Pemandu untuk NKEA Penjagaan Kesihatan melalui dua majlis pengumuman NKEA ini, pertama pada 1 Ogos 2013 dan kedua pada 12 Disember 2013. Pemilik projek ini ialah Karl-Mueller Scientific, Sima Medical, Abio, Kotra Pharma (bagi dua projek berbeza), RB Lifescience, BioCare, Impian Eksekutif, Chemical Company of Malaysia Bhd, AFT Pharmaceuticals, AJ Biologics, Servier, Fresenius Medical Care, Lucenxia dan Pahang Medical Devices. Setiap projek baharu akan memainkan peranan penting bagi memastikan pencapaian matlamat yang telah ditetapkan di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan.

Sebuah EPP baharu telah dimuatkan ke dalam senarai projek Peranti Perubatan (EPP 7-13), dan hal ini telah meningkatkan jumlah EPP di bawah sektor ini kepada lapan berbanding dengan tujuh sebelum itu. EPP 14 yang baharu ini akan bertumpu kepada produk rawatan buah pinggang.

Ekoran daripada peluang perniagaan berkaitan kesejahteraan warga emas yang diperkenalkan pada tahun 2012, peluang ini telah dijadikan sebagai tiga buah EPP pada tahun 2013 berdasarkan saranan yang dibuat sewaktu sesi makmal. EPP yang disenaraikan di bawah segmen Kesejahteraan Warga Emas ialah Perkhidmatan Kesihatan Bergerak (EPP 15), Institusi Penjagaan Warga Tua (EPP 16) dan Perkampungan Persaraan (EPP 17).

Pada bulan Disember, Dato' Sri Idris Jala telah membentangkan hasil kajian yang diperoleh dari makmal yang membincangkan Kesejahteraan Warga Emas kepada Kabinet. Kertas kajian ini turut menyarankan penggubalan Akta Penjagaan Kesihatan Warga Emas, transformasi terhadap rumah orang tua dan pusat rawatan, perancangan bagi garis panduan baharu untuk fasiliti penjagaan kesihatan warga tua, membangunkan kurikulum baharu untuk para pengasuh, menawarkan insurans kepada warga tua yang memilih jagaan di rumah, jagaan jangka panjang dan produk *reverse mortgage*.

Penyemakan yang dilaksanakan ke atas EPP di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan akan membantu mengukuhkan dan mentransformasikan industri penjagaan kesihatan di Malaysia menjadi sebuah industri yang bersifat holistik dan dinamik bagi memastikan kualiti perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada orang ramai adalah yang terbaik dan kekal mampan.

Petunjuk Prestasi Utama 2013

NKEA Penjagaan Kesihatan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
EPP #1	Peratusan pekerja asing yang dilindungi insurans kesihatan (kecuali pembantu rumah dan pekerja ladang)	100%	156%	156	●	100	●	1.0	●
EPP #2	Jumlah ujian klinikal (baharu & sedang dijalankan)	460	467	102	●	100	●	1.0	●
EPP #3	Pertumbuhan bagi eksport produk farmaseutikal (RM juta)	549	561.02	102	●	100	●	1.0	●
EPP #4	Hasil yang dijana daripada pelancongan kesihatan (RM juta)	630	683.92 Januari sehingga pertengahan Disember 2013	109	●	100	●	1.0	●
EPP #5	Jumlah baharu hospital bukan KKM yang melanggan perkhidmatan ini	5	1	20	●	20	●	0	●
	Kajian kes ke atas negara sasaran (termasuk strategi *go-to-market*) untuk mengkaji perkhidmatan dalaman bagi DSN	3	4	133	●	100	●	1.0	●

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

NKEA Penjagaan Kesihatan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	**KPI**	**Sasaran (FY)**	**Sebenar (YTD)**	**Pencapaian**					
				Kaedah 1		**Kaedah 2**		**Kaedah 3**	
				%		**%**			
EPP #6	Peratusan tahap pembinaan Metropolis Kesihatan Universiti Malaya	Sasaran tidak ditetapkan kerana kelewatan Kelulusan Perancangan daripada MBPJ	N/A	N/A	🔴	N/A	🔴	N/A	🔴
EPP #7 – 14	Peranti perubatan (Kelas A, B, C dan D) siap untuk didaftarkan	100%	100%	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Siap untuk didaftarkan dengan Lembaga Penilaian Kesesuaian (CAB)	100%	101%	101	🟢	100	🟢	1.0	🟢
EPP #15 – 17.1	Penyiapan proses terlibat, termasuk pindaan peraturan agar Pusat Penjagaan Kediaman Bersepadu (IRCC) dapat didaftarkan	25% draf pertama Akta dijangka siap untuk dihantar kepada Peguam Negara	100% Jabatan Peguam Negara telah menyiapkan draf awal untuk Akta	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
				103%		**91%**		**89%**	

Rajah 12.1

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

PROJEK PERMULAAN (EPP)

EPP 1 Mewajibkan Insurans Kesihatan Swasta untuk Pekerja Asing

Kebanyakan daripada pekerja asing seramai 3.1 juta orang di Malaysia, terutamanya mereka yang bekerja dalam sektor berteknologi rendah dan memerlukan tenaga kerja intensif, tidak dilindungi insurans atau tidak dilindungi insurans dengan secukupnya. Hal ini telah menyebabkan tunggakan bil rawatan yang tinggi di hospital Kerajaan. Melalui EPP ini, insurans kesihatan swasta telah diwajibkan sebagai skim mandatori perubatan untuk semua pekerja asing (kecuali pembantu rumah dan pekerja ladang) untuk membantu melegakan tekanan ke atas sistem penjagaan kesihatan Malaysia dan menyediakan akses yang lebih baik kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan untuk pekerja asing.

Sehubungan dengan itu, Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA) telah diperkenalkan pada bulan Januari 2011 sebagai suatu skim mandatori perubatan yang direka khas untuk pekerja asing. Dengan premium tahunan sebanyak RM120, skim ini menyediakan perlindungan hospital dan perubatan kepada pekerja asing dengan liputan sebanyak RM10,000 setahun untuk semua penyakit dan kecederaan yang memerlukan kemasukan ke hospital KKM.

Pencapaian dan Cabaran

Semenjak pelancaran Skim ini, lebih 1.6 juta pekerja asing sudah pun diinsuranskan di bawah SKHPPA, melepasi sasaran awal seramai 1.2 juta pekerja. Dua puluh lima syarikat insurans dan dua Pentadbir Tuntutan Pihak Ketiga (TPCA) telah didaftarkan untuk turut serta dalam skim ini.

Setakat ini, tiga negeri utama – Selangor, Johor and Pulau Pinang – dan juga Kuala Lumpur telah mencatatkan bilangan pekerja warga asing paling ramai yang diinsuranskan. Ekoran daripada langkah peluasan skim tersebut ke Sabah tahun lepas, SKHPPA telah dibawa ke Sarawak pada bulan Februari 2013, dan dengan yang demikian itu, skim ini sudah menjangkau ke seluruh negara.

Langkah Seterusnya

Setelah tiga tahun SKHPPA ini dilaksanakan, program ini akan dikaji semula pada tahun 2014 untuk menentukan impak dan manfaatnya kepada hospital KKM. Penambahbaikan yang disarankan untuk SKHPPA termasuklah kemungkinan untuk memperluas skim ini kepada hospital swasta serta meningkatkan manfaat yang ditawarkan oleh skim tersebut.

EPP 2 Mewujudkan Ekosistem yang Menyokong Pembangunan Penyelidikan Klinikal

Pada tahun 2009, industri penyelidikan bagi pembangunan ubat-ubatan baharu berkembang pada kadar tahunan 15 peratus di peringkat global, melebihi US$20 bilion sedangkan pertumbuhan di Asia telah mengatasi kadar tersebut dan mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 30 peratus.

Walau bagaimanapun, kedudukan Malaysia dalam industri ini masih jauh ketinggalan. Oleh hal yang demikian, EPP ini telah berusaha untuk membangunkan ekosistem penyelidikan klinikal yang menyokong ujian kualiti yang lebih cekap dan lebih berkualiti, dengan sasaran untuk menjalankan sekurang-kurangnya 1,000 ujian klinikal baharu menjelang 2020. EPP ini berhasrat untuk melonjakkan Malaysia menjadi destinasi pilihan dalam bidang penyelidikan klinikal secara kontrak.

Pencapaian dan Cabaran

Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM) telah menyasarkan sejumlah 460 ujian klinikal pada tahun 2013. Ujian ini terdiri daripada 182 ujian baharu dan 278 ujian yang sedang berjalan.

CRM juga berjaya merealisasikan kajian kebolehlaksanaan ini ke dalam bentuk ujian klinikal. Dengan bantuan sokongan yang diperoleh daripada penubuhan Pasukan Kebolehlaksanaan, CRM telah mencatatkan sebanyak 195 ujian baharu dalam bulan Disember 2013, melepasi sasaran KPI tahunannya, iaitu 184 ujian klinikal baharu.

Pengurusan ke atas ujian klinikal juga telah diperkukuh dengan pelaksanaan pangkalan data untuk menyelidik pelbagai bidang terapeutik. Selain itu, CRM juga telah melancarkan sebuah sistem pengurusan dana yang berkesan dan telus untuk menguruskan bajet ujian percubaan serta memperkemas mekanisme pembayaran untuk pihak penyelidik dan tapak ujian.

Sehubungan dengan pelaksanaan inisiatif tersebut, CRM telah memeterai Perjanjian Ujian Klinikal (CTA) dengan beberapa penaja/Organisasi Penyelidikan Klinikal (CRO) dan jumlahnya semakin meningkat. Bermula dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2013, CRM telah mengesahkan sejumlah 174 CTA untuk menjalankan 85 ujian, dan perancangan sedang dibuat melibatkan sembilan ujian lagi.



Katil hospital bagi peserta yang mengambil bahagian dalam penyelidikan

CRM juga sedang membangunkan rangkaian meliputi tujuh tapak penyelidikan di kawasan penting di Malaysia bersama-sama dengan Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) dan Quintiles. Tapak-tapak tersebut mempunyai keupayaan yang diperlukan untuk menjalankan Penyelidikan Tajaan Industri (ISR) dan menarik lebih banyak ISR ke Malaysia. Di samping itu, koordinator kajian telah ditempatkan di 17 tapak penyelidikan KKM untuk membantu penyelidik menjalankan ujian. Kebanyakan koordinator memiliki latar belakang dalam bidang perubatan atau kejururawatan lalu membolehkan lebih banyak ISR dibuat di tapak tersebut.

Bagi meningkatkan kemahiran golongan koordinator kajian dan penyelidik, CRM telah melaksanakan program latihan termasuklah menganjurkan kursus Amalan Klinikal yang Baik (GCP) yang disubsidikan di pelbagai lokasi dalam negara. Selain itu, CRM sedang membangunkan sebuah sistem, iaitu "CRMx" bagi menambah baik pengurusan dan pelaksanaan ISR serta suatu matriks dan alat analitik bertujuan untuk mempertingkatkan produktiviti ujian klinikal.

Selain itu juga, CRM telah melaksanakan program "Mentor-Mentee"nya yang pertama, iaitu satu bengkel selama enam hari setengah di pelbagai daerah bertujuan untuk membangunkan modal insan dalam sektor ini, terutamanya golongan penyelidik. Setakat ini, program tersebut telah dijalankan di daerah pusat (Kuala Lumpur) bersama-sama 14 Mentor dan 41 Mentee. Program ini juga diperluas ke daerah utara (Pulau Pinang) dengan pelibatan 10 Mentor dan 28 Mentee. Destinasi selanjutnya ialah Pantai Timur dan daerah Selatan, termasuk Sabah dan Sarawak.

Beberapa cabaran yang dilihat dalam EPP ini termasuklah usaha meningkatkan jumlah pelabur berpotensi dan menambah baik kualiti penyelidik. Hal ini dikatakan demikian kerana pakar yang ada lebih tertumpu pada pelaksanaan kerja klinikal mereka yang menelan banyak masa, sedangkan mereka juga tidak mempunyai kepakaran yang cukup tinggi untuk menjalankan ISR.

CRM sedang berusaha bersama-sama Jawatankuasa Etika Penyelidikan Perubatan (MREC) bagi menambah baik masa kelulusan dan cara Jawatankuasa ini memberi respons agar keperluan industri dapat dipenuhi.

Cabaran lain yang timbul adalah dalam mengkoordinasi pembangunan program latihan yang komprehensif untuk rakan usaha sama dalam penyelidikan klinikal (CRA). Secara umumnya, penaja/Organisasi Penyelidikan Klinikal (CRO) bertanggungjawab menjalankan latihan dalaman. Cabaran yang dihadapi termasuklah mendapatkan institusi latihan yang sesuai, membangunkan pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, mendapatkan sokongan industri dan bilangan pelajar yang mencukupi.

Langkah Seterusnya

Setakat ini, sebanyak 20 peratus daripada ujian klinikal di Malaysia dijalankan oleh KKM. Ketika CRM memasuki tahun ketiga dalam operasinya, matlamatnya adalah untuk menambah baik nisbah bilangan ujian klinikal yang dilaksanakan di KKM dan universiti. Usaha juga akan digiatkan untuk menambahkan bilangan penyelidik di KKM. Sementara itu, CRM akan mengkaji semula masa kajian *first patient in* dan mempergiatkan usaha ke arah kajian ini pada tahun 2014. CRM juga berhasrat untuk menambahkan bilangan tapak penyelidikan utamanya.

CRM juga berhasrat untuk memantapkan kerjasama dan pelibatan mereka dengan *Drugs Information Associations* (DIA) dan inisiatif *East Asia ISR Cooperation*. Di samping itu, CRM juga akan bekerjasama dengan pelbagai organisasi serantau dalam bidang terapeutik, tapak untuk kajian klinikal serta latihan dan pembangunan dalam ISR. Sementara itu, CRM akan meningkatkan keterlibatan bersama penyelidik dan meneruskan kerjasama dengan CRC berkenaan pelbagai aktiviti dan inisiatif.

Selain itu, CRM juga akan mempertingkatkan program kesedaran awam bagi menambah kesedaran awam tentang ISR dan program Mentor-Mentee bagi menambah bilangan penyelidik. Malah, kekerapan dan skop program latihan juga akan dipertingkatkan bagi memperbanyak jumlah staf penyelidikan dan koordinator kajian yang berkemahiran.

Berhubung dengan CTA, CRM berharap dapat memperkenalkan satu templat *tripartite* CTA dan membangunkannya sejajar dengan standard industri di Malaysia. Serentak dengan itu, CRM akan menjadi pemudah cara bagi proses keahlian dan pencapaian pesakit bagi membolehkan lebih banyak ISR dijalankan.

EPP 3 Farmaseutikal Malaysia

Malaysia sedang menyusun langkah untuk memperkukuh kapasiti pembuatan ubat generik untuk memanfaatkan situasi di mana paten untuk ubat-ubatan penting akan luput tidak lama lagi. Anggaran nilai paten ini adalah kira-kira US$132 bilion. Sebagai usaha untuk memaksimumkan peluang tersebut, industri farmaseutikal Malaysia mesti mengambil beberapa langkah berikut:

- Memanfaatkan keahlian Malaysia dalam Konvensyen Pemeriksaan Farmaseutikal dan Skim Kerjasama Pemeriksaan Farmaseutikal (PIC/S) serta keanggotaan dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk mengeksport ubat generik ke negara membangun dan negara anggota OIC
- Menggesa untuk membangunkan kilang pembuatan ubat tempatan dan mempertingkatkan pengeluaran ubat secara besar-besaran
- Membantu menjalinkan usaha sama yang kukuh antara syarikat multinasional (MNC) dan pengeluar tempatan bagi membina kapasiti lalu membangunkan pertumbuhan yang mantap dalam sektor ini untuk Malaysia

Sebuah makmal mini yang ditaja bersama oleh KKM, MOPI dan PhAMA telah diadakan pada bulan Jun 2013 untuk mengkaji semula matlamat dan skop EPP 3. Makmal yang berlangsung selama tiga hari dan dihadiri oleh 120 peserta dari industri farmaseutikal dan agensi Kerajaan berkaitan berakhir dengan keputusan untuk memperluas skop EPP ini untuk merangkumi kategori produk farmaseutikal yang lain seperti ubat yang dijual menerusi kaunter (OTC), suplemen, biosimilars dan vaksin.

Pencapaian dan Cabaran

Pada 28 Jun 2013, KKM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan IMS Health Malaysia. Memorandum ini membolehkan KKM berkongsi pangkalan data farmaseutikalnya untuk kegunaan sektor awam dan pada masa yang sama, KKM pula boleh memperoleh data farmaseutikal daripada sektor swasta. Langkah ini telah memberikan akses kepada KKM untuk memperoleh data yang begitu komprehensif tentang pasaran farmaseutikal dalam negara.

Sementara itu, satu kertas kajian berkenaan isu paten farmaseutikal telah dibentangkan di Kabinet pada 1 November 2013 yang menyarankan agar beberapa pindaan dibuat kepada Akta Paten melibatkan industri farmaseutikal. Saranan ini dibuat berdasarkan hasil kajian oleh *International Centre of Law and Legal Studies* (I-CeLLs) berkaitan rejim dan undang-undang paten di Malaysia. Kerajaan telah bersetuju untuk mengkaji saranan yang dibentangkan dan menyasarkan bulan Ogos 2014 untuk pindaan dibuat kepada Akta Paten tersebut.

Pada tahun ini, beberapa syarikat multinasional (MNC) telah memperlihatkan minat untuk membuat produk mereka sama ada melalui kilang sendiri atau melalui rakan kongsi tempatan bertempat di Malaysia. Namun begitu, industri tempatan juga menampakkan respons yang positif terhadap perkembangan dalam industri dan kini, lebih banyak syarikat baharu yang telah menceburi bidang pembuatan farmaseutikal. Syarikat sedia ada pula sudah mula melabur untuk mengembangkan keupayaan dan kapasiti pembuatan mereka.

Setakat ini, sebanyak 12 projek sudah diiktiraf sebagai status EPP. Projek-projek tersebut termasuklah projek yang diumumkan oleh Hovid Bhd, Biocon Ltd, CCM, Kotra Pharma, A.J. Biologics, Impian Eksekutif Sdn Bhd, RB Lifesciences Sdn Bhd, Serview, Ranbaxy, AFT Pharma dan BioCare.

Sementara itu, syarikat-syarikat yang turut serta dalam EPP 3 pada tahun 2013 sudah melaporkan pertumbuhan positif.

Hovid menyaksikan perniagaannya berkembang lebih 40 peratus dalam tempoh tiga tahun yang lepas, bersamaan dengan CAGR 12 peratus, sungguhpun berdepan dengan nilai dolar US yang lemah. Terkini, terdapat lebih 400 produk dalam portfolio milik Hovid yang dieksport ke lebih 50 negara, dan mereka mencatatkan hasil sebanyak lebih RM172 juta dengan potensi pasaran lebih 1 bilion pelanggan termasuklah rakyat Malaysia. Selain daripada meningkatkan produk asasnya, Hovid juga akan meneruskan usaha untuk memperluas pasaran eksport mereka.

Kini, Hovid berdepan dengan cabaran untuk memenuhi permintaan bagi produk generik yang semakin meningkat kerana paten bagi beberapa produk akan luput dalam tempoh lima tahun lagi. Namun begitu, Hovid akan memanfaatkan situasi ini dengan memperluaskan fasiliti pengeluaran produknya.

Hovid juga terpaksa menghadapi masalah kekurangan ahli farmasi yang berpengalaman dalam aspek pengeluaran produk, jurutera yang berkemahiran dalam mengendalikan mesin farmaseutikal dan pegawai jualan yang mahir dalam industri ini. Walau bagaimanapun, Hovid sudah pun melatih beribu-ribu pekerja dalam tempoh 30 tahun yang lepas dan menjalinkan kerjasama yang kukuh dengan beberapa institusi pengajian tinggi di Malaysia, terutamanya Universiti Sains Malaysia untuk melatih dan membangunkan golongan penyelidik produk farmaseutikal.



Kilang Kotra Pharma di Kawasan Perindustrian Cheng, Melaka

Sebuah lagi syarikat yang turut serta dalam EPP ini, iaitu Biocon, telah mencatatkan prestasi yang baik pada tahun 2013. Pembinaan fasiliti pembuatan produk biofarmaseutikal miliknya berjalan mengikut perancangan, dan Biocon telah mengambil lebih 100 orang pekerja yang kini sedang dilatih dalam bidang pembuatan biofarmaseutikal.

Antara cabaran yang dihadapi oleh Biocon termasuklah meningkatkan kesedaran tentang pembuatan produk biofarmaseutikal yang sedang diusahakannya dan menarik bakat berkemahiran tinggi ke lokasi operasinya di Nusajaya, Johor. Masalah kekurangan bakat yang dihadapi Biocon pula semakin rumit kerana kos hidup yang tinggi di Nusajaya.

Pada bulan Ogos, tapak seluas enam hektar telah diperuntukkan kepada Ranbaxy Malaysia untuk penubuhan fasiliti pengeluaran miliknya, Greenfield, yang bernilai US$35 juta (RM114 juta). Fasiliti baharu ini akan membuat produk dalam bentuk pelbagai dos, termasuklah tablet dan kapsul terutamanya untuk segmen kardiovaskular, antidiabetik, antiinfektif dan gastrointestin. Fasiliti ini adalah yang kedua milik Ranbaxy di Malaysia selepas penubuhan kilang yang pertama di Sungai Petani yang diluluskan pada tahun 1987.

Perancangan yang dibuat oleh RB Lifescience Sdn Bhd (RBL) untuk membuat ubat untuk penyakit berkaitan respiratori dan onkologi telah diluluskan sebagai projek EPP 3 pada 5 Mac 2013. Projek ini akan memfokus kepada pembuatan produk generik bagi alat sedut dan ubat onkologi, dan dua buah fasiliti secara berasingan akan dikhaskan untuk pembuatan produk tersebut. Pada bulan Julai, RBL menandatangani perjanjian perkongsian teknologi dan pengedaran produk ke atas ubat generik onkologi bersama-sama sebuah syarikat India, Emcure Pharmaceuticals Ltd. Perjanjian tersebut memberikan hak kepada RBL untuk menjual dan mengeksport ubat yang dikeluarkan dari kilangnya ke negara ASEAN.

Projek pertama yang diusahakan oleh Kotra Pharma (M) Sdn Bhd di bawah EPP 3 telah diumumkan pada 1 Ogos 2013 bertujuan untuk membuat produk bagi suntikan steril. Semenjak tarikh tersebut, Kotra Pharma telah berjaya menghasilkan sebanyak 50,000 vial suntikan bagi salah satu produknya, iaitu *Vaxcel Cefobactam 1g Injectable* untuk dibekalkan kepada Kerajaan melalui Perjanjian *Off-Take* (OTA) yang dimeterai dengan KKM. Setakat ini, Kotra telah memperoleh bahan mentah yang mencukupi untuk membuat sebanyak 60,000 vial suntikan.

Pada tahun ini, EPP 3 menyaksikan minat yang tinggi dalam kalangan pengusaha swasta dalam bidang perubatan respiratori. Seramai empat pengusaha projek sudah pun membentangkan pelan mereka untuk membuat produk respiratori seperti alat sedut dengan dos bermeter dan penyedut berserbuk kering. Keempat-empat projek ini telah diumumkan oleh Menteri Kesihatan Dato' Seri Dr. S. Subramaniam ketika melaporkan pencapaian terkini untuk NKEA Penjagaan Kesihatan pada 12 Disember 2013. Projek tersebut serta pemilik mereka adalah seperti yang tersebut di bawah:

- Biocare, sebuah syarikat tempatan yang merancang untuk membina sebuah kilang pembuatan alat sedut dengan dos bermeter menggunakan teknologi syarikat terkemuka 3M dari Amerika Syarikat
- Sebuah usaha sama antara Chemical Company of Malaysia Bhd (CCM) dan Cipla dari India untuk menubuhkan sebuah fasiliti baharu bagi mengilangkan produk respiratori
- Impian Eksekutif Sdn Bhd yang akan menubuhkan sebuah kilang di Perak untuk mengeluarkan segala jenis produk respiratori seperti Alat Sedut Dos Bermeter (*Metered Dose Inhalers and Nasal Sprays*, MDI) dan semburan hidung bagi pasaran domestik dan juga luar negara. Syarikat Neutec dari Turki ialah rakan kongsi teknologi bagi Impian Eksekutif dalam usaha ini
- Kotra Pharma akan membuat pelaburan untuk mengeluarkan MDI di kilangnya yang sedia ada di Cheng, Melaka

Selain itu, sejumlah tiga projek lagi telah diumumkan pada 12 Disember 2013 bertujuan untuk membuat produk farmaseutikal daripada kategori yang berbeza, iaitu:

- Servier Malaysia, melalui rakan kongsi kontraknya, Kotra Pharma — untuk mengilangkan produk Servier yang berpaten, iaitu *Diamicron MR 60mg* dan *Vastarel MR 35mg* untuk dibekalkan di Malaysia dan pasaran serantau
- AFT Pharmaceuticals SEA – bagi mengeluarkan ubat orphan (bagi penyakit yang jarang ditemui) menerusi rakan kongsinya, Hovid
- AJ Biologics – untuk menubuhkan sebuah kilang pemformulasian vaksin yang dilengkapi dengan keupayaan *fill and finish* untuk membuat pelbagai jenis vaksin untuk pasaran tempatan, serantau dan global

Di samping menggalakkan pelaburan baharu dalam industri farmaseutikal, EPP ini juga berhasrat untuk terus berperanan sebagai pemudah cara untuk menjalinkan perkongsian antara MNC dan syarikat farmaseutikal tempatan bagi mencapai matlamat di bawah EPP 3.

Langkah Seterusnya

Hovid berhasrat untuk memulakan pembinaan sebuah kilang baharu pada awal tahun 2014 bagi mengembangkan kapasiti pengeluaran tablet dan kapsul. Langkah ini membolehkan Hovid menyasarkan pembangunan dan pengeluaran ubat *Off-Patent* baharu untuk dibekalkan kepada KKM dan pasaran eksportnya. Bagi mempertingkatkan kualiti produk Hovid, kilang baharu ini akan direka khas agar memenuhi standard pengeluaran produk farmaseutikal, iaitu Amalan Pengilangan Baik (GMP) di Australia dan Eropah serta *United States Food and Drug Administration*.

Biocon dijangka akan memulakan operasi perdagangan dari fasiliti pembuatan produk biofarmaseutikalnya pada tahun 2014. Biocon juga akan memfokus kepada pembangunan satu ekosistem untuk menyokong operasi tersebut dan memupuk modal insan yang diperlukan melalui usaha perkongsian dengan golongan akademia.

Bagi RBL pula, sesudah mendapatkan rakan kongsi untuk kemahiran teknologi dan semua komponen projek seperti tanah dan tapak pembinaan kilang, RBL akan meneruskan usaha untuk memuktamadkan perjanjian OTA dengan KKM.

EPP 4 Mencergaskan Semula Pelancongan Kesihatan

Industri pelancongan kesihatan di Malaysia menunjukkan kadar pertumbuhan sebanyak 22 peratus setiap tahun dan memberikan sumbangan sejumlah US$100 juta kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2010. Industri ini mempunyai potensi untuk berkembang pada kadar yang lebih pesat kerana negara ASEAN didapati menyumbang sekurang-kurangnya US$3 bilion kepada jumlah hasil US$75 bilion yang dijana dalam pasaran pelancongan kesihatan global tahun itu.

Namun begitu, jiran serantau seperti Singapura dan Thailand telah menampakkan pertumbuhan yang lebih mantap dan dianggap sebagai peneraju dalam segmen ini. Bagi menangani keadaan ini, Malaysia perlu memperluas liputan pasaran pesakit ke industri ini. Langkah ini akan diusahakan dalam dua fasa:

- Fasa pertama: Menarik lebih ramai pesakit melalui usaha pemasaran yang ekstensif, kerjasama merentasi sempadan dan menambah baik pengalaman pesakit
- Fasa kedua: Membuat pembaikan kepada infrastruktur dan keupayaan pakar dalam pengkhususan terpilih agar penjagaan pesakit lebih menguntungkan

Berhubung dengan itu, Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) telah ditubuhkan bagi membantu membangunkan dan mempromosi industri pelancongan kesihatan negara. Majlis ini juga berperanan sebagai pusat sehenti yang membolehkan semua perkara berkaitan tentang sektor ini dirujuk ke sini.



Majlis perasmian bagi Ekspo MIHTE yang kedua

Pencapaian dan Cabaran

Setakat ini, bilangan hospital dan fasiliti kesihatan yang berdaftar dengan MHTC telah meningkat kepada 72 buah.

Dalam pada itu, MHTC telah melancarkan *"Concierge and Lounge MHTC"* yang pertama di balai ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 29 April 2013 untuk menyebarkan maklumat tentang perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta yang terdapat di Malaysia. Inisiatif ini juga berperanan sebagai platform untuk mempromosikan perkhidmatan hospital dan pakej perubatan kepada pelancong.

Selepas penubuhan tiga pejabat MHTC di Jakarta dan Dhaka pada 2012, MHTC berpendapat bahawa Hong Kong ialah tapak yang sesuai untuk meraih pasaran negara lain di rantau tersebut seperti China, Jepun, Korea, Mongolia dan Taiwan. Semua pejabat itu akan digunakan untuk mempertingkat profil Malaysia sebagai destinasi penjagaan kesihatan utama di Asia.

Seperti ekspo yang diadakan pada tahun lepas, tahun ini juga menyaksikan MHTC mengadakan Ekspo Antarabangsa Pelancong bagi Penjagaan Kesihatan Malaysia (MIHTE) untuk kali keduanya pada 20-22 Oktober 2013 di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid. Ekspo yang kedua ini meneruskan usaha untuk mempromosi perniagaan dalam industri ini sesama pihak berkepentingan utama dalam rantaian nilai pelancongan kesihatan tempatan dan antarabangsa. Ekspo ini merupakan platform yang unik yang menempatkan wakil fasiliti penjagaan kesihatan, agensi Kerajaan, syarikat insurans, institusi kewangan, industri kesihatan, hotel, agensi pelancongan dan wakil perancang "kampung persaraan" di bawah satu bumbung; yakni satu pentas yang ideal untuk berkongsi maklumat tentang pembangunan baharu dan meninjau potensi perniagaan dan perkongsian yang strategik.

Ekspo yang merangkumi pameran, persidangan dan program yang menyebarluaskan industri ini secara besar-besaran telah menggunakan pendekatan yang berbeza tahun ini. Persidangan yang dilangsungkan kali ini menggunakan pendekatan sesi kelompok berbilang bahasa, iaitu Bahasa Inggeris, Mandarin, Indonesia, Jepun dan Arab. Sebanyak 44 sesi telah diadakan ketika persidangan tersebut yang menampilkan penceramah dan moderator antarabangsa dari 12 negara, iaitu Australia, China, Hungary, Indonesia, Jepun, Arab Saudi, Malaysia, Belanda, Singapura, UAE, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Persidangan tersebut dihadiri oleh 1,300 perwakilan dari 40 buah negara.

Hospital yang terlibat dalam EPP ini adalah enam buah hospital KPJ (Pasir Gudang Specialist Hospital, KPJ Klang Specialist Hospital, Kuantan Specialist Hospital, Perlis Specialist Hospital, Sabah Medical Centre dan Bandar Dato Onn International Specialist Hospital), dua buah hospital Sime Darby Ramsay (Sime Darby Park City dan Sime Darby Ara Damansara) dan akhir sekali, hospital Amanjaya Specialist Centre mencatatkan pencapaian yang baik sepanjang tahun ini.



Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang

Antara pencapaian penting yang diraih di bawah EPP ini termasuklah:

- **Pasir Gudang Specialist Hospital (PGSH)**
  PGSH dilancarkan pada bulan April 2013 di Pasir Gudang, Johor. Hospital ini siap dengan bilik bedah yang canggih *(state-of-the-art)*, peralatan serba moden, teknologi terkini dan pasukan doktor pakar dan profesional kesihatan yang cukup hebat. PGSH bukan sahaja menawarkan kepakaran untuk pesakit di sekitar kawasan Pasir Gudang, malah pasaran Indonesia juga disasarkan, terutamanya pesakit dari Batam dan Tanjung Pinang

- **Klang Specialist Hospital**
  Hospital ini telah menunjukkan pertumbuhan yang baik pada tahun 2013. Sebagai satu usaha untuk mempromosi penjagaan kesihatan dari Malaysia, KPJ Klang meneruskan kegiatan menerobos pasaran di Myanmar menerusi kerjasama mereka dengan hospital tempatan di sana, iaitu *Pun Hlaing International Hospital Co Ltd* (Pun Hlaing) yang mempunyai pegangan saham yang sangat penting di Myanmar. KPJ Klang telah dilantik oleh Pun Hlaing untuk membekalkan pakar profesional kesihatan berkemahiran tinggi untuk pesakit mereka. Kepakaran ini melibatkan teknik pembedahan yang paling moden dan tidak invasif agar pesakit pulih dalam masa yang paling singkat dan rawatan jagaan yang diperoleh adalah yang terbaik

- **ParkCity Medical Centre (PMC)**
  PMC telah membuka tirai kepada orang awam pada 12 Disember 2013 dan berhasrat menjadi pusat kesihatan serantau yang cemerlang untuk wanita dan kanak-kanak serta warga emas. PMS dilengkapkan dengan teknologi perubatan yang paling moden untuk menjalankan prosedur seperti mamogram dengan tomosintesis serta imbasan CT berdos rendah dan selamat untuk kanak-kanak. PMC kini terkenal dengan reputasi mereka dalam bidang kelahiran dan pengurusan bayi pramatang setelah berjaya menguruskan kelahiran seorang bayi neonat (bayi berumur 28 hari atau kurang) dalam bulan Mac 2013, hanya tiga bulan selepas PMC memulakan perkhidmatan mereka

  PMC ialah hospital pertama yang dilancarkan oleh kumpulan *Ramsay Sime Darby Health Care* (RSDHC), iaitu sebuah usaha sama antara dua pembekal kesihatan yang terkenal — Sime Darby dan Ramsay Healthcare. Setakat ini, walaupun baru beroperasi selama 10 bulan, PMC sudah pun memberikan perkhidmatan mereka kepada lebih 1,800 pesakit ekspatriat/luar negara. Bilangan pesakit semakin bertambah kerana lokasi PMC dalam kalangan komuniti Mont Kiara, Desa ParkCity dan Hartamas adalah begitu strategik

- **Ara Damansara Medical Centre**
  Ara Damansara Medical Centre (dahulunya dikenali sebagai Sime Darby Medical Centre Ara Damansara) dan terletak di sepanjang Jalan Lapangan Terbang Subang, Selangor ialah hospital yang dilengkapi dengan 220 buah katil dan menawarkan pelbagai perkhidmatan perubatan yang komprehensif termasuklah jagaan kecemasan, pantauan pesakit 24-jam, intervensi, diagnostik, kuratif dan rehabilitasi. Ara Damansara Medical Centre juga dilengkapi dengan pusat kecemerlangan khusus untuk diagnosis dan rawatan jantung, otak, tulang belakang dan penyakit sendi

  Pada tahun 2013, perkhidmatan Ara Damansara Medical Centre diperluas untuk merangkumi kemudahan komprehensif bagi jagaan dan pengurusan pesakit strok melalui jalinan perkongsian dengan Persatuan Strok Kebangsaan Malaysia (NASAM), pengurusan dan rawatan untuk penyakit epilepsi melalui perkongsian swasta-awam dengan Hospital Kuala Lumpur (HKL), khususnya melibatkan pesakit kanak-kanak. Langkah ini perlu memandangkan kes epilepsi dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia semakin meningkat.
  Ara Damansara Medical Centre juga mengadakan aktiviti secara usaha sama dengan Royal Children's Hospital Melbourne untuk mendapatkan kepakaran bagi menilai staf perubatan yang mampu mengenal pasti pesakit yang sesuai untuk menjalani pembedahan epilepsi

Sungguhpun pencapaian yang diraih oleh EPP 4 sepanjang tahun 2013 dikira baik, EPP ini mendepani beberapa cabaran yang memerlukan langkah pengendalian yang tepat bagi memastikan bahawa sumbangan oleh EPP 4 lebih tinggi, sejajar dengan sasaran yang telah ditetapkan di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan menjelang tahun 2020. Pada masa ini, sektor swasta berdepan dengan persaingan yang sengit dalam usaha untuk mendapatkan sumber manusia yang diperlukan seperti doktor, klinisian, staf berkaitan dengan jagaan kesihatan dan jururawat bagi membolehkan operasi dalam sektor ini dapat dikembangkan. Di samping itu, semua projek baharu dan tambahan memerlukan pelaburan yang tinggi kerana aset dalam sektor ini melibatkan modal yang cukup tinggi dan intensif, kerana aliran tunai yang positif terutamanya pada tahun-tahun pertama operasi adalah perlahan.

Langkah Seterusnya

Kebanyakan pelawat yang datang mendapatkan rawatan di Malaysia adalah dari Indonesia. Oleh hal yang demikian, MHTC berhasrat untuk menarik pelawat dari negara lain, contohnya pelawat dari Timur Tengah. Usaha untuk meneroka pasaran pesakit baharu seperti Rusia, Ukraine, Kazakhstan, Maldives, Nepal, Bhutan dan Uzbekistan juga akan dipertingkatkan.

Bagi memenuhi keperluan pesakit yang semakin meningkat, terutamanya pesakit dari luar negara, dan bagi memastikan pertumbuhan dalam sektor ini kekal mampan, pihak hospital perlu menambah bilangan katil, wad dan pakar perubatan baharu. Malah, pihak hospital dan pusat perubatan juga sedang mempertimbangkan untuk memperluas portfolio mereka dengan menawarkan perkhidmatan klinikal khas, antara lain, perkhidmatan hemodialisis dan traumatologi ortopedik. Selain itu, langkah telah disusun untuk memasarkan sektor ini dengan lebih agresif dan menerobos ke dalam lapangan lain agar segmen pasaran yang lebih besar dapat diperoleh.

EPP 5 Mewujudkan Nexus Perkhidmatan Diagnostik

Kekurangan pakar radiologi dan pengagihan bebanan tugas dalam kalangan pakar radiologi merupakan satu cabaran besar bagi semua hospital, terutamanya hospital di bandar-bandar kecil. Nexus Perkhidmatan Diagnostik (DSN) diwujudkan untuk mengurangkan masa menunggu dengan menyelaras dan mengagihkan beban kerja menggunakan sistem teleradiologi yang menghubungkan kedua-dua sektor awam dan swasta. Matlamat utama adalah untuk mewujudkan skala dan skop dalam radiologi domestik dan kemudian memanfaatkan pengalaman tersebut ke peringkat antarabangsa.

Bagi melaksanakan projek tersebut, sebuah konsortium swasta, iaitu Diagnostic Services Nexus Sdn Bhd telah ditubuhkan. Konsortium ini adalah sebuah usaha sama yang menggabungkan rakan teknologi strategik, telekomunikasi, operasi serta General Electric Healthcare. Konsortium ini akan meneruskan usaha untuk menambah baik teknologi DSN, menghubungkan pakar radiologi di seluruh negara, membina kapasiti kemahiran agar lebih ramai bakat wujud dalam sektor ini dan memastikan sistem ini mampan.

Pencapaian dan Cabaran

DSN telah menjalankan sebuah kajian kes untuk menilai keberkesanan perkhidmatan dalaman *(insourcing)* yang ingin mereka laksanakan bagi laporan teleradiologi ke Malaysia. Kajian ini melibatkan analisis, kebolehlaksanaan dan saranan berkaitan pasaran di negara seperti Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat, United Kingdom, Indonesia dan Myanmar. Susulan daripada kajian tersebut, Singapura dan United Kingdom telah dikenal pasti sebagai pasaran yang boleh dimanfaatkan secara langsung oleh DSN, disebabkan keahlian negara-negara ini dalam Komanwel dan juga kerana negara-negara tersebut sudah terlebih dahulu melaksanakan perkhidmatan penyumberan luar negara.

Namun begitu, DSN berdepan dengan kekurangan pakar radiologi tempatan dan pakar sepenuh masa yang sanggup memanjangkan tempoh perkhidmatan mereka untuk berkhidmat dengan DSN. Selain itu, komitmen jangka masa panjang daripada klien DSN belum mencukupi untuk DSN membina ekonomi skala.

Langkah Seterusnya

Sebagai langkah seterusnya, DSN dan GE Healthcare akan bekerjasama dalam mengkaji potensi untuk memperluas perkhidmatan ini kepada pasaran baharu seperti pelajar dan pekerja asing serta pengamal perubatan umum.

Selain itu, sudah ada perancangan untuk membina sebuah platform teleradiologi terkawal milik Malaysia sebanding dengan standard kawal selia bertaraf antarabangsa dan dapat memenuhi keperluan teknologi dan perdagangan (cth: berkesan dari segi kos).

DSN juga akan mereka cipta sebuah sistem perniagaan yang dimodelkan untuk jangka masa panjang bertujuan untuk:

- Menambah baik keberkesanan dan produktiviti pakar radiologi secara signifikan (kos unit lebih rendah/laporan) bagi memastikan kos perkhidmatan mempunyai daya saing di peringkat antarabangsa
- Memampankan reputasi Malaysia sebagai penyedia perkhidmatan radiologi berkualiti tinggi dalam kalangan pakar radiologi tempatan dan antarabangsa (cth: melalui jurnal *peer review*, persidangan)
- Meramaikan bilangan pakar radiologi berkualiti tinggi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam kalangan bakat tempatan
- Menyediakan peluang bagi universiti/pusat pengajian perubatan untuk melatih pakar radiologi secara lebih efisien
- Bersaing dengan penyedia perkhidmatan yang terkemuka dalam pasaran yang menguntungkan
- Mewujudkan pekerjaan baharu untuk pakar radiologi, rekonstruksi 3D, radiografi dan staf sokongan

EPP 6 Membangunkan Metropolis Kesihatan: Sebuah Kampus Penjagaan Kesihatan dan Biosains Bertaraf Dunia



Pandangan perspektif UMHM #2 di sepanjang Jalan Universiti

UM Holdings Sdn Bhd (UMH), syarikat milik penuh Universiti Malaya, telah diberi tugas untuk membangunkan dan menjadikan Metropolis Kesihatan Universiti Malaya (UMHM) sebagai hab perubatan utama di Malaysia.

Metropolis ini akan menggabungkan usaha pembaharuan bandar bersama kepakaran Pusat Pakar UM dan Fakulti Perubatan di Pusat Perubatan UM untuk menjadi kelompok terbesar di Malaysia yang menawarkan pendidikan perubatan, penjagaan kesihatan, penyelidikan perubatan dan biosains yang berkualiti.

UMHM bakal menempatkan sebuah hospital yang dilengkapi dengan 320 buah katil, sebuah hotel penjagaan kesihatan dengan 338 buah bilik, pusat penyelidikan perubatan, kemudahan konvensyen dan pameran, serta kemudahan-kemudahan sokongan seperti kemudahan peruncitan. Metropolis ini dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang tahun 2017 dan akan memenuhi keperluan tempatan dan serantau.

Pencapaian dan Cabaran

Pembinaan UMHM terus berdepan dengan masalah tahun ini mengakibatkan projek ini tertangguh. Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ) tidak dapat mengeluarkan Perintah Pembangunan untuk projek ini kerana bidang tanah yang dimaksudkan untuk projek ini sudah diwartakan sebagai "tanah kediaman/terhad bagi tujuan komersial". Oleh hal yang demikian, perbicaraan awam perlu diadakan terlebih dahulu sebelum pelan tempatan bandar Petaling Jaya boleh dipinda bagi meluluskan pembangunan UMHM.

Sepanjang tahun ini, UM Holdings telah beberapa kali mengadakan sesi perbincangan dan taklimat bersama MBPJ berkaitan pelan projek yang terperinci serta pelan untuk memastikan trafik di kawasan pembangunan dapat dikawal. Akhirnya, dengan bantuan Pejabat Menteri Besar, sebuah perbicaraan awam telah diadakan pada 7 September di ibu pejabat MBPJ.

Penduduk yang terkesan, iaitu mereka yang menetap di Seksyen 11 dan 12 Petaling Jaya membantah keras projek metropolis ini kerana khuatir akan kesesakan trafik yang akan tercetus. MBPJ kemudiannya mencadangkan agar UM Holdings meminta pendapat daripada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) untuk tindakan selanjutnya.

Mesyuarat MTES yang diadakan pada 26 September dan dipengerusikan oleh Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim telah menyuarakan sokongan terhadap pembangunan metropolis ini atas sebab faedah sosial yang akan diperoleh daripada projek tersebut. Namun begitu, mesyuarat MTES juga memutuskan bahawa sebuah Penilaian Impak Sosial perlu dijalankan dan Laluan Bulatan MRT bagi masyarakat setempat metropolis ini perlu disahkan oleh Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu.

Pada 23 Oktober 2013, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat telah mengeluarkan surat kepada UM Holdings Sdn Bhd yang mengesahkan lokasi Laluan Bulatan MRT serta dua buah stesen MRT yang dicadangkan berhampiran dengan kawasan pembangunan UMHM.

Rentetan itu, satu Penilaian Impak Sosial telah dijalankan dan dapatan penilaian tersebut diserahkan kepada MBPJ dan juga Kerajaan Negeri Selangor pada 6 November 2013. Tindakan lanjut sedang diusahakan oleh UM Holdings Sdn Bhd untuk mendapatkan Kelulusan Perancangan untuk pembinaan UMHM.

Langkah Seterusnya

Keputusan muktamad ke atas pembinaan UMHM terletak dalam tangan MTES dan MBPJ.

EPP PERANTI PERUBATAN (EPP 7-14)



Bengkel untuk Industri Peranti Perubatan diadakan oleh SME Corp pada Oktober 2013

Pada 1 Julai 2013, Sistem Aplikasi Dalam Talian Berpusat Peranti Perubatan (MeDC@St) telah dilancarkan oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) bagi menyokong pelaksanaan aktiviti pendaftaran dan pelesenan. Sistem ini diwujudkan sejajar dengan Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) yang diwartakan pada 2012 dan mula berkuatkuasa pada 30 Jun 2013.

MeDC@St telah dibahagikan kepada tiga modul:

- Mengemukakan Permohonan Pelesenan
- Pendaftaran Peranti Perubatan (Kelas A, B, C dan D)
- Pendaftaran dengan Lembaga Penilaian Kesesuaian (CAB) bagi membolehkan aktiviti eksport dijalankan

MeDC@St akan membolehkan pelulusan yang lebih cepat dan berkesan untuk permohonan pelesenan dan sebarang aktiviti yang memerlukan pengawalseliaan ke atas peranti perubatan.

EPP di bawah sektor peranti perubatan telah berkembang pesat dan berjaya menarik banyak minat daripada syarikat multinasional dan syarikat pembuatan tempatan. Beberapa EPP telah diperhalus agar lebih menepati keperluan industri. Sebagai contoh, EPP 12 telah diubah suai daripada projek untuk mewujudkan hab membaik pulih peralatan perubatan kepada projek untuk membina hab pembuatan peranti perubatan bernilai tinggi. Selain itu, satu EPP baharu (EPP 14: Produk Rawatan Buah Pinggang) telah diperkenalkan bagi memenuhi keperluan untuk perkhidmatan dan produk rawatan buah pinggang yang semakin meningkat di Malaysia.

Satu daripada isu utama yang didepani oleh pengusaha peranti perubatan tempatan ialah akses kepada pasaran tempatan. Kecenderungan untuk memilih produk import serta ramai yang tidak menyedari ketersediaan produk tempatan yang berkualiti perlu ditangani. Pengusaha tempatan perlu membuktikan bahawa produk mereka menepati kualiti dan standard keselamatan, dan usaha perlu digiatkan untuk mempromosi peranti perubatan buatan tempatan yang berkualiti. Menyedari hal ini, SME Corp telah memulakan satu inisiatif untuk membantu membangunkan keupayaan PKS tempatan yang berkecimpung dalam pembuatan peranti perubatan dan menarik pelibatan industri dalam program promosi yang diadakan.

Dalam pada itu, dengan mengambil kira peranan KKM sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan yang terbesar dalam negara, KKM telah bersetuju untuk menjalinkan satu program bersama pengusaha tempatan yang terlibat dalam ETP melalui satu perjanjian *Off-take* (OTA). Mekanisme bagi program ini sedang dibuat oleh pihak Kementerian. Selain itu, dasar sedia ada yang mengutamakan produk peranti perubatan tempatan dalam proses pemerolehan oleh Kerajaan mesti dikuatkuasakan dengan ketat agar pengusaha tempatan dapat menggunakan dasar pemerolehan ini sebagai platform untuk berkembang sebelum mereka mula mengeksport ke luar negara.

Peranti perubatan buatan Malaysia masih dianggap kurang berkualiti dalam beberapa pasaran asing walaupun perkara ini tidaklah benar. Oleh hal yang demikian, sokongan Kerajaan, lebih-lebih lagi KKM, sama ada dalam bentuk perjanjian OTA atau dengan melaksanakan penguatkuasaan ke atas dasar pemerolehan produk buatan tempatan dengan ketat seperti yang disebut di atas adalah penting untuk membuktikan bahawa kualiti produk atau peranti perubatan tempatan setanding dengan produk berstandard antarabangsa, maka sebab itulah produk itu diguna pakai di Malaysia. Lagipun, dalam kebanyakan kes, pihak kawal selia di negara luar telah meletakkan peraturan bahawa pembekalan produk kepada Kerajaan negara asal sesuatu produk adalah prasyarat sebelum produk tersebut boleh didaftarkan di pasaran luar negara.

EPP 7 Mempertingkatkan Industri IVD di Malaysia

EPP ini diterajui oleh Medical Innovation Ventures Sdn Bhd (Mediven), sebuah syarikat diagnostik perubatan yang akan mempertingkatkan industri *In-Vitro Diagnostic* (IVD) Malaysia melalui projek IVD.

Dengan jumlah pelaburan sebanyak RM8.92 juta, projek IVD oleh Mediven ini akan ditumpukan ke arah mengkomersialkan teknologi tempatan untuk memerangi penyakit berjangkit tropika, seterusnya meningkatkan profil Malaysia secara global bermula dengan negara-negara membangun.

Pada tahun 2013, Mediven memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Apex Pharmaceuticals untuk menjalinkan kerjasama dalam bidang diagnostik molekul. Mediven juga menandatangani MoU dengan National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) untuk membentuk kerjasama R&D dalam bidang biologi molekul dengan penekanan ke atas diagnostik penyakit berjangkit.

Sebagai peneraju EPP ini, Mediven perlu memastikan agar penilaian oleh pihak KKM siap mengikut masa dan loji rintis untuk projek IVD ini dimuktamadkan.

Pelan Mediven untuk masa hadapan termasuklah menjalinkan kerjasama dengan organisasi bioteknologi dan analitikal antarabangsa, terutamanya dalam bidang diagnostik molekul. Mediven juga bercadang untuk mengembangkan aktiviti pembangunan dan aliran produk; dan menjalankan ujian rintis di tapak pengguna yang terpilih untuk menguji dan membina nama baik mereka. Selaras dengan relevansi IUD di negara membangun, Mediven akan memeterai MoU untuk membangunkan kit uji cepat *(rapid-test)* bagi IUD untuk negeri-negeri Afrika.



Kit Uji Diagnostik daripada Mediven

EPP 8 Mempamerkan Kebolehan Malaysia dalam Penghasilan Produk Teras Peranti Perubatan Pakai Buang (SUD)

Pada bulan November 2012, Perdana Menteri mengumumkan Vigilenz Medical Devices Sdn Bhd sebagai salah satu daripada pengilang peranti perubatan tempatan pertama yang akan membantu melonjakkan Malaysia sebagai pembekal pilihan bagi pembuatan SUD berkualiti tinggi secara kontrak.

Vigilenz akan melabur sejumlah RM25.8 juta di bawah Projek EXDEV bagi menjalankan R&D untuk mengembangkan rangkaian produk semasa, termasuklah melengkapkan seluruh rangkaian sutur (termasuk kardiovaskular & oftalmik) dan meningkatkan kepelbagaian sutur Hernia dengan bahan komposit/*bioresorbable*. Di samping itu, Vigilenz merancang untuk memperkenalkan produk intervensi kardiovaskular dan membangunkan bahan baharu untuk pengurusan luka dan bahan bio untuk pembinaan semula tisu. Projek itu disasarkan akan mengeksport 65 peratus daripada produknya ke luar negara menjelang tahun 2017.

Pada tahun lepas, Vigilenz membelanjakan sebanyak RM300,000 untuk tujuan peningkatan infrastruktur di kilangnya yang sedia ada. Vigilenz telah melabur sejumlah RM2.4 juta untuk mendapatkan kawasan seluas 70,000 kaki persegi di Taman Sains Pulau Pinang bagi kilangnya yang baharu. Kilang tersebut akan mula dibina menjelang bulan Julai 2014 dan dijangka siap pada Suku Pertama Tahun 2015.

Kilang Vigilenz baharu ini direka bentuk secara canggih *(state-of-the-art)* dan akan dibangunkan menggunakan teknologi hijau. Selain itu, Vigilenz telah memulakan usaha R&D bagi produk pencucian luka dengan melaburkan sebanyak RM860,000 untuk modal insan, mesin, bahan dan akreditasi yang diperlukan untuk usaha tersebut. Di samping itu, mereka juga sedang mengambil inisiatif untuk membangunkan gel pencuci luka dan dresing kritikal yang bertaraf tinggi (menggunakan teknologi sel induk atau *stem cell*).



Peranti Perubatan Pakai Buang CVC daripada Karl Mueller



Produk Pencuci Luka dan Larutan Pembasuh Luka Hydrocyn™ daripada Vigilenz

Bagi membantu sebuah lagi syarikat EPP, iaitu Karl Mueller Scientific Sdn Bhd (KMS) untuk memulakan pengeluaran produk SUD, Vigilenz telah mereka bentuk produk baharu untuk mereka. Selain itu, Vigilenz juga sedang bekerjasama dengan sebuah syarikat EPP lagi, iaitu MDC untuk menggunakan beg larutan untuk membungkus produk pencuci luka bagi pasaran antarabangsa.

Seterusnya, inisiatif lain di bawah EPP ini termasuklah rancangan oleh KMS untuk melabur sebanyak RM1.4 juta bagi mengeluarkan peranti dan aksesori perubatan jenis pakai buang. Barangan generik seperti ini mempunyai potensi untuk dioptimumkan sebagai satu nic dan boleh dihasilkan oleh sumber dan bakat tempatan dengan mudah. Projek ini dijangka dapat mewujudkan sehingga 146 peluang pekerjaan baharu menjelang tahun 2020 dengan unjuran GNI sebanyak RM7.4 juta.

KMS telah memindahkan bahagian pengeluaran produknya dari Taiwan, Pakistan dan India ke Malaysia. Bahagian pengeluaran mereka berada setempat, iaitu di Bukit Minyak, Pulau Pinang dan Sungai Petani, Kedah dan merangkumi pembekal dan kilang peralatan asli (OEM). Senarai produk yang dikeluarkan di sini termasuklah pensil elektro-bedah jenis pakai buang, pensil elektro-bedah jenis pakai semula, pad diatermi, aksesori bagi fiksasi kanula dan jarum spinal (tulang belakang) juga mungkin akan dikeluarkan.

Seperti EPP lain, KMS memerlukan sokongan lanjutan daripada KKM untuk menembusi pasaran. KMS sedang berganding bahu bersama Vigilenz dengan matlamat untuk mencontohi kejayaan yang telah diraih oleh Vigilenz yang telah memperoleh akreditasi dan menerobos pasaran eksport.

EPP 9 Menjadi Hab untuk Pembuatan Kontrak Peranti Perubatan Bernilai Tinggi

EPP ini bertujuan untuk mengembangkan keupayaan Malaysia dalam pembuatan peranti perubatan bernilai tinggi secara kontrak sambil membantu agar lebih ramai usahawan melibatkan diri dalam industri peranti perubatan di negara.

Sebelum EPP ini diumumkan pada tahun 2012, Medical Devices Corporation Sdn Bhd (MDC) sudah terlebih dahulu mengumumkan rancangan untuk menubuhkan sebuah hab pembuatan bagi peranti perubatan dan farmaseutikal secara kontrak. Setelah pengumuman sebagai EPP dibuat, MDC sudah memulakan aktiviti dan telah memperoleh sebuah tapak kilang di negeri Perak. Selain itu, MDC telah memulakan aktiviti R&D mereka dan kini sedang dalam proses untuk menubuhkan hab serantau untuk pembuatan peranti perubatan dan produk farmaseutikal secara kontrak. MDC akan melancarkan kajian berkaitan kestabilan untuk dialisis peritoneal dan akan menghantar permohonan untuk mendapatkan lesen pada Suku Ketiga Tahun 2014.

Sementara itu, Straits Orthopaedics (Mfg) Sdn Bhd, sebuah syarikat tempatan yang mempunyai kepakaran dalam pembuatan, pembersihan dan pembungkusan peralatan dan aksesori ortopedik, mengumumkan hasrat mereka untuk menawarkan produk implan spinal dan penggantian sendi dalam senarai produk mereka. Produk baharu ini memerlukan kemahiran penempaan, penuangan dan kemasan permukaan *Titanium Type 2* dalam erti gred perubatan.



Produk beg daripada MDC



Bangunan ABio Orthopaedics



Produk impian yang dihasilkan oleh Straits Orthopaedics

Syarikat terbabit mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan pada tahun 2013 apabila portfolio produknya berjaya dikembangkan kepada pelanggan sedia dan yang baharu dari Amerika Syarikat, Jepun dan China sehingga jualan terealisasi dianggarkan berjumlah US$10 juta setiap tahun. Straits Orthopaedics juga sedang memikirkan kemungkinan menambah produk *Arthrosplasty* kepada rangkaian produk mereka yang sedia ada khusus bagi trauma dan tulang belakang.

Gabungan pemesinan, penempaan, penuangan dan semua keupayaan kemasan permukaan Straits Orthopaedics akan menjadikan Malaysia sebuah hab terpusat yang menawarkan rangkaian komprehensif untuk peranti ortopedik bagi memenuhi keperluan syarikat ortopedik multinasional dalam sektor ini. Menjelang tahun 2020, Straits Orthopaedics merancang untuk melabur sejumlah RM76.38 juta dalam bidang ini.

ABio Orthopaedics akan melabur sebanyak RM224.5 juta untuk mengembangkan fasiliti pembuatan peranti ortopedik secara kontrak di Pulau Pinang. Dengan keupayaan Abio menawarkan perkhidmatan pembuatan ini pada harga yang kompetitif di peringkat antarabangsa, Malaysia sudah bersedia untuk bertapak sebagai lokasi penyumberan luar OEM ortopedik untuk pasaran lain, seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan China. Fasiliti yang akan dibina dalam empat fasa ini dijangka siap menjelang tahun 2015 dan diunjurkan akan membuka sebanyak 1,102 pekerjaan baharu dengan PNK RM161.1 juta menjelang tahun 2020.

Selaras dengan penggabungan usaha untuk membawa aktiviti pembuatan produk ortopedik ke Malaysia, lebih banyak syarikat dan jalinan usaha sama akan ditarik ke sini untuk membantu merealisasikan wawasan untuk menjadikan Malaysia sebuah hab ortopedik.

EPP 10 Mewujudkan Peneraju Peranti Klinikal Malaysia



Peralatan klinikal daripada Sima Med

Sima Medical, pemain industri yang baharu, akan membangunkan peranti ortopedik klinikal di Malaysia menerusi sayap penyelidikan dan pembangunannya di Petaling Jaya, Selangor. Sima Medical ialah syarikat usaha sama antara Naton Medical Group of China (Naton) dan rakan kongsinya di Malaysia, iaitu OSA Niaga Sdn Bhd (OSA) dan Portal Capacity Sdn Bhd. Aktiviti yang diperkenalkan oleh Sima Medical di Malaysia dijangka akan menarik pelaburan sebanyak RM7.7 juta dengan unjuran PNK sejumlah RM131.81 juta menjelang tahun 2020.

EPP 11 Penyelarasan Rantaian Bekalan Peralatan Perubatan



Rangkaian produk oleh UWC

Kedua-dua kilang pembuatan peralatan perubatan milik UWC Holdings di Bukit Minyak, Pulau Pinang kini bertanggungjawab membuat peralatan perubatan, termasuklah katil hospital, troli, pengusung, pemegun dan pelembab *prefilled*. UWC juga kini merancang untuk membeli sebuah tanah baharu berkeluasan 16 ekar di Batu Kawan, Pulau Pinang dan dijangka akan memulakan pembinaan pada Suku Kedua Tahun 2014.

Kilang ini adalah yang keempat milik UWC dan perancangannya adalah untuk menjadikan kilang ini sebagai tapak pemasangan bagi produk peranti perubatan dan farmaseutikal. Menjelang tahun 2020, UWC dijangka akan melabur sebanyak RM40.14 juta dalam projek ini.

EPP 12 Hab Pembuatan Peranti Perubatan Bernilai Tinggi

Skop EPP ini telah diperluas untuk meneroka peluang pembuatan peranti perubatan bernilai tinggi seperti mesin *ultrasound*, pengimbas CT, peralatan MRI dan peranti lain yang kompleks. Sektor swasta telah memperlihatkan minat yang tinggi untuk turut serta dalam EPP ini, terutamanya syarikat multinasional.

EPP 13 Membangunkan Kluster Perkakasan dan Perabot Perubatan



Katil buatan LKL di beberapa hospital

LKL Advance Metaltech Sdn Bhd, sebuah pengeluar perabot perubatan yang membuat katil hospital, troli mengangkut pesakit, meja rawatan bersalin, troli rawatan perubatan, peralatan sokongan periferal dan memasang siap produk keluli atau kayu, baru-baru ini telah siap membina bangunan industri yang baharu selaras dengan pelan perancangannya.

Pada tahun lepas, LKL berjaya mencapai kebanyakan daripada matlamat dan objektifnya termasuklah memperoleh projek dan jumlah pesanan yang tinggi bagi bekalan perabot mereka untuk hospital dan fasiliti perubatan di Malaysia dan juga di Vietnam, Sri Lanka dan Timur Tengah. LKL juga telah berjaya meraih respons yang positif dari negara Afrika dan Eropah yang tidak berjaya ditembusi sebelum ini serta dari negara jiran di Asia termasuklah Singapura.

Namun, LKL berdepan dengan persaingan untuk memasarkan rangkaian produknya, lebih-lebih lagi dari negara yang mampu mengeluarkan produk yang sama tetapi pada harga yang jauh lebih rendah. Walau bagaimanapun, pengguna dan pelanggan produk LKL begitu berpuas hati dengan kualiti, harga dan ketahanan produk LKL, dan hal ini dibuktikan dengan kekerapan pesanan daripada pelanggan yang sama seperti yang disaksikan sendiri oleh LKL.

Sebagai langkah seterusnya, LKL akan berusaha untuk menembusi pasaran di negara lain, terutamanya pasaran yang sedang bercambah dan memerlukan lebih banyak hospital. LKL kini sedang menimbangkan kemungkinan untuk menembusi pasaran jagaan di rumah yang berpotensi besar di Malaysia dan negara serantau yang lain.

EPP 14 Produk Rawatan Buah Pinggang

Penyakit Renal Peringkat Akhir (ESRD) merupakan suatu masalah kesihatan umum yang semakin merebak di serata dunia, termasuklah di Malaysia. Setakat 31 Disember 2012, bilangan pesakit ESRD yang dirawat adalah seramai 30,484 orang. Semenjak tahun 1993, bilangan pesakit telah merebak pada kadar purata 15.1 peratus setiap tahun dan jumlah ini dijangka akan meningkat sebanyak dua kali ganda menjelang tahun 2020.

Masalahnya, kos rawatan bagi ESRD tetap mahal dan tidak bergantung pada kaedah yang digunakan, sama ada rawatan secara hemodialisis (HD), dialisis peritonial (PD) ataupun pemindahan buah pinggang. Secara purata, kos bagi HD atau PD adalah sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan. Walaupun tiada jumlah anggaran kos yang tepat bagi rawatan ESRD di Malaysia, perbelanjaan yang dikeluarkan untuk rawatan HD sahaja dianggarkan berjumlah RM1 bilion pada tahun 2012.

Oleh hal yang demikian, EPP 14 – Produk Rawatan Buah Pinggang ini merangkumi penawaran perkhidmatan serta pembuatan produk perubatan yang berkaitan dengan rawatan ESRD. Perkhidmatan yang dimaksudkan ini termasuklah kaedah rawatan inovatif seperti modaliti rawatan di rumah yang menggunakan sistem teleperubatan yang bersepadu. Produk yang akan dihasilkan pula termasuklah item seperti *cycler* HD automatik, mesin HD, larutan dialisis dan juga beg serta penapis bagi mesin HD.

Objektif EPP 14:

- Menjadikan Malaysia pusat serantau untuk perkhidmatan terapi berkaitan buah pinggang
- Mengurangkan kos rawatan dan menambah baik akses kepada rawatan buah pinggang di Malaysia menggunakan produk gantian import serta penawaran kaedah rawatan di rumah yang inovatif

Fresenius Medical Care, pembekal global bagi perkhidmatan rawatan buah pinggang dan pemain industri utama untuk produk HD dan PD, sedang menimbangkan kemungkinan untuk membina sebuah fasiliti pembuatan bendalir HD dan PD yang berkualiti di Bandar Enstek, Nilai. Projek ini dijangka akan menjana PNK sebanyak RM60.8 juta, membuka sejumlah 439 peluang kerja dan pelaburan sebanyak RM174.5 juta menjelang tahun 2020.

Lucenxia (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat tempatan pula merancang untuk menghasilkan INTELLIS; *cycler* berciri Intelligent Automated Peritoneal Dialysis (APD) yang direka untuk pesakit buah pinggang yang kronik. *Cycler* ini akan ditawarkan bersama dengan perkhidmatan pakej langganan dalam bentuk program rawatan di rumah. Program ini menggunakan modaliti rawatan di rumah jenis APD di mana pesakit dirawat ketika mereka sedang tidur. Lucenxia dijangka akan menjana PNK sebanyak RM197.5 juta, mewujudkan sebanyak 113 pekerjaan dan melaburkan sehingga RM494.4 juta menjelang tahun 2020.

Proligen Sdn Bhd dan Pahang Technology Resources Sdn Bhd akan melabur untuk membina sebuah fasiliti pengeluaran di Kuantan, Pahang bagi menghasilkan bahan penapis dialisis. Rancangan jangka panjang kedua-dua syarikat ini adalah untuk mengembangkan fasiliti mereka untuk menghasilkan pendialisis. Bersama-sama dengan rakan teknologi mereka, Suisse Med Technologies, fasiliti baharu ini akan dinamakan Pahang Medical Devices, dan dianggarkan akan menjana PNK sebanyak RM84.7 juta, mewujudkan sebanyak 174 peluang pekerjaan baharu dan pelaburan berjumlah RM130 juta menjelang tahun 2020.

Potensi yang dijanjikan oleh sektor ini adalah satu petanda baik untuk menarik syarikat-syarikat yang berminat ke Malaysia untuk menjadikan negara ini sebuah hab yang menghasilkan produk rawatan buah pinggang. Diharapkan lebih banyak syarikat akan tampil ke hadapan untuk mengambil bahagian dalam EPP 14 pada tahun 2014 bagi merealisasikan potensinya untuk menyumbang kepada industri penjagaan kesihatan.

Kesejahteraan Warga Emas (EPP 15 – 17)

Menjelang tahun 2020, sebanyak 10 peratus daripada penduduk Malaysia akan berusia lebih 60 tahun dan apabila tiba tahun 2030, 15 peratus penduduk akan berusia lebih 60 tahun. Hal ini menandakan bahawa Malaysia akan berubah menjadi negara dengan populasi yang menua. Peralihan demografi yang bakal berlaku pasti mencetuskan cabaran baharu bagi sektor penjagaan kesihatan termasuklah isu-isu seperti kapasiti dan akses, pembiayaan untuk penjagaan jangka panjang dan penyediaan perkhidmatan dan kemudahan yang mencukupi bagi warga emas.

NKEA Penjagaan Kesihatan telah mengenal pasti beberapa projek yang berpotensi untuk memperluas dan mentransformasikan industri ini menjadi industri yang penting dalam sektor penjagaan kesihatan.

Kertas cadangan daripada Makmal Kesejahteraan Warga Emas untuk sektor ini telah diajukan kepada Jemaah Menteri pada bulan Disember 2013. Salah satu cadangan yang dimuatkan termasuklah penggubalan Akta Penjagaan Kesihatan Warga Emas untuk dijadikan garis panduan bagi penawaran perkhidmatan dan kemudahan dalam industri penjagaan warga emas.

EPP 15 Perkhidmatan Kesihatan Bergerak

Love On Wheels Healthcare Services Sdn Bhd (LOWHS) ialah syarikat pertama yang dipilih sebagai pemilik projek bagi EPP ini iaitu untuk membekalkan perkhidmatan penjagaan kesihatan bergerak kepada warga emas yang berusia 60 tahun ke atas di Malaysia. Sebagai sebahagian daripada projek K.A.S.I.H. (Kasih Atas Sumbangan Ikhlas dan Hemat), warga emas dapat dibantu agar pulih di kediaman mereka sendiri dan kini mempunyai akses kepada perkhidmatan jagaan serta rehabilitasi. LOWHS dijangka akan memperluas perkhidmatannya ke seluruh negara pada tahun 2014.

Pencapaian dan Cabaran

LOWHS telah meraih pencapaian yang signifikan pada tahun 2013 apabila sebuah entiti dari United Kingdom menyatakan minat mereka untuk menjalin kerjasama dengan LOWHS dalam perkhidmatan rawatan pergigian bergerak. Kisah LOWHS juga diberikan sorotan dalam Laporan *BBC Asia Business* pada 15 Oktober 2013.

Selain itu, pada 17 September 2013, LOWHS telah dilantik oleh Pusat Pakar Universiti Malaya (USMC) untuk mengendalikan sebuah klinik rehabilitasi secara *in-house* dan bekerja bersama-sama dengan jabatan ortopedik dan neurologi di hospital tersebut. LOWHS telah memperkenalkan penjagaan peralihan di USMC bagi memastikan wujudnya koordinasi dan kesinambungan dalam penjagaan kesihatan untuk pesakit ketika pesakit berpindah lokasi dan beralih kepada tahap keperluan penjagaan yang berbeza.

LOWHS juga telah mengembangkan perkhidmatannya ke Bank Negara Malaysia (BNM), juga ke Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) sebagai rakan kongsi strategik untuk membangunkan sebuah *Smart Healthy Living City*, serta ke Maybank.

Disebabkan ramai yang tidak mengetahui tentang penjagaan kesihatan bergerak ini, LOWHS berdepan dengan cabaran daripada syarikat insurans dalam usaha untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan berkaitan penjagaan kesihatan di rumah. Secara amnya, industri ini memerlukan sokongan daripada Kerajaan untuk berperanan secara aktif bagi mewujudkan kepekaan dalam kalangan orang awam tentang industri kesihatan bergerak.

Sebagai contoh, Projek K.A.S.I.H. yang ingin memuatkan perkhidmatan penjagan kesihatan bergerak untuk pesara JPA masih tertangguh kerana kurang pemahaman tentang perkhidmatan ini, terutamanya penjagaan selepas rawatan di hospital. Cabaran selanjutnya dalam industri perkhidmatan kesihatan bergerak adalah kurangnya kawal selia dari segi standard penjagaan dan penguatkuasaan untuk mencegah pengendali yang tidak bertauliah.

Langkah Seterusnya

LOWHS bercadang untuk menjalankan perkhidmatan mereka di bandar utama Malaysia, khususnya di Johor Bahru dan Pulau Pinang dalam fasa pertama dan memperluas penawaran perkhidmatan mereka untuk merangkumi rawatan pergigian. LOWHS akan meneruskan usaha menyusun strategi yang agresif untuk merekrut pekerja dan meneruskan kerjasama dengan KKM untuk menyediakan perkhidmatan jagaan klinikal tidak akut *(non-acute)* kepada hospital kelolaan KKM dan melatih semula graduan kejururawatan yang boleh diambil bekerja. Usaha ini bukan sahaja dapat membantu mengatasi masalah kekurangan jururawat dan ahli fisioterapi kanan, malah dapat mendidik dan mewujudkan kesedaran dalam kalangan orang awam tentang ketersediaan dan manfaat perkhidmatan penjagaan kesihatan bergerak.

EPP 16 Institusi Penjagaan Orang-orang Tua

Menyedari bahawa populasi warga menua semakin meningkat di Malaysia, penyediaan perkhidmatan kesihatan untuk warga emas mestilah diperluaskan agar dapat mencakup setiap peringkat, daripada golongan yang hanya memerlukan jagaan minimum (jagaan secara bebas/dibantu) kepada golongan tua yang memerlukan penjagaan kekal.

Bagi memastikan bahawa kualiti dan standard penjagaan untuk warga emas kekal konsisten dan mencukupi merentasi setiap peringkat warga emas, satu undang-undang baharu, iaitu Akta Penjagaan Kesihatan Warga Emas telah dicadangkan untuk mentransformasikan rumah penjagaan dan rumah jagaan orang tua termasuklah menambah baik keperluan kemahiran bagi pengasuh. Langkah ini akan diusahakan melalui Pusat Penjagaan Kediaman Bersepadu (IRCC) dan standard baharu ini akan dikawal selia oleh pihak KKM yang akan menyediakan jagaan di pelbagai peringkat merentasi segmen usia yang berbeza dalam kalangan warga emas.

Pencapaian dan Cabaran

Golongan ahli perniagaan, iaitu syarikat tempatan dan juga luar negara, telah menampakkan minat untuk menubuhkan IRCC di Malaysia. Hal yang demikian ini adalah disebabkan mereka melihat potensi yang wujud dalam industri penjagaan keinstitusian warga tua selaras dengan perubahan demografi yang sedang berlaku dalam kalangan penduduk Malaysia.

Bagi memastikan bahawa kualiti dan standard jagaan keinstitusian warga emas setanding dengan amalan terbaik yang diterapkan oleh institusi di negara lain seperti di Australia, Jepun dan United Kingdom, KKM telah mempelawa keterlibatan semua pemegang berkepentingan yang sudah atau akan turut serta dalam penyediaan kemudahan dan perkhidmatan untuk warga emas. Perbincangan yang lahir nanti akan membentuk dasar bagi penggubalan draf Akta Penjagaan Kesihatan Warga Emas pada Disember 2013.

Langkah Seterusnya

Akta Penjagaan Kesihatan Warga Emas dijangka akan diluluskan oleh Parlimen pada penghujung tahun 2014.

EPP 17 Kampung Persaraan

EPP ini akan menyaksikan pembangunan komuniti bagi warga emas berlandaskan konsep yang disebut sebagai penuaan secara aktif, di kawasan yang dibina khas. Peluang dalam EPP ini termasuklah membangunkan kampung persaraan, kediaman berpadatan tinggi dan pusat percutian untuk warga pesara. Integrasi reka bentuk mesra umur dan perkhidmatan sokongan dalam kampung persaraan akan membolehkan warga emas menikmati hidup yang berkualiti walaupun berada di rumah mereka sendiri dengan bantuan paling minimum.

Pencapaian dan Cabaran

Sektor swasta telah menampakkan minat yang ketara terhadap penyediaan Kampung Persaraan ini dan beberapa syarikat sudah pun membuat permohonan rasmi untuk terlibat dalam EPP 17. Jawatankuasa Pemandu Penjagaan Kesihatan kini sedang menjalankan proses penilaian ke atas permohonan untuk EPP ini.

Langkah Seterusnya

Penyertaan sektor swasta yang dilihat begitu tinggi pada tahun ini meyakinkan Jawatankuasa Pemandu Penjagaan Kesihatan yang menjangkakan lebih banyak syarikat akan turut serta dalam EPP 17 pada tahun 2014.



Ringkasan NKEA Penjagaan Kesihatan

	Sasaran Tahun 2020
Impak PNK Tambahan	**RM35 bilion**
Pekerjaan Tambahan	**181,000**


Sasaran kritikal bagi tahun 2014

- Akta Penjagaan Kesihatan Warga Emas dijangka akan diluluskan oleh Parlimen menjelang akhir tahun 2014
- Insentif ke atas perjanjian *Off take* untuk peranti perubatan siap untuk dilaksanakan menjelang pertengahan tahun 2014
- Pembinaan kilang Hovid yang baharu pada Suku Pertama Tahun 2014
- Biocon memulakan operasi menjelang akhir tahun 2014
- Pembinaan kilang pembuatan baharu milik Vigilenz pada bulan Julai 2014
- Pembinaan kilang pembuatan baharu milik UWC di Batu Kawan pada Suku Kedua Tahun 2014
- *Love on Wheels* akan mula memberikan perkhidmatan ke seluruh negara menjelang akhir tahun 2014

Pemangkin Perubahan

PENJAGAAN KESIHATAN

pengalaman bersama perkhidmatan awam



Datuk Farida Mohd Ali
Ketua Setiusaha
Kementerian Kesihatan

Selaku Kementerian yang meneraju pelaksanaan NKEA Penjagaan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bekerjasama rapat dengan agensi-agensi berkaitan untuk menangani isu penyelarasan dan pelaksanaan. Kementerian juga sentiasa berdialog dengan pihak berkepentingan daripada sektor swasta untuk memahami keperluan mereka dengan lebih mendalam.

"Untuk melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah NKEA ini, sektor perkhidmatan awam membantu sektor swasta dengan menyediakan maklumat berkaitan dasar dan peraturan Kerajaan bagi memenuhi keperluan industri serta memastikan proses pendaftaran dan pelesenan berjalan lancar.

Usaha juga sedang digerakkan bagi mengkaji sama ada dasar sedia ada mampu menyokong inisiatif di bawah NKEA ini. Namun, pihak Kementerian perlu memastikan terlebih dahulu yang pelaksanaan usaha ini selaras dengan dasar Kerajaan yang sudah ada," ujar Datuk Farida Mohd Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan.

Melalui NKEA ini, Kementerian Kesihatan telah memainkan peranan penting dalam usaha untuk memperkukuh ekosistem penjagaan kesihatan Malaysia. Antara usaha tersebut termasuklah menyediakan golongan pekerja asing dengan insurans kesihatan pada tahun 2013 menerusi skim Insurans Kesihatan Perubatan Swasta untuk semua pekerja asing, kecuali pekerja ladang dan pembantu rumah. Semenjak dilancarkan pada tahun 2011, skim tersebut telah menyediakan akses insurans kepada lebih 1.6 juta pekerja asing di Malaysia.

Selain itu, pihak Kementerian juga telah mencapai kemajuan besar dalam usaha mempromosi penjagaan kesihatan Malaysia di persada antarabangsa, berdasarkan janaan hasil pelancongan kesihatan yang telah bertambah kepada RM683 juta pada tahun 2013 berbanding RM557 juta pada tahun 2012.

"Pelancongan penjagaan kesihatan telah menarik bukan sekadar pesakit dari Indonesia dan negara-negara jiran, malah kita telah menerima kunjungan ramai pesakit dari UK, Australia, Jepun dan China serta benua kecil India. Kejayaan ini adalah hasil aktiviti pemasaran dan promosi yang mantap oleh Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC). Pada tahun ini juga, Ketua Setiausaha Negara telah merasmikan pembukaan *"Concierge and Lounge MHTC"* di balai ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Langkah ini merupakan satu daripada banyak usaha yang telah kami lancarkan untuk memudahkan kemasukan pelancong perubatan ke dalam negara," jelas Datuk Farida.

Pembangunan penyelidikan klinikal di negara juga telah mencapai kemajuan pesat dan ini terserlah dengan penubuhan unit Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM) pada tahun 2011 di bawah Pusat Penyelidikan Klinikal, Kementerian Kesihatan. Unit tersebut bertujuan membangunkan satu ekosistem penyelidikan klinikal yang lebih mesra bagi membuka ruang untuk ujian klinikal yang lebih cekap dan bermutu. Hasilnya, sebanyak 195 ujian klinikal baharu telah didaftarkan pada tahun 2013, melepasi sasaran yang telah ditetapkan sebanyak 184 pada tahun yang sama.

Akan tetapi, menurut Datuk Farida, terdapat beberapa projek di bawah NKEA ini yang berdepan dengan cabaran teknikal. "Namun, tiada masalah yang tidak boleh diatasi. Berbekalkan ikhtiar dan komitmen serta kerjasama dan penyelarasan sesama agensi-agensi terbabit, semua masalah ini pasti dapat diatasi.

Sesuatu cadangan itu mungkin tampak bagus atas kertas cadangan tetapi pelaksanaannya memerlukan perancangan yang amat teliti," ungkap beliau. "Ini perlu bagi mengelakkan kerja menjadi tertangguh dan kesulitan lain yang boleh menjejaskan pencapaian projek secara keseluruhan," tambah beliau lagi.

Bila diajukan tentang pelaksanaan NKEA Penjagaan Kesihatan secara menyeluruh, beliau menyebut bahawa komitmen yang teguh dan berterusan daripada semua pihak yang terlibat amat perlu bagi memastikan kejayaan pada masa akan datang. Kementerian Kesihatan juga berharap agar ekonomi dunia akan bertambah kukuh kerana pertumbuhan dan pencapaian eksport daripada industri penjagaan kesihatan amat bergantung pada permintaan luar.

"KKM akan terus berperanan sebagai pemudah cara kepada pihak berpentingan agar pelaksanaan NKEA dapat dipertingkatkan. Kami juga akan pastikan agar semua yang terlibat tidak leka dengan sikap *business as usual* mereka," ujar Datuk Farida mengakhiri wawancara.





INISIATIF PEMBAHARUAN STRATEGIK



Meningkatkan Daya Saing Malaysia

Pada 5 Julai 2011, Kerajaan Malaysia mengumumkan enam Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI), komponen kedua terpenting dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) di samping 12 lagi NKEA, bagi meningkatkan daya saing Malaysia. ETP tersebut diilhamkan dengan dua teras utama untuk meningkatkan PNK, pekerjaan dan pelaburan melalui kesemua 12 NKEA serta mengukuhkan daya saing yang akan dicapai menerusi SRI.

Terdapat enam SRI iaitu Kewangan Awam; Peranan Kerajaan Dalam Perniagaan; Pembangunan Modal Insan; Penyampaian Perkhidmatan Awam; Persaingan, Standard dan Liberalisasi; Merapatkan Jurang Ketaksamaan (Untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana Bumiputera)

Keenam-enam SRI ini adalah berdasarkan 37 langkah-langkah yang disarankan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC) daripada 51 yang dicadangkan. Langkah-langkah yang lain kini diserapkan ke dalam NKEA dan juga Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA).

Kesemua SRI tersebut adalah hasil daripada rundingan yang berlangsung selama enam minggu di enam bengkel sepanjang tahun 2011 yang melibatkan 500 orang dari sektor awam dan swasta.

- PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI
- PEMBAHARUAN KEWANGAN AWAM
- PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM
- MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN
- PERANAN KERAJAAN DALAM PERNIAGAAN
- PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI









Dato' Sri Mustapa Mohamed
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Sebagai penggerak utama pertumbuhan negara pada masa hadapan, penting bagi sektor perkhidmatan untuk kekal berdaya saing dan berdaya tahan, terutamanya dalam ekonomi global yang serba mencabar.

Malaysia telah memulakan pakej kedua liberalisasi autonomi sektor perkhidmatan yang melibatkan 18 subsektor, dengan 15 daripada subsektor tersebut kini terbuka kepada lebih banyak penyertaan asing. Langkah-langkah liberalisasi ini dijangka mempertingkatkan pelaburan langsung asing dan menggalakkan persekitaran yang lebih kondusif dan berdaya saing bagi sektor perkhidmatan. Bagi melengkapkan inisiatif liberalisasi ini, usaha untuk memperkemas peraturan dan mengurangkan halangan birokrasi sedang dilaksanakan untuk terus membantu dan menggalakkan persekitaran yang mesra perniagaan. Antara langkah yang diambil termasuk pengurangan kos memulakan perniagaan dan penubuhan pusat sehenti untuk memudahkan pemprosesan dokumen dan pemudahan prosedur pentadbiran. Inisiatif-inisiatif ini telah menyumbang kepada penambahbaikan persekitaran perniagaan di negara kita hingga melonjakkan kedudukan Malaysia ke tangga ke-6 dalam Laporan Menjalankan Perniagaan Bank Dunia 2014 *(World Bank's "Doing Business Report 2014")*, iaitu peningkatan yang ketara berbanding dengan kedudukan pada tangga ke-8 pada tahun yang sebelumnya. Di samping itu, usaha jangkauan dan promosi juga turut dirancang untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan sasaran dalam sektor berintensifkan pengetahuan, dipacu teknologi dan inovatif dan pada masa yang sama meninjau peluang bagi penyedia perkhidmatan untuk meneroka pasaran yang berpotensi. Usaha-usaha ini akan memberikan sumbangan kepada program Transformasi Ekonomi Kerajaan selain meneruskan aktiviti dan program yang digariskan di bawah pelbagai inisiatif dalam pembangunan sektor perkhidmatan.



Datuk Dr. Ewon Ebin
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Standard memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan daya saing Malaysia di pasaran global.

Pematuhan terhadap standard akan membantu syarikat perniagaan di Malaysia untuk memenuhi keperluan pengawal seliaan antarabangsa dan meluaskan akses pasaran. Standard, seperti Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001, digubal berdasarkan prinsip pengurusan kualiti yang merangkumi fokus yang kukuh pada pelanggan, motivasi pihak pengurusan atasan serta penambahbaikan yang berterusan. Standard akan membolehkan PKS menjadi berdaya saing dan meneroka rantaian nilai global. Pada tahun 2013, penekanan kami tertumpu pada pembangunan standard dan usaha mengukuhkan tadbir urus serta penggunaan standard. Pada tahun 2014, kami akan memfokuskan usaha meningkatkan penggunaan standard dan mewujudkan permintaan domestik dan antarabangsa yang kukuh bagi produk dan perkhidmatan Malaysia yang mempunyai standard. Program Kebangsaan Bagi Pematuhan Standard (NSCP), di bawah pengurusan Standards Malaysia dengan kerjasama agensi yang berkaitan, akan menyediakan kepakaran teknikal mengenai pematuhan standard kepada syarikat-syarikat di Malaysia dan mewujudkan pusat sehenti yang menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk penjualan standard.



Dato' Sri Hasan Malek
Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Akta Persaingan 2010 yang dinanti-nantikan mula mendapat lebih banyak perhatian dan tarikan.

Akta ini dijangka menjadi pemangkin pembangunan ekonomi dan memacu Malaysia ke arah mencapai matlamatnya untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, dengan memberikan jaminan terhadap persekitaran perniagaan yang berdaya saing dan kondusif.

Penekanan akan terus ditumpukan pada usaha menggalakkan sokongan orang ramai dan industri bagi memastikan kesedaran dan kefahaman tentang Akta ini. Memahami dan mempunyai pengetahuan tentang matlamat Akta Persaingan adalah penting bagi ahli perniagaan dan industri sebagai persediaan untuk meraih sepenuhnya manfaat pasaran yang berdaya saing.

PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI

PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2013

SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Bilangan badan penilaian pematuhan yang diakreditasi	50	61	122	●	100	●	1.0	●
	Melaksanakan Program Kebangsaan Bagi Pematuhan Standard	Program Dilaksanakan	Pelancaran awal OSC pada 12 Nov 2013	100	●	100	●	1.0	●
	Bilangan produk yang mendapatkan pensijilan berdasarkan standard *Common Criteria*	5	5	100	●	100	●	1.0	●
	Bilangan Agensi Pembangunan Standard (SDA) baharu yang dilantik	2	2	100	●	100	●	1.0	●
2	Syarikat Pengeluaran Makanan yang dianugerahkan pensijilan di bawah Sistem Jaminan Keselamatan Makanan (MeSTI)	400	436	109	●	100	●	1.0	●
	Mempertingkatkan proses perniagaan/prosedur untuk hospital swasta/klinik pakar perubatan	Proses disempurnakan dan dimuat naik ke laman web Kementerian	Proses dimuat naik ke laman web	100	●	100	●	1.0	●
	Bilangan hospital yang diakreditasi i) Hospital Kerajaan	20	25	125	●	100	●	1.0	●
	ii) Hospital Swasta	10	15	150	●	100	●	1.0	●
3	Pembangunan dokumen kriteria untuk produk/perkhidmatan Eko	5	5	100	●	100	●	1.0	●
	Bilangan produk dengan label MyHijau	50	76	152	●	100	●	1.0	●

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi		**KPI (Kuantitatif)**							
Bil.	**KPI**	**Sasaran (FY)**	**Sebenar (YTD)**	**Pencapaian**					
				Kaedah 1		**Kaedah 2**		**Kaedah 3**	
				%		**%**			
	Bilangan perjanjian antara pemilik skim/Badan Pensijilan (CB) dan MGTC diletakkan di bawah program label MyHijau	2	3	150	●	100	●	1.0	●
4	Bilangan ladang baharu yang disahkan di bawah MyGAP (dahulunya dikenali sebagai SALM)	150	313	209	●	100	●	1.0	●
	Bilangan ladang baharu yang disahkan di bawah MyGAP - Akuakultur (dahulunya dikenali sebagai SALM)	20	32	160	●	100	●	1.0	●
5	Pembangunan jadual pelaksanaan untuk penambahbaikan pengawalseliaan	Dis13	Jadual pelaksanaan telah dirangka oleh semua Kementerian dan Agensi	100	●	100	●	1.0	●
6	Proses Perniagaan/Prosedur untuk Perkhidmatan Incinerator	Proses disempurnakan dan dimuat naik ke laman web Kementerian	Proses dimuat naik ke laman web	100	●	100	●	1.0	●
7	Proses Perniagaan/Prosedur untuk Sekolah Antarabangsa/Vokasional/ Teknikal	Proses disempurnakan dan dimuat naik ke laman web Kementerian	Proses dimuat naik ke laman web	100	●	100	●	1.0	●
8	Mengkaji keadaan pasaran untuk memastikan keselarasan dengan Akta Persaingan	Untuk menjalankan sekurang-kurangnya 1 kajian pasaran	1 kajian pasaran disiapkan	100	●	100	●	1.0	●
				122%		**100%**		**100%**	

Rajah 13.1

Petunjuk Prestasi Utama Bukan Kementerian 2013

SRI Persaingan, Standard Dan Liberalisasi		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Peratusan Standard Dibangunkan dalam tempoh garis masa baharu. (Mkas 18 bulan)	80% standard dibangunkan dalam tempoh garis masa baharu	11 daripada 12 standard *indigenous* dibangunkan dalam tempoh garis masa baharu	115	●	100	●	1.0	●
2	Bilangan CNII dianugerahkan pensijilan ISMS (kumulatif)	150	121	81	●	81	●	0.5	●
3	Penyempurnaan Kajian Kemungkinan Penggubalan Akta Standard Keselamatan Siber	100% Laporan Akhir Disahkan	Kajian berada pada peringkat interim	55	●	55	●	0.5	●
4	Pembangunan MS Halal untuk Kapsul Bebas Gelatin dan Gelatin Terubahsuai	100% (Penyempurnaan peringkat Pandangan Awam)	Peringkat Pandangan Awam disempurnakan	100	●	100	●	1.0	●
5	Pembangunan MS Halal untuk Pengemalsi Asas Minyak Sawit	100% (Penyempurnaan peringkat Pandangan Awam)	Peringkat pandangan awam disempurnakan	100	●	100	●	1.0	●
6	Pindaan Akta Arkitek 1967 bagi liberalisasi melalui kelonggaran syarat ekuiti dan kewarganegaraan	100% Pindaan diwartakan	Pindaan draf sedang dimuktamadkan untuk kelulusan Kabinet	30	●	30	●	0	●
7	Pindaan Akta Kejuruteraan 1967 bagi liberalisasi melalui kelonggaran syarat ekuiti dan kewarganegaraan	100% Pindaan diwartakan	Pindaan draf sedang dimuktamadkan untuk kelulusan Kabinet	30	●	30	●	0	●
8	Membenarkan tempoh sah untuk mengajar hingga 5 tahun (menerusi pindaan peraturan dibawah Akta Pendidikan 1996)	100% tempoh sah permit mengajar hingga 5 tahun	Pelanjutan tempoh sah dilaksanakan	100	●	100	●	1.0	●

Rajah 13.2

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1



Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin merasmikan Persidangan Undang-undang Persaingan MyCC yang julung-julung kali dianjurkan di KL Convention Centre

Persaingan

Inovasi berkembang maju dalam budaya yang dipenuhi persaingan, dan ini akan banyak memberikan manfaat kepada pengguna dari segi penghasilan barangan dan perkhidmatan yang cekap.

Akta Persaingan 2010 telah diperkenalkan oleh Kerajaan dan ia merupakan komitmen yang jelas oleh pihak berkuasa dalam menguatkuasakan undang-undang baharu ini. Pelaksanaan akta ini dipantau di bawah pengawasan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

MyCC terus memainkan peranan yang penting dalam memfokuskan program advokasi kepada orang ramai dan meningkatkan pemahaman industri terhadap Akta Persaingan 2010. Suruhanjaya ini telah menerima beberapa aduan dan sedang menjalankan penyiasatan terhadap sebahagian aduan tersebut. Siasatan ini mengambil kira sama ada aduan itu termasuk dalam bidang kuasa Akta dan sama ada terdapat maklumat yang mencukupi untuk meneruskan siasatan.

Tribunal Rayuan Persaingan

Mewakili satu lagi komponen proses persaingan, Tribunal Rayuan Persaingan mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk menyemak semula sebarang keputusan yang dibuat oleh MyCC. Peranan tribunal ini sama seperti mahkamah rendah di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948, dan ia telah diberi kuasa untuk memanggil pihak yang terbabit menghadiri prosiding, mendapatkan dan menerima keterangan. Tribunal ini terdiri daripada seorang Presiden dan tujuh orang Ahli yang merupakan pakar dalam bidang undang-undang, perniagaan dan ekonomi. Keputusan tribunal adalah muktamad dan sah dikuatkuasakan.

Pencapaian dan Cabaran

Dalam tahun kedua pelaksanaan Akta Persaingan, MyCC terus mendapat perhatian komuniti perniagaan dan orang ramai melalui pendekatan pelbagai serampang.

Usaha advokasi berterusan yang dijalankan oleh Suruhanjaya termasuk program pendidikan dan kesedaran, pembangunan alatan advokasi yang merangkumi kesusasteraan dan video penerangan serta sebuah Program Geran Penyelidikan (RGP) untuk menggalakkan penyelidikan berkaitan dengan isu persaingan. Suruhanjaya turut menganjurkan dan menjadi tuan rumah bagi Persidangan Undang-undang Persaingan yang julung-julung kali dianjurkan di negara ini pada 25-26 September 2013. Persidangan ini memfokuskan standard baharu untuk perniagaan di Malaysia dan bertindak sebagai forum untuk mewujudkan kesedaran mengenai Akta Persaingan 2010, tujuan Akta dan akibat sekiranya Akta ini tidak dipatuhi. Persidangan ini mendapat sambutan dengan kehadiran ramai peserta dari sektor swasta dan awam, termasuk golongan peguam.

Pada tahun 2013, Suruhanjaya turut mengumumkan beberapa sektor sedang disiasat, iaitu melibatkan industri logistik, pengangkutan dan keluli, dengan pelibatan yang ketara oleh peserta utama industri dan juga PKS. MyCC turut mengadakan rundingan awam di seluruh negara mengenai Perintah Pengecualian Blok Bersyarat bagi memastikan kepentingan pihak berkepentingan diambil kira.

Selain itu, Suruhanjaya menjalankan kajian terhadap salah satu bidang keutamaannya, iaitu isu yang melibatkan penetapan harga atau yuran oleh badan profesional dan bagaimana isu tersebut berkait dengan Akta Persaingan 2010. Penyelidikan ini mencakupi definisi dan skop badan profesional, amalan penetapan harga oleh badan profesional di Malaysia, serta perundangan Malaysia yang berkaitan dengan penetapan harga dan badan profesional. Ia turut membangkitkan pertimbangan yang mungkin bagi membenarkan pengecualian kepada badan profesional serta pertimbangan dan justifikasi dasar mengenai penetapan harga oleh badan profesional di bawah bidang kuasa persaingan yang lain.

Sungguhpun MyCC telah mengeluarkan beberapa Keputusan (akhir dan cadangan) sejak beberapa tahun yang lepas, jangkaan orang ramai terhadap Suruhanjaya untuk terus membuktikan keberhasilan yang pantas pastinya mencabar. Siasatan yang dikendalikan oleh MyCC memakan masa yang lama kerana ia banyak melibatkan penyelidikan dan penilaian, selain memerlukan kajian yang teliti mengenai kesannya terhadap pengguna.

Langkah Seterusnya

Kesedaran pasaran mengenai implikasi Akta Persaingan haruslah dipertingkatkan. Peserta industri perlu bersedia dengan pemahaman yang lebih baik tentang amalan anti-persaingan di bawah Akta tersebut.

Usaha menyemai budaya persaingan dalam kalangan peserta industri akan mengambil masa. Tambahan pula, usaha memperkenalkan keperluan undang-undang persaingan kepada industri dan orang ramai tidak semestinya merupakan usaha yang jelas dan mudah.

MyCC akan terus mengambil tindakan terhadap aduan yang diterima, dan memfokuskan aktiviti advokasi dan penguatkuasaan. MyCC juga akan berusaha untuk melaksanakan lebih banyak tinjauan pasaran pada masa hadapan.



Tan Sri Datuk Mustafa Mansur, Pengerusi Majlis Standards & Akreditasi Malaysia, memberikan ucapan semasa pelancaran awal NSCP

Standard

Komponen Standard memberi fokus kepada pembangunan, penggunaan dan penguatkuasaan standard bagi barangan dan perkhidmatan di Malaysia. Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia), iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), ialah badan standard nasional yang bertanggungjawab membangunkan dan mempromosikan Standard Malaysia (MS) seperti yang termaktub di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549).

Pada masa ini, Standards Malaysia memberi perhatian terhadap pembangunan standard bagi 24 sektor. Pembangunan standard untuk setiap sektor dipantau oleh Jawatankuasa Standard Industri, yang memastikan bahawa standard yang dibangunkan adalah sejajar dengan amalan Antarabangsa dan memenuhi keperluan khusus industri.

Standards Malaysia melantik organisasi yang berwibawa dan cekap seperti Agensi Pembangunan Standard (SDAs) untuk membangunkan MS. Sebelum ini, hanya satu SDA dilantik untuk membangunkan standard bagi kesemua 24 sektor. Pada tahun 2012, Akta 549 telah dipinda bagi membenarkan pelantikan lebih banyak SDA, terutamanya industri dan persatuan perdagangan serta pertubuhan profesional. Malaysia telah mengambil pendekatan ini bagi menggalakkan industri memacu pembangunan standard sebagaimana yang diamalkan oleh ekonomi maju seperti Jepun, Korea Selatan, Jerman, Kanada dan Amerika Syarikat.

Sementara itu, penggunaan standard dipromosikan oleh pelbagai agensi termasuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pertanian, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, MOSTI, dan Suruhanjaya Tenaga. Penguatkuasaan standard mandatori ini ditadbir oleh badan kawal selia yang berkenaan.

Di bawah SRI ini, pembangunan dan penggunaan standard dilaksanakan melalui inisiatif merentas dan inisiatif sektoran.

Inisiatif merentas berusaha untuk mengukuhkan ekosistem bagi pembangunan dan penggunaan standard di Malaysia.

Pelaksanaan standard merentas inisiatif sektor pada masa ini tertumpu pada NKEA Pertanian, Penjagaan Kesihatan dan Perkhidmatan Perniagaan.

Pencapaian dan Cabaran

Inisiatif Merentas

Pada tahun 2013, Standards Malaysia memulakan Program Kebangsaan Bagi Pematuhan Standard (NSCP) bagi meningkatkan kesedaran, penerimaan dan penggunaan standard oleh industri. Sebagai projek perintis NSCP, sebuah pusat sehenti (OSC) telah ditubuhkan pada 12 November dengan kerjasama Perbadanan PKS Malaysia. Pusat ini bertindak sebagai unit penyelaras bagi menyediakan maklumat, bukan sahaja kepada agensi pelaksana serta persatuan perdagangan dan industri, tetapi juga kepada orang ramai yang berminat terhadap pematuhan standard.

NSCP bertujuan memupuk budaya kualiti dalam kalangan industri, terutamanya PKS, seterusnya meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran dalam pasaran tempatan dan antarabangsa bagi barangan dan perkhidmatan Malaysia.

Inisiatif merentas yang telah dimulakan pada tahun 2012 terus menunjukkan keberhasilan yang positif pada tahun 2013. Ini merangkumi pencepatan garis masa bagi pembangunan standard, apabila 11 daripada 12 standard tempatan telah dibangunkan dalam tempoh garis masa yang baharu.

Dalam konteks SDA, dua buah agensi baharu telah dilantik pada tahun 2013, iaitu Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) pada 21 Ogos 2013 bagi kayu dan produk kayu serta Institut Kimia Malaysia (IKM) pada 3 Disember 2013 bagi kimia dan bahan.

Standards Malaysa juga telah memberikan akreditasi kepada 61 Badan Penilaian Pematuhan(CAB). Akreditasi CAB ini memastikan bahawa badan-badan tersebut adalah cekap dan diiktiraf di seluruh dunia dalam pelbagai bidang yang berkaitan.

Susulan pembangunan rancangan komunikasi strategik selama tiga tahun bagi Standards Malaysia, satu platform komunikasi telah diwujudkan untuk menyebarkan maklumat secara berkala mengenai Jabatan dan usaha berterusan yang dijalankannya. Standards Malaysia turut mengesahkan kajian yang telah diarahkan berkaitan dengan proses tadbir urus standard untuk mewujudkan satu mekanisme standard yang lebih cekap bagi pembangunan, penggunaan dan penguatkuasaan standard yang lebih berkesan.

Inisiatif Sektor

NKEA Pertanian

Disebabkan oleh keperluan standard semakin ketat yang dikenakan oleh negara pengimport, penekanan ditumpukan pada usaha menggalakkan penggunaan standard oleh para petani. Standard dalam pertanian bukan sahaja berjaya memperoleh akses kepada pasaran tetapi juga memastikan bahawa amalan pertanian dilaksanakan secara mampan dan peka alam sekitar. Pada dasarnya, fokus standard pertanian adalah dari tiga segi, iaitu untuk mencapai daya saing dalam pengeluaran, memastikan pertanian yang mampan/jaminan makanan dan untuk menyokong inisiatif di bawah NKEA Pertanian.

Pensijilan MyGAP yang baharu menggabungkan SALM, SPLAM dan SALT

Pada tahun 2013, Kementerian Pertanian menggabungkan tiga program di bawah satu jenama, iaitu Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP). Program ini terdiri daripada Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) oleh Jabatan Pertanian, Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM) oleh Jabatan Perikanan, dan Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT) oleh Jabatan Sains Veterinar.



Mesin pengisar untuk penghasilan karagenan separa tulen (SRC) di loji mini MARDI



Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sewaktu pelancaran MyGAP

Penggabungan program di bawah MyGAP bukan sahaja memastikan hasil tani Malaysia ditanda aras berbanding dengan Amalan Pertanian Baik yang lain, malah penggunaan MyGAP turut membolehkan hasil tani Malaysia memperoleh pengiktirafan dan penerimaan yang lebih baik di dalam dan luar negara. MyGAP juga merupakan komponen utama dalam standard pemprosesan makanan hiliran yang memastikan pematuhan kepada standard jaminan kualiti global seperti Amalan Pengilangan Baik (GMP) dan Titik Kawalan Kritikal Analisis Bahaya (HACCP), yang menekankan kepentingan kebolehkesanan sumber bahan-bahan mentah. Pada tahun 2013, 2,400 ladang di Malaysia telah disahkan di bawah MyGAP.

Usaha turut diteruskan dalam penggunaan standard bagi industri rumpai laut, berikutan pembangunan standard tempatan bagi penanaman rumpai laut (MS2467: 2012) dan Manual Penanaman Rumpai Laut pada tahun 2012. Pada tahun 2013, Jabatan Perikanan memberikan penekanan terhadap usaha mempromosikan penggunaan standard ini. 32 ladang di Lok Butun, Sabah telah pun menjadi perintis dalam penggunaan standard pada tahun ini.

Di samping itu, standard MS2528:2013 mengenai rumpai laut kering daripada Carageenanonphyte telah dibangunkan dan diluluskan pada 11 Mac 2013. Standard ini telah dibangunkan oleh Jabatan Perikanan dengan kolaborasi sektor swasta bagi menentukan standard minimum yang boleh diterima seperti kandungan lembapan, bendasing dan pematuhan kepada kebersihan makanan yang diperlukan untuk mencapai rumpai laut kering gred industri bagi pemprosesan karagenan.

Inisiatif lain yang dijalankan bagi industri rumpai laut termasuklah pembangunan standard untuk karagenan separa tulen(SRC) oleh MARDI. Standard ini akan menentukan spesifikasi kualiti, gred, keperluan keselamatan serta kaedah analisis dan pensampelan untuk rumpai laut kering daripada Carrageenophytes, terutamanya daripada Kappaphycus dan Eucehuma.

MARDI juga telah membangunkan satu platform ujian (loji mini) sebagai pusat rujukan untuk pengeluaran SRC. Platform ujian ini mempunyai kapasiti untuk memproses 100 kg rumpai laut kering yang menghasilkan 30kg SRC dalam sehari. Kemudahan ini disasarkan untuk berfungsi sebagai tapak rujukan pematuhan piawaian bagi petani dan usahawan lain yang ingin menceburi industri hiliran untuk menghasilkan produk bernilai tinggi yang berasal daripada rumpai laut seperti SRC.

Selain itu, MARDI menjalankan penyelidikan dan pembangunan mengenai kualiti produk durian untuk pasaran Australia. Bagi mencapai matlamat ini, satu percubaan mengeksport durian segar sejuk yang diproses secara minimum (MP) ke Sydney, Australia, telah dilakukan pada bulan Ogos 2013. Durian MP ialah isi durian yang telah dibungkus untuk kemudahan pengguna tanpa menjejaskan kesegaran dan rasanya.

NKEA Penjagaan Kesihatan

Bagi tahun 2013, penekanan yang diberikan terhadap standard penjagaan kesihatan adalah untuk meningkatkan daya tarikan pelancongan kesihatan ke Malaysia dengan menggalakkan perkhidmatan yang cemerlang dalam sektor penjagaan kesihatan. Kementerian Kesihatan telah menjalankan beberapa program bina upaya bagi menggalakkan akreditasi hospital swasta oleh Persatuan Kualiti Kesihatan Malaysia (MSQH). 15 hospital swasta telah memperoleh akreditasi di bawah MSQH pada tahun 2013, menjadikan jumlah hospital swasta yang diakreditasi sebanyak 42 buah.

Kementerian juga berjaya mengakreditasi 25 buah hospital awam pada tahun 2013, menjadikan jumlah hospital awam yang diakreditasi sebanyak 112 buah. Akreditasi MSQH memastikan penyediaan kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti dalam industri penjagaan kesihatan Malaysia.

Kementerian Kesihatan meneruskan usaha pensijilan syarikat pemprosesan makanan bagi memastikan pematuhan terhadap Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 di bawah Program Makanan Selamat Tanggungjawab (MeSTI). Pada tahun 2013, 436 premis telah disahkan di bawah program MeSTI. Program ini juga bertindak sebagai batu loncatan bagi syarikat untuk memperoleh pensijilan di bawah GMP dan HACCP.

NKEA Perkhidmatan Perniagaan

NKEA Perkhidmatan Perniagaan merangkumi beberapa industri dan profesion. Bagaimanapun, fokus standard dalam NKEA ini tertumpu pada usaha mewujudkan rangka kerja tadbir urus untuk pelabelan hijau serta pensijilan kemudahan dan produk keselamatan siber.

Pelabelan Hijau

Inisiatif Malaysia dalam pelabelan hijau adalah seiring dengan pembangunan industri hijau di seluruh dunia, yang didorong oleh kesedaran pengguna dan permintaan yang semakin meningkat bagi produk yang boleh dikeluarkan secara mampan. Sistem pelabelan akan meningkatkan daya saing pengeluar tempatan pada peringkat global di samping memberikan maklumat yang relevan kepada pengguna untuk membuat keputusan yang tepat apabila membeli produk dan perkhidmatan hijau.



Produk yang dihasilkan oleh sebuah premis yang mendapat pensijilan MeSTI

Sebuah makmal mini berkaitan dengan pelabelan hijau yang dijalankan pada tahun 2012 mencadangkan pengukuhan tadbir urus standard label hijau di Malaysia. Pengukuhan tadbir urus ini perlu agar standard label hijau dibangunkan sejajar dengan standard antarabangsa selain meningkatkan bilangan standard produk hijau dan ketersediaan produk tersebut dalam pasaran.

Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, bersama-sama dengan agensinya, iaitu Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC), telah memperkenalkan Program MyHijau. Di bawah program ini, subprogram Pelabelan MyHijau akan menyelaraskan, mempromosikan dan memudahkan penggunaan pensijilan, penarafan dan standard bagi produk dan perkhidmatan hijau kepada pengeluar dan pengguna Malaysia.

Pensijilan MeSTI yang membuktikan pematuhan terhadap Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan

Tiga perjanjian telah ditandatangani oleh MGTC dengan SIRIM Bhd, Suruhanjaya Tenaga dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), dengan demikian menjadikan ketiga-tiga Badan Pensijilan ini berada di bawah program MyHijau. Ini membolehkan kerjasama antara MGTC dengan Badan Pensijilan dilakukan dalam usaha mengembangkan industri hijau. Pada tahun 2013, 76 produk telah disahkan di bawah Program MyHijau. MGTC juga telah membangunkan lima dokumen kriteria produk hijau, dengan demikian menyediakan lima kriteria yang mematuhi standard hijau mampan kepada industri.

Keselamatan Siber

Dalam perkembangan ICT semasa yang kukuh, komuniti digital global terus terdedah kepada pelbagai ancaman dalam talian dan jenayah siber. Hal ini telah mewujudkan permintaan terhadap keselamatan siber di banyak negara di seluruh dunia.

Di Malaysia, terdapat 10,636 insiden keselamatan siber yang dilaporkan kepada Pusat Bantuan Cyber999 CyberSecurity Malaysia, iaitu peningkatan sebanyak 6.5% daripada jumlah 9,986 insiden pada tahun 2012. Jumlah insiden yang tinggi ini menuntut usaha bersepadu oleh pelbagai agensi Kerajaan dan juga penguatkuasaan yang lebih berkesan yang perlu dijalankan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang keselamatan siber negara.

Kerajaan Malaysia telah memulakan beberapa langkah kawalan bagi melindungi maklumat berharga dan perkhidmatan melalui Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (*Critical National Information Infrastructure*, CNII). Dalam hal ini, fokus masih lagi tertumpu pada pembangunan standard keselamatan siber.

Antara inisiatif yang dilancarkan termasuklahlah pematuhan kepada ISO/IEC 27001:2007 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (*Information Security Management System*, ISMS) oleh sektor CNII di Malaysia. Inisiatif ini diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara yang disokong oleh MAMPU dan CyberSecurity Malaysia. Pada tahun 2013, 121 CNII dianugerahkan pensijilan ISMS oleh CyberSecurity Malaysia dan SIRIM.

Selain ISMS, Kerajaan juga telah meluluskan pelantikan CyberSecurity Malaysia sebagai satu-satunya Badan Pensijilan Kriteria Umum atau ISO/IEC15408 di bawah Skim Pensijilan dan Penilaian Kriteria Umum Malaysia.

Standard Kriteria Umum berguna sebagai panduan bagi pembangunan, penilaian dan/atau perolehan produk ICT dengan jaminan fungsi keselamatan. Selain itu, Kriteria Umum juga digunakan sebagai asas bagi skim pensijilan yang dipacu oleh Kerajaan. Proses penilaian mewujudkan tahap keyakinan bahawa fungsi keselamatan produk ICT ini dan langkah jaminan yang terpakai pada produk ICT ini memenuhi keperluan Kriteria Umum. Keputusan penilaian mungkin membantu pengguna menentukan sama ada produk ICT memenuhi keperluan keselamatan mereka. Sehingga Disember 2013, sebanyak 39 produk telah diberikan pensijilan Kriteria Umum di bawah Skim Pensijilan dan Penilaian Kriteria Umum Malaysia.

Langkah Seterusnya

Fokus bagi tahun 2014 bakal tertumpu pada penggunaan standard. Program jangkauan untuk menggalakkan standard dan perbincangan kumpulan fokus akan diberikan keutamaan bagi meningkatkan kesedaran dan penggunaan standard terutamanya dalam kalangan PKS.

Standards Malaysia akan bekerjasama dengan beberapa agensi Kerajaan dan persatuan perdagangan untuk promosi yang lebih berorientasikan sasaran dan menyediakan penyelesaian standard tersuai bagi industri tertentu.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan meningkatkan usaha untuk memperakui lebih banyak ladang di bawah MyGAP. Cadangan yang diberikan dalam makmal mini tanaman dan akuakultur akan dilaksanakan pada tahun 2014. Cadangan ini termasuk meningkatkan pensijilan MyGAP dan menjalankan program bina upaya bagi golongan petani untuk mematuhi standard. Bagi akuakultur, langkah-langkah perlu diambil untuk menggabungkan pensijilan bagi keseluruhan rantaian nilai untuk memastikan bekalan anak ikan berkualiti yang berterusan selain mewujudkan program perkongsian antara syarikat peneraju dengan ladang yang lebih kecil bagi menggalakkan penyertaan untuk pensijilan.

Kementerian Kesihatan akan meneruskan pensijilan MeSTI untuk syarikat pengeluaran makanan PKS pada tahun 2014. Selain mengesahkan syarikat makanan di bawah MeSTI, Kementerian juga akan mempromosikan dan membantu syarikat yang telah mendapat pensijilan MeSTI beralih kepada standard yang lebih tinggi seperti GMP dan HACCP. Kementerian juga akan mula bekerjasama dengan pasar raya besar bagi memastikan bahawa produk yang dijual mempunyai standard MeSTI yang minimum dan akhirnya menggalakkan syarikat makanan untuk mendapatkan pensijilan bagi produk masing-masing.

Dari aspek keselamatan siber, CyberSecurity Malaysia akan menyasarkan lebih banyak produk mematuhi standard Kriteria Umum (ISO/IEC 15408) pada tahun 2014. Di samping itu, langkah-langkah membangunkan kepakaran tempatan akan diambil bagi melatih syarikat untuk mendapatkan pensijilan Kriteria Umum.

Liberalisasi

Komponen Liberalisasi bagi SRI ini berusaha untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan syarikat tempatan melalui pelaburan asing dan pemindahan teknologi. Walau bagaimanapun, Kerajaan tetap sedar bahawa liberalisasi ini harus dilaksanakan secara berperingkat. Liberalisasi perkhidmatan diselaraskan dan dipantau oleh Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC) yang dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Walaupun semua subsektor yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun lalu telah diliberalisasikan, baki tiga subsektor (seni bina, kejuruteraan dan pengukuran bahan) masih menunggu pindaan terhadap Akta masing-masing.

Dalam usaha meningkatkan peranan MSDC lagi, empat Kumpulan Kerja telah diwujudkan untuk memfokuskan:

1. Liberalisasi: Untuk tambahan liberalisasi subsektor atau mempertingkatkan kedalaman pelan liberalisasi subsektor yang sedia ada. Kumpulan Kerja akan berusaha menyelesaikan isu-isu khusus yang menghalang pelaburan dalam subsektor yang diliberalisasikan serta memantau pelaksanaan dan kesan liberalisasi sektor perkhidmatan
2. Rangka kerja institusi dan perundangan: Untuk menyemak semula dan mencadangkan penambahbaikan kepada peraturan atau garis panduan, termasuk mengkaji semula kekangan peraturan serta mewujudkan atau menambah baik proses dan prosedur bagi memudahkan pelaburan melalui Rangka Kerja Pemangkin Perniagaan (BEF) dan menggalakkan pelaksanaan rangka kerja kawal selia melalui Amalan Kawal Selia Baik
3. Promosi eksport dan pelaburan : Untuk menyelaraskan dan mempromosikan eksport dan pelaburan dalam subsektor yang diutamakan dan diliberalisasikan dengan Kementerian dan Agensi yang berkenaan serta menangani isu pelaksanaan mengenai aktiviti promosi. Kumpulan Kerja akan mengkaji semula dan mencadangkan insentif bagi sektor perkhidmatan serta memantau impak dan keberkesanan aktiviti promosi
4. Pembangunan kapasiti domestik dan modal insan: Untuk memastikan program bina upaya dan pembangunan modal insan bagi PKS, terutamanya dalam subsektor yang diliberalisasikan adalah berdaya saing dan mampan

Pencapaian dan Cabaran

Kerajaan sedang meneliti cara untuk memperkemas dan mengkaji semula peraturan tempatan dalam sektor yang diliberalisasikan. Dalam konteks ini, satu kajian telah dijalankan untuk menilai daya saing perniagaan di Malaysia dan kemudahan dalam menjalankan urusan perniagaan berbanding dengan peraturan tempatan sedia ada pada masa ini yang mengawal subsektor pelancongan kesihatan, pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional, pendidikan tinggi swasta dan tenaga boleh baharu. Rancangan pelaksanaan sedang dirangka oleh Kementerian dan Agensi masing-masing bagi menangani kebimbangan kawal selia yang dikenal pasti dalam Kajian tersebut.

Untuk menyampaikan manfaat penuh liberalisasi, penambahbaikan dilaksanakan terhadap proses dan prosedur memulakan perniagaan dalam subsektor perkhidmatan yang telah diliberalisasikan. Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), sebuah agensi di bawah MITI, telah ditugaskan oleh MSDC untuk merancang dengan teliti rangka kerja kawal selia bagi subsektor perkhidmatan yang diliberalisasikan secara autonomi. Matlamatnya adalah untuk mencerminkan formaliti kerajaan dalam penubuhan dan operasi perniagaan dalam subsektor perkhidmatan yang diliberalisasikan.

Sehingga kini, Rangka Kerja Pemangkin Perniagaan (BEF) bagi kesemua 15 subsektor perkhidmatan yang diliberalisasikan secara autonomi yang diumumkan dalam Bajet 2012 serta 27 subsektor yang diliberalisasikan secara autonomi pada tahun 2009 telah pun disiapkan. Untuk ketelusan, BEF mendokumenkan instrumen dasar seperti permit, lesen, pendaftaran, kelulusan dan penilaian yang perlu dipatuhi oleh entiti perniagaan tempatan dan asing, telah dimuat naik di laman web Kementerian sektor masing-masing serta di laman web perkhidmatan di laman portal MITI (http://myservices.miti.gov.my/).

Sungguhpun liberalisasi subsektor sahaja tidak menjamin peningkatan FDI, Amalan Kawal Selia Baik (GRP) perlu dikuatkuasakan untuk membina persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan berdaya saing. Bagi mencapai matlamat ini, satu Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan telah dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 15 Julai 2013.

Di bawah Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan, semua pengawal selia Kerajaan Persekutuan hendaklah menjalankan Analisis Impak Peraturan (RIA) dan mengemukakan Penyata Impak Peraturan (RIS) apabila menyediakan semua peraturan baharu atau mengkaji semula peraturan yang berkaitan dengan atau yang memberikan impak kepada perniagaan, pelaburan dan perdagangan, setelah penilaian dilakukan oleh MPC. Ini akan membolehkan analisis yang jitu dan keputusan yang tepat dibuat berdasarkan maklumat, selain memastikan ketelusan dalam semua peraturan baharu dan yang telah dipinda.

Langkah Seterusnya

Fokus pada tahun 2014 adalah untuk meningkatkan ekosistem bagi liberalisasi perkhidmatan. Kerajaan juga akan meneruskan program bina upaya bagi pembekal perkhidmatan domestik.



Buku Panduan mengenai Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan

Pemangkin Perubahan

PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI

pengalaman bersama perkhidmatan awam



Dato' Saripuddin Kasim
Ketua Setiausaha
KPDNKK

Sebagai satu komponen SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi (CSL), Akta Persaingan 2010 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2012 masih lagi merupakan sebuah undang-undang baharu di Malaysia yang memerlukan banyak kesedaran, pendidikan dan sokongan sebelum dapat mencapai potensi sepenuhnya untuk mengukuhkan budaya persaingan dalam negara.

"Hampir sedekad berlalu sebelum Malaysia mempunyai peraturannya sendiri atau Akta yang memberikan panduan kepada tindak-tanduk ekonomi selaras dengan undang-undang baharu yang digubal, iaitu Akta Persaingan 2010. Bagi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), peranannya adalah untuk memperkenalkan, mempromosikan dan menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 dengan membantu dalam pembentukan pihak berkuasa persaingan yang berkesan dan cekap.

Kementerian bertanggungjawab untuk memastikan pelulusan rang undang-undang persaingan di Parlimen dan mewujudkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), iaitu sebuah agensi bebas di bawah naungan Kementerian. Saya berkhidmat sebagai Ahli Suruhanjaya dan dengan itu terlibat secara aktif dalam penentuan hala tuju dasar dan keputusan kes yang dibuat oleh MyCC. Perkhidmatan awam amat penting kerana mereka memainkan peranan yang penting dalam memastikan belanjawan dan tenaga kerja yang mencukupi serta pematuhan terhadap peruntukan Akta Persaingan," jelas Dato' Saripuddin Kasim, Ketua Setiausaha KPDNKK.

Susulan penubuhan MyCC pada bulan April 2011 dan seterusnya Tribunal Rayuan Persaingan, Dato' Saripuddin menyatakan bahawa langkah yang paling penting sekarang ini adalah untuk menyokong penggubal dasar, badan dan agensi Kerajaan agar memahami betapa pentingnya untuk memastikan pelaksanaan dasar dan undang-undang persaingan yang menyeluruh dan tekal sentiasa dijalankan.

"Sebagai sebuah organisasi baharu dalam sistem ini, MyCC telah memberikan usaha terbaik untuk mendidik entiti ekonomi serta orang ramai mengenai unsur utama yang dititikberatkan dalam dasar dan undang-undang persaingan. Cabaran terbesar ialah pengetahuan yang terhad mengenai dasar dan undang-undang persaingan di seluruh perkhidmatan awam. Di samping itu, agak sukar juga untuk menyokong 'pendekatan yang dipacu pasaran' serta kepentingan ekosistem dasar dan undang-undang persaingan dalam merumuskan dan melaksanakan dasar untuk ekonomi umum.

Namun hari ini, selepas beberapa usaha sokongan dijalankan oleh MyCC, agensi Kerajaan bersikap lebih terbuka dan sedia menerima permintaan kami kerana mereka memahami matlamat utama kami dengan lebih baik, iaitu pembangunan ekonomi melalui persaingan," kata Dato' Saripuddin.

Menurut beliau, melangkah ke hadapan, usaha selanjutnya akan diambil bagi memastikan pelaksanaan ekosistem dasar dan undang-undang persaingan yang berkesan, manakala lebih banyak langkah diperlukan untuk meningkatkan keupayaan teknikal penggubal dasar dan perkhidmatan awam secara umumnya dalam konteks dasar dan undang-undang persaingan.

"Saya percaya bahawa perubahan dalam pemikiran dan budaya yang ada sekarang ini amat diperlukan kerana persaingan merupakan satu konsep yang baharu sama sekali. Perkhidmatan awam perlu belajar menerima doktrin baharu ini dan mempertimbangkannya semasa merumuskan dan melaksanakan undang-undang dan dasar. Kita perlu memastikan perkhidmatan awam memahami kepentingan persaingan dan bagaimana persaingan dapat membawa manfaat kepada ekonomi Malaysia secara keseluruhannya.

Hanya apabila mereka memahami perkara ini dari perspektif yang lebih besar, barulah mereka akan cenderung untuk menerima budaya persaingan. Hal ini hanya akan tercapai melalui interaksi yang berterusan dengan perkhidmatan awam mengenai isu-isu persaingan. Sepanjang proses interaksi kami dengan agensi Kerajaan yang lain serta orang ramai, isu-isu yang mungkin mempunyai elemen antipersaingan kadang kala dibangkitkan. Kakitangan Kementerian sedang dilatih untuk mengenal pasti kesalahan persaingan yang mungkin wujud dan kemudian merujukkannya kepada MyCC untuk diambil tindakan," kata Dato' Saripuddin.

Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian turut bekerja keras untuk memastikan mereka yang terlibat menerima latihan yang sewajarnya agar mereka mampu menggalas tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin. Dato' Saripuddin mengatakan demikian kerana perkhidmatan awam harus memikul teraju dalam memastikan semua dasar dan amalan yang dilaksanakan adalah sejajar dengan dengan Akta Persaingan 2010. "Mereka juga seharusnya melakukan apa sahaja dalam bidang kuasa mereka untuk menyokong sepenuhnya pelaksanaan SRI ini," jelas beliau.

Secara keseluruhannya, Dato' Saripuddin yakin bahawa negara kita sedang mencipta kemajuan yang berterusan dalam penggunaan persaingan sebagai alat untuk mencapai Wawasan 2020. "Bagi membuktikan bahawa MyCC serius dalam penguatkuasaan undang-undang dan tidak berpihak kepada sesiapa jua yang disiasat, saya rasa menjelang tahun 2020 kita pastinya bakal menyaksikan persekitaran yang dipenuhi persaingan yang lebih sihat, dan ini akan membantu kita mencapai pembangunan ekonomi yang dihasratkan," kata Dato' Saripuddin mengakhiri wacana ini.



Dato' Dr. Rosli Mohamed
Ketua Setiausaha MOSTI

Memupuk budaya kualiti merupakan usaha yang penting untuk meningkatkan daya saing negara pada peringkat global, dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menerajui komponen standard di bawah SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi (CSL) bagi mencapai usaha ini.

"Untuk menembusi pasaran antarabangsa sekali gus menjana lebih banyak impak ekonomi, produk dan perkhidmatan Malaysia harus menepati kualiti yang diterima secara global. Walaupun terdapat kos pematuhan pada awalnya, namun dalam jangka panjang, standard akan melindungi kita daripada kesan buruk akibat penyediaan barangan dan perkhidmatan substandard," kata Dato' Dr. Rosli Mohamed, Ketua Setiausaha MOSTI.

Dengan mempertimbangkan perkara ini, Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia), iaitu sebuah agensi di bawah MOSTI, telah diberi amanah untuk membangunkan dan mempromosikan Standard Malaysia (MS).

"Perubahan dinamik dalam ekonomi dunia memerlukan kita sentiasa menambah baik produk kita. Demikian juga, kita perlu mengkaji semula MS kita dengan kerap untuk disesuaikan dengan trend semasa. Hakikatnya, yang penting bukanlah bilangan MS, tetapi kerelevanan dalam konteks MS yang diamalkan; iaitu dalam kesejahteraan ekonomi dan masyarakat kita," kata Dato' Dr. Rosli. Bagi mencapai matlamat ini, sektor swasta sering dilibatkan dan digalakkan untuk mematuhi standard yang berkaitan dalam menyokong ekonomi yang diterajui inovasi. Inisiatif juga diambil untuk menggalakkan penggunaan amalan yang terbaik dari segi kualiti dan kemampanan. Hal ini akan mengukuhkan dan menambah baik akses pasaran bagi produk dan perkhidmatan, seterusnya membolehkan Malaysia membangunkan jenamanya sendiri.

Pada tahun 2013, Standards Malaysia banyak memberikan fokus pada pelaksanaan inisiatif yang diwujudkan pada tahun sebelumnya. Hal ini menyusuli pindaan yang dibuat terhadap Akta Standard Malaysia 1996, dengan perundangan yang dikemas kini untuk menggambarkan perubahan dalam landskap standard sejak tahun 1996.

Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak telah menyatakan bahawa peringkat terakhir perjalanan kita menuju tahun 2020 perlu menjadi seperti acara pecut. Justeru, Standards Malaysia mencadangkan Akta tersebut dipinda untuk menyemai perubahan dalam budaya standard daripada budaya yang dipacu Kerajaan kepada budaya yang dipacu industri.

Satu lagi aspek yang telah menyaksikan usaha gigih dicurahkan oleh Jabatan sepanjang tahun 2013 adalah dalam pematuhan standard, iaitu membimbing persatuan industri melalui proses tersebut. Dengan bantuan PEMANDU, Standards Malaysia giat menganjurkan bengkel dan seminar mengenai cara syarikat perniagaan boleh menggunakan standard untuk mempertingkatkan kualiti produk masing-masing dan menjadi lebih berdaya saing.

"Ada kalanya syarikat melihat penggunaan standard sebagai kos dan bukannya pelaburan. Jadi, kami perlu memberikan panduan kepada industri dan meyakinkan syarikat bahawa sekiranya mereka menggunakan standard, mereka akan menjadi lebih berdaya saing. Kami juga telah menumpukan banyak tenaga dalam menangani kebimbangan syarikat mengenai penggunaan standard," kata Puan Fadilah Baharin, Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia.

Tambah beliau, antara langkah seterusnya yang bakal diambil oleh Jabatan adalah untuk menjadi pusat sehenti kepada syarikat yang ingin mendapatkan maklumat mengenai standard. "Dengan keadaan bebas tarif [di ASEAN], satu-satunya platform yang membolehkan anda menjual produk anda adalah berdasarkan kualiti. Itulah sahaja senjata yang boleh digunakan oleh syarikat yang ingin bersaing di pentas dunia," kata Puan Fadilah lagi.



Datuk Dr. Rebecca Sta Maria
Ketua Setiausaha MITI

Sebagai Kementerian yang menerajui komponen liberalisasi bagi SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi (CSL), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah diberi mandat untuk memantau liberalisasi autonomi sektor perkhidmatan, yang telah pun dimulakan pada tahun 2009. 45 subsektor perkhidmatan telah diumumkan akan menjalani liberalisasi sejak itu. Daripada jumlah tersebut, 27 subsektor dalam pakej pertama yang diumumkan pada tahun 2009 telah diliberalisasikan sepenuhnya, manakala 15 daripada 18 subsektor yang diumumkan dalam pakej kedua telah diliberalisasikan.

"Yang penting sekarang adalah memastikan wujudnya pelaksanaan dan kita memperoleh pelaburan yang diperlukan dalam sektor tersebut. Kita melakukan liberalisasi autonomi untuk menyokong sasaran Model Ekonomi Baharu bagi sektor perkhidmatan sebagai persediaan fasa pertumbuhan seterusnya buat Malaysia," kata Datuk Dr. Rebecca Sta Maria, Ketua Setiausaha MITI.

Tambah beliau, langkah penting dalam liberalisasi sektor perkhidmatan pada masa hadapan adalah untuk memastikan agar peraturan dalam negeri menyokong pembukaan pasaran. "Sektor perkhidmatan agak kompleks. Sesetengah subsektor dikawal selia sedangkan sesetengahnya tidak; dan mungkin juga terdapat banyak pengawal selia dalam satu sektor. Oleh itu, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah memulakan pemetaan bilangan pengawal selia dan peraturan dalam subsektor, untuk menilai dan menentukan pengawal selia dan peraturan yang benar-benar diperlukan. Jika sesetengahnya menjadi penghalang kepada perniagaan, ia mungkin akan dikeluarkan.

"MPC turut mengenal pasti langkah-langkah yang perlu diambil oleh pengawal selia berlainan untuk memudahkan perniagaan dijalankan [di Malaysia] dan menggalakkan pelaburan. Usaha ini sedang dijalankan, dan ia merupakan sebahagian besar daripada proses liberalisasi," kata Datuk Dr. Rebecca.

Beliau turut menyatakan bahawa, sebagaimana proses liberalisasi yang dilaksanakan di mana-mana negara, Malaysia juga berhadapan dengan cabarannya yang tersendiri ketika membuka pasarannya. Ini termasuklah kebimbangan daripada peserta industri dan juga pengawal selia mengenai perubahan yang mengiringi liberalisasi.

Walau bagaimanapun, Kerajaan berjaya mengambil iktibar daripada liberalisasi sektor perkilangan. Sektor tersebut, yang kini telah diliberalisasikan sepenuhnya, mula menjalani liberalisasi pada tahun 1997, ketika ekonomi Malaysia sedang menghadapi Krisis Kewangan Asia 1997/1998. Pun begitu, kemelesetan ekonomi tersebut memberikan peluang kepada Kerajaan untuk melaksanakan pembaharuan yang penting terhadap ekonomi, dengan liberalisasi sektor perkilangan membantu memulihkan ekonomi tempatan.

"Kami cuba memberitahu syarikat yang mempunyai kebimbangan mengenai liberalisasi, 'Inilah yang kami lakukan pada sektor perkilangan, dan inilah hasilnya.' Sesetengah syarikat perlu membuat penyesuaian [terhadap operasi masing-masing], tetapi hal yang demikian sememangnya dijangkakan berlaku dalam persaingan."

"Anda juga sepatutnya melihat peluang yang mungkin dijana apabila sektor itu dibuka. Contohnya, kita tidak memiliki spektrum penuh kepakaran undang-undang di Malaysia. Oleh itu, kita menyasarkan secara khusus aspek yang boleh meningkatkan keupayaan kita, misalnya melalui usaha sama yang dapat membawa kepakaran tersebut ke dalam negara.

"Kepakaran baharu ini sebenarnya bukanlah menjadi persaingan kepada anda, tetapi menambah nilai pada apa yang sudah pun anda miliki. Itulah yang cuba kami lakukan dalam liberalisasi perkhidmatan, iaitu meneliti jurang kepakaran dan membawa masuk pelaburan dalam aspek tersebut," ujar Datuk Dr. Rebecca.

PEMBAHARUAN KEWANGAN AWAM








Dato' Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah
Menteri Kewangan II

Inisiatif Kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal diteruskan lagi bagi tahun 2013, bagi mewujudkan momentum positif pada masa depan.

Ini disokong oleh inisiatif di bawah SRI Pembaharuan Kewangan Awam yang bertujuan untuk meningkatkan hasil Kerajaan dan menguruskan perbelanjaan secara berhemat.

Dengan ini, defisit fiskal dijangka akan berkurangan kepada 3.5 peratus daripada KDNK pada tahun 2014 daripada 4 peratus pada tahun 2013, dengan hutang Kerajaan Persekutuan dijangka bertambah pada 54.7 peratus daripada KDNK. Ini akan terus berada di bawah siling hutang kerajaan sebanyak 55 peratus daripada KDNK.

Berikutan dari trajektori ini, dan dengan usaha Kerajaan untuk sentiasa kekal dalam mentadbir kewangan dengan cara yang bertanggungjawab, saya yakin Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk mencapai bajet seimbang pada tahun 2020.



PEMBAHARUAN KEWANGAN AWAM

SRI Pembaharuan Kewangan Awam disasarkan untuk menyokong matlamat Kerajaan bagi mengurangkan belanjawan defisit dalam lingkungan tiga peratus menjelang tahun 2015 dan belanjawan hampir neutral pada tahun 2020.

Ini adalah sejajar dengan cadangan daripada Model Ekonomi Baru (MEB), yang digunakan untuk membangunkan senarai inisiatif bagi mencapai sasaran dasar fiskal. Inisiatif-inisiatif ini akan dilaksanakan sehingga tahun 2015 dan telah dikendalikan sejak tahun 2011.

Petunjuk Prestasi Utama 2013

SRI Pembaharuan Kewangan Awam		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Peningkatan pentadbiran dan pematuhan cukai - Cukai Langsung (RM juta)	1,727	1,795	104	●	100	●	1.0	●
2	Peningkatan pentadbiran dan pematuhan cukai - Cukai Tidak Langsung - (Jabatan Kastam Diraja Malaysia) (RM juta)	100	125.02	125	●	100	●	1.0	●
3	Pelaksanaan Aktiviti Perakaunan Akruan bagi tahun 2015: Penubuhan Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) dilengkapkan	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
4	Meluaskan Skop E-Bidaan - Mengurangkan nilai ambang daripada RM200k kepada RM50k untuk pemerolehan barangan & perkhidmatan (penjimatan melalui E-Bidaan dalam RM juta)	20	20.99	105	●	100	●	1.0	●

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

SRI Pembaharuan Kewangan Awam		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
5	Menyingkirkan Pembekal/Penyedia Perkhidmatan yang tidak cekap (jumlah mesyuarat dengan pasukan petugas dan panel yang diadakan untuk menangani isu-isu dan mendenda pembekal berdasarkan aduan yang diterima – dari segi peratusan)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
6	Pelaksanaan Aktiviti Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bagi tahun 2013	100%	92.5%	93	●	93	●	0.5	●
				104%		**99%**		**93%**	

Rajah 13.3

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

Pencapaian dan Cabaran

Perolehan Telus

Penjimatan Melalui E –Bidaan

Inisiatif Peluasan skop E-Bidaan telah dilaksanakan sejak bulan April 2011 dengan nilai ambang untuk e-bidaan dikurangkan daripada RM200,000 kepada RM50,000. Dengan pengurangan nilai ambang tersebut, e–bidaan boleh dilaksanakan bagi perolehan bernilai di antara RM50,000 dan kurang daripada RM500,000. Had minimum nilai ambang untuk perolehan melalui tender ialah RM500,000.

E-Bidaaan boleh dilaksanakan bagi produk-produk berikut melalui kaedah bidaan dalam talian:

i. Barangan generik yang mempunyai spesifikasi yang standard tanpa perlu menjalani proses penilaian teknikal yang rumit

ii. Barangan dan perkhidmatan yang dikendalikan di bawah sistem panel

iii. Perkhidmatan generik yang mempunyai skop dan spesifikasi yang seragam

Bagi tahun 2013, sejumlah RM20.99 juta telah dijimatkan daripada nilai urus niaga sebanyak RM135.7 juta. Kaedah yang digunakan untuk mengira penjimatan ini adalah dengan membezakan antara harga paling rendah yang ditawarkan sebelum proses bidaan dengan harga akhir yang ditawarkan oleh pembida yang berjaya.

Program Bina Upaya Pegawai Perolehan

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)/Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama Kementerian Kewangan (MoF) dan Jabatan Audit Negara telah melancarkan kursus Sijil Pentauliahan Perolehan Kerajaan (SPPK), satu program yang dibangunkan untuk meningkatkan bina upaya pegawai perolehan. Kursus ini telah dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Negara Malaysia, Tan Sri Dr Ali Hamsa pada 29 April 2013. Program ini bertujuan untuk melengkapkan para pegawai perolehan dengan peralatan yang lebih baik seperti pengurusan nilai untuk perbelanjaan operasi, perancangan perolehan, analisis perbelanjaan serta juga kepakaran untuk menguruskan perolehan.

Kursus SPPK itu dibahagikan kepada dua modul yang terdiri daripada modul asas dan lanjutan. Setiap modul yang diajar mengambil masa selama dua minggu. Pegawai-pegawai akan diuji pada akhir modul latihan dan hanya mereka yang lulus ujian akan diiktiraf sebagai pegawai perolehan Kerajaan. Walaupun modul latihan diwujudkan bagi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan, ia pada awalnya bermula dengan latihan bagi pegawai kerana mereka adalah kakitangan utama yang bertanggungjawab dalam perolehan Kerajaan.

Sejak dimulakan, seramai 66 orang pegawai telah dilatih dan lulus modul asas. Daripada jumlah ini, 49 orang pegawai telah menghadiri modul lanjutan dan semua daripada mereka telah lulus dan telah diberi Sijil. Kandungan kedua-dua modul terdiri daripada penilaian dan tugasan.

Pegawai-pegawai yang dilatih kini lebih bersedia dengan pengetahuan yang diperlukan dan dijangka dapat memberi prestasi yang lebih baik di tempat kerja. Bagi tahun 2014, INTAN merancang untuk melatih 60 orang pegawai lagi bagi modul asas dan 50 orang pegawai untuk modul lanjutan, ini termasuk mereka yang tidak menghadiri modul lanjutan pada tahun 2013. Di samping itu, proses penilaian praktikal kini sedang dalam perancangan untuk mengukur keberkesanan kursus SPPK itu.

Pengukuhan Pentadbiran dan Pematuhan Cukai

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah meneruskan pelaksanaan inisiatif makmal SRI Pembaharuan Kewangan Awam pada tahun 2011 yang telah dibangunkan bersama-sama dengan wakil perunding cukai.

Sejak pelaksanaannya, LHDNM telah mengenal pasti hampir 70,000 buah syarikat yang berdaftar sebagai pembayar cukai baru. Jumlah itu diperolehi dengan membuat pemadanan data dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia dengan data dari Sistem Pemantauan Berpusat (CMS) LHDNM yang merupakan sistem baharu yang dibangunkan. Di samping itu, peningkatkan dan perluasan aktiviti kaji selidek yang dilaksanakan oleh LHDNM telah mewujudkan kesedaran dalam kalangan orang awam dan pembayar cukai mengenai pematuhan cukai.

Untuk meningkatkan kecekapan dalam pembayaran dan kutipan cukai, LHDNM telah meningkatkan bilangan bank yang sedia ada untuk pembayaran cukai. Tambahan pula, pengenalan mobile filing (m-filing) telah mewujudkan satu saluran baharu bagi pembayar cukai untuk mengemukakan penyata cukai di samping meningkatkan pematuhan cukai. LHDNM juga berjaya melaksanakan inisiatif *pre-fill* untuk orang awam dan majikan. Selain itu, panggilan telefon dan peringatan secara automatik kepada pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai yang besar juga telah meningkatkan pematuhan kutipan cukai. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini membolehkan LHDNM mengutip hasil tambahan sebanyak RM1.8 bilion pada tahun 2013.

LHDNM akan menggunakan segala sumber yang ada bagi memastikan kutipan cukai langsung terus meningkat. Pada masa yang sama, pertumbuhan KDNK perlu berada pada tahap yang sihat untuk menyokong aktiviti LHDNM bagi memastikan kutipan hasil yang tinggi.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Seperti LHDNM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) juga ditugaskan untuk mengukuhkan pentadbiran dan pematuhan cukai. Dalam hal ini, JKDM akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif yang berikut untuk meningkatkan kutipan cukai tidak langsung:

i. Kawalan audit terhadap pengeksport dan pengimport minuman keras dan rokok di pulau-pulau bebas cukai dan Zon Perdagangan Bebas

ii. Peningkatan penguatkuasaan/audit kastam

Pada tahun 2013, JKDM telah melepasi sasaran RM100 juta dengan jumlah kutipan sebenar sebanyak RM125.02 juta. Walau bagaimanapun, Jabatan menghadapi isu perundangan dalam melaksanakan kawalan audit terhadap pengeksport dan pengimport minuman keras dan rokok di pulau-pulau bebas cukai dan Zon Perdagangan Bebas. Oleh yang demikian, JKDM akan memberikan tumpuan kepada meningkatkan penguatkuasaan/audit kastam.

Peningkatan penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah termasuk:

i. Memaklumkan kepada komuniti perniagaan mengenai keperluan baharu dalam pengendalian audit khas (operasi bersama) dan audit berkala


ii. Meningkatkan liputan audit atas pemegang lesen dan pengimport yang berdaftar dengan menyemak semula sasaran audit dan menambah baik kompetensi pegawai audit melalui program bina upaya

iii. Menambah baik mekanisme audit dengan

- Meningkatkan bilangan lesen perisian Teknik Bantuan Audit Berkomputer (CAAT)
- Menyemak tatacara audit standard
- Mengeluarkan garis panduan dalaman mengenai pengauditan
- Menambah baik e-Audit untuk laporan audit dan penilaian risiko
- Menambah baik sistem pengurusan risiko
- Membangunkan sistem rangkaian untuk perkongsian maklumat
- Meningkatkan pematuhan cukai
- Membangunkan sistem pengurusan hutang yang sistematik dan cekap

Kesan limpahan daripada inisiatif di bawah Pengukuhan Pentadbiran dan Pematuhan Cukai tetap menggalakkan dan telah membantu untuk menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil. Kutipan cukai bagi cukai langsung menunjukkan pertumbuhan berterusan sejak pelaksanaannya pada tahun 2011. Pada tahun 2013, jumlah hasil cukai langsung yang dikutip meningkat kepada RM127.02 bilion berbanding dengan RM116.94 bilion pada tahun 2012. Jumlah kutipan bagi cukai tidak langsung telah meningkat kepada RM36.49 bilion pada tahun 2013 daripada RM34.71 bilion pada tahun 2012.

Hasil Kutipan Cukai Langsung dan Tidak Langsung



** Nilai untuk tahun 2013 adalah anggaran disemak terkini, tertakluk kepada perubahan akhir pada Suku Ketiga/Keempat Tahun 2014*

Rajah 13.4
Sumber : Kementerian Kewangan, Malaysia

Cukai Berasas Luas

Semasa pembentangan Bajet 2014 pada 25 Oktober 2013, Perdana Menteri telah mengumumkan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang akan menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) sedia ada. Pelaksanaan GST mulai 1 April 2015, dicadangkan pada kadar enam peratus (6%). Tidak seperti SST, yang hanya dikenakan ke atas peringkat tertentu dalam perolehan barangan dan perkhidmatan pada kadar yang umum sebanyak 10 peratus dan enam peratus masing-masing, GST adalah cukai penggunaan yang berasas luas yang dikenakan ke atas setiap aktiviti yang ditambah nilai sepanjang rantaian penawaran, dari pengeluaran bahan mentah sehingga penjualan produk akhir.

Pelaksanaan GST dijangka meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan ketelusan rejim cukai Malaysia berbanding SST sedia ada yang mempunyai lebih kelemahan dan kebocoran sebagai salah satu sumber utama yang menyumbang pendapatan bagi Kerajaan. Ia juga merupakan satu sistem percukaian yang mesra perniagaan kerana ia membolehkan perniagaan untuk mengurangkan kos mereka dengan membenarkan tuntutan GST yang dikenakan ke atas input perniagaan mereka berbanding dengan SST yang disifatkan sebagai komponen kos oleh perniagaan. Untuk mengurangkan beban kepada pengguna, beberapa barang keperluan asas seperti beras, sayur-sayuran, minyak masak dan ikan tidak dikenakan GST.

Walau bagaimanapun, pengenalan GST, yang telah tertangguh sejak ia mula diumumkan dalam Bajet 2005, dijangka akan menghadapi beberapa halangan. Isu utama termasuk penerimaan orang awam terhadap cukai ini, kerana masih terdapat kebimbangan daripada rakyat bahawa harga akan meningkat apabila GST dilaksanakan.

Dalam usaha untuk menangani perkara ini dan meningkatkan pemahaman rakyat terhadap GST, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah berikut:

- Menganjurkan program kesedaran berterusan seperti rundingan awam, forum dan seminar bersama pengguna
- Meningkatkan publisiti mengenai GST melalui arus perdana dan media baharu
- Memuat naik maklumat untuk pengguna mengenai Portal GST
- Bekerjasama dengan persatuan-persatuan pengguna dan pertubuhan bukan Kerajaan untuk mendidik pengguna
- Mengendalikan jerayawara *(roadshows)* di tempat-tempat awam seperti kompleks membeli-belah, sekolah dan pusat komuniti

Perakaunan Akruan

Persediaan bagi pelaksanaan perakaunan akruan, yang dijadualkan pada tahun 2015, dilihat berjalan lancar pada tahun 2013. Pada bulan Mac, Perbendaharaan telah mengeluarkan Pekeliling No. 4 Tahun 2013 untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab pegawai-pegawai kewangan dalam melaksanakan perakaunan akruan.

Selain itu, bagi memastikan kelancaran pelaksanaan sistem perakaunan baharu, Akauntan Negara telah dilantik sebagai 'Duta Perubahan' untuk memandu penukaran ke arah perakaunan berasaskan akruan. Bagi mencapai matlamat ini, Pelan Pengurusan Perubahan telah dikeluarkan pada bulan Mei 2013 untuk memastikan pihak yang terlibat memahami sistem baharu dan komited sepenuhnya dalam pelaksanaannya.

Di samping penyediaan pelaksanaannya, pengumpulan data bagi baki awal aset dan liabiliti telah bermula pada bulan April 2013 di semua Kementerian dan agensi. Pengumpulan data ini akan diteruskan sehingga bulan Disember 2014.

Pada bulan September 2013, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meluluskan Penubuhan Jabatan Mengakaun Sendiri di 15 Kementerian, mewujudkan sebanyak 300 jawatan baharu. Penubuhan Jabatan ini akan meningkatkan persediaan Kementerian bagi melaksanakan perakaunan akruan, terutamanya yang berkaitan dengan pengumpulan data dan pengurusan perubahan.

Pembangunan pelan tindakan untuk perakaunan berasaskan akruan (1GFMAS) adalah berterusan, dengan reka bentuk sistem fungsian yang telah diluluskan pada bulan Oktober 2013. Reka bentuk bagi sistem fungsian sokongan dan teknikal akan dimuktamadkan pada akhir bulan Disember 2013. Ujian dan pembangunan sistem akan dilaksanakan pada tahun 2014.

Sehingga bulan Disember 2013, Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Kerajaan telah menyedia dan memperakukan 20 *Malaysia Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) dengan 11 MPSAS diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan.

Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)

Keputusan Kerajaan untuk memperkenalkan GST merupakan satu usaha bagi menutup kelemahan dan kebocoran sistem Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) yang sedia ada. Mekanisme cukai ini juga membantu memperbetulkan ketidakseimbangan yang disebabkan oleh pergantungan pertumbuhan Malaysia pada hasil cukai langsung berbanding dengan hasil cukai tidak langsung dan juga pergantungan pada hasil minyak.

GST akan menggantikan SST dan bukan cukai tambahan seperti kepercayaan umum. GST akan mengatasi kelemahan SST termasuk cukai yang bertingkat-bertingkat *(cascading)* dan elemen cukai yang telah disebatikan dengan kos *(compounding)*. Dengan demikian, SST menjadi sebagai kos perniagaan kerana tidak boleh dituntut berbanding dengan GST, melibatkan pindahan harga dan pindahan nilai; dan tiada pelepasan cukai sepenuhnya atas barangan yang dieksport. SST juga tidak menggalakkan integrasi menegak di samping meningkatkan kerenah birokrasi.

Dengan melaksanakan GST, Malaysia akan mengikut jejak langkah 160 buah negara yang memperkenalkan rejim cukai baharu ini, seawal tahun 1954. Pada kadar enam peratus, pengenalan GST di Malaysia menjadi antara yang paling rendah di dunia dan kurang dari tujuh buah negara ASEAN yang telah melaksanakan sistem cukai ini.

Bil.	Negara	GDP Per Kapita (World Bank, 2011, USD)	Tahun Pelaksanaan	Kadar Asal (%)	Kadar Semasa (%)
1	Indonesia	3,495	1984	10	10
2	Thailand	4,972	1992	7	7
3	Singapura	46,241	1993	3	7
4	Filipina	2,370	1998	10	12
5	Kemboja	897	1999	10	10
6	Vietnam	1,407	1999	10	10
7	Laos	1,320	2009	10	10

Rajah 13.5

GST akan dikenakan atas bekalan semua barangan dan perkhidmatan sama ada buatan Malaysia atau yang diimport. Walaupun sistem cukai baharu ini boleh mengakibatkan beban cukai yang lebih tinggi sedikit kepada pengguna, tetapi beban tersebut akan bergantung kepada corak perbelanjaan pengguna. Selain itu, Kerajaan juga telah menawarkan pakej bantuan cukai dan bukan cukai *(tax and non-tax package)* untuk meringankan bebanan kepada pengguna.


Lebih penting lagi, pelaksanaan GST ini mengambil kira keperluan golongan yang berpendapatan rendah dan pertengahan, di mana barangan keperluan asas seperti beras, ayam, daging, sayuran, tepung, minyak masak, gula, hartanah pertanian dan rumah kediaman, pendidikan dan perkhidmatan kesihatan tidak dikenakan GST melalui mekanisme pengecualian atau mengenakan cukai pada kadar sifar *(zero rated)*.

Kerajaan juga akan mengambil langkah-langkah yang tegas bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan dengan menggunakan GST sebagai alasan untuk menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya. Untuk tujuan ini, Kerajaan akan menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Kerajaan akan menerbitkan Panduan Harga Pengguna di samping menjadikan harga di pasaraya sebagai penanda aras. Pemantauan harga akan dibuat melalui Majlis Harga Negara. Peniaga yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan akan dikenakan denda dan penalti yang berat.



PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM







Tan Sri Dr Ali Hamsa
Ketua Setiausaha Negara

SRI Penyampaian Perkhidmatan Awam (PSD) telah memainkan peranan yang penting dalam memenuhi keperluan rakyat dan komuniti perniagaan.

Menyedari kepentingan perkara ini, program Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam (PSDT) telah dikenalpasti oleh pihak kerajaan. Sambil kita mengorak langkah ke hala tuju yang baharu ini, saya sungguh berbangga kerana berpeluang untuk membentangkan kejayaan yang dicatat oleh SRI ini semenjak penubuhannya sehingga tahun 2013.



PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

SRI Penyampaian Perkhidmatan Awam (PSD) telah dibangunkan dengan tujuan meningkatkan kecekapan Kerajaan dalam memberikan perkhidmatannya kepada komuniti perniagaan dan orang awam, serta menggalakkan anjakan ke arah membudayakan kerja berprestasi tinggi dalam kalangan penjawat awam.

Sehubungan itu, SRI ini telah mengenal pasti 11 inisiatif:

Penyampaian Perkhidmatan Awam

Kerajaan yang cekap, efisien dan memudahkan

	Inisiatif	Pemilik
1	Perekayasaan proses dan prosedur kerja (BPR) untuk menyegerakan proses pelesenan perniagaan	MAMPU
2	Portal dalam talian tunggal bagi menyepadukan semua perkhidmatan perniagaan dan awam	MAMPU
3	Peningkatan sistem kelulusan lesen secara dalam talian	ICU
4	Memperbaiki penyampaian perkhidmatan awam melalui pengawasan prestasi secara masa nyata *(real-time)* dan sistem rating kaunter	MAMPU
5	Menubuhkan pusat panggilan setempat 1Malaysia	
6	Membentuk Peranan Pemeriksa dan Pematuhan untuk penyelesaian pengaduan awam yang berkesan oleh Biro Pengaduan Awam (PCB)	
7	Perkhidmatan Awam berorientasikan rakyat	MAMPU

Perkhidmatan Awam Berprestasi Tinggi

	Inisiatif	Pemilik
8	Jawatankuasa Bersama JPA & SPA untuk memperkenalkan platform perancangan Sumber Manusia (HRM) dan pembangunan pakar pesuruhjaya SPA dengan menubuhkan jawatankuasa untuk memilih pesuruhjaya	JPA
9	Perekrutan terbuka untuk peringkat pengurusan atasan dan pertengahan daripada kedua-dua sektor swasta dan awam bagi memperkasakan kumpulan pengurusan berpotensi tinggi	SPA
10	Ciri mudah alih skim pencen (Skim Persaraan Semasa dan Baharu) untuk menggalakkan mobiliti	JPA
11	Menubuhkan Audit HRM untuk memastikan amalan pengurusan HR yang berkesan	JPA
+	Komponen Sistem HR Strategik (tambahan) yang lain	JPA

Perjalanan Setakat Ini

Walaupun sebahagian besar daripada inisiatif di bawah SRI telah berjalan dengan lancar, terdapat sebahagian yang belum pun bermula. Ini adalah kerana terdapat pertindihan dengan projek sedia ada. Kemajuan 11 inisiatif dari tahun 2011 sehingga tahun 2013 adalah seperti berikut:



Petunjuk Prestasi Utama 2013

SRI Penyampaian Perkhidmatan Awam		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Peratus kemajuan projek *Single Sign-On*: Pembangunan dilengkapkan dan dilaksanakan di 20 Agensi	50%	50%	100	●	100	●	1.0	●
2	Pelaksanaan pengawasan prestasi masa nyata di Kementerian/Agensi	17	17	100	●	100	●	1.0	●
3	Pelaksanaan BLESS	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
4	Jumlah lesen yang dimansuhkan	19	0	0	●	0	●	0	●
				75%		**75%**		**75%**	

Rajah 13.6

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

Pencapaian dan Cabaran

Sistem *Single Sign-On* (SSO)

Sistem SSO ini sedang dilaksanakan bagi meningkatkan lagi kecekapan dan integrasi dalam proses Kerajaan. Sistem ini membenarkan pengguna mengakses semua perkhidmatan dalam talian agensi Kerajaan melalui Portal myGovernment dengan hanya menggunakan satu laluan identiti bersekuriti.

Setakat bulan Disember 2013, 100 peratus daripada projek ini telah disiapkan. 20 Kementerian dan agensi kini menggunakan sistem ini di bawah Fasa 1 dan Fasa 2 projek ini. Fasa 3, yang juga melibatkan 10 agensi dijangka akan bermula pada bulan Mei 2014 dengan dijangka siap pada bulan Jun 2014.

Jadual 1 menyenaraikan Kementerian dan agensi yang telah melaksanakan sistem SSO.

Kementerian/Agensi	Sistem
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional / PTPTN	Sistem Permohonan Pendanaan Pendidikan
Jabatan Alam Sekitar	eConsignment Note (Sistem Nota Kiriman Elektronik Pengurusan Sisa Pepejal)
Polis Diraja Malaysia	Sistem Semakan dalam talian PDRM
Kementerian Luar Negeri	eKonsular
Kementerian Pertanian	Sistem Maklumat Agro Pelancongan
Jabatan Perikanan	Sistem Rangkaian Informasi Perikanan

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

Kementerian/Agensi	Sistem
Kementerian Pelajaran	E-SP (Sistem Penajaan)
Jabatan Pendaftaran Negara	Sistem Permohonan gantian MyKad
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga	Sistem Daftar Program Vaksinasi HPV
Kementerian Belia dan Sukan	E-Belia
Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi	K-Commodities
Kementerian Kewangan	Sistem Pinjaman Perumahan Bersepadu (SPPB)
Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan	Sistem E-Tribunal
Jabatan Pengangkutan Jalan	MYSIKAP
Jabatan Perangkaan Malaysia	E-Services
Lembaga Pertubuhan Peladang	EPELADANG
Perbadanan Harta Intelek Malaysia	*IP Online System*
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan	EROSES
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia	EFEIS *(Fire Extinguisher Inspection System)*
Perpustakaan Negara	UPUSTAKA

Rajah 13.7: Jadual 1

Dengan kerjasama erat daripada Kementerian dan agensi yang mengambil bahagian, pelaksanaan inisiatif SSO tidak menghadapi apa-apa cabaran yang besar dan dijangka akan disiapkan mengikut jadual.

Sistem Pemantauan Prestasi Masa Nyata

Sistem pemantauan prestasi masa nyata bertumpu kepada pengadaran prestasi penjawat awam dan menilai kecekapan sistem penyampaian pada peringkat individu. Pemantauan ini dilaksanakan oleh pihak pengurusan dalaman melalui sistem dalam talian. Ini membolehkan pihak pengurusan bertindak pantas terhadap laporan salah laku pegawai dan seterusnya mengambil tindakan pemulihan. Sistem ini juga membantu mengenal pasti pegawai yang berprestasi tinggi.

Sehingga akhir bulan Disember 2013, pembangunan sistem bagi 17 agensi ialah 100 peratus siap, termasuk ujian penerimaan pengguna.

Sistem Sokongan Pelesenan Perniagaan Elektronik (BLESS)

Fasa I BLESS telah disiapkan pada tahun 2009. Fasa II dan III BLESS bermula pada tahun 2010, berikutan siapnya inisiatif Perekayasaan Semula Proses dan Prosedur Kerja (BPR). BLESS Fasa II dan III merangkumi proses permohonan dan kelulusan lesen perniagaan yang disemak semula untuk memudahkan lagi proses menjalankan perniagaan di Malaysia.

Pelaksanaan BLESS telah memperbaiki pelbagai elemen proses permohonan dan kelulusan lesen perniagaan, termasuk:

(a) Penubuhan Pusat Sehenti dan Permohonan Dalam Talian untuk lesen/kelulusan/permit

(b) Perkongsian maklumat antara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (CCM) dan BLESS yang membenarkan syarikat menyertakan salinan keras Borang 9, 24, 44 dan 49 semasa menghantar permohonan untuk lesen/kelulusan/permit perniagaan

(c) Komunikasi dalam talian di antara pemohon, agensi yang mengeluarkan lesen dan agensi teknikal bagi membolehkan keputusan mengenai permohonan dibuat dengan lebih pantas, mudah dan cekap

(d) Bayaran dalam talian melalui kad kredit dan FPX (debit terus)

(e) Penjejakan dalam talian status permohonan dan pembaikan dari segi masa

Dalam pembangunan BLESS Fasa II dan III, 498 lesen telah menjalani Kajian Keperluan Pengguna. Sehingga hari ini, 103 lesen telah dihidupkan sementara 151 lesen membabitkan 11 Kementerian sedang diproses atau disepadukan ke dalam BLESS. Sejak dimulakan pada tahun 2008, bilangan permohonan yang diterima melalui BLESS telah meningkat dari 1,204 pada tahun 2012 ke 15,471 pada tahun 2013. Peningkatan penggunaan sistem ini dikaitkan dengan program kesedaran yang telah dijalankan.


Walaupun dengan kemajuan positif pelaksanaan BLESS, pengguna dalam agensi-agensi Kerajaan mengambil masa untuk menyesuaikan diri dengan proses baharu ini pada peringkat awal. Pada masa yang sama, sesetengah ahli komuniti perniagaan kurang yakin dengan keselamatan sistem dalam talian dan ada juga yang tidak mahu dan tidak selesa untuk menggunakan sistem ini. Infrastruktur rangkaian yang kurang memadai dan jalur lebar yang tidak konsisten juga menimbulkan halangan kepada pelaksanaan lancar sistem ini.

Pemansuhan Lesen Bertindih

Di bawah inisiatif ini, semua lesen perniagaan telah dinilai untuk mengurangkan lesen yang tidak diperlukan dan yang bertindih.

Statistik Permohonan (Tahunan)

Sehingga 20 Dis 2013 @ 06.00PM



Rajah 13.8

Rentetan pemansuhan sembilan lesen pada tahun 2012, lesen-lesen seterusnya turut menjalani beberapa peringkat proses pemansuhan pada tahun 2013. Ini adalah termasuk 8 lesen yang sedang ditinjau oleh Jabatan Peguam Negara dan satu lesen yang akan dibentangkan pada sesi Parlimen yang akan datang. Memorandum Jemaah Menteri untuk satu lagi lesen pula dalam semakan. Di samping itu, pindaan kepada satu lesen akan dimuktamadkan untuk memastikan ia mencakupi pihak yang berkepentingan. Tiga lesen yang lain sedang disemak kerana terdapat pertindihan polisi dengan Kementerian yang lain. Keputusan telah diambil untuk tidak lagi memansuhkan lima lesen.

Pemansuhan lesen memerlukan kajian semula komprehensif Akta dan peraturan yang berkaitan secara keseluruhannya. Draf peraturan-peraturan mungkin mengambil masa untuk disiapkan memandangkan ia tertakluk kepada semakan dan kelulusan Jabatan Peguam Negara. Di samping itu, isu bertindih seperti dasar mesti diselesaikan sebelum undang-undang pelesenan baharu dibentangkan di Parlimen. Selain itu, pindaan kepada peraturan-peraturan pelesenan memerlukan perundingan dengan pihak berkepentingan untuk memastikan semakan yang komprehensif.

Langkah Seterusnya

Setakat ini, pelaksanaan SRI Penyampaian Perkhidmatan Awam (PSD) tertumpu kepada perniagaan. Walaupun ini telah membantu mengukuhkan persekitaran untuk menjalankan perniagaan dan menarik pelaburan, lebih banyak tumpuan kini diperlukan untuk memenuhi keperluan orang awam.

Lantaran itu, SRI ini akan dipindahkan ke platform yang lebih tinggi dengan pengenalan program Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam (PSDT). Usaha-usaha mesra perniagaan akan diteruskan dengan PSDT berfungsi untuk mengukuhkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, menangani keperluan yang muncul sejajar dengan transformasi Malaysia untuk menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi.

Keperluan-keperluan ini yang berkait rapat dengan faktor-faktor seperti perubahan demografi negara (iaitu peningkatan jumlah warga tua serta warga perempuan) dan pembangunan urbanisasi yang semakin pesat telah meningkatkan keperluan terhadap perumahan, pendidikan yang baik dan kadar jenayah minimum. Oleh hal yang demikian, PSDT akan lebih tertumpu kepada penambahbaikan proses dan peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.

Selain itu, PSDT juga akan menumpukan usaha untuk merapatkan jurang antara tanggapan umum tentang kebolehsediaan dan kualiti perkhidmatan awam; dan jangkaan orang awam terhadap perkhidmatan ini. PSDT ini tercetus berikutan keperluan untuk meningkatkan dan memperbaiki tahap perkhidmatan awam untuk memenuhi keperluan rakyat. Kajian menunjukkan Kerajaan akan memerlukan perbelanjaan tambahan untuk memenuhi keperluan rakyat.

Di sebalik peningkatan kos bagi memenuhi keperluan rakyat, Kerajaan mengiktiraf bahawa PSDT akan dapat meningkatkan kecekapan bagi mengurangkan perbelanjaan Kerajaan dalam tempoh jangka panjang. Sebagai contohnya, kajian yang dijalankan oleh Oxford Economics pada tahun 2013 menunjukkan bahawa dengan peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam sebanyak 1 peratus setahun di Singapura, ia boleh menjimatkan negara sebanyak US$7 bilion. Dengan menggunakan kaedah sama yang diadaptasikan daripada Oxford Economics, peningkatan kecekapan sebanyak 1 peratus setahun di Malaysia boleh menjimatkan perbelanjaan Kerajaan Malaysia sebanyak RM30 bilion setahun.

Untuk memperbaiki penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, PSDT akan menumpukan kepada tiga bidang, iaitu:

- Meningkatkan kesedaran tentang kebolehsediaan perkhidmatan awam
- Memperbaiki akses kepada perkhidmatan untuk rakyat
- Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam



MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN








Dato' Sri Abdul Wahid Omar
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Salah satu pertimbangan utama yang mendasari pelaksanaan ETP ini adalah menentukan keterangkuman terus berkekalan.

Dengan membantu dan menyokong perniagaan Bumiputera agar menjadi lebih berdaya upaya dan berdaya saing, ia boleh meluaskan peluang ekonomi untuk manfaat keseluruhan rakyat, dan seterusnya mencipta pertumbuhan yang lebih saksama dan mampan.

Beberapa perubahan telah mula dilaksanakan pada tahun ini yang bakal mengubah hala tuju pembangunan ekonomi Bumiputera. Perdana Menteri telah mengumumkan pelbagai inisiatif semasa pelancaran program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, di mana apabila ia dilaksanakan bersama-sama dengan SRI Merapatkan Jurang Ketaksamaan akan meningkatkan dan merangsang penyertaan mereka dalam ekonomi. Antara perubahan yang diumumkan termasuk:

1. Peruntukan RM100 juta untuk Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB), bertujuan membantu permulaan Bumiputera
2. Penyusunan semula Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) yang akan diuruskan secara langsung oleh TERAJU
3. Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) akan ditubuhkan di semua Kementerian dengan tujuan untuk mewujudkan lebih banyak peluang berdasarkan merit untuk syarikat Bumiputera yang berdaya upaya. Seterusnya, UPEB akan memastikan bahawa Kementerian-kementerian memainkan peranannya dalam memudahcarakan pembangunan ekonomi Bumiputera



Sejak ditubuhkan pada bulan Februari 2011, TERAJU telah mencipta peluang perniagaan bernilai RM17.2 bilion melalui pendanaan dan pembangunan modal insan dan sebanyak 688 syarikat Bumiputera telah menerima manfaat daripada pelbagai inisiatif yang dipacu oleh TERAJU.

Dalam usaha meneraju pembinaan kemampuan Bumiputera, TERAJU juga membantu menubuhkan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera. Inisiatif ini diwujudkan dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti, kuantiti dan kesesuaian bakat Bumiputera sejajar dengan usaha Kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi di samping memikul semangat keterangkuman untuk meningkatkan bilangan bakat Bumiputera dalam pekerjaan berpendapatan tinggi.

Di bawah Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera, sebanyak 919 pelajar yang layak telah menerima biasiswa. Biasiswa ini diberikan kepada pelajar berprestasi yang datang dari persekitaran yang mencabar. Bantuan yang disediakan oleh yayasan ini telah disalurkan menerusi empat teras, iaitu Peneraju Tunas (intervensi semasa sekolah rendah dan menengah), Peneraju Skil (pemupukan dan pengurusan kemahiran), Peneraju Profesional (pensijilan dan pembangunan profesional) dan Peneraju Pemimpin (pembangunan kepimpinan).

Sambil kita mengorak langkah dalam menghadapi tahun 2014, saya berasa amat yakin bahawa SRI ini akan terus membantu masyarakat PKS Bumiputera kekal di landasan betul dalam mencapai sasarannya untuk menyumbang 20 peratus kepada KDNK menjelang tahun 2020.

MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN

SRI Merapatkan Jurang Ketaksamaan menjelmakan agenda keterangkuman ETP dan bertujuan untuk merapatkan jurang ekonomi di antara masyarakat pelbagai kaum dalam negara ini. Tumpuan utamanya adalah untuk menangani jurang antara pencapaian komuniti perniagaan kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Berdasarkan cadangan Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) sebagaimana yang tercatat dalam Model Ekonomi Baru, dua teras SRI ialah pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera dan membina Juara Korporat Bumiputera (BCC).

Petunjuk Prestasi Utama 2013

SRI Merapatkan Jurang Ketaksamaan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Bilangan syarikat baharu dalam PKS Bumiputera Berprestasi Tinggi (HPBS)	300	231	77	🟡	77	🟡	0.5	🟡
	Peratusan pertumbuhan tahun 2013 dalam keseluruhan pendapatan syarikat TeraS (i) Kelompok 1 (Tahun 2012) (ii) Kelompok 2 (Tahun 2013)	12%	7%	58	🟡	58	🟡	0.5	🟡
	Bilangan syarikat TeraS baharu yang meneroka ke luar negara	50	50	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
2	Jumlah Juara Korporat Bumiputera baharu berpotensi (BCC) yang melaksanakan Program Vendor	10	10	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Jumlah syarikat yang menyertai program pembiayaan ekuiti	10	13	130	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Jumlah syarikat yang dikenal pasti dan dibantu/ dipupuk di bawah program Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB)	4	4	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
3	Jumlah dana tambahan yang dikumpul daripada bank dan bukan bank (RM Juta)	1.0	0.8	80	🟡	80	🟡	0.5	🟡
	Jumlah dana yang diluluskan oleh bank dan bukan bank yang mengambil bahagian (RM Juta)	500	272.89	55	🟡	55	🟡	0.5	🟡
	Jumlah syarikat yang menerima bantuan kewangan dari bank dan bukan bank yang mengambil bahagian	100	101	101	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Jumlah dana mudahcara yang diluluskan (RM Juta)	500	374.4	75	🟡	75	🟡	0.5	🟡
4	Bilangan projek yang dibiayai dan dimudahcarakan melalui Koridor Ekonomi dan Wilayah Tengah	70	70	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

SRI Merapatkan Jurang Ketaksamaan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
5	Jumlah Projek Mega *Carve-Out* untuk Bumiputera	3	4	133	●	100	●	1.0	●
				92%		**87%**		**79%**	

Rajah 13.9

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

Program TeraS

Program TeraS ini direka bentuk ke arah membantu syarikat berprestasi tinggi mencapai potensi sebenar mereka. Syarikat yang dipilih untuk menyertai program ini dipilih berdasarkan kedudukan kewangan dan potensi pertumbuhan mereka. Untuk layak menyertai TeraS, syarikat dinilai melalui sistem penarafan *SME Competitiveness Rating for Enhancement* (SCORE) oleh Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) yang mengambil kira kadar pertumbuhan dan rekod prestasi kewangan syarikat tersebut.

Dilancarkan pada bulan Julai 2011, program TeraS ini bertujuan untuk mengenal pasti sejumlah 1,100 syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi dan berpotensi untuk mencapai pertumbuhan dan membantu mereka berkembang di luar pasaran Malaysia. Setakat akhir bulan Disember 2013, terdapat sejumlah 520 syarikat TeraS.

Bantuan di bawah TeraS termasuk pendanaan untuk syarikat dan projek Bumiputera. Dana yang tersedia terdiri daripada Dana Mudahcara dan Dana TeraS. Selain itu, matlamatnya adalah untuk membantu dalam pembinaan keupayaan dan untuk menyokong pengembangan ke luar negara (berdasarkan keupayaan syarikat memenuhi syarat yang ditentukan).

Program TeraS ini juga telah membantu mengenal pasti peluang yang lebih luas untuk syarikat Bumiputera melalui Projek MY Rapid Transit (MRT), susulan daripada intervensi TERAJU dan Majlis Tindakan Agenda Bumiputera.

Sehubungan dengan ini, 47 peratus, atau RM9.1 bilion daripada projek MRT telah diagih-agihkan kepada 322 kontraktor Bumiputera, membolehkan lebih banyak penyertaan kontraktor Bumiputera daripada Kelas A sehingga Kelas F.

Peruntukan projek kepada syarikat Bumiputera telah dicapai melalui pelaksanaan peruntukan khas Bumiputera, iaitu inisiatif *Carve-out and Compete*. Model ini berlandaskan enam prinsip pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera – mesra pasaran, berasaskan keperluan, berasaskan merit, ketelusan, pro-pertumbuhan dan daya saing yang mampan.

Kerajaan memperkenalkan Dana Mudahcara di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menggalakkan pelaksanaan projek-projek sektor swasta. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kerajaan memperuntukkan RM20 bilion untuk Dana Mudahcara, di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), dengan sejumlah RM2 bilion diuruskan oleh TERAJU.

Matlamat Dana Mudahcara adalah:

- untuk merapatkan jurang daya maju dalam pelaburan sektor swasta dalam pelaksanaan projek bernilai tinggi yang mempunyai kesan limpahan yang besar di samping impak strategik yang tinggi kepada pembangunan ekonomi
- untuk menjadi pemangkin kepada pelaburan swasta dalam sektor strategik
- untuk merasionalisasikan pembabitan Kerajaan dalam perniagaan dan meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam ekonomi

Untuk menggalakkan penerimaan Dana Mudahcara, nilai ambang projek ini telah dikurangkan daripada RM20 juta kepada RM5 juta. RM559 juta telah diluluskan untuk projek Bumiputera dengan nilai pelaburan berjumlah RM4.8 bilion. 109 projek telah menerima Dana Mudahcara dan ini akan menjana 20,343 peluang pekerjaan untuk masyarakat tempatan.

Antara syarikat yang telah mengambil dana ini termasuk Gading Kencana Sdn Bhd, Maple Icon Sdn Bhd, PEPS-JV (M) Sdn Bhd, Dimension Bid (M) Sdn Bhd, Majpadu Bricks Sdn Bhd dan Jahasrat Poultry Processing Sdn Bhd.

Dana TeraS yang diwujudkan secara khusus untuk membantu syarikat-syarikat TeraS ini menyediakan pinjaman untuk modal kerja dan pemerolehan aset. Ia menyediakan kadar faedah yang rendah dan waktu memproses pinjaman yang lebih cepat. TERAJU telah menjalin usaha sama dengan SME Bank, RHB Islamic Bank, dan MIDF di bawah inisiatif ini. Sehingga kini, 100 buah syarikat TeraS telah memanfaatkan dana ini.

Pencapaian dan Cabaran

Empat lagi projek ikonik telah dikenal pasti di bawah inisiatif *Carve-out and Compete* bagi tahun ini. Projeknya ialah Menara Warisan Merdeka, Bukit Bintang City Centre, Matrade Exhibition Centre dan Sungai Buloh Rubber Research Institute (RRI).

Peratusan *carve-out* mengikut projek adalah seperti berikut:

Projek	Pemilik Projek	Komitmen *Carve-Out*
Menara Warisan Merdeka	PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd	40 %
Bukit Bintang City Centre	UDA Holdings Bhd	42 %
Sungai Buloh RRI	Kwasa Land Sdn Bhd	35 %
Matrade Exhbition Centre	Naza TTDI	40 %

Rajah 13.10

Usaha giat juga dijalankan untuk mengenal pasti syarikat-syarikat terkemuka dalam menangani cabaran meningkatkan minat syarikat-syarikat sepertinya untuk menyertai TeraS. Hasilnya, jumlah Juara Korporat Bumiputera (BCC) yang melaksanakan Program Pembangunan Vendor (VDP) telah menunjukkan peningkatan dan syarikat-syarikat korporat yang mantap ini telah memainkan peranan sebagai mentor dan seterusnya menyediakan peluang perniagaan untuk syarikat yang lebih kecil.

Program TeraS ini kini merangkumi 13 BCC, iaitu Mydin Mohamed Holdings Bhd, Ahmad Zaki Sdn Bhd, Ranhill Utilities Sdn Bhd, Petra Resources Sdn Bhd, Encorp Construct Sdn Bhd, Naim Engineering Sdn Bhd, Zecon Water Corporation Sdn Bhd, Stratech, PBJV Group, Selia Selanggara, Ramly Food Processing, Mutiara Motors and Prestariang Systems. TERAJU kini menyasarkan untuk menarik lebih banyak penyertaan syarikat Bumiputera yang tersenarai ke dalam program TeraS di samping juga mencipta BCC melalui penggabungan dan pengambilalihan.

Bagaimanapun, usaha BCC dalam melaksanakan VDP harus dipertingkatkan agar BCC dapat berkongsi kepakaran dengan lebih banyak PKS bagi meningkatkan lagi pembangunan usahawan. Walaupun kehadiran BCC dalam sektor pembinaan banyak membantu usahawan namun masih banyak lagi pertolongan yang diperlukan daripada BCC untuk sektor-sektor lain.

Selain itu, lebih banyak syarikat Bumiputera terkemuka diperlukan untuk menyertai TeraS dan lebih banyak syarikat TeraS ini pula perlu berkembang di luar pasaran Malaysia.

Dari segi sokongan kewangan, Dana TeraS kini tersedia melalui MIDF Bhd. Sebelum ini, ia hanya boleh didapati daripada SME Bank dan RHB Islamic Bank. Pada hujung tahun 2012, Dana TeraS berjumlah RM1.02 bilion. Pada hujung tahun 2013, sasarannya ialah untuk meningkatkan Dana TeraS kepada RM1.64 bilion.

TERAJU juga sedang bekerjasama dengan SME Bank dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal untuk menyediakan dana sebanyak RM280 juta untuk industri Pembangunan Halal.

Dana Mudahcara

Dana Mudahcara berjumlah RM2 bilion ini diuruskan oleh TERAJU dan Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS). Sebanyak RM100 juta daripada dana ini telah diperuntukkan kepada setiap koridor ekonomi sebagai langkah mengagihkan dana, di samping juga membolehkan koridor-koridor ini mengenal pasti projek yang layak menerima geran.

Selain daripada menyediakan sokongan untuk Inisiatif Pembiayaan Persendirian (PFI), dana ini juga bertindak sebagai pemangkin untuk pelaburan persendirian dalam sektor strategik dengan nilai minimum projek RM5 juta. Pada masa yang sama, dana ini memberikan insentif tambahan kepada syarikat yang memerlukan pemudahan dan bantuan di bawah program TERAJU.

Inisiatif ini boleh membantu usahawan terutamanya dalam mendapatkan baki pembiayaan daripada institusi kewangan. Dana ini bakal merangsang penyertaan Bumiputera dalam aktiviti ekonomi di seluruh negara dan memudahkan pelaksanaan projek-projek sektor swasta.



Dana ini juga bertindak sebagai pemangkin untuk pelaburan persendirian dalam sektor strategik

TERAJU juga telah melaksanakan inisiatif baharu Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE) bernilai RM10 juta secara usaha sama dengan Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB). ECCE merupakan salah satu bidang yang telah dikenal pasti dalam ETP yang memiliki pertumbuhan berpotensi serta dijangka menjana permintaan tinggi untuk pengendali ECCE.

Tiga pengendali ECCE telah pun dikenal pasti untuk inisiatif ini: Brainy Bunch, Genius Aulad dan Little Caliphs. Langkah seterusnya adalah untuk membantu pengendali-pengendali ini untuk mengembangkan rangkaian francais mereka. Pemegang francais juga boleh memohon pinjaman mudah di bawah inisiatif ECCE ini.

Sebuah Pusat Kecemerlangan (CoE) yang baharu telah dilancarkan pada bulan September tahun ini untuk meningkatkan kemahiran jurutera dalam syarikat pembinaan Bumiputera. Kumpulan pertama jurutera telah pun menyertai CoE ini. Inisiatif ini akan memanfaatkan 120 orang pelajar.

CoE ini merupakan kerjasama strategik di antara CIDB dan TERAJU. Ia bertujuan untuk membangunkan modal insan sejajar dengan kemajuan dalam teknologi dan pengenalan set kemahiran baharu.

CoE ini juga bertujuan untuk:

- Mendidik, melatih dan membangunkan kemampuan Bumiputera untuk menambah bilangan Bumiputera yang berkemahiran dalam pelbagai bidang pembinaan
- Mendedahkan Bumiputera kepada perkembangan dan teknologi terkini dalam pelbagai bidang industri pembinaan
- Memastikan kemahiran tempatan digunakan dalam konteks pemindahan teknologi dalam bidang khusus

Matlamat program ini adalah sejajar dengan Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera, iaitu untuk menambah bilangan Bumiputera dalam pekerjaan berpendapatan tinggi.

TERAJU telah memperuntukkan sebanyak RM15 juta kepada CoE untuk tiga tahun sementara CIDB pula diperanankan sebagai agensi pelaksana. TERAJU seterusnya akan menggalakkan syarikat-syarikat TeraS yang berkecimpung dalam sektor pembinaan untuk turut menyertai program ini.

Langkah Seterusnya

Sasaran bagi tahun 2014 adalah untuk mendapatkan persetujuan penyertaan daripada 40 BCC selain daripada menyasarkan penyertaan 100 BCC daripada 1,100 syarikat TeraS menjelang tahun 2015.

Syarikat-syarikat TeraS juga akan digalakkan untuk meneroka pasaran luar negara dengan sasaran 60 syarikat bagi tahun 2014.

Rancangan-rancangan lain yang disediakan untuk syarikat TeraS dalam tahun yang akan datang ini adalah termasuk memudahkan pembinaan keupayaan, pembangunan perniagaan (syarikat berkaitan kerajaan/pemadanan perniagaan BCC, penyumberan luar, VDP), memacu penggabungan dan pengambilalihan, mencari dana untuk modal bekerja, pembiayaan aset dan ekuiti, pemilikan hartanah, dan melaksanakan aktiviti pemasaran dan promosi.

Susulan daripada kejayaan inisiatif *Carve-Out and Compete* MRT, SRI ini akan menyasarkan lebih banyak peruntukan khas Bumiputera *(Carve-Out)* bagi projek-projek besar. Syarikat Bumiputera juga akan digalakkan untuk memanfaatkan peluang dalam ECCE.

Selain itu, sebuah Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) akan diwujudkan di semua Kementerian dengan tujuan untuk mencipta lebih banyak peluang berasaskan merit untuk syarikat Bumiputera yang berkemampuan.

Sorotan Syarikat TeraS – Serba Dinamik Sdn Bhd

Serba Dinamik Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat kejuruteraan teknikal dan perkhidmatan komersial menyeluruh yang ditubuhkan pada tahun 1993. Syarikat ini memulakan operasinya dengan membekalkan tenaga kerja mahir, terutamanya untuk penyenggaraan mesin berputar dan apabila ia berkembang, ia mula menyediakan perkhidmatan menyeluruh dengan pengkhususan dalam peralatan berputar dan dandang dan kebuk tekanan tak berapi.

Hari ini, perniagaan terasnya merangkumi pembinaan dan pemfabrikatan, operasi dan penyenggaraan loji; kejuruteraan mekanik, elektrik dan perpaipan; pendidikan dan latihan; penyelesaian IT dan perdagangan antarabangsa.

Serba Dinamik diperakui dalam pematuhan ISO 9001, OHSAS 18001 dan ISO 14001. Ia telah menerima pelbagai anugerah yang mengiktiraf kualiti perkhidmatannya. Ini termasuk *SME One Asia Awards* dan *STAR Business Awards 2013*. Serba Dinamik juga diiktiraf sebagai *Malaysia Power Brand*, edisi ke-8 bagi tahun 2013.

Pemangkin Perubahan

MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN

pengalaman bersama perkhidmatan awam



Encik Husni Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif
TERAJU

Tahun 2013 merupakan tahun yang penuh peristiwa bagi TERAJU, bukan sahaja kerana momentum pesat projek-projek yang berada di bawah seliaannya, tetapi berikutan pengumuman YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak yang menetapkan pembangunan ekonomi Bumiputera sebagai suatu agenda nasional.

"Banyak yang telah kami usahakan dari segi melaksanakan program-program sedia ada kami. Paling atas dalam senarai kami ialah TeraS dan kami sentiasa mencari syarikat baharu untuk menyertai program ini. Sehingga hujung tahun ini, kami mempunyai hampir 500 syarikat yang telah ditapis melalui proses saringan yang kami tetapkan," kata Husni Salleh yang memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, sebuah unit di Jabatan Perdana Menteri yang menyelaraskan program pembangunan ekonomi Bumiputera.

Untuk layak dipilih sebagai syarikat TeraS, syarikat tersebut mesti menjalani proses penarafan SCORE oleh SME Corp, iaitu syarikat yang diberi penarafan tiga bintang ke atas menerima prakelayakan untuk maju ke peringkat saringan yang seterusnya. Ini termasuklah menerima penarafan kredit sebelum jawatankuasa TERAJU menilai cadangan syarikat dan mempertimbangkan potensi syarikat tersebut dalam mencapai pertumbuhan.

"Kami ingin melihat bahawa syarikat itu berdisiplin untuk menghantar penyata tahunan selama tiga tahun. Akaun mereka yang diaudit seharusnya memperlihatkan tanda-tanda pertumbuhan, yang diukur berdasarkan pertumbuhan industri. Di samping itu, syarikat tersebut seharusnya mempunyai tidak kurang daripada 51 peratus pemegang saham Bumiputera," jelas Husni.

Proses pemilihan yang ketat ini adalah untuk memastikan hanya syarikat tulen yang memiliki potensi pertumbuhan sebenar menerima sokongan melalui proses TeraS ini, yang merangkumi akses yang lebih luas kepada pendanaan, bimbingan melalui pementoran daripada Juara Korporat Bumiputera dan pembinaan keupayaan.

Secara khususnya, salah satu daripada program yang dikendalikan oleh TERAJU ialah Dana TeraS, kemudahan dana berjumlah RM1.8 bilion yang ditawarkan melalui SME Bank, RHB Islamic Bank dan MIDF. Kerajaan telah menyediakan dana berjumlah RM100 juta sebagai cagaran bagi kemudahan tersebut, bagi membolehkan sebahagian besar daripadanya digunakan untuk membiayai pemerolehan aset dan selebihnya disediakan untuk membiayai modal kerja.

Dana TeraS, selain daripada program pendanaan yang tersedia seperti dana Halal berjumlah RM280 juta yang ditawarkan melalui SME Bank dengan Halal Industry Development Corporation, bertujuan membantu syarikat mengembangkan perniagaan mereka, terutamanya ke luar negara.

Beliau menjelaskan, "Pertumbuhan yang mampan memerlukan pendedahan selain pasaran tempatan. Hanya sebilangan kecil syarikat tempatan meneroka pasaran luar negara secara aktif. Saya merasakan ini adalah cabaran terbesar yang kita hadapi. Untuk menangani persaingan yang semakin sengit di pasaran tempatan, kita memerlukan strategi yang kukuh untuk mendorong syarikat agar keluar daripada pasaran tempatan dan menembusi pasaran baharu, terutamanya dengan adanya Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN dan Masyarakat Ekonomi ASEAN."

TERAJU juga bermatlamat untuk membantu meningkatkan permodalan syarikat-syarikat Bumiputera yang sebilangannya masih kecil. Ini termasuk inisiatif untuk menggalakkan penyenaraian syarikat di bursa saham. "Selagi kita tidak menggalakkan lebih banyak syarikat Bumiputera disenaraikan, kita akan benar-benar menghadapi cabaran dari segi pengembangan ekuiti," tambah beliau lagi.


Satu lagi inisiatif yang berada di bawah penyeliaan TERAJU ialah operasi Pusat Kecemerlangan bagi industri pembinaan, yang telah dilancarkan pada tahun 2013 dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Usaha ini melibatkan program *fellowship* membolehkan CIDB membantu merekrut terutamanya pengurus kanan dari syarikat-syarikat Bumiputera untuk perantisan. Matlamat pusat ini adalah untuk menggalakkan pemindahan pengetahuan dalam bidang teknologi pembinaan baharu.

Matlamat utama pelbagai inisiatif yang diuruskan oleh TERAJU adalah untuk mengurangkan jurang pendapatan antara kaum Bumiputera dan kaum bukan Bumiputera, sambil meningkatkan penyertaan syarikat Bumiputera di sektor swasta. "Pada masa sekarang, berdasarkan statistik terkini, kaum bukan Bumiputera masih memperoleh pendapatan purata yang lebih tinggi bagi setiap isi rumah berbanding dengan kaum Bumiputera. Kami mendapati bahawa untuk mengurangkan jurang ini, kita perlu menempatkan lebih ramai Bumiputera dalam sektor swasta.

Bekerja dengan Kerajaan dan agensi-agensinya mengehadkan sumbangan Bumiputera kepada KDNK menjadi kurang daripada 40 peratus. Oleh itu, yang selebihnya perlu disumbang melalui penyertaan sektor swasta," ujar Husni.

Memandangkan cabaran untuk meningkatkan aktiviti ekonomi Bumiputera diburukkan lagi oleh masa yang lebih lama diambil oleh graduan Bumiputera untuk mendapatkan pekerjaan pertama mereka, TERAJU telah mula berbincang dengan sektor swasta dan syarikat multinasional bagi mendapatkan sokongan mereka dalam menjayakan agenda Bumiputera.

"Kami mahu memastikan agar semua orang memahami bahawa agenda Bumiputera bukan bermakna mengambil bahagian orang lain, tetapi bertujuan mencipta masyarakat terangkum yang boleh berkongsi, bekerja dan beroleh kemakmuran bersama-sama," kata Husni mengakhiri wawancara ini.



MENGURANGKAN PERANAN KERAJAAN DALAM PERNIAGAAN







Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia

Inisiatif yang digerakkan di bawah SRI Mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan ini menjadi teras kepada matlamat Program Transformasi Ekonomi yang berhasrat untuk membangunkan ekonomi yang didorong oleh sektor swasta dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Pada masa yang sama, merasionalisasikan pegangan Kerajaan dalam perniagaan akan membolehkan kita mengutamakan penggubalan dasar yang akan memupuk persekitaran yang sesuai bagi aktiviti komersial. Ini membolehkan pasaran beroperasi dengan kurang campur tangan Kerajaan, di samping menggalakkan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) mengurangkan kebergantungannya kepada Kerajaan. Setelah mengambil kira semua faktor ini, Kerajaan dengan berlandaskan SRI ini, akan bertindak secara proaktif untuk mengenal pasti peluang-peluang di mana sektor swasta boleh muncul sebagai pemacu pertumbuhan.

MENGURANGKAN PERANAN KERAJAAN DALAM PERNIAGAAN

Peranan Kerajaan dalam perniagaan yang selama ini bertujuan membantu memecut pertumbuhan dalam industri-industri tertentu yang berkepentingan nasional telah bagaimanapun mendatangkan beberapa cabaran yang perlu ditangani oleh SRI ini.

Cabaran-cabaran ini adalah termasuk mengelakkan sesakan keluar sektor swasta, meningkatkan keadaan mudah tunai dalam pasaran modal dan memperbaiki kedudukan kewangan Kerajaan.

Dalam usaha untuk menangani cabaran-cabaran tersebut, Kerajaan melalui SRI ini akan

- mewujudkan dengan jelas peranan Kerajaan dalam perniagaan
- menghasilkan pelan pelepasan saham yang jelas; dan
- mewujudkan garis panduan tadbir urus yang jelas bagi syarikat-syarikat milik Kerajaan

Usaha-usaha ini bermatlamat untuk secara beransur-ansur mengalih peranan Kerajaan dalam perniagaan daripada pelabur kepada fasilitator. Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan mematuhi garis panduan yang berikut bagi penyertaannya dalam sektor perniagaan:

- pelaburan dalam perniagaan bersama sektor swasta adalah untuk projek-projek yang akan meningkatkan Pendapatan Negara Kasar (PNK) seperti pembangunan wilayah koridor
- perniagaan berkenaan berkaitan secara langsung dengan isu-isu keselamatan negara
- perniagaan berkenaan melibatkan pelaburan modal yang besar dan memerlukan tempoh matang yang panjang seperti teknologi nano dan disifatkan sebagai perniagaan strategik atau yang berkepentingan nasional

Kerajaan juga telah mengenal pasti jenis-jenis projek infrastruktur nasional yang memerlukan pelibatan Kerajaan seperti projek tenaga boleh baharu dan projek sistem pengangkutan awam.

Sementara itu, pelaksanaan penjualan saham oleh Kerajaan akan melibatkan penjualan pemilikan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan di bursa utama dan syarikat-syarikat berkaitan yang lain. Setakat ini, 33 buah syarikat telah dikenal pasti untuk pelepasan saham. Daripada 33 syarikat yang disasarkan ini, pelepasan saham bagi 23 syarikat telah disempurnakan setakat bulan November 2013.

Aset milik Kerajaan dan Negeri akan dilepaskan dengan sewajarnya melalui inisiatif SRI ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus memegang aset yang strategik, yang mempunyai kepentingan nasional atau menyumbang kepada penyampaian perkhidmatan awam. Daripada syarikat-syarikat strategik yang telah dikenal pasti tersebut, Kerajaan akan mengambil pendekatan yang kurang invasif seperti pemegangan saham emas, di mana pemegang saham diberikan hak pengundian khas dan mempunyai kuasa veto atas aktiviti-aktiviti korporat yang berkaitan. Kerajaan juga akan menggubal dasar-dasar yang sesuai untuk melindungi sektor strategik tersebut.

Petunjuk Prestasi Utama 2013

SRI Mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Bilangan syarikat yang dilupuskan	4	1	25	🔴	25	🔴	0	🔴
	Dua syarikat di bawah Kem. Kerja Raya telah dilupuskan	100%	0%	0	🔴	0	🔴	0	🔴
	Satu syarikat di bawah Kem. Belia dan Sukan dilupuskan	100%	100%	100	🟢	100	🟢	1.0	🟢
	Salah satu syarikat di bawah Kem. Wilayah Persekutuan telah dilupuskan	100%	0%	0	🔴	0	🔴	0	🔴
2	Pelupusan syarikat GLC: 33 syarikat 2011 - 2012 = 24 syarikat 2013 dan selebihnya = 9 syarikat (Nota: Pelupusan syarikat bermaksud penjualan saham oleh GLC kepada sektor swasta, sama ada melalui penyenaraian, pengurangan pegangan saham ataupun penjualan secara terus)	9	8	89	🟡	89	🟡	0.5	🟡
				57%		**57%**		**25%**	

Rajah 13.11

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

Pencapaian dan Cabaran

Pada bulan Oktober 2013, Khazanah Nasional Bhd telah melepaskan semua pegangannya dalam pengendali telefon mudah alih, DiGi.Com Bhd, di mana nilai pegangannya dalam syarikat tersebut dianggarkan berjumlah RM293.5 juta. Di bawah program rasionalisasi pegangan Kerajaan di peringkat Kementerian pula, Kementerian Belia dan Sukan telah melepaskan pegangannya di dalam Stadium First Sdn Bhd, anak syarikat Stadium Malaysia Corporation, melalui proses tender terbuka. Pelepasan pegangan ini telah disempurnakan pada bulan Jun 2013.

Antara cabaran-cabaran yang dihadapi dalam inisiatif merasionalisasikan pegangan Kerajaan dalam perniagaan ialah pengimbangan tugas fidusiari pemilik syarikat dengan keadaan pasaran, di mana penetapan harga jualan syarikat berkemungkinan akan menerima impak di luar kawalan pemilik syarikat.

Langkah Seterusnya


SRI ini akan terus memantau syarikat-syarikat yang telah dikenal pasti di bawah program pelepasan pegangan saham Kerajaan, selari dengan usaha Kerajaan untuk mewujudkan persekitaran ekonomi yang berdaya saing bagi para peniaga setempat dan mengukuhkan peranan sektor swasta dalam memacu perkembangan ekonomi.



PEMBANGUNAN MODAL INSAN









Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem
Menteri Sumber Manusia

Pada 2013, SRI Pembangunan Modal Insan berjaya menempa kejayaan yang besar dalam usaha mempertingkatkan ekosistem buruh bagi membangunkan takungan bakat di Malaysia.

Menelusuri kejayaan tersebut, Perintah Gaji Minimum 2012 dan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 telah dapat dikuatkuasakan pada tahun ini. Sepanjang tahun 2013 juga, SRI ini berupaya mengamati beberapa program pembangunan modal insan, serta memperkukuhkan keupayaan serta kemahiran tenaga kerja tempatan dalam pelbagai bidang khusus. Berlandaskan kerangka yang sudah dibangunkan untuk membolehkan Malaysia memanfaatkan peluang pekerjaan dalam berbagai-bagai bidang industri dan sektor, negara kita kini dalam kedudukan yang mantap untuk mengorak langkah seterusnya bagi merealisasikan matlamatnya untuk mewujudkan tenaga kerja yang berkemahiran dan berdaya saing.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Susulan daripada saranan yang dibuat dalam Model Ekonomi Baru (NEM), SRI Pembangunan Modal Insan telah dibangunkan untuk memantapkan tenaga kerja negara serta memenuhi keperluan Program Transformasi Ekonomi yang memperinci strategi pelaksanaannya melalui 12 NKEA dalam ETP.

Bertitik tolak daripada saranan ini juga, SRI Pembangunan Modal Insan telah diterjemahkan melalui pendekatan serampang dua mata, iaitu transformasi tempat kerja dan transformasi tenaga kerja. Transformasi tempat kerja melibatkan komponen hasil cadangan NEM yang dianggap kritikal untuk menambah baik kecekapan di tempat kerja. Transformasi tenaga kerja pula memfokuskan kepada usaha yang berupaya menyempurnakan dasar Kerajaan sedia ada untuk memantapkan modal insan. Usaha ini mampu mewujudkan data pasaran buruh yang komprehensif serta meningkatkan kemahiran dan taraf pekerja yang amat diperlukan.

Lantaran itu, SRI ini memberi tumpuan kepada aspek pemodenan perundangan buruh, peningkatan kemahiran dan taraf tenaga kerja, pengukuhan pengurusan sumber manusia untuk PKS, pemerkasaan bakat wanita serta peninjauan dan unjuran dalam pasaran buruh.

NKRA dan NKEA Pendidikan				SRI Modal Insan
Penjagaan Awal Kanak-kanak & Prasekolah	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Institusi TEVT, Kolej & Universiti	**Tenaga Kerja (Berkemahiran Rendah kepada Berkemahiran Tinggi)**

Transformasi Tempat Kerja			**Transformasi Tenaga Kerja**		
1 Memodenkan Perundangan Buruh	2 Jaringan Keselamatan Buruh	3 Memperkukuhkan Pengurusan Sumber Manusia	4 Meningkatkan Kemahiran & Peningkatan Taraf Tenaga Kerja	5 Analisis Pasaran Buruh	6 Memperkasakan Bakat Wanita
					
OBJEKTIF					
• Menarik pelabur di samping melindungi hak pekerja • Menggabung dan menyelaras perundangan buruh	• Melindungi pekerja ketika berlaku peralihan ekonomi	• Mempertingkatkan keupayaan HR agar prestasi perniagaan SME lebih baik	• Meningkatkan kemahiran untuk memenuhi keperluan kemahiran dan tenaga kerja bagi setiap sektor NKEA	• Mewujudkan data pasaran buruh yang komprehensif • Kaedah utama dalam perancangan tenaga kerja dalam negara	• Meningkatkan penyertaan dalam pasaran buruh: - Menarik - Mengekalkan - Meramaikan • Menambah peratusan wanita dalam jawatan pembuat keputusan kepada 30%
INISIATIF					
Pindaan kepada : • Akta Pekerjaan 1955 • Akta Perhubungan Perusahaan 1967 • Umur Persaraan Minimum	• Gaji minimum • Insurans pengangguran	• Penubuhan Pusat Sumber Manusia Kebangsaan (NHRC) • Meningkatkan kemampuan sumber manusia bagi PKS	• Pelantikan baharu bagi wanita ke lembaga pengarah • Program untuk meningkatkan kemahiran bakat wanita	• Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) • Kajian tentang bakat merentas sektor dan keperluan tenaga kerja	• Program MyProCert • Program Peningkatan Bakat Negara • MyUniAlliance • Kurikulum TEVT dan Program Pelatih

Rajah 13.12: Gambaran ringkas tentang inisiatif di bawah SRI Modal Insan

Petunjuk Prestasi Utama 2013

SRI- Pembangunan Modal Insan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
1	Perancangan Tenaga Kerja Makro (2013-2020)	4	4	100	●	100	●	1.0	●
	Penyiapan data pasaran buruh yang diuruskan secara berpusat bagi tujuan analisis pasaran buruh siap diguna pakai	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
2	Jumlah pekerja baharu yang berdaftar di Portal NHRC	5,000	5,556	111	●	100	●	1.0	●
	Jumlah pelatih baharu yang mengikuti program latihan HR	6,000	10,878	181	●	100	●	1.0	●
3	Penyiapan laporan berkaitan pelaksanaan gaji minimum menjelang Ogos 2013	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
4	Penggazetan Peraturan-peraturan Umur Persaraan Minimum 2013	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
	Draf pindaan ke atas Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
5	Pelantikan baharu bagi wanita ke lembaga pengarah dalam bidang korporat	20	93	465	●	100	●	1.0	●
	Jumlah wanita korporat yang telah dilatih	500	501	100	●	100	●	1.0	●
6	Jumlah pusat asuhan kanak-kanak baharu yang ditubuhkan/didaftarkan dan memenuhi syarat dan mutu seperti yang termaktub di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984	900	1,052	117	●	100	●	1.0	●
	Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) diperluas untuk merangkumi 19 sektor tambahan	100%	80%	80	●	80	●	0.5	●
	Jumlah pengasuh kanak-kanak yang dilatih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	2,000	2,345	117	●	100	●	1.0	●
	Memperkenalkan Skim Insurans Pemberhentian Kerja (SIPK): Penyiapan laporan akhir ke atas SIPK	Laporan Akhir siap	100%	100	●	100	●	1.0	●
7	Program MyProCert	3,000	4,788	160	●	100	●	1.0	●

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

SRI- Pembangunan Modal Insan		KPI (Kuantitatif)							
Bil.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Pencapaian					
				Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
				%		%			
	Program Kerjasama antara Industri-Akademia oleh MSC Malaysia	8,000	10,662	133	●	100	●	1.0	●
	Penyampaian & Kurikulum TEVT dalam bidang Minyak dan Gas	1. Menyampaikan 4 Modul *Downstream* TVET di Institut Latihan Kemahiran - Bilangan Institut Kemahiran = 3 - Bilangan pelajar = 1002 Membangunkan kurikulum *Upstream* bagi kursus Minyak & Gas - 3 Disiplin	88.3	88	●	88	●	0.5	●
	Program Latihan & Peningkatan Taraf Tenaga Kerja	Latihan untuk teknologi Tenaga Boleh Diperbaharui - Solar PV (100) Biogas/Biojisim (25) Loji Kuasa Hidro Bersaiz Kecil (25)	99	99	●	99	●	0.5	●
				132%		**98%**		**91%**	

Rajah 13.13

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata kesemua pemarkahan

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit SRI ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

Memodenkan Perundangan Buruh dan Jaringan Keselamatan Buruh

Kedua-dua dasar yang diselia oleh Kementerian Sumber Manusia (MoHR) ini berfokuskan kepada transformasi perundangan tempatan agar sejajar dengan ekonomi negara maju. Hal ini bertujuan mempertingkatkan daya saing ekonomi Malaysia sambil memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

SRI ini juga memastikan agar pembaharuan tenaga buruh dilaksanakan dengan terangkum dan mampan, serta inisiatif ditumpukan untuk mengurangkan kos pengurusan buruh dalam perniagaan dan memastikan perlindungan untuk pekerja adalah berkesan.

Oleh hal yang demikian, pindaan yang diusulkan mempunyai dua objektif: i) mengurangkan kos pengurusan buruh dalam perniagaan dan ii) memastikan perlindungan yang berkesan untuk pekerja.



Ahli panel yang hadir di Bengkel Teknikal bertajuk *Employment Insurance System*

Sehubungan dengan itu, MoHR telah memperkenalkan dua undang-undang baharu pada tahun 2012, iaitu Perintah Gaji Minimum 2012 dan Akta Umur Persaraan Minimum 2012. Perintah Gaji Minimum 2012 bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat dengan mewujudkan gaji minimum bagi semua pekerja, sementara Akta Umur Persaraan Minimum 2012 telah menetapkan bahawa umur persaraan minimum seseorang pekerja adalah 60 tahun untuk meningkatkan produktiviti dan membolehkan negara mengekalkan lebih ramai pekerja yang berpengalaman, berkemahiran dan berpengetahuan.

MoHR kini sedang melaksanakan kajian secara dalaman terhadap Akta Perhubungan Perusahaan 1967 untuk mempercepatkan kes-kes pemecatan yang tidak adil dan pertelingkahan berkaitan perdagangan, memastikan penguatkuasaan yang berkesan bagi keputusan Mahkamah Perusahaan dan mengimbangi keperluan perniagaan dan hak pekerja menerusi pendamaian.

Akta Pekerjaan 1955 juga sedang dikaji oleh MoHR secara dalaman dengan matlamat untuk memodenkan perundangan tersebut agar sejajar dengan keperluan majikan tempatan dan juga majikan asing terhadap pekerja, mendorong produktiviti dan kecekapan, menaikkan tahap pendapatan serta melindungi pekerja untuk memupuk daya saing di peringkat tempatan, serantau dan global.

Selain itu, semenjak tahun 2011 lagi, MoHR telah mengkaji kemungkinan untuk memperkenalkan Skim Insurans Pemberhentian Kerja *(unemployment insurance)* sebagai usaha untuk memperkukuh jaringan keselamatan sosial negara serta melindungi golongan yang diberhentikan kerja. Usaha ini akan tercapai dengan mempertingkatkan kebolehgajian pekerja dan memudahkan mereka kembali kepada guna tenaga kerja secepat mungkin melalui usaha seperti latihan semula, peningkatan kemahiran dan penempatan kerja. Projek ini sedang dipantau oleh Jawatankuasa Projek Tiga Pihak yang terdiri daripada wakil Kementerian, majikan dan juga pekerja, termasuklah Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang menawarkan kepakaran dalam isu yang dibincangkan.

Pencapaian dan Cabaran

Perintah Gaji Minimum 2012 telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013 dan perundangan baharu ini mewajibkan pekerja dibayar dengan gaji minimum sebanyak RM900 sebulan di Semenanjung Malaysia dan RM800 sebulan di Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan Perintah tersebut berkuatkuasa hanya kepada pekerja tempatan, kerana pihak Kerajaan peka akan cabaran dan impak ke atas kos yang dihadapi oleh ramai pemain industri, khususnya majikan PKS yang tidak berupaya melaksanakan gaji minimum. Oleh hal yang demikian, Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan tarikh penguatkuasaan pelaksanaan untuk membenarkan syarikat-syarikat terbabit membuat penstrukturan semula menurut Perintah baharu ini serta membuat perubahan operasi yang perlu. Pertimbangan tempoh lanjutan ini dibuat bagi syarikat yang mengupah pekerja asing sahaja, maka, tarikh bagi pelaksanaan Gaji Minimum berkuat kuasa sepenuhnya ke atas pekerja asing bermula 1 Januari 2014.

Gaji Minimum akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1 Jan 2014



Rajah 13.14

Seterusnya, Perintah tersebut akan berkuatkuasa sepenuhnya ke atas semua pekerja dalam negara, termasuklah pekerja asing, bermula 1 Januari 2014.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah menganjurkan satu siri klinik dan seminar di seluruh negara untuk menerangkan pelbagai insentif yang ditawarkan seperti program pembiayaan dan peningkatan kemahiran bagi menyokong syarikat yang berhadapan dengan cabaran untuk melaksanakan gaji minimum. Program tersebut bertujuan menggalakkan syarikat agar mengautomasikan tugasan dan meningkatkan rantaian nilai ke tahap yang lebih tinggi, mengurangkan kebergantungan pada tenaga buruh yang murah dan meningkatkan produktiviti serta kemahiran tenaga kerja yang sedia ada.

Klinik dan seminar tersebut telah dilancarkan buat pertama kalinya di Kuala Lumpur pada 3 Disember 2013, diikuti dengan Pulau Pinang pada 10 Disember dan Johor Bahru pada 17 Disember 2013. Klinik yang serupa akan diadakan di Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu pada Suku Pertama Tahun 2014.



Pelancaran portal Gaji Minimum pada 3 Disember 2013

Usaha bagi melibatkan orang awam ini juga termasuklah pelancaran satu laman web mikro berkenaan gaji minimum pada 3 Disember 2013 yang bertujuan membantu menerangkan dan mendidik golongan majikan dan pekerja berkenaan undang-undang baharu ini. Akses kepada laman web mikro tersebut boleh didapati di http://minimumwages.mohr.gov.my.

Dalam pada itu, laporan akhir berkaitan Skim Insurans Pemberhentian Kerja telah siap pada akhir tahun 2013. Laporan tersebut merangkumi saranan serta aspek yang memerlukan kajian lanjut, susulan daripada draf laporan akhir oleh ILO. ILO telah membuat penilaian terhadap impak aktuari, keinstitusian dan undang-undang sekiranya Skim Insurans Pemberhentian Kerja dilaksanakan, serta mencadangkan model bagi pelaksanaan skim insurans tersebut. Dapatan serta saranan yang dibuat oleh ILO telah dibentangkan kepada MoHR dan pelbagai pemegang berkepentingan di sebuah Bengkel Teknikal: *Employment Insurance System* pada bulan Oktober 2013.

Bengkel ini juga berperanan untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak berkepentingan utama dalam inisiatif tersebut, dan pihak Kerajaan akan menimbangkan kebolehlaksanaan skim insurans ini dan model yang dicadangkan pada tahun 2014.



Para peserta di Klinik dan Seminar Gaji Minimum, bertempat di Johor pada 17 Disember 2013



Para peserta di Forum PKS bertajuk Program HRM untuk Kecemerlangan Perniagaan

Memperkukuhkan Pengurusan Sumber Manusia (HR) untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana

Inisiatif ini bertujuan membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menangani cabaran yang mereka hadapi dalam usaha mengekalkan produktiviti dan menguruskan tenaga kerja mereka. Hal ini dilakukan bagi memantapkan pencapaian syarikat serta membantu mereka meningkatkan sumbangan kepada PNK negara dan mempertingkat daya saing mereka di pentas global.

Lanjutan daripada itu, Pusat Sumber Manusia Kebangsaan (NHRC) telah ditubuhkan di bawah MoHR untuk menyediakan sokongan bagi pengurusan sumber manusia (HR) secara strategik dan mempercepatkan penerapan amalan sumber manusia yang progresif dan moden dalam kalangan PKS. Saluran hubungan NHRC dengan PKS yang utama ialah Portal NHRC yang berperanan sebagai pusat maklumat bagi penyelesaian HR untuk PKS.

Program HR yang terdapat di dalam ruang lingkup NHRC disenaraikan di dalam sistem yang dinamakan Sistem Pembangunan Modal Insan Menyeluruh (THDC) yang terdiri daripada:

- Peraturan Kawal Selia Berkaitan HR
- Rekrutmen dan Pemilihan
- Pampasan dan Faedah
- Pembangunan Pekerja
- Perhubungan dalam Guna Tenaga
- Program Kepimpinan HR
- Hal-hal lain berkaitan HR

Pencapaian dan Cabaran

Penggunaan portal NHRC semakin meningkat semenjak pelancaran portal tersebut pada tahun 2012. Portal tersebut berjaya menarik pengunjung seramai 6,838 pada tahun 2012 dan 26,600 pada tahun 2013, dengan jumlah kumulatif 33,438 pengunjung. Jumlah "klik" pada portal tersebut telah melonjak naik daripada 8,034 pada tahun 2012 kepada 30,976 pada tahun 2013, sementara Pusat Maklumat portal itu pula mencatatkan 103,635 permintaan muat turun setakat ini.

Portal ini merangkumi modul HR yang bertujuan membantu golongan majikan membangunkan amalan HR yang lebih baik, seperti modul tentang rekrutmen, huraian kerja dan isu penyingkiran pekerja. Selain itu, portal ini juga menyediakan maklumat pengurusan HR yang komprehensif mencakupi perancangan tenaga kerja, rekrutmen, sistem pengurusan prestasi, latihan dan pembangunan, pengurusan ganjaran, hubungan sesama pekerja dan Akta buruh yang berkaitan.

Pada tahun 2013, NHRC telah membangunkan kandungan portal tersebut, yang termasuk:

a. Terjemahan portal kepada Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil

b. Menerbitkan video bertajuk "Kaedah Menjalankan Sesi Temu Duga dengan Berkesan": Bimbingan langkah demi langkah tentang apa yang perlu dilakukan sebelum, semasa dan sesudah sesi temu duga



Pelancaran "Panduan Asas bagi Pengurusan HR" untuk PKS ketika Persidangan HRDF (Pembangunan Sumber Manusia Berhad) 2013

c. Huraian Kerja untuk 100 Jawatan: Huraian kerja disediakan khas bagi pekerjaan yang lazim dalam PKS bagi menyokong proses rekrutmen, pembangunan bakat insan, perancangan untuk penggantian pekerja, pembangunan HR dan perancangan untuk kenaikan pangkat

d. Modul Aplikasi untuk Senarai Gaji HR berasaskan Laman Web : Hamparan senarai gaji bulanan berasaskan potongan wajib dan pengiraan gaji untuk menyokong perusahaan kecil dan mikro

Dalam pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan oleh NHRC, seperti pusat panggilan bebas tol, sesi khidmat nasihat *walk-in*, Kelab Sumber Manusia dan sesi Mentor Rakan Sebaya, telah didapati bahawa khidmat rundingan yang disediakan oleh NHRC ialah perkhidmatan yang paling kerap dimanfaatkan oleh PKS yang berdepan dengan isu HR yang rumit. Seramai 59 majikan memanfaatkan rundingan analisis keperluan latihan (TNA), 427 majikan memohon untuk latihan TNA dan seramai 358 majikan lagi memilih Bengkel Penyelesaian HR. NHRC juga telah bekerjasama dengan beberapa institusi lain untuk menganjurkan program pembangunan keupayaan HR. Setakat 31 Disember 2013, sejumlah 10,878 pekerja telah menghadiri program tersebut. Jumlah terkumpul pekerja yang dilatih dalam pelbagai aspek HR adalah seramai 20,487 orang.

NHRC juga berhasil menerbitkan dua bahan khusus,iaitu "Rujukan Pantas Pengurusan HR untuk PKS" dan "Bagaimana Menulis Buku Panduan Pekerja" dan kedua-duanya telah diedarkan kepada PKS dan persatuan majikan yang berminat. Kini, NHRC sedang membangunkan beberapa penerbitan yang tersebut di bawah:

- Perhubungan Sesama Pekerja – Bagaimana Menjalankan Siasatan Dalaman
- Glosari HR
- Sistem Pengurusan Prestasi (PMS)
- *Toolkit* untuk Orientasi Pekerja
- Program Latihan dan Pembangunan Keupayaan HR



Seminar dan Bengkel Pengurusan HR untuk PKS

Fokus dalam Meningkatkan Kemahiran dan Peningkatan Taraf Tenaga Kerja

Bagi merealisasikan transformasi negara menjadi ekonomi berpendapatan tinggi, tenaga kerja Malaysia perlu mempertingkatkan kemahiran dan daya saingnya. Lantaran itu, usaha ini memfokus kepada pembangunan modal insan yang diperlukan bagi memacu 12 NKEA yang ditetapkan dalam ETP. Fokus ini diterjemahkan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif termasuklah program latihan dalam sektor tenaga boleh baharu oleh SEDA Malaysia, Program MyProcert dan Program Kerjasama antara Industri-Akademia oleh MSC Malaysia.



Sesi latihan praktikal

Pencapaian dan Cabaran

Tenaga Boleh Diperbaharui

SEDA Malaysia telah membangunkan serta menganjurkan empat kursus yang berkaitan dengan sistem tenaga boleh diperbaharui, terdiri daripada:

a. Kursus Latihan Kecekapan untuk Ujian Penerimaan di Lapangan melibatkan Loji Kuasa Hidro Bersaiz Kecil

SEDA Malaysia telah menganjurkan kursus kecekapan selama lima hari tentang ujian penerimaan di lapangan melibatkan loji kuasa hidro bersaiz kecil. Program latihan ini merangkumi sesi teknikal dan praktikal dan memberi tumpuan kepada piawaian antarabangsa yang berkaitan untuk diguna pakai bagi pemasangan loji hidro bersaiz kecil.

Seramai 18 peserta telah menghadiri sesi latihan yang diadakan dari 22-26 Oktober 2013 itu, dan sesi tersebut diakhiri dengan satu peperiksaan.

b. Kursus Pemasangan Sistem Fotovolta Solar Bersambung Grid (GCPV) dan Latihan Penyelenggaraan

Dua sesi program *Train-the-Trainers* (TtT) telah dijalankan oleh UiTM Shah Alam dan Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara pada Jun 2013 bertujuan membangunkan kelompok pelatih dalam kursus ini. Seramai dua puluh pelatih telah dilatih oleh kedua-dua institusi tersebut. SEDA Malaysia juga melantik Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor (SHRDC) untuk menjalankan program TtT ini, yang akan dimuatkan ke dalam Program Transformasi Teknikal Kerja (WTTP). Kelas bagi program tersebut disasarkan bermula pada tahun 2014.

c. Kursus Sistem Fotovolta (PV) Bersambung Grid untuk Pendawai dan Penjaga Jentera oleh SEDA Malaysia

Objektif kursus ini antara lain adalah untuk memberi pendedahan kepada pendawai dan penjaga jentera di Malaysia tentang pemasangan PV solar, khususnya dalam bekalan arus terus dan komponen yang terlibat. Latihan yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Tenaga ini akan merangkumi sesi teori dan praktikal, dan disempurnakan dengan peperiksaan kecekapan.

Dari Ogos sehingga November 2013, sejumlah 68 pendawai dan penjaga jentera telah menjalani latihan ini yang diadakan di Universiti Kuala Lumpur - British Malaysia Institute (UniKL BMI), Gombak, Selangor. SEDA Malaysia juga sedang merancang untuk menawarkan kursus tersebut kepada institusi-institusi latihan yang berkaitan di wilayah utara, selatan dan timur, termasuklah di Sabah dan Sarawak.

d. Kursus Reka Bentuk Sistem Fotovolta (PV) Bersambung Grid oleh SEDA Malaysia

Lanjutan daripada keperluan untuk membangunkan kumpulan pereka bentuk PV solar di negara ini, SEDA Malaysia telah membangunkan kursus khas dengan meningkatkan modul *International Sustainable Power Quality* (ISPQ) yang sedia ada untuk latihan reka bentuk dan pemasangan Sistem Fotovolta (PV) Bersambung Grid. Pembangunan kursus oleh SEDA ini adalah ekoran daripada peluputan lesen ISPQ yang dipegang oleh SEDA Malaysia untuk menjalankan kursus ISPQ, serta keputusan yang diambil oleh pihak *Global Sustainable Energy Solutions* (GSES), yang merupakan badan akreditasi bagi rantau Asia Pasifik, untuk tidak melanjutkan operasinya bermula bulan Februari 2013. Sehubungan dengan itu, kursus ISPQ telah dihentikan pada bulan Mac 2013.



Kelas Teori untuk Loji Kuasa Hidro Bersaiz Kecil

Kursus oleh SEDA Malaysia ini telah dinamakan semula sebagai Kursus Reka Bentuk Sistem Fotovolta (PV) Bersambung Grid SEDA Malaysia. Dua institusi yang menjalankan kursus ini ialah:

i. Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor

ii. Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor (SHRDC)

Kursus latihan ini telah dilanjutkan semula pada November 2013 dan menyaksikan penyertaan seramai 28 orang pelatih.



Para peserta yang menghadiri Hari Terbuka dan Pesta Kerjaya 2013 anjuran MSC Malaysia MyProCert

Program MyProcert oleh MSC Malaysia

Program ini berhasrat untuk mempertingkatkan kemahiran golongan pekerja di Malaysia agar setanding dengan standard pensijilan antarabangsa, dengan menetapkan sasaran 7,500 peserta dalam tempoh tiga tahun.

Bermula dengan program rintis yang mula menawarkan pensijilan SAP pada Suku Keempat Tahun 2011, kini, program MyProcert telah berkembang sehingga menawarkan lebih 30 jenis kemahiran ICT yang menjadi pilihan ramai.

Pada tahun 2013, MyProCert menawarkan sehingga 33 set kemahiran ICT termasuklah dalam bidang perangkaian, keselamatan, seni bina perniagaan, pengkomputeran awan dan pengurusan projek, dan berjaya meraih maklumbalas dengan menerima sebanyak 5,000 permohonan. Senarai penuh bagi pensijilan dan program latihan yang disediakan boleh didapati di www.mscmalaysia.my.

Hari Terbuka yang dianjurkan oleh MyProCert pada 5-6 April 2013 telah menarik seramai 700 pengunjung dari pelbagai syarikat dan individu yang berminat dalam pensijilan profesional dan kerjaya. Sejumlah 27 penceramah dari 21 bidang teknologi telah turut serta dalam acara tersebut, dan menyaksikan penyertaan rakan kongsi MyProCert termasuklah SAP, Oracle, Microsoft, PMP, ITIL, IASA dan Huawei.

Langkah seterusnya pada tahun 2014 adalah untuk mengkaji semula set kemahiran yang ditawarkan agar sejajar dengan kehendak industri dan permintaan pada masa hadapan.

Program Kerjasama Industri-Akademia oleh MSC Malaysia (IAC)

Program Kerjasama Industri-Akademia (IAC) oleh MSC Malaysia telah diperkenalkan oleh Multimedia Development Corporation dan disokong oleh PEMANDU. Matlamat program ini adalah untuk memupuk graduan agar lebih bersedia menceburi industri dan mempertingkatkan kebolehpekerjaan graduan melalui pengukuhan kurikulum universiti yang disertai dengan modul berkaitan industri.

Program ini merupakan perkongsian strategik yang dibina antara pemain industri dalam bidang tekonologi global dengan institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan juga swasta. IAC melibatkan pelaburan dalam pembangunan kurikulum di universiti dan program *Train-the-Trainer* yang bertujuan untuk melengkapkan pensyarah universiti dengan pengetahuan serta kepakaran bagi membolehkan mereka menyampaikan kurikulum yang sudah diperkukuh dengan modul berkaitan industri kepada pelajar. IAC juga menyediakan peluang kepada golongan siswazah untuk meneroka pengalaman kerja dengan pemain industri.

Tiga teras utama dalam model pelaksanaan IAC ialah:

1. **Train the Trainer (TtT)**

   Sepanjang tahun ini, beberapa sesi kelas *Train-the-Trainer* (TtT) membabitkan kemahiran berkaitan industri telah dianjurkan untuk memperkukuh dan melengkapkan warga fakulti di IPT yang turut serta. Antara bidang tumpuan yang dimuatkan dalam kelas ini pada tahun 2013 termasuklah Java, MySQL, Animasi dengan Kesan Visual, Penceritaan Kreatif, Pembangunan Aplikasi Android, Microsoft Sharepoint, Keselamatan (F-Secure), Rangkaian dan Komunikasi (Cisco, Huawei).



23 pasukan dari 11 IPT seluruh negara telah bertanding dalam Pertandingan *Cisco NetRiders Malaysia Challenge* 2013



Permainan tambahan disediakan untuk penyokong sewaktu Pertandingan *Cisco NetRiders Malaysia Challenge* 2013

   Inisiatif ini juga menyaksikan jalinan kerjasama dengan Intel, Agilent, National Instruments dan Altera bagi pelaksanaan program TtT dalam bidang sistem tertanam. Di samping itu, warga akademia dan pelajar tahun akhir dari pelbagai IPT telah dilatih menggunakan kurikulum berlandaskan industri, khususnya ke atas pembangunan perisian Infosys.

   Setakat 31 Disember 2013, sejumlah 10,662 pekerja berpengetahuan (knowledge workers) telah memanfaatkan program IAC ini, melebihi sasaran 8,000 pekerja pengetahuan yang disasarkan pada tahun 2013.

2. **Perkongsian bersama Industri untuk Penyelarasan Kurikulum dan Pembangunan Bakat**

   Inisiatif ini memfokuskan pengukuhan kurikulum yang sedia ada di IPT melalui input daripada pemain industri seperti Infosys, Intel, Cisco dan Huawei. Tumpuan utama termasuk Google Web Academy, iOS dan SAP Technologies.

3. **Pembelajaran berasaskan Pengalaman seperti Pertandingan Sesama Industri dan Pembelajaran Strategik**

   Pertandingan Pelan Perniagaan MSC Malaysia-IPT (MIBPC) telah diadakan pada tahun ini. Pertandingan ini merupakan satu program tahunan untuk membolehkan bakat muda membentuk minda keusahawanan dan kemahiran untuk mencipta, membentuk dan membina satu usaha niaga teknologi yang berdaya maju sambil mereka belajar daripada usahawan yang telah berjaya dalam bidang digital.

   Inisiatif pembelajaran berasaskan pengalaman ini juga turut menyokong beberapa pertandingan yang diterajui industri utama sepanjang tahun ini, seperti *Microsoft Imagine Cup, Cisco Netriders,* Pertandingan *Innovate Malaysia Design* dan Pertandingan Pengaturcaraan eGenting.



Majlis penyampaian hadiah di Pertandingan Pelan Perniagaan MSC Malaysia–IPT (MIBPC)

Menjalankan Unjuran Pasaran Buruh dan Program Kajian

Malaysia pada masa ini masih belum memiliki sebarang sumber tunggal yang merangkumi data pasaran buruh secara komprehensif yang diiktiraf oleh negara. Hal ini telah turut memberi kesan dalam keupayaan Kerajaan untuk membentuk dasar buruh yang efektif sejajar dengan wawasan ekonomi berpendapatan tinggi.

Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) telah ditubuhkan pada tahun 2012 di bawah seliaan MoHR untuk membuat unjuran tentang permintaan tenaga kerja dalam subsektor industri. Dapatan unjuran akan digunakan untuk menyokong pembentukan dan pembangunan dasar buruh. Matlamat utama ILMIA adalah untuk membina sebuah pangkalan data berpusat dan mempunyai ciri interaktif agar dapat membantu dalam perancangan tenaga kerja di dalam negara. Selain daripada itu, pangkalan data ini juga membolehkan penawaran dan permintaan untuk tenaga kerja dikira dalam setiap subsektor industri.

Rentetan daripada itu, ILMIA telah mengambil contoh standard antarabangsa seperti yang dibangunkan oleh ILO dan melaksanakan kajian ke atas beberapa topik pilihan berkaitan tenaga kerja. ILMIA juga telah menjalankan penilaian ke atas permintaan tenaga kerja dalam sektor dan subsektor industri, dan ada antaranya dibuat secara perkongsian bersama pertubuhan antarabangsa seperti ILO dan Bank Dunia.

Pencapaian dan Cabaran

Sebagai usaha untuk meningkatkan kepekaan orang ramai tentang peranan ILMIA dan bagi menyebarkan maklumat berkenaan pasaran buruh, fasa pertama bagi portal ILMIA (www.ilmia.gov.my) telah dilancarkan pada bulan Disember 2013. Komponen utama dalam portal tersebut ialah *dashboard* — yang menyimpan maklumat pasaran buruh. *Dashboard* ini telah menempa kejayaan penting dalam fasa pertama pembangunannya, dan hal ini berlaku hasil kerjasama yang rapat antara ILMIA, Jabatan Statistik, SOCSO, PEMANDU dan TalentCorp. Apabila *dashboard* ini siap dibangunkan sepenuhnya, ia akan berperanan sebagai perantara interaktif bagi mendapatkan maklumat penting berkaitan tenaga kerja serta tempat kerja.

Beberapa petunjuk pasaran buruh (LMI) yang terdapat di dalam *dashboard* ini, yang turut mempunyai unsur yang dinamik, telah dibangunkan dengan bantuan daripada Bank Dunia. Adalah menjadi hasrat ILMIA untuk membangunkan LMI yang bukan sahaja memaparkan trend dan perkembangan pasaran buruh terdahulu malah yang lebih penting ialah LMI yang dapat menggambarkan trend dan senario pasaran buruh akan datang.

Namun begitu, seperti yang dijangkakan, terdapat beberapa cabaran yang timbul dalam usaha mendapatkan kejayaan yang pantas dan berterusan dalam inisiatif ini. Matlamat besar seperti ini hanya akan terlaksana dalam tempoh dua atau tiga tahun, dan hal ini pula bergantung pada usaha daripada pemegang berkepentingan utama untuk memberikan kerjasama terbaik serta ketersediaan sumber bajet yang mencukupi untuk tujuan penyimpanan data dan sokongan IT.

Sebagai langkah seterusnya, tumpuan akan diberikan kepada beberapa aspek untuk membina penyelesaian, seperti pengintegrasian format data yang berbeza dari pelbagai sumber dan penyelarasan susun atur data yang hendak dipaparkan serta kaedah pencarian data. Akan tetapi, timbul cabaran berkaitan perkongsian data pada tahap yang berbeza disebabkan dasar ke atas perkongsian data dan juga protokol yang diamalkan oleh pengumpul data. Oleh hal yang demikian, kriteria berkenaan akses kepada pangkalan data perlu ditangani melalui MoU dan perjanjian rasmi.

Dalam pada itu, tiga kajian tambahan berkaitan keperluan dan permintaan tenaga kerja telah dilaksanakan di tiga koridor ekonomi, iaitu Wilayah Ekonomi Koridor Iskandar, Wilayah Utara dan Sabah.

Kajian yang dijalankan di atas mendapat kerjasama daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk membina sebuah model ekonomi yang mampu menganggarkan keperluan tenaga kerja. Model yang dihasilkan oleh UPM ini akan disepadukan dengan dapatan kajian ke atas modal insan yang siap pada tahun 2012. Kajian tersebut telah merangkumi beberapa NKEA, iaitu Perkhidmatan Perniagaan, Pelancongan, Penjagaan Kesihatan, Minyak & Gas, dan Elektrikal & Elektronik.

ILMIA juga bekerjasama dengan rakan kongsi bertaraf antarabangsa untuk mengkaji isu-isu penting yang tercetus dalam pasaran buruh Malaysia. Dapatan dan saranan yang diperoleh daripada kajian tersebut penting untuk penandaan aras bertaraf global, pengalaman serta amalan baik yang diterima pakai daripada rakan kongsi antarabangsa itu.



Menteri Sumber Manusia melancarkan portal ILMIA pada Disember 2013

Rakan kongsi ini termasuklah Bank Dunia dan ILO, dan dapatan yang diperoleh adalah hasil kajian ke atas pelbagai bidang termasuklah jurang dalam kemahiran pasaran buruh dan ketidakpadanan kerja, dasar, tenaga kerja dalam kalangan imigran dan kerja yang ditakrifkan sebagai pekerjaan 'hijau'.

Memanfaatkan Bakat Wanita untuk Meningkatkan Produktiviti

Hakikatnya, wanita ialah komponen kritikal dalam pembangunan bakat insan Malaysia. Namun begitu, pelibatan wanita dalam tenaga kerja masih menghadapi kekangan, terutamanya apabila wanita terpaksa memilih sama ada untuk berhenti bekerja demi menjaga keluarga atau disebabkan isu sosiobudaya.

Menurut Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang dilakukan pada tahun 2010 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), didapati bahawa penyertaan wanita dalam pasaran buruh di Malaysia adalah antara yang terendah di rantau ASEAN.

Rancangan Malaysia ke-10 telah menggariskan beberapa sasaran untuk wanita dalam tenaga kerja, seperti meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita kepada 55 peratus. Rancangan tersebut juga menyasarkan agar 30 peratus daripada jawatan pembuat keputusan di syarikat senaraian awam dipegang oleh wanita menjelang tahun 2016.



Pasukan ILMIA

Antara inisiatif yang telah diambil untuk mencapai matlamat di atas termasuklah memperkukuhkan wadah yang dapat meningkatkan kemahiran bakat wanita dan menambah peluang keusahawanan bagi wanita daripada golongan berpendapatan rendah. Kerajaan juga menggalakkan pembangunan suatu sistem sokongan seperti khidmat penjagaan kanak-kanak dan warga tua bagi membolehkan wanita kembali bekerja dan kekal dalam tenaga kerja. Pekerjaan yang sepadan dengan keperluan wanita seperti sistem kerja yang fleksibel perlu ditawarkan bagi menggalakkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja.

Pencapaian dan Cabaran

Tahun 2013 menyaksikan pelaksanaan beberapa insentif cukai bagi pusat asuhan kanak-kanak yang dibuka di tempat kerja, seperti yang dibentangkan dalam Bajet 2013. Insentif tersebut menawarkan pengusaha pusat asuhan kanak-kanak pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10 peratus setahun; potongan cukai dua kali kepada majikan ke atas subsidi asuhan anak yang diberikan kepada pekerja; dan bantuan yuran untuk keluarga berpendapatan rendah yang menghantar anak-anak mereka ke pusat asuhan kanak-kanak swasta.

Setakat 31 Disember 2013, inisiatif ini menyaksikan sejumlah 1,052 pusat asuhan kanak-kanak didaftarkan, melebihi sasaran sebanyak 900 untuk tahun ini. Setakat bulan Jun 2013, sebanyak 2,195 pusat asuhan kanak-kanak telah berdaftar di negara ini walaupun sejumlah 1,769 pusat masih belum didaftarkan.

Inisiatif ini juga merangkumi peningkatan latihan bagi pengasuh kanak-kanak, dan membabitkan pengenalan modul baharu bagi pengasuh di bawah program Latihan Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE) anjuran PERMATA. Pada tahun 2013, sejumlah 2,345 pengasuh kanak-kanak telah menamatkan latihan yang menerapkan modul latihan ECCE oleh PERMATA di JKM.

Bagi meneruskan usaha untuk menggalakkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja, KPWKM telah bekerjasama dengan TalentCorp pada tahun 2013, dalam menganjurkan program kesedaran serta program sokongan agar dapat mempromosi sistem kerja fleksibel bagi wanita. Kerajaan juga menyediakan insentif cukai Kembali Bekerja yang dilaksanakan pada tahun pengiraan cukai 2012.

Selain itu, KPWKM bersama-sama dengan TalentCorp melancarkan portal flexWorkLife.my pada 8 Julai 2013 yang menyediakan, antara lain, senarai pekerjaan dan majikan yang menawarkan sistem kerja fleksibel. Selain itu, satu pesta kerjaya telah diadakan pada tahun ini untuk mempromosi peluang pekerjaan berlandaskan sistem fleksibel.

Sepanjang tahun 2013, terdapat sejumlah 93 pelantikan baharu bagi wanita ke lembaga pengarah untuk syarikat senaraian awam. Hal tersebut adalah satu perkembangan yang memberangsangkan dalam usaha menyetarakan kepelbagaian gender dalam lembaga pengarah. Beberapa kajian yang dijalankan di peringkat antarabangsa telah membuktikan bahawa kepelbagaian gender di lembaga pengarah menghasilkan tadbir urus korporat yang lebih cekap dan menyumbang kepada pembuatan keputusan yang mantap.

Rajah di bawah menunjukkan bilangan Wanita di Lembaga Pengarah bagi syarikat senaraian awam bagi tempoh Januari hingga 5 September 2013:

Tahun	Bil. Wanita di Lembaga Pengarah	Peningkatan bersih	Jumlah Ahli Lembaga Pengarah	% Wanita di Lembaga Pengarah
2013 (Setakat 5 Sept.)	631	35	7,267	8.0%
2012	596	(9)	7,104	7.7%
2011	605	4	7,129	7.8%
2010	601	(1)	7,128	7.8%
2009	602		7,188	7.7%


Rajah 13.15

Merujuk rajah di atas, peningkatan bersih bagi wanita yang dilantik di lembaga pengarah antara Januari hingga 5 September 2013 adalah seramai 35 orang.

Sungguhpun pelantikan baharu lebih tinggi dalam tempoh tersebut, jumlah peningkatan bersih adalah rendah disebabkan pengarah wanita yang telah berhenti atau bersara dari jawatan lembaga pengarah.

Pada 27 Februari-1 Mac 2013, SRI Pembangunan Modal Insan telah menjalankan satu makmal mini bertujuan mengenal pasti inisiatif yang perlu bagi meningkatkan bilangan wanita yang dilantik ke lembaga pengarah di syarikat senaraian awam. Saranan yang diperoleh bertunjangkan tiga teras utama: dasar, pengesanan dan penguatkuasaan; pembangunan dan insentif; dan komunikasi, pendidikan dan sokongan.

Teras pertama merangkumi inisiatif, antara lain, yang menggariskan dasar dengan definisi yang jelas untuk menambah bilangan wanita di lembaga pengarah, dan kajian dasar untuk mengesan pelantikan wanita di lembaga pengarah yang telah disasarkan akan mencecah 30 peratus menjelang tahun 2016. Teras pembangunan dan insentif meliputi program pembangunan dan penempatan untuk wanita serta insentif cukai, sementara teras ketiga pula menyarankan satu modul wajib dan pembelajaran berasaskan pengalaman untuk pengarah wanita.



Rajah 13.16: Saranan daripada makmal mini dalam peningkatan bilangan wanita yang dilantik ke lembaga pengarah antara 27 Februari - 1 Mac 2013

Semenjak makmal mini tersebut diadakan, usaha terarah telah diambil untuk menggalakkan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan dan juga syarikat berkaitan Kerajaan untuk menambah bilangan wanita dalam jawatan pembuat keputusan.

Institut Pengupayaan Wanita NAM (NIEW) dengan kerjasama PEMANDU, telah memulakan satu kajian dasar bagi memahami situasi wanita yang dilantik ke lembaga pengarah bagi syarikat senaraian awam, dan membina satu pangkalan data untuk mengesan dan memantau prestasi mereka. Kajian yang siap pada akhir November 2013 itu telah memberikan saranan tambahan dan strategi yang perlu disusun untuk mencapai sasaran 30 peratus wanita yang berjawatan sebagai pembuat keputusan.

Langkah Seterusnya

Pada tahun 2014, selain meneruskan inisiatif yang digariskan di atas, SRI Pembangunan Modal Insan ini akan memberikan tumpuan untuk mentransformasikan landskap untuk pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT) dengan cara meningkatkan pemahaman orang ramai akan betapa pentingnya kemahiran TEVT di Malaysia, dan melaksanakan penyesuaian kemahiran pekerja agar sejajar dengan kehendak industri.

Sehubungan dengan itu, pelancaran portal iwant2b pada bulan Mac 2013 adalah satu langkah yang wajar. Portal ini berperanan sebagai satu platform untuk pelajar dan golongan lepasan sekolah meneroka peluang pengajian dalam bidang TEVT di institusi awam dan swasta, serta meninjau aliran kerjaya bagi pekerjaan yang melibatkan bidang vokasional dan teknikal. Portal tersebut boleh diakses melalui http://www.iwant2b.my.

Apa yang jelas, transformasi ke atas landskap TEVT akan direalisasikan menerusi pelaksanaan strategi melibatkan segenap aspek termasuklah penggabungan data yang diperoleh bagi mendapatkan gambaran jumlah kuantiti dan kualiti secara keseluruhan, pemuafakatan tentang isu yang perlu diselaraskan dan memupuk kecemerlangan, serta jalinan kerjasama sesama industri dalam bidang seperti kurikulum, kemudahan, pelatih dan latihan perantisan.

Pemangkin Perubahan

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

pengalaman bersama perkhidmatan awam



Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur
Ketua Setiausaha
KPWKM

Inisiatif di bawah SRI Pembangunan Modal Insan termasuklah, antara lain, pelibatan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk meneraju pemerkasaan peranan wanita dan meningkatkan jumlah pekerja wanita dalam tenaga kerja.

"Kerjasama antara pihak Kementerian dan pelbagai agensi dalam perkhidmatan awam begitu penting kerana usaha terhadap pemerkasaan peranan wanita melibatkan campur tangan yang merentas sektor.

"Kerjasama daripada semua pihak akan berupaya membantu Kerajaan untuk meningkatkan usaha dalam menangani isu yang membelenggu wanita lalu membolehkan potensi mereka dimanfaatkan sepenuhnya serta membuka ruang untuk mereka menyertai pembangunan ekonomi dan sosial negara dengan lebih efektif," ujar Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur, Ketua Setiausaha, KPWKM.

Selain itu, Kerajaan juga berhasrat untuk mempertingkat kualiti pekerja wanita dengan menambah jumlah wanita dalam jawatan pembuat keputusan. Bagi memastikan hasrat ini tercapai, Dato' Sri Dr. Noorul berkata bahawa adalah amat penting agar wanita diberikan peluang, persekitaran dan daya fikir yang bersesuaian bagi memastikan penyertaan wanita dalam pelbagai bidang untuk pembangunan negara.

Semua usaha tersebut kian terserlah dalam tahun-tahun kebelakangan semenjak pelancaran ETP. Kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja menunjukkan peningkatan mapan daripada 46.8 peratus pada 2010 kepada 56.4 peratus pada Suku Ketiga Tahun 20131.

Jelas Dato' Sri Dr. Noorul, pertumbuhan tersebut lahir daripada pelibatan menyeluruh oleh perkhidmatan awam, penubuhan baharu pusat asuhan kanak-kanak dan pendaftaran lebih banyak pusat-pusat asuhan kanak-kanak dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Semua usaha tersebut membolehkan wanita untuk kembali atau terus bekerja.

"Sebagai contoh, bagi tahun 2013, kami menyasarkan sejumlah 900 pusat asuhan kanak-kanak yang baru ditubuhkan atau didaftarkan yang mematuhi syarat dan kualiti di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak. Saya amat gembira untuk mengumumkan bahawa pada hujung tahun 2013, sejumlah 1,052 pusat asuhan kanak-kanak baharu sudah ditubuhkan atau didaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat," tambah Dato' Sri Dr. Noorul.

Walau bagaimanapun, menurut Dato' Sri Dr. Noorul, salah satu cabaran utama yang terpaksa diharungi oleh para pengendali adalah kesukaran untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan, sebelum membuka pusat asuhan kanak-kanak disebabkan mereka perlu mendapat keizinan daripada jiran-jiran di situ terlebih dahulu. Oleh hal yang demikian, perancangan untuk pembinaan taman perumahan yang baharu sewajarnya memasukkan kemudahan bagi pusat asuhan kanak-kanak, dan pemaju perumahan patut bertanggungjawab ke atas pembinaan pusat tersebut.

Latihan kepada sejumlah 501 wanita di bawah Program Pengarah Wanita pada 2013 juga merupakan pencapaian yang penting dalam inisiatif pemerkasaan peranan wanita di bawah SRI Pembangunan Modal Insan apabila berjaya melepasi sasaran awal KPWKM seramai 500 wanita. "Namun, cabaran kami yang paling besar adalah memastikan agar lebih ramai wanita dilantik ke lembaga pengarah dalam syarikat senaraian awam (PLC).


Cabaran ini menjadi lebih rumit disebabkan masalah sindrom *invisible women* yang wujud serta sikap sesetengah PLC yang teragak-agak untuk memberi peluang kepada wanita untuk memegang jawatan dalam lembaga pengarah." jelas Dato' Sri Dr. Noorul lagi.

Ketika ditanya tentang usaha selanjutnya untuk memantapkan pelaksanaan SRI Pembangunan Modal Insan, beliau memberitahu bahawa pendidikan awal kanak-kanak di negara ini harus dikaji dengan teliti kerana peranannya sudah terbukti dalam meningkatkan pembabitan wanita dalam tenaga kerja.

Hal ini demikian kerana model utama yang diguna pakai untuk pendidikan awal kanak-kanak di negara ini terbahagi kepada dua, iaitu model pusat asuhan bagi kanak-kanak di bawah empat tahun dan model tadika bagi kanak-kanak yang berumur antara empat hingga enam tahun. Kedua-dua model ini patut digabungkan bagi mempertingkatkan lagi pembangunan modal insan, iaitu dengan melengkapi diri wanita agar mereka mampu mengharungi cabaran dalam era 2020. Tambah Dato' Sri Dr. Noorul, pihak Kementerian akan menganjurkan bengkel bersama-sama dengan pihak berkepentingan untuk membincangkan perkara tersebut.

Walaupun begitu, beliau yakin bahawa pembabitan wanita akan meningkat, begitu juga kemahiran tenaga kerja wanita akan berkembang dan lebih ramai wanita bersedia memikul tanggungjawab sebagai pembuat keputusan, sama ada dalam sektor awam mahupun sektor swasta.

"Kini, sudah ramai yang menyedari bahawa pemerkasaan peranan wanita dan pengiktirafan bahawa wanita adalah setaraf dengan kaum lelaki di tempat kerja *(gender equality)* bukan hanya memanfaatkan wanita dan lelaki, malah ia penting untuk menggerakkan perniagaan. Perspektif yang sensitif terhadap wanita akan membantu syarikat-syarikat mendapatkan pekerja yang paling hebat, mengekalkan tenaga kerja mereka, memanfaatkan sumber manusia yang terbaik, meningkatkan produktiviti dan daya saing serta menaikkan imej syarikat itu pada mata umum. Sekiranya anjakan ini berlaku, kemungkinan besar kami akan menyasarkan lebih ramai wanita untuk memegang jawatan tertinggi di peringkat kepimpinan menjelang tahun 2020," ujar Dato' Sri Dr. Noorul mengakhiri wawancara.



LAPORAN TATACARA YANG DIPERSETUJUI OLEH PWC

KEPUTUSAN ETP 2013

Pengesahan oleh Pihak Ketiga Bebas

Dasar teras yang diterapkan dalam ETP ialah ketelusan dan kebertanggungjawaban, dan perkara ini dipaparkan dalam Laporan Tahunan 2013. Hala laju ETP yang diterbitkan pada bulan Oktober 2010 memperincikan langkah-langkah yang dilaksanakan dalam program transformasi. Dalam laporan ini, petunjuk prestasi utama tahun 2013 bagi setiap Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) diterbitkan dengan sepenuhnya dan menyenaraikan pencapaian-pencapaian yang dibandingkan dengan sasaran*.

PEMANDU telah berusaha untuk memastikan sistem pemarkahannya adalah telus dan ketat. Banyak masa dan tenaga telah diluangkan untuk mengesahkan kutipan data, tabulasi statistik dan keputusan adalah tepat.

PEMANDU telah melantik PricewaterhouseCoopers Malaysia (PwC), sebuah firma perkhidmatan profesional bebas untuk mengendalikan serangkaian Tatacara Yang Dipersetujui – pengujian dan tatacara yang tertentu untuk meninjau keputusan yang dilaporkan bagi Petunjuk Prestasi Utama dan projek-projek yang diumumkan. Tatacara Yang Dipersetujui ini diaplikasikan ke atas beberapa sampel yang diperoleh daripada setiap NKEA, SRI serta projek-projek yang diumumkan semasa laporan Kemas Kini Kemajuan. Pengiraan masing-masing juga diperiksa berdasarkan garis panduan dan formula yang dirumuskan pada asalnya di makmal NKEA dan ditentukan oleh PEMANDU.

Banyak masa dan tenaga telah diluangkan untuk mengesahkan pengumpulan data, tabulasi statistik dan keputusan adalah tepat

Selama pelaksanaan proses ini, hasil yang diperoleh daripada PwC menemukan beberapa pengecualian dalam sampel-sampel yang dipilih yang telah ditangani dan dicerminkan dalam Laporan Tahunan ini. PwC telah mengesahkan bahawa keputusan yang dilaporkan bagi sampel-sampel terpilih dalam Laporan Tahunan telah disahkan menurut Tatacara Yang Dipersetujui. PwC juga mengenal pasti peluang-peluang untuk menambah baik proses dan kualiti maklumat. PEMANDU bersama-sama Kementerian yang terbabit dan pihak berkepentingan daripada sektor swasta akan mengambil tindakan-tindakan preskriptif yang positif untuk menguatkuasakan pembaikan ini dalam tempoh 12 bulan yang akan datang.

** Pengecualian telah dibuat untuk sasaran yang memaparkan data yang sensitif pasaran. Dalam hal yang demikian, maklumat tersebut dirahsiakan atas permintaan pihak berkenaan.*

KAD SKOR ETP

Kaedah Pemarkahan bagi Petunjuk Prestasi Utama

Kad Skor ETP menilai tahap pencapaian bagi setiap Projek Permulaan yang diperoleh pada tahun sebelumnya dengan mengambil kira Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan. Pencapaian sebenar dan terkini diperlihatkan dalam laporan ini dalam tiga bentuk kaedah pemarkahan.

Ketiga-tiga kaedah berikut dirumuskan agar berupaya memberikan sebuah gambaran yang pragmatik ke atas peratusan pencapaian sebenar bagi KPI.

Kaedah 1 Pemarkahan dihitung dengan membandingkan secara ringkas sasaran tahun 2013 yang ditetapkan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata kesemua pemarkahan.

Kaedah 2 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah kurang daripada 100%, markah#2 diterima sebagai peratusan sebenar
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau melebihi 100%, markah #2 dihadkan kepada 100%. Keseluruhan pemarkahan komposit NKEA ialah purata bagi kesemua pemarkahan

Kaedah 3 Pemarkahan dihitung dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2013 dengan syarat tambahan:

- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau kurang daripada 50%, markah #3 ialah 0
- Jika pemarkahan adalah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, markah #3 ialah 0.5
- Jika pemarkahan adalah bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 ialah 1

Kaedah 1 dan 2

Pencapaian	Lampu Isyarat
90% dan ke atas	
51% - 89%	
50% dan ke bawah	

Kaedah 3

Pencapaian	Skor	Lampu Isyarat
100% dan ke atas	1	
51% - 99%	0.5	
50% dan ke bawah	0	

Pendekatan lampu isyarat adalah seperti yang tersebut di bawah



Sekiranya terdapat titik perpuluhan dalam pemarkahan tersebut, kad skor ini mengguna pakai mekanisme pembundaran. Keputusan KPI dengan titik perpuluhan antara 0.1 dan 0.4 peratus akan dibundarkan kepada nilai peratusan yang lebih rendah, sementara KPI dengan titik perpuluhan antara 0.5 dan 0.9 pula akan dibundarkan kepada nilai peratusan yang lebih tinggi.

SENARAI PROJEK PERMULAAN

Bil.	Projek Permulaan
	Greater Kuala Lumpur/Klang Valley
1	Menarik 100 Firma Paling Dinamik Dunia dalam Sektor Keutamaan
2	Menarik Tenaga Mahir Tempatan dan Luar Negara
3	Pengangkutan Kereta Api Berkelajuan Tinggi ke Singapura
4	Membina Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi Bandar yang Bersepadu
5	Memulihara Sungai Klang untuk Dijadikan Pusat Warisan dan Komersial
6	Penghijauan Kuala Lumpur
7	Membentuk Tempat dan Tarikan Ikonik
8	Mewujudkan Rangkaian Pejalan Kaki yang Menyeluruh
9	Membangunkan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal yang Cekap
	Minyak, Gas dan Tenaga
1	Mencergaskan Semula Telaga Sedia Ada Menerusi Pemerolehan Minyak Tertingkat (EOR)
2	Membangunkan Telaga-telaga Kecil Melalui Penyelesaian Berinovasi
3	Memperhebatkan Aktiviti Carigali
4	Membina Hab Pusat Penyimpanan dan Perdagangan Minyak Serantau
5	Membuka Permintaan Gas Premium Terpendam di Semenanjung Malaysia
6	Menggalakkan Pelaburan dalam Industri Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE)
7	Membawa Syarikat Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas Tempatan ke Pentas Global
8	Menarik minat MNC untuk menubuhkan Operasi di Malaysia dan Menjalankan Perkongsian dengan Firma Tempatan
9	Meningkatkan Kecekapan Tenaga
10	Membangunkan Kapasiti Tenaga Alternatif dan Tenaga Solar
11	Menggunakan Tenaga Nuklear untuk Penjanaan Kuasa
12	Memanfaatkan Potensi Hidroelektrik
13	Meningkatkan Output Petrokimia
	Perkhidmatan Kewangan
1	Mencergaskan Semula Pasaran Ekuiti Malaysia
2	Memperkukuh dan Memperluaskan Pasaran Bon
3	Mentransformasikan Institusi Kewangan Pembangunan (DFI)
4	Mewujudkan Ekosistem Pembayaran Bersepadu
5	Menginsuranskan Hampir Semua, Jika Tidak Semua, Penduduk Malaysia
6	Mempercepatkan Pertumbuhan Industri Pencen Swasta
7	Memesatkan Pertumbuhan Industri Pengurusan Kekayaan
8	Mempercepat dan Mengekalkan Industri Pengurusan Aset Penting

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

Bil.	Projek Permulaan
9	Melahirkan Jaguh Bank Serantau
10	Menjadi Hab Kewangan Global Islam yang Unggul
	Pemborongan dan Peruncitan
1	Meningkatkan Bilangan Kedai Format Besar
2	Pemodenan melalui Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR)
3	Membangunkan Pasar Komuniti (telah dipindahkan ke NKEA Pertanian pada tahun 2012)
4	Transformasi Bengkel Automotif
5	Membangunkan Bazar Makan
6	Membangunkan Gedung 1Malaysia
7	Menubuhkan Gedung Maya
8	Memudah Cara Peniaga Tempatan untuk Memperoleh Pegangan dalam Perniagaan Runcit Asing
9	Menjadikan Malaysia Negara Bebas Cukai
10	Membangunkan Pusat Peranginan Kesihatan
11	Menganjurkan Jualan Bersepadu 1Malaysia
12	Mentransformasikan KLIA Menjadi Hab Peruncitan
13	Membangunkan *Big Box Boulevards* (BBB)
	Minyak Sawit dan Getah
1	Mempercepatkan Penanaman Semula dan Penanaman Baharu Kelapa Sawit
2	Meningkatkan Hasil Buah Tandan Segar (BTS)
3	Meningkatkan Produktiviti Pekerja
4	Meningkatkan Kadar Pengekstrakan Minyak (OER)
5	Membangunkan Kemudahan Biogas di Kilang Minyak Sawit
6	Membangunkan Bahan Derivatif Oleo dan Bahan Kimia Berasaskan Bio Bernilai Tinggi
7	Pengkomersialan Biobahan Api Generasi Kedua
8	Mempercepatkan Pertumbuhan Produk Makanan dan Kesihatan dalam Segmen Hiliran
9.1	Meningkatkan Purata Produktiviti Nasional Getah Asli
9.2	Memastikan Kemampanan Industri Huluan Getah
9.3	Meningkatkan Ekuiti dalam Pasaran Sarung Tangan Getah Dunia kepada 65 peratus Menjelang Tahun 2020
9.4	Mengkomersialkan Ekoprena dan Pureprena (Getah Hijau)
	Pelancongan
1	Menempatkan Malaysia Sebagai Destinasi Beli-belah Bebas Cukai
2	Menjadikan Kawasan Bukit Bintang-Kuala Lumpur City Centre Sebagai Presint Beli-belah yang Meriah
3	Mewujudkan Ruang Perniagaan Premium di Malaysia
4	Memartabatkan Malaysia sebagai Hab Biodiversiti Global
5	Membangunkan Resort Ekosemula Jadi Bersepadu *(Eco-Nature Integrated Resort)*

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

Bil.	Projek Permulaan
6	Pelancongan Pelayaran Persiaran: Mewujudkan Straits Riviera
7	Menyasarkan Lebih Banyak Acara Antarabangsa
8	Zon Hiburan Khas (DEZ)
9a	Membangunkan Kepakaran Tempatan dan Pengawalseliaan Industri Spa yang Lebih Baik
9b	Pelancongan Golf
10	Memartabatkan Malaysia Sebagai Destinasi Pelancongan Perniagaan yang Utama
11	Meningkatkan Kesalinghubungan dengan Pasaran Utama Jarak Sederhana
12	Menambah Baik Kadar, Jenis dan Kualiti Hotel
	Elektrikal dan Elektronik
1	Pelaksanaan Strategi Pengguna Bestari untuk Fabrikasi Teknologi Matang
2	Membangunkan Pemasangan dan Pengujian Menggunakan Teknologi Pembungkusan Moden
3	Membangunkan Firma Reka Bentuk Litar Bersepadu
4	Menyokong Pertumbuhan Pengilang Substrat dan Industri Berkaitan
5	Meningkatkan Jumlah Pengeluar Silikon
6	Membangunkan Pengeluar Wafer dan Sel
7	Menambah Pengeluar Modul Solar
8	Membangunkan Operasi Bahagian Hadapan LED
9	Mengembangkan Pembungkusan dan Peralatan LED
10	Mewujudkan Juara Pencahayaan Keadaan Pepejal
11	Membina Hab Ujian dan Pengukuran
12	Mengembangkan Komunikasi Wayarles dan Pengecaman Frekuensi Radio (RFID)
13	Membangunkan Pembuatan Peralatan Automasi
14	Membangunkan Syarikat Transmisi dan Pengedaran
15	Membangunkan Pusat Pengeluaran Peralatan Elektrik Rumah dan Rangkaian Pengedaran Antarabangsa
16	Pembangunan *Balance of Systems* untuk Solar Fotovolta (PV)
17	Membangunkan Industri Sistem Tertanam
18	Memangkin Pembuatan Komponen Kenderaan Elektrik
19	Menyokong Perkhidmatan MRO Rel Serantau Melalui Pembuatan Komponen Elektrikal dan Elektronik
20	Memangkin Industri Melalui Nanoteknologi
	Perkhidmatan Perniagaan
1	Mengembangkan Perkhidmatan Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih Pesawat (MRO) dalam Industri Penerbangan
2	Membina Pihak Pembekal Perkhidmatan Perkongsian dan Penyumberan Luar yang Berdaya Saing di Peringkat Antarabangsa
3	Menempatkan Malaysia Sebagai Hab Pusat Data Bertaraf Dunia
4	Melonjakkan Industri Teknologi Hijau yang Dinamik

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

Bil.	Projek Permulaan
5	Membangunkan Perkhidmatan Kejuruteraan Pengkhususan Tinggi
6	Membangunkan Malaysia sebagai Hab Pembinaan dan Pembaikan Kapal
	Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi
1	Memupuk Kandungan Kreatif Malaysia
3	Menghubungkan 1Malaysia
4	Mewujudkan e-Pembelajaran untuk Pelajar dan Pekerja
5	Melancarkan e-Penjagaan Kesihatan
6	Memperdalamkan e-Kerajaan
7	Memastikan Jalur Lebar untuk Semua
8	Memperluas Jangkauan
9	Menawarkan Rangkaian Pintar
10	Memperluas Rangkaian Serantau
11	Jejak dan Kesan
	Pendidikan
1	Perluasan Pusat Penjagaan dan Pendidikan Awal (ECCE) Swasta
2	Penambahbaikan Latihan Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE)
3	Perluasan Sekolah Antarabangsa
4	Mengembangkan Latihan Guru Swasta
5	Perluasan Peruntukan Latihan Kemahiran Swasta
6	Mengembangkan Pengajian Jarak Jauh Antarabangsa
7	Membangunkan Kluster Disiplin Pendidikan Kewangan dan Perniagaan Islam
8	Membangunkan Kluster Disiplin Sains Kesihatan
9	Membangunkan Kluster Disiplin Kejuruteraan Termaju, Sains dan Inovasi
10	Membangunkan Kluster Disiplin Hospitaliti dan Pelancongan
11	Melancarkan EduCity@Iskandar
12	Meneraju Pendidikan Malaysia sebagai Jenama Antarabangsa
13	Memperkenalkan Perkongsian Awam-Swasta bagi Pendidikan Asas
14	Membangunkan Kluster Pembangunan Permainan Video
15	Penubuhan Kampus Cawangan Universiti Luar Negara
16	Penubuhan Institusi Pendidikan *Not-for-Profit*
17	Mentransformasikan Malaysia menjadi Hab Perakaunan Terulung
	Pertanian
1	Produk Herba Bernilai Tinggi
2	Mengembangkan Pengeluaran Sarang Burung Walit
3	Estet Pertanian Mini untuk Rumpai Laut
4	Penternakan Akuakultur Melalui Sistem Sangkar yang Bersepadu

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

Bil.	Projek Permulaan
5	Penternakan Lembu di Ladang Kelapa Sawit
6	Mereplikasi Model Penternakan Akuakultur yang Bersepadu untuk Menembusi Pasaran Udang Premium
7	Buah-buahan dan Sayur-sayuran untuk Pasaran Premium
8	Taman Pengeluaran Makanan
9	Penanaman Beras Wangi di Kawasan Bukan Jelapang Padi
10	Memperkukuh dan Menambah Baik Produktiviti Penanaman Padi di Kawasan MADA
11	Memperkukuh dan Menambah Baik Produktiviti Penanaman Padi di Kawasan Pengairan yang Lain
12	Sistem Fidlot Lembu
13	Membangunkan Kluster Tenusu
14	Membangunkan Industri Pembenihan
15	Menarik Penyertaan Syarikat Multinasional (MNC)
16	Usaha Sama Penternakan Lembu
17	Pasar Komuniti - PAKAR
	Penjagaan Kesihatan
1	Mewajibkan Insurans Kesihatan Swasta untuk Pekerja Asing
2	Mewujudkan Ekosistem yang Menyokong Pembangunan Penyelidikan Klinikal
3	Farmaseutikal Malaysia
4	Mencergaskan Semula Pelancongan Kesihatan
5	Mewujudkan Nexus Perkhidmatan Diagnostik
6	Membangunkan Metropolis Kesihatan: Sebuah Kampus Penjagaan Kesihatan dan Biosains Bertaraf Dunia
7	Mempertingkatkan Industri IVD di Malaysia
8	Mempamerkan Kebolehan Malaysia dalam Penghasilan Produk Teras Peranti Perubatan Pakai Buang (SUD)
9	Menjadi Hab untuk Pembuatan Kontrak Peranti Perubatan Bernilai Tinggi
10	Mewujudkan Peneraju Peranti Klinikal Malaysia
11	Penyelarasan Rantaian Bekalan Peralatan Perubatan
12	Hab Pembuatan Peranti Perubatan Bernilai Tinggi
13	Membangunkan Kluster Perkakasan dan Perabot Perubatan
14	Produk Rawatan Buah Pinggang
15	Perkhidmatan Kesihatan Bergerak
16	Institusi Penjagaan Orang-orang Tua
17	Kampung Persaraan

SENARAI
PELUANG PERNIAGAAN

Bil.	Peluang Perniagaan
	Greater Kuala Lumpur/Klang Valley
1	Menyemarakkan Putrajaya
2	Perumahan
3	Perkhidmatan Asas Pembetungan
	Minyak, Gas dan Tenaga
1	Penambahbaikan Proses
2	Pertumbuhan Ekonomi
	Perkhidmatan Kewangan
1	Perbankan Pelaburan
2	Segmen Lain Termasuk DFI
3	Perbankan Komersial
4	Insurans dan Takaful
5	Pengurusan Aset dan Pengurusan Kekayaan
6	Perbankan Islam
	Pemborongan dan Peruncitan
1	Pertumbuhan Organik
	Minyak Sawit dan Getah
1	Perkembangan Bank Tanah Perladangan
2	Pembangunan Aktiviti Hiliran Sedia Ada
3	Pembangunan Aktiviti Biodiesel Negara
	Pelancongan
1	Ruang Perniagaan Makanan dan Minuman
2	Pengangkutan Tempatan
3	Segmen Pengendali Lawatan

(bersambung)

(sambungan muka surat sebelum)

Bil.	Peluang Perniagaan
	Pekhidmatan Perniagaan
1	Syarikat Pembinaan Pelbagai Disiplin
2	Sektor Perakaunan
	Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi
1	Perkhidmatan Talian Tetap
2	Perkhidmatan Mudah Alih
3	Kurier, Pos dan Penyiaran
4	Operasi Serantau
	Pendidikan
1	Kluster Disiplin untuk Menyokong NKEA
2	Pusat Kecemerlangan dalam Pembelajaran Bahasa
	Pertanian
3	Penternakan Ikan Hiasan
4	Pengilangan Makanan untuk Akuakultur
5	Pusat Eksport Akuakultur
6	Industri Snek
7	Ternakan Ayam Kampung
8	Pertanian Cendawan Butang
10	Pelaburan Langsung Asing dalam Produk Herba
11	Industri Makanan Snek/Fasiliti Makanan Negara


GLOSARI ISTILAH

AAIM	Automotive After-sales Industry Malaysia
AAM	Persatuan Automobil Malaysia
AIM	Agensi Inovasi Malaysia
ACD	Asia Cooperation Dialogue
AeU	Asian e-Learning University
ASB	Amanah Saham Bumiputera
ATOM	Automotive Workshop Modernisation
AWLU	Asian Women's Leadership University
BB	Bukit Bintang
BBB	Big Box Boulevards
BCC	Juara Korporat Bumiputera
BLESS	Sistem Sokongan Pelesenan Perniagaan Elektronik
BNM	Bank Negara Malaysia - Bank Pusat Malaysia
BMI	Business Monitor International
BOs	Peluang Perniagaan
BPO	Penyumberan Luar Proses Perniagaan
BPR	Perekayasan Semula Proses Perniagaan
CAGR	Kadar Pertumbuhan Tahunan yang Dikompaunkan
CCI	Kandungan Komunikasi and Infrastruktur
CCAM	Persatuan Kandungan Kreatif Malaysia
CCIG	Gabungan Industri Kandungan Kreatif Malaysia
CCM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
CGI	Imej Janaan Komputer
CIF	Kos, Insurans dan Bayaran Pengangkutan
CMDV	Pusat Penemuan dan Ketepatan Penanda
CME	Chicago Mercantile Exchange
CMSA	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007
CNIIs	Infrastruktur Maklumat Negara Kritikal
COE	Pusat Kecemerlangan
CRC	Agensi Penarafan Kredit
CRM	Penyelidikan Klinikal Malaysia
CSL	Persaingan, Standard dan Liberalisasi
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur/Kuala Lumpur City Hall
DC	Pusat Data
DCA	Jabatan Penerbangan Awam
DESB	DreamEdge Sdn Bhd
DEZ	Zon Hiburan Khas
DMO	Pejabat Pengurusan Penghantaran
DoA	Jabatan Pertanian Malaysia
DoF	Jabatan Perikanan
DSN	Neksus Perkhidmatan Diagnostik
DVS	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
E&E	Elektrikal and Elektronik
E&P	Carigali dan Pengeluaran
EASA	Agensi Keselamatan Penerbangan Eropah
EBN	Sarang Burung Boleh Makan
ECCE	Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak
ECERDC	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur
EMGS	Perkhidmatan Pendidikan Global Malaysia
EOR	Pemulihan Minyak Tertingkat
EPF	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
EPMS	Sistem Pengurusan Prestasi Tenaga
EPPs	Projek Permulaan
EPU	Unit Perancang Ekonomi
ETF	Dana Dagangan Bursa
ETP	Program Transformasi Ekonomi
EXIM	Export and Import Bank of Malaysia Bhd
F&B	Makanan dan Minuman
F1	Formula 1
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FCPO	Crude Palm Oil Futures
FDI	Pelaburan Langsung Asing
Felda	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FFBs	Buah Tandan Segar
FINAS	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
FiT	Tarif Galakan (Feed-in Tariff)
FRIM	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia
FRISB	Felda Rubber Industries Sdn Bhd
FTZ	Zon Perdagangan Bebas
GAP	Amalan Pertanian Baik
GASAC	Majlis Penasihat Piawaian bagi Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa
GBI	Indeks Bangunan Hijau
GDP	Keluaran Dalam Negara Kasar
GE	General Electric
GFMAS	Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan
GHIAL	GMR Hyderabad International Airport Limited
GIFT	Program Insentif Global untuk Perdagangan
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan
GLIC's	Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan
GMP	Amalan Pengilangan Baik
GNI	Pendapatan Negara Kasar
Greater KL/KV	Greater Kuala Lumpur/Klang Valley
GreenTech Malaysia	Green Technology Corporation
GST	Cukai Barangan dan Perkhidmatan
GTFS	Skim Pembiayaan Teknologi Hijau
GTP	Program Transformasi Kerajaan
HCD	Pembangunan Modal Insan
HDC	Perbadanan Pembangunan Halal
HDO	Pejabat Pembangunan Herba
HR	Sumber Manusia
IAGTO	Persatuan Pengendali Lawatan Golf Antarabangsa
IAOP	Persatuan Penyumberan Luar Profesional Antarabangsa
IBFIM	Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia
ICs	Litar Bersepadu
ICIFE	Majlis Pendidik Kewangan Islam Antarabangsa
ICON	Program Pembangunan Kandungan Bersepadu
ICT	Komunikasi Teknologi Maklumat
ICU	Unit Penyelarasan Pelaksanaan
IILM	Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa

IIUM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
ILMIA	Institut Maklumat dan Analisa Pasaran Buruh
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
INTI	INTI International University
IP	Harta Intelek
IPO	Tawaran Awam Awal
IRB	Lembaga Hasil dalam Negeri
IRDA	Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar
IT	Teknologi Maklumat
IVDs	Peranti Intravena
IWG	Kumpulan Kerja Industri
IZAQs	Model Zon Integrasi Akuakultur
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JCorp	Johor Corporation
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JV	Usaha Sama
KeTTHA	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
KLCC	Kuala Lumpur City Centre
KLIUC	Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur
KLK	KL Kepong
KLRCA	Pusat Penimbang Tara Serantau Kuala Lumpur
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KPJ	Kumpulan Perubatan Johor
KPO	Penyumberan Luar Proses Pengetahuan
KRS	Konsortium Rangkaian Serantau Sdn Bhd
KVMRT	MY Rapid Transit Lembah Klang
kWh	Kilowatt-jam
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LED	Diod Pemancar Cahaya
LPG	Gas Petroleum Cecair
LTE	Evolusi Jangka Panjang
MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
MAE	MAS Aerospace Engineering
MAHB	Malaysia Airport Holdings Bhd
MAMPU	Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
MAS	Malaysia Airlines
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Mbps	Megabit sesaat
MCMC	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MDCA	Perikatan Pusat data Malaysia
MDeC	Perbadanan Pembangunan Multimedia
MDTCC	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
MEF	Persekutuan Majikan Malaysia
MEPS	Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd
MGTA	Persatuan Pelancongan Golf Malaysia
MGTC	Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia
MHTC	Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia
MIA	Malaysian Institute of Accountants
MICE	Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran
MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MiGHT	Malaysian Industry-Government Group for High Technology
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MMBH	Hab Biodiversiti Mega Malaysia
MMHE	Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad
mmscfd	Juta Kaki Padu Standard Setiap Hari
mmstb	Juta Tong
MMU	Universiti Multimedia
MNC	Syarikat Multinasional
MNPC	Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia
MoA	Kementerian Pertanian
MoE	Kementerian Pendidikan
MoF	Kementerian Kewangan
MoH	Kementerian Kesihatan Malaysia
MoHR	Kementerian Sumber Manusia
MOSTI	Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi
MoU	Perjanjian Persefahaman
MoWFCD	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
MPAJ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MPC	Perbadanan Produktiviti Malaysia
MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
MPRC	Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia
MPS	Majlis Perbandaran Selayang
MPSAS	Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
MRB	Lembaga Getah Malaysia
MRO	Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih
MRT Corp	MRT Corporation Sdn Bhd
MRT	Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi
MS	Standard Malaysia
MTAB	Majlis Tindakan Agenda Bumiputera
MTAC	Malaysia Truly Asia Centre
mtpa	Juta tan setahun
mtpd	Metrik tan sehari
MyCC	Suruhanjaya Persaingan Malaysia
MyCEB	Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia
MyCenTHE	Pusat Pendidikan Pelancongan dan Hospitaliti
MyClear	Malaysia Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd
MyQuest	Sistem Pengukuran Kualiti dan Kesetaraan Kolej Swasta
NAPEI	Persatuan Institusi Pendidikan Swasta Kebangsaan
NAV	Nilai Aset Bersih
NCIA	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara
NEAC	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
NEM	Model Ekonomi Baru
NGO	Organisasi Bukan-Kerajaan
NHRC	Pusat Sumber Manusia Negara
NI-AIN	National Instruments Academy and Innovation Nucleus
NKEA	Bidang Ekonomi Utama Negara
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
NMIT	Institut Teknologi Maritim Belanda
NOSS	Standard Kemahiran Guna Tenaga Kebangsaan
NTDC	Pusat Rekabentuk Teknologi NCIA
NTEP	Program Peningkatan Bakat Negara
NUMed	Newcastle University Medicine Malaysia

NWCC	Majlis Perundangan Gaji Kebangsaan
OEM	Pembuatan Rekaan Tulen
OER	Kadar Ekstrak Minyak
OFSE	Perkhidmatan dan Peralatan Tenaga Minyak
OGE	Minyak, Gas dan Tenaga
OUM	Open University Malaysia
PAKAR	Pasar Komuniti
PCG	Petronas Chemical Group Berhad
PDS	Sekuriti Hutang Swasta
PEMUDAH	Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan
PIPC	Pengerang Integrated Petroleum Complex
PNB	Permodalan Nasional Berhad
POIC	Kluster Industri Minyak Sawit
POS	Titik Jualan
PPP	Kerjasama Awam-Swasta
PSC	Kontrak Pengeluaran Perkongsian
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
PV	Fotovoltan
RAPID	Pembangunan Bersepadu Petrokimia dan Loji Penapisan
REP	Returning Expert Programme
RGT	Terminal Penggasan Semula
RoL	Sungai Nadi Kehidupan
RP-T	Pas Residen - Bakat
SAM	Strand Aerospace Malaysia
SAMUR	Sabah Ammonia Urea
SC	Suruhanjaya Sekuriti
SEDA	Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari
SOCSO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
SPIKPA	Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing
SRI	Inisiatif Pembaharuan Strategik
SSL	Pencahayaan Keadaan Pepejal
TEVT	Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokaisional
TUKAR	Program Transformasi Kedai Runcit
TtT	Train-the-Trainer





Hak cipta © 2014

Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dokumen ini tidak dibenarkan untuk dihasilkan semula dalam apa bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, salinan foto, mekanikal, rakaman atau sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta.

Kenyataan: Walaupun perhatian yang munasabah telah diberikan dalam proses penyediaan dokumen ini, pihak PEMANDU tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa maklumat yang tidak tepat. Semua maklumat dan spesifikasi adalah benar pada masa dokumen ini disediakan dan ia tertakluk kepada perubahan apabila diperlukan.

UNIT PENGURUSAN PRESTASI DAN PELAKSANAAN (PEMANDU)

Jabatan Perdana Menteri, Aras 3, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya, Malaysia. Tel : +603 8872 7210 Faks : +603 8889 4428

www.pemandu.gov.my



Hakcipta Terpelihara © 2014 Edisi Pertama, Pencetakan Pertama 2014 **ISSN: 2232-1403**